



JUZU' KE-3

**SURAH
AALI- 'IMRAN**

SURAH
KE

3

سُورَةُ آلِ عِمْرَانَ

SURAH AALI 'IMRAN

Surah Keluarga Imran

(Madaniyyah)

JUMLAH
AYAT

200

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Al-Qur'an Ruh Da'wah

Al-Qur'an ialah kitab suci da'wah Islam. Al-Qur'an ruh da'wah dan penggerakannya. Al-Qur'an tiang seri da'wah dan asas kewujudannya. Al-Qur'an pengawal dan pemelihara da'wah. Al-Qur'an ialah pernyataan da'wah dan jurucakapnya. Al-Qur'an ialah perlembagaan da'wah dan sistemnya. Dan akhirnya Al-Qur'an ialah tempat rujukan da'wah dan darinya para penda'wah mengambil cara-cara bekerja dan bertindak, peraturan-peraturan bergerak dan bekalan di perjalanan.

Tetapi di sana akan terus wujud satu jurang pemisahan yang amat dalam di antara kita dengan Al-Qur'an selama kita tidak jelmakan dalam hati kita dan hadirkan dalam kefahaman kita bahawa Al-Qur'an adalah ditujukan kepada satu umat yang hidup dan mempunyai kewujudan yang haqiqi. Ia telah ditujukan kepada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di dalam realiti hidup umat ini. Ia telah ditujukan kepada kehidupan insanियah yang haqiqi di muka bumi ini. Ia telah mencetuskan satu perjuangan yang amat besar di dalam jiwa manusia dan dalam sebuah gelanggang di bumi ini, iaitu perjuangan yang menimbulkan berbagai-bagai perkembangan dan perubahan, berbagai-bagai emosi dan reaksi.

Dan di sana akan terus wujud sebuah dinding pemisah yang tebal di antara hati kita dengan Al-Qur'an selama kita membaca Al-Qur'an atau mendengar seolah-olah bacaan-bacaan ibadat yang membuat kita tersengguk-sengguk mengantuk, iaitu selaku bacaan-bacaan yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan realiti-realiti hidup setiap hari yang dihadapi oleh makhluk yang bernama insan dan umat yang bernama kaum Muslimin, sedangkan dahulunya ayat-ayat ini di turun untuk menghadapi manusia-manusia dan peristiwa-peristiwa yang hidup dan wujud di dalam realiti. Dan ayat-ayat ini telah pun membimbing dan mengarahkan manusia-manusia dan peristiwa-peristiwa di zaman itu dengan arahan dan bimbingan yang berpijak pada realiti dan aktif hingga dapat mewujudkan satu kewujudan yang mempunyai ciri-ciri istimewa dalam kehidupan manusia umumnya dan umat Muslimin khususnya.

Mu'jizat Al-Qur'an yang paling menonjol adalah terletak pada hakikat bahawa Al-Qur'an itu adalah di turunkan untuk menghadapi suatu peristiwa yang tertentu yang berlaku dalam hidup satu umat yang tertentu dalam satu zaman dari zaman-zaman sejarah yang tertentu. Dan Al-Qur'an telah membawa umat ini mengharungi satu perjuangan yang amat besar yang telah mengubah sejarah dan sejarah umat manusia seluruhnya. Namun demikian Al-Qur'an masih hidup dan masih mampu untuk menghadapi kehidupan moden hari ini, seolah-olah ia baru sahaja diturunkan sekarang ini untuk membimbing kelompok Muslimin menghadapi urusan-urusan kehidupan mereka yang sedang berlangsung ini, dan menghadapi perjuangan mereka menentang jahiliah yang wujud di sekeliling mereka, dan seterusnya menghadapi perjuangan mereka di dalam jiwa dan hati nurani mereka sendiri dengan semangat perjuangan yang sama hebat dan dengan realiti yang sama kukuh dengan perjuangannya di masa lampau.

Untuk mendapat daya kekuatan Al-Qur'an yang aktif dan memahami hakikat dinamisme yang tersembunyi di dalam Al-Qur'an serta menerima bimbingan-bimbingannya yang tersimpan untuk kelompok Muslimin di setiap zaman itu, kita harus mengenangkan dalam pemikiran kita kewujudan kelompok Muslimin pertama yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya, iaitu kewujudan mereka ketika mereka bergerak di dalam realiti hidup dan menghadapi peristiwa-peristiwa di Madinah dan di Semenanjung Tanah Arab umumnya, juga ketika mereka berurusan dengan musuh-musuh dan sahabat-sahabat mereka dan ketika mereka berjuang menentang desakan-desakan hawa nafsu mereka. Al-Qur'an diturunkan di waktu itu untuk menghadapi keadaan-keadaan ini semuanya. Al-Qur'an membimbing langkah-langkah mereka di bumi perjuangan yang agung, iaitu perjuangan dengan hati mereka sendiri yang terletak di antara dua lambung mereka dan perjuangan menentang musuh-musuh mereka yang menunggu di Madinah, di Makkah, di kawasan sekitar dan di belakang negeri-negeri itu.

Ya, kita mestilah hidup bersama kelompok Muslimin pertama dan memahami sifat-sifat kemanusiaan mereka yang sebenar, memahami realiti hidup mereka dan masalah-masalah kemanusiaan mereka. Kita mesti memerhatikan bagaimana Al-Qur'an memimpin mereka dengan pimpinan secara langsung dalam urusan-urusan seharian mereka dan matlamat-matlamat semesta mereka. Kita mesti melihat bagaimana Al-Qur'an memimpin tangan mereka

selangkah demi selangkah ketika mereka jatuh bangun, menyimpang dan berjalan betul, ketika mereka lemah dan bertahan, ketika mereka sakit dan bersabar. Mereka meningkat naik setangga demi setangga dengan lambat dan sulit, dengan sabar dan susah payah, di mana dapat di lihat dengan jelas segala ciri-ciri manusia, segala kelemahan manusia dan segala daya tenaga manusia.

Dan dari sinilah kita dapat merasa bahawa kita juga diperintah dengan Al-Qur'an ini sama seperti kelompok Muslimin yang pertama diperintahkan dengan Al-Qur'an, dan sifat-sifat kemanusiaan kita yang kita lihat, kita kenal dan kita rasakannya dengan segala ciri-cirinya juga mempunyai daya kemampuan untuk menyahuti seruan Al-Qur'an dan mengambil manfa'at dari kepimpinannya di jalan yang sama.

Dengan pandangan inilah kita akan melihat Al-Qur'an itu hidup dan bertindak aktif dalam kehidupan kelompok Muslimin yang pertama dan dapat bertindak aktif pula di dalam kehidupan kita sekarang. Dan kita akan merasa bahawa Al-Qur'an akan terus bersama kita pada hari ini dan pada hari esok. Kita akan insaf bahawa Al-Qur'an itu bukannya semata-mata bacaan ibadat yang membuat kita tersengguk-sengguk mengantuk dan membawa kita jauh dari realiti hidup kita yang tertentu. Begitu juga Al-Qur'an itu bukannya sebuah sejarah yang telah berlalu dan selesai, sebuah sejarah yang telah hilang keaktifannya dan hubungannya dengan kehidupan manusia.

Al-Qur'an adalah sebuah hakikat yang mempunyai kewujudan yang berterusan seperti kewujudan alam buana ini sendiri. Jika alam buana merupakan sebuah kitab Allah yang ditonton dan di lihat, maka Al-Qur'an merupakan sebuah kitab Allah yang ditatap dan dibaca. Kedua-duanya merupakan saksi dan dalil yang memperkenalkan Allah tuan punya alam buana atau Pemiliknya Yang Maha Pencipta. Begitu juga kedua-duanya adalah diwujudkan untuk bekerja dan bertindak. Jika alam buana dengan segala undang-undangnya masih terus bergerak dan menunaikan peranan yang telah ditetapkan oleh Allah Penciptanya, iaitu matahari masih terus beredar di falaknya atau di lingkaran kelilingnya dan menunaikan perannya. Bulan, bumi dan seluruh bintang dan planet juga masih terus menunaikan peranan masing-masing tanpa dihalangi oleh kelamaan masa dan kebaharuan peranan ini di dalam lingkungan alam buana, maka Al-Qur'an demikian juga telah menunaikan perannya kepada umat manusia dan ia masih berterusan seperti itu, manakala manusia juga masih terus seperti itu juga dari segi hakikat dan fitrahnya. Al-Qur'an ini ialah kalam Allah yang dihadapkan kepada manusia, iaitu kalam Allah yang tidak pernah berubah kerana manusia sendiri juga tidak pernah berubah menjadi satu makhluk yang lain walaupun keadaan dan suasana di sekelilingnya telah berubah begitu banyak dan walaupun begitu banyak manusia telah terpengaruh dan mempengaruhi

keadaan dan suasana itu. Al-Qur'an berbicara dengan manusia mengikut hakikat dan fitrahnya yang tidak pernah berubah dan bertukar dan Al-Qur'an masih mampu membimbing kehidupan manusia hari ini dan hari esok kerana Al-Qur'an memang selama-lamanya disediakan untuk maksud ini, kerana ianya kalam Allah yang terakhir, juga kerana tabi'at Al-Qur'an itu sama dengan tabi'at alam buana, iaitu tetap bergerak dan bertindak tanpa berubah-ubah.

Jika menjadi suatu kelucuan andainya ada orang yang berkata misalnya: Ini bintang lama "kolot" dan elok digantikan dengan bintang yang baru (progresif) atau manusia ini makhluk lama "kolot" eloklah ditukarkan dengan satu makhluk yang lain yang progresif untuk membangunkan bumi ini.

Jika kata-kata sedemikian menjadi suatu kelucuan, maka lebih lucu lagi, apabila kata-kata itu dikatakan kepada Al-Qur'an yang merupakan kalam Allah yang terakhir kepada umat manusia.

* * * * *

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Aali 'Imran Memuat Sebahagian Dari Kehidupan Kaum Muslimin Di Madinah

Surah ini menggambarkan sebahagian dari kehidupan kelompok Muslimin di Kota Madinah selepas Peperangan Badar di dalam tahun yang kedua Hijrah sehingga selepas Peperangan Uhud di dalam tahun yang ketiga serta keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang beraneka ragam yang melingkungi kehidupan itu dalam tempoh tersebut, juga menggambarkan pengaruh Al-Qur'an, di samping peristiwa-peristiwa itu, terhadap kehidupan itu dan interaksi Al-Qur'an dengan kehidupan itu di dalam berbagai-bagai bidang.

Ayat-ayat surah ini begitu kuat dan hidup membawa gambaran di zaman itu dan gambaran hidup yang dihayati oleh kelompok Muslimin juga membawa gambaran pertembungan-pertembungan dan suasana yang melingkungi kehidupan mereka. Ia membongkar rahsia-rahsia dan segala perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka yang membuat pembaca seolah-olah hidup di dalam peristiwa-peristiwa itu dan turut menghayati bersama umat muslimin yang mengharunginya dan berinteraksi dengannya. Dan jika seseorang itu memejamkan matanya mungkin ternampak kepadanya - sebagaimana ternampak kepada saya - rupa kelompok Muslimin sedang mundur-mandir dengan tanda-tanda mereka yang jelas di wajah mereka dan perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam hati nurani mereka, sedangkan di sekeliling mereka kelihatan musuh-musuh mereka sedang menunggu-nunggu untuk menyerang mereka, sedang sibuk menyebarkan fitnah-fitnah yang dusta dan kekeliruan-kekeliruan di kalangan mereka, sedang berdendam terhadap mereka dan bersatu padu menentang

mereka, sedangkan bertempur dengan mereka di medan Perang Uhud dan tewas di hadapan mereka, kemudian melakukan serangan balas dan membunuh sejumlah besar dari mereka, malah ternampak jelas segala apa yang berlaku di medan pertempuran itu dari harakat-harakat dan emosi-emosi serta sifat-sifat lahir yang menyertai gerak-geri mereka. Sedangkan Al-Qur'an di turun untuk menghadapi tipu daya itu, menghapuskan fitnah-fitnah dusta dan kekeliruan itu, meneguhkan hati (kelompok Muslimin) dan memimpin jiwa dan fikiran mereka, membuat ulasan terhadap sesuatu peristiwa dan mencungkilkan contoh teladan darinya, menegakkan kefahaman yang betul dan menghapuskan segala kesamaran, mengingatkan kelompok Muslimin dari musuh mereka yang licin dan tipu daya mereka yang jahat, memimpin langkah-langkah mereka yang berjalan di celah-celah duri, perangkap-perangkap dan jerat-jerat dengan kepimpinan yang mempunyai pengertian yang bijaksana terhadap fitrah manusia dan mengetahui segala apa yang tersembunyi di dalam dada mereka.

Di sebalik semuanya ini, bimbingan-bimbingan dan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam surah ini tetap tinggal bersih dan bebas dari segala ikatan zaman dan tempat, dan bebas dari ikatan keadaan dan suasana. Ia tetap tinggal bersih dan bebas menghadapi jiwa manusia dan menghadapi kelompok Muslimin pada hari ini dan esok, malah menghadapi seluruh umat manusia, seolah-olah ayat-ayat itu diturunkan di waktu ini kepada mereka dan berbicara dengan mereka mengenai urusan mereka sekarang atau menghadapi mereka dalam realiti yang ada pada masa ini, kerana ayat-ayat ini menyentuh berbagai-bagai urusan, peristiwa-peristiwa, perasaan-perasaan dan keadaan-keadaan jiwa yang seolah-olah diberi perhatian khas dalam penjelasan surah ini, malah ia secara pastinya telah mendapat perhatian istimewa dalam penilaian Allah yang amat mengetahui seluruh jiwa, seluruh benda dan seluruh urusan.

Dari sini ternyatalah bahawa Al-Qur'an ini adalah Al-Qur'an bagi da'wah Islam di mana-mana tempat dan zaman sekalipun. Ia merupakan perlembagaan umat muslimin di dalam mana-mana generasi dan kelompok sekalipun. Al-Qur'an merupakan pemandu dan petunjuk jalan di sepanjang abad. Ini ialah kerana Al-Qur'an itu merupakan kalam Allah yang terakhir yang ditujukan kepada manusia di seluruh zaman.

* * * * *

Kaum Muslimin Di Madinah

Pada masa ini kelompok Muslimin di Madinah telah mendapat kedudukan yang agak stabil di tanah air mereka yang baru di Madinatul-Rasul s.a.w. Mereka telah melangkah setapak lagi ke depan dari kedudukan mereka yang kami telah terangkan dalam Tafsir Fi Zilal ini di permulaan pentafsiran Surah al-Baqarah.

Peperangan Besar Badar telah pun berlaku dan Allah telah memberi kemenangan kepada kaum Muslimin dengan mengalahkan kaum Quraisy. Dan kemenangan ini dengan segala keadaan dan suasana yang melingkunginya memperlihatkan tanda-tanda mu'jizat yang mengagetkan. Oleh sebab itulah seorang tokoh seperti Abdullah ibn Ubay ibn Salul dari pembesar Khazraj terpaksa menepikan keangkuhan dan kebenciannya terhadap agama Islam dan Nabinya Muhammad s.a.w. Ia terpaksa memendamkan hasad dengki dan dendam kesumatnya terhadap Rasul yang mulia itu dan dia terpaksa menyertai barisan kelompok Muslim secara munafiq dan pura-pura seraya berkata: "Agama ini telah bertemu jalannya" yakni ia telah mendapat jalan lalunya yang tiada siapa lagi boleh menghalangnya.

Kemunculan Benih Nifaq Di Madinah

Inilah yang menyebabkan wujudnya benih nifaq di Madinah atau subur dan berkembangnya benih nifaq itu. Sebelum Peperangan Badar terdapat ramai orang yang berpura-pura menunjukkan Islam kepada keluarga-keluarga mereka yang telah memeluk Islam dan menyebabkan sekumpulan lelaki dan tokoh-tokoh yang mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat terpaksa berpura-pura menganut Islam dan menyertai barisan Muslimin, sedangkan dalam hati, mereka menyembunyikan perasaan dendam dan permusuhan terhadap Islam dan kaum Muslimin. Mereka sentiasa menunggu kesempatan untuk melakukan tindakan-tindakan yang merbahaya dan menyusahkan kaum Muslimin. Mereka sentiasa mencari-cari lubang-lubang untuk memecahkan barisan kaum Muslimin. Mereka menunggu-nunggu peristiwa-peristiwa yang dapat menggugat kekuatan kaum Muslimin atau menggoncangkan barisan mereka supaya mereka dapat meluahkan dendam kesumat yang terpendam di dalam dada mereka atau supaya mereka dapat memberi pukulan maut kepada kaum Muslimin jika mereka mampu.

Golongan Munafiqin ini mendapat sekutu-sekutu seperjuangan dalam kalangan kaum Yahudi yang telah menaruh dendam kesumat terhadap Islam dan kaum Muslimin juga terhadap Nabi s.a.w. sama seperti dendam yang dirasakan oleh kaum Munafiqin, malah lebih hebat lagi, kerana Islam telah menggugat dengan teruknya kedudukan kaum Yahudi di kalangan umat Arab yang ummi di Madinah. Islam telah menutup lubang-lubang yang selama ini digunakan mereka untuk melaga-lagakan di antara suku Aus dan Khazraj setelah mereka bersatu-padu sebagai saudara dengan ni'mat iman dari Allah dan setelah mereka berada di bawah naungan Islam dalam satu barisan yang kukuh.

Kaum Yahudi merasa kerongkong mereka bagai tercekik apabila kaum Muslimin memenangi Peperangan Badar. Dendam kesumat mereka semakin mendidih terhadap kaum Muslimin. Oleh itu mereka terus bertindak melakukan apa sahaja tipu daya yang mampu dilakukan mereka untuk menghancurkan barisan Islam, mencetuskan kegelisahan dan

kebingungan di kalangan orang-orang Islam, menyebarkan kekeliruan dan keraguan-keraguan di dalam agama dan jiwa mereka.

Di zaman ini juga berlakunya peristiwa Bani Qainuqa' menyebabkan perseteruan itu terus ketara dengan jelas walaupun di antara kaum Yahudi dan Nabi s.a.w. telah diadakan perjanjian-perjanjian selepas kedatangan beliau ke Madinah.

Begitu juga kaum Musyrikin begitu terkilan dengan kekalahan mereka di dalam Peperangan Badar. Mereka membuat seribu satu perhitungan terhadap kemenangan Muhammad s.a.w. dan khemah Muslimin di Madinah, dan bahaya yang mengancam perniagaan mereka, kedudukan dan kewujudan mereka. Oleh sebab itulah mereka bersiap sedia untuk menolak bahaya itu sebelum ia berkembang ke tahap yang tidak mungkin lagi dihapuskannya.

Ketika musuh-musuh kaum Muslimin berada di tahap permulaan kekuatan dan permulaan dendam kesumat mereka, maka barisan kaum Muslimin juga berada di tahap permulaan pertumbuhan mereka di Madinah dan belum lagi cukup selaras. Di dalam kalangan mereka terdapat tokoh-tokoh pilihan dari kaum Muhajirin dan kaum Ansar dan di dalam kalangan mereka terdapat orang-orang dan tokoh-tokoh yang belum matang lagi. Pada umumnya kaum Muslimin di waktu itu belum lagi mempunyai pengalaman-pengalaman yang sebenar hingga ke tahap yang dapat membetulkan segala yang tidak betul dan menjelaskan hakikat da'wah dan hakikat suasana-suasannya dan juga hakikat sistem amali da'wah dan tugas-tugasnya.

Kaum Munafiqin yang dikepalai oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul mempunyai kedudukan di dalam masyarakat. Hubungan kekeluargaan dan kesukuan mereka belum lagi terputus, sedangkan di dalam hati kaum Muslimin kesedaran belum lagi matang bahawa agama mereka itulah satu-satunya keluarga mereka, satu-satunya suku mereka dan satu-satunya tali perhubungan mereka. Oleh sebab itulah di sana terdapat hubungan yang longgar dan tidak padu di dalam barisan kaum Muslimin kerana adanya anasir-anasir Munafiqin dalam barisan mereka yang memberi kesan yang buruk kepada perjalanan mereka (sebagaimana dapat di lihat dalam peristiwa-peristiwa Perang Uhud ketika di tafsir ayat-ayat yang berkaitan dengannya di dalam surah ini).

Kaum Yahudi juga mempunyai kedudukan mereka di Kota Madinah. Mereka mempunyai hubungan ekonomi dan perjanjian dengan penduduk Madinah dan sikap perseteruan mereka belum lagi ketara di waktu itu. Hati kaum Muslimin belum lagi mempunyai kesedaran yang matang bahawa agama mereka itulah satu-satunya perjanjian dan satu-satunya tanah air dan satu-satunya asas hubungan dan perjanjian timbal balik. Mana-mana hubungan tidak boleh dikekalkan jika ia bertentangan dengan agama. Dari

sinilah kaum Yahudi mendapat peluang untuk membimbangkan, menimbulkan keraguan dan kegelisahan. Sementara dalam kelompok Muslimin pula terdapat orang-orang yang suka mendengar dan terpengaruh kepada di'ayah kaum Yahudi dan di sana juga terdapat orang-orang yang mempertahankan dan membela kaum Yahudi apabila Rasulullah s.a.w. hendak bertindak mengenakan peraturan-peraturan untuk menolak tipu daya mereka dari barisan kaum Muslimin (sebagaimana yang telah berlaku di dalam permohonan Abdullah ibn Ubay ibn Salul untuk menolong Bani Qainuqa' dan bagaimana dia berlaku kasar terhadap Rasulullah s.a.w.).

Dari satu segi yang lain, kaum Muslimin telah berjaya mencapai kemenangan yang sempurna dan gemilang di dalam Peperangan Badar dengan usaha dan pengorbanan yang kecil sahaja, di mana sekumpulan kecil orang-orang Islam keluar berjuang tanpa dibekalkan dengan alat kelengkapan perang kecuali sedikit sahaja dan mereka telah berdepan dengan angkatan Quraisy yang besar dan lengkap dengan alat senjata, tetapi dalam waktu yang singkat mereka telah mencapai kemenangan yang gemilang yang diberi pertolongan dari Allah.

Kemenangan di dalam peperangan yang pertama ini di mana tentera Allah bertarung dengan tentera syirik merupakan salah satu dari takdir-takdir yang diatur oleh Allah, yang mana kita dapat memahami sebahagian dari hikmatnya, iaitu mungkin untuk meneguhkan kedudukan da'wah yang masih muda itu, malah untuk meneguhkan kewujudannya yang sebenar di batu uji peperangan agar selepas itu ia dapat meneruskan perjalanannya.

Bagi kaum Muslimin pula mereka mungkin merasa di dalam hati mereka bahawa kemenangan itu merupakan suatu perkara tabi'i, kerana kemenangan pasti bersama mereka di semua peringkat perjuangan, sebab bukankah mereka kelompok Muslimin? Bukankah musuh-musuh mereka golongan kafir belaka? Jika demikian tentulah mereka berhak menerima kemenangan apabila orang-orang Islam berperang dengan orang-orang kafir.

Tetapi undang-undang Allah dalam urusan kemenangan dan kekalahan tidaklah semudah dan sebersahaja itu. Undang-undang itu memerlukan prasyarat-prasyaratnya, iaitu membentuk jiwa, membentuk barisan-barisan, menyediakan alat kelengkapan perang, mengikut sistem hidup Ilahi, mematuhi perintah dan peraturan, berwaspada terhadap keinginan-keinginan hati dan terhadap gerak langkah di medan perang. Inilah perkara-perkara yang mahu diajar oleh Allah kepada mereka apabila mereka tewas di dalam Peperangan Uhud sebagaimana dibentangkan oleh surah ini dengan pembentangan yang hidup dan memberi kesan yang mendalam. Di sana dinyatakan sebab-sebab kekalahan itu akibat dari tindak-tanduk setengah-setengah orang Islam di samping dikemukakan

kepada mereka pengajaran-pengajaran yang membina baik untuk diri mereka mahupun untuk barisan mereka.

Pelajaran Dari Peperangan Uhud

Apabila kita mengkaji Peperangan Uhud kita dapati bahawa kaum Muslimin yang diajar dengan pelajaran itu terpaksa menanggung kesusahan-kesusahan, kecederaan-kecederaan yang parah, keguguran para syuhada' yang amat sukar dicari ganti yang didahului oleh Hamzah r.a. malah mereka terpaksa menanggung kesedihan yang lebih dari semuanya itu, iaitu apabila mereka melihat Rasul mereka yang dikasihi telah mendapat luka-luka di dahinya, patah giginya, terjatuh di dalam lubang, dan terbenamnya cincin baju besi di pipi beliau s.a.w.. Ini adalah kemalangan yang tidak dapat dinilai dengan suatu apa pun di dalam hati kaum Muslimin.

Sebelum dikisahkan Peperangan Uhud dan peristiwa-peristiwanya di dalam surah ini lebih dahulu dikemukakan satu ruangan yang luas yang dipenuhi dengan berbagai-bagai arahan dan bimbingan untuk membersihkan kefahaman Islam dari segala kekotoran dan untuk menjelaskan hakikat tauhid dengan terang, juga untuk menjawab kekeliruan-kekeliruan yang telah ditabur oleh Ahlil-Kitab sama ada kekeliruan-kekeliruan yang lahir dari penyelewengan-penyelewengan mereka di dalam kepercayaan-kepercayaan agama mereka sendiri atau kekeliruan jahat yang sengaja disebarkan mereka di dalam barisan kaum Muslimin dengan tujuan untuk menggoncangkan 'aqidah mereka dan melemahkan barisan mereka di sebalik kelemahan 'aqidah itu.

Sebab-sebab Nuzul Ayat-ayat Bahagian Awal Surah Ini

Ada beberapa riwayat menyebut bahawa ayat 1 hingga 83 telah di turunkan mengenai dialog dengan rombongan Nasara Najran yang telah datang ke Madinah pada tahun yang ke Sembilan Hijrah. Kami tidak dapat menerima tahun yang ke sembilan itu sebagai masa turunnya ayat-ayat ini, kerana yang jelas dari tabi'at dan suasana ayat-ayat ini ia adalah di turunkan pada masa permulaan Hijrah, di mana jamaah Muslimin masih lagi baru dan di'ayah tipu daya kaum Yahudi dan lainnya memberi kesan yang kuat kepada diri dan perilaku mereka.

Sama ada riwayat yang mengatakan bahawa ayat-ayat ini diturunkan mengenai rombongan Najran itu sah atau tidak sah, namun yang jelas dari maudhu' yang dibicarakan ialah ayat-ayat ini sedang menghadapi kekeliruan-kekeliruan kaum Nasara terutama kekeliruan yang berkaitan dengan Isa a.s. di samping itu memperkatakan tentang 'aqidah tauhid yang tulen seperti yang dibawa oleh agama Islam, dan membetulkan penyelewengan, campur-aduk dan pemesongan yang menimpa kepercayaan-kepercayaan mereka, serta menyeru mereka kepada kebenaran yang tunggal yang terkandung di dalam kitab-kitab suci mereka yang sahih yang diakui oleh Al-Qur'an.

Tetapi bahagian ayat-ayat ini juga mengandungi singgungan-singgungan dan kecaman-kecaman terhadap kaum Yahudi dan amaran-amaran kepada kaum Muslimin dari tipu daya Ahlil-Kitab dan tiada Ahlil-Kitab yang lain yang memberi ancaman bahaya yang seperti ini selain dari kaum Yahudi yang hidup berjiran dengan mereka di Madinah.

Walau bagaimanapun bahagian ayat-ayat ini yang mengambil halaman kira-kira separuh surah ini adalah menggambarkan sebahagian dari pertarungan di antara 'aqidah Islamiyah dengan 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ia bukanlah suatu pertarungan dari segi teori semata-mata malah ia merupakan aspek teori dari pertarungan besar yang syamil di antara kelompok Muslimin yang masih muda dengan musuh-musuhnya yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk menceroahi mereka. Musuh-musuh itu bersiap sedia di sekeliling mereka dan menggunakan segala senjata dan segala sarannya untuk memerangi mereka. Senjata yang utama ialah gerakan menggoncangkan 'aqidah mereka dan gerakan ini pada hakikatnya merupakan satu pertarungan yang masih terus beryala sehingga sampai pada hari ini di antara umat muslimin dan musuh-musuhnya. Musuh-musuh itu adalah sama sahaja. Mereka terdiri dari golongan Mulhidin atau Atheis yang mengingkari kewujudan Allah, Zionisme Antarabangsa dan Kristian Antarabangsa.

Dari kajian ayat-ayat surah ini ternyata bahawa wasilah-wasilah dan matlamat-matlamat itu adalah tetap wasilah-wasilah dan matlamat-matlamat juga, dan ternyata bahawa Al-Qur'an ini ialah Al-Qur'an da'wah yang tetap menjadi tempat rujukan umat muslimin pada hari ini dan hari esok sebagaimana ia telah menjadi Al-Qur'an da'wah dan tempat umat Muslimin dalam pertumbuhan mereka yang pertama. Dan tiada Muslim yang enggan meminta nasihat dari Al-Qur'an dan menggunakannya sebagai rujukan di dalam pertarungan yang tercetus hari ini melainkan orang yang lemah akal fikirannya, yang menolak senjata yang menjamin kemenangan dalam perjuangan dan menipu diri sendiri atau menipu umat muslimin untuk memberi khidmat kepada musuh mereka yang lama dan baru dengan kelalaian yang bodoh atau pekerti yang jahat.

* * * * *

Pendirian Ahlil-Kitab Dan Arahan Al-Qur'an Untuk Menghadapi Mereka

Di tengah-tengah perdebatan, tayangan dan arahan dalam bahagian pertama surah ini, ketaralah perbezaan pendirian di antara Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari kitab suci mereka dengan kelompok Muslimin dan agama yang baru itu. Ini dapat dilihat dalam ayat-ayat yang seperti berikut:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ
هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي

قُلُوبِهِمْ رَيِّعٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ
وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۗ

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepadamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayat yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilannya....." (7)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِنَ الْكِتَابِ يُدْعُونَ
إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّى فَرِيقٌ مِنْهُمْ
وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٧٣﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya ia mengadili di antara mereka, kemudian segolongan dari mereka berpaling darinya dan mereka sentiasa membelakangi (kebenaran)." (23)

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تُحَاجُّونَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أُنزِلَتْ
التَّوْرَةُ وَالْإِنْجِيلُ إِلَّا مِنْ بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٥﴾

"Katakanlah! Wahai Ahlil-Kitab: Mengapakah kamu berbantah-bantah tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil itu tidak diturunkan melainkan selepas Ibrahim. Apakah tidak kamu berfikir." (65)

وَدَّتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ

"Segolongan dari Ahlil-Kitab ingin andainya mereka dapat menyesatkan kamu." (69)

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَأَنْتُمْ
تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَلْسُونَهُ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُونَ
الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧١﴾

وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَأَمِنُوا بِالَّذِي
أُنزِلَ عَلَى الَّذِينَ ءَأَمِنُوا وَجَهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا ءَأَخْرَهُ

لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Wahai Ahlil-Kitab: Mengapakah kamu ingkarkan ayat Allah, sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya)" (70). "Wahai Ahlil-Kitab: Mengapakah kamu mengelirukan kebenaran dengan kebatilan dan menyembunyikan kebenaran, sedangkan kamu mengetahui?" (71). "Segolongan Ahlil-Kitab berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-

Qur'an yang diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di pagi hari dan ingkarkannya pula di petang hari supaya mereka (orang-orang yang beriman itu) kembali (kepada kekafiran)." (72)

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada mereka yang mengikut agama kamu." (73)

وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأَمَّنْهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ
إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ
عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Di antara mereka, Ahlil-Kitab, ada orang yang jika engkau amanahkan kepadanya satu dinar nescaya ia tidak mengembalikannya kepadamu kecuali engkau terus berdiri menuntutnya. Yang demikian kerana mereka berkata: Tidak ada apa-apa dosa di atas kami terhadap orang-orang (Arab) yang ummi. Dan mereka berkata dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui." (75)

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلُودُونَ أَسْنَتَهُمْ بِالْكِتَابِ
لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ
وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan di antara mereka (Ahlil-Kitab) ada sekumpulan yang memutar-mutarkan lidah mereka membaca al-kitab supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari al-kitab, sedangkan ininya bukan dari al-kitab dan mereka berkata: 'Ia dari sisi Allah. Sedangkan ininya bukan dari sisi Allah. Mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui.'" (78)

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ
شَهِيدٌ عَلَى مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapa kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu." (98)

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ
مَنْ ءَأَمَنَ تَبِعُونَهَا عِوَجًا وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ وَمَا اللَّهُ
بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu menghalang mereka yang beriman dari jalan Allah. Kamu hendak menjadikannya jalan itu bengkok, sedangkan kamu menyaksikannya?" (99)

هَآأْتُمْ أَؤْلَآءَ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
بِآلْكِتَابِ كُؤْلِهِمْ وَإِذَا الْقُؤْمُكُمُ قَالُوا ءَأَمِنَّا وَإِذَا خَلَوْا
عَضُّوْا عَلَیْكُمْ ءَأَلْنَآ مِلَّ مِنَ الْغَیْظِ

"Beginilah kamu sekalian kasih kepada mereka, sedangkan mereka tidak kasih kepada kamu dan kamu sekalian percaya kepada kitab-kitab suci semuanya. Dan apabila mereka menemui kamu mereka berkata: Kami juga telah beriman dan apabila mereka bersendirian mereka menggigit jari-jari mereka kerana terlalu marah terhadap kamu." (119)

إِن تَمَسَّكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوا بِهَا

"Jika kamu mendapat sesuatu kebaikan mereka merasa susah hati dan jika kamu di timpa sesuatu keburukan mereka bergembira dengannya." (120)

Demikianlah kita melihat musuh-musuh kaum Muslimin (di masa itu) bukan sahaja memerangi mereka di medan perang dengan pedang dan panah, dan bukan sahaja mengemblemkan musuh-musuh untuk memerangi mereka dengan kekuatan mata pedang dan lembing, malah musuh-musuh itu memerangi mereka mula-mulanya dengan menyerang 'aqidah mereka, iaitu dengan menyebarkan keraguan dan kekeliruan dan mengaturkan berbagai-bagai tipu muslihat. Mula-mula mereka bertindak menggugat

'Aqidah-'aqidah keimanan kaum Muslimin yang melahirkan syakhsiyah dan kewujudan mereka. Mereka bekerja keras meruntuh dan melemahkan 'aqidah keimanan itu kerana mereka sedar - begitu juga di zaman ini mereka sedar - bahawa umat muslimin tidak boleh digugat kecuali dari pintu 'aqidah ini. Mereka tidak akan lemah kecuali 'aqidah mereka telah lemah dan mereka tidak akan tewas kecuali sesudah jiwa mereka tewas. Musuh-musuh mereka tidak akan berjaya menggugat mereka selama mana mereka berpegang teguh dengan tali keimanan mereka, selama mana mereka tetap bersandar di tiang keimanan, tetap berjalan di jalan keimanan, tetap mengibarkan panji-panji keimanan, tetap berada dalam kumpulan keimanan, tetap menghubungkan diri mereka kepada keimanan dan berbangga dengan hubungan keimanan sahaja.

Dari sini ternyatalah bahawa musuh yang paling besar kepada umat muslimin ialah musuh yang berusaha melalaikan mereka dari 'aqidah keimanan mereka, memesongkan mereka dari sistem dan cara hidup yang diatur oleh Allah dan mengelirukan mereka dari hakikat musuh-musuh mereka yang sebenar dan matlamat-matlamat mereka yang jauh.

Pertarungan di antara umat muslimin dengan musuh-musuh mereka - sebelum segala pertarungan yang lain - ialah pertarungan 'aqidah kerana dalam

perjuangan-perjuangan menakluki bumi, menguasai hasil mahsul ekonomi dan bahan-bahan mentah yang dirancang oleh musuh-musuh terhadap mereka, maka langkah pertama yang diusahakan mereka ialah mengalahkan umat muslimin di bidang 'aqidah, kerana mereka mengetahui dari pengalaman mereka yang lama bahawa mereka tidak akan berjaya mencapai apa yang dikehendaki mereka selagi umat muslimin berpegang teguh dengan 'aqidah mereka, mematuhi sistem hidup mereka dan menyedari tipu helah musuh-musuh mereka. Oleh sebab itulah musuh-musuh dan agen-agen mereka bekerja keras untuk mengelirukan umat muslimin dari hakikat perjuangan (yang dilancarkan mereka) supaya mereka berjaya mencapai segala apa yang dikehendaki mereka untuk menjajah dan memerah umat muslimin, sedangkan mereka aman dari kekuatan 'aqidah yang tertanam di dalam dada mereka.

Apabila cara-cara tipu daya untuk menggugat, menabur keraguan dan melemahkan 'aqidah Islam itu meningkat maju, maka musuh-musuh kaum Muslimin akan menggunakan cara-cara baru yang maju ini untuk mencapai matlamat yang lama:

وَدَّتْ طَآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ

"Segolongan dari Ahlil-Kitab ingin andainya mereka dapat menyesatkan kamu." (69)

Inilah matlamat tetap yang terpendam dalam hati mereka.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an dari awal-awal lagi menolak senjata yang beracun ini. Ia mendesak kaum Muslimin supaya berdiri teguh di atas kebenaran yang dipegang oleh mereka dan menolak segala kekeliruan dan keraguan yang ditabur oleh Ahlil-Kitab. Ia menjelaskan hakikat agung yang dibawa oleh agama ini. Ia meyakinkan kaum Muslimin terhadap hakikat dan nilai mereka di muka bumi ini, juga terhadap peranan mereka dan peranan 'aqidah yang dibawa oleh mereka di dalam sejarah umat manusia.

Al-Qur'an sentiasa memberi amaran (kepada kaum Muslimin) dari tipu daya musuh-musuh mereka dan mendedahkan niat-niat jahat mereka yang tersembunyi, cara-cara mereka yang kotor, matlamat-matlamat mereka yang merbahaya dan hasad dengki mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin kerana mereka sahaja yang memperolehi limpah kurnia yang agung ini.

Al-Qur'an menjelaskan kepada kaum Muslimin hakikat kekuatan-kekuatan dan nilai nilainya di alam al-wujud ini. Ia menerangkan kepada mereka betapa kerdil dan hinanya musuh-musuh mereka di sisi Allah, betapa sesat dan kafirnya mereka terhadap apa yang diturunkan Allah kepada mereka dan betapa kejarnya mereka membunuh Nabi-Nabi mereka. Dan di samping itu Al-Qur'an menegaskan bahawa Allah tetap bersama kaum Muslimin, iaitu Allah yang memiliki kerajaan alam buana, yang menentukan kemuliaan dan kehinaan, Yang Maha Esa dan tanpa

sekutu, juga menegaskan bahawa Allah akan menghukum orang-orang kafir (yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang Yahudi) dengan 'azab ke seksaan sebagaimana Dia telah menghukumkan kaum Musyrikin di dalam Peperangan Badar baru-baru ini.

Arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan ini terkandung di dalam ayat-ayat seperti berikut:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir".(2)

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ

التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٣﴾

"Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil".(3)

مِن قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا

بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو

الْقِسَامِ ﴿٤﴾

"Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperoleh 'azab yang amat berat. Dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan pembalasan".(4)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي

السَّمَاءِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya suatu apa pun di bumi dan tidak pula di langit".(5)

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ نَعْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا

أَوْلَادُهُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا وَأُولَئِكَ هُمُ وَقُودُ النَّارِ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun dan mereka adalah bahan-bahan bakar api Neraka".(10)

كَذَّابٍ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَذَّبُوا

بِآيَاتِنَا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿١١﴾

"Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka, mereka mendustakan ayat-ayat Kami lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Allah itu amat berat hukuman-Nya".(11)

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ

إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan di kalahkan dan dikumpulkan ke dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman".(12)

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئَتَيْنِ الْتَقَتَا فِئَةٌ

تَقْتُلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم

مِثْلَيْهِمْ رَأَىٰ الْعَيْنُ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِ مَن

يَشَاءُ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي

الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya di dalam peristiwa itu satu pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati".(13)

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ

أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِن بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ

بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَن يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ

سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya agama (yang direndhai) di sisi Allah itu ialah agama Islam dan orang-orang yang dikurniakan kitab itu tidak berselisih melainkan setelah datang kepada mereka ilmu pengetahuan (yang cukup) kerana hasad dengki di kalangan mereka. Dan barang siapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisabnya".(19)

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ

فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka tidak akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak ia tergolong di dalam golongan orang-orang yang rugi".(85)

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَن تَشَاءُ

وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعْزُزُ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ

مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢١﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki kerajaan alam buana! Engkaulah yang mengurniakan kerajaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kerajaan dari mereka yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki, di tangan Engkaulah terletaklah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu." (26)

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَةً وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai hubungan dengan Allah pada suatu apa pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali." (28)

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya orang yang paling dekat dengan Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutnya dan Nabi (Muhammad) serta orang-orang yang beriman dan Allah itu pelindung para Mu'minin." (68)

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah. Sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi menyerah diri kepada-Nya dengan sukarela dan terpaksa dan kepada-Nya mereka dikembalikan." (83)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ تَطِيعُوا فَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikut sekumpulan orang-orang yang dikurniakan kitab nescaya mereka mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir setelah kamu beriman." (100)

وَكَيفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ وَمَنْ يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَدِ هَدَىٰ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١١١﴾

"Dan bagaimana kamu tergamak menjadi kafir, sedangkan ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu dan Rasul-Nya juga berada dalam kalangan kamu. Sesiapa yang berpegang

teguh dengan (agama) Allah, maka sesungguhnya dia telah diberi hidayat ke jalan yang lurus." (101)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu sekalian dalam keadaan beragama Islam." (102)

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١١٣﴾

"Dan berpeganglah kamu sekalian pada tali Allah (Al-Qur'an) dan janganlah kamu berpecah-belah. Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu dahulu bermusuhan-musuhan satu sama lain, lalu Allah menjinakkan di antara hati kamu dan jadilah kamu dengan ni'mat-Nya itu sebagai orang-orang yang bersaudara, dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat." (103)

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh melakukan kebajikan dan melarang melakukan kejahatan dan kamu beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli-Kitab itu beriman tentulah lebih baik kepada mereka, di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang menyeleweng." (110)

لَنْ يَضُرُّوكُمْ إِلَّا أَذًى ط وَإِنْ يُقَاتِلُوكُمْ يُؤَلُّوكُمْ الْأَدْبَارُ ثُمَّ لَا يَنْصُرُونَ ﴿١١١﴾

"Mereka tidak akan dapat memudharatkan kamu selain dari gangguan (kecil) sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu nescaya mereka melarikan diri kemudian mereka tidak akan diberi pertolongan." (111)

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا تَقِفُوا إِلَّا بِحَبْلِ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِنَ النَّاسِ وَبَاءُ وَبِغْضِبٍ مِنَ اللَّهِ

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا
يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٦﴾

"Mereka tetap ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada kecuali mereka berpegang pada tali dari Allah dan tali (perjanjian damai) dengan manusia. Dan mereka kembali dengan kemurkaan dari Allah. Mereka tetap di timpa kecelakaan. Yang demikian kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh Nabi-Nabi tanpa alasan yang benar. Yang demikian kerana mereka telah menderhaka dan melampaui batas." (112)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةَ مَنْ دُونَكُمْ
لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تَخْفَى صُدُورُهُمْ
أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٧﴾

"Wahai orang-orang Yang beriman! Janganlah kamu mengambil mereka yang luar daripada golongan kamu sebagai orang-orang kepercayaan (kerana) mereka tidak akan berhenti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka inginkan segala sesuatu yang boleh menyusahkan kamu. Sesungguhnya kebencian mereka telah ketara dengan jelasnya dari mulut mereka dan kebencian yang disembunyikan di dalam dada mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kamu jika kamu benar-benar berfikir." (118)

هَآأَنْتُمْ أَوْلَاءُ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا الْقُوكُمْ قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَوْا
عَضُّوْا عَلَیْكُمْ أَلَا أَنْتَ مَلَمِنَ الْغَیْظِ قُلْ مُوتُوا
بِغَیْظِكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١١٩﴾

"Beginilah kamu sekalian kasih kepada mereka, sedangkan mereka tidak kasih kepada kamu dan kamu sekalian percaya kepada kitab-kitab suci semuanya dan apabila mereka menemui kamu mereka berkata: Kami juga telah beriman dan apabila mereka bersendirian mereka menggigit jari-jari mereka kerana terlalu marah terhadap kamu. Katakanlah: 'Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada.'" (119)

إِنْ تَمَسَّكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِنْ تُصِيبْكُمْ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوا بِهَا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَاتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ
شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

"Jika kamu mendapat sesuatu kebaikan mereka merasa susah hati dan jika kamu di timpa sesuatu keburukan mereka bergembira dengannya. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka tipu daya mereka tidak dapat memudharatkan kamu sedikit pun. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa dilakukan kamu." (120)

Dari seruan-seruan yang panjang ini, yang kami telah petikkan ayat-ayat ini darinya dan dari keragaman arahan, bimbingan dan ajaran-ajarannya, ternyatalah kepada kita beberapa hakikat yang penting:

Pertama: Wujudnya usaha-usaha yang amat besar yang dicurahkan oleh Ahlii-Kitab di Madinah dan lainnya dan bagaimana mendalamnya tipu daya mereka dan keragaman cara-caranya dan bagaimana mereka menggunakan segala sarana untuk menggoncangkan 'aqidah (kaum Muslimin) dan seterusnya menggugatkan barisan mereka.

Kedua: Wujudnya kesan-kesan yang besar yang ditinggalkan oleh usaha-usaha mereka di dalam hati kaum Muslimin dan di dalam kehidupan masyarakat Islam. Inilah yang memerlukan kepada penerangan ilahi yang panjang lebar yang disampaikan dengan berbagai gaya dan uslub.

Ketiga: ialah hakikat yang kita dapat perhatikan pada hari ini di sebalik abad-abad silam yang panjang. Di antaranya ialah musuh-musuh Islam (Ahlii-Kitab) itulah yang terus memburu da'wah Islam dan para penda'wah di seluruh dunia. Merekalah musuh-musuh yang dihadapi oleh agama Islam dan para penganutnya. Oleh sebab itulah Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui menghendaki agar ditegakkan obor dan penyuluh yang besar yang jauh suaran cahayanya itu supaya dapat di lihat oleh generasi-generasi kaum Muslimin agar dengan suluhannya yang kuat, jelas dan terpusat itu dapat mendedahkan musuh-musuh tradisional umat muslimin dan agama Islam ini.

* * * * *

Bahagian yang kedua dari surah ini khusus memperkatakan tentang Peperangan Uhud, juga mengandungi penjelasan-penjelasan mengenai hakikat-hakikat kefahaman Islam dan 'aqidah keimanan dan arahan-arahan membangunkan kelompok Muslimin di atas asas hakikat-hakikat itu di samping menayangkan peristiwa-peristiwa, fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan dengan tayangan yang menjelaskan kedudukan kelompok Muslimin pada masa itu dengan berbagai-bagai sektor yang telah disinggungkan di awal pendahuluan ini.

Hubungan bahagian ini dengan bahagian pertama surah ini boleh di lihat dengan jelas. Ia menjelaskan proses pembinaan kefahaman Islam di medan pertempuran ketika besi masih panas di samping menjelaskan proses menegakkan kelompok Muslimin ini di atas taklif-taklif yang diwajibkan ke atas penda'wah-penda'wah agama yang benar di bumi

serta mengajar kepada mereka tentang undang-undang Allah di dalam kemenangan dan kekalahan. Ia mendidik mereka dengan bimbingan-bimbingan Al-Qur'an di samping mendidik mereka dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Sesungguhnya sukar untuk membicarakan di sini dengan huraian yang sepenuhnya tentang sifat-sifat bahagian yang kedua ini, isi kandungannya dan nilainya dalam pembinaan 'aqidah dan pembinaan kelompok Muslimin. Oleh sebab keseluruhan bahagian ini termuat dalam juzu' yang keempat, maka marilah kita tangguhkan pembicaraannya sehingga sampai kepada juzu' itu insya'Allah.

Apabila kita teruskan perjalanan sehingga akhir surah ini selepas pembicaraan Peperangan Uhud - kita dapati ia mengintisarikan persoalan-persoalan asasi yang dibicarakannya. Mula-mula ia mengemukakan satu isyarat yang menarik mengenai pembuktian alam buana selaku kitab Allah yang dipandang dengan mata dan sarana-sarannya kepada hati para Mu'minin. Ia menyebut sebuah do'a yang lemah-lembut yang terbit dari hati dengan bersaksikan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat dalam kitab alam yang terbuka:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾
 الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
 وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا
 مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾
 رَبَّنَا إِنَّكَ مَن تَدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَجْتَهُ وَمَا
 لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿١٩٢﴾
 رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلإِيمَنِ أَنْ
 ءَامِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ
 عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَقَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾
 رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ
 الْقِيَمَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti bagi orang-orang yang berakal(190). Iaitu orang-orang yang mengingati Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka. Dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata kaget) wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau jadikan semuanya ini sia-sia

sahaja. Maha sucilah Engkau, dan perliharalah kami dari 'azab Neraka(191). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka, maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim itu sekali-kali tidak mempunyai penolong-penolong(192). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru (Rasul) yang menyeru kepada keimanan: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu' lalu kami pun beriman. Oleh itu wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan wafatkan kami bersama-sama orang-orang yang berbakti(193). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui rasul-rasul Engkau dan janganlah Engkau hampakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

Do'a ini menggambarkan kebersihan pemikiran dan kejelasan kefahaman, juga menggambarkan kekhusyu'kan dan ketaqwaannya.

Kemudian datang ayat Istijabah Allah S.W.T. memperkenankan do'a itu dan di sana ia menyebut tentang hijrah, jihad dan penindasan kerana agama Allah:

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ
 مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ فَالَّذِينَ
 هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي
 وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ
 وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
 ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

"Lalu Tuhan mereka memperkenankan permohonan mereka: "Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan sebarang amalan yang dilakukan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) saling melahirkan satu sama lain. Oleh itu orang-orang yang berhijrah dan diusir keluar dari kampung halaman mereka dan orang-orang yang ditindas kerana agama Ku, dan orang-orang yang berperang dan dibunuh maka Aku hapuskan dosa-dosa mereka dan Aku masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai sebagai balasan dari sisi Allah dan Allah itu tersedia di sisi-Nya balasan yang baik."(195)

Di dalam ayat ini terdapat isyarat dan hubungan dengan Peperangan Uhud, kejadian-kejadiannya dan kesan-kesannya.

Kemudian ia menyebut Ahlil-Kitab yang telah dibicarakan sepenuhnya oleh bahagian yang pertama untuk mengingatkan kepada kaum Muslimin bahawa kebenaran yang ada di tangan mereka tidaklah di ingkarkan oleh seluruh Ahlil-Kitab, kerana di antara mereka ada yang beriman dan mengakui kebenarannya:

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا

أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِمْ خَشَعِينَ لِلَّهِ لَا
يَشْتَرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا

"Dan sesungguhnya di antara Ahli-Kitab terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan kepada mereka, sedangkan mereka merendahkan diri kepada Allah dan mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit." (199)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu seruan mengajak orang-orang Islam -dengan sifat keimanan mereka - supaya bersabar, tabah dalam perjuangan dan mengawal perbatasan-perbatasan dan bertakwa:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا
وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah, tabahlah (dalam perjuangan) dan berkawallah (di perbatasan-perbatasan) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan." (200)

Inilah pengakhiran yang sesuai dengan suasana surah dan dengan semua maudhu'-maudhu'nya.

* * * * *

Tiga Garis Lebar Surah Ini

Pengenalan ringkas mengenai surah ini tidak sempurna sehingga kita kumpulkan tiga garis lebar, yang terdapat di dalamnya, di mana titik-titiknya bertaburan di dalam surah ini kemudian titik-titik ini berkumpul dan memusat di dalam keseluruhan surah ini sehingga terlukis garis-garis yang lebar ini dengan jelas dan tegas.

Garis yang pertama menjelaskan konsep "agama" (ad-din) dan konsep "Islam". Agama - mengikut yang digaris dan dikehendaki oleh Allah - bukannya segala kepercayaan atau i'tiqad mengenai Allah sahaja, malah ia adalah salah satu dari gambaran-gambaran kepercayaan kepada Allah S.W.T., iaitu gambaran tauhid yang sempurna, bersih dan muktamad yakni Tauhid Uluhiyah, di mana seluruh manusia bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana seluruh makhluk yang lain di alam buana ini bertawajjuh kepada-Nya sahaja dengan 'Ubudiyah, juga tauhid pentadbiran dan pengurusan Allah di atas seluruh manusia dan seluruh alam buana. Oleh itu tiada suatu pun di alam ini yang boleh berdiri melainkan dengan pentadbiran dan pengurusan Allah dan tiada yang mentadbir dan mengurus semua makhluk ini melainkan Allah Taala. Oleh sebab itulah agama yang diterima oleh Allah dari para hamba-Nya ialah agama Islam (yang menyerah diri kepada Allah), iaitu menyerah diri secara mutlak kepada pentadbiran dan pengurusan Allah dan menerima arahan dari Allah selaku satu-satunya sumber arahan dalam segala urusan kehidupan, dan

seterusnya berhakimkan kitab Allah yang diturunkan dari sumber Allah dan mengikut para Rasul yang diturunkan kepada mereka kitab-kitab suci itu. Kitab-kitab itu pada hakikatnya merupakan sebuah kitab yang sama dan satu agama yang sama, iaitu agama Islam yakni Islam dengan pengertiannya yang sebenar yang wujud di dalam hati dan amalan kedua-dua sekali dan Islam dengan pengertian yang menjadi titik pertemuan bagi para Mu'minin yang mengikut para Rasul itu, iaitu Islam dengan pengertian mempercayai dan beriman kepada keesaan Uluhiyah dan keesaan pentadbiran dan pengurusan, keesaan keta'atan dan kepatuhan di dalam seluruh peraturan hidup tanpa kecuali.

Garisan inilah yang menjadi landasan penerangan ayat surah ini dan garisan ini telah dijelaskan lebih dari tiga puluh tempat di dalam surah ini dalam bentuk yang begitu ketara. Berikut ialah setengah-setengah contoh pengenalan ringkas ini:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir." (2)

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ
وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ

"Allah sendiri menyaksikan tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikan) Ia menegakkan keadilan. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana." (18)

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah itu ialah agama Islam." (19)

فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ
اتَّبَعَنِي فَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ
ءَأَسَمْتُمْ فَإِنْ أَسَمُوا فَقَدْ أَهْتَدُوا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا
عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَاللَّهُ بِصِيرٍ بِالْعِبَادِ

"Dan jika mereka mendebatkan engkau (tentang kebenaran Islam) maka katakanlah: 'Aku telah menyerahkan diriku kepada Allah dan (demikian juga) orang-orang yang mengikutku dan katakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: 'Adakah kamu telah menganut Islam? Jika mereka menganut Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajiban engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah amat melihat akan para hamba-Nya.'" (20)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُدْعَوْنَ
إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّى فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah kamu melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya mengadili di antara mereka, kemudian segolongan dari mereka berpaling darinya, dan mereka sentiasa membelakangi (kebenaran)."(23)

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ
﴿٣١﴾

"Katakanlah jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan menyintai kamu."(31)

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

"Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ ءَأَمْنَا بِاللَّهِ
وَأَشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

"Para Hawariy (sahabat setia 'Isa) berkata: 'Kamilah penyokong-penyokong (agama) Allah. Kami telah beriman kepada Allah dan saksi-saksi bahwa kami adalah orang-orang Muslim belaka."(52)

رَبَّنَا ءَأَمْنَا بِمَا أَنْزَلْتَ وَأَتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا
مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu) oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang yang menjadi saksi."(53)

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ
شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ
فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah kamu berpegang kepada satu perjanjian yang lurus di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah: Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang yang Muslim."(64)

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِن

كَانَ حَنِيفًا مَّسْلَمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

"Bukanlah Ibrahim itu seorang Yahudi dan bukan pula seorang Nasara, tetapi dia adalah seorang yang berpegang dengan agama tauhid yang menyerah diri kepada Allah dan dia bukan sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi menyerah diri kepada-Nya dengan sukarela dan terpaksa, dan kepada-Nya mereka dikembalikan!"(83)

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ

"Dan siapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka tidak akan diterima darinya."(85)

Dan selain dari ayat-ayat ini terdapat banyak lagi ayat-ayat yang lain.

Adapun garis yang kedua yang ditumpukan oleh penerangan surah ini ialah penggambaran keadaan kaum Muslimin dengan Tuhan mereka, iaitu bagaimana mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dan menerima segala arahan yang datang dari Allah dengan keta'atan, kepatuhan dan ikutan yang hemat. Di bawah ini kita membawa setengah-setengah contoh dalam pengenalan surah ini dan kita akan hurai-kannya dengan terperinci apabila kita mentafsirkan ayat-ayat ini satu persatu:

وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَأَمَّنَّا بِهِ ءَكُلٌّ مِّنْ عِنْدِ
رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

"Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepada ayat mutasyabihah. Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."(7)

رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ
رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau jadikan hati kami menyeleweng sesat setelah engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya engkau Maha Pengurnia."(8)

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا
يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٩﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji-Nya."(9)

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّنَا ءَأَمْنَا فَاغْفِرْ لَنَا

ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦﴾

"Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka." (16)

الصَّابِرِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقانتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ

وَالْمُسْتَعْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

"Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfaqqan (ke jalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu dinihari." (17)

قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ ءَأَمْنَا بِاللَّهِ

وَأَشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

"Para Hawariy (sahabat-sahabat setia 'Isa) berkata: 'Kamilah penyokong-penyokong (agama) Allah. Kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka." (52)

رَبَّنَا ءَأَمْنَا بِمَا أَنْزَلْتَ وَأَتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا

مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut rasul-rasul. Oleh itu tulislah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi." (53)

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ

بِاللَّهِ

"Kamu adalah sebaik umat yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan dan kamu beriman kepada Allah." (110)

مَنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ ءَايَاتِ

اللَّهِ ءَأَنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾

"Di antara Ahli-Kitab terdapat satu golongan yang lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam hari dan mereka juga bersujud (mendirikan solat)." (113)

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ

فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

"Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan, dan mereka berlumba-lumba mengerjakan

kebaikan-kebaikan dan mereka termasuk dalam golongan para salihin." (114)

وَكَايِنٍ مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ وَيُؤْنِ كَثِيرٌ فَمَا

وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا

أَسْتَكَانُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

"Dan berapa banyak Nabi yang berperang bersamanya sebilangan ramai pencinta-pencinta Allah. Mereka tidak patah semangat kerana kesusahan yang telah menimpa mereka kerana perjuangan untuk Sabilullah dan mereka tidak lemah dan tidak menyerah kalah. Dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar." (146)

وَمَا كَانَ قَوْلُهُمْ إِلَّا أَن قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا

وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَأَنْصِرْنَا عَلَى

الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Tidak ada perkataan mereka kecuali mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa kami dan keterlaluan kami dalam urusan kami dan teguhkan pendirian kami dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir." (147)

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ مَا أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ وَاتَّقُوا أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

"Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul setelah mereka mendapat kecederaan (di dalam Peperangan Uhud) bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari mereka dan bertaqwa ialah pahala yang amat besar." (172)

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ

فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ

وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٦﴾

"Iaitu mereka yang telah di katakan oleh orang-orang kepada mereka: 'Sesungguhnya manusia yang ramai telah mengumpulkan pejuang-pejuang untuk memerangi kamu. Oleh itu takutlah kepada mereka. Maka perkataan itu telah menambahkan lagi keimanan mereka lalu mereka berkata: 'Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Penolong." (173)

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا

مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

"Iaitu orang-orang yang mengingati Allah semasa berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata kaget): 'Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau

jadikan semuanya ini sia-sia sahaja. Maha sucilah Engkau dan peliharalah kami dari 'azab Neraka."(191)

رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تَدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَجْتَهُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿١٩٢﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka, maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim itu sekali-kali tidak mempunyai penolong."(192)

رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ ءَامِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru (Rasul) yang menyeru kepada keimanan: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu' lalu kami pun beriman. Oleh itu wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan wafatkan kami bersama-sama orang-orang yang berbakti."(193)

رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui rasul-rasul Engkau dan janganlah Engkau hampakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَشِعِينَ لِلَّهِ لَا يَشْتَرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ﴿١٩٥﴾

"Dan sesungguhnya di antara Ahli-Kitab terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kamu, dan kepada apa yang diturunkan kepada mereka sedangkan mereka merendahkan diri kepada Allah dan mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit."(195)

Dan berbagai-bagai ayat yang lain lagi.

Garis lebar yang ketiga dalam penerangan rangkaian ayat-ayat surah ini ialah memberi amaran supaya jangan mengambil orang-orang bukan Mu'min sebagai sahabat setia dan supaya memandang enteng kepada orang-orang kafir di samping amaran tersebut dan seterusnya menjelaskan bahawa tiada keimanan dan tiada hubungan dengan Allah apabila diambil sahabat-sahabat setia dari golongan orang-orang kafir yang tidak berhakimkan kitab Allah dan tidak mengikut sistem Allah di dalam kehidupan. Sebelum ini kami telah pun menyebut garis ini. Tetapi ia ditonjolkan semula di sini

berdasarkan ianya merupakan satu garis yang menonjol dan asasi di dalam penerangan rangkaian ayat-ayat surah ini. Berikut ialah contoh-contoh dari garis yang lebar ini:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَنَّهُ وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ ۗ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai hubungan dengan Allah pada sesuatu apa pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka, dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali."(28)

قُلْ إِنْ تَخْفَوْنَ مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ تُبْدُوهُ يَعْلَمَهُ اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

"Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya, dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(29)

وَدَّتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

"Segolongan dari Ahli-Kitab ingin menyesatkan kamu, sedangkan (sebenarnya) mereka tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar."(69)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تَطِيعُوا فَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikut sekumpulan orang-orang yang dikurniakan kitab nescaya mereka mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir setelah kamu beriman."(100)

وَكَيفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ ۗ وَمَنْ يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَد هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Dan bagaimana kamu tergamak menjadi kafir, sedangkan ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu dan Rasul-Nya juga berada dalam kalangan kamu. Sesiapa yang berpegang

teguh dengan (agama) Allah, maka sesungguhnya dia telah diberi hidayat ke jalan yang lurus.”(101)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu sekalian dalam keadaan beragama Islam.”(102)

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

“Dan berpeganglah kamu sekalian dengan tali (agama) Allah dan janganlah kamu berpecah-belah.”(103)

لَنْ يَضُرَّكُمْ إِلَّا أَذًى طَّوِيلٌ وَإِنْ يُقَاتِلُوكُمْ يُؤَلُّوْكُمْ
الْأَدْبَارُ ثُمَّ لَا يُنصِرُونَ ﴿١١١﴾

“Mereka tidak akan dapat memudharatkan kamu selain dari gangguan (kecil) sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu nescaya mereka melarikan diri kemudian mereka tidak akan diberi pertolongan.”(111)

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ أَيْنَ مَا تُثَقَّفُوا ...

“Mereka tetap ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada.....”(112)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةَ مَنْ دُونِكُمْ
لَا يَأَلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ
أَكْبَرُ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil mereka yang di luar dari golongan kamu sebagai orang-orang kepercayaan (kerana) mereka tidak akan berhenti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka inginkan segala sesuatu yang menyusahkan kamu. Sesungguhnya kebencian mereka telah ketara dengan jelas dari mulut mereka dan kebencian yang disembunyikan di dalam dada mereka adalah lebih besar lagi.”(118)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تُطِيعُوا الَّذِينَ
كَفَرُوا يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ
فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu ta’at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka akan mengembalikan kamu ke belakang (kepada kekafiran) dan akibatnya kamu terbalik menjadi orang-orang yang rugi.”(149)

بَلِ اللَّهُ مَوْلَاكُمْ وَهُوَ خَيْرُ النَّاصِرِينَ ﴿١٥٠﴾

“Malah Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong.”(150)

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا
أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا
وَمَا أُولَئِهِمُ النَّارُ وَيُسْئَرُ الظَّالِمِينَ ﴿١٥١﴾

“Kami akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang yang kafir kerana mereka telah mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Dia sendiri tidak menurunkan apa-apa keterangan mengenainya. Tempat kediaman mereka kelak ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim.”(151)

لَا يَغْرِبُكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ ﴿١٦٦﴾

“Janganlah engkau (Muhammad) terpesona kepada kebebasan hidup orang-orang kafir di dalam negeri.”(166)

مَتَاعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَا لَهُمْ جَهَنَّمَ وَيُسْئَرُ الْمِهَادُ ﴿١٦٧﴾

“Itu hanya suatu kenikmatan yang sedikit, kemudian tempat kediaman mereka kelak Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman.”(167)

Dan berbagai-bagai ayat yang lain lagi.

Tiga garis yang lebar ini mempunyai ikatan yang selaras dan sepadu dalam menjelaskan pandangan dan kefahaman Islam dan menjelaskan hakikat tauhid dan kehendaknya dalam kehidupan manusia dan dalam perasaan mereka terhadap Allah dan kesan ‘aqidah tauhid dalam pendirian mereka terhadap musuh-musuh Allah iaitu pendirian yang tiada lagi pendirian yang lain bagi mereka selain dari-Nya.

Ayat-ayat ini di tempat-tempatnya yang sebenar adalah lebih dinamis dan memberi saranan-saranan yang lebih mendalam, kerana ayat-ayat ini telah diturunkan di dalam gelanggang pertarungan, iaitu pertarungan ‘aqidah, pertarungan di medan perang, pertarungan dalam jiwa dan pertarungan di dalam realiti kehidupan. Oleh sebab itulah ayat-ayat ini mengandungi tabung simpanan modal yang hidup dan mengkagumkan, iaitu tabung harakat, penerapan kesan dan saranan.

Oleh itu marilah kita terus menghadapi ayat-ayat ini di dalam rangkaiannya yang hidup, kuat, menarik dan indah.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 32)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

الْقَوْمِ ﴿١﴾
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ

التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٣﴾

مِن قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا

بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو

النِّقَمِ ﴿٤﴾

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي

السَّمَاءِ ﴿٥﴾

هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي الْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَاءُ لَا إِلَهَ إِلَّا

هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦﴾

هُوَ الَّذِي أَنزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ

هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي

قُلُوبِهِمْ رِيعٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ

وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ

فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا

يَذْكُرُ إِلَّا أَهْلَ الْبَيْتِ ﴿٧﴾

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ

رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا

يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٩﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا

أَوْلَادُهُمْ مِّنْ اللَّهِ شَيْئًا وَأُولَئِكَ هُمُ وَقُودُ النَّارِ ﴿١٠﴾

كَذَّابُوا كَذَّبُوا كَذَّبُوا كَذَّبُوا كَذَّبُوا كَذَّبُوا

بِآيَاتِنَا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿١١﴾

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ

إِلَى جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ آيَةٌ فِي فَعْتَيْنِ الْأُتَى فَتَةً

تُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَى كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُم

مِثْلَيْهِمْ رَأَى الْعَيْنُ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصَرِهِ مَن

يَشَاءُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي

الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

زِينٌ لِّلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ

وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ

وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ

مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ

الْمَبَازِئِ ﴿١٤﴾

قُلْ أُوْنِيئِكُمْ بِخَيْرٍ مِّنْ ذَلِكَمُ الَّذِينَ اتَّقَوْا

عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّتْ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّن

اللَّهِ وَاللَّهُ بِصِيرٍ بِالْعِبَادِ ﴿١٥﴾

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّنَا أَمْنَا فَأَغْفِرْ لَنَا

ذُنُوبَنَا وَرَبَّنَا وَرَبَّنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦﴾

الصَّادِقِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقَنَاتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ

وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ

وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ لَإِيسَلَمُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ

أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِن بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ

بَغِيًّا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ
سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسَمْتُ وَجْهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ
اتَّبَعَنِ وَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ
ءِ اسْمُكُمْ فَإِنْ أَسَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا
عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ
النَّبِيَّاتِ بَغْيًا حَقًّا وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ
بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾
أُولَئِكَ الَّذِينَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٢٢﴾

أَمْ تَرَى إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُدْعَوْنَ
إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ فَرِيقًا مِّنْهُمْ
وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا
مَّعْدُودَاتٍ وَغَرَّهُمْ فِي دِينِهِمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾
فَكَيْفَ إِذَا جُمِعْنَا لَهُمْ لَيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ وَوُفِّيَتْ
كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٥﴾
قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَن تَشَاءُ
وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعْزِزُ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ
مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾
تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ
وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ
وَتَرْزُقُ مَن تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ
الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ
إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَنَّهُ وَيُحَذِّرْكُمْ اللَّهُ
نَفْسَهُ وَيُؤْتِي إِلَيْنَا اللَّهُ الْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

قُلْ إِنْ تُخَفُوا مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ بُدُوهُ يَعْلَمُهُ
اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

يَوْمَ يَجْمَعُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا
وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ أَمَدًا
بَعِيدًا وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَاللَّهُ رَءُوفٌ
بِالْعِبَادِ ﴿٣٠﴾

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾
قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْكَافِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Alif. Lam. Mim(1). Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir(2). Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an membawa kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil(3). Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan(4). Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu apa pun di bumi dan tidak pula di langit(5). Dialah yang membentuk rupa kamu di dalam rahim mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijak-sana(6). Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang dalam hati mereka mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: 'Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah).

Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal'(7). Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji(9). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun dan mereka menjadi bahan-bahan bakar api Neraka(10). Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Allah itu amat berat hukuman-Nya(11). Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman(12). Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang, satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya dalam peristiwa itu satu pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati(13). Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan iaitu kepada wanita, anak-anak, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas, perak, kuda yang dipelihara, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah kenikmatan hidup dunia dan di sisi Allah terdapat tempat kediaman yang baik (Syurga)(14). Katakanlah! inginkah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih baik dari kenikmatan-kenikmatan itu semua iaitu untuk orang-orang yang benar-benar bertaqwa telah disediakan di sisi Tuhan mereka taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Mereka akan kekal (hidup) di dalamnya, juga isteri-isteri yang suci serta keredhaan dari Allah. Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya(15). Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka(16). Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfakkan (ke jalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu dinihari(17). Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(18). Sesungguhnya agama (yang diredei) di sisi Allah ialah Islam dan tiadalah orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara sesama mereka. Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya(19). Dan jika mereka menentang engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajiban engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja. Dan Allah itu Amat Melihat akan para hamba-Nya(20). Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi

tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirkanlah mereka dengan 'azab yang amat pedih(21). Merekalah orang-orang yang terhapus pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan mereka sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong(22). Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya ia mengadili di antara mereka kemudian segolongan mereka berpaling darinya dan mereka membelakangi (da'wah)(23). Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka(24). Bagai-manakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiaya(25). Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki di tangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu(26). Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab(27). Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikit pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan dari sesuatu yang ditakuti dari mereka dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali(28). Katakanlah: Jika kamu sembunyi apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(29). Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya(30). Katakanlah: Jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(31). Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Apabila kita menerima riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa ayat-ayat pertama surah ini hingga kepada delapan puluh ayat lebih telah diturunkan kerana peristiwa kedatangan orang-orang Nasara Najran dari Yaman, di mana mereka telah berbahas dengan Rasulullah s.a.w. mengenai persoalan 'Isa a.s., maka keseluruhan pelajaran ini dapatlah dimasukkan ke dalam lingkungan peristiwa ini kerana riwayat-riwayat ini menentukan waktu kedatangan rombongan itu pada tahun yang ke

sembilan Hijrah, iaitu tahun yang terkenal di dalam sejarah Islam sebagai "Tahun Rombongan", di mana Islam telah berada di satu tahap kekuatan dan kemasyhuran di seluruh Semenanjung Tanah Arab dan di negeri-negeri sebaliknya yang mendorong rombongan-rombongan dari berbagai-bagai pelosok Semenanjung Tanah Arab datang mengunjungi Rasulullah s.a.w. untuk melamar perhubungan mesra dengan beliau atau mengadakan perjanjian dengannya atau untuk mengetahui keadaan beliau yang sebenar.

Kami - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - merasa bahawa maudhu' yang dibicarakan oleh ayat-ayat ini dan cara pengolahannya kedua-duanya menguatkan bahawa ayat-ayat ini adalah di turunkan di masa yang lebih awal lagi iaitu di tahun-tahun pertama Hijrah. Oleh sebab itulah kami lebih cenderung mengatakan bahawa perdebatan-perdebatan dengan Ahli-Kitab yang terkandung di dalam surah ini juga penolakan kekeliruan yang wujud di dalam kepercayaan-kepercayaan mereka yang sesat atau kekeliruan-kekeliruan yang sengaja ditaburkan oleh mereka di sekitar kesahihan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan di sekitar hakikat "aqidah tauhid Islamiyah, juga tipudaya yang dilakukan oleh Ahli-Kitab - hingga perlu diberi peringatan dan amaran kepada kaum Muslimin dan diteguhkan pendirian mereka... kami lebih cenderung mengatakan bahawa semuanya ini tidak terikat dengan peristiwa rombongan orang Nasara Najran yang berlaku dalam tahun yang ke sembilan Hijrah, malah di sana ada peristiwa-peristiwa lain yang lebih awal yang menjadi sebab turunnya ayat-ayat ini di dalam surah ini.

Oleh sebab itulah kami akan terus mentafsirkan ayat-ayat ini selaku ayat-ayat yang menghadapi Ahli-Kitab tanpa terikat dengan satu peristiwa khas yang berlaku pada masa kebelakangan di dalam sejarah.¹

¹ Al-Ustaz Muhammad 'izat Daruzat telah menyebut dalam bukunya yang bernilai (Sirah ar-Rasul: Sirah Rasul yang diambil dari al-Quran) katanya: "Difaham dari riwayat-riwayat bahawa rombongan ini (Nasara dari Najran) telah datang ke Madinah pada seperempat pertama tahun Hijrah". Saya tidak mengetahui riwayat manakah yang dipegang oleh beliau dalam menentukan tarikh (kedatangan mereka ini), kerana semua riwayat yang telah saya rujukkan kepadanya menentukan tahun yang ke sembilan belaka atau tidak menyebut tahun, tetapi hanya menyebut kisah rombongan Najran di samping rombongan-rombongan yang lain (dan yang dimaklumi umum tahun rombongan-rombongan itu ialah tahun yang ke sembilan).

Ya, Ibn Kathir dalam tafsirnya telah menyebut kemungkinan kedatangan rombongan Najran itu sebelum peristiwa Hdaybiyyah dan beliau juga tidak menyebut di atas alasan apakah beliau berpegang dengan kemungkinan ini dan beliau tidak menyebut satu riwayat pun dari al-salaf sebagai sandarannya tentang kemungkinan itu.

Tetapi ayat-ayat ini - sebagaimana telah kami terangkan dalam pendahuluan surah ini - mendedahkan pertarungan semula jadi yang berterusan di antara kelompok Muslimin dan "aqidah mereka dengan kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin serta 'aqidah-'aqidah mereka. Pertarungan ini tidak pernah reda sejak lahirnya Islam - terutama sejak kedatangannya ke Madinah dan penubuhan kerajaannya di sana iaitu satu pertarungan hebat yang disertai oleh kaum Musyrikin dan kaum Yahudi dan pertarungan ini telah dirakamkan oleh Al-Qur'an dengan rakaman yang indah dan halus.

Dan tidak menghairankan andainya setengah-setengah tokoh gereja di negeri-negeri di hujung Semenanjung Tanah Arab turut serta dalam perjuangan mereka (menentang kelompok Muslimin) dalam mana-mana bentuk. Dan tidaklah jauh dari realiti andainya beberapa orang atau kumpulan-kumpulan dari mereka datang (ke Madinah) untuk berdebat dengan Nabi s.a.w. dalam perkara-perkara yang menimbulkan perselisihan di antara 'aqidah-'aqidah mereka yang menyeleweng dengan "aqidah agama baru yang ditegakkan di atas konsep tauhid yang tulen dan jelas terutama dalam persoalan yang menyangkut sifat 'Isa a.s.

Di dalam pelajaran ini dari awal-awal lagi ditentukan persimpangan jalan di antara "aqidah tauhid yang tulen dan jelas dengan kepercayaan-kepercayaan yang penuh dengan kekeliruan-kekeliruan dan penyelewengan-penyelewengan juga diberi amaran dan ancaman terhadap mereka yang ingkarkan al-Furqan dan ayat-ayat Allah yang terkandung di dalamnya dan mengirakan mereka sebagai orang-orang kafir walaupun mereka dari Ahlil-Kitab, di samping menerangkan bagaimana keadaan orang-orang yang beriman terhadap Allah dan bagaimana sikap mereka terhadap wahyu-wahyu yang diturunkan kepada Rasul-Nya. Ini adalah satu kenyataan yang menentukan pendirian, kerana keimanan mempunyai tanda-tanda yang jelas dan kekafiran juga mempunyai tanda-tanda yang tidak dapat dikelirukan.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ

Tetapi walau bagaimanapun kemungkinan turunnya ayat-ayat ini kerana kedatangan rombongan Najran adalah bergantung kepada kemungkinan kedatangan rombongan ini sebelum peristiwa Hdaybiyyah. Jika kemungkinan ini sah, maka sahlah pula kemungkinan itu. Ada pun jika kita berpegang dengan riwayat-riwayat yang banyak yang menentukan masa kedatangan rombongan Najran pada tahun rombongan-rombongan iaitu pada tahun yang ke sembilan, maka kami terpaksa memisahkan ayat-ayat ini dari peristiwa yang disebutkan oleh riwayat-riwayat sebagai sebab nuzulnya.

التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٣﴾

"Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil." (3)

مِن قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ ﴿٤﴾

"Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperoleh 'azab yang amat berat dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan." (4)

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَأَمَّنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٥﴾

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Ada pun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal." (7)

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

"Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana." (18)

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِن بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ

بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah agama Islam dan tiada orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara sesama mereka. Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya." (19)

Pelajaran ini juga mengandungi ancaman dan ancaman ini jelas mengandungi sindiran yang ditujukan kepada kaum Yahudi, iaitu dalam firman Allah Ta'ala:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّيْنَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan 'azab yang amat pedih." (21)

Kerana itu apabila disebut sahaja tentang pembunuhan Nabi-Nabi, maka fikiran kita secara langsung terus tertumpu kepada kaum Yahudi.

Begitu juga tegahan Allah yang terkandung di dalam ayat yang berikut:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ...

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang yang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman....." (28)

adalah ghalib-Nya dimaksudkan dengan kaum Yahudi walaupun dari segi keharusannya ia juga merangkumi kaum Musyrikin. Sehingga kepada tarikh ini setengah-setengah orang Islam masih mempunyai hubungan setia kawan dengan kerabat-kerabat mereka yang Musyrikin sebagaimana mereka mengadakan hubungan setia kawan dengan kaum Yahudi. Oleh sebab itu mereka ditegah berbuat begitu dan diberi amaran yang sekeras ini sama ada mereka bersetia kawan dengan orang-orang Yahudi atau dengan orang-orang Musyrikin, kerana Al-Qur'an menamakan seluruh mereka sebagai "orang-orang kafir" belaka.

Adalah jelas bahawa firman Allah yang berbunyi:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَعْتٌ لَّيْسَ لَهُمْ شُرَكَاءُ فِيهِمْ وَإِلَىٰ جَهَنَّمَ سَبِيلٌ وَالَّذِينَ كَفَرُوا سَعْتٌ لَّيْسَ لَهُمْ شُرَكَاءُ فِيهِمْ وَإِلَىٰ جَهَنَّمَ سَبِيلٌ ﴿١٢﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(12)

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فَعْتَيْنِ الْأُتْقَاتِ فَعَةٌ
تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَى كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُمْ
مِثْلَهُمْ رَأْيَ الْعَيْنِ

"Sesungguhnya bagi kamu terdapat satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka."(13)

adalah mengandungi isyarat kepada kejadian-kejadian di dalam Peperangan Badar dan ayat ini ditujukan kepada kaum Yahudi. Ini telah disebut dalam satu riwayat daripada Ibn Abbas r.a. katanya: "Apabila Rasulullah s.a.w. telah berjaya menewaskan kaum Quraysy pada hari Peperangan Badar beliau pun datang ke Madinah dan mengumpul orang-orang Yahudi lalu berkata kepada mereka: Anutilah agama Islam sebelum kamu ditimpa kekalahan yang telah menimpa kaum Quraysy. Lalu mereka berkata: Wahai Muhammad! Janganlah engkau terpedaya dengan kekuatan dirimu kerana dapat membunuh orang-orang Quraysy yang jahil yang tidak tahu berperang itu. Sebenarnya jika engkau berperang dengan kami barulah engkau tahu bahawa kami adalah orang-orang yang handal dan engkau tidak akan menemui orang-orang yang sekuat kami. Lalu turunlah ayat (yang berikut).

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ
إِلَى جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمِهَادُ

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(12)

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فَعْتَيْنِ الْأُتْقَاتِ فَعَةٌ
تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَى كَافِرَةٌ

"Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir."(13)

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Begini juga nampak jelas dari ajaran yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. yang terkandung di dalam ayat ini:

فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ
اتَّبَعَنِي فَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ

ءَأَسَمْتُمْ فَإِنْ أَسَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا
عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَاللَّهُ بِصِيرٍ بِالْعِبَادِ

"Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajiban engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah itu Amat Melihat para hamba-Nya."(20)

Bahawa walaupun arahan ini mengenai satu perdebatan yang timbul di masa itu, namun ia adalah suatu arahan am untuk membolehkan Nabi s.a.w. menghadapi sekalian orang yang menentangnya di dalam 'aqidah Islam.

Adalah jelas dari firman Allah Ta'ala yang berbunyi:

وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَاللَّهُ بِصِيرٍ
بِالْعِبَادِ

"Dan jika mereka berpaling, maka kewajiban engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja. Dan Allah itu Maha Melihat para hamba-Nya."(20)

bahawa Rasulullah s.a.w. hingga ke masa itu belum lagi diperintah supaya memerangi kaum Ahlil-Kitab atau mengambil cukai jizyah dari mereka dan ini menguatkan pendapat yang kami tarjihkan bahawa ayat-ayat ini adalah diturunkan dalam masa yang awal.

Demikianlah kita dapat melihat dari tabi'at ayat-ayat ini bahawa ia merupakan satu pembicaraan am yang tidak terikat dengan satu peristiwa yang tertentu, iaitu peristiwa kedatangan rombongan Najran. Mungkin juga peristiwa ini merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa yang menjadi sebab diturunkan ayat-ayat ini untuk menghadapinya. Peristiwa-peristiwa itu memang banyak dan berulang-ulang di dalam pertarungan di antara Islam dengan seterusnya yang ramai di Semenanjung Tanah Arab terutama kaum Yahudi Madinah.

Makna Islam

Kemudian pelajaran yang pertama ini juga mengandungi penerangan-penerangan yang jelas dan kuat tentang asas-asas pandangan dan kefahaman Islam dari segi 'aqidah di samping penerangan-penerangan yang jelas dan kuat tentang tabi'at 'aqidah ini dan kesan-kesannya di dalam realiti kehidupan, iaitu kesan-kesan yang terbit dari keimanan kepada 'aqidah ini, iaitu 'aqidah mentauhidkan Allah. Oleh sebab itulah 'aqidah ini menjadikan agama sebagai penyerahan diri kepada Allah. Dan tiada pengertian agama yang lain dari pengertian ini. Islam bererti menyerah diri, patuh,

ta'at dan mengikut, iaitu menyerahkan diri kepada perintah-Nya, ta'at dan patuh kepada syari'atnya, mengikut Rasul dan cara hidupnya. Oleh itu sesiapa yang tidak menyerahkan diri, tidak patuh dan ta'at dan tidak mengikut, maka dia bukanlah seorang Muslim yakni dia bukanlah penganut agama yang diredhai Allah, kerana Allah tidak meredhai melainkan agama Islam dan erti Islam - sebagaimana telah kami terangkan - ialah menyerahkan diri, patuh, ta'at dan mengikut. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya dan membuka tembelang Ahlil-Kitab yang diseru supaya menjadikan kitab Allah sebagai hakim yang mengadili pertikaian di antara mereka tiba-tiba sekumpulan dari mereka berpaling dan enggan berbuat demikian:

ثُمَّ يَتَوَلَّى فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka membelakangi (kebenaran)."(23)

Al-Qur'an menganggap perbuatan enggan dan berpaling dari berhakamkan kepada kitab Allah itu sebagai bukti kekafiran yang menolak dakwaan beriman kepada Allah secara mutlak.

Pembicaraan bahagian yang kedua dari pelajaran ini adalah berlegar di sekitar hakikat yang agung ini.

Sekarang marilah kita mulai mengkaji secara terperinci ayat-ayat di dalam pelajaran ini:

(Pentafsiran ayat 1)

Pendapat-pendapat Yang Dipilih Mengenai Huruf-huruf Potongan Di Awal Surah

أَلِفٌ

Alif. Lam. Mim.(1)

Dalam mentafsirkan huruf-huruf potongan ini, iaitu Alif Lam. Mim., kami pilih pendapat, secara tarjih dan bukannya secara pasti, ketika membicarakan huruf potongan yang sama di awal Surah al-Baqarah iaitu ianya merupakan satu isyarat untuk mengingatkan manusia bahawa kitab Al-Qur'an adalah digubah dari jenis huruf-huruf potongan ini. Ia boleh digunakan oleh semua orang-orang Arab yang ditujukan kitab Al-Qur'an itu kepada mereka, namun demikian kitab Al-Qur'an tetap sebagai sebuah kitab mu'jizat yang manusia tidak mampu menggubah dan mengarang sepertinya dari huruf-huruf yang sama.

Pendapat yang kami pilih dalam mentafsirkan huruf-huruf potongan di pangkal surah-surah, secara tarjih bukannya secara pasti, adalah sesuai dengan kami untuk memahami pertalian "isyarat" ini di dalam berbagai-bagai surah. Isyarat di dalam Surah al-Baqarah adalah mengandungi cabaran yang disebut di dalam surah selepas isyarat itu iaitu.

وَإِن كُنتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ

مِّن مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن دُونِ اللَّهِ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan jika kamu masih dalam keraguan (terhadap Al-Qur'an) yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami, maka bawalah satu surah yang serupa dengannya dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah jika kamu benar."

(Surah al-Baqarah : 23)

Adapun isyarat di dalam Surah Aali'Imran ini maka nampaknya ia mempunyai suatu pertalian yang lain pula, iaitu kitab Al-Qur'an ini adalah diturun dari Allah yang tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Ia digubah dari huruf-huruf dan kalimah-kalimah yang sama dengan cara penggubahan kitab-kitab samawi sebelumnya yang diakui oleh Ahlil-Kitab yang ditujukan kepada mereka ayat-ayat di dalam surah ini. Oleh itu di sana tidak ada suatu keganjilan bahawa Allah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada Rasul-Nya dengan bentuk yang seperti ini.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢٤﴾
 نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٢٥﴾
 مِنْ قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو
 أَنْتِقَامٍ ﴿٢٦﴾
 إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٧﴾
 هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي الْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَاءُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٨﴾
 هُوَ الَّذِي أَنزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۚ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ۚ آمَنَّا بِهِ ۚ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ
 رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾
 رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا
 يُخَلِّفُ الْأَمْعَادَ ﴿٩﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir(2). Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran, yang membenarkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil(3). Sebelum ini, untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperoleh 'azab yang amat berat. Dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan(4). Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu apa pun di bumi dan tidak pula di langit(5). Dialah yang membentuk rupa kamu di dalam rahim mengikut bagaimana yang dikehendakinya. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(6). Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka, dan tiada yang meng-ambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal(7). Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(9)

Demikianlah surah ini memulakan pembicaraannya dengan menghadapi Ahlil-Kitab yang ingkarkan kerasulan Nabi s.a.w., sedangkan mereka selaku orang-orang yang cukup arif tentang Nabi-Nabi, rasul-rasul, kitab-kitab suci dan wahyu dari Allah adalah sepatutnya menjadi orang-orang yang pertama mengakui kebenarannya dan menjadi pelopor orang-orang yang menganut Islam andainya persoalan ini merupakan persoalan pengakuan yang berdasarkan hujah dan dalil.

Demikianlah surah ini memulakan pembicaraannya dengan menghadapi Ahlil-Kitab dengan ayat-ayat yang tegas dan pemutus dalam persoalan kekeliruan yang paling besar yang berkecamuk di dalam hati mereka atau kekeliruan-kekeliruan yang sengaja ditabur oleh mereka di dalam hati kaum Muslimin. Ayat-ayat itu mendedahkan segala pintu dan lorong kekeliruan di dalam hati. Ia menentukan pendirian

orang-orang Mu'min yang sebenar terhadap ayat-ayat Allah dan pendirian orang-orang yang sesat dan menyeleweng. Ia menggambarkan keadaan para Mu'minin dengan Tuhan mereka dan bagaimana mereka sentiasa mencari perlindungan dan berdo'a kepada-Nya dan bagaimana mereka mengenal sifat-sifat-Nya.

(Pentafsiran ayat 2)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

Gambaran Tauhid Yang Tulen

Tauhid yang tulen dan jelas ini merupakan persimpangan jalan di antara 'aqidah seseorang dengan seluruh 'aqidah yang lain darinya. Di antaranya ialah 'aqidah kaum Mulhidin/Atheis dan kaum Musyrikin dan 'aqidah-'aqidah kaum Ahlil-Kitab yang sesat dan menyeleweng, iaitu kaum Yahudi atau kaum Nasara dari berbagai-bagai mazhab dan puak. Ia juga merupakan persimpangan jalan di antara hidup seorang Muslim dengan hidup seluruh penganut agama yang lain di muka bumi ini, kerana 'aqidah tauhid yang dijelaskan di sini menentukan sistem hidup dan peraturan-peraturannya dengan lengkap dan terperinci.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia."(2)

Oleh itu tiada sebarang sekutu bagi Allah dalam sifat Uluhiyah.

الْحَيُّ

"Yang Maha Hidup."(2)

Yakni yang bersifat dengan hakikat hidup yang zati, yang bebas dari segala kaitan. Oleh itu tiada sebarang sekutu bagi Allah di dalam sifatnya.

الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Yang Maha Pentadbir."(2)

Yakni tiada yang hidup dan tiada yang maujud melainkan semuanya bergantung kepada-Nya. Dialah juga yang mentadbir dan mengendalikan segala yang hidup dan segala yang maujud. Oleh itu setiap yang hidup dan setiap yang maujud tidak mungkin wujud dan berdiri di alam buana ini melainkan dengan qudrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Inilah persimpangan jalan kefahaman dan kepercayaan, juga persimpangan jalan hidup dan perilaku.

Ia merupakan persimpangan jalan kefahaman dan kepercayaan yang membezakan di antara keesaan Allah dengan sifat Uluhiyah dan kepercayaan-kepercayaan karut jahiliyah (yang mensyirikkan Allah)

sama ada kepercayaan-kepercayaan karut yang terdapat dalam pemikiran-pemikiran kaum Musyrikin pada zaman itu di Semenanjung Tanah Arab atau kepercayaan-kepercayaan karut yang terdapat dalam pemikiran-pemikiran kaum Yahudi dan Nasara terutama pemikiran-pemikiran kaum Nasara.

Penyelewengan 'Aqidah Kaum Yahudi

Al-Qur'an telah menceritakan kepercayaan karut kaum Yahudi yang mendakwa bahawa 'Uzayr anak Allah. Sebagaimana penyelewengan yang dirakamkan oleh apa yang dikatakan oleh kaum Yahudi sebagai "kitab suci" adalah mengandungi sedikit sebanyak dakwaan yang seperti itu. Sebagaimana tersebut di dalam Kitab Kejadian (Genesis) bab yang keenam.²

Penyelewengan Kristian

Ada pun penyelewengan-penyelewengan 'aqidah Kristian, maka Al-Qur'an telah menceritakan sebahagian darinya. Di antaranya ialah dakwaan mereka bahawa Allah ialah yang ketiga dari tiga dan dakwaan mereka bahawa Allah itu ialah al-Masih Putera Maryam. Mereka telah mengambil al-Masih dan ibunya selaku dua tuhan yang lain dari Allah juga mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah.

Di dalam buku "Da'wah Kepada Islam"³ karangan Sir Thomas Walker Arnold terdapat sedikit huraian mengenai kefahaman-kefahaman ini:

Perselisihan Tentang Tabi'at 'Isa

"Seratus tahun sebelum penaklukan Islam, Serimaha-raja Justinian (482 - 565) telah berjaya menyatupadukan Empayar Rom, tetapi empayar itu dengan segera pecah sebaik sahaja baginda mangkat. Ia berada dalam keadaan yang amat memerlukan kepada wujudnya perasaan kesedaran kebangsaan rakyatnya yang dapat mengikatkan wilayah-wilayahnya dengan kerajaan yang ada. Adapun Serimaha-raja Heraclius (610-641) pula telah berusaha untuk mengikatkan kembali Negeri Syam dengan Kerajaan Pusat. Tetapi usaha itu tidak pernah mendapat kejayaan yang sempurna, malah saranan-saranan umum yang digunakan oleh baginda untuk tujuan merapatkan hubungan itu, malangnya telah membawa kepada menambahkan

lagi perpecahan itu bukannya menghapuskannya. Oleh sebab di sana tidak ada perasaan kesedaran yang dapat menggantikan perasaan kesedaran kebangsaan selain dari perasaan keagamaan, maka baginda telah berusaha mentafsirkan 'aqidah dengan satu pentafsiran yang dapat membantu mententeramkan hati rakyat dan merentikan pertelagahan-pertelagahan yang mungkin berlaku di antara puak-puak yang bermusuhan-musuhan itu juga dapat membantu untuk menyatupadukan di antara penentang-penentang agama dengan gereja Ortodoks dan di antara mereka dengan Kerajaan Pusat. Dewan paderi Khalqidunyah telah mengumumkan pada tahun 451 Miladiyah bahawa al-Masih ('Isa) seharusnya diakui bahawa beliau melambangkan dua tabi'at iaitu tabi'at lahutiyah (ketuhanan) dan tabi'at nasutiyah (kemanusiaan) yang tidak bercampur di antara keduanya, tidak berubah, tidak berbelah-bahagi dan tidak terpisah, dan tidak boleh dinafikan perbezaan keduanya dengan sebab persatuan keduanya, malah yang lebih wajar setiap tabi'at dari dua tabi'at itu masing-masing memelihara ciri-cirinya dan berkumpul dalam satu uqnum dan satu jasad bukannya berbelah bagi atau terpisah dalam dua uqnum, malah terkumpul dalam satu uqnum sahaja iaitu anak, Allah dan kalimat. Para pengikut mazhab Ya'kubiyah telah menolak keputusan dewan paderi ini. Mereka mengakui bahawa al-Masih itu hanya mempunyai satu tabi'at sahaja, mereka mendakwa bahawa al-Masih itu adalah campuran uqnum-uqnum yang mempunyai segala sifat-sifat ketuhanan dan kemanusiaan, tetapi bahan yang menanggung sifat-sifat ini tidak lagi dua, malah telah menjadi satu kesatuan (unit) yang tersusun dari uqnum-uqnum. Perdebatan telah berlarut-larut hebat hampir dua abad di antara puak Ortodoks dengan puak Ya'kubiyah (Jacobites) yang telah berkembang dengan cemerlang terutama di Mesir, Syam dan negeri-negeri luar lingkungan empayar Byzantine, iaitu semasa Serimaha-raja Heraclius berusaha untuk mendamaikan pertelingkahan itu dengan perantaraan mazhab yang mengemukakan pendapat bahawa al-Masih mempunyai satu masyi'ah atau iradat. Ketika kita dapati mazhab ini mengakui dua tabi'at pada al-Masih, tiba-tiba ia berpegang pula dengan i'tiqad kesatuan uqnum-uqnum dalam hidup al-Masih secara manusia, iaitu dengan mengingkarkan kewujudan dua jenis hidup dalam uqnum yang tunggal. Oleh itu al-Masih yang tunggal yang menjadi anak Allah merealisasikan aspek kemanusiaan dan aspek ketuhanan dengan kekuatan llahiyah insaniah yang tunggal. Ini bererti di sana tidak ada iradat yang lain kecuali iradat yang tunggal dalam kalimat yang berlembaga (al-Masih), tetapi Heraclius telah menemui nasib kegagalan yang sama yang diterima oleh segolongan terbesar dari mereka yang menaruh harapan untuk menegakkan asas-asas keamanan dan kesejahteraan. Ini disebabkan kerana perdebatan itu bukan sahaja tercetus sekali lagi dalam bentuk yang lebih hebat, malah Heraclius sendiri telah dicapkan sebagai Mulhidin / Atheis dan

² Ayat-ayat: Apabila manusia mulai bertambah ramai di muka bumi dan melahirkan anak-anak perempuan, maka putera-putera tuhan melihat anak-anak perempuan manusia itu cantik-cantik belaka lalu mereka mengambil mereka sebagai isteri mereka seberapa banyak yang mereka sukai. Kemudian tuhan berkata: Rohku tidak tunduk buat selama-lamanya pada manusia kerana ia sesat. Lama masa hidupnya ialah seratus dua puluh tahun. Pada masa itu di bumi terdapat raksasa-raksasa yang zalim. Begitu juga selepas masa itu apabila putera-putera tuhan membuat hubungan kelamin dengan anak-anak perempuan manusia dan melahirkan putera-putera. Merekalah raksasa-raksasa yang zalim zaman dahulu selaku manusia-manusia yang terkenal.

³ Terjemahan dari karangan asal "The Preaching of Islam: A History of the Propagation of Muslim Faith" (1913), yang telah diterjemahkan oleh Dr. Ibrahim Hassan dan saudaranya.

menjadi sasaran kemarahan dari kedua-dua belah puak itu."

Seorang pengkaji Kristian yang lain pula iaitu Cannon Taylor telah menyifatkan keadaan kaum Nasara Timur ketika kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. begini: "Orang ramai di masa itu sebenarnya menganut kepercayaan syirik. Mereka menyembah sekumpulan syuhada', wali-wali dan malaikat-malaikat."⁴

Penyelewengan Kaum Musyrikin

Adapun penyelewengan-penyelewengan 'aqidah kaum Musyrikin maka ia telah diceritakan oleh Al-Qur'an. Mereka menyembah jin, malaikat, matahari, bulan dan berhala-berhala. Sekurang-kurangnya "aqidah mereka yang sesat ialah "aqidah mereka yang mengatakan tentang tuhan-tuhan itu "kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka dapat mendekatkan kami kepada Allah."

Di hadapan timbunan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan sesat yang telah kami sebut secara sepintas lalu inilah datangnya agama Islam - dalam surah ini - untuk mengumumkan 'aqidah yang betul dengan jelas dan tegas.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

'Aqidah Yang Betul

Itulah persimpangan jalan di dalam kefahaman dan kepercayaan. Juga persimpangan jalan di dalam kehidupan dan perilaku.

Seseorang yang mempunyai kesedaran yang penuh terhadap kewujudan Allah Yang Maha Esa yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, Allah yang hidup, Yang Maha Tunggal. Tiada yang hidup dengan sebenar-benar hidup melainkan hanya Dia. Allah Pentadbir Yang Maha Esa, yang mana segala yang hidup dan segala yang wujud adalah bergantung kepada pentadbiran-Nya dan Dialah yang mentadbir dan mengendalikan segala yang hidup dan segala yang maujud.

Seseorang yang mempunyai kesedaran yang penuh terhadap kewujudan Allah Yang Maha Esa yang mempunyai sifat-sifat seperti ini pastilah mempunyai cara dan peraturan hidup yang berbeza - dari segi asasnya lagi - dari orang yang mempunyai hati yang diselubungi dengan kefahaman dan pandangan sesat yang karut-marut itu. Kerana itu ia tidak mendapati di dalam hati nuraninya sebarang kesan hakikat ketuhanan yang aktif yang mengendalikan dan mentadbirkan dalam kehidupannya.

Dengan pegangan tauhid yang jelas dan bersih ini, maka tiada tempat bagi 'Ubudiyah melainkan 'Ubudiyah kepada Allah sahaja, tiada sumber mengambil dan menerima perintah dan arahan melainkan dari Allah sahaja sama ada dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan undang-undang, atau peraturan-peraturan atau mengenai peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak atau mengenai urusan ekonomi dan sosial. Juga tiada tempat tawajjuh kepada yang lain dari Allah di dalam mana-mana urusan kehidupan dunia dan Akhirat. Adapun di dalam kepercayaan-kepercayaan yang sesat, menyeleweng, goyah dan samar-samar, maka di sana tidak ada haluan dan tujuan, tidak ada kemantapan dan kestabilan, tidak ada batas halal atau haram, tidak ada garis betul atau salah sama ada di dalam undang-undang atau peraturan, peradaban-peradaban atau akhlak-akhlak, mu'amalat atau perilaku. Semua perkara ini akan mendapat garis-garis yang terang dan jelas - apabila sumber penerimaan perintah, haluan bertawajjuh, dan tempat memberi keta'atan, konsep 'Ubudiyah dan penyerahan diri itu terang dan jelas.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menghadapi perkara-perkara ini dengan penuh ketegasan di persimpangan jalan lagi:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

Dan dari sinilah lahirnya titik perbezaan dan keunikan tabi'at kehidupan Islamiyah - bukannya perbezaan dan keunikan dari segi i'tiqad sahaja - kerana kehidupan Islamiyah dengan segala asas dan terasnya adalah terbit dari hakikat kefahaman dan kepercayaan Islam terhadap 'aqidah tauhid yang tulen dan tegas ini, dan 'aqidah tauhid ini tidak dianggap sebagai 'aqidah yang tertanam teguh di hati nurani selagi tidak diikuti oleh kesan-kesan amali di dalam kehidupan seperti menerima undang-undang dan peraturan dari Allah di dalam segala urusan kehidupan dan bertawajjuh kepada Allah dalam segala kegiatan dan tujuan.

Kesatuan Sumber

Selepas memberi penjelasan yang tegas di persimpangan jalan iaitu dengan mengisytiharkan "aqidah Wahdaniyah yang mutlak bagi zat Allah dan sifat-sifat-Nya, maka dibentangkan pula pembicaraan mengenai Wahdaniyah atau keesaan pihak dan sumber yang menurunkan agama-agama, kitab-kitab suci dan risalah-risalah yakni keesaan sumber yang menurunkan sistem hidup yang mengendalikan kehidupan manusia dalam segala generasi.

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 4)

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ

⁴ Dari sumber yang sama.

التَّورَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٣﴾
 مِنْ قَبْلُ هُدًى لِلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا
 بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو
 أَنْتِقَامٍ ﴿٤﴾

"Dia telah menurunkan kepadamu kitab Al-Qur'an dengan kebenaran, yang mengesahkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dialah yang telah menurunkan Taurat dan Injil(3). Sebelum ini untuk menjadi hidayat kepada manusia dan Dialah yang telah menurunkan al-Furqan. Sesungguhnya orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah akan memperoleh 'azab yang amat berat dan Allah itu Maha Perkasa dan mempunyai kuasa menentukan balasan."(4)

Bahagian pertama ayat-ayat ini mengandungi beberapa hakikat asasi mengenai kefahaman kepercayaan, juga mengandungi jawapan terhadap Ahlil-Kitab dan lainnya dari golongan-golongan yang menolak kerasulan Muhammad s.a.w. dan kesahihan kitab Al-Qur'an yang telah dibawa oleh beliau dari sisi Allah.

Ia menjelaskan keesaan dan kesatuan sumber yang menurunkan kitab-kitab suci kepada para Rasul iaitu Allah Yang Maha Esa yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia Yang Maha hidup dan Maha Pentadbir itulah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepadamu Wahai Muhammad, sebagaimana Dia telah menurunkan at-Taurat kepada Musa a.s. dan al-Injil kepada 'Isa a.s. sebelum ini. Di sini jelaslah tiada campuraduk di antara Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Di sana hanya Allah Yang Maha Esa sahaja yang telah menurunkan kitab-kitab suci kepada para hamba pilihan-Nya dan di sana terdapat hamba-hamba yang telah menerima kitab-kitab itu dan mereka adalah hamba-hamba bagi Allah walaupun mereka berpangkat Nabi dan Rasul.

Ia menjelaskan persamaan dan kesatuan agama, persamaan dan kesatuan kebenaran al-Haq yang dikandungi oleh kitab-kitab suci yang diturunkan dari Allah. Dan kitab Al-Qur'an ini telah diturunkan kepadamu Wahai Muhammad dengan membawa kebenaran dan ia membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya seperti at-Taurat dan al-Injil dan seluruh kitab ini menuju kepada satu matlamat iaitu:

هُدًى لِلنَّاسِ

"Untuk menjadi hidayat kepada manusia."(4)

dan kitab suci yang baru ini adalah kitab al-Furqan, iaitu kitab yang membeza dan memisahkan di antara kebenaran yang terkandung dalam kitab-kitab suci yang diturunkan Allah dengan kesesatan-kesesatan, penyelewengan-penyelewengan dan kekeliruan-kekeliruan yang dihubungkan kepada kitab-kitab itu kerana pengaruh hawa nafsu dan arus-arus pemikiran dan politik (yang telah kita lihat sebahagian dari contohnya yang kita telah nukilkan dari seorang

pengarang Kristian iaitu Sir. T. W. Arnold dalam bukunya).

Ia menjelaskan secara tidak langsung bahawa di sana tidak ada sebab bagi Ahlil-Kitab mendustakan risalah baru (yang dibawa oleh Muhammad s.a.w.) kerana perjalanan risalah ini sama dengan perjalanan risalah-risalah yang lain sebelumnya dan kitab suci risalah ini diturunkan membawa kebenaran yang sama dengan kitab-kitab suci yang diturun sebelum ini iaitu diturunkan kepada seorang rasul dari bangsa manusia sebagaimana kitab-kitab suci sebelumnya diturunkan kepada rasul-rasul dari bangsa manusia juga. Ia mengesahkan kitab-kitab Allah yang lain yang diturunkan sebelumnya yang mengandungi pengajaran-pengajaran yang dikandung oleh kitab-kitab suci sebelumnya. Ia diturun oleh Allah yang memiliki kuasa menurunkan kitab-kitab suci yakni ia diturunkan dari sumber yang mempunyai hak meletakkan sistem hidup untuk manusia, membina kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman keimanan mereka dan mengatur undang-undang, peraturan-peraturan, garis-garis akhlak dan peradaban-peradaban untuk mereka di dalam kitab yang diturunkan kepada Rasul-Nya itu.

Kemudian bahagian yang kedua ayat ini mengandungi ancaman yang ngeri kepada orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan ia menunjukkan kepada mereka kekuasaan, kekuatan dan kedahsyatan 'azab keseksaan-Nya kerana orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah itulah orang-orang yang mendustakan agama yang sama pada keseluruhannya ini. Kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari kitab Allah yang betul yang diturunkan kepada mereka sebelum ini - hingga penyelewengan itu telah mendorong mereka kepada mendustakan kitab suci yang baru yang begitu jelas membezakan di antara yang benar dan yang bathil itu - merupakan orang-orang yang pertama yang dimaksudkan di sini sebagai orang-orang kafir. Merekalah orang-orang yang mula-mula ditujukan ancaman dengan 'azab Allah yang ngeri dan keseksaan-Nya yang dahsyat ini serta pembalasan yang berat.

Sehubungan dengan ancaman 'azab dan balasan, Al-Qur'an menekankan kepada mereka tentang kesyumulan ilmu Allah yang tiada suatu pun yang terluput, tersembunyi dan terlepas darinya:

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Allah itu tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu apapun di bumi dan tidak pula di langit."(5)

Ilmu Allah

Penekanan tentang ilmu Allah yang mutlak yang tiada suatu pun yang tersembunyi darinya dan

mengithbatkan sifat ini kepada Allah di maqam ini adalah sesuai dengan prinsip-prinsip Wahdaniyah / Keesaan Uluhiyah dan Qiwwamah/Pentadbiran Ilahi yang dijadikan pembukaan rangkaian ayat-ayat ini di samping sesuai dengan ancaman yang ngeri di dalam ayat yang telah lepas. Oleh itu tiada "suatu" pun yang akan terlepas dari ilmu Allah sama ada di bumi atau di langit dengan kesyumuluan dan keumuman pengertiannya yang seperti ini dan kini jelaslah bahawa tidak akan mungkin sekali-kali disembunyikan segala niat-niat dan tipu daya yang jahat dari ilmu Allah begitu juga tidak akan mungkin sekali-kali seseorang dapat menghindarkan diri dari balasan Allah yang halus dan melarikan dirinya dari liputan ilmu Allah Yang Maha Seni dan Maha Mendalam.

Kemudian di bawah bayangan ilmu Allah Yang Maha Seni dan Syumul yang tiada suatu pun sama ada di bumi atau di langit yang tersembunyi dari liputannya, Al-Qur'an menyentuh perasaan-perasaan manusia dengan sentuhan yang lemah-lembut dan mendalam mengenai asal kelahiran kejadian manusia yang majhul yang berlaku di dalam kegelapan alam ghaib dan kegelapan alam rahim, di mana manusia tidak mempunyai sebarang ilmu, sebarang qudrat dan sebarang kefahaman:

هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي الْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَاءُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦﴾

"Dialah yang membentuk rupa kamu di dalam rahim mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(6)

Allah Yang Menciptakan Rupa Bentuk Di Dalam Rahim

Demikianlah Allah membentuk rupa kamu, iaitu mengurniakan rupa bentuk yang dikehendaki-Nya kepada kamu dan mengurniakan ciri-ciri yang membezakan kepada setiap rupa bentuk itu. Dialah sahaja yang mengendalikan pembentukan rupa itu dengan iradat dan kehendak-Nya yang bebas dan mutlak mengikut bagaimana yang disukai-Nya.

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦﴾

"Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(6)

Yakni Dia mempunyai qudrat dan kekuatan untuk mencipta dan menentukan bentuk rupa dan mentadbirkan dengan kebijaksanaan-Nya segala urusan penentuan bentuk rupa dan mencipta tanpa ditegur oleh sebarang pengkritik dan tanpa dibantu oleh sebarang sekutu.

Di dalam sentuhan ini terdapat penjelasan terhadap kekeliruan-kekeliruan kaum Nasara mengenai asal kejadian 'Isa a.s. dan kelahirannya iaitu Allahlah yang telah membentuk rupa paras 'Isa mengikut potongan yang dikehendaki oleh-Nya bukannya 'Isa yang

menjadi Tuhan atau bukannya dia yang menjadi Allah atau anak Allah atau menjadi uqnum lahut/ketuhanan dan nasut/kemanusiaan dan sebagainya dari kepercayaan-kepercayaan yang sesat, kabur dan bertentangan dengan konsep tauhid yang bersih, jelas, mudah difaham dan senang ditanggap.

Selepas itu Al-Qur'an mendedahkan tembelang golongan yang mempunyai hati yang cenderung ke arah kesesatan, iaitu mereka yang sengaja meninggalkan hakikat-hakikat yang jelas dan muhtamad yang terkandung di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang muhkamah dan mengikut ayat-ayat yang boleh dibuat ta'wilan dengan tujuan untuk mewujudkan kekeliruan-kekeliruan di sekitarnya. Di samping itu Al-Qur'an menggambarkan pula sifat-sifat para Mu'minin yang sebenar dan keimanan mereka yang tulen dan bagaimana mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dalam segala perintah dan penerangan yang datang dari Allah tanpa sebarang bantahan.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Ayat-ayat Muhkamah Dan Ayat-ayat Mutasyabihah

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَأَمَّنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾
 رَبَّنَا لَا تَجْعَلْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾
 رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخَلِّفُ الْأَمْعَادَ ﴿٩﴾

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah. Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: 'Kami beriman kepadanya (ayat-ayat mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal(7). Wahai

Tuhan kamil! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia (8). Wahai Tuhan kamil! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji-janji."(9)

Menurut riwayat bahawa orang-orang Nasara dari Najran telah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Tidakkah anda berkata tentang al-Masih bahawa dia adalah kalimah Allah dan rohnyanya?" Tujuan mereka ialah hendak menggunakan ungkapan ini sebagai alat untuk menegakkan kepercayaan mereka tentang 'Isa a.s. bahawa dia bukannya dari jenis manusia. Malah dia adalah ruh Allah - mengikut apa yang difahamkan mereka dari ungkapan ini - sedangkan mereka meninggalkan ayat-ayat yang jelas dan muhkamah yang menjelaskan prinsip Wahdaniyah Allah yang mutlak dan menolak sekutu dan anak dalam segala rupa bentuknya. Lalu turunlah ayat ini mendedahkan percubaan mereka yang mahu menggunakan ayat-ayat majaziyah/metafora yang bergambar dan meninggalkan ayat-ayat yang tegas dan jelas.

Tetapi nas ayat ini lebih umum dari peristiwa itu lagi. Ia menggambarkan pendirian manusia yang berbelah-bahagi terhadap kitab Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada Nabi-Nya s.a.w. yang mengandungi hakikat-hakikat kefahaman keimanan dan sistem kehidupan Islamiyah. Ia juga mengandungi perkara-perkara ghaib yang tidak dapat difahami oleh akal manusia dengan wasilah-wasilah dan alat-alat yang ada pada mereka. Dan tidak ada ruang bagi mereka untuk memahami perkara-perkara itu lebih banyak dari apa yang diberikan oleh nas-nas itu sendiri.

Adapun ayat-ayat yang menerangkan prinsip-prinsip 'aqidah dan syari'at yang halus, maka ia dapat difahami dan dimengerti tujuan-tujuannya dan maksud-maksudnya dengan jelas dan muktamad, dan ayat-ayat inilah yang menjadi induk kitab suci Al-Qur'an. Adapun ayat-ayat yang menerangkan perkara-perkara sam'iyat dan perkara ghaib termasuk kejadian 'Isa a.s. dan kelahirannya, maka ia datang sekadar untuk difahami maksud-maksud yang dekat serta mempercayainya kerana ia terbit dari Allah selaku sumber yang benar. Dan ia sukar untuk difahami hakikat-hakikat dan kaifiyat-kaifiyatnya kerana kedudukan perkara-perkara ini mengatasi daya-daya kefahaman manusia yang terbatas.

Di sinilah manusia berbeza - mengikut kelurusan atau kesesatan fitrah mereka masing-masing - dalam menerima dan menyambut ayat-ayat Al-Qur'an itu. Bagi mereka yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan dan penyelewengan dari fitrah yang lurus, maka mereka meninggalkan ayat-ayat muhkamah yang menerangkan prinsip yang jelas dan halus yang menjadi asas 'aqidah, syari'at dan peraturan amali bagi kehidupan Islamiyah dan berkejar di belakang ayat-ayat mutasyabihah yang ditegaskan

kebenarannya di atas keimanan kepada Allah selaku sumber yang menurunkannya yang mengetahui segala yang benar, sedangkan daya kefahaman manusia terhadapnya amat terbatas. Ia juga ditegaskan di atas kelurusan fitrah manusia yang dapat memahami secara langsung kebenaran seluruh kandungan kitab Al-Qur'an dan memahami bahawa ia diturunkan dengan membawa kebenaran tanpa sebarang kebathilan dan kepalsuan dari mana-mana sudut sekalipun. Mereka berkejar di belakang ayat-ayat yang mutasyabihah kerana di dalam ayat-ayat ini mereka mendapat ruang-ruang untuk menabur fitnah dengan mengadakan ta'wilan-ta'wilan yang menggoncangkan 'aqidah dan menimbulkan perselisihan-perselisihan akibat kekacauan fikiran kerana memasuki bidang yang tidak dapat ditafsirkan dengan ta'wilan-ta'wilan dari daya fikiran.

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ

"Dan tiada yang mengetahui ta'wilannya melainkan Allah."

Tetapi bagi orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan mendalam - iaitu orang-orang yang ilmu pengetahuannya dapat memahami bidang-bidang akal dan tabi'at fikiran manusia dan memahami batas-batas bidang yang dapat diterokai akal manusia dengan alat-alat yang ada pada mereka - maka mereka berkata dengan penuh ketenangan dan keyakinan:

ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا

"Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah) semuanya dari sisi Tuhan kami belaka."

Sikap Ahli Ilmu Yang Matang

Ketenangan ini adalah didorong oleh keyakinan bahawa ayat-ayat yang mutasyabihah itu adalah dari Allah dan oleh itu jelaslah bahawa ayat-ayat itu adalah tetap benar dan segala apa yang dijelaskan Allah adalah tetap benar dan bukanlah dari tugas akal manusia dan bukan pula dalam lingkungan daya kemampuan akal manusia untuk mengkaji segala punca-punca dan sebab-sebabnya, dan bukan pula dalam lingkungan keupayaan mereka untuk memahami hakikat dan tabi'at sebab yang tersembunyi di sebaliknya.

Orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan mendalam dari awal-awal lagi yakin kepada kebenaran yang disampaikan kepada mereka dari Allah. Mereka yakin kepadanya dengan fitrah mereka yang benar dan bersambung dengan Allah. Kemudian mereka tidak menyimpan apa-apa keraguan di dalam akal mereka kerana mereka sedar bahawa di antara hakikat ilmu ialah menahan akal dari memikirkan perkara-perkara yang di luar bidang ilmu manusia dan perkara-perkara yang tidak membolehkan akal mengetahuinya dengan menggunakan wasilah dan alat-alat yang ada pada mereka.

Inilah pandangan yang benar dari orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan mendalam, kerana tiada orang yang gemar berlagak angkuh dan suka mengingkar melainkan orang-orang yang mempunyai ilmu yang cetek yang terpesona dengan kulit-kulit luar ilmu. Mereka menyangka diri mereka memahami segala sesuatu dan sesuatu yang tidak difahami mereka adalah dianggap tidak wujud, atau mereka memaksakan kefahaman mereka di atas segala hakikat. Oleh kerana itu mereka tidak membenarkan hakikat-hakikat itu wujud kecuali dalam bentuk yang difahami olehnya. Mereka bertindak menyesuaikan kalam Allah dengan pendapat-pendapat akal mereka, yang dihasilkan oleh akal fikiran mereka yang terbatas. Adapun ahli-ahli ilmu yang benar maka sikap mereka banyak merendahkan diri dan lebih bersedia menerima hakikat kelemahan akal manusia dari memahami hakikat-hakikat yang lebih besar dari daya kemampuannya dan mengatasi keupayaannya. Begitu juga mereka mempunyai fitrah yang amat jujur dan benar, yang sentiasa berhubung dengan kebenaran dan yakin kepadanya.

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

"Dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal." (7)

Seolah-olah, tiada hubungan di antara orang-orang yang berakal dengan usaha memahami kebenaran itu melainkan ialah keinginan mengambil pengajaran dan di waktu itu kebenaran yang tertanam di dalam fitrah mereka yang bersambung dengan Allah itu akan bergerak, muncul dan mengambil tempat yang teguh di dalam akal mereka.

Ketika itu lidah dan hati mereka akan berdo'a memohon dengan penuh khusyu' agar Allah meneguhkan pendirian mereka di atas kebenaran dan tidak membiarkan hati mereka menjadi sesat setelah mendapat hidayat serta melimpahkan rahmat dan kemurahan anugerah-Nya ke atas mereka. Mereka mengingati hari perhimpunan agung iaitu hari Qiamat yang tidak syak lagi akan berlaku dan hari perjanjian yang tidak akan dimungkiri:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ

رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا

يُخَلِّفُ الْمِيعَادَ ﴿٩﴾

"Wahai Tuhan Kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kami dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan Kami! Sesungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia pada hari Qiamat

yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji." (9)

Inilah keadaan dan sikap orang-orang yang mempunyai ilmu yang kukuh dan mendalam terhadap Allah. Itulah keadaan dan sikap yang sesuai dengan keimanan yang tercetus dari keyakinan kepada firman Allah dan janji-Nya kepada kalimah Allah dan kepada perjanjian-Nya, juga keimanan yang tercetus dari ma'rifat terhadap rahmat dan limpah kurnia Allah. Namun demikian perasaan bimbang (tetap wujud) terhadap keputusan qadha' dan qadar Allah yang ghaib. Perasaan taqwa, peka dan hati-hati yang diterapkan oleh keimanan ke dalam hati orang-orang yang beriman (tetap segar dan aktif). Oleh sebab itulah mereka tidak lalai, tidak tertipu dan tidak lupa siang dan malam.

Perasaan Bimbang Kembali Sesat

Hati yang Mu'min amat menyedari nilai mendapat hidayat selepas dilamun kesesatan, nilai penglihatan yang terang setelah (terseksa dengan penglihatan) yang rabun, nilai menemui jalan yang lurus setelah mengalami kebingungan dalam perjalanan, nilai keyakinan kepada kebenaran setelah sekian lama terumbang-ambing, nilai bebas dari perhambaan kepada sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa, nilai mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi dan besar selepas leka dengan minat dan cita-cita kecil dan rendah. Hati yang Mu'min menyedari bahawa Allah telah mengurniakan semua bekalan ini dengan sebab keimanan. Oleh sebab itu ia merasa bimbang dan takut kembali kepada kesesatan sebagaimana orang yang sedang berjalan di jalan yang lurus dan terang takut kembali meraba-raba di jalan yang berliku-liku dan gelap-gelita, dan sebagaimana orang yang sedang menikmati keteduhan naungan bayang yang lembut bimbang dan takut kembali diselar oleh pancaran cahaya tengahari yang panas terik. Dalam senyuman iman terdapat kemanisan yang tidak dapat difahami melainkan oleh orang yang pernah mengecapi ketandusan, kekeringan dan keseksaan jiwa yang pahit kerana mengingkarkan Tuhan. Dalam ketenangan iman terdapat kemanisan yang tidak dapat dinikmati melainkan oleh orang yang pernah merasa kemeranaan batin kerana kesesatan.

Oleh sebab itulah para Mu'minin bertawajjuh kepada Allah mengangkat do'a yang khusyu'.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا

"Wahai Tuhan Kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kami."

Mereka memohon rahmat Allah yang telah menolong mereka dengan ni'mat hidayat setelah mereka bergelombang di dalam kesesatan dan setelah mengurniakan kepada mereka rahmat yang tiada tolok bandingannya ini:

وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

"Dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengurnia." (8)

Mereka sedar dengan ilham dari keimanan mereka bahawa mereka tidak berupaya memperoleh sesuatu melainkan dengan limpah kurnia dan rahmat dari Allah dan mereka tidak dapat menguasai hati mereka kerana ia berada dalam genggam tangan qudrat Allah. Oleh sebab itulah mereka berdo'a kepada Allah agar Ia memberi pertolongan, kejayaan dan keselamatan kepada mereka.

Daripada 'Aisyah r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. seringkali berdo'a dengan do'a ini:

يا مقلب القلوب ثبت قلبي على دينك

"Wahai Tuhan yang mengubah hati, teguhkan hatiku di atas agama-Mu."

Lalu aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Alangkah banyaknya anda berdo'a dengan do'a ini" maka jawab beliau:

ليس من قلب إلا وهو بين أصبعين من أصابع الرحمن. إذا

شاء أن يقيمه أقامه، وإن شاء أن يزيغه أزاعه.

"Tiada hati melainkan semuanya berada di antara dua jari dari jari-jari Allah Yang Maha Penyayang. Jika Dia kehendaki membetulkannya Dia betulkannya dan jika Dia kehendaki menyesatkannya Dia sesatkannya."

Apabila hati yang Mu'min menyedari kesan masyi'ah Allah yang seperti ini, maka ia tidak mempunyai pilihan selain dari menambatkan dirinya pada tiang Allah dengan segala kesungguhan hati, dan berlingung di bawah naungan-Nya dengan penuh tekad dan bertawajjuh kepada-Nya, memohon limpah rahmat-Nya untuk mengekalkan perbendaharaan iman dan limpah anugerah yang telah dikurniakan Allah kepadanya.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 13)

Selepas penerangan ini Al-Qur'an beralih pula menjelaskan nasib kesudahan orang-orang yang kafir dan undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir menghukumkan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka, juga mengancam orang-orang yang kafir dari kaum Ahlil-Kitab yang menentang agama ini serta mengajar Rasulullah s.a.w. supaya memberi amaran kepada mereka dan mengingatkan mereka dengan peristiwa yang dilihat sendiri oleh mata mereka di dalam Peperangan Badar, di mana kumpulan para Mu'minin yang kecil dapat menewaskan kumpulan orang-orang kafir yang ramai:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا
أَوْلَادُهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَأُولَئِكَ هُمْ وَقُودُ النَّارِ ﴿١٠﴾

كَذَّابٍ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَّبُوا
بِعَايَاتِنَا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿١١﴾

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ

إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَيَسَّ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتْنِ الْأَتَقَاتِ فِئَةٌ

تَقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُمْ

مِثْلَيْهِمْ رَأَى الْعَيْنِ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِ مَن

يَشَاءُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي

الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun. Dan mereka adalah bahan-bahan bakar api Neraka(10). Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Dan Allah itu amat berat hukuman-Nya(11). Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahanam. Dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman (12). Sesungguhnya bagi kamu terdapat satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilullah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka. Dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya di dalam peristiwa itu terdapat pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati."(13)

Amaran Kepada Bani Israel

Ayat-ayat ini datang untuk ditunjukkan kepada Bani Israel dan mengancam mereka dengan nasib kesudahan yang telah menimpa orang-orang kafir sebelum dan selepas mereka. Ia mengandungi tarikan perhatian yang halus dan mendalam maksudnya. Ia mengingatkan mereka dengan nasib kesudahan yang telah diterima oleh kaum Fir'aun. Allah telah membinasakan kaum Fir'aun dan menyelamatkan Bani Israel. Tetapi ini bukanlah bererti Allah memberi hak istimewa kepada Bani Israel jika mereka memilih jalan yang sesat dan kafir. Ini tidaklah pula bererti Allah melindungi mereka dari dicap sebagai kafir apabila mereka menyeleweng dan menyelamatkan mereka dari menerima balasan orang-orang yang kafir di dunia dan Akhirat sebagaimana yang telah diterima oleh kaum Fir'aun yang mana Allah telah menyelamatkan kaum mereka darinya.

Begitu juga Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan kekalahan kaum kafir Quraysy di dalam Peperangan Badar, untuk menegaskan kepada mereka bahawa undang-undang Allah itu tidak pernah mungkir dan bahawa tiada siapa yang berkuasa menyelamatkan mereka dari balasan Allah seperti yang telah ditimpakan-Nya ke atas kaum Quraysy. Yang menjadi sebab dan punca balasan itu ialah kekafiran, tiada siapa pun yang mempunyai pengaruh ke atas Allah dan tiada siapa pun yang berhak mendapat syafa'at melainkan dengan keimanan yang betul.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا
أَوْلَادُهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan dapat sekali-kali diselamatkan oleh harta mereka dan tidak pula oleh anak-anak mereka dari 'azab Allah walau sedikit pun."

Harta kekayaan dan anak-anak merupakan tempat-tempat harapan untuk mendapat naungan dan perlindungan, tetapi kedua-duanya tidak berguna suatu apa pun pada hari Qiamat yang pasti akan tiba itu, kerana Allah tidak pernah memungkir janji-Nya. Pada hari itulah mereka akan menjadi:

هُمُ وَقُودُ النَّارِ

"Bahan-bahan bakar api Neraka."(10)

Ungkapan ini mencabut dari mereka segala ciri-ciri istimewa makhluk insan yang ada pada mereka dan menggambarkan mereka sebagai kayu-kayu dan bahan-bahan bakar sahaja.

Ya, harta kekayaan dan anak-anak yang disertai pula dengan pangkat kebesaran dan kuasa itu tidak dapat menyelamatkan mereka sedikit pun dari 'azab Allah di dunia ini:

كَذَابِ عَالِ فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَّبُوا
بِعَايَاتِنَا فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ
الْعِقَابِ

"Mereka seperti keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Allah seksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Allah itu amat berat hukuman-Nya."(11)

Ini adalah satu contoh yang telah berlalu dan berulang-ulang di dalam sejarah dan Allah telah mengesahkannya dengan terperinci di dalam kitab suci Al-Qur'an. Ia menggambarkan undang-undang Allah terhadap orang-orang yang mendustakan ayat-ayat-Nya, iaitu undang-undang yang dikendalikan-Nya mengikut kehendak iradat-Nya. Oleh itu jelaslah tiada keamanan dan tiada jaminan bagi setiap pendusta ayat-ayat Allah.

Kini jelaslah bahawa orang-orang yang kafir dan mendustakan da'wah Muhammad s.a.w. dan ayat-ayat Al-Qur'an yang membawa kebenaran yang diturunkan Allah kepada beliau adalah terdedah kepada akibat yang sama di dunia dan Akhirat. Oleh sebab itulah Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya memberi amaran kepada mereka terhadap akibat ini di dunia dan Akhirat dan mengemukakan contoh peristiwa di hari Peperangan Badar yang masih baru kepada mereka, kerana mereka mungkin terlupa terhadap contoh Fir'aun dan umat-umat sebelumnya yang telah mendustakan ayat-ayat Allah dan menerima balasan-Nya yang amat berat itu:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ
إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَيُسَّ السَّيِّئَاتِ

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan di dalam Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman (12).

Angkatan Mu'minin Yang Kecil Mengalahkan
Angkatan Kafirin Yang Besar

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئَتَيْنِ التَّوَّابَاتِ فِئَةٌ
تَقْتُلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُمْ
مِثْلَيْهِمْ رَأَى الْعَيْنِ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِ مَن
يَشَاءُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي
الْأَبْصَارِ

Sesungguhnya bagi kamu terdapat satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang, satu kelompok berperang kerana Sabilillah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka. Dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya di dalam peristiwa itu terdapat pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai matahati."(13)

Firman Allah Ta'ala:

يَرَوْنَهُمْ مِثْلَيْهِمْ رَأَى الْعَيْنِ

"Mereka melihat mereka (pejuang-pejuang Fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka"

dapat dimaknakan dengan dua tafsiran, iaitu (pertama) gantinama yang pertama pada kata-kata:

يَرَوْنَهُمْ

"Mereka melihat"

itu kembali kepada orang-orang kafir (yakni orang-orang kafir melihat) dan gantinama yang kedua pada kata-kata. "melihat mereka" kembali kepada orang-

orang Islam. Jadi erti ungkapan ini ialah: Orang-orang kafir yang ramai itu melihat orang-orang Islam yang sedikit itu sebanyak dua kali ganda bilangan mereka. Ini adalah dari kehendak tadbir Allah yang telah membuat daya khayal kaum Musyrikin melihat kaum Muslimin berada di dalam bilangan yang banyak, sedangkan bilangan mereka hanya sedikit dan kecil dan ini menyebabkan hati dan pendirian mereka menjadi goyah dan takut.

Tafsiran yang kedua ialah kebalikan dari tafsiran yang pertama iaitu orang-orang Islam melihat bilangan orang-orang kafir dua kali ganda lebih ramai dari mereka. Sedangkan sebenarnya bilangan kaum Musyrikin tiga kali ganda lebih ramai dari kaum Muslimin, namun demikian mereka berjuang dengan tabah dan berjaya mendapat kemenangan.

Yang penting di sini ialah Al-Qur'an mengembalikan kemenangan itu kepada pertolongan dan tadbir Allah kerana ini merupakan penghinaan dan amaran kepada orang-orang yang kafir di samping merupakan penegasan kedudukan orang-orang yang beriman dan pengecilan terhadap kedudukan musuh-musuh mereka supaya mereka tidak takut kepada musuh-musuh mereka. Keadaan di masa itu memang memerlukan berlakunya peristiwa yang menentukan kalah dan menang itu sebagaimana kami telah terangkan di dalam pendahuluan surah ini dan Al-Qur'an telah bekerja di sana sini.

Dan Al-Qur'an terus bekerja dengan hakikatnya yang agung dan dengan isi kandungannya yang sama dengan hakikat ini, iaitu janji Allah yang akan menimpakan kekalahan ke atas orang-orang kafir yang mendusta dan menyeleweng dari sistem Allah itu adalah teguh pada setiap sa'at. Begitu juga janji Allah yang akan menolong kelompok orang-orang yang beriman walaupun bilangan mereka kecil adalah tetap teguh pada setiap sa'at.

Hakikat kemenangan yang bergantung kepada pertolongan Allah - yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya itu - adalah satu hakikat yang tetap teguh tidak berganjak dan menjadi undang-undang yang tetap berkuatkuasa tanpa berhenti.

Kewajipan kelompok orang-orang yang beriman ialah menaruh keyakinan kepada hakikat ini dan meletakkan kepercayaan mereka pada janji Allah, berusaha melengkapkan diri dengan sempurna, bersabar sehingga diizinkan Allah dan jangan bersikap gopoh dan berputus asa apabila masa yang dijanjikan itu dirasakan mereka terlalu lama. Kerana masa yang ghaib (dari pengetahuan orang-orang beriman) itu tetap wujud di dalam ilmu Allah yang mengendalikan segala pentadbiran dengan kebijaksanaan-Nya dan masa itu sengaja ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang dapat merealisasikan kebijaksanaan itu.

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya dalam peristiwa itu terdapat pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati." (13)

Mata pastilah memandang lebar dan hati nurani pastilah berfikir panjang untuk membolehkan pengajaran itu dicungkil dan diingati oleh hati. Jika tidak, maka pengajaran itu akan berlalu begitu sahaja pada setiap sa'at di waktu malam dan siang.

* * * * *

Dalam bidang pendidikan kelompok Muslimin, Al-Qur'an mendedahkan kepada mereka pendorong-pendorong atau kecenderungan-kecenderungan semulajadi manusia yang halus yang menjadi titik tolak penyelewengan apabila kecenderungan-kecenderungan itu tidak dikawal dengan penuh kewaspadaan dan apabila jiwa manusia tidak mempunyai cita-cita yang tinggi dan tidak menyintai ni'mat-ni'mat yang disediakan di sisi Allah yang lebih baik dan lebih bersih.

Keinginan Semulajadi Manusia

Perbuatan asyik dan leka dalam memuaskan keinginan nafsu yang rendah dan melayani kecenderungan-kecenderungan semulajadi itulah yang membuat hati manusia terlalu sibuk untuk berfikir dan mengambil i'tibar. Ia mendorong manusia membenamkan diri mereka di dalam urusan kení'matan-kení'matan fizikal yang dekat dan menghalangkan mereka dari kení'matan-kení'matan yang lebih luhur dan tinggi. Ia menjadikan perasaan manusia kasar hingga mereka tidak dapat mencapai kení'matan meletakkan harapan pada ni'mat-ni'mat (yang lebih tinggi) yang wujud di sebalik kení'matan yang dekat itu. Ia juga tidak dapat mencapai kení'matan mempunyai minat dan cita-cita yang besar yang layak dengan peranan manusia yang agung di bumi ini dan layak dengan makhluk yang telah dilantikkan Allah selaku khalifah di dalam kerajaan bumi yang lebar ini.

Namun demikian oleh sebab keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan ini merupakan keinginan-keinginan semulajadi yang ditugaskan oleh Allah untuk memainkan peranan yang asasi bagi memelihara hayat manusia dan kesinambungannya, maka Islam tidak menyaran agar keinginan-keinginan itu ditekan dan dibunuh. Malah ia menyaran supaya keinginan itu dikawal, diatur, dikurangkan kecenderungannya dan ditahankan sifat keterburuannya. Islam menyaran agar seseorang itu mengawal dan menguasai dorongan-dorongan keinginan-keinginannya bukannya dikuasai oleh keinginan-keinginannya. Islam menyuruh seseorang itu menguatkan semangat mempertingkatkan diri dan memandang kepada matlamat-matlamat yang lebih tinggi.

Oleh sebab itulah ayat-ayat Al-Qur'an yang mengendali bimbingan pendidikan ini membentangkan keinginan semulajadi ini dan di sampingnya ia membentangkan sejauh mata memandang berbagai-bagai jenis kení'matan jiwa raga di alam Akhirat yang akan dicapai oleh mereka yang berjaya mengawal diri mereka di dalam

kehidupan dunia ini dari asyik dan leka di dalam kenikmatan-kenikmatannya yang amat enak dan berjaya memelihara sifat-sifat kemanusiaan mereka yang luhur.

Hanya dalam sepotong ayat sahaja, Al-Qur'an mengumpulkan kenikmatan-kenikmatan dunia yang paling disukai oleh nafsu manusia, iaitu wanita, anak-anak, harta kekayaan yang banyak, kuda-kuda, ladang-ladang dan bendang-bendang yang subur dan ternakan. Inilah intisari dari kenikmatan-kenikmatan dunia yang digemari manusia sama ada kegembiraan itu kerana kenikmatan-kenikmatan itu sendiri atau dengan sebab kenikmatan-kenikmatan itu dapat memberi kenikmatan-kenikmatan yang lain kepada mereka. Kemudian di dalam ayat selanjutnya Al-Qur'an membentangkan kenikmatan-kenikmatan yang lain di alam Akhirat, iaitu taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, isteri-isteri yang suci dan kemuncaknya ialah keredhaan Allah. Semua kenikmatan-kenikmatan ini disediakan untuk mereka yang memandang lebih jauh dari ni'mat-ni'mat dunia dan menyambungkan hatinya dengan Allah sebagaimana diterangkan oleh dua rangkaian ayat yang berikut:

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 17)

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ
وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ
مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ
الْمَبَادِئِ ۝١٤

قُلْ أَوْفُوا بِعَهْدِكُمْ إِذْ عٰمَدْتُمْ ۚ وَالَّذِينَ آتَقَوْا
عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّتْ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّنَ
اللَّهِ وَاللَّهُ بِصِيرٍ بِالْعِبَادِ ۝١٥

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا
ذُنُوبَنَا وَرِقْنَا عَذَابَ النَّارِ ۝١٦

الصَّالِحِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقَانِتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ
وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالسَّحَارِ ۝١٧

"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan iaitu kepada wanita, anak-anak, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas, perak, kuda yang dipelihara, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah kenikmatan hidup dunia dan di sisi Allah terdapat tempat kediaman yang baik (Syurga)(14). Katakanlah! Inginkah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih baik dari kenikmatan-kenikmatan itu semua? Untuk orang-orang yang benar bertaqwa telah disediakan di sisi Tuhan mereka taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Mereka akan kekal (hidup) di dalamnya, (disediakan) juga isteri-isteri yang suci serta (beroleh) keredhaan dari Allah. Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya(15). Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka(16). Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfakkan (kejalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu sahur(17)."

"زَيْنَ لِلنَّاسِ"- "Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia.". Penggunaan "sighah majhul"⁵ di sini menunjukkan bahawa susunan kejadian semulajadi mereka mengandungi kecenderungan dan keinginan ini, iaitu suatu kecenderungan yang amat digemari dan dihiaskan dengan indahnya. Ini adalah penjelasan hakikat (fitrah manusia) dari salah satu dari dua bahagiannya, kerana dalam diri manusia terdapat kecenderungan kepada keinginan-keinginan ini, iaitu keinginan-keinginan yang menjadi sebahagian dari susunan kejadiannya yang semulajadi dan keinginan-keinginan ini sendiri tidak perlu ditentang dan dikedam kerana ia merupakan suatu keinginan yang perlu bagi kehidupan manusia agar kewujudan mereka bertunjang kuat, subur dan berterusan sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini, tetapi realiti hidup juga menyaksikan bahawa fitrah manusia mempunyai satu bahagian lagi yang mengimbangi kecenderungan ini. Bahagian ini berfungsi mengawal manusia supaya tidak leka dalam keinginan itu sahaja dan supaya tidak hilang kekuatan tiupan ilahi (yang ada di dalam rohnya) atau hilang kekuatan maknanya dan saranannya. Bahagian yang satu lagi ini ialah bahagian kebolehan manusia mempertingkatkan dirinya dan kebolehan mengawal diri dan menahankannya di tahap yang selamat ketika melayani kecenderungan-kecenderungan dan keinginan-keinginan nafsu itu, iaitu tahap yang dapat membina diri dan kehidupan di samping memelihara cita-cita yang berterusan untuk mengangkat dan mempertingkatkan kehidupannya ke maqam puncak yang diseru oleh tiupan ilahi (yang ada di dalam rohnya) dan untuk menghubungkan hatinya dengan alam al-Mala'ul-A'la dan dengan negeri Akhirat dan keredhaan Allah. Kebolehan yang kedua ini memurnikan kebolehan yang pertama dan membersihkannya dari kekotoran-kekotoran dan meletakkannya di garis sempadan yang aman, di mana aspek kenikmatan fizikal dan cita-cita yang

⁵ صياغة الفعل للمجهول

dekat itu tidak mengatasi ruh insaniah dan cita-citanya yang jauh, tidak menggugat hala tujuannya kepada Allah dan tidak merosakkan taqwanya. Kebolehan yang kedua ini merupakan garis naik dan peningkatan diri menuju cita-cita yang jauh.

زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ

"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan."

Iaitu keinginan-keinginan yang disukai dan digemari bukannya keinginan-keinginan yang kotor dan jijik. Ungkapan ayat ini tidak menyaran supaya memandang kotor dan bencikan keinginan-keinginan itu, malah ia hanya menyaran supaya mengenal tabi'at dan pendorong-pendorong keinginan-keinginan itu dan meletakkannya di tempat yang wajar supaya ia tidak mencerobohi matlamat-matlamat yang lebih mulia dan tinggi dalam kehidupan manusia, juga menyaran supaya memandang kepada matlamat-matlamat yang lain setelah memuaskan keinginan-keinginan itu sekadar yang diperlukan tanpa leka dan membenamkan diri di dalamnya.

Di sinilah letaknya keistimewaan Islam melayani fitrah manusia dan menerimanya dengan realitinya, sambil berusaha memurnikan dan meningkatkannya bukan menekan dan menindaskannya. Orang-orang yang bercakap pada hari ini tentang "tekanan" dan akibatnya yang buruk dan tentang "kompleks jiwa" yang berlaku sebagai akibat dari tekanan dan tindasan itu menjelaskan bahawa punca utama kompleks itu ialah "tekanan" bukannya "kawalan", iaitu memandang kotor dan menentang keinginan-keinginan semulajadi itu pada dasarnya hingga membuat seseorang itu tertindas di bawah dua tekanan yang bertentangan, iaitu tekanan perasaannya - yang diwujudkan oleh saranan, atau agama atau tradisi - bahawa keinginan-keinginan semulajadi itu adalah keinginan-keinginan yang kotor dan tidak harus wujud sama sekali, kerana ia merupakan keinginan-keinginan yang berdosa dan keinginan syaitan, juga tekanan keinginan-keinginan semulajadi itu sendiri yang tidak dapat dibendung kerana kedudukannya yang begitu mendalam di dalam fitrah manusia dan kerana ia mempunyai fungsi yang kuat di dalam kehidupan manusia, yang mana kehidupan itu tidak sempurna melainkan dengannya dan ia tidak diciptakan Allah di dalam fitrah manusia dengan sia-sia. Di waktu itu dan dalam pertarungan itulah terjadinya "kompleks-kompleks jiwa". Sekalipun apabila kita menerima teori-teori kaji jiwa ini dari segi hujahnya, namun kita berpendapat bahawa Islam telah menjamin keselamatan manusia dari pertarungan ini, iaitu pertarungan yang berlaku di antara dua bahagian jiwa manusia, di antara keinginan-keinginan nafsu dan kenikmatan dengan keinginan-keinginan kepada peningkatan diri dan

Islam dapat merealisasikan kegiatan yang berterusan kedua-dua bahagian ini dalam batas yang sederhana.⁶

زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ

"Dihiaskan dengan indahnya kepada manusia kecintaan kepada keinginan-keinginan iaitu kepada wanita, anak-anak, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas, perak, kuda yang dipelihara, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang."

Wanita dan anak-anak merupakan keinginan dari keinginan-keinginan jiwa manusia yang kuat kemudian digandingkan pula kepada keduanya keinginan kepada "harta kekayaan yang bertimbun-timbun" dari emas dan perak. Keinginan yang tamak kepada harta kekayaan itu digambarkan dengan ungkapan:

وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ

"Harta kekayaan yang bertimbun-timbun."

Sekiranya Al-Qur'an semata-mata bermaksud menyatakan keinginan kepada harta sahaja tentulah ia mengungkapkan dengan kata-kata "harta kekayaan" atau "emas dan perak" sahaja, tetapi ungkapan "harta kekayaan yang bertimbun-timbun" itu memberi satu bayangan khas yang memang dimaksudkan, iaitu bayangan keinginan yang tamak untuk mengumpulkan emas dan perak bertimbun-timbun banyaknya. Kerana penimbunan harta kekayaan itu sendiri merupakan satu keinginan yang berasingan tanpa memandang kepada sejauh mana harta kekayaan itu dapat menyempurnakan keinginan-keinginan yang lain kepada pemiliknyanya.

Kemudian digandingkan kepada wanita, anak-anak dan harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas dan perak itu, keinginan kepada kuda-kuda peliharaan. Hingga ke zaman alat kebendaan (yang maju) pada hari ini, kuda masih tetap merupakan perhiasan yang digemari dan disukai, kerana pada kuda terdapat kecantikan, kesatriaian, kebebasan dan kekuatan di samping kecerdikan, kejinakan dan kemesraan sehingga orang-orang yang tidak menunggangnya juga turut terpesona melihatnya selama ada di dalam hati mereka semangat yang dinamis yang bersemarak apabila melihat kuda-kuda muda yang kuat.

Kemudian digandingkan lagi kepada keinginan-keinginan itu keinginan kepada ternakan dan sawah ladang. Biasanya kedua-duanya bergandingan satu sama lain dalam minda dan realiti. Di mana ada

⁶ Lihat huraian yang luas di dalam buku "الإيمان بين المادية والإسلام" oleh Muhammad Qutb.

ternakan di sana ada sawah ladang yang subur. Manusia gemarkan sawah ladang kerana di sana terdapat pemandangan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan yang subur. Pemandangan hayat yang berkembang di sana merupakan satu pemandangan yang menimbulkan rasa kemesraan dan apabila pemandangan itu ditambahkan pula dengan keinginan memilik maka sawah ladang dan ternakan menjadi sesuatu yang amat diingini manusia.

Keinginan-keinginan yang disebutkan di sini merupakan satu contoh dari keinginan-keinginan manusia, iaitu keinginan-keinginan yang menggambarkan keinginan masyarakat yang mula-mula dihadapakan Al-Qur'an ini kepadanya. Di antara keinginan-keinginan itu ada keinginan yang menjadi keinginan setiap manusia di sepanjang zaman. Al-Qur'an menayangkan keinginan-keinginan itu, kemudian ia menjelaskan nilainya yang sebenar supaya keinginan-keinginan itu tetap berada di tempatnya yang wajar tanpa melampaui batasnya dan tanpa mencerobohi nilai-nilai yang lain:

ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

"Itulah kenikmatan hidup dunia." (14)

Yakni segala kenikmatan dan keinginan yang dibentangkan oleh Al-Qur'an itu adalah kenikmatan hidup dunia sahaja, bukannya kenikmatan hidup yang luhur dan bukannya matlamat-matlamat hidup yang jauh. Ia hanya suatu kenikmatan hidup di bumi yang dekat ini sahaja. Oleh itu sesiapa yang inginkan kenikmatan yang lebih baik dari itu, iaitu kenikmatan yang lebih luhur yang dapat mempertingkatkan seseorang (ke maqam yang tinggi) dan dapat memeliharakannya dari terleka di dalam keinginan-keinginan itu dan dari keasyikan menyembamkan diri di bumi tanpa melihat ke langit dan siapa yang ingin mendapatkan kenikmatan yang lebih baik maka ia boleh mendapati kenikmatan itu di sisi Allah. Dan kenikmatan inilah yang boleh menggantikan kenikmatan dari keinginan-keinginan itu.

قُلْ أَوْنَيْبُكُمْ بِخَيْرٍ مِّنْ ذَلِكَ لِّلَّذِينَ اتَّقَوْا
عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّنْ
اللَّهِ وَاللَّهُ بِالصَّيْرِ بِالْعِبَادِ

"Katakanlah! Inginkah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih baik dari kenikmatan-kenikmatan itu semua? Untuk orang-orang yang benar bertaqwa telah disediakan di sisi Tuhan mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai. Mereka akan kekal (hidup) di dalamnya, (disediakan) juga isteri-isteri yang suci serta (beroleh) keredhaan dari Allah. Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya." (15)

Kenikmatan-kenikmatan Dunia Dan Kenikmatan-kenikmatan Akhirat

Kenikmatan Akhirat yang disebut oleh ayat ini dan diperintahkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikan beritanya kepada orang-orang yang bertaqwa adalah pada umumnya merupakan kenikmatan fizikal. Tetapi di sana terdapat satu perbezaan pokok di antaranya dengan kenikmatan dunia, iaitu kenikmatan Akhirat hanya dapat dicapai oleh orang-orang yang bertaqwa, iaitu orang-orang yang sentiasa takut dan mengingati Allah di dalam hati mereka. Perasaan taqwa ialah perasaan yang memurnikan jiwa dan hati, perasaan yang mengawal hati dari dilekakan oleh keinginan-keinginan nafsu dan dari tertunduk kepadanya seperti haiwan. Oleh itu apabila orang-orang yang bertaqwa kepada Allah mengharapkan kenikmatan-kenikmatan fizikal yang ditabsyirkan Allah itu, maka mereka mengharapkannya dengan perasaan yang halus yang bersih dari kekasaran dan keinginan kebinatangan. Mereka mengharapkan kenikmatan tu semasa mereka berada di bumi ini lagi dan sebelum perjalanan mereka tamat di sisi Allah.

Kenikmatan yang bersih dan suci ini merupakan suatu tukaran yang sempurna bagi kenikmatan dunia, malah terdapat kelebihan yang lain lagi, iaitu jika kenikmatan mereka di dunia berupa sawah ladang yang subur, maka kenikmatan di Akhirat berupa kebun-kebun yang lengkap sempurna, di mana mengalir di bawahnya aneka sungai dan selain dari itu, kenikmatan ini pula kekal buat selama-lamanya dan mereka hidup di sana kekal abadi bukan seperti ni'mat sawah ladang dunia yang terbatas waktunya. Dan jika kenikmatan mereka di dunia berupa wanita-wanita dan anak-anak, maka kenikmatan di Akhirat berupa isteri-isteri yang suci dan kesucian ini merupakan suatu kelebihan dan ketinggian yang mengatasi kenikmatan-kenikmatan hidup di bumi.

Di dunia, kuda-kuda peliharaan, ternakan, harta kekayaan yang bertimbun-timbun dari emas dan perak merupakan alat-alat untuk menghasilkan kenikmatan-kenikmatan hidup, tetapi kenikmatan-kenikmatan di Akhirat tidak memerlukan kepada alat-alat dan wasilah-wasilah yang seperti itu untuk mencapai matlamat-matlamat kenikmatan itu.

Kemudian di Akhirat terdapat sesuatu yang lebih besar dari segala kenikmatan, iaitu:

وَرِضْوَانٌ مِّنْ اللَّهِ
"Keredhaan dari Allah."

Keredhaan ini menyamai nilai kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat kedua-dua sekali, malah lebih lagi, iaitu keredhaan dengan segala bunyi katanya yang lemah-lembut dan segala bayangan pengertiannya yang penuh dengan kasih dan mesra.

وَاللَّهُ بِالصَّيْرِ بِالْعِبَادِ

"Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya."

Yakni Allah melihat hakikat fitrah mereka dengan segala kecenderungan dan keinginannya. Allah melihat segala bimbingan dan arahan yang mendatangkan kebaikan kepada fitrah mereka. Allah melihat perubahan fitrah mereka semasa hidup dan selepas hidup.

Sifat-sifat Para Hamba Yang Bertaqwa

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan keadaan para hamba yang bertaqwa kepada Allah itu, iaitu keadaan yang mewajarkan mereka menerima keredhaan Allah:

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا أَمْنَا فَاغْفِرْ لَنَا

ذُنُوبَنَا وَوَقْنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦﴾

الصَّابِرِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقَانِتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ

وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

"Iaitu orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu ampunkanlah dosa-dosa kami dan selamatkan kami dari 'azab Neraka (16). Iaitu orang-orang yang sabar, orang-orang yang benar, orang-orang yang ta'at, orang-orang yang menginfakkan (ke jalan Allah) dan orang-orang yang memohon keampunan di waktu sahur." (17)

Ungkapan do'a mereka membuktikan ketaqwaan mereka. Ia merupakan satu pengumuman iman, satu permohonan syafa'at di sisi Allah, satu permohonan keampunan dan pemeliharaan dari 'azab Neraka.

Dalam setiap sifat mereka terdapat ciri yang amat bernilai di dalam kehidupan manusia dan kehidupan kelompok Muslimin.

Dalam sifat sabar terdapat ciri memandang enteng kepada kesakitan dan penderitaan, ciri gigih memikul tugas-tugas da'wah dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang benar, menyerah dan berserah kepada Allah dan kepada apa sahaja masyi'ah-Nya terhadap mereka dan menerima keputusan dari kebijaksanaan dan keredhaan-Nya.

Dalam sifat benar terdapat ciri berpegang teguh dengan kebenaran yang menjadi asas kewujudan dan memandang rendah kepada kelemahan, kerana sifat berdusta adalah lahir dari kelemahan untuk berkata benar demi menghindari sesuatu bahaya atau mencari sesuatu faedah.

Di dalam sifat ta'at kepada Allah terdapat ciri menunaikan hak Uluhiyah dan menunaikan kewajipan 'Ubudiyah, menegakkan kehormatan diri dengan menunjukkan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa, yang mana tiada keta'atan kepada yang lain dari-Nya.

Di dalam sifat infaq terdapat ciri pembebasan diri dari perhambaan harta dan dari belenggu kebakhilan dan menegakkan hakikat persaudaraan insaniah di atas keinginan dan kenikmatan peribadi dan

mewujudkan hubungan saling bantu-membantu di antara mereka yang layak dengan alam yang didiami manusia.

Memohon keampunan di waktu sahur memberi bayangan-bayangan yang lemah-lembut dan mendalam. Kata-kata "al-Ashar" itu sendiri menggambarkan bayangan masa akhir malam sebelum fajar, iaitu masa, di mana suasana kelihatan begitu jernih, lembut dan tenang dan di mana hati melepaskan bisikan-bisikannya yang terpendam dan apabila gambaran memohon keampunan itu bercantum dengan masa itu, maka ia akan memantulkan bayangan-bayangan yang menyerap di alam jiwa dan di hati alam al-wujud dan membuat ruh manusia bertemu dengan ruh alam buana dan sama-sama bertawajjuh kepada Allah Pencipta alam buana dan manusia.

Orang-orang yang sabar, yang benar, yang ta'at, yang menginfakkan dan yang memohon keampunan di waktu sahur itu akan memperoleh:

وَرِضْوَانٌ مِّنَ اللَّهِ

"Keredhaan dari Allah." (15)

Merekalah orang-orang yang layak menerima keredhaan Allah. Bayangan keredhaan itu sungguh lembut dan maknanya sungguh mesra dan keredhaan itu adalah lebih baik dari segala keinginan dan kenikmatan.

Demikianlah Al-Qur'an memulakan pembicaraan tentang jiwa manusia dari tempatnya di muka bumi ini kemudian sedikit demi sedikit ia membawanya ke ufuk-ufuk yang tinggi dan gemilang hingga berakhir ke alam al-Mala'ul-'Ala dengan mudah dan selesa, dengan lemah-lembut dan kasihan belas, dengan menghormati seluruh fitrahnya, seluruh keinginan dan kecenderungannya, menghormati titik-titik kelemahannya, merangsangkan tenaga-tenaga dan kerinduan-kerinduannya tanpa menekan dan memaksa dan tanpa merentikan perjalanan hidup. Itulah undang-undang Allah dan itulah peraturan Allah bagi fitrah manusia.... "والله بصير بالعباد" – "Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya." (15).....

* * * * *

Hakikat Islam

Sampai di sini berakhirnya rangkaian ayat-ayat surah ini yang bertujuan menjelaskan hakikat-hakikat tauhid, iaitu tauhid Uluhiyah dan Qiwwamah / Pentadbiran, tauhid kitab suci dan tauhid risalah, juga menggambarkan pendirian para Mu'minin yang sebenar dan orang-orang yang menyeleweng yang mempunyai kecenderungan yang sesat di dalam hati mereka terhadap ayat-ayat Allah dan kitab-Nya. Kemudian ia mengancam orang-orang yang menyeleweng dengan akibat buruk yang telah menimpa orang-orang yang kafir di zaman-zaman dahulu dan sekarang, kemudian ia mendedahkan

keinginan-keinginan semulajadi yang melalaikan seseorang dari mengambil pengajaran dan menggambarkan keadaan hubungan orang-orang yang bertaqwa dengan Allah dan bagaimana mereka mencari perlindungan pada Allah.

Kini - dan hingga ke penghabisan pelajaran ini - kita dapati diri kita berdepan dengan satu hakikat yang lain, iaitu hakikat yang merupakan kehendak dari hakikat tauhid yang utama, kerana hakikat tauhid memerlukan buktinya di alam realiti hidup manusia dan inilah yang mahu dijelaskan oleh bahagian yang kedua dari pelajaran ini.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan dengan mengulangi semula penjelasan tentang hakikat tauhid yang utama itu untuk menerangkan kesan-kesannya yang tetap. Al-Qur'an memulakan dengan pengakuan Allah S.W.T. sendiri bahawa: "Tiada Tuhan melainkan Allah" dan pengakuan para Malaikat dan para ahli ilmu terhadap hakikat tauhid ini. Di samping itu Al-Qur'an menjelaskan sifat Allah yang bersangkutan dengan pentadbiran menegakkan keadilan dalam urusan manusia dan urusan alam buana.

Selama Allah sahaja yang berhak dengan sifat Uluhiyah dan Qiwamah/Pentadbiran, maka kewajipan yang pertama dari pengakuan terhadap hakikat ini ialah membuat pengakuan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa dan pengakuan berhakimkan kepada Allah dalam segala urusan manusia, juga penyerahan diri dan keta'atan kepada Allah dan kepatuhan menjunjung kitab suci-Nya dan ajaran-ajaran Rasul-Nya s.a.w.

Hakikat ini terkandung di dalam firman-Nya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

"*Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam.*"(19)

Yakni Allah tidak menerima agama yang lain dari agama Islam dari sesiapa pun. Erti Islam ialah menyerah, ta'at dan mengikut. Di sini jelaslah bahawa agama yang diterima oleh Allah dari manusia itu bukannya semata-mata kefahaman di dalam akal atau kepercayaan di dalam hati, malah ianya adalah melaksanakan kewajipan dari kepercayaan dan kefahaman itu, iaitu berhakimkan kepada undang-undang Allah di dalam seluruh urusan hidup manusia, ta'at kepada hukum-hukum-Nya dan mengikut ajaran Rasul-Nya.

Al-Qur'an menyatakan kehairanan-Nya terhadap sikap kaum Ahlil-Kitab dan membuka tembelang mereka apabila mereka mendakwa bahawa mereka berpegang dengan agama Allah kemudian..

يُدْعُونَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ تَتَوَلَّى فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"*Mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka, kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka membelakangi (kebenaran).*"(23)

Perbuatan ini pada dasarnya telah membatalkan dakwaan mereka bahawa mereka berpegang dengan agama Allah. Oleh itu tiada agama yang diterima oleh Allah melainkan agama Islam dan tiada Islam melainkan dengan menyerah diri kepada Allah, menta'ati Rasul-Nya, mengikut peraturan dan undang-undang-Nya dan berhakimkan kitab suci Al-Qur'an dalam seluruh urusan kehidupan.

Al-Qur'an mendedahkan punca yang membuat mereka menolak dan membelakangi keimanan itu dan kata-kata "*membelakangi*" itu merupakan pengungkapan yang haqiqi yang menggambarkan ketiadaan kepercayaan kepada agama Allah, punca penolakan itu ialah kerana mereka tidak percaya kepada kesungguhan dasar "*keadilan*" dalam balasan Allah pada hari hisab:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَنْ نَمَسَّنَا النَّارَ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ وَغَرَّهُمْ فِي دِينِهِمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"*Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka.*"(24)

Mereka semata-mata berpegang kepada alasan kerana mereka kaum Ahlil-Kitab. Ini adalah satu keangkuhan menipu diri sendiri, kerana sebenarnya mereka bukannya Ahlil-Kitab dan mereka sama sekali tidak beriman, dan sama sekali tidak berpegang dengan agama Allah. Mereka pernah diseru supaya berhakimkan kepada kitab Allah, tetapi sebahagian dari mereka membelakangi seruan itu.

Dengan ayat yang tegas Allah S.W.T. menjelaskan di dalam Al-Qur'an makna agama dan hakikat beragama. Oleh itu Allah tidak menerima dari hamba-Nya melainkan satu bentuk agama yang bersih dan jelas. Yang dimaksudkan dengan agama itu ialah Islam. Dan erti Islam ialah keta'atan berhakimkan kepada kitab Allah, mematuhi dan mengikutinya. Sesiapa yang tidak berbuat demikian, maka tidak ada agama baginya dan dia bukannya seorang Muslim walaupun dia mendakwa beragama Islam dan berpegang dengan agama Allah. Kerana agama Allah digaris, dijelas dan ditafsirkan oleh Allah sendiri dan bukannya tunduk kepada pentafsiran dan penggarisan hawa nafsu manusia yang masing-masing menggaris dan mentafsirkan mengikut sesuka hati mereka.

Malah orang yang mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia - dan ta'rif orang-orang kafir mengikut apa yang telah dijelaskan oleh rangkaian ayat-ayat ini ialah mereka yang tidak menerima dasar berhakimkan kepada kitab-kitab Allah - maka:

فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ

"Maka ia tidak mempunyai apa hubungan dengan Allah sedikit pun(28)

ia tidak lagi mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah apabila ia menjelaskan orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia atau dia menolong atau memohon pertolongan orang-orang kafir yang enggan berhakimkan kitab Allah walaupun mereka mendakwa bahawa mereka berada di atas agama Allah.

Amaran terus ditekankan terhadap pengambilan orang-orang kafir sebagai sahabat-sahabat setia yang boleh menghapuskan agama dari akar umbinya itu. Di samping amaran ditambahkan pula dengan penerangan membuka mata kaum Muslimin terhadap hakikat kuasa-kuasa yang bertindak di alam al-wujud ini, iaitu Allahlah satu-satunya kuasa yang mentadbir, menguasai kerajaan alam buana. Dialah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mencabut kekuasaan dari sesiapa yang dikehendaki-Nya, Dialah yang memuliakan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menghinakan sesiapa yang dikehendaki-Nya. Pentadbiran-Nya terhadap urusan manusia merupakan sebahagian dari pentadbiran-Nya terhadap seluruh alam buana. Dialah juga yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam. Dialah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Inilah pentadbiran menegakkan keadilan dalam urusan manusia dan urusan alam buana. Oleh itu jelaslah tiada sebab wujudnya naungan yang lain dari naungan Allah, iaitu naungan dari hamba-hamba-Nya walaupun sebanyak mana mereka mempunyai kekuatan, harta kekayaan dan anak-pinak.

Amaran yang tegas dan berulang-ulang ini membayangkan sesuatu yang telah berlaku di dalam kelompok Muslimin pada masa itu, iaitu wujudnya suatu keadaan yang tidak jelas dan wujudnya setengah-setengah mereka yang masih berpegang teguh dengan hubungan kekeluargaan, perkauman dan perekonomian dengan kaum Musyrikin di Makkah dan dengan kaum Yahudi di Madinah. Inilah keadaan yang memerlukan amaran dan penjelasan. Di samping itu ia juga membayangkan tabi'at kecenderungan jiwa manusia ke arah terpengaruh kepada kuasa-kuasa manusia yang zahir dan betapa perlunya mereka diperingatkan dengan hakikat yang sebenar dan dengan hakikat kuasa yang sebenar di samping perlunya dijelaskan dasar 'aqidah dan kehendak-kehendaknya di dalam realiti kehidupan.

Pelajaran ini diakhiri dengan satu pertanyaan yang tegas dan pemutus, iaitu Islam ialah keta'atan kepada Allah dan Rasul dan jalan menuju kepada Allah ialah jalan mengikuti Rasulullah s.a.w., bukannya semata-mata kepercayaan dengan hati dan pengakuan dengan lidah semata-mata:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ

"Katakanlah jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu."(31)

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْكَافِرِينَ

"Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

Yakni salah satu dari dua sama ada menunjukkan keta'atan dan ikutan yang disukai Allah atau menunjukkan kekufuran yang dibencikan Allah, inilah persimpangan jalan yang terang dan jelas.

Marilah kita masuk ke dalam pentafsiran yang terperinci setelah mempelajari intisarinya.

(Pentafsiran ayat 18)

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ

وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ

"Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil. Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

Inilah hakikat utama yang menjadi tapak asas kepercayaan dan i'tiqad di dalam Islam. Inilah hakikat tauhid, iaitu tauhid Uluhiyah dan tauhid Qiwwamah/Pentadbiran iaitu pentadbiran yang menegakkan keadilan. Inilah hakikat yang dinyatakan pada permulaan surah ini:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir"(2)

hakikat ini bertujuan menjelaskan hakikat 'aqidah Islamiyah dari satu segi dan menghapuskan kekeliruan-kekeliruan yang ditaburkan oleh Ahlil-Kitab dari satu segi yang lain pula, iaitu menghapuskan kekeliruan dari kaum Ahlil-Kitab itu sendiri dan juga dari kaum Muslimin kerana mungkin kekeliruan-kekeliruan itu mempengaruhi 'aqidah mereka.

Pengakuan Allah S.W.T. sendiri bahawa tiada Tuhan yang lain melainkan Dia merupakan satu pengakuan yang cukup bagi mereka yang beriman kepada Allah. Mungkin ada yang berkata: Pengakuan Allah itu tidak mencukupi melainkan bagi mereka yang beriman kepada Allah dan mereka yang beriman kepada Allah itu pula tidak memerlukan kepada pengakuan Allah, tetapi sebenarnya kaum Ahlil-Kitab memang beriman kepada Allah, tetapi dalam waktu yang sama mereka

meng'itiqadkan Allah itu mempunyai anak dan sekutu, malah kaum Musyrikin juga beriman kepada Allah, tetapi mereka disesatkan dari segi kepercayaan kepada sekutu-sekutu, tandingan-tandingan dan anak-anak Allah lelaki dan perempuan. Oleh itu apabila Allah menjelaskan kepada kedua-dua golongan ini bahawa Allah S.W.T. sendiri menyaksi dan mengakui bahawa tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, maka penjelasan itu merupakan satu penjelasan yang kuat dan berkesan untuk membetulkan pandangan dan kefahaman mereka.

Tetapi persoalan ini - sebagaimana yang ternyata dari kajian-kajian rangkaian ayat ini yang telah kami lakukan sebelum ini - adalah lebih mendalam dan lebih halus dari ini lagi, kerana pengakuan Allah S.W.T. bahawa tiada Tuhan melainkan Allah adalah dibentangkan di sini dengan tujuan untuk dibentangkan selepasnya kehendak-kehendak, dan kewajiban-kewajiban-Nya, iaitu jelas bahawa Allah tidak menerima dari para hamba-Nya melainkan 'Ubudiyah yang tulen dan bersih kepada-Nya, iaitu 'Ubudiyah yang digambarkan di dalam Islam dengan makna menyerah diri - bukan di dalam bentuk i'tiqad dan perasaan sahaja - tetapi dalam bentuk amalan, keta'atan dan kepatuhan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang amali yang digambarkan oleh hukum-hukum yang terkandung di dalam kitab Al-Qur'an. Dari sudut inilah kita dapati ramai manusia di setiap zaman yang mendakwa bahawa mereka beriman kepada Allah, tetapi mereka mempersekutui Allah dengan pihak-pihak yang lain, apabila mereka berhakimkan kepada syari'at yang diaturkan oleh pihak yang lain dan apabila mereka menta'ati orang-orang yang tidak mengikut Rasul dan kitab sucinya. Dan apabila mereka menerima pandangan dan kefahaman, nilai-nilai, neraca-neraca, akhlak dan peradaban-peradaban dari pihak-pihak yang lain. Ini semua merupakan amalan-amalan yang bertentangan dengan dakwaan bahawa mereka beriman kepada Allah dan tidak selaras dengan pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah.

Adapun pengakuan para malaikat dan pengakuan para ahli ilmu, maka ia tergambar pada keta'atan dan kepatuhan mereka terhadap perintah-perintah Allah Yang Maha Esa dan tergambar pada penerimaan mereka dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan pada penerimaan mereka segala apa sahaja yang datang kepada mereka dari Allah tanpa ragu-ragu dan tanpa membantah asalkan ia thabit datang dari Allah. Sebelum ini - di dalam surah ini - telah pun diterangkan keadaan para ahli ilmu dalam firman Allah:

وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ ؕ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا

"Dan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya. Semuanya itu dari sisi Tuhan kami belaka."(7)

Inilah pengakuan para ahli ilmu dan para malaikat, iaitu mereka percaya, ta'at, mengikut dan menyerah diri.

Pengakuan Allah S.W.T. dan pengakuan para malaikat dan para ahli ilmu terhadap Wahdaniyah Allah diiringi pula dengan pengakuan mereka bahawa Allah Ta'ala mentadbir dengan penuh keadilan selaku sifat Uluhiyahnya yang tetap.

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَأَلْمَنَّا بِكَ
وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ

"Allah sendiri menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Dia dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga (turut menyaksikannya). Ia mentadbirkan dengan adil."

Itulah sifat Uluhiyah Allah yang tetap sebagaimana difahamkan oleh susunan ayat dan ini merupakan penerangan bagi erti Qiwwamah/Pentadbiran yang disebut pada awal surah dalam ayat:

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

"Allah - tiada Tuhan melainkan hanya Dia Yang Maha Hidup dan Maha Pentadbir."(2)

Iaitu pentadbiran yang menegakkan keadilan. Pentadbiran Allah terhadap alam buana dan kehidupan manusia adalah selama-lamanya dilakukan dengan penuh keadilan. Oleh itu keadilan dalam kehidupan manusia tidak akan wujud dan urusan kehidupan mereka tidak akan berjalan teguh dan lurus selurus urusan alam buana - di mana setiap makhluk menunaikan peranannya selaras dengan peranan setiap makhluk yang lain - melainkan dengan berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan Allah yang telah dipilihkan untuk mengendalikan kehidupan manusia dan dihuraikannya di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an. Jika tidak maka di sana tidak akan wujud keadilan, keteguhan, keselarasan dan tidak akan wujud persesuaian di antara perjalanan alam buana dengan perjalanan manusia, malah akan wujud kezaliman, pertentangan, kehancuran dan kehilangan.

Kita sendiri dapat melihat di sepanjang sejarah bahawa masa-masa yang diamalkan undang-undang dan peraturan-peraturan dari kitab Allah sahaja merupakan satu-satunya masa di mana manusia dapat mengesap rasa keadilan, dan di mana kehidupan mereka dapat berjalan teguh dan lurus seteguh dan selurus peredaran bintang-bintang mengikut kadar kemampuan tabi'at manusia yang mempunyai kecenderungan kepada keta'atan dan kecenderungan kepada penderhakaan dan terumbang-ambing di antara dua kecenderungan itu. Dan ia mendekati keta'atan apabila sistem ilahi itu ditegakkan dan apabila kitab Allah dijadikan hakim yang memerintah kehidupan manusia. (Begitu juga kita dapat melihat) apabila kehidupan manusia itu

diperintah dan dikendalikan dengan sistem hidup yang lain, daripada sistem ciptaan manusia, maka sistem itu akan terbabit dengan kejahatan dan kelemahan-kelemahan manusia, di samping terbabit dengan kezaliman pertentangan dalam mana-mana bentuknya. Iaitu kezaliman individu terhadap kelompok atau kezaliman satu kelas terhadap satu kelas yang lain atau kezaliman satu umat terhadap satu umat yang lain atau kezaliman satu generasi terhadap satu generasi yang lain. Hanya keadilan Allah sahaja yang bersih dari kecenderungan-kecenderungan (yang tidak adil) terhadap mereka semua, kerana Allah adalah Tuhan kepada semua manusia dan Dia (Maha Mengetahui) tiada suatu apa pun yang terlindung kepada-Nya baik di bumi mahu pun di langit.

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

"Tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana." (18)

Hakikat Tauhid

Ayat ini menekankan sekali lagi konsep keesaan Uluhiyah dalam satu rangkaian ayat disertakan dengan sifat kuat perkasa dan bijaksana yang perlu bagi pentadbiran yang adil. Keadilan ialah meletakkan segala sesuatu pada tempatnya yang wajar serta mempunyai kuasa dan kekuatan untuk melaksanakannya. Semua sifat-sifat Allah S.W.T. menggambarkan dan menyarankan aktiviti yang aktif dan positif. Oleh sebab itu tidak ada salbiyah/kenegatifan dalam pandangan Islam terhadap Allah. Malah pandangan Islam terhadap Allah merupakan pandangan yang paling sempurna dan benar kerana dalam pandangan ini, Allah sendiri yang menjelaskan sifat-sifat-Nya. Dan nilai keaktifan dan kepositifan sifat-sifat Allah ini ialah ia dapat mengingatkan hati manusia terhadap Allah, terhadap iradat dan tindakannya. Dan ini menjadikan kepercayaan itu berkesan, hidup dan mendorong dan bukan hanya merupakan kefahaman mental yang dingin sahaja.

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

Kemudian Al-Qur'an membuat kesimpulan dari hakikat keesaan Uluhiyah yang ditekankan sebanyak dua kali dalam satu rangkaian ayat itu, iaitu tiada 'Ubudiyah melainkan kepada Uluhiyah Yang Maha Esa.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ
أُتُوا أَلْكِتَابِ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعِيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ
سَرِيعُ الْحِسَابِ

فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ
اتَّبَعَنِي فَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ
ءَأَسَمْتُمْ فَإِنْ أَسَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا
عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tiadalah orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara mereka. Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisabnya (19). Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku. Dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya." (20)

Hubungan Tauhid Dengan Islam

Berdasarkan Uluhiyah Yang Maha Esa, maka jelaslah bahawa agama juga esa, jelaslah bahawa seluruh penyerahan diri adalah kepada Uluhiyah Yang Maha Esa, di mana tiada suatu pun yang tertinggal di dalam hati manusia atau di dalam kehidupan mereka yang terkeluar dari kuasa Allah.

Berdasarkan Uluhiyah Yang Maha Esa, maka jelaslah bahawa di sana hanya ada satu pihak sahaja yang berhak memperhambakan manusia dan memerintah mereka ta'at kepada perintah-Nya, menjalankan syari'at dan hukum-hukum-Nya di dalam kehidupan mereka. Hanya satu pihak yang berhak menetapkan nilai-nilai dan neraca-neraca supaya diikuti oleh mereka dan seterusnya membangunkan seluruh kehidupan mereka mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang diredhai oleh-Nya.

Berdasarkan Uluhiyah Yang Maha Esa, maka jelaslah bahawa agama yang diredhai Allah dari para hamba-Nya hanya satu sahaja, iaitu agama tauhid yang tulen dan jelas dan segala kehendak-kehendak dan kewajipan tauhid yang telah kami terangkan sebelum ini:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam."

Islam bukanlah semata-mata dakwaan, bukannya semata-mata panji-panji, bukannya semata-mata kata-kata yang diucapkan lisan, malah bukannya kepercayaan yang dikandung oleh hati dengan diam dan tenang, bukannya upacara-upacara ibadat perseorangan yang ditunaikan oleh individu-individu di dalam solat, haji dan puasa..... Tidak, ini bukannya Islam yang menjadi satu-satunya agama yang diredhai

Allah dari para hamba-Nya, malah Islam ialah penyerahan diri, keta'atan dan ikutan yang patuh. Islam ialah berhakimkan kitab Allah dalam segala urusan hamba sebagaimana akan diterangkan sebentar lagi di dalam penerangan ayat Al-Qur'an sendiri.

Perselisihan Di Kalangan Ahlil-Kitab Terhadap Hakikat Tauhid

Islam ialah tauhid Uluhiyah dan Qiwwamah/Pentadbiran, tetapi kaum Ahlil-Kitab telah mencampuradukkan di antara zat Allah S.W.T. dengan zat al-Masih a.s. sebagaimana mereka mencampuradukkan di antara iradat Allah dengan iradat al-Masih dan mereka bertelagah sesama mereka mengenai kefahaman-kefahaman ini dengan pertelingkahan dan perselisihan yang hebat dan sering kali sampai ke tahap berbunuh-bunuhan dan peperangan. Dalam ayat yang berikut Allah menjelaskan kepada kaum Ahlil-Kitab dan kepada kaum Muslimin punca perselisihan dan pertelingkahan itu:

وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ اُوتُوا الْكِتَابَ اِلَّا مِنْ بَعْدِ
مَا جَاءَهُمْ الْعِلْمُ بَعِيَا بَيْنَهُمْ

"Dan tiadalah orang-orang yang dikurniakan kitab itu berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan (yang jelas) kepada mereka kerana pencerobohan di antara mereka."

Yakni perselisihan dan pertelagahan itu bukannya berpunca dari kejahilan terhadap hakikat yang sebenar, kerana mereka telah pun menerima ilmu pengetahuan yang jelas dan muktamad mengenai Wahdaniyah Allah dan keesaan Uluhiyah, mengenai tabi'at manusia dan hakikat 'Ubudiyah, tetapi mereka berselisih dan bertelagah kerana pencerobohan sesama mereka dan kerana keinginan melakukan pencerobohan dan kezaliman setelah mereka mengabaikan konsep keadilan Allah yang terkandung di dalam 'aqidah-Nya, syari'at-Nya dan kitab-kitab suci-Nya.

Sebelum ini kita telah melihat dalam petikan yang kita nukilkan dari seorang pengarang Kristian di zaman moden bagaimana arus-arus politik telah mencetuskan perselisihan-perselisihan mazhab ini dalam agama Kristian. Ini hanya suatu contoh dari perselisihan-perselisihan yang berulang-ulang berlaku dalam kehidupan kaum Yahudi dan Kristian. Kita juga telah melihat bagaimana kebencian Mesir dan Syam dan lain-lain negeri terhadap pemerintahan Roman menjadi punca negeri-negeri itu menolak mazhab rasmi yang dipegang oleh pemerintah Roman dan menganut mazhab yang lain. Begitu juga usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh setengah-setengah Serimaharaja Rom untuk menyelaraskan di antara negeri-negeri yang menjadi bahagian-bahagian kerajaannya telah menjadi punca usaha mewujudkan

satu mazhab baru yang pertengahan yang difikir dapat menyesuaikan dengan kehendak-kehendak semua pihak, seolah-olah agama itu suatu mainan yang digunakan di dalam mengaturkan taktik-taktik politik dan nasionalisme. Inilah pencerobohan yang paling buruk yang dilakukan dengan sengaja dan penuh pengetahuan.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mengemukakan ancaman yang keras yang sesuai dengan tempatnya:

وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ
الْحِسَابِ

"Dan sesiapa yang mengingkarkan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."(19)

Dalam ayat ini Allah telah mengira perselisihan terhadap hakikat tauhid itu sebagai suatu perbuatan yang kufur dan mengancam orang-orang yang kafir dengan hisab yang pantas supaya penangguhan kepada suatu masa yang tertentu itu tidak mendorong mereka kepada kekufuran, keingkaran dan perselisihan yang lebih jauh dan lebih degil lagi.

Kemudian Allah mengajar nabi-Nya s.a.w. kata pemutus dalam pendiriannya terhadap kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin supaya perkara ini dapat diputus dengan mereka dengan jelas dan selepas itu serahkan sahaja urusan mereka kepada Allah. Dengan ini dapatlah beliau meneruskan perjalanannya di jalan yang terang dan berbeza dari mereka:

فَاِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ اَسْمَتُ وَجْهِى لِلّٰهِ وَمَنْ
اتَّبَعَنِي فَقُلْ لِلَّذِينَ اُوتُوا الْكِتَابَ وَالْاُمِّيِّينَ
ءَاَسْمَتُمْ فَاِنْ اَسْمَاوْا فَقَدْ اَهْتَدَوْا وَاِنْ تَوَلَّوْا فَاِنَّمَا
عَلَيْكَ الْبَلٰغُ وَاللّٰهُ بَصِيْرٌ بِالْعِبَادِ

"Dan jika mereka mendebatkan engkau maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku. Dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam? Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat, dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja dan Allah itu amat Melihat para hamba-Nya."(20)

Tidak ada jalan yang lebih terang dari penerangan yang telah dikemukakan itu. Oleh itu (tiada pilihan melainkan satu di antara dua, iaitu) sama ada mengakui keesaan Uluhiyah dan Qiwwamah (القوامة)/Pentadbiran, dengan menyerah diri dan mengikut dengan patuh atau (mengambil sikap) bertikai dan berdebat, iaitu di sana tiada tauhid dan tiada penyerahan diri.

Oleh sebab itulah Allah Ta'ala mengajar Rasul-Nya s.a.w. sepatah kata yang menjelaskan 'aqidah dan menjelaskan sistem hidup yang diikutinya:

فَإِنْ حَاجُّوكَ

"Dan jika mereka mendebatkan engkau."

yakni dalam persoalan tauhid dan agama.

فَقُلْ أَطَعْتُ اللَّهَ وَمَنِ اتَّبَعَنِي

"Maka katakanlah: Aku telah menyerahkan wajahku kepada Allah dan (demikian juga) mereka yang mengikutku"

Pengungkapan dengan kata-kata:

أَتَّبَعَنِي

"Yang mengikutku."

mempunyai tujuan yang khusus di sini, kerana agama bukannya semata-mata tasdiq atau percaya, malah mengikut dan mematuhi. Begitu juga pengungkapan dengan kata-kata:

أَطَعْتُ اللَّهَ وَمَنِ اتَّبَعَنِي

"Menyerahkan wajahku"

mempunyai tujuan yang khusus, kerana agama bukannya semata-mata pengakuan dengan lisan atau i'tiqad dengan hati malah ialah penyerahan diri, iaitu ta'at dan mengikut. Penyerahan wajah merupakan kiasan dari penyerahan diri. Wajah merupakan anggota yang paling tinggi dan paling mulia pada manusia dan penyerahan wajah menggambarkan keta'atan dan kepatuhan yang sentiasa tunduk, mengikut dan menerima (segala arahan dan perintah).

Inilah i'tiqad dan cara hidup Muhammad s.a.w. dan para Muslimin pula adalah mengikut dan meneladani i'tiqad dan cara hidup beliau. Oleh itu hendaklah beliau bertanya kepada kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin yang ummi dengan tujuan mencari penjelasan dan perbezaan dan meletakkan tanda yang membezakan di antara dua khemah itu dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan lagi:

وَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ أَأَسْمَأْتُمْ

"Dan tanyakanlah kepada orang-orang yang dikurniakan kitab dan orang-orang yang ummi: Adakah kamu telah Islam?"

Kedua-dua golongan kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab ini adalah sama sahaja. Kedua-dua diseru kepada menerima agama Islam dengan pengertiannya yang telah kami huraikan sebelum ini. Mereka diseru supaya mengakui keesaan zat Allah, mengakui keesaan Uluhiyah dan Qiwwamah/Pentadbiran, dan selepas pengakuan ini, mereka diseru pula supaya tunduk kepada kehendak dan kewajipan pengakuan ini, iaitu berhakimkan kitab Allah, undang-undang dan peraturan-Nya di dalam kehidupan manusia.

فَإِنْ أَسْمَأْتُمْ فَقَدْ أَهْتَدُوا

"Jika mereka telah Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat hidayat."

Hidayat itu hanya tergambar di dalam satu bentuk pengertian sahaja, iaitu dalam bentuk pengertian Islam atau penyerahan diri dengan hakikat dan tabi'atnya (yang telah diuraikan). Dan di sana tidak ada bentuk pengertian yang lain lagi, tidak ada kefahaman dan pandangan yang lain, tidak ada peraturan dan sistem yang lain yang boleh memberi hidayat, malah segala yang lain itu adalah kesesatan, jahiliyah, kebingungan, penyelewengan dan penyimpangan belaka.

وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ

"Dan jika mereka berpaling, maka kewajipan engkau hanya menyampaikan (da'wah) sahaja."

Tanggungjawab dan kerja Rasulullah s.a.w. adalah berakhir dengan penyampaian da'wah. Ini adalah sebelum beliau diperintah memerangi mereka yang tidak menerima Islam sehingga mereka membuat keputusan, sama ada memeluk agama Islam dan tunduk kepada sistem pemerintahan yang didokong olehnya atau berjanji ta'at kepada sistem pemerintahannya dalam bentuk 'membayar jizyah. Kerana (di dalam Islam) tidak ada paksaan di dalam agama.

وَاللَّهُ بِصِيرِ الْعِبَادِ

"Dan Allah Maha Melihat akan para hamba-Nya." (20)

Dia mentadbirkan urusan mereka mengikut penglihatan dan ilmu-Nya dan segala urusan mereka terpulung kepada-Nya dalam segala keadaan.

Tetapi Allah tidak meninggalkan mereka sehingga Dia menerangkan kepada mereka akibat kesudahan yang menunggu mereka dan orang-orang yang seperti mereka mengikut undang-undang Allah yang berlaku selama-lamanya terhadap para pendusta dan orang-orang yang melakukan kezaliman dan pencerobohan.

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

Nasib Kesudahan Orang-orang Kafir

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ

النَّبِيَّ كَيْفَ يَغِيْرُ حَقِّ وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ

بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

أُولَئِكَ الَّذِينَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا

وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ

"*Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan 'azab yang amat pedih (21). Merekalah orang-orang yang terhapus pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan mereka sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong.*"(22)

Dan Kesesiaan Amalan Mereka Yang Baik

Inilah nasib kesudahan yang pasti (berlaku kepada mereka) iaitu 'azab yang amat pedih. Al-Qur'an tidak menentukan 'azab ini di dunia atau di Akhirat, oleh itu 'azab ini diduga akan menimpa mereka di dunia dan di Akhirat. Gambaran amalan-amalan mereka yang disia-siakan di dunia dan di Akhirat itu digambarkan dengan ungkapan-ungkapan yang hidup, kerana kata-kata "حيوط" pada asalnya bermakna penyakit kembung perut yang dihadapi binatang yang memakan sejenis tumbuhan yang beracun dan penyakit ini merupakan penyakit yang akan membawa maut kepada binatang itu. Demikianlah juga amalan-amalan orang-orang yang kafir mungkin kelihatan mengembang besar dan hebat pada penglihatan orang ramai, tetapi kekembungan itu hanya membawa kepada kesesiaan dan kebinasaan sahaja (pada hari Akhirat), di mana mereka tidak akan ditolong dan dipertahankan oleh sesiapa pun.

Di dalam ayat ini perbuatan mengingkarkan ayat-ayat Allah disertakan dengan perbuatan membunuh para nabi tanpa sesuatu alasan yang benar - dan tidak mungkin adanya alasan yang benar pada jenayah membunuh mana-mana nabi - juga membunuh orang-orang yang menyuruh orang ramai melakukan keadilan, iaitu orang-orang yang menyuruh mereka supaya mengikut undang-undang dan peraturan Allah yang ditegakkan di atas keadilan dan menghasilkan keadilan. Sebutan sifat-sifat ini membayangkan bahawa ancaman itu ditujukan kepada kaum Yahudi, kerana inilah sifat-sifat mereka di dalam sejarah mereka dan mereka dikenal dengannya apabila disebut sifat-sifat itu. Tetapi ini tidak pula menghalang bahawa perkataan ini juga ditujukan kepada kaum Nasara kerana mereka juga - sehingga ke tarikh itu - telah membunuh beribu-ribu penganut mazhab yang bertentangan dengan mazhab kerajaan Kristian Roman termasuk mereka yang berterusterang mengakui keesaan Allah Ta'ala dan kemanusiaan al-Masih a.s. Dan mereka ini tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang menyuruh orang ramai berlaku adil. Begitu juga ancaman ini merupakan satu ancaman yang berterusan kepada setiap mereka yang melakukan perbuatan yang keji itu. Dan orang-orang ini memang ramai di setiap zaman.

Eloklah kita sentiasa ingat apakah maksud Al-Qur'an apabila ia menyebut sifat:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ

"*Orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah,*"(21)

kerana maksudnya bukanlah semata-mata ditujukan kepada mereka yang mengumumkan kalimah keingkaran sahaja, malah termasuk sama di dalam sifat ini mereka yang tidak mengakui keesaan Uluhiyah dan tidak menentukan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Ini secara terus-terang termasuk pengakuan terhadap keesaan pihak yang mentadbirkan kehidupan manusia dengan undang-undang dan peraturan, dengan bimbingan dan pimpinan, dengan nilai-nilai dan neraca-neraca (selain daripada yang Allah tetapkan). Oleh itu sesiapa yang dari awal lagi mengakui mana-mana kerja ini kepada yang lain dari Allah, maka dia adalah seorang musyrik atau seorang yang kafir terhadap Uluhiyah Allah walaupun dia mengakui Uluhiyah Allah dengan lidah mereka seribu kali. Kita akan melihat di dalam ayat-ayat selanjutnya bukti kebenaran kesimpulan ini.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 25)

أَمْ تَرَى إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُدْعَوْنَ
إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّى فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا
مَّعْدُودَاتٍ وَعَرَّهَمُ فِي دِينِهِمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾
فَكَيْفَ إِذَا جُمِعْنَا لَهُمْ لَيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ وَوُفِّيَتْ
كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

"*Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya ia mengadili di antara mereka, kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka menghindari (seruan itu)(23). Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka(24). Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada hari (Qiamat) yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekati-kali tidak akan dianlayai.*"(25)

Al-Qur'an Berfungsi Sebagai Pengesah Seluruh Kitab-kitab Suci Yang Lain

Itulah pertanyaan yang bertujuan menyatakan kehairanan dan mengesah sikap kaum Ahilil-Kitab yang aneh dan bertentangan. Mereka dikurniakan habuan dari kitab suci iaitu Taurat yang dikurniakan kepada kaum Yahudi dan di samping Taurat ialah kitab Injil yang dikurniakan kepada kaum Nasara.

Kedua-dua kaum itu masing-masing dikurniakan habuan kitab suci memandangkan kitab Allah itu merupakan seluruh yang telah diturunkan Allah kepada para Rasul-Nya dan di sanalah dijelaskan konsep keesaan Uluhiyah dan Qiwwamah/Pentadbiran Allah. Segala kitab yang diturunkan kepada para Rasul itu pada hakikatnya merupakan satu kitab sahaja, yang mana kaum Yahudi dikurniakan sebahagian darinya dan kaum Nasara juga dikurniakan sebahagian darinya, sedangkan kaum Muslimin dikurniakan semua kitab itu memandangkan Al-Qur'an sebagai sebuah kitab yang merangkumi seluruh dasar-dasar agama Allah dan mengesahkan semua kitab suci yang diturunkan sebelumnya. Pertanyaan ini merupakan pertanyaan menyatakan kehairanan terhadap kaum Ahlil-Kitab yang diseru supaya berhakimkan kitab Allah di dalam pertelingkahan-pertelingkahan mereka, dan dalam segala urusan hidup mereka, tiba-tiba seluruh mereka tidak menyambut seruan itu, malah segolongan dari mereka menolak dari berhakimkan kitab Allah dan syari'at-Nya, iaitu satu perkara yang bertentangan dengan keimanan mereka terhadap mana-mana bahagian kitab Allah dan tidak selaras dengan dakwaan mereka selaku Ahlil-Kitab:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُدْعَوْنَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ تَوَلَّى فِرْقًا مِّنْهُمْ وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dari kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya mengadili di antara mereka, kemudian segolongan mereka berpaling darinya, dan mereka menghindari (seruan itu)."(23)

Keengganan Ahlil-Kitab Berhakimkan Kitab Allah

Demikianlah Allah menyatakan kehairanan terhadap sikap Ahlil-Kitab apabila segolongan dari mereka menolak dari berhakimkan kitab Allah di dalam perkara-perkara i'tiqad dan urusan-urusan kehidupan. Bagaimana pula dengan mereka yang mengaku sebagai orang-orang Islam kemudian mereka mengeluarkan syari'at Allah dari seluruh bidang kehidupan mereka, namun begitu mereka masih terus mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam? Ini adalah satu contoh yang dikemukakan Allah kepada kaum Muslimin juga supaya mereka mengetahui hakikat agama dan tabi'at Islam dan supaya mereka berwaspada dari menjadi sasaran pernyataan kehairanan Allah dan kecaman-Nya. Jika kecaman ini ditujukan kepada sikap Ahlil-Kitab, yang tidak mendakwa diri mereka Islam, apabila segolongan dari mereka enggan berhakimkan kepada kitab Allah, maka bagaimana pula kecaman Allah apabila orang-orang Islam sendiri yang enggan berhakimkan kepada kitab Allah. Tentulah ia menjadi suatu kehairanan yang tidak putus-putus dan menjadi bala yang tidak dapat diduga dan melamarkan

kemurkaan Allah yang membawa kepada kecelakaan dan terusir dari rahmat Allah, wal-lyazu-billahi.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan punca pendirian mereka yang keji dan bertentangan itu:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَن تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ وَغَرَّهُمْ فِي دِينِهِمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja, dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka.'"(24)

Inilah sebab keengganan mereka dari berhakimkan kitab Allah dan punca pertentangan mereka dengan dakwaan mereka sebagai orang-orang yang beriman dan sebagai Ahlil-Kitab. Ia berpunca dari ketiadaan kepercayaan terhadap kesungguhan hisab pada hari Qiamat dan kesungguhan keadilan Ilahi yang tidak memilih kasih. Ini ternyata di dalam perkataan mereka:

لَن تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ط

"Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja."

Jika tidak, mengapa api Neraka tidak menyentuh mereka melainkan sekadar beberapa hari sahaja? Mengapa mereka berkata begitu sedangkan mereka menyeleweng sama sekali dari hakikat agama, iaitu enggan berhakimkan kitab Allah dalam segala perkara dan urusan? Mengapa mereka berkata begitu jika mereka benar-benar percaya kepada keadilan Allah dan benar-benar yakin terhadap pertemuan dengan Allah? Mereka berkata begitu semata-mata dusta sahaja kemudian mereka tertipu dengan kedustaan mereka sendiri:

وَغَرَّهُمْ فِي دِينِهِمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."(24)

Sebenarnya tidak mungkin terkumpul dalam sebuah hati kesungguhan kepercayaan terhadap pertemuan dengan Allah dan kesungguhan perasaan terhadap hakikat pertemuan dengan kelemahan dan kegoyahan kepercayaan terhadap balasan dan keadilan Allah.

Sebenarnya tidak mungkin terkumpul di dalam sebuah hati perasaan takut kepada hari Akhirat dan malu kepada Allah dengan perasaan enggan berhakimkan kepada kitab Allah di dalam segala urusan kehidupannya.

Sifat Ahlil-Kitab itu sama dengan sifat mereka yang mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam pada hari ini. Apabila mereka diseru kepada berhakimkan kitab Allah, mereka enggan dan menolak dan ada pula di antara mereka yang berlagak angkuh dan biadab. Mereka mendakwa

bahawa kehidupan manusia itu adalah urusan dunia bukan urusan agama dan agama tidak perlu dilibatkan di dalam kehidupan amali manusia, di dalam perhubungan-perhubungan ekonomi dan sosial mereka, malah dalam kehidupan kekeluargaan mereka. Namun demikian, mereka masih terus mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam. Ada pula setengah mereka secara bodoh dan bebal beranggapan bahawa Allah tidak akan mengazabkan mereka (di Akhirat) melainkan semata-mata untuk membersihkan mereka dari dosa-dosa maksiat, kemudian selepas itu mereka akan dimasukkan ke dalam Syurga kerana bukankah mereka orang-orang Islam belaka? Anggapan ini sama sahaja dengan anggapan kaum Ahlil-Kitab dan keangkuhan mereka sama sahaja dengan keangkuhan Ahlil-Kitab yang tertipu dengan kedustaan yang telah diada-adakan mereka tanpa sebarang prinsip dalam agama. Kedua-dua golongan ini sama sahaja dalam tindak-tanduk mereka yang melencong dari prinsip pokok dan hakikat agama yang diredhai oleh Allah, iaitu penyerahan diri, keta'atan dan kepatuhan kepada perintah dan penerimaan peraturan dan undang-undang dari Allah Yang Maha Esa sahaja dalam segala urusan kehidupan:

فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْتَهُمْ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

"Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulan mereka di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai."(25)

Bagaimana? Itulah ancaman yang menggerunkan hati Mu'min yang menghadapinya apabila ia menyedari kesungguhan hari Qiamat dan kesungguhan pertemuan dengan Allah itu, juga kesungguhan keadilan Allah. Kepercayaan dan kesedarannya tidak menjadi lemah bersama angan-angan yang palsu dan kebohongan-kebohongan yang mengeliru. Di samping itu ia merupakan ancaman kepada semua pihak, iaitu kaum Musyrikin, kaum Mulhidin/Atheis, kaum Ahlil-Kitab dan pendakwa-pendakwa Islam. Semua golongan ini sama sahaja, iaitu mereka tidak merealisasikan Islam di dalam kehidupan mereka.

فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْتَهُمْ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ

"Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulan mereka pada hari (Qiamat) Yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu?"

dan keadilan mengambil jalannya:

وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai"(25)

yakni dilakukan kezaliman dan pilih kasih di dalam hisab Allah.

Pertanyaan ini dikemukakan tanpa jawapan..... tetapi hati telah menjadi begitu takut dan gemetar untuk mencari jawapan.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Hakikat Uluhiyah Dan Qiwamah

Selepas itu Allah mengajar Rasulullah s.a.w. dan setiap Mu'min supaya berdo'a kepada Allah dan mengakui hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa dan hakikat Qiwamah/ Pentadbiran yang tunggal di dalam kehidupan manusia dan di dalam pengurusan alam buana. Keduanya merupakan gejala dari Uluhiyah dan Hakimiyah iaitu kuasa kehakiman dan kepemerintahan Allah yang tiada sekutu dan tiada tandingan bagi-Nya:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَن تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعْزِزُ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾
 تُؤَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَن تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan. Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki, di tangan Engkaulah terletaklah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu(26). Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."(27)

Ini adalah suatu seruan yang penuh khusyu'. Di dalam susunan katanya terdapat nada do'a dan dalam bayangan maknanya terdapat jiwa dan intisari memohon dan di dalam tudingannya kepada kitab alam buana yang terbuka merangsangkan perasaan manusia dengan halus dan lemah-lembut. Dan seterusnya di dalam pengumpulan di antara pengurusan Allah dan pengendalian-Nya terhadap

urusan manusia dan urusan alam buana terdapat isyarat kepada hakikat yang agung, iaitu hakikat Uluhiyah dan Qiwwamah/ Pentadbiran Yang Maha Esa terhadap alam buana dan manusia, dan hakikat bahawa urusan hal ehwal manusia itu merupakan sebahagian dari urusan alam buana yang besar yang dikendalikan Allah. Dan prinsip memberi keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja itu merupakan tugas seluruh alam buana di samping menjadi tugas manusia. Dan perbuatan menyeleweng dari prinsip ini merupakan satu perbuatan yang ganjil, bebal dan sesat.

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَنْ تَشَاءُ
وَتَنزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ
مَنْ تَشَاءُ

"Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan. Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki."

Itulah hakikat yang terbit dari hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa. Dari hakikat Tuhan Yang Maha Esa lahirlah hakikat Pemilik Yang Maha Esa. Dialah "yang memilik teraju kekuasaan" tanpa sebarang sekutu. Kemudian Dialah yang mengurniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sebahagian dari kekuasaan-Nya sebagai suatu pinjaman, yang bebas diambil balik pada bila-bila masa yang dikehendaki-Nya. Tiada seorang pun yang mempunyai hak milik yang tulen yang dapat berbuat sekehendak hatinya, malah hak milik itu adalah hak milik pinjaman yang tunduk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan pemilik sejati. Apabila si peminjam melakukan urus tindak yang bertentangan dengan syarat-syarat itu, maka urus tindak itu tidak sah dan wajiblah ia mengembalikan kuasa itu balik di dunia ini dan adapun di Akhirat dia akan dihisab terhadap urus tindaknya yang salah dan bertentangan dengan syarat pemilik asal yang telah memberi milik kepadanya itu.

Demikianlah juga, Dialah yang memuliakan siapa yang dikehendaki-Nya dan menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya dan tiada siapa yang berhak menegurkan keputusan-Nya, tiada siapa yang berkuasa menolak keputusan dan ketetapan-Nya. Dialah yang memegang teraju segala urusan dan tiada sesiapa pun yang berhak mengendalikan ikhtisas ini selain dari Allah.

Dalam pentadbiran Allah terdapat kebajikan dan kebaikan belaka. Dia menjalankan pentadbiran itu dengan adil dan saksama. Dia memberi kekuasaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mencabutkan kekuasaan dari sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama. Dia memuliakan siapa yang dikehendaki-Nya dengan adil

dan saksama dan menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama. Keadilan itulah kebaikan dan kebajikan yang haqiqi dalam segala keadaan dan itulah kehendak iradat Allah yang mutlak dan qudrat Allah yang mutlak untuk merealisasikan kebajikan. Dan kebaikan ini dalam segala keadaan:

بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

"Ditangan Engkaulah terletak segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu." (26)

Pentadbiran Allah terhadap urusan-urusan hidup dan kebajikan manusia merupakan sebahagian dari pentadbiran agung-Nya terhadap seluruh urusan alam buana dan urusan hidup.

تَوَلَّجَ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتَوَلَّجَ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ
وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ
وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

"Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, dan Engkau-lah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab." (27)

Harakat Siang Dan Malam

Pengungkapan secara gambaran mengenai hakikat yang besar ini dapat memenuhi hati, perasaan, penglihatan dan pancaindera seseorang dengan hakikat ini. Harakat yang halus yang saling masuk memasuki, iaitu harakat memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan hakikat mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup adalah harakat yang membuktikan qudrat Allah tanpa sebarang kekeliruan dan pertikaian apabila hati seseorang memberi perhatian yang teliti kepadanya dan apabila ia mendengar kepada suara fitrah yang benar dan mendalam.

Sama ada pengertian memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam ialah siang mengambil sebahagian dari malam atau malam mengambil sebahagian dari siang dalam masa peredaran musim-musim atau masuknya siang ke dalam malam dan masuknya malam ke dalam siang ketika kegelapan merangkak masuk di waktu senja, dan ketika kecerahan merangkak masuk di limun pagi. Kedua-dua pengertian itu membuat hati seseorang melihat tangan qudrat Allah menggerakkan bintang-bintang dan mengedarkan bumi yang gelap itu di hadapan matahari yang terang-benderang, menukarkan tempat-tempat yang gelap dengan tempat-tempat yang cerah, kemudian kegelapan malam perlahan-lahan bertukar kepada kecerahan siang dan pagi perlahan-lahan bernafas di dalam

kegelapan. Kemudian malam perlahan-lahan menjadi panjang apabila ia memakan hari siang pada permulaan musim dingin, kemudian perlahan-lahan pula siang menjadi panjang apabila ia menarik sebahagian malam di permulaan musim panas. Kedua-dua harakat siang dan malam itu tidak pernah didakwa oleh seseorang pun bahawa dialah yang memegang benang-benang rahsianya yang halus dan tidak ada seseorang yang berakal pun pernah mendakwa bahawa harakat siang dan malam itu berlangsung secara kebetulan sahaja tanpa pentadbiran.

Hayat Dan Maut

Demikian juga hayat dan maut atau hidup dan mati salah satunya bergerak meniti pada yang lain dengan beransur-ansur dan perlahan-lahan. Pada setiap sa'at yang melalui setiap yang hidup kita dapati maut bergerak meniti pada yang hidup dan memakannya. Kemudian hayat dibina kembali padanya yakni sel-selnya yang hidup mati dan kemudian sel-sel yang baru pula muncul dan bekerja. Mana-mana yang hilang dan mati akan kembali hidup dalam pusingan yang lain dan mana-mana yang muncul hidup akan kembali mati dalam pusingan yang lain. Inilah yang berlaku pada yang hidup. Kemudian lingkungan maut itu semakin meluas, iaitu yang hidup itu mati semuanya, tetapi sel-selnya akan berubah kepada zarah-zarah yang masuk ke dalam satu rangka susunan yang lain kemudian masuk ke dalam satu jisim yang hidup lalu ia bergerak hidup. Demikianlah pusingan hayat dan maut itu berlangsung setiap sa'at malam dan siang dan tiada seorang pun yang pernah mendakwa bahawa dialah yang melakukan sesuatu dari pusingan itu dan tiada seorang yang berakal pun yang mendakwa bahawa pusingan itu berlaku sedemikian secara kebetulan tanpa pentadbiran.

Harakat yang berlaku di seluruh alam buana dan harakat yang berlaku pada setiap yang hidup adalah harakat yang halus, mendalam, seni dan hebat. Harakat ini telah ditonjolkan oleh ayat Al-Qur'an yang pendek ini kepada hati dan akal manusia. Harakat ini membayangkan qudrat Allah Yang Maha Kuasa, Maha Pencipta, Maha Halus dan Maha Pentadbir. Bagaimana manusia berusaha mengasingkan pentadbiran urusan kehidupan kreatif dari Allah Yang Maha Halus dan Maha Pentadbir? Bagaimana manusia memilih untuk mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan dari ciptaan hawa nafsu mereka sendiri, sedangkan mereka merupakan sebahagian dari alam buana yang ditadbirkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya?

Kemudian bagaimana manusia memperhambakan satu sama lain dan mempertahankan satu sama lain, sedangkan seluruh mereka diberi rezeki oleh Allah dan seluruh mereka bergantung kepada kemurahan Allah?

وَتَرَرُّقُ مِنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

"Dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."(27)

Inilah sentuhan yang mengembalikan hati manusia kepada hakikat yang agung, iaitu hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa, hakikat pentadbiran Yang Maha Esa, hakikat penciptaan Yang Maha Esa, hakikat pengendalian Yang Maha Esa, hakikat pemilikan Yang Maha Esa dan hakikat pengurniaan Yang Maha Esa. Ia juga mengembalikan hati manusia kepada hakikat bahawa keta'atan itu hanya kepada Allah Yang Maha Pentadbir sahaja, yang memiliki teraju kekuasaan, yang menentukan kemuliaan dan kehinaan, yang memati dan menghidup, yang mengurnia dan yang menahan dan yang mentadbirkan urusan alam buana dan manusia dengan adil saksama dan penuh kebajikan dalam segala keadaan.

Sentuhan ini juga menguatkan kecaman yang telah dikemukakan dalam ceraihan ayat yang silam terhadap sikap Ahlil-Kitab yang enggan berhakimkan kitab Allah yang mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang Allah untuk manusia, sedangkan undang-undang Allahlah yang mentadbirkan seluruh urusan alam buana dan urusan manusia..... dan dalam waktu yang sama ia membuka jalan kepada amaran yang akan disebut di dalam ceraihan ayat yang berikut yang melarang orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, sedangkan orang-orang kafir itu tidak mempunyai apa-apa kuasa di alam buana ini, malah segala urusan alam ini terenggam di tangan qudrat Allah dan Dialah Penaung dan Pelindung para Mu'min bukannya yang lain dari-Nya:

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 30)

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ
الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ
إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَدَّةً وَيُحَذِّرْكُمْ اللَّهُ
نَفْسَهُ ۗ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

قُلْ إِنْ تَخْضِعُوا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ تَبَدُّوهُ يَعْلَمُهُ
اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ وَاللَّهُ
عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحَضَّرًا
وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ أَمَدًا

بَعِيدًا وَيَحْذِرُكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ وَاللَّهُ رَءُوفٌ
بِالْعَبَادِ

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikit pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah mengingatkan dirinya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali(28). Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya. Dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (29). Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya, begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh. Dan Allah mengingatkan dirinya kepada kamu. Dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya."(30)

Di dalam ayat yang silam, Al-Qur'an merangsangkan kesedaran bahawa seluruh urusan itu di tangan qudrat Allah, seluruh kekuatan adalah milik Allah, seluruh teraju pentadbiran dipegang oleh Allah dan seluruh punca rezeki di tangan kemurahan Allah. Oleh itu apakah ertinya orang yang beriman bersahabat dengan musuh-musuh Allah? Di dalam sebuah hati tidak mungkin terkumpul keimanan kepada Allah dan persahabatan setia dengan musuh-musuh Allah yang enggan berhakimkan kitab Allah apabila mereka diserukan berbuat demikian. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memberi amaran yang sekeras ini, di mana ia dengan tegas menjelaskan keluarnya seseorang Muslim dari keislamannya apabila ia bersahabat setia dengan orang-orang kafir yang tidak redha berhakimkan kitab Allah di dalam kehidupan mereka, sama ada bersahabatan setia ini dengan hubungan kasih mesra di dalam hati atau dengan menolong mereka atau dengan meminta pertolongan dari mereka.

Hukum Bersahabat Setia Dengan Orang Kafir

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ
الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikitpun."(28)

Demikianlah dia tidak ada apa-apa hubungan dan sangkut-paut dengan Allah, tidak ada apa-apa hubungan agama dan 'aqidah, tidak ada apa-apa pertalian dan naungan, malah dia jauh dari Allah dan putus segala hubungan dengan-Nya.

Taqiyah Yang Dibenarkan

Perbuatan taqiyah (تَقِيَّة) (atau berlagak pura-pura melakukan sesuatu pada zahir kerana menjaga keselamatan diri) hanya dibenarkan kepada mereka yang takut di setengah-setengah negeri dan di waktu-waktu yang tertentu sahaja, tetapi hendaklah taqiyah itu berupa taqiyah lisan sahaja bukannya taqiyah kasih mesra dan kesetiaan di hati dan bukan pula kesetiaan dalam bentuk amalan dan tindakan. Ujar Ibn Abbas r.a.: Taqiyah itu bukannya dengan tindakan tetapi hanya dengan lisan. Oleh itu tidak termasuk di dalam taqiyah yang di benar syara' mengadakan hubungan yang mesra di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang kafir, iaitu orang yang tidak redha berhakimkan kepada kitab Allah di dalam urusan kehidupan umumnya sebagaimana difahamkan oleh ayat ini secara tidak langsung dan oleh ayat lain di tempat yang lain di dalam surah ini secara terus-terang. Begitu juga ia tidak termasuk dalam taqiyah yang dibenarkan syara' orang-orang yang beriman mengadakan usaha kerjasama dan saling bantu-membantu dengan orang kafir secara amali dalam apa bentuk sekalipun atas nama taqiyah. Tipu helah yang seperti ini tidak harus dilakukan ke atas Allah.

Oleh sebab perkara yang seumpama ini diserahkan kepada hati nurani dan kepada ketaqwaan seseorang dan ketakutannya kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia yang ghaib, maka ancaman berikut mengandungi peringatan kepada para Mu'minin supaya berwaspada terhadap kemurkaan Allah. Dan peringatan itu disampaikan dengan ungkapan yang amat menarik:

وَيَحْذِرُكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

"Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali."(28)

Kemudian ayat yang berikut terus memberi peringatan dan mencubit hati manusia dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa melihat mereka dan ilmu Allah mengikuti segala gerak-geri mereka:

قُلْ إِنْ تَخْشَوْنَ مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ تُبْدُوهُ يَعْلَمُهُ
اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya. Dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha berkuasa di atas segala sesuatu."(29)

Ayat ini menekankan lagi peringatan dan ancaman, menguatkan lagi pemberangsang supaya takut kepada Allah dan menjaga keselamatan diri dari terdedah kepada kemurkaan Allah yang berasaskan ilmu dan qudrat-Nya. Oleh itu tiada tempat

perlindungan dan tiada pertolongan yang dapat menyelamatkan seorang dari kemurkaan-Nya.

Kemudian ayat yang berikut selangkah lagi menyambung peringatan dan mencubit hati dengan membawa hari Qiamat yang ditakuti, di mana tiada satu amalan dan satu niat pun yang terlepas dari hisab dan di mana setiap orang akan menghadapinya dengan seluruh tabung simpanan amalannya:

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحَضَّرًا
وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ أَمَدًا
بَعِيدًا

"Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya, begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh."(30)

Ini adalah satu persemukaan yang menutup segala jalan kepada hati manusia. Ia mengepungnya dengan tabung amalannya yang baik dan jahat dan ia menggambarkan keadaan dirinya ketika dia berdepan dengan tabung amalan ini, di mana dia berangan-angan - tetapi sayang kini bukan masa berangan-angan - andainya wujud di antara dia dan amalan-amalannya yang jahat yang telah dilakukannya itu satu masa yang amat jauh atau wujud di antara dia dan hari Qiamat itu masa yang amat jauh. Sedangkan hari itu terus menghadapinya dan memegang lehernya dan masa itu bukan lagi masa menyelamatkan diri dan bukan lagi masa lari.

Kemudian ayat yang berikut menyambung serangan ke atas hati manusia. Ia mengulangi amaran Allah S.W.T. yang mengingatkan diri-Nya kepada manusia:

وَيَحذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ

"Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu."

Kemudian Allah mengingatkan rahmat-Nya kepada mereka di dalam amaran itu dan mengingatkan bahawa peluang masih terbuka dan belum luput waktunya:

وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ

"Dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya."(30)

Dan di antara bukti kesayangan Allah ialah Dia memberi amaran dan peringatan ini dan inilah bukti bahawa Allah mahukan kebajikan dan rahmat kepada para hamba-Nya.

Islam Melarang Hubungan Setiakawan Dengan Orang-orang Kafir

Penerangan besar-besaran ini yang telah menggunakan berbagai-bagai singgungan, saranan, gaya pengungkapan dan isyarat membayangkan wujudnya keadaan yang merbahaya yang berlaku di

dalam masyarakat kaum Muslimin, kerana terjalin hubungan-hubungan baik di antara individu-individu dari khemah Muslimin dengan kaum kerabat, sahabat handai dan agen-agen mereka di Makkah yang terdiri dari orang Musyrikin dan hubungan mereka di Madinah dengan kaum Yahudi di bawah motif hubungan kekeluargaan atau perniagaan. Sedangkan Islam mahu membangunkan asas masyarakat Islam yang baru itu di atas asas 'aqidah semata-mata dan di atas asas sistem hidup yang lahir dari 'aqidah ini. Itulah matlamat yang membuat Islam sama sekali tidak membenarkan sikap yang goyah dan terumbang-ambing itu.

Penerangan besar-besaran itu juga membayangkan bagaimana perlunya hati manusia berusaha setiap waktu untuk membebaskan dirinya dari ikatan-ikatan hubungan ini dan pulang ke jalan Allah dan berpegang teguh dengan sistem hidup yang diatur oleh-Nya.

Islam tidak melarang orang-orang Islam bermu'amalah dengan baik terhadap mereka yang tidak memerangi agamanya walaupun mereka berpegang dengan agama yang lain dari agamanya, tetapi persahabatan setia itu adalah sesuatu hubungan yang lain dari mu'amalah yang baik, kerana persahabatan setia itu suatu hubungan mesra dan tolong-menolong satu sama lain, dan hubungan sedemikian tidak mungkin wujud di dalam hati Mu'min yang sebenar melainkan terhadap sesama orang-orang yang beriman yang sama-sama mempunyai pertalian dengan Allah dan sama-sama tunduk kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah dan sama-sama berhakimkan kitab Allah dengan penuh keta'atan dan kepatuhan.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Pada akhirnya pelajaran ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang tegas yang memutuskan persoalan yang dibicarakannya, iaitu persoalan yang menjadi garis terbesar yang asasi di dalam surah ini. Kenyataan itu diatur dengan susunan kalimah yang pendek untuk menjelaskan hakikat iman dan hakikat agama. Ia menggariskan perbezaan yang tegas di antara keimanan dan kekafiran dengan kejelasan yang tidak meninggalkan sebarang keraguan dan kekeliruan.

Kepatuhan Kepada Allah Pasti Dibuktikan Dengan Kepatuhan Mengikut Sunnah

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْكَافِرِينَ

"Katakanlah jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(31). Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."(32)

Cinta kepada Allah bukannya dakwaan dengan lisan dan bukannya kerinduan hati semata-mata. Malah semestinya disertai dengan mengikut sunnah Rasulullah, berjalan mengikut hidayatnya dan mengamalkan sistem hidupnya di dalam kehidupan. Keimanan juga bukannya kalimah-kalimah yang diucapkan dan bukannya perasaan-perasaan yang berkobar-kobar dan bukan pula syi'ar-syi'ar yang diadakan. Tetapi keimanan itu ialah keta'atan kepada Allah dan Rasul dan mengamalkan sistem hidup yang diatur oleh Allah yang dibawa oleh Rasul.

Ujar al-Imam ibn Kathir dalam tafsirnya mengenai ayat yang pertama: "Ayat yang mulia ini menghukumkan setiap orang yang mendakwa kasihkan Allah, sedangkan dia tidak mengikut sunnah Nabi Muhammad bahawa dia sebenarnya dusta sehingga dia mengikut syari'at Muhammad dan agama nabi-Nya dalam segala tutur kata dan amalan-amalannya, sebagaimana telah thabit di dalam sebuah hadith yang sahih dari Rasulullah s.a.w. sabdanya:

من عمل عملاً ليس عليه أمرنا فهو رد

"Sesiapa yang mengerjakan sesuatu amalan yang tidak disahkan oleh agama kami, maka amalan itu adalah ditolak."

Kemudian ujar beliau pula mengenai ayat yang kedua:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْكَافِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan Rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir"(32)

"Jika kamu berpaling." (فإن تولوا) - Yakni jika kamu menyalahi perintah Rasulullah.

فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir"(32)

Ini menunjukkan bahawa perbuatan menyalahi Rasulullah di dalam agama itu adalah satu perbuatan yang kufur dan Allah tidak suka kepada mereka yang bersifat demikian walaupun mereka mendakwa dan menyangka di dalam hatinya bahawa mereka cintakan Allah.

Ujar al-Imam Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Qayim al-Jauziyah di dalam kitabnya "Zad al-ma'ad fi hadi khair al-'ibad":

"Sesiapa yang memperhatikan sirah Rasulullah s.a.w. dan riwayat-riwayat yang sah mengenai pengakuan sebilangan ramai Ahlil-Kitab dan kaum

Musyrikin yang mengakui kerasulan dan kebenaran beliau, sedangkan pengakuan yang seperti itu tidak dapat memasukkan mereka ke dalam Islam.... maka dia tentulah sedar bahawa Islam itu suatu perkara yang lebih dari pengakuan itu lagi. Ia bukannya semata-mata kenal sahaja dan bukan pula semata-mata kenal dan mengaku sahaja, malah Islam ialah kenal, mengaku, mengikut, menta'ati dan mematuhi agamanya lahir dan batin...."

Agama Islam mempunyai hakikatnya yang tersendiri. Ia tidak wujud tanpa hakikat itu. Hakikat itu ialah hakikat keta'atan kepada syari'at Allah, mengikut sunnah Rasulullah dan berhakimkan kitab Allah. Itulah hakikat yang lahir dari hakikat tauhid yang dibawa oleh Islam, iaitu tauhid Uluhiyah, yang mana Allah sahaja yang berhak disembah manusia dan berhak dita'ati perintah-Nya, berhak dijalankan syari'at-Nya di dalam kehidupan mereka dan berhak menentukan nilai-nilai dan neraca-neraca untuk mereka berhakimkan kepadaNya dan merelakan keputusan-keputusan-Nya. Dan dari sinilah lahirnya tauhid qiwamah yang menjadikan hak memerintah dan mentadbir kehidupan manusia dan segala hubungannya hanya bagi Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana ia menjadikan hak memerintah dan mentadbirkan seluruh alam buana ini hanya bagi Allah Yang Maha Esa sahaja sedangkan manusia hanya merupakan sebahagian dari alam buana.

(Kumpulan ayat-ayat 33 - 64)

Pelajaran pertama dari surah ini telah menjelaskan hakikat ini dalam satu gambaran yang jelas dan lengkap yang pasti dihadapi dan diterima oleh siapa yang mahu menjadi seorang Islam, kerana agama yang direndhai di sisi Allah itu ialah agama Islam. Inilah satu-satunya pengertian Islam yang disyari'atkan Allah bukannya Islam seperti yang digambarkan oleh anggapan-anggapan yang dusta dan kepercayaan-kepercayaan yang salah.

إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ

عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٣٣﴾

ذُرِّيَّةَ بَعْضِهَا مِنْ بَعْضٍ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾

إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي

بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣٥﴾

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ

بِمَا وَضَعَتْ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا

مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ

الرَّجِيمِ ﴿٣٦﴾

فَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا
 وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كَمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ
 وَجَدَ عِنْدَ هَارِزُوقًا قَالِ يَمْرُؤُا أَنَّى لَكَ هَذَا قَالَتْ هُوَ
 مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾
 هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ
 لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾
 فَدَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ
 أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَى مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِنَ اللَّهِ
 وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٩﴾
 قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَقَدْ بَلَغَنِيَ الْكِبَرُ
 وَامْرَأَتِي عَاقِرٌ قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ ﴿٤٠﴾
 قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي آيَةً قَالَ آيَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ
 النَّاسَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمْرَمًا وَاذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا
 وَسَبِّحْ بِالْعِشِيِّ وَالْإِبْكَرِ ﴿٤١﴾
 وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَمْرُؤُا إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاكِ
 وَطَهَّرَكِ وَأَصْطَفَاكِ عَلَى نِسَاءِ الْعَالَمِينَ ﴿٤٢﴾
 يَمْرُؤُا اقْنُتِي لِرَبِّكِ وَأَسْجُدِي وَأَرْكَعِي مَعَ
 الرَّكْعِينَ ﴿٤٣﴾
 ذَلِكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ
 إِذْ يُلْقُونَ أَقْلَامَهُمْ أَيُّهُمْ يَكْفُلُ مَرْيَمَ وَمَا كُنْتَ
 لَدَيْهِمْ إِذْ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran di atas sekalian manusia yang lain(33). Iaitu satu keturunan yang setengahnya berasal dari setengah yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui(34). (Kenangilah) ketika isteri 'Imran berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada di dalam perutku dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata. Oleh itu terimalah (nazar ini) dariku. Sesungguhnya Engkau Maha

Mendengar lagi Maha Mengetahui(35). Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan, dan sesungguhnya aku namakannya Maryam, dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk(36). Lalu ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik dan ia dipelihara oleh Zakaria. Setiap kali Zakaria masuk menemuinya di Mihrab, ia dapati ada rezeki (buah-buahan) di sisinya. Lalu Zakaria bertanya: Wahai Maryam! Dari mana Engkau mendapat rezeki ini? Jawab Maryam: Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab(37). Di sanalah Zakaria berdo'a kepada Tuhannya, katanya: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar do'a(38). Lalu ia diseru oleh malaikat ketika ia sedang berdiri bersembayang di mihrab: Sesungguhnya Allah menyampaikan berita gembira bahawa engkau akan mendapat seorang putera (bernama) Yahya, yang beriman kepada kalimat dari Allah, menjadi seorang ketua, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh(39). Ujar Zakaria: Bagaimanakah aku akan memperolehi seorang putera sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul? Allah berfirman: Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya(40). Ujar Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah suatu tanda untukku. Firman Allah: Tandamu ialah engkau tidak dapat bercakap dengan orang ramai selama tiga hari melainkan secara isyarat sahaja. Dan banyakkann berzikir menyebut Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu petang dan pagi(41). Dan (kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu dan membersihkanmu serta melebihkanmu di atas sekalian perempuan yang lain(42). Wahai Maryam! Patuhlah kepada Tuhanmu dan sujud dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'(43). Peristiwa itu adalah dari berita-berita ghaib yang Kami wayhukan kepadamu. Dan engkau tidak ada bersama mereka ketika mereka mencampakkan kalam-kalam mereka (kerana mengundi) siapakah di antara mereka yang berhak memelihara Maryam, dan engkau juga tidak ada bersama mereka ketika mereka berbalah sesama mereka(44)."

إِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَمْرُؤُا إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ
 بِكَلِمَةٍ مِنْهُ اسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا
 فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾
 وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ
 الصَّالِحِينَ ﴿٤٦﴾
 قَالَتْ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ قَالَ
 كَذَلِكَ اللَّهُ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا
 يَقُولُ لَهُ وَكُن فَيَكُونُ ﴿٤٧﴾

وَيَعْلَمُهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ
وَالْإِنْجِيلَ ﴿٤٨﴾

وَرَسُولًا إِلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُكُمْ
بِآيَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ أَنِّي أَخْلُقُ لَكُمْ مِنَ الطِّينِ
كَهَيْئَةِ الطَّيْرِ فَأَنْفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِ اللَّهِ
وَأُبْرِئُ الْأَكْمَةَ وَالْأَبْرَصَ وَأُحْيِي الْمَوْتَى بِإِذْنِ
اللَّهِ وَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدْخِرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾
وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيِّ مِنَ التَّوْرَةِ وَلِأَحَدٍ
لَّكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِآيَةٍ
مِّن رَّبِّكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ

إِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ
مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَى مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ
أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ
اللَّهِ ءَأَمْنَا بِاللَّهِ وَأَشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾
رَبَّنَا آمَنَّا بِمَا أَنْزَلْتَ وَاتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا
مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَاكِرِينَ ﴿٥٤﴾

"(Kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah menyampaikan kepadamu berita gembira akan mendapat putera dari kalimat Allah, namanya al-Masih 'Isa Putera Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan tergolong dari para muqarrabin(45). Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia tergolong dari para salihin(46). Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperoleh anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun? Allah berfirman: Demikianlah Allah berkuasa mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Apabila Dia berkehendak mengadakan sesuatu, maka Dia hanya berfirman: Jadilah! Maka sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud(47). Dan Allah akan mengajarnya kitab suci, hikmat, Taurat dan Injil(48). Dan (akan melantikkannya) sebagai Rasul kepada

Bani Israel (dengan menyatakan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh ciptakan untuk kamu dari tanah suatu lembaga seperti lembaga burung, lalu aku tiupkan padanya dan ia terus menjadi seekor burung dengan keizinan Allah, dan aku boleh menyembuhkan orang buta dan orang yang berpenyakit sopak dan aku boleh menghidupkan orang yang mati dengan izin Allah, juga aku boleh menceritakan kepada kamu segala apa yang kamu makan dan segala apa yang kamu simpan di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya (kebolehan-kebolehan) yang sedemikian merupakan bukti kepada kamu jika kamu orang-orang yang beriman(49). (Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang mengesahkan kebenaran kitab Taurat sebelumnya dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu. Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan mu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku(50). Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus(51). Apabila 'Isa menyedari kekafiran setengah dari mereka (kaum Yahudi) dia pun berkata: Siapakah yang sanggup menjadi penyokongku ke jalan Allah. Ujar para sahabat setia (hawari): Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka (52). Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu) oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi(53). Dan mereka (kaum Yahudi) telah merancang tipu daya dan Allah merancang balasan tipu daya itu, dan Allah sebaik-baik perancang balasan tipu daya(54)."

إِذْ قَالَ اللَّهُ يَلْعَسَىٰ إِنَّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىٰ
وَمُطَهِّرُكَ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلُ الَّذِينَ
اتَّبَعُوكَ فَوْقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ
ثُمَّ إِنِّي مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنْتُمْ
فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾

فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأَعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَّاصِرِينَ ﴿٥٦﴾
وَأَمَّا الَّذِينَ ءَأَمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفِّيهِمْ

أَجْرَهُمْ وَاللَّهُ لَا يَحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٥٧﴾
ذَلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ
وَمِنْ تَرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ وكن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾
 فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ
 تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا
 وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَلْ
 لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكٰذِبِينَ ﴿٦١﴾
 إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ
 وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾
 فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِالْمُفْسِدِينَ ﴿٦٣﴾
 قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ
 بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ
 شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ
 فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"(Kenangilah) * ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa! Sesungguhnya Aku akan mewafatkan engkau dan akan mengangkat engkau kepada-Ku dan akan membersihkan engkau dari orang-orang yang kafir dan akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat, kemudian kepada-Kulah tempat kamu kembali dan Aku akan mengadili di antara kamu dalam persoalan-persoalan yang telah dipertikaikan kamu(55). Adapun orang-orang yang kafir, maka Aku akan azabkan mereka dengan azab yang amat berat di dunia dan Akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapapun menjadi penolong-penolong mereka(56). Dan adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempumakan pahala mereka. Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (57). (Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang Kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana (58). Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Dia ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud(59). Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, oleh itu janganlah sekali-kali engkau jadi dari golongan orang-orang yang ragu-ragu(60). Kerana itu sesiapa yang membantah engkau mengenai setelah datang kepadamu pengetahuan (yang jelas) maka katakanlah: Marilah kamu sekalian! Kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian kita sama-sama memohon kepada Allah dan meminta agar ditimpakan laknat Allah ke atas orang-orang yang berdusta(61). Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar. Dan tiada Tuhan yang lain melainkan Allah. Dan sesungguhnya Allah itulah yang Maha Perkasa lagi Maha

Bijaksana(62). Dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan(63) Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin(64)."
 (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Mengikut riwayat-riwayat yang menceritakan tentang perdebatan di antara Nabi s.a.w. dengan rombongan Najran dari Yaman bahawa kisah-kisah yang disebut di dalam surah ini mengenai kelahiran 'Isa a.s., kelahiran bondanya Maryam, kelahiran Yahya a.s. dan lain-lain kisah adalah dibawa untuk menjawab pengeliruan-pengeliruan yang mahu ditimbulkan oleh rombongan itu berdasarkan kepada keterangan Al-Qur'an sendiri tentang 'Isa a.s yang disifatkannya sebagai kalimat Allah kepada Maryam dan sebagai ruh dari-Nya. Dan mereka juga telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang tidak disebutkan di dalam Surah Maryam dan menuntut jawapan-jawapannya.

Pendapat ini mungkin betul, tetapi datangnya kisah-kisah ini di dalam surah ini dalam bentuk ini adalah sesuai dengan cara umum Al-Qur'an yang membawa kisah-kisah untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang tertentu yang mahu diterangkan itu dan biasanya hakikat-hakikat inilah yang menjadi maudhu' surah yang disebutkan kisah-kisah itu. Di sini kisah-kisah itu disebut sekadarnya dan dengan gaya cara yang menekankan hakikat-hakikat itu, menonjolkannya dan menghidupkannya. Tidak syak lagi bahawa kisah-kisah itu mempunyai cara-cara yang tersendiri dalam membentangkan hakikat-hakikat dan memasukkannya ke dalam hati manusia dalam satu gambaran yang hidup dan dengan nada yang mendalam yang mana hakikat-hakikat itu digambarkan dengan gambaran yang waq'i'i, yang berlaku di dalam kehidupan manusia. Cara ini lebih berkesan kepada jiwa manusia dari semata-mata menerangkan hakikat-hakikat secara penerangan sahaja.

Di sini kita dapati kisah-kisah ini memperkatakan tentang hakikat-hakikat yang ditekankan oleh pembicaraan surah ini dan melahirkan garis-garisnya yang lebar. Oleh sebab itu kisah-kisah ini terpisah dari sesuatu peristiwa tertentu yang disebut di dalamnya, malah kisah itu kekal sebagai satu unsur pokok yang berdiri sendiri yang mengandungi hakikat-hakikat pokok yang kekal di dalam kefahaman kepercayaan Islam.

Persoalan pokok yang ditekankan oleh pembicaraan surah ini sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini ialah persoalan tauhid, iaitu tauhid Uluhiyah dan tauhid qiwamah. Sedangkan kisah 'Isa a.s. - dan lain-

lain kisah yang menyempurnakannya di dalam pelajaran ini - menguatkan hakikat tauhid ini dan menolak gagasan anak dan sekutu bagi Allah dan menjauhkan keduanya dengan sejauh-jauhnya. Kisah itu memperlihatkan kepalsuan kepercayaan yang keliru itu dan kekarutan kefahamannya. Ia menjelaskan kelahiran Maryam dan sejarah kelahiran 'Isa dan sejarah kebangkitannya menjadi rasul serta peristiwa-peristiwanya dengan cara yang tidak sedikit pun memberi ruang keraguan terhadap sifat kemanusiaan 'Isa yang sempurna dan bahawa beliau adalah salah seorang dari zuriat keturunan para rasul. Sifat dan keadaan beliau sama sahaja dengan sifat dan keadaan mereka dan tabi'at beliau sama dengan tabi'at mereka. Kisah itu juga mentafsirkan peristiwa-peristiwa luar biasa yang menyertai kelahiran dan sirah beliau dengan satu pentafsiran yang jelas tanpa rumit dan samar-samar, iaitu satu pentafsiran yang menyenangkan hati dan akal dan meninggalkan perkara itu di dalam hati dan akal sebagai satu perkara tabi'i dan biasa yang tidak ada apa-apa keganjilan. Sehingga apabila Allah menyimpulkan kisah itu dengan firman-Nya:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ
وَمِنْ تَرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ وَاكُنْ فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

"*Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Allah ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud*" (59)

maka hati terus mendapat keyakinan dan ketenangan dan merasa hairan bagaimana kekeliruan-kekeliruan itu boleh timbul di sekitar hakikat yang mudah ini?

Persoalan yang kedua yang terbit dari persoalan yang pertama di dalam seluruh penerangan surah ini ialah persoalan hakikat agama, iaitu Islam, dan makna Islam ialah mengikut, menyerah diri dan patuh. Hakikat ini juga disebut di celah kisah-kisah dengan jelas. Ia disebut dalam sabda 'Isa a.s. kepada Bani Israel:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَلَا أُحِلَّ
لَكُمْ بَعْضُ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

"*(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang mengesahkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu.*" (50)

Di dalam sabda ini terdapat penjelasan terhadap tabi'at kerasulan, di mana rasul itu datang untuk menegakkan sesuatu peraturan dan undang-undang, untuk melaksanakan sesuatu sistem dan untuk menerangkan yang halal dan yang haram supaya ia diikuti oleh orang-orang yang beriman dengan agama ini dan patuh kepadanya. Kemudian konsep penyerahan diri dan ikutan dengan patuh itu disebut di atas lidah para Hawariy atau sahabat-sahabat setia 'Isa a.s.:

فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ
أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ
اللَّهِ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَأَشْهَدُ بِأَنَّ مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾
رَبَّنَا ءَامَنَّا بِمَا أَنْزَلْتَ وَاتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا
مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

"*Apabila 'Isa menyedari kekafiran mereka (kaum Yahudi) dia pun berkata: Siapakah yang sanggup menjadi penyokongku ke jalan Allah? Para Hawariy (sahabat setia 'Isa) berkata: Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka(52). Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul(Mu) oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi.*" (53)

Di antara pembicaraan-pembicaraan yang ditekankan oleh penerangan surah ini ialah menggambarkan keadaan orang-orang Mu'min dengan Tuhan mereka. Kisah-kisah ini menayangkan sejumlah keadaan itu di dalam golongan manusia pilihan yang telah dipilih oleh Allah dan menjadikannya zuriat keturunan satu sama lain. Gambaran-gambaran hubungan yang gemilang ini dapat di lihat dengan jelas di dalam percakapan isteri 'Imran dan di dalam munajat 'Imran mengenai anaknya, juga di dalam percakapan Maryam dengan Zakaria dan di dalam do'a Zakaria dan munajatnya dengan Allah, dan di dalam jawapan para Hawariy kepada Nabi mereka dan do'a mereka kepada Allah demikianlah seterusnya.

Sehingga apabila kisah-kisah itu berakhir, maka dikemukakan suatu kesimpulan yang mencakup dan mengintisarikan hakikat-hakikat ini berdasarkan kejadian-kejadian kisah itu untuk menegakkan hakikat-hakikat yang hendak ditegakkannya. Oleh itu kesimpulan ini telah menyentuh hakikat 'Isa a.s., tabi'at penciptaan Allah, iradat Allah dan konsep wahdaniyah yang bersih dan tulen dan seruan kepada Ahlil-Kitab supaya berpegang dengan konsep wahdaniyah. Juga seruan mengajak mereka mengadakan mubalahah kerana konsep itu. Pelajaran ini berakhir dengan sebuah kenyataan yang lengkap dan mencakup dasar hakikat ini agar Nabi s.a.w. berdepan dan menyeru kaum Ahlil-Kitab seluruhnya sama ada mereka yang menghadiri perdebatan itu atau tidak hadir, sama ada mereka dari generasi itu atau dari generasi kemudian sehingga akhir zaman:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَاءٍ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ
شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahli-Kitab! Marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin."(64)

Dengan ini tamatlah perdebatan itu dan jelaslah apa yang sebenar dikehendaki oleh Islam dari manusia dan apakah asas kehidupan yang telah diletakkan Islam untuk mereka. Juga jelaslah tergaris makna agama dan makna Islam dan tertolaklah segala gambaran salah dan karut yang didakwa oleh pemikir-pemikirnya sebagai gambaran agama atau gambaran Islam. Inilah matlamat akhir dari pelajaran ini dan dari seluruh surah ini. Semuanya diterangkan oleh kisah-kisah dengan penerangan dalam bentuk cerita-cerita yang indah, menarik dan mengandungi saranan-saranan yang mendalam. Inilah fungsi kisah-kisah Al-Qur'an dan tabi'at dari kisah-kisah itulah yang menentukan cara gaya pembentangannya di dalam berbagai-bagai surah mengikut satu kaedah yang tersendiri.

Kisah 'Isa telah diceritakan di dalam Surah Maryam dan dibentangkan juga di dalam surah ini. Apabila dikaji nas-nas di sana sini ternyata bahawa di sini terdapat beberapa tambahan babak dan keterangan yang ringkas di dalam setengah-setengah babak. Dan di sana terdapat perincian yang panjang lebar di dalam Surah Maryam mengenai babak kelahiran 'Isa, sedangkan di sana tidak ada babak kelahiran Maryam. Tetapi di sini pula terdapat huraian yang panjang tentang kerasulan 'Isa dan kisah para Hawariy dan keterangan yang ringkas mengenai kisah kelahirannya. Begitu juga kata-kata kesimpulan di sini adalah lebih panjang kerana kesimpulan itu bersangkutan dengan perdebatan-perdebatan, di sekitar persoalan yang lebih luas, iaitu persoalan-persoalan tauhid, agama, wahyu dan kerasulan yang tidak wujud di dalam Surah Maryam. Semuanya ini mendedahkan tabi'at cara gaya Al-Qur'an dalam membentangkan kisah-kisah yang sesuai dengan suasana surah yang membentangkan kisah-kisah itu dan hubungannya di dalam surah ini.

Sekarang marilah kita mulai mentafsirkan ayat-ayat itu secara terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 34)

Tokoh-tokoh Hamba Allah Yang Dipilih Menjadi Rasul

Kisah-kisah ini dimulakan dengan menerangkan para hamba yang telah dipilih oleh Allah untuk menjadi Rasul yang sama yang membawa agama yang sama sejak diciptakan manusia. Merekalah yang

menjadi pasukan pertama dari angkatan iman di dalam berbagai-bagai peringkat perkembangannya yang bersambung-sambung di sepanjang generasi dan abad. Al-Qur'an menjelaskan bahawa merekalah zuriat keturunan yang berasal dari satu sama lain. Ia tidak semestinya zuriat dari segi keturunan, kerana keturunan mereka semua bertemu pada Adam dan Nuh, malah zuriat itu merupakan hubungan pilihan Ilahi dan hubungan 'aqidah yang bersambung-sambung di dalam angkatan iman yang mulia itu:

إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٣٣﴾

ذُرِّيَّةً بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran di atas sekalian manusia yang lain(33). Iaitu satu keturunan yang setengahnya berasal dari setengahnya yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(34)

Ayat ini menyebut Adam dan Nuh sebagai dua individu dan menyebut keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran sebagai dua keluarga. Ini untuk memberi isyarat bahawa Adam dan Nuh itu adalah dipilih kerana tubuh atau peribadi kedua-duanya, sedangkan Ibrahim dan 'Imran adalah dipilih kerana peribadi dan kerana zuriat kedua-duanya sekali mengikut dasar yang telah ditetapkan di dalam Surah al-Baqarah mengenai keluarga Ibrahim, iaitu warisan Nubuwwah dan keberkatan di dalam keluarganya bukan warisan darah, malah warisan 'aqidah:

وَإِذْ أَبَتَىٰ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakannya. Allah berfirman: (Wahai Ibrahim) sesungguhnya Aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia. (Ibrahim) memohon: Lantikkan juga zuriat keturunanku. Jawab Allah: Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim."

(Surah al-Baqarah : 124)

Setengah-setengah riwayat menyebut bahawa 'Imran adalah dari keluarga Ibrahim. Ia disebut khusus di sini kerana adanya kesesuaian yang tertentu, iaitu membentangkan kisah Maryam dan kisah 'Isa a.s. Begitu juga kita perhati bahawa rangkaian ayat-ayat ini tidak menyebut keluarga Ibrahim, tidak juga keluarga Musa dan Ya'kub (iaitu Israel) sebagaimana ia menyebut keluarga 'Imran. Ini disebabkan kerana penerangan ayat di sini berpindah kepada perdebatan di sekitar 'Isa putera Maryam dan disekitar Ibrahim

sebagaimana akan diterangkan di dalam pelajaran-pelajaran yang berikut dan kerana itu di sana tidak ada apa-apa hubungan yang sesuai untuk menyebut Musa atau Ya'kub di tempat ini.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 37)

Dari pengumuman pertama ini rangkaian ayat yang berikut berpindah secara langsung kepada keluarga 'Imran dan kelahiran Maryam.

Keluarga Imran Dan Kelahiran Maryam

إِذْ قَالَتْ أَمْرَاتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣٥﴾
فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٣٦﴾

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا
وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ
وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَلْمِزُكَ أُنثَىٰ لَكَ هَذَا قَالَ هُوَ
مِنَ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾

"(Kenangilah) ketika isteri 'Imran berkata: Wahai Tuhankul! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada di dalam perutku dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata. Oleh itu terimalah (nazar ini) dariku. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui(35). Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhankul! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan, dan sesungguhnya aku namakannya Maryam, dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk(36). Lalu ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik dan ia diperliharakan oleh Zakaria. Setiap kali Zakaria masuk menemuinya di mihrab, ia dapati ada rezeki (buah-buahan) di sisinya. Lalu Zakaria bertanya: Wahai Maryam! Dari mana engkau mendapat rezeki ini? Jawab Maryam: Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab."(37)

Kisah nazar mendedahkan kepada kita bagaimana isi hati isteri 'Imran bonda Maryam yang dipenuhi iman itu dan bagaimana beliau berdo'a menazarkan kepada Allah dengan sesuatu yang paling disayangi

yang dimiliki olehnya, iaitu bayi yang sedang dikandung di dalam perutnya. Ia menazarkannya dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada Allah semata-mata, iaitu bebas dari sebarang syarat, dari perkongsian dan dari sebarang hak kepada yang lain dari Allah S.W.T. Keikhlasannya yang mutlak diungkapkan dengan kata-kata kebebasan itu adalah suatu pengungkapan yang amat menarik kerana seseorang itu tidak sebenar-benar bebas kecuali ia memberi seluruh keikhlasannya kepada Allah, kecuali ia bertawajjuh kepada Allah dengan keseluruhan jiwa raganya dan menyelamatkan dirinya dari Ubudiyah kepada sesiapa dan kepada sesuatu apa sahaja dan kepada mana-mana nilai sekalipun. Ubudiyahnya hanya semata-mata bagi Allah Yang Maha Esa sahaja. Inilah erti kebebasan yang tulen dan yang lain darinya adalah Ubudiyah (yang tidak tulen) walaupun kelihatan di dalam gambaran kebebasan.

Dari sinilah tauhid kelihatan menjadi gambaran yang mithali/ideal kepada kebebasan kerana seseorang itu tidak dianggap bebas selama ia masih memberi keta'atan dan kepatuhannya kepada yang lain dari Allah dalam apa-apa peraturan yang mengenai dirinya atau kehidupannya atau di dalam urusan adat resam, nilai-nilai, undang-undang dan syari'at yang mengatur kehidupan ini. Tidak ada kebebasan yang sebenar, jika di dalam hati seseorang itu masih wujud pergantungan atau harapan atau perhambaan pada yang lain dari Allah, dan jika dalam hidupnya ada undang-undang atau nilai-nilai atau neraca-neraca pertimbangan yang diambil dari yang lain dari Allah. Apabila Islam datang membawa 'aqidah tauhid, ia membawa satu gambaran kebebasan yang tunggal ke alam manusia.

Inilah do'a yang khuyu' dari isteri 'Imran memohon kepada Allah agar menerima nazarnya iaitu jantung hatinya sendiri. Dengan do'a ini sempurnalah penyerahan diri yang ikhlas kepada Allah, sempurnalah tawajjuh yang bulat kepada-Nya, sempurnalah kebebasan dari segala syarat dan ikatan dan sempurnalah keikhlasan kepada-Nya yang tiada lain melainkan hasrat keinginan untuk mendapat perkenan dan keredhaan-Nya.

إِذْ قَالَتْ أَمْرَاتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣٥﴾

"Wahai Tuhankul! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada di dalam perutku dengan ikhlas dan bebas untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata. Oleh itu terimalah (nazar ini) dariku. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(35)

Tetapi dia melahirkan anak perempuan bukannya anak lelaki:

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا

مَرِيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٣٦﴾

"Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan, dan sesungguhnya aku namakannya Maryam, dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk."(36)

Dia mengharapkan kelahiran anak lelaki, kerana nazar kepada rumah-rumah ibadat itu biasanya dengan budak-budak lelaki supaya mereka berkhidmat di rumah ibadat itu dan memusatkan kehidupan mereka dalam kegiatan ibadat tetapi anak yang diperolehinya sekarang ialah anak perempuan lalu dia berdo'a kepada Allah dengan nada yang sedih:

رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya."

Tetapi dia berdo'a kepada Allah dengan apa yang diperolehinya seolah-olah dia meminta ma'af kerana tidak mendapat anak lelaki untuk menjalankan tugas khidmat itu:

وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ

"Dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan."

Yakni anak perempuan tentulah tidak dapat melaksanakan tugas itu sama seperti yang dapat dilaksanakan oleh anak lelaki dalam bidang ini.

وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ

"Dan sesungguhnya aku namakannya Maryam."

Percakapan yang seperti ini merupakan satu bentuk munajat yang dekat, iaitu munajat orang yang merasa dirinya bersendirian dengan Tuhannya, di mana dia meluahkan isi hatinya, menunjukkan apa yang ada di hadapannya dan mempersembahkan secara langsung dan lemah-lembut apa sahaja yang dimilikinya. Itulah perilaku para hamba pilihan terhadap Tuhan mereka, iaitu perilaku kasih mesra, mendampingi diri, berhubung secara langsung dan bermunajat dengan susunan kata-kata yang mudah, tidak buat-buat dan berbelit-belit. Inilah munajat orang yang merasa dirinya sedang bercakap dengan yang dekat, yang di kasih, yang mendengar dan memperkenankan permohonan.

وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٣٦﴾

"Dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk.(36)"

Inilah kata-kata terakhir seorang ibu memberi selamat tinggal kepada anaknya yang telah dinazarkannya kepada Tuhannya. Dia tinggalkannya di bawah naungan Allah dan pemeliharaan-Nya. Dan dia meletakkan anaknya dan zuriatnya di bawah perlindungan Allah dari kejahatan syaitan yang terkutuk.

Inilah juga kata-kata dan hasrat dari hati yang ikhlas. Tiada suatu kebaikan yang lebih diinginkan untuk bayinya selain dari ia berada di dalam jagaan dan pemeliharaan Allah dari kejahatan syaitan yang terkutuk.

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا

"Lalu ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik."

Sebagai balasan terhadap keikhlasan yang memenuhi hati bonda Maryam dan terhadap keikhlasan nazarnya, juga sebagai langkah menyediakannya untuk melayakkannya menerima tiupan ruh dari Allah dan kalimat Allah dan seterusnya melahirkan 'Isa a.s. dengan cara yang berlainan dari cara kelahiran manusia yang lain.

وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا

"Dan dia dipelihara oleh Zakaria."

Yakni Allah menjadikan Zakaria sebagai pemelihara dan penjaganya, Zakaria a.s. ialah ketua rumah ibadat Yahudi dan beliau dari zuriat keturunan Nabi Harun a.s. yang mewarisi urusan menjaga rumah ibadat.

Maryam membesar dalam suasana keberkatan yang tidak putus-putus. Allah menyediakan rezeki untuknya dari limpah kurnia-Nya yang istimewa:

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَ

هَارِزِقًا قَالِ لِمَ يَرِيءُ أَنِي لَكَ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ

إِنَّ اللَّهَ يَرزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾

"Setiap kali Zakaria masuk menemuinya di mihrab, ia dapati ada rezeki (buah-buahan) di sisinya. Lalu Zakaria bertanya: Wahai Maryam! Dari mana engkau mendapat rezeki ini? Jawab Maryam: Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab."(37)

Kita tidak mahu mengharungi dalam pembicaraan yang panjang lebar tentang sifat rezeki yang (dikurniakan kepada Maryam) sebagaimana telah diharungi oleh berbagai-bagai riwayat. Cukuplah kita mengetahui bahawa rezeki itu adalah suatu rezeki yang dekat, yang melimpahkan kebaikan kepada mereka yang berada di sekeliling Maryam dan melimpahkan segala sesuatu yang dikatakan rezeki. Hinggakan mena'jubkan pemeliharanya Zakaria a.s. - sedangkan beliau seorang Nabi - terhadap

kelimpahan rezeki itu, lalu beliau bertanya Maryam: "Bagaimana dan dari mana semuanya ini?" Namun begitu Maryam tidak menjawab lebih dari menyatakan dengan khusyu' dan tawadhu' seorang Mu'min yang mengakui ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya serta menyerahkan segala-galanya kepada Allah:

هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾

"Ia adalah dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab." (37)

Kelahiran Nabi Yahya

Perkataan ini menggambarkan peri keadaan orang Mu'min dengan Tuhannya dan bagaimana ia memelihara rahsia di antaranya dengan Allah, bagaimana ia memperlihatkan sifat rendah diri atau tawadhu'nya dalam memperkatakan rahsia itu, bukannya menunjukkan sifat takbur dan bermegah-megah dengannya. Begitu juga kejadian yang luar biasa yang menimbulkan kehairanan Nabi Allah Zakaria a.s. itu merupakan pembukaan jalan bagi keajaiban-keajaiban yang akan berlaku selanjutnya dalam kelahiran Yahya dan kelahiran 'Isa a.s.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 41)

Di waktu itu tergeraklah di dalam hati Zakaria, yang telah tua dan tidak pernah mendapat zuriat keturunan itu, keinginan semulajadi manusia yang kuat untuk mendapat anak dan kelanjutan zuriat keturunan. Keinginan sedemikian tidak mati di dalam jiwa para hamba yang zahid yang telah memberi diri mereka untuk ibadat dan menazarkannya untuk berkhidmat kepada rumah ibadat. Itulah fitrah semulajadi yang Allah telah fitrakan manusia di atasnya kerana suatu hikmat yang tinggi untuk melanjut dan memajukan hayat:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ وَقَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ

لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾

فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ

أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَى مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِنَ اللَّهِ

وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٩﴾

قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَقَدْ بَلَغَنِيَ الْكِبَرُ

وَأَمْرَاتِي عَاقِرٌ قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ ﴿٤٠﴾

قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي آيَةً قَالَ آيَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ

النَّاسَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمْرًا ۖ وَادْكُرُّ رَبَّكَ كَثِيرًا

وَسَبِّحْ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَرِ ﴿٤١﴾

"Di sanalah Zakaria berdo'a kepada Tuhannya, katanya: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar do'a(38). Lalu ia diseru oleh malaikat ketika ia sedang berdiri bersembahyang di Mihrab: Sesungguhnya Allah menyampaikan berita gembira bahawa engkau akan mendapat seorang putera (bernama) Yahya, yang beriman kepada kalimat dari Allah, menjadi seorang ketua, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh(39). Ujar Zakaria: Bagaimanakah aku akan memperolehi seorang putera sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul? Allah berfirman: Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya(40). Ujar Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah suatu tanda utukku. Firman Allah: "Tandamu ialah engkau tidak dapat bercakap dengan orang ramai selama tiga hari melainkan secara isyarat sahaja. Dan banyakkann berzikir menyebut Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu petang dan pagi."(41)

Di sini juga kita dapati kita berdepan dengan suatu peristiwa yang luar biasa yang membawa gejala dari gejala-gejala masyi'ah Allah yang bebas dan tidak terikat dengan kebiasaan-kebiasaan manusia yang dianggap mereka sebagai undang-undang yang tidak boleh dilanggarinya. Oleh sebab itulah mereka akan meragui setiap peristiwa yang tidak berlaku di dalam batas undang-undang kebiasaan itu. Dan jika mereka tidak dapat mendustakan peristiwa itu kerana ia benar-benar berlaku dalam kenyataan, maka mereka akan mengadakan di sekelilingnya kepercayaan-kepercayaan khurafat dan dongeng-dongeng yang karut.

Kini Zakaria yang sangat tua yang mempunyai isteri yang mandul, yang tidak pernah melahirkan anak di waktu mudanya, sedang dirangsangkan oleh keinginan semulajadi yang mendalam kepada zuriat keturunan apabila dia melihat Maryam di hadapannya, seorang gadis sunti yang soleh yang sentiasa dikurniakan rezeki secara istimewa oleh Allah. Beliau berdo'a kepada Allah memohon agar dikurniakan kepadanya zuriat yang baik:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ وَقَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ

لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾

"Di sanalah Zakaria berdo'a kepada Tuhannya katanya: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar do'a."(38)

Apakah hasil dari do'a yang khusyu', hangat dan benar-benar kembali bertelut kepada Allah ini?

Hasilnya ia telah mendapat limpah perkenan yang tidak terikat dengan umur dan tidak terikat dengan kebiasaan manusia, kerana limpah perkenan itu datang dari kehendak Allah yang mutlak, yang berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya:

فَدَاتَهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ
 أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَى مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِّنَ اللَّهِ
 وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٩﴾

"Lalu ia diseru oleh malaikat ketika ia sedang berdiri sembahyang di Mihrab: Sesungguhnya Allah menyampaikan berita gembira bahawa engkau akan mendapat seorang putera (bernama) Yahya, yang beriman kepada kalimat dari Allah, menjadi seorang ketua, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh.(39)

Yakni do'a yang terbit dari hati yang suci, yang menggantungkan harapan kepada Allah yang mendengar do'a dan berkuasa memenuhinya itu, telah diterima dan diperkenankan. Dan malaikat telah menyampaikan berita gembira kepada Zakaria bahawa beliau akan mendapat seorang putera yang namanya terkenal sebelum ia dilahirkan, begitu juga sifat-sifatnya, iaitu Yahya yang akan menjadi seorang ketua yang mulia, seorang yang dapat mengawal nafsu berahi dan dapat memegang tali kekangnya dari terlucut, seorang yang beriman dan percaya kepada kalimat yang datang dari Allah⁷ dan seorang Nabi yang soleh di dalam angkatan para salihin.

Do'a itu telah diperkenankan Allah. Ia tidak dapat dihalangkan oleh kebiasaan manusia yang dianggapkan mereka sebagai undang-undang. Kemudian mereka mengira masyi'ah Allah S.W.T. terikat dengan undang-undang itu. Sebenarnya segala apa yang dilihat dan dikira manusia sebagai undang-undang itu tidak terkeluar dari sesuatu yang nisbi/relatif sahaja, bukannya sesuatu yang mutlak dan terakhir. Manusia yang terbatas umur dan ilmu pengetahuannya dan akal yang tunduk kepada tabi'at manusia yang seperti itu tidak berupaya untuk sampai kepada satu undang-undang yang terakhir dan untuk memahami satu hakikat yang mutlak. Oleh itu alangkah wajarnya bagi manusia beradab sopan di hadapan Allah. Dan alangkah wajar baginya berdiri teguh di sempadan tabi'atnya dan di garis-garis bidang kemampuannya sahaja tanpa meraba-raba di dalam kesesatan tanpa pemandu ketika memperkatakan sesuatu yang mungkin dan sesuatu yang mustahil dan juga ketika meletakkan batas-batas panduan, dari pengalaman-pengalamannya, pendapat-pendapatnya dan ilmu-ilmunya yang sedikit, terhadap masyi'ah Allah yang mutlak.

Penerimaan do'a itu merupakan sesuatu peristiwa yang memeranjatkan Zakaria sendiri - kerana Zakaria tidak lain melainkan seorang manusia biasa - beliau

ingin mengetahui dari Allah bagaimana peristiwa luar biasa itu berlaku dibandingkan kepada kebiasaan manusia:

قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَقَدْ بَلَغَنِيَ الْكِبَرُ
 وَامْرَأَتِي عَاقِرٌ

"Ujar Zakaria: Bagaimanakah aku akan memperoleh seorang putera sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul?"

Jawapan datang kepada beliau dengan mudah. Ia memulangkan perkara itu kepada punca asalnya dan kepada hakikatnya yang senang di fahami dan tidak mempunyai apa keganjilan:

قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ ﴿٤٠﴾

"Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."(40)

Demikianlah perkara ini adalah suatu perkara biasa yang berulang-ulang kali berlaku apabila dipulangkan kepada masyi'ah Allah dan ciptaan-Nya yang sentiasa berlangsung secara ini. Tetapi insan sahaja yang tidak memikirkan jalan itu dan tidak memperhatikan ciptaan itu dan tidak mengingati hakikat itu.

Demikianlah Allah mencipta segala apa yang dikehendaki-Nya dengan semudah dan sebarang ini. Apakah sulitnya kepada Allah untuk mengurniakan anak kepada Zakaria yang telah meningkat kepada usia yang sangat tua dan isterinya pula mandul? Hanya kebiasaan manusia sahaja yang membuat mereka menjadikannya sebagai undang-undang sedangkan kepada Allah tidak ada undang-undang kebiasaan dan tidak ada keganjilan, malah segala-galanya terpulung kepada masyi'ah Allah yang bebas dari segala ikatan.

Tetapi oleh kerana Zakaria terlalu kepingin hendak melihat pelaksanaan dari berita gembira itu dan terlalu terkejut dengan berita itu, beliau memohon kepada Allah agar memberikan kepadanya satu alamat yang menenangkan hatinya: Dia terus memohon kepada Allah:

قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِّي آيَةً

"Ujar Zakaria! Wahai Tuhanku! Jadikanlah suatu tanda untukku."

Di sini Allah menunjukkan kepadanya jalan ketenangan dan keyakinan yang haqiqi, lalu Allah mengeluarkannya dari keadaan biasa dirinya sendiri, iaitu alamatnya ialah lidahnya akan menjadi kelu selama tiga hari ketika beliau berdepan dengan manusia dan akan menjadi lancar apabila beliau bertawajjuh kepada Allah, berzikir, dan bertasbih kepada-Nya:

قَالَ آيَاتِكَ إِلَّا تَكَلَّمُ النَّاسُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمَزًا
 وَادَّكُرُ رَبِّكَ كَثِيرًا وَسَبِّحْ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَرِ ﴿٤١﴾

⁷ Setengah-setengah tafsir menyebut bahawa maksud dari beliau mempercayai kalimat dari Allah ialah beliau mempercayai 'Isa a.s., sedangkan di sana tidak ada alasan yang menentukan pemahaman ini.

"Firman Allah: Tandamu ialah engkau tidak dapat bercakap dengan orang ramai selama tiga hari melainkan secara isyarat sahaja. Dan banyakkann berzikir menyebut Tuhanmu dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu petang dan pagi."(41)

Penerangan ayat berhenti setakat ini sahaja dan kita mengetahui bahawa segala apa yang disebut itu telah berlaku. Zakaria dapati pada dirinya sesuatu yang luar biasa dalam hidupnya, dan hidup orang lain juga walaupun lidah itu lidahnya, dan ia menjadi kelu tidak dapat bercakap dengan orang ramai, tetapi ia menjadi lancar ketika beliau bermunajat dengan Allah. Apakah undang-undang yang menguasai kejadian ini? Itulah undang-undang kebebasan masyi'ah Allah yang sempurna. Tanpa undang-undang ini kejadian yang ganjil itu tidak dapat ditafsirkan. Demikianlah Allah telah mengurniakan putera Yahya kepada Zakaria a.s. walaupun usianya begitu tua dan isterinya mandul.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 43)

Kelahiran Nabi Isa

Seolah-olah peristiwa luar biasa ini merupakan pembuka jalan kepada peristiwa kelahiran 'Isa yang menimbulkan berbagai-bagai dongeng dan kekeliruan. Peristiwa ini merupakan satu babak dalam satu siri kejadian-kejadian luar biasa yang diciptakan oleh masyi'ah Allah yang bebas. Di sini (dalam ayat yang berikut) dimulakan kisah al-Masih a.s. dan kisah penyediaan Maryam untuk menerima tiupan ruh dari Allah, di mana ia diperintah supaya membersihkan diri, patuh dan beribadat kepada Allah.

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَكَةُ يَا مَرْيَمُ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاكِ وَطَهَّرَكِ وَأَصْطَفَاكِ عَلَى نِسَاءِ الْعَالَمِينَ ﴿٤٢﴾
يَا مَرْيَمُ اقْنُتِي لِرَبِّكِ وَأَسْجُدِي وَأَرْكَعِي مَعَ الرَّكْعِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu dan membersihkanmu serta melebihkanmu di atas sekalian perempuan yang lain(42). Wahai Maryam! Patuhilah kepada Tuhanmu dan sujud dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'."(43)

Apakah maksud pilihan itu? Maksudnya Allah memilih Maryam untuk menerima tiupan ruh dari Allah secara langsung sebagaimana telah diterima oleh manusia yang pertama Adam. Allah menyangkan peristiwa mu'jizat ini kepada umat manusia melalui Maryam. Itulah pilihan untuk melaksanakan satu perkara yang unik di dalam sejarah manusia dan pilihan itu tidak syak lagi adalah suatu perkara yang amat besar.

Tetapi Maryam sehingga di sa'at ini belum lagi mengetahui perkara yang amat besar itu.

Isyarat kepada kesucian di dalam ayat itu adalah satu isyarat yang mempunyai tujuan yang tertentu.

Kerana kelahiran 'Isa a.s. diselubungi kekeliruan-kekeliruan yang secara tidak segan-segan telah ditampalkan oleh kaum Yahudi kepada Maryam yang suci dengan alasan kerana kelahiran 'Isa tidak ada tolok bandingnya di dalam alam manusia. Oleh itu mereka beranggapan bahawa di sebalik kelahiran itu ada rahsia yang cemar.

Di sinilah ternyata kebesaran agama Islam dan ternyata kebenaran sumbernya dengan penuh keyakinan. Lihatlah Nabi Muhammad s.a.w., Rasul Islam yang telah menerima pendustaan, kedegilan, bantahan dan pengeliruan dari Ahlil-Kitab - di antara mereka ialah kaum Nasara - membentangkan penjelasan dari Allah tentang hakikat Maryam yang agung dan bagaimana ia diletakkan Allah di atas sekalian perempuan-perempuan yang lain. Pengumuman inilah yang mengangkat Maryam ke maqam yang setinggi-tingginya. Beliau membuat penjelasan itu semasa berdebat dengan kaum Nasara yang memandang tinggi kepada Maryam dan menjadikan penghormatan mereka terhadap Maryam sebagai alasan untuk tidak beriman kepada Muhammad dan kepada agama yang baru.

Manakah bukti yang lebih benar dari ini? Manakah kebesaran agama yang lebih besar dari ini? Manakah dalil yang lebih jelas dari ini yang menunjukkan benarnya sumber agama ini dan benarnya Rasul pembawanya yang jujur dan amanah itu?

Beliau menerima penjelasan yang benar itu dari Allah mengenai Maryam dan mengenai 'Isa a.s.. Lalu beliau mengumumkan penjelasan yang benar itu di bidang ini. Andainya beliau bukannya seorang Rasul yang benar dari Allah, tentulah beliau tidak dapat mengemukakan penjelasan yang benar di bidang ini.

يَا مَرْيَمُ اقْنُتِي لِرَبِّكِ وَأَسْجُدِي وَأَرْكَعِي مَعَ الرَّكْعِينَ ﴿٤٣﴾
"Wahai Maryam! Patuhilah kepada Tuhanmu dan sujud dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'."(43)

Itulah pernyataan keta'atan, ibadat, khusyu', ruku' dan kehidupan yang berhubung dengan Allah sebagai persediaan dan pembuka jalan kepada peristiwa yang amat besar dan amat penting.

* * * * *

(Pentafsiran ayat 44)

Apabila kisah itu tiba setakat ini dan sebelum peristiwa yang besar itu diceritakan, maka ayat yang berikut menerangkan sebahagian dari hikmat diperikan kisah-kisah itu. Hanya untuk membuktikan kebenaran wahyu yang menceritakan kepada Nabi s.a.w. berita-berita ghaib mengenai perkara ini yang tidak disaksikan oleh beliau:

ذَٰلِكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ إِذْ يَقُولُونَ أَقْلَمَهُمْ أَيُّهُمْ رِيكَفُلٌ مَرْيَمَ وَمَا كُنْتَ

لَدَيْهِمْ إِذِ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٤﴾

"Peristiwa itu adalah dari berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu. Dan engkau tidak ada bersama mereka ketika mereka mencampakkan kalam-kalam mereka (kerana mengundi) siapakah di antara mereka yang berhak memelihara Maryam, dan engkau juga tidak ada bersama mereka ketika mereka berbalah sesama mereka." (44)

Ini adalah isyarat kepada peristiwa para penjaga rumah ibadat yang berlumba-lumba hendak memelihara Maryam apabila ia dibawa oleh ibunya ke rumah ibadat kerana menunaikan nazar dan janjinya dengan Allah. Ayat ini menunjukkan kepada satu peristiwa yang tidak disebut oleh perjanjian lama (at-Taurat) dan perjanjian baru (al-Injil) yang ada sekarang ini. Tetapi peristiwa ini tentulah terkenal di sisi para paderi Yahudi dan para paderi Nasara, iaitu peristiwa para penjaga rumah ibadat mencampakkan kalam mereka masing-masing untuk mengetahui siapakah yang berhak memelihara Maryam. Ayat Al-Qur'an tidak menerangkan peristiwa ini dengan terperinci - mungkin kerana memandangkan peristiwa itu telah terkenal di sisi para pendengarnya atau kerana perincian itu tidak menambahkan sesuatu apa kepada generasi-generasi yang akan datang. Oleh itu bolehlah kita faham bahawa para penjaga rumah ibadat itu telah berpakat menggunakan satu cara khas, iaitu dengan mencampakkan kalam-kalam mereka untuk mengetahui siapakah yang berhak dan layak menjadi pemeliharanya sebagaimana kita lakukan dalam pengundian. Setengah-setengah riwayat telah menyebut bahawa mereka telah mencampakkan kalam-kalam mereka di dalam sungai Jordan, maka semua kalam itu telah dihanyutkan oleh arus sungai kecuali kalam Zakaria sahaja yang tetap tidak hanyut. Dan inilah tanda kelayakan di antara mereka. Lalu mereka menyerahkan Maryam kepada jagan beliau.

Semuanya dari peristiwa ghaib yang tidak disaksi oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak pula sampai kepada pengetahuannya. Mungkin juga ia merupakan rahsia dari rahsia-rahsia rumah ibadat mereka yang tidak boleh dihambur dan dihebah. Lalu digunakan oleh Al-Qur'an untuk menghadapi para pembesar Ahlil-Kitab di masa itu sebagai bukti yang menunjukkan bahawa Al-Qur'an adalah wahyu dari Allah kepada Rasul-Nya yang benar. Dan di sana tidak ada riwayat yang menyebut bahawa mereka telah menolak hujah ini. Andainya perkara ini boleh dipertikaikan tentulah mereka telah membantah beliau kerana tujuan kedatangan mereka ialah untuk berdebat.

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 51)

Sekarang tibalah kita kepada kisah kelahiran 'Isa a.s., iaitu satu kelahiran yang amat ganjil dan aneh mengikut kelaziman manusia, sedangkan sebenarnya ia merupakan satu perkara biasa kepada masyi'ah Allah yang bebas:

إِذْ قَالَتِ الْمَلَكَةُ يَمْرَيْمُ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ

بِكَلِمَةٍ مِنْهُ اسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا

فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾

وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ

الصَّالِحِينَ ﴿٤٦﴾

قَالَتْ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمَسَّ سِنِي بَشَرًا قَطُّ

كَذَلِكَ اللَّهُ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا

يَقُولُ لَهُ وَكُن فَيَكُونُ ﴿٤٧﴾

وَيُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ

وَالْإِنْجِيلَ ﴿٤٨﴾

وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُكُمْ

بِآيَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ أَنِّي أَخْلُقُ لَكُمْ مِنَ الطِّينِ

كَهَيْئَةِ الطَّيْرِ فَأَنْفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِ اللَّهِ

وَأُبْرِئُ الْأَكْمَةَ وَالْأَبْرَصَ وَأُخِي الْمَوْتَىٰ بِإِذْنِ

اللَّهِ وَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدْخِرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّكُمْ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْ مِنَ التَّوْرَةِ وَلِأَحِلَّ

لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِآيَةٍ

مِّن رَّبِّكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿٥٠﴾

إِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ

مُسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

"(Kenangilah) ketika malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah menyampaikan kepadamu berita gembira akan mendapat putera dari kalimat Allah, namanya al-Masih 'Isa putera Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan tergolong dari para muqarrabin(45). Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia tergolong dari para salihin(46). Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperolehi anak,

sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun? Allah berfirman: "Demikianlah Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendakinya". Apabila Dia berkehendak mengadakan sesuatu, maka Dia hanya berfirman: "Jadilah!" Maka sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud(47). Dan Allah akan mengajarnya kitab suci, hikmat, Taurat dan Injil(48). Dan (akan melantikkannya) sebagai Rasul kepada Bani Israel (dengan menyatakan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh ciptakan untuk kamu dari tanah suatu lembaga seperti lembaga burung, lalu aku tiupkan padanya dan ia terus menjadi seekor burung dengan keizinan Allah, dan aku boleh menyembuhkan orang buta dan berpenyakit sopak, aku boleh menghidupkan orang yang mati dengan keizinan Allah, juga aku boleh menceritakan kepada kamu segala apa yang kamu makan dan segala apa yang kamu simpan di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya (kebolehan-kebolehan) yang sedemikian merupakan bukti kepada kamu jika kamu orang-orang yang beriman(49). (Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang membenarkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu. Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan Mu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku(50). Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Jelaslah kini bahawa Maryam telah berkelayakan dengan kesucian, keta'atan dan amalan ibadatnya untuk menerima kurnia istimewa ini dan untuk menghadapi peristiwa ini. Kini bagi pertama kalinya dia menerima penyampaian berita yang amat penting itu melalui malaikat:

إِذْ قَالَتِ الْمَلَكَةُ يَا مَرْيَمُ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ
بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ اسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا
فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾
وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ
الصَّالِحِينَ ﴿٤٦﴾

"(Kenangilah) ketika Malaikat berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah menyampaikan kepadamu berita gembira akan mendapat putera dari kalimat Allah, namanya al-Masih 'Isa putera Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan dari para muqarrabin(45). Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia dari para salihin."(46)

Itulah berita gembira yang sempurna dan penerangan yang jelas mengenai kurnia itu, iaitu berita kelahiran kalimat Allah yang bernama al-Masih 'Isa ibn Maryam. Kata-kata al-Masih di dalam ayat ini adalah kata ganti (badal) dari "kalimat Minallah" kerana al-Masih itu pada hakikatnya adalah kalimat Allah. Apakah yang wujud di sebalik ungkapan ini?

Ungkapan ini dan ungkapan-ungkapan seumpamanya adalah dari perkara-perkara ghaib yang tidak dapat diketahui hakikatnya secara pasti. Ungkapan-ungkapan itu mungkin tergolong di dalam

kumpulan ayat-ayat mutasyabihah yang dimaksudkan Allah di dalam

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang dalam hati mereka mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayatnya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan."(7)

Tetapi perkara ini menjadi lebih mudah dari tafsiran ini lagi apabila kita mahu memahami tabi'at hakikat ini dengan kefahaman yang menghubungkan hati kita kepada Allah, kepada penciptaan dan qudrat-Nya dan kepada masyi'ah-Nya yang bebas.

Allah telah menghendaki memulakan hidup manusia dengan menciptakan Adam dari tanah sama ada Allah ciptakannya secara langsung dari tanah atau Allah ciptakan keturunan pertama yang berakhir kepada Adam itu dari tanah. Maka ini tidak menjejaskan sesuatu apa terhadap tabi'at rahsia yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah, iaitu rahsia hayat yang berhubung dengan makhluk hidup yang pertama itu atau rahsia hayat yang berhubung dengan Adam jika ia ciptakannya secara langsung dari tanah yang mati. Kedua-duanya sama dalam ciptaan Allah. Salah satu dari keduanya tidak menjadi lebih baik dari yang satu lagi dari segi kewujudan dan keadaan.⁸

Hakikat Hayat Dan Tiupan Ruh Pada Maryam

Dari mana datangnya hayat ini? Bagaimana ia datang? Ia adalah sesuatu yang lain dari tanah dan lain dari segala bahan yang mati di muka bumi ini. Ia adalah sesuatu yang lebih dan berlainan, sesuatu yang melahirkan kesan-kesan dan gejala-gejala yang tidak terdapat sama sekali pada tanah dan pada benda-benda mati.

Rahsia ini dari mana datangnya? Tidak cukup bagi kita untuk menolak dan mengingkarkannya semata-mata dengan alasan kerana kita tidak tahu, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang yang berfahaman kebendaan (materialis) dengan sikap mereka yang degil yang tidak dihormati oleh orang yang berakal, apatah lagi orang yang berilmu.

⁸ Kami bercakap di sini secara andaian sahaja bukannya hendak membincangkan teori evolusi, iaitu satu teori yang telah bilang asas-asas ilmiahnya. Ia hanya merupakan teori semata-mata.

Kita tidak mengetahui kerana segala usaha percubaan kita, manusia, untuk mengetahui sumber hayat dengan alat-alat kebendaan yang ada pada kita dan untuk mewujudkan hayat dengan tangan kita dari yang mati itu telah hilang dengan sia-sia sahaja.

Kita tidak mengetahui, tetapi hanya Allah yang telah mengurniakan hayat itu sahaja yang mengetahui. Dia menjelaskan kepada kita bahawa hayat itu adalah tiupan ruh dari ciptaan Allah dan urusan penciptaan itu hanya disempurnakan dengan sepatah kata "كُنْ" (Jadilah!) dari Allah dan sesuatu itu pun wujud di dalam kenyataan.

Apakah tiupan ruh itu? Bagaimana ia ditiupkan pada yang mati lalu lahir padanya rahsia hayat yang seni dan halus dan tersembunyi dari kefahaman manusia itu?

Apakah dia? Dan bagaimana? Inilah rahsia yang akal manusia tidak dijadikan untuk memahaminya, kerana ia bukan dari urusan manusia dan kerana manusia tidak dikurniakan keupayaan untuk memahaminya. Sebenarnya mengenal hakikat hayat dan cara tiupan ruh itu tidak memberi apa-apa faedah kepada tugas menjadi khalifah di bumi yang telah dijadikan Allah untuk manusia, kerana manusia tidak akan berkuasa menciptakan hayat dari yang mati. Oleh sebab itu apakah gunanya ia mengetahui tabi'at hayat, hakikat tiupan ruh dari Allah, cara perhubungan ruh dengan Adam atau dengan anak tangga hayat yang pertama di mana melaluinya keturunan makhluk yang hidup.

Allah S.W.T. menjelaskan bahawa tiupan ruh dari-Nya pada Adam itulah yang menjadikan Adam mempunyai keistimewaan dan darjah kemuliaan hingga mengatasi malaikat. Oleh itu tentulah tiupan ruh itu merupakan suatu kurnia yang lain dari semata-mata hayat seperti yang diberikan kepada ulat dan kuman. Inilah yang membawa kita menganggapkan manusia itu sebagai sejenis makhluk yang diciptakan dengan ciptaan istimewa dan mempunyai kedudukan istimewa di dalam sistem alam buana ini yang tidak dini'mati oleh seluruh makhluk hidup yang lain.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah menjadi maudhu' pembicaraan kita di sini, malah ia hanya merupakan satu pandangan sepintas lalu sahaja ketika membentangkan ayat ini untuk menolak kekeliruan yang mungkin wujud di dalam hati pembaca apabila kami bentangkan secara andaian di sekitar asal-usul kejadian manusia.

Yang penting di sini ialah Allah menjelaskan kepada kita tentang kejadian rahsia hayat walaupun kita tidak dapat memahami tabi'at rahsia ini dan bagaimana tiupan rahsia hayat itu pada yang mati.

Allah telah menghendaki - selepas menciptakan Adam dengan ciptaan istimewa secara langsung - menjadikan satu cara yang tertentu bagi mengulangi penciptaan manusia itu, iaitu cara pertemuan lelaki

dengan perempuan dan percantuman telur perempuan dengan sel benih lelaki. Demikian berlangsunglah kehamilan dan kelahiran manusia. Telur perempuan itu hidup dan sel benih lelaki juga hidup dan bergerak.

Makna Kalimat Dari Allah

Kemudian kebiasaan kelahiran manusia berlangsung mengikut peraturan ini sehingga Allah kehendaki menyalahi peraturan ini dalam menciptakan seorang dari makhluk insan. Maka Dia menciptakannya dengan cara yang mirip dengan cara penciptaan manusia yang pertama walaupun tidak benar-benar sama dan serupa. Dia ciptakannya dari perempuan sahaja yang menerima tiupan ruh yang mewujudkan hayat lalu terjadilah hayat (seorang yang hidup).

Apakah tiupan ruh inilah yang dimaksudkan dengan kalimat-kalimat itu atau apakah kalimat itu ialah penentuan iradat Allah atau apakah kalimat itu ialah kalimat "كُنْ" yang mungkin dikehendaki secara haqiqi dan mungkin pula sebagai kinayah dari penentuan iradat Allah? Apakah maksud kalimat itu ialah 'Isa atau dari kalimat itulah lahirnya kewujudan 'Isa?

Semuanya ini merupakan titik-titik perbincangan yang tidak ada apa-apa faedah di sebaliknya kecuali kekeliruan-kekeliruan sahaja. Sebagai kesimpulan ialah Allah S.W.T. telah menghendaki menciptakan hayat tanpa suatu contoh yang telah sedia ada. Lalu Dia ciptakannya mengikut iradat-Nya yang bebas yang mewujudkan hayat dengan tiupan dari ruh Allah yang kita dapat memahami kesan-kesannya. Tetapi kita tidak mengetahui hakikatnya dan kita seharusnya tidak mengetahuinya kerana ia tidak menambahkan apa-apa keupayaan kita dalam menjalankan tugas khilafah di muka bumi ini, selama penciptaan hayat itu tidak termasuk di dalam tugas khilafah.

Huraian yang seperti ini mudah difahami dan kesannya tidak menimbulkan kekeliruan-kekeliruan.

Sifat-sifat 'Isa Yang Ditabsyirkan Kepada Maryam

Beginilah juga malaikat menyampaikan bisyarah kepada Maryam bahawa dia akan mengandung dan melahirkan kalimat dari Allah yang bernama al-Masih 'Isa ibn Maryam. Bisarah itu menentukan jenis anak itu, namanya dan nasabnya (binnya) dan jelaslah dari bin ini bahawa ia dihubungkan dengan ibunya, kemudian bisyarah itu menyebut pula sifatnya dan kedudukannya di sisi Allah:

وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Seorang yang terkemuka di dunia dan di Akhirat dan dari para muqarrabin." (45)

Bisyarah itu juga menyebut peristiwa mu'jizat yang menyertai kelahirannya:

وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهَلًا وَمِنَ

الصَّالِحِينَ ﴿٤٦﴾

"Dan dia boleh bercakap dengan orang ramai semasa kecil dalam buaian dan semasa dewasa dan dia dari para salihin." (46)

Ayat ini memberi penerangan sekilas tentang keadaan masa depannya, sifatnya dan angkatan yang dimasukinya.

Adapun Maryam gadis sunti yang suci yang terikat pemikirannya dengan adat kebiasaan manusia dalam kehidupan telah menerima bisyarah itu sebagaimana yang dapat diterima oleh seorang gadis sepertinya. Ia bertawajjuh kepada Allah memohon dan mengharapkan Allah mendedahkan kepadanya rahsia teka-teki yang membingungkan akal manusia:

قَالَتْ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ

"Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?"

Kemudian Maryam menerima jawapannya yang mengembalikannya kepada hakikat yang mudah, iaitu hakikat yang dilupai manusia kerana terlalu biasa dengan perjalanan undang-undang sebab dan musabab yang lahir disebabkan mereka mempunyai ilmu yang sedikit dan kebiasaan yang terbatas:

قَالَ كَذَلِكَ أَلَّفُ بَالِغًا إِذْ أَنْشَأَهُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ وَكُنْ فَيَكُونُ ﴿٤٧﴾

"Allah berfirman: "Demikianlah Allah berkuasa mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya". Apabila Dia berkehendak mengadakan sesuatu, maka Dia hanya berfirman: "Jadilah!" Maka sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud." (47)

Apabila perkara ini dipulangkan kepada hakikat yang pertama, maka lenyaplah segala kehairanan dan kepelikan dan hati akan kembali tenang dan yakin dan seorang itu akan kembali menyoal dirinya dengan penuh kehairanan mengapa aku hairankan perkara semulajadi yang amat terang ini!

Demikianlah Al-Qur'an membentuk kefahaman dan pandangan Islam terhadap hakikat-hakikat yang besar ini dengan huraian secara semulajadi yang mudah dan dekat. Dan demikianlah Al-Qur'an menghilangkan kekeliruan-kekeliruan yang disulit-sulitkan oleh falsafah-falsafah yang berbelit-belit dan sukar itu dan menjelaskan perkara itu di dalam hati dan akal.

Kemudian malaikat itu menyambung bisyarahnya kepada Maryam tentang anak yang telah dipilhkan Allah untuk dilahirkan olehnya secara luar biasa yang tidak ada tolok bandingnya dan bagaimana anak ini akan meneruskan perjalanan hidupnya di kalangan Bani Israel. Di sini bisyarahnya kepada Maryam itu bercampur dengan masa depan sejarah al-Masih dan kedua-duanya bertemu dalam satu rangkaian ayat seolah-olah berlaku dalam satu masa yang sama mengikut cara gaya Al-Qur'an:

وَيُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ

وَالْإِنجِيلَ ﴿٤٨﴾

"Dan Allah akan mengajarnya kitab suci, hikmat, Taurat dan Injil." (48)

Taurat Ruh Agama Kristian

Kata-kata "Kitab" dalam ayat ini mungkin dimaksudkan dengan kepandaian menulis dan mungkin maksudnya ialah kitab suci Taurat dan Injil, dan 'ataf (kata hubung) di sini ialah kata hubung untuk penjelasan sahaja. Hikmat (kebijaksanaan) ialah suatu keadaan kebolehan dalam jiwa seseorang yang membolehkan meletakkan segala perkara di tempatnya yang wajar dan membolehkannya memahami sesuatu yang betul dan mengikutnya. Dan hikmat ini merupakan kebajikan yang amat banyak. Taurat ialah kitab 'Isa seperti Injil juga. Ia merupakan asas agama yang dibawa oleh beliau, sedangkan kitab Injil merupakan kitab yang melengkap dan menghidupkan ruh kitab Taurat dan ruh agama yang telah terhapus di dalam hati Bani Israel. Inilah yang membuat ramai orang-orang yang bercakap tentang Kristian itu tersalah kerana mereka abaikan kitab Taurat, sedangkan kitab ini menjadi asas agama 'Isa al-Masih a.s., kerana di dalam Taurat terdapat syari'at yang menjadi asas bagi sistem hidup masyarakat dan syari'at ini hanya sedikit sahaja dipinda oleh Injil. Adapun kitab Injil itu sendiri ia merupakan satu tiupan untuk menghidupkan semula dan membaharukan semula ruh agama Allah. Ia juga untuk membersihkan hati manusia dengan menghubungkannya secara langsung dengan Allah di sebalik ayat-ayat itu. Tetapi apabila kedua-dua usaha ini diperjuangkan oleh 'Isa al-Masih, mereka terus bertindak jahat terhadapnya sebagaimana akan diterangkan nanti.

وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُكُمْ

بِعَايَةِ مِّن رَّبِّكُمْ أَنِّي أَخْلُقُ لَكُمْ مِنَ الطِّينِ

كَهَيْئَةِ الطَّيْرِ فَأَنْفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِ اللَّهِ

وَأُبْرِئُ الْأَكْمَهَ وَالْأَبْرَصَ وَأُحْيِي الْمَوْتَىٰ بِإِذْنِ

اللَّهِ وَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدْخُرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan (akan melantikkannya) sebagai Rasul kepada Bani Israel (dengan menyatakan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh ciptakan untuk kamu dari tanah suatu lembaga seperti lembaga burung, lalu aku tiupkan padanya dan ia terus menjadi seekor burung dengan keizinan Allah, dan aku boleh menyembuhkan orang buta dan berpenyakit sopak dan aku boleh menghidupkan orang mati dengan keizinan Allah, juga aku boleh menceritakan kepada kamu segala apa yang kamu makan dan segala apa

yang kamu simpan di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya (kebolehan-kebolehan) yang sedemikian merupakan bukti kepada kamu jika kamu orang-orang yang beriman.”(49)

Ayat ini menjelaskan bahawa risalah 'Isa a.s. adalah untuk Bani Israel dan beliau adalah salah seorang dari para anbiya' mereka. Oleh sebab itulah Kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa a.s. - yang mengandungi syari'at untuk mengaturkan kehidupan Bani Israel dan mengandungi undang-undang mu'amalah dan tanzim - adalah kitab untuk 'Isa, yang juga ditambahkan dengan Kitab Injil yang mengandungi pengajaran-pengajaran yang menghidupkan ruh, membersihkan hati dan menyedarkan dhamir manusia.

Mu'jizat yang telah diberikan bisyarah oleh Allah kepada ibunya Maryam selaku mu'jizat yang akan ada bersama anaknya ('Isa) dan mu'jizat yang beliau akan hadapi Bani Israel dengannya ialah mu'jizat tiupan ruh pada sesuatu tidak bernyawa lalu memasukkan ke dalamnya rahsia hayat, juga mu'jizat menghidupkan orang-orang yang mati, menyembuhkan orang-orang yang dilahirkan buta, menyembuhkan pesakit sopak dan kebolehan menceritakan perkara yang ghaib - yang sesuai dengan beliau - iaitu makanan-makanan dan sebagainya yang tersimpan di rumah-rumah orang-orang Israel, sedangkan beliau berada di tempat yang jauh dan tidak dapat melihatnya.

Ayat-ayat Al-Qur'an begitu hemat menyebut di atas lidah 'Isa al-Masih a.s. - sebagaimana telah ditentukan dalam ilmu Allah yang ghaib ketika memberi bisyarah kepada Maryam dan sebagaimana yang telah terlaksana selepas itu di atas lidah 'Isa - bahawa setiap mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh beliau itu adalah dibawa dari sisi Allah dan beliau menyebut keizinan Allah selepas menyebut tiap-tiap mu'jizat itu dengan terperinci. Beliau tidak menemankan perkataannya melainkan diakhiri dengan kata-kata "dengan keizinan Allah" untuk menambahkan lagi kehematannya.

Mu'jizat-mu'jizat ini pada umumnya berhubung kait dengan penciptaan hayat atau mengembalikan hayat atau memulihkan 'afiat yang merupakan satu cabang dari hayat atau melihat sesuatu yang ghaib yang jauh dari penglihatan mata. Mu'jizat-mu'jizat ini pada dasarnya adalah selaras dengan kelahiran 'Isa yang telah dikurniakan kewujudan dan hayat tanpa bandingan kecuali bandingan dengan Adam a.s.. Jika Allah berkuasa memperlakukan mu'jizat-mu'jizat itu di tangan seorang dari para makhluk-Nya, maka Dia juga berkuasa mencipta seorang dari mereka tanpa bandingan. Kini jelaslah tidak perlu adanya kekeliruan-kekeliruan dan dongeng-dongeng yang timbul ekoran dari kelahiran secara istimewa ini apabila dipulangkan perkara ini kepada masyi'ah Allah yang bebas kerana manusia tidak boleh mengikat Allah S.W.T dengan kebiasaan-kebiasaan manusia.

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَإِلَّا حُلَّ

لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِآيَاتٍ
مِّن رَّبِّكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ۝٥١
إِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَأَعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ
مُّسْتَقِيمٌ ۝٥١

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang membenarkan kebenaran kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu. Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhanmu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku(50). Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus.”(51)

Dari kata-kata penamat dalam da'wah 'Isa a.s. kepada Bani Israel ini terdedahlah hakikat yang tulen di dalam tabi'at agama Allah dan konsepnya di dalam da'wah seluruh Rasul Alaihimus-solatu was-salam, iaitu hakikat yang mempunyai nilai yang istimewa kerana ia disebut di atas lidah 'Isa a.s. itu sendiri, yang mana kelahirannya dan hakikatnya telah menimbulkan berbagai-bagai kekeliruan yang semuanya terbit dari penyelewengan dari hakikat agama Allah yang tidak berubah-ubah di antara satu Rasul ke satu Rasul.

Ketika beliau berkata:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَإِلَّا حُلَّ
لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang mengesahkan kebenaran Kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu.”

lalah untuk mendedahkan tabi'at agama Masihiyah yang sebenar. Kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa adalah mengandungi perundangan yang mengatur kehidupan kaum Bani Israel mengikut kehendak zaman itu dan keadaan-keadaan hidup mereka (kerana ia merupakan undang-undang agama yang khusus untuk sekumpulan manusia di satu zaman yang tertentu). Kitab Taurat ini merupakan asas risalah al-Masih a.s. dan kedatangan risalahnya membenar dan mengesahkan Kitab Taurat itu bersama-sama dengan pindaan-pindaan tertentu yang berhubung kait dengan penghalalan setengah-setengah perkara yang telah diharamkan Allah ke atas mereka. Pengharaman itu telah dilakukan ke atas mereka sebagai balasan di atas maksiat-maksiat dan penyelewengan mereka. Allah telah mengajarkan mereka supaya beradab dan berakhlak dengan mengharamkan setengah-setengah perkara yang halal kepada mereka. Kemudian iradat Allah berkehendak mengurniakan rahmat kepada mereka dengan

mengutuskan al-Masih a.s. lalu beliau menghalalkan kembali setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas mereka.

Tabi'at Agama Samawi Dan Penyelewangan Agama Kristian

Dari sini ternyata bahawa tabi'at agama samawi adalah mengandungi penyusunan undang-undang dan peraturan-peraturan dari syari'at Allah untuk mengendalikan kehidupan manusia. Penyusunan undang-undang dan peraturan itu bukan hanya terbatas dalam segi kawalan akhlak sahaja atau kawalan perasaan sahaja atau mengenai ibadat-ibadat dan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja kerana penyusunan yang terbatas seperti ini bukannya agama. Kerana agama ialah sebuah sistem hidup yang dikehendaki Allah untuk manusia atau sebuah sistem hidup yang menghubungkan hidup manusia dengan undang-undang dan peraturan Allah.

Unsur 'aqidah keimanan tidak boleh terpisah dari syi'ar-syi'ar ibadat, dari nilai-nilai akhlak dan dari undang-undang dan peraturan kemasyarakatan di dalam mana-mana agama yang mahu mengendalikan kehidupan manusia mengikut sistem hidup Ilahi. Sebarang perpisahan dari asas-asas dan teras-teras ini akan menghapuskan kesan dan pengaruh agama di dalam jiwa dan kehidupan manusia dan bertentangan dengan konsep agama dan tabi'atnya sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Apabila Injil Dipisahkan Dari Taurat

Inilah yang berlaku kepada agama Kristian. Dalam agama ini - kerana beberapa peristiwa sejarah dari satu sudut dan kerana kedatangannya telah ditentukan untuk satu masa yang tertentu sahaja sehingga datang agama yang terakhir kemudian agama ini terus hidup selepas zamannya dari satu sudut yang lain telah berlaku perpisahan di antara aspek perundangannya yang mengaturkan pentadbiran masyarakat dengan aspek kerohaniannya yang berhubung dengan ibadat dan akhlak. Ini adalah ekoran dari permusuhan yang ketat yang berlaku di antara kaum Yahudi dengan al-Masih a.s. dan para penyokongnya serta orang-orang yang mengikut agamanya selepas itu. Permusuhan ini telah mewujudkan perpisahan di antara Taurat yang mengandungi syari'at dengan Injil yang mengandungi pengajaran-pengajaran yang menghidupkan ruh dan membersihkan akhlak. Di samping itu syari'at itu pula adalah syari'at yang ditentukan untuk satu zaman yang tertentu sahaja dan untuk satu kelompok manusia yang tertentu sahaja, sedangkan dalam perencanaan Allah telah pun diputuskan bahawa satu syari'at yang kekal (untuk semua zaman) dan mencakup seluruh insan akan datang pada waktunya yang telah ditetapkan.

Kelemahan Agama Kristian Untuk Memimpin Manusia

Walau bagaimanapun agama Kristian telah berakhir menjadi satu agama tanpa syari'at dan di sinilah

punca kelemahan Kristian untuk memimpin kehidupan kemasyarakatan umat-umat yang menganutinya. Kerana kepimpinan kehidupan kemasyarakatan memerlukan kepada satu kefahaman i'tiqad yang mentafsirkan kewujudan seluruh alam al-wujud ini dan mentafsirkan hidup insan dan tempatnya di alam al-wujud. Ia juga memerlukan kepada satu sistem ibadat dan nilai-nilai akhlak. Dan seterusnya ia memerlukan - secara pasti - kepada perundangan-perundangan yang mengaturkan kehidupan masyarakat yang diambil dari kefahaman i'tiqad tadi dan dari sistem ibadat dan bersama nilai-nilai akhlak tadi. Tapak asas binaan agama inilah yang menjamin tegaknya sistem kemasyarakatan yang mempunyai motif-motif yang dapat difahami di samping mempunyai jaminan-jaminan yang kukuh. Apabila perpisahan itu berlaku di dalam agama Kristian, maka ia tidak lagi berupaya menjadi satu sistem yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dan penganut-penganutnya terpaksa memisahkan di antara nilai-nilai rohaniyah dengan nilai-nilai ilmiah dalam seluruh kehidupan mereka dan di antaranya ialah sistem kemasyarakatan yang menjadi asas kehidupan ini. Sistem-sistem kemasyarakatan di sana telah ditegakkan di atas asas yang bukan asas tabi'atnya yang tunggal kerana itu ia tergantung-gantung di udara atau berjalan dengan cara yang tempang.

Ini bukannya perkara biasa di dalam kehidupan manusia dan bukannya merupakan satu perkara yang kecil di dalam sejarah manusia. Malah ia merupakan satu malapetaka yang besar yang menimbulkan kecelakaan, kebingungan, keruntuhan akhlak, keganjilan tingkah laku dan bala-bala yang dialami tamadun kebendaan pada hari ini sama ada di negara-negara yang masih memeluk Kristian - yang tidak mempunyai sistem kemasyarakatan yang berdasarkan syari'at - atau di negara-negara yang telah menolak agama Kristian. Kerana negara-negara ini pada hakikatnya tidaklah banyak berjauhan dari mereka yang mendakwa sebagai penganut Kristian. Agama Masihiyah seperti yang dibawa oleh al-Masih 'Isa a. s. dan seperti ciri setiap agama samawi yang wajar dipanggil dengan istilah agama ialah syari'at yang mengaturkan kehidupan manusia yang lahir dari kefahaman i'tiqad terhadap Allah dan dari nilai-nilai akhlak yang diasaskan di atas kefahaman i'tiqad itu. Tanpa tapak asas yang syumul dan sempurna, agama itu bukanlah agama Masihiyah dan sama sekali tidak boleh dipanggil agama. Tanpa tapak asas yang syumul dan sempurna, tidak mungkin wujudnya satu sistem kemasyarakatan yang boleh mengatur kehidupan manusia dan memenuhi keperluan-keperluan jiwa mereka dan keperluan realiti hidup mereka di samping mengangkatkan seluruh jiwa dan kehidupan mereka kepada Allah.

Hakikat ini merupakan salah satu dari konsep agama yang terkandung di dalam perkataan al-Masih 'Isa a.s. (dalam ayat berikut).

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَإِلَّا حَلَّ

لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

"(Begitu juga aku datang sebagai Rasul) yang membenarkan kebenaran Kitab Taurat sebelumku dan untuk menghalalkan bagi kamu setengah-setengah perkara yang telah diharamkan ke atas kamu."(50)

Beliau melandaskan penyampaian hakikat ini di atas hakikat agung yang pertama, iaitu hakikat tauhid yang tidak ada sebarang kekeliruan.

وَجِئْتُكُمْ بِعَايَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا

"Dan aku datang kepada kamu membawa satu mu'jizat dari Tuhanmu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepadaku."(50)

إِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ

مُسْتَقِيمٌ

"Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya. Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Beliau dengan ini mengumumkan hakikat kefahaman i'tiqad yang menjadi asas seluruh agama Allah, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh beliau kepada mereka bukanlah datang dari dirinya sendiri. Kerana beliau hanya manusia yang tidak mempunyai daya qudrat untuk melakukannya. Malah mu'jizat-mu'jizat itu adalah dibawa oleh beliau dari Allah. Dan da'wah beliau dari awal lagi ditegakkan di atas prinsip ketaqwaan kepada Allah dan keta'atan kepada Rasul-Nya. Kemudian beliau menekankan hakikat Rububiyah Allah terhadap dirinya dan terhadap mereka - beliau bukannya Tuhan, malah hanya seorang hamba - dan menyeru mereka beribadat kepada Allah, kerana tiada 'Ubudiyah melainkan semata-mata bagi Allah. Beliau mengakhiri percakapannya dengan mengumumkan hakikat yang syumul setelah dijelaskan konsep mentauhidkan Allah dan beribadat kepada-Nya serta menta'ati Rasul-Nya dan peraturan-peraturan yang dibawa olehnya.

هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

"Inilah satu jalan yang lurus."(51)

Dan selain dari jalan ini adalah jalan bengkok, sesat dan menyeleweng belaka dan tidak mungkin sekali-kali menjadi agama.

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 53)

Setelah menceritakan bisyarah yang disampaikan oleh malaikat kepada Maryam tentang puteranya yang akan dilahirkan itu, sifat-sifatnya, risalnya, mu'jizat-mu'jizatnya dan perkataan-perkataannya yang disebut bersama dengan bisyarah itu, maka ayat yang berikut secara langsung beralih kepada kesedaran 'Isa a.s. terhadap kekufuran Bani Israel dan

permohonan beliau untuk mendapatkan penyokong-penyokong bagi menyampaikan agama Allah:

فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَى مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ

أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ

اللَّهِ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَأَشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

رَبَّنَا ءَامَنَّا بِمَا أَنْزَلْتَ وَاتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتَبْنَا

مَعَ الشَّاهِدِينَ

"Apabila 'Isa menyedari kekafiran setengah dari mereka (kaum Yahudi) dia pun berkata: "Siapakah yang sanggup menjadi penyokongku ke jalan Allah?" Para Hawariy (sahabat setia 'Isa) berkata: Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka(52). Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu), oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi."(53)

Di sini terdapat ruang kosong yang besar dalam penerangan ayat ini, kerana ia belum lagi menceritakan bahawa 'Isa telah pun dilahirkan dan bahawa bondanya telah menghadapi kaumnya dengan kelahirannya lalu 'Isa bercakap dengan mereka di dalam buaian. Ia juga tidak menceritakan bahawa 'Isa telah berda'wah kepada kaumnya dalam usia dewasanya dan membentangkan kepada mereka mu'jizat-mu'jizat yang telah disebut di dalam bisyarah kepada bondanya (sepagaimana diterangkan di dalam Surah Maryam). Ruang-ruang seperti ini memang terdapat di dalam kisah-kisah Al-Qur'an untuk mengelakkan penceritaan-penceritaan yang berulang-ulang dari satu segi dan untuk menumpukan kepada babak-babak dan adegan-adegan yang berkaitan dengan maudhu' surah sahaja dari satu segi yang lain pula.

Kini 'Isa a.s. menyedari kekufuran Bani Israel setelah beliau memperlihatkan kepada mereka segala mu'jizat yang tidak mungkin dilakukan oleh manusia, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang meyakinkan bahawa Allah berada di sebaliknya dan bahawa kekuatan Allahlah yang menguatkan mu'jizat itu dan menguatkan Rasul yang membawanya. Di samping itu tujuan kedatangan al-Masih 'Isa a.s. adalah untuk meringankan sebahagian dari beban taklif dari Bani Israel.

Ketika inilah 'Isa mengemukakan seruannya:

قَالَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ

"Siapakah yang sanggup menjadi penyokong-penyokongku ke jalan Allah?"

Yakni siapakah yang sanggup menjadi penyokong-penyokongku memperjuangkan agama Allah, da'wah

Allah, undang-undang dan peraturan Allah? Siapakah yang sanggup menjadi penyokong-penyokongku menuju Allah supaya aku dapat sampaikan da'wah menuju kepada-Nya dan menunaikan kewajipanku?

Setiap pejuang 'aqidah dan da'wah pastilah mempunyai penyokong-penyokong yang turut berjuang bersamanya, membawa da'wahnya, mempertahankan da'wahnya, menyampaikan da'wah kepada generasi selepas mereka dan berdiri teguh di atas da'wah itu selepasnya.

Kumpulan Hawariy

قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ ءَأَمْنَا بِاللَّهِ
وَأَشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

"Ujar para sahabat setia (hawari): Kamilah penyokong-penyokong agama Allah, kami telah beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang Muslim belaka." (52)

Di sini mereka menyebut Islam dengan pengertian-pengertian yang menjadi hakikat agama ini dan mereka telah mempersaksikan 'Isa a.s. di atas keislaman mereka dan menyebut kesanggupan mereka untuk membantu Allah yakni membantu Rasul-Nya dan agama-Nya dan sistem hidup yang diaturkan-Nya untuk kehidupan manusia.

Kemudian mereka bertawajjuh kepada Allah, iaitu berhubung secara langsung dengan Allah mengenai urusan agama yang dijalani mereka:

رَبَّنَا ءَأَمْنَا بِمَا أَنْزَلْتَ وَأَتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَاكْتُبْنَا
مَعَ الشَّاهِدِينَ

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada segala apa yang telah Engkau turunkan dan kami telah mengikut Rasul (Mu), oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi." (53)

Dalam tawajjuh untuk mengikat perjanjian setia secara langsung dengan Allah, ada satu perkara yang bernilai yang menarik perhatian, iaitu perjanjian seorang Mu'min itu adalah bermula dengan Allah. Apabila Rasul menyampaikan da'wahnya, maka selesailah tugas Rasul dari segi i'tiqad dan terikatlah perjanjian setia dengan Allah dan perjanjian ini akan kekal terikat di leher seorang Mu'min selepas Rasul itu. Di dalam tawajjuh ini juga terdapat perjanjian dengan Allah untuk mengikut Rasul. Kerana agama bukannya semata-mata i'tiqad di dalam hati, malah agama ialah mengikut sistem hidup Allah dengan berpandukan sunnah Rasulullah. Inilah satu konsep yang ditekan dan dipusatkan oleh huraian surah ini yang diulanginya dengan berbagai-bagai cara dan gaya.

Kemudian ada lagi satu ungkapan yang menarik perhatian di dalam perkataan para Hawariy iaitu:

فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ

"Oleh itu tuliskanlah kami dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi." (53)

Apakah yang dimaksudkan dengan kesaksian itu dan apakah yang dimaksudkan dengan golongan orang-orang yang menjadi saksi itu?

Setiap Muslimin Dituntut Menunaikan Kesaksian Terhadap Agama Allah

Seorang Muslim yang beriman kepada agama Allah adalah dituntut darinya menunaikan kesaksian terhadap agama ini, iaitu kesaksian yang menyokong kebenaran agama ini untuk terus kekal dan menyokong kebaikan yang dibawa oleh agama ini kepada manusia. Dan dia belum dikira menunaikan kesaksian ini sehingga dia menjadikan dirinya, akhlaknya, perilakunya dan hidupnya sebagai satu gambaran yang hidup dari agama ini, iaitu satu gambaran yang dapat dilihat oleh orang ramai dan memandang gambaran itu sebagai satu contoh yang tinggi yang menyaksikan bahawa agama ini lebih wajar wujudnya dan lebih baik dari segala sistem hidup, peraturan dan undang-undang yang ada di bumi ini.

Dia juga belum dikira menunaikan kesaksian itu sehingga dia jadikan agama ini asas kehidupannya dan sistem masyarakatnya dan undang-undang bagi dirinya dan kaumnya agar masyarakat sekelilingnya mengendalikan segala urusannya mengikut undang-undang dan peraturan agama Allah yang betul. Segala usaha perjuangannya untuk membangunkan masyarakat ini, dan menegakkan sistem hidup Ilahi ini, dan pemilihannya yang merasa lebih baik mati dari hidup di bawah naungan sistem yang tidak menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia itulah kesaksiannya bahawa agama ini lebih baik dari hidup itu sendiri. Dan ia merupakan sesuatu yang paling mulia yang sangat diambil berat oleh setiap yang hidup. Oleh sebab itulah dia digelar "saksi".

Para Hawariy atau sahabat setia 'Isa a.s. berdo'a kepada Allah agar mereka ditulis di dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi terhadap agamanya. Yakni agar Allah memberi taufik dan menolong mereka untuk menjadikan diri mereka satu gambaran yang hidup dari agama ini dan agar Allah membangkitkan mereka berjihad untuk menegakkan agamanya dalam hidup manusia dan membangun masyarakat yang melambangkan agama ini walaupun mereka terpaksa membayar harganya dengan nyawa mereka, agar mereka benar-benar menjadi saksi di atas kebenaran agama ini.

Ini adalah sebuah do'a yang wajar diperhatikan oleh setiap orang yang mendakwa diri mereka sebagai beragama Islam. Kerana inilah Islam yang difahamkan oleh para Hawari dan yang wujud di dalam hati orang-orang Islam yang sebenarnya. Sesiapa yang tidak menunaikan kesaksian ini kepada agamanya dan menyembunyikannya, maka berdosa hatinya. Dan sesiapa yang mendakwa beragama Islam tetapi di dalam dirinya ia mengamalkan perilaku yang bukan

Islam, atau dia cuba mengamalkan perilaku Islam di dalam dirinya tetapi tidak mengamalkannya di bidang umum dan tidak berjuang untuk menegakkan sistem hidup Ilahi dalam kehidupan manusia kerana mengutamakan kesenangan diri atau mengutamakan hidupnya dari hidup agamanya, maka bererti ia tidak menunaikan kesaksiannya kepada agamanya atau dia telah menunaikan kesaksian yang menentang agama ini sendiri, iaitu satu kesaksian yang menghalang orang lain dari agama itu kerana mereka melihat penganut-penganutnya sendiri memberi kesaksian yang menentanginya. Dan celakalah kepada mereka yang menghalang orang lain dari agama Allah dengan perantaraan dakwaan mereka sebagai orang-orang yang beriman kepada agama ini, sedangkan sebenarnya mereka tidak beriman kepada-Nya.⁹

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 57)

Kemudian Al-Qur'an meneruskan pembicaraan akhir kisah di antara 'Isa a.s. dengan Bani Israel:

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ ﴿٥٤﴾
 إِذْ قَالَ اللَّهُ لِيَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ وَرَافِعَكَ إِلَى
 وَمَطَهَّرَكَ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلُ الَّذِينَ
 اتَّبَعُواكَ فَوْقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ
 ثُمَّ إِلَى مَرْجِعِكُمْ فَأَحْكُم بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنْتُمْ
 فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾
 فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي
 الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٥٦﴾
 وَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفِّيهِمْ
 أَجْرَهُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٥٧﴾

"Dan mereka (kaum Yahudi) telah merancang tipu daya dan Allah merancang balasan tipu daya itu, dan Allah sebaik-baik perancang balasan tipu daya(54). (Kenangilah) ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa sesungguhnya Aku akan mewafatkan engkau dan akan mengangkat engkau kepada-Ku dan akan membersihkan engkau dari orang-orang yang kafir dan akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat, kemudian kepada-Kulah tempat kamu kembali dan Aku akan mengadili di antara kamu dalam persoalan-

persoalan yang telah dipertikaikan kamu(55). Adapun orang-orang yang kafir, maka Aku akan azabkan mereka dengan 'azab yang amat berat di dunia dan Akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi penolong-penolong mereka(56). Dan ada pun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka. Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(57)

Tipudaya Kaum Yahudi Terhadap 'Isa a.s.

Tipu daya yang telah dilakukan oleh kaum Yahudi yang tidak beriman kepada Rasul mereka 'Isa a.s. adalah tipudaya yang panjang lebar. Mereka telah membuat tuduhan kepada beliau dan kepada ibu beliau yang suci sebagai bermukah dengan Yusuf an-Najar, iaitu tunangnya yang belum lagi berkahwin dengannya sebagaimana disebut oleh Injil. Mereka menuduh beliau berdusta dan melakukan ilmu silap mata. Mereka telah memfitnahkan beliau kepada Philip pemerintah Roman dan mendakwa beliau sebagai penghasut yang menyeru orang ramai supaya bangkit menentang kerajaan dan sebagai ahli sihir yang merosakkan 'aqidah orang ramai, sehingga Philip menyerahkan perkara beliau kepada mereka supaya mereka menghukumkannya dengan tangan mereka sendiri kerana baginda - selaku penganut agama paganisme - tidak berani menanggung dosa seorang yang baginda sendiri tidak pernah menaruh apa-apa keraguan terhadapnya. Ini hanya sebahagian kecil dari tipudaya mereka yang banyak.

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ ﴿٥٤﴾
 "Dan mereka (kaum Yahudi) telah merancang tipu daya dan Allah merancang balasan tipu daya itu dan Allah sebaik-baik perancang balasan tipu daya."(54)

Penyerupaan tipu daya kaum Yahudi dengan balasan tipudaya dari Allah di sini hanya pada kata-kata sahaja iaitu ia menandingkan di antara perancangan mereka dengan perancangan Allah. Kerana yang dimaksudkan dengan kata "المكر" di sini ialah perancangan atau tadbir dengan tujuan untuk memperkecil-kecilkan perancangan dan tipudaya mereka apabila mereka berdepan dengan perancangan dan tadbir Allah. Bagaimanakah hendak dibandingkan mereka dengan Allah? Bagaimanakah hendak dibandingkan tipu daya mereka dengan tadbir Allah?

Masalah Kewafatan 'Isa a.s.

Mereka mahu mensalibkan 'Isa a.s. dan membunuhnya, sedangkan Allah berkehendak mewafatkan beliau dan mengangkatnya kepada-Nya dan membersihkan beliau dari bercampur-gaul dan tinggal bersama-sama orang-orang yang kafir yang najis dan kotor itu. Dan Allah berkehendak memuliakan beliau dengan menjadikan para pengikutnya mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat. Dan segala apa yang dikehendaki Allah itu telah berlaku dan Allah telah

⁹ Lihat kajian yang bernilai oleh al-Ustaz al-Maududi dengan judul "شهادة الحق"

menghancurkan segala rancangan yang diatur oleh perancang-perancang tipu daya itu:

إِذْ قَالَ اللَّهُ يٰعِيسَىٰ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىٰ
وَمُطَهِّرُكَ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلُ الَّذِينَ
اتَّبَعُوكَ فَوْقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

"(Kenangilah) ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa! Sesungguhnya Aku akan mewafatkan engkau dan akan mengangkat engkau kepada-Ku dan akan membersihkan engkau dari orang-orang yang kafir dan akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat."(55)

Isu Kewafatan 'Isa a.s.

Bagaimana beliau diwafatkan dan bagaimana beliau diangkat kepada Allah? Ini adalah perkara-perkara ghaib yang termasuk dalam ayat-ayat yang mutasyabihah yang tidak diketahui pentafsirannya melainkan Allah. Di samping itu tidak ada apa-apa faedahnya (bagi kita) membincangkan perkara-perkara yang seperti ini sama ada dari segi 'aqidah atau dari segi syari'atnya. Mereka yang membangkitkan persoalan-persoalan ini dan menjadikannya sebagai bahan perdebatan dan perbincangan telah berakhir kepada pertelingkahan, kekeliruan dan kerumitan tanpa menghasilkan suatu hakikat yang tegas dan menyenangkan hati, sedangkan perkara ini sepatutnya diserahkan kepada ilmu Allah sahaja.

Pengikut-pengikut 'Isa Mengatasi Orang-orang Kafir Hingga Hari Qiamat

Adapun maksud Allah telah menjadikan para pengikut beliau itu mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat itu, maka ia bukanlah merupakan satu perkara yang sukar dihuraikan. Kerana orang-orang yang mengikut beliau ialah orang-orang yang beriman dengan agama Allah yang benar iaitu agama Islam, satu agama yang hakikatnya telah diketahui oleh setiap nabi dan dibawa oleh setiap Rasul dan diimani oleh setiap mereka yang benar-benar beriman kepada agama Allah. Mereka inilah yang mengatasi orang-orang yang kafir sehingga hari Qiamat dalam neraca pertimbangan Allah dan merekalah juga yang mengatasi orang-orang kafir di dalam realiti hidup setiap kali mereka menghadapi khemah kekafiran dengan hakikat keimanan dan hakikat itba' (mengikut ajaran Allah dan Rasul dengan penuh kepatuhan). Agama Allah itu hanya satu sahaja. Ia telah dibawa oleh 'Isa ibn Maryam a. s. sebagaimana sebelum dan kemudiannya ia dibawa oleh sekalian Rasul yang lain sebelumnya dan selepasnya. Dan orang-orang yang mengikut Muhammad s.a.w. dalam waktu yang sama bererti mengikut angkatan seluruh Rasul mulai dari Adam a.s. hingga ke Rasul akhir zaman.

Pengertian yang sempurna dan syamil inilah yang selaras dengan kehendak penerangan surah dan

dengan hakikat agama yang ditekankan oleh ayat-ayat ini.

Adapun penghabisan perjalanan hidup orang-orang Mu'min dan orang-orang kafir, maka ia dijelaskan oleh ayat berikut dalam bentuk pemberitaan Allah kepada 'Isa a.s.:

ثُمَّ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنْتُمْ
فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٥﴾

فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأَعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِّنْ نَّصِيرِينَ ﴿٥٦﴾

وَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفِّيهِمْ
أُجُورَهُمْ ۖ وَاللَّهُ لَا يَحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٥٧﴾

"Kemudian kepada-Kulah tempat kamu kembali dan Aku akan mengadili di antara kamu dalam persoalan-persoalan yang telah dipertikaikan kamu (55). Ada pun orang-orang yang kafir, maka Aku akan azabkan mereka dengan 'azab yang amat berat di dunia dan Akhirat dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun menjadi penolong-penolong mereka(56). Dan adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka. Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(57)

Di dalam ayat ini terdapat penjelasan terhadap kesungguhan balasan dan keadilan ilahi yang tidak akan berganjak seurat rambut pun dan tidak dapat diletakkan sebarang angan-angan dan tidak dapat dibuat sebarang pendustaan.

Manusia tidak dapat menghindarkan diri mereka dari kembali kepada Allah. Mereka tidak dapat menolak dari menerima hukum Allah dalam perkara-perkara yang telah membawa mereka ke dalam pertelingkahan. Mereka yang kafir tidak akan mendapat penolong-penolong yang boleh menyelamatkan mereka dari 'azab Allah yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan mendapat pahala yang sempurna yang dikurniakan kepada mereka tanpa pilih kasih dan tanpa dikurangi sedikit pun.

وَاللَّهُ لَا يَحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٥٧﴾

"Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim."(57)

Oleh itu amatlah jauh bagi Allah bertindak zalim, kerana Dia sendiri tidak sukakan orang-orang yang zalim.

Di sini jelaslah bahawa segala apa yang dikatakan oleh Ahlil-Kitab bahawa mereka tidak akan memasuki Neraka kecuali untuk beberapa hari sahaja dan segala angan-angan karut yang mereka asaskan di atas kefahaman mereka yang salah terhadap konsep

keadilan Allah dalam pembalasan-Nya adalah palsu, tidak benar dan tidak berdasar.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 64)

Apabila penjelasan ayat sampai ke tahap ini memerlukan kisah 'Isa yang telah mencetuskan perdebatan dan perbahasan di sekitarnya, maka ayat yang berikut dimulakan pula dengan kenyataan kesimpulan yang menjelaskan hakikat-hakikat asasi yang diambil dari kisah-kisah ini. Kemudian diakhiri dengan mengemukakan kepada Rasulullah s.a.w. ajaran untuk menghadapi Ahlil-Kitab secara muktamad yang menamatkan dialog dan perdebatan dan menegakkan hakikat yang dibawa dan diseru olehnya dengan jelas dan yakin:

ذَلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ ط خَلَقَهُ

مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ وكن فيكون ﴿٥٩﴾

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾

فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِن بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ

تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا

وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَلْ

لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَاذِبِينَ ﴿٦١﴾

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنَّ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ

وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِالْمُفْسِدِينَ ﴿٦٣﴾

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ

بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ

شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"(Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang Kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana(58). Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Dia

ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud(59). Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, oleh itu janganlah sekali-kali engkau jadi dari golongan orang-orang yang ragu-ragu(60). Kerana itu sesiapa yang membantah engkau mengenainya setelah datang kepadamu pengetahuan (yang jelas), maka katakanlah: Marilah kamu sekalian! Kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dan meminta agar ditimpakan la'nat Allah ke atas orang-orang yang berdusta(61). Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar. Dan tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, dan sesungguhnya Allah itulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(62). Dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan(63). Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami adalah golongan Muslimin."(64)

Demikianlah kita dapati kenyataan kesimpulan yang berikut dari awal-awal lagi memuatkan kebenaran wahyu yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w:

ذَلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾

"(Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana."(58)

Yakni kisah-kisah itu dan seluruh bimbingan Al-Qur'an itu adalah wahyu dari Allah yang dibacakan kepada nabi-Nya Muhammad s.a.w. Dalam ungkapan ayat ini mengandungi makna penghormatan, maqam kehampiran dan kasih mesra Allah terhadap beliau. Apakah lagi penghormatan yang lebih tinggi dari Allah Ta'ala sendiri yang mengendalikan pembacaan ayat-ayat Al-Qur'anul-Hakim kepada nabi-Nya Muhammad s.a.w. Sesungguhnya Allah Yang Maha Bijaksana sendiri yang mengendalikan urusan menjelaskan hakikat-hakikat agung mengenai jiwa manusia dan mengenai hayat manusia dan cara berbicara dengan fitrah manusia dan mendekatinya dengan lemah-lembut, iaitu dengan cara yang tidak terdapat pada yang lain dari Al-Qur'an selaku sumber yang unik.

Kemudian kenyataan kesimpulan yang berikut menjelaskan secara tegas tentang hakikat 'Isa a.s. dan tentang tabi'at penciptaan dan iradat Ilahi yang berkuasa menciptakan segala sesuatu sebagaimana la telah menciptakan 'Isa a.s:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ ط خَلَقَهُ

مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ وكن فيكون ﴿٥٩﴾

"*Sesungguhnya bandingan 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan Adam. Dia ciptakannya dari tanah, kemudian Dia berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun muncul ke alam al-wujud.*"(59)

Penciptaan 'Isa Sama Dengan Penciptaan Adam

Kelahiran 'Isa a.s. adalah suatu kelahiran yang benar-benar aneh dibandingkan dengan kelahiran biasa manusia, tetapi apakah keanehan yang ada padanya jika dibandingkan kepada penciptaan Adam bapa manusia? Kaum Ahlil-Kitab yang berdebat dan bertikai di sekitar kelahiran 'Isa dan mengadakan berbagai-bagai kepercayaan yang karut dan dongeng-dongeng di sekitarnya dengan sebab beliau dilahirkan tanpa bapa. Dan kaum Ahlil-Kitab juga yang mengakui Adam dijadikan Allah dari tanah dan mengakui bahawa tiupan ruh dari Allah itulah yang telah menjadikan Adam makhluk insan, tetapi mereka tidak mengadakan di sekitar Adam cerita-cerita dongeng seperti yang telah diadakan mereka di sekitar 'Isa a.s.. Dan mereka tidak mengatakan bahawa Adam mempunyai tabi'at lahutiyah (ketuhanan), sedangkan unsur yang menjadikan Adam itu insan ialah unsur yang sama yang melahirkan 'Isa tanpa bapa, iaitu unsur tiupan ruh dari Allah kepada keduanya. Tiupan itu tidak lain melainkan kalimat "من" yang menciptakan segala apa sahaja yang dikehendaki Allah dan ia akan terus muncul ke alam kenyataan.

Demikianlah hakikat penciptaan 'Isa, hakikat penciptaan Adam dan hakikat seluruh penciptaan ini terserlah begitu mudah dan masuk ke dalam hati dengan begitu senang dan terang, sehingga seseorang itu merasa hairan bagaimana perdebatan dan pertikaian boleh timbul sekitar peristiwa kelahiran 'Isa ini, sedangkan ia berlaku mengikut undang-undang yang agung, iaitu undang-undang seluruh penciptaan dan kejadian.

Inilah cara Al-Qur'anul-Hakim berbicara dengan fitrah manusia, iaitu dengan menggunakan logik fitrah yang realistik dan mudah untuk memahami persoalan-persoalan yang amat sulit yang ketara begitu mudah selepas ayat ini.

Apabila penjelasan ayat yang menerangkan persoalan ini sampai kepada tahap yang seterang ini, maka ayat yang berikut ia tujuan perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. supaya berpegang teguh dengan kebenaran yang dibawa olehnya dan dibacakan kepadanya. Ia tekankan kebenaran itu di dalam hati beliau dan di dalam hati orang-orang Islam yang wujud di sekelilingnya yang mungkin setengah-setengahnya terpengaruh kepada pengeliruan-pengeliruan dan penyesatan-penyساتan yang jahat yang dilakukan oleh kaum Ahlil-Kitab.

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾

"*Kebeneran itu adalah dari Tuhanmu oleh itu janganlah sekali-kali engkau jadi dari golongan orang-orang yang ragu.*"(60)

Sebenarnya Rasulullah s.a.w. tidak pernah ragu-ragu terhadap kebenaran yang dibacakan Allah kepadanya dalam mana-mana detik hidupnya. Malah tujuan ayat ini ialah semata-mata penyataan meneguhkan pendirian beliau di atas kebenaran. Dari sini kita dapat memahami sejauh mana hebatnya tipu daya musuh kaum Muslimin terhadap setengah-setengah Muslimin di waktu itu, dan dari sini juga kita dapat menanggapi sejauh mana umat Muslimin terdedah kepada tipu daya itu dalam setiap generasi mereka dan sejauh mana perlunya mereka diperteguhkan pendirian mereka di atas kebenaran yang didokong mereka dalam menghadapi musuh-musuh yang merancang tipudaya dengan menggunakan cara-cara yang baru dalam setiap generasi kaum Muslimin.

Di sini - setelah persoalan itu jelas dan kebenaran itu ketara - Allah memerintah Rasul-Nya yang mulia supaya menamatkan perdebatan dan perbahasan di sekitar persoalan yang terang dan kebenaran yang jelas itu dan mengajak mereka bermubahalah sebagaimana diterangkan di dalam ayat yang berikut:

فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَلْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَاذِبِينَ ﴿٦١﴾

"*Kerana itu sesiapa yang membantah engkau mengenainya setelah datang kepadamu pengetahuan (yang jelas) maka katakanlah: Marilah kamu sekalian! Kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, isteri-isteri kami dan isteri-isteri kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian kita memohon (kepada Allah) dan meminta agar ditimpakan la'nat Allah ke atas orang-orang yang berdusta.*"(61)

Cabaran Bermubahalah (المباہلة)

Rasulullah s.a.w. telah mengajak mereka yang berdebat dengan beliau dalam persoalan ini supaya menghadiri satu perhimpunan yang besar, di mana para hadirin serentak berdo'a kepada Allah agar menimpakan laknatnya ke atas pihak yang dusta, tetapi mereka takut kepada akibatnya dan terus menolak ajakan bermubahalah itu. Dan kini kebenaran ketara dengan jelas, tetapi menurut riwayat-riwayat mereka tidak juga menganut Islam kerana menjaga kedudukan mereka di kalangan kaum mereka dan kerana sayangkan kuasa, pangkat kebesaran, kepentingan-kepentingan dan ni'mat-ni'mat kesenangan yang dini'mati oleh pegawai-pegawai tinggi gereja. Mereka yang menghalang agama ini bukannya kerana mereka memerlukan dalil, malah yang menghalang mereka dari agama yang benar dan jelas ini ialah kepentingan-kepentingan, tamak haloba dan hawa nafsu.

Selepas seruan bermubahalah itu, dikemukakan pula kenyataan ulasan - mungkin juga ayat-ayat yang

berikut diturun selepas keengganan mereka menyambut seruan kepada bermubahalah - yang menjelaskan hakikat wahyu, hakikat kisah-kisah Al-Qur'an dan hakikat Wahdaniyah yang menjadi pokok pembicaraan, juga mengancam mereka yang enggan menerima kebenaran dan melakukan kerosakan di bumi dengan sebab keengganan itu:

إِنَّ هَذَا هُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ
وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾
فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِالْمُفْسِدِينَ ﴿٦٣﴾

"Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar. Dan tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, dan sesungguhnya Allah itulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana(62). Dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan."(63)

Hakikat-hakikat yang dijelaskan oleh ayat ini telah pun dijelaskan sebelum ini, tetapi ia disebutkan sekali lagi di sini dengan tujuan untuk memberi penekanan kepada hakikat-hakikat itu setelah mereka diajak bermubahalah dan enggan menerimanya. Pernyataan yang baru di sini ialah pernyataan yang menyifatkan orang-orang yang berpaling dari kebenaran ini sebagai manusia-manusia perosak dan mereka diancam dengan keterangan bahawa Allah Maha Mengetahui segala tindak-tanduk manusia-manusia perosak.

Pengakuan Tauhid Yang Positif

Kerosakan yang dilakukan oleh orang-orang yang menolak hakikat tauhid itu adalah suatu kerosakan yang besar, kerana segala kerosakan yang berlaku di bumi pada hakikatnya adalah akibat dari penyelewengan dari mengakui hakikat ini. Hakikat tauhid bukannya pengakuan lisan, kerana pengakuan lisan itu tidak bernilai suatu apa pun. Dan bukannya pengakuan hati yang negatif kerana pengakuan yang seperti ini tidak melahirkan kesan-kesan yang nyata di dalam kehidupan manusia. Malah itulah penyelewengan dari mengakui hakikat tauhid dengan segala kesannya yang menyertainya di dalam realiti hidup manusia. Kesan pertama yang menyertai hakikat kepercayaan tauhid ialah wujudnya kepercayaan kepada keesaan Rububiyah dan keesaan 'Ubudiyah iaitu tiada 'Ubudiyah melainkan hanya kepada Allah sahaja, tiada keta'atan melainkan hanya kepada Allah sahaja, tiada sumber penerimaan perintah melainkan dari Allah sahaja. Yakni 'Ubudiyah dan keta'atan itu adalah untuk Allah sahaja dan segala perintah dan ajaran itu hanya diterima dari Allah sahaja, termasuk penerimaan syari'at, penerimaan nilai-nilai dan neraca, penerimaan tatasusila dan akhlak dan penerimaan segala peraturan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Jika tidak dilakukan demikian, maka itulah kesyirikan atau kekufuran, walaupun lidahnya mengaku

beriman, dan walaupun dia membuat pengakuan yang negatif di dalam hatinya yang tidak melahirkan kesan-kesannya di dalam kehidupan umum manusia dalam bentuk menyerah diri, ta'at dan patuh kepada perintah-perintah, menyambut dan menerima ajaran-ajaran (Allah dan Rasul-Nya).

Seluruh alam buana ini tidak dapat berjalan betul dan keadaannya tidak akan menjadi baik kecuali di sana hanya ada satu Tuhan sahaja yang mentadbir dan mengendalikan urusannya:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا

"Sekiranya dilangit dan dibumi itu terdapat tuhan-tuhan yang lain selain Allah, tentulah kedua-duanya telah rosak binasa."

(Surah al-Anbiya' : 22)

Di antara ciri ketuhanan yang paling nyata dibandingkan kepada manusia ialah Dia sahaja yang disembah oleh para hamba-Nya dan Dia sahaja yang mengaturkan peraturan-peraturan hidup mereka dan menegakkan neraca-neraca keadilan untuk mereka. Oleh itu sesiapa yang mendakwa mempunyai sesuatu dari hak-hak tersebut bererti ia telah mendakwa mempunyai ciri ketuhanan yang paling nyata dan seterusnya bererti mengangkatkan dirinya sebagai tuhan selain dari Allah.

Kerosakan dan kebejatan tidak berlaku di bumi sebagaimana berlakunya ketika wujudnya kepercayaan kepada berbilang-bilang tuhan di bumi. Ketika mana manusia menyembah sesama manusia atau seorang manusia mendakwa bahawa orang ramai berkewajipan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada dirinya dan bahawa dia mempunyai hak membuat undang-undang dan peraturan untuk mereka, mempunyai hak menentukan nilai-nilai dan neraca-neraca. Ini adalah dakwaan menjadi tuhan walaupun dia tidak mengeluarkan kata-kata seperti perkataan-perkataan Fir'aun:

فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى ﴿٤٤﴾

"Akulah tuhan kamu yang Maha tinggi"

(Surah an-Nazi'at : 24)

dan pengakuan terhadap dakwaan ini merupakan perbuatan syirik dan kufur terhadap Allah. Itulah kerosakan yang seburuk-buruknya di muka bumi ini.

Oleh sebab itulah ancaman yang terkandung dalam ayat tadi diiringi dengan seruan kepada Ahlil-Kitab kepada satu perjanjian yang saksama, iaitu menyembah Allah Yang Maha Esa dan tidak mempersekutukan-Nya dan janganlah kita mempertuhankan sesama kita selain dari Allah. Jika tidak, maka itulah titik perpisahan (di antara kita), di mana selepas itu tidak ada lagi sebarang persahabatan dan perdebatan:

Cabaran Mengadakan Perjanjian Saksama Di Antara Kaum Muslimin Dan Kaum Ahlil-Kitab

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ
شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ
فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah berpegang kepada satu perjanjian yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan jangan pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Dan jika mereka berpaling maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin." (64)

Tidak syak lagi itulah satu seruan yang saksama, satu seruan yang bukan dibuat oleh Nabi s.a.w. dengan tujuan untuk menzahirkan kelebihan beliau dan kaum Muslimin yang menjadi pengikutnya ke atas kaum Ahlil-Kitab. Beliau mengajak mereka kepada satu perjanjian yang saksama, di mana seluruh mereka berdiri sama tinggi di hadapan perjanjian itu dan duduk sama rendah, tiada pihak yang lebih tinggi dari pihak yang lain dan tiada pihak yang menjadi hamba kepada pihak yang lain. Satu da'wah (yang jujur) di mana tiada siapa yang enggan menerimanya kecuali manusia yang degil dan perosak yang tidak ingin kembali kepada kebenaran yang lurus.

Itulah da'wah kepada menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa mempersekutukanNya dengan suatu apa pun sama ada manusia atau batu. Itulah da'wah supaya jangan mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah walaupun ia nabi atau Rasul, kerana seluruh mereka adalah hamba Allah belaka. Mereka hanya dipilih oleh Allah untuk menyampaikan risalah-Nya sahaja bukan untuk berkongsi dengan-Nya dalam sifat-sifat Uluhiyah dan Rububiyah.

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan Muslimin." (64)

Yakni jika mereka enggan menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan enggan menunjukkan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu - kedua-duanya merupakan pernyataan yang menjelaskan pendirian hamba terhadap Tuhan - maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah bahawa kami adalah golongan Muslimin."

Perbandingan di antara golongan Muslimin dengan orang-orang yang mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah ini menjelaskan secara tegas dan muktamad siapakah golongan Muslimin yang

sebenar. Mereka ialah orang-orang yang menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan diperhambakan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mereka tidak mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah. Inilah sifat yang membezakan mereka dari segala agama dan membezakan cara hidup mereka dari segala cara hidup seluruh manusia yang lain. Andainya sifat ini wujud maka merekalah golongan Muslimin yang sebenar dan jika sebaliknya sifat ini tidak wujud, maka mereka bukanlah golongan Muslimin yang sebenar, walaupun mereka mendakwa diri mereka sebagai golongan Muslimin.

Islam adalah pembebasan diri yang mutlak dari perhambaan kepada sesama manusia dan hanya sistem hidup Islam sahaja di antara seluruh sistem hidup yang lain yang dapat menghakikatkan pembebasan ini.

Seluruh Sistem Yang Lain Daripada Islam Mempertuhankan Sesama Manusia

Manusia di dalam seluruh sistem hidup ciptaan bumi adalah mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah. Ini berlaku dalam negeri-negeri yang paling tinggi amalan sistem demokrasinya sebagaimana berlaku di dalam negeri-negeri yang mengamalkan sistem diktator yang paling rendah. Ciri pertama dari ciri Rububiyah ialah hak memperhambakan manusia, iaitu hak mengadakan sistem-sistem, tatacara, undang-undang, peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca untuk mereka. Semua hak ini di dalam seluruh sistem ciptaan bumi adalah didakwa dimiliki oleh setengah-setengah manusia dalam apa sahaja bentuknya - dan urusan ini dirujuk kepada sekumpulan orang dalam apa sahaja kedudukan mereka. Dan kumpulan inilah yang menundukkan orang lain kepada undang-undang dan peraturan yang digubal oleh mereka, kepada nilai-nilai, neraca-neraca dan kefahaman yang telah ditetapkan oleh mereka. Dan kumpulan inilah yang merupakan tuhan-tuhan bumi yang diambil oleh setengah-setengah manusia selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah dan membenarkan mereka mendakwa memiliki ciri Uluhiyah dan Rububiyah. Ini bererti mereka menyembah kumpulan ini selain dari Allah walaupun mereka tidak sujud dan ruku' kepada mereka, kerana 'Ubudiyah ialah ibadat yang hanya ditujukan kepada Allah semata-mata.

Hanya di dalam sistem Islam sahaja manusia bebas dari belunggu ini. Ia menjadi seorang yang benar-benar bebas, yang hanya menerima kefahaman-kefahaman, pandangan-pandangan, undang-undang dan peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan dari Allah Yang Maha Esa sahaja. Sikapnya dalam perkara ini sama dengan orang lain yang seperjuangan dengannya. Dia dan seluruh orang lain yang seperjuangan dengannya adalah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengannya. Mereka sama-sama memandang kepada Allah Yang Maha Esa dan mereka sama sekali tidak mempertuhankan sesama mereka selain dari Allah.

Islam - dengan pengertian ini - merupakan agama yang diredhai di sisi Allah. Ia dibawa oleh setiap Rasul dari sisi Allah. Allah S.W.T. telah mengutuskan para Rasul membawa agama ini untuk menyelamatkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah. Juga untuk menyelamatkan mereka dari kezaliman manusia kepada keadilan Allah. Oleh itu sesiapa yang berpaling dari agama ini maka dia bukannya seorang Muslim dengan pengakuan dari Allah sendiri walaupun dita'wil dan didalih oleh para pengulas yang menyesat:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah ialah Islam." (19)

(Kumpulan ayat-ayat 65 - 92)

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَحْجُونَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أُنزِلَتْ التَّوْرَةُ وَالْإِنْجِيلُ إِلَّا مِنْ بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٥﴾ هَآأَنْتُمْ هَآؤُلَآءِ حَآجَجْتُمْ فِيمَا لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلِمَ تَحْجُونَ فِيمَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ وَاللَّهُ

يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٦﴾

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾ إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لَلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

وَدَّتْ طَآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِعَايَتِ اللَّهِ وَأَنْتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَدْبِسُونَ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٧١﴾

وَقَالَتْ طَآئِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَامِنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَيَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَجَهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا ءَاخِرُهُ

لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هَدَىٰ اللَّهُ أَنْ يُؤْتَىٰ أَحَدٌ مِّثْلَ مَا أُوتِيْتُمْ أَوْ يُحَاجُّوكُمْ عِنْدَ رَبِّكُمْ قُلْ إِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾ وَمَنْ أَهْلُ الْكِتَابِ مَنِ انْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ

إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَّنْ انْ تَأْمَنُهُ بِيَدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيَّتِنِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ ﴿٧٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَآخِلِقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُونَ أَلْسِنَتَهُم بِالْكِتَابِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِّي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّينَ
 أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكَفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾
 وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَآءَآتِيكُمْ مِنْ كِتَابٍ
 وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ
 لَتُؤْمِنُنَّ بِهِءَ وَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ
 عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا
 مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨١﴾

فَمَنْ تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٨٢﴾
 أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مِنْ فِي السَّمَوَاتِ
 وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾
 قُلْ ءَأَمِنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ
 إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ
 وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَالنَّبِيِّينَ
 مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُنْفِرُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ
 مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ
 فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾
 كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ
 وَشَهِدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ
 وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٦﴾
 أُولَٰئِكَ جَزَاؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ اللَّهِ
 وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿٨٧﴾
 خَالِدِينَ فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ
 يُنظَرُونَ ﴿٨٨﴾
 إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ

اللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٨٩﴾
 إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا
 لَنْ نُقْبَلَ تَوْبَتَهُمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ ﴿٩٠﴾
 إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارًا فَلَنْ يُقْبَلَ
 مِنْ أَحَدِهِمْ مِلَّةٌ الْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوْ افْتَدَىٰ بِهِ
 أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٩١﴾
 لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا
 مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِءَ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu mempertikaikan tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripadanya. Apakah kamu tidak berfikir?(65) Ingatlah! Kamu adalah orang-orang yang telah berdebat tentang perkara-perkara yang kamu mempunyai suatu pengetahuan mengenainya. Oleh itu mengapa pula kamu hendak berdebat tentang perkara-perkara yang kamu tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenainya. Dan Allah memang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui(66). Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula seorang penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah), dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin(67). Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah pelindung para Mu'minin(68). Dan sekumpulan dari Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat menyesatkan kamu dan sebenarnya mereka tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar(69). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya)(70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui(71). Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)(72). Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat yang sebenar itu ialah hidayat Allah - (iaitu janganlah percaya) bahawa kononnya ada seorang yang lain yang dikurniakan seperti yang telah dikurniakan kepada kamu atau kononnya mereka dapat menghujahkan kamu di sisi Tuhan kamu. Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu di tangan Allah. Dia kurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui (73). Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar (74). Dan di antara kaum Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikannya kepada engkau dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya

dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui (75). Malah sebenarnya barangsiapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa (76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih (77). Dan sesungguhnya di antara mereka ada sekumpulan mereka yang memutarbelitkan lidah mereka (mempermainkan) kitab Taurat, supaya kamu menyangkalkannya sebahagian dari kitab Taurat sedangkan ianya bukan dari kitab itu, dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui (78). Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi para penyembahku, selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya (79). Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan nabi-nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim (80). Dan (kenangilah) ketika Allah mengambil perjanjian dari para nabi: Segala apa sahaja yang Aku telah kurniakan kepada kamu dari kitab suci dan hikmat, kemudian datang kepada kamu seorang Rasul yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan kamu, hendaklah kamu beriman kepadanya dan menolongnya. Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu? Jawab mereka: Kami mengakui. Allah berfirman: (Jika demikian) maka saksikanlah (Wahai para Rasul) bahawa Aku juga turut bersama kamu menjadi para saksi(81). Barang siapa yang berpaling selepas itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq(82). Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan(83). Katakanlah: Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'qub dan sekalian keturunannya dan kepada apa yang dikurniakan kepada Musa, 'Isa dan para nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan sesiapa pun di antara mereka dan kami sekalian Muslimin (menyerah diri) kepada-Nya(84). Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi(85). Bagaimanakah Allah akan memberi hidayat kepada suatu kaum yang telah kafir setelah mereka beriman dan mengaku bahawa Rasul itu benar dan berbagai-bagai keterangan telah datang kepada mereka? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(86). Mereka itu, balasan mereka ialah kutukan Allah ke atas mereka, (juga kutukan) para malaikat dan manusia seluruhnya(87). Mereka kekal abadi dalam kutukan itu dan 'azab keseksaan tidak akan diringankan dari mereka dan mereka pula tidak akan diberi tangguhan(88). Kecuali orang-orang yang bertaubat selepas

itu dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih(89). Sesungguhnya orang-orang yang kafir setelah mereka beriman, kemudian bertambah lagi kekafiran, mereka tidak akan diterima taubat mereka, dan mereka adalah orang-orang yang sesat(90). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati dalam keadaan kafir, maka tidak akan diterima dari siapa pun dari mereka emas sepenuh bumi, sekalipun mereka mahu menebuskan diri dengannya. Untuk mereka 'azab yang pedih dan mereka sekali-kali tidak mendapat orang-orang yang menolong mereka(91). Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfakkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu infaqkannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui dengannya.(92)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan ini masih lagi berlari mengikut garis pokok yang pertama di dalam surah ini, iaitu garis pertarungan di antara kaum Ahlil-Kitab dengan kaum Muslimin atau garis perjuangan 'aqidah. Musuh-musuh agama ini berusaha dengan segala macam tipu daya, helah dan dusta dan dengan bermacam-macam cara untuk mengelirukan yang benar dengan yang batil dan untuk menaburkan keraguan-keraguan dan seterusnya menyimpan niat dan maksud yang jahat terhadap umat Muslimin tanpa reda dan putus. Kemudian Al-Qur'an menghadapi semua tindak-tanduk itu dengan membuka mata orang-orang Mu'min terhadap hakikat kebenaran yang ada di sebelah mereka dan hakikat kepalsuan yang ada di sebelah musuh-musuh mereka, dan niat-niat jahat yang disembunyikan oleh musuh-musuh itu terhadap mereka. Akhirnya Al-Qur'an melapahkan tabi'at, akhlak, tindak-tanduk dan niat-niat jahat musuh-musuh itu di hadapan kaum Muslimin untuk memperkenalkan kepada mereka hakikat musuh mereka dan membuka tembelang sifat berilmu pengetahuan yang mereka salutkan ke atas diri mereka dan menghancurkan kepercayaan orang-orang Islam yang tertipu dengan mereka. Al-Qur'an juga menimbulkan kebencian kaum Muslimin terhadap tindak-tanduk mereka dan menggagalkan rancangan-rancangan jahat mereka dengan mendedahkannya secara terbuka jelas hingga mereka tidak dapat lagi menipu dan mengelirukan sesiapa pun.

Pusingan ini dimulakan dengan menghadapi Ahlil-Kitab-kaum Yahudi dan kaum Nasara - iaitu dengan menjelaskan kekarutan pendirian mereka apabila mereka mempertikaikan tentang Ibrahim a.s.. Kaum Yahudi mendakwa bahawa beliau menganut agama. Yahudi dan kaum Nasara pula mendakwa bahawa beliau menganut agama Kristian sedangkan Ibrahim lebih dahulu dari zaman agama Yahudi dan agama Kristian dan lebih dahulu dari Taurat dan Injil. Pertikaian seperti ini terhadap Ibrahim adalah satu perdebatan yang tidak bersandarkan kepada sebarang dalil. Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat pegangan Ibrahim yang sebenar, iaitu beliau berpegang dengan agama Islam iaitu agama Allah

yang lurus. Dan orang-orang yang mendapat perlindungan Allah ialah orang-orang yang mengikut agama-Nya, kerana Allah itu Pelindung seluruh Mu'minin. Dari sinilah jelasnya garisan agama Islam yang menyambung di antara para rasul-rasul Allah dengan orang-orang yang beriman kepada mereka di sepanjang abad.

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ
وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah Pelindung para Mu'minin." (68)

Selepas itu Al-Qur'an mendedahkan matlamat sebenar yang tersembunyi di sebalik pertikaian yang ditimbulkan oleh Ahlii-Kitab terhadap Ibrahim dan selain dari Ibrahim - yang telah diterangkan di awal surah dan akan diterangkan kemudian nanti - iaitu keinginan mereka yang kuat untuk menyesatkan orang-orang Islam dari agama mereka dan menimbulkan keraguan mereka terhadap 'aqidah mereka. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menghadapkan kecamaannya kepada penyesat-penyesat itu:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَأَنْتُمْ
تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَلْبُسُونَ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُونَ
الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ ﴿٧١﴾

"Wahai Ahlii-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya) (70). Wahai Ahlii-Kitab! Mengapakah kamu campuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui." (71)

Kemudian Al-Qur'an memperlihatkan kepada kelompok Muslimin salah satu cara perancangan jahat musuh-musuh mereka untuk menggoncangkan kepercayaan mereka terhadap 'aqidah dan agama mereka. Musuh-musuh mereka menggunakan satu cara yang jahat dan licin, iaitu mereka mengumumkan keimanan mereka kepada agama Islam di waktu pagi kemudian kembali kafir di waktu petang, untuk menyaranakan ke dalam hati orang-orang Islam yang tidak teguh keimanan mereka dalam barisan Muslimin - golongan yang seperti ini memang selama-lamanya wujud dalam segala barisan - bahawa kerana sesuatu sebab (yang tidak baik) maka Ahlii-Kitab yang arif dan pakar dengan kitab-kitab suci, rasul-rasul dan agama-agama itu telah murtad meninggalkan agama Islam:

وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمَنُوا بِالَّذِي
أُنزِلَ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَجَهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا ءَاخِرُهُ

لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Dan sekumpulan Ahlii-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)." (72)

Ini adalah suatu tipu helah yang jahat dan licin.

Kemudian Al-Qur'an membuka tembelang tabi'at Ahlii-Kitab dan akhlak mereka serta pandangan mereka terhadap perjanjian-perjanjian tanpa menafikan adanya golongan yang amanah dan jujur di kalangan mereka, tetapi golongan yang lain adalah tidak beramanah dan jujur. Mereka tidak menghormati perjanjian dan tanggungjawab dan mereka memfalsafahkan tamak haloba dan pengkhianatan mereka dan mendakwa mendapat sokongan dari agama mereka, sedangkan agama mereka bersih dari perangai yang keji itu:

وَمَنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ
إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ
إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ
عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيَّتِنِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan di antara kaum Ahlii-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkan menyimpan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikannya kepada engkau, dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka berkata: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui." (75)

Di sini Al-Qur'an menerangkan tabi'at pandangan akhlak Islamiyah, motifnya dan pertaliannya dengan taqwa kepada Allah:

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُتَّقِينَ ﴿٧٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ يَشْرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا
قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَأَخْلَقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ
اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

"Malah sebenarnya barangsiapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa (76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(77)

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan pula satu contoh yang lain dari penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dan pendustaan mereka yang murah dalam urusan agama kerana mencari keuntungan dan pendapatan dunia yang seluruhnya mempunyai nilai yang amat kecil:

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُونَ أَلْسِنَتَهُم بِالْكِتَابِ
لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ
وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan sesungguhnya di antara mereka ada sekumpulan mereka yang memutarbelitkan lidah mereka (mempermainkan) kitab Taurat supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari kitab Taurat, sedangkan ianya bukan dari kitab itu, dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahuinya."(78)

Di antara perkara yang diputarbelitkan oleh lidah mereka ialah dakwaan mereka yang menyalutkan sifat Uluhiyah kepada al-Masih, dan ruh al-Qudus, sedangkan Allah S.W.T. menafikan bahawa 'Isa al-Masih telah membawa perkara ini kepada mereka di dalam kitab injil atau menyuruh mereka supaya mempercayakannya:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ
وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ
اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ
الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّينَ
أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾

"Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: "Hendaklah kamu menjadi para penyembahku selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia

berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya(79). (Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan nabi-nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim."(80)

Sehubungan dengan ini Al-Qur'an menyebut hakikat perhubungan di antara angkatan para Rasul yang berturut-turut dibangkitkan itu, iaitu hakikat perjanjian Allah dengan mereka agar setiap Rasul yang terdahulu menyerah perjanjian itu dan memberi pertolongan kepada Rasul yang baru:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَآءَآتِيكُمْ مِنْ كِتَابٍ
وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ
لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَتَنْصُرُنَّهُ وَقَالَ أَأَقْرَضْتُمْ وَآخَذْتُمْ
عَلَىٰ ذَلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَبْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا
مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah mengambil perjanjian dari para nabi: Segala apa sahaja yang Aku telah kurniakan kepada kamu dari kitab suci dan hikmat, kemudian datang kepada kamu seorang Rasul yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan kamu, hendaklah kamu beriman kepadanya dan menolongnya. Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu? Jawab mereka: Kami mengakui. Allah berfirman: (Jika demikian) maka saksiilah (Wahai para Rasul) dan Aku juga turut bersama kamu menjadi para saksi."(81)

Oleh sebab itulah kaum Ahlil-Kitab wajib beriman kepada Rasul yang terakhir dan membantunya, tetapi malangnya mereka tidak menyempurnakan janji Allah dengan mereka dan dengan para Rasul mereka yang dahulu.

Di bawah bayangan perjanjian yang masih berkuatkuasa ini, Al-Qur'an menjelaskan bahawa sesiapa yang mencari suatu agama yang lain dari agama Allah, iaitu agama Islam, maka pada hakikatnya ia menentang peraturan alam buana yang dikehendaki Allah:

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْمَاءٌ فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٢﴾
"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

Yakni mereka yang tidak menyerahkan seluruh urusan mereka kepada Allah dan tidak ta'at dan tidak mengikut undang-undang dan peraturan Allah

dengan rendah diri dan patuh adalah orang-orang yang ganjil dan menentang undang-undang alam al-wujud.

Di sini Allah memerintah Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang ada bersama beliau supaya mengumumkan keimanan mereka kepada agama Allah yang tunggal yang dilambangkan dalam segala pengajaran yang dibawa oleh sekalian rasul-rasul. Juga menjelaskan bahawa Allah tidak menerima dari umat manusia melainkan agama Islam sahaja:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ

فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi." (85)

Adapun orang-orang yang tidak beriman dengan agama ini, mereka tidak mempunyai harapan akan mendapat hidayat Allah dan selamat dari hukumannya kecuali mereka bertaubat. Adapun orang-orang yang mati di dalam keadaan kafir pula, maka segala apa yang telah dibelanjakan mereka tidak akan berguna kepada mereka dan tidak akan dapat menyelamatkan mereka (dari 'azab Allah) walaupun mereka menebuskan diri mereka dengan emas sepenuh bumi.

Sehubungan dengan perbelanjaan dan penebusan diri, Al-Qur'an menggalakkan kaum Muslimin supaya menginfakkan sebahagian dari harta kekayaan dunia yang disayangi mereka (untuk jalan Allah) agar mereka dapati pahalanya tersimpan di sisi Allah pada hari Qiamat:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا

مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfakkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu infakkannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui dengannya." (92)

Demikianlah pusingan ini menghidangkan sejumlah hakikat dan bimbingan-bimbingan ini. Itulah satu pusingan dalam perjuangan yang besar yang berlaku di antara kaum Muslimin dengan musuh-musuh agama ini berabad-abad yang silam yang dipaparkan di dalam surah ini. Itulah perjuangan yang sama dengan perjuangan yang dihadapi kaum Muslimin hari ini, di mana matlamat dan tujuannya tidak berubah walaupun berlainan bentuk dan cara. Keduanya sama sahaja dalam garis panjangnya. (dari sudut matlamat dan tujuan)

Sekarang marilah kita teliti ayat-ayat ini secara terperinci setelah kita mengikutinya secara ringkas:

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 68)

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تُحَاجُّونَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أُنزِلَتْ

التَّوْرَةُ وَالْإِنْجِيلُ إِلَّا مِنْ بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٥﴾

هَذَا أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ حَاجَجْتُمْ فِيمَا لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ

فَلِمَ تُحَاجُّونَ فِيمَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ وَاللَّهُ

يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٦﴾

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ

كَانَ حَنِيفًا مَسْلَمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لَلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

"Wahai Ahli-Kitab! Mengapakah kamu mempertikaikan tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripadanya. Apakah kamu tidak berfikir? (65). Ingatlah kamu adalah orang-orang yang telah berdebat tentang perkara-perkara yang kamu mempunyai suatu pengetahuan mengenainya. Oleh itu mengapa pula kamu hendak berdebat tentang perkara-perkara yang kamu tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenainya. Dan Allah memang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui (66). Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula seorang penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah) dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin (67). Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah pelindung para Mu'minin." (68)

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ubay - Maula Zaid ibn Thabit - saya telah diceritakan oleh Sa'id ibn Jubayr - atau 'Ikrimah dari Ibn Abbas r.a. katanya: Paderi-paderi Nasara Najran dan ahli-ahli agama Yahudi telah berkumpul di depan Rasulullah s.a.w. lalu mereka bertelingkah sesama mereka. Kata ahli-ahli agama Yahudi: "Ibrahim itu hanya menganut agama Yahudi." Kata paderi-paderi Nasara pula: "Ibrahim itu hanya menganut agama Kristian" lalu Allah turunkan ayat:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تُحَاجُّونَ فِي إِبْرَاهِيمَ

Sama ada peristiwa ini merupakan sebab turunnya ayat ini atau tidak, maka yang jelas dari nas ayat ini ia diturun sebagai jawapan terhadap dakwaan-dakwaan Ahli-Kitab dan mereka berbantah dengan Nabi s.a.w. atau berbantah sesama mereka di hadapan Nabi s.a.w. Tujuan dari dakwaan-dakwaan ini ialah untuk membolotkan janji Allah dengan Ibrahim a.s. iaitu untuk menjadikan nubuwwah itu dalam keluarganya

sahaja, juga membolot hidayat dan kelebihan. Kemudian yang lebih penting dari itu ialah mendustakan dakwaan Nabi s.a.w. bahawa beliau berpegang dengan agama Ibrahim dan bahawa orang-orang Islam itulah para pewaris agama Hanifiyah (tauhid) yang pertama. Juga untuk menimbulkan keraguan orang-orang Islam terhadap hakikat ini atau sekurang-kurangnya menaburkan kesangsian di dalam hati setengah-setengah mereka.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengecam mereka dengan kecaman yang sekeras ini dan mendedahkan pertikaian mereka yang tidak berasaskan kepada sebarang dalil, kerana Ibrahim lebih dahulu dari Taurat dan lebih dahulu dari Injil. Oleh itu bagaimana beliau dikatakan menganut agama Yahudi? Atau bagaimana beliau dikatakan menganut agama Kristian? Ini adalah dakwaan yang bertentangan dengan akal. Pertentangan ini begitu jelas dan terbukti dengan hanya memandang sekilas kepada sejarah:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تُحَاجُّونَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أُنزِلَتِ
التَّوْرَةُ وَالْإِنْجِيلُ إِلَّا مِنْ بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٥﴾

"Wahai Ahli-Kitab! Mengapakah kamu mempertikaikan tentang Ibrahim, sedangkan Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripadanya. Apakah kamu tidak berfikir?"(65)

Kemudian Al-Qur'an terus mengecam mereka dan menjatuhkan nilai hujah-hujah yang dikemukakan mereka, di samping mendedahkan kedegilan dan kelemahan mereka menggunakan cara-cara logik yang sihat di dalam perdebatan dan perbalahan:

هَآأَنْتُمْ هَؤُلَاءِ حَآجَجْتُمْ فِيمَا لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ
فَلِمَ تَحَآجُّونَ فِيمَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ وَاللَّهُ
يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Ingatlah! Kamu adalah orang-orang yang telah berdebat tentang perkara-perkara yang kamu mempunyai suatu pengetahuan mengenainya. Oleh itu mengapa pula kamu hendak berdebat tentang perkara-perkara yang kamu tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenainya. Dan Allah memang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(66)

Mereka telah pun mempertikaikan hal 'Isa a.s.. Begitu juga nampaknya mereka telah mempertikaikan tentang setengah-setengah hukum syara' ketika mereka diseru supaya berhakimkan kepada kitab Allah. Kemudian mereka menolak dan berpaling darinya. Kedua-dua persoalan ini berada dalam lingkungan perkara yang diketahui mereka, tetapi jika mereka mempertikaikan persoalan-persoalan yang mendahului kewujudan mereka, kewujudan kitab-kitab suci mereka dan agama-agama mereka, maka itulah suatu perdebatan yang tidak berasas sama

sekali walau dari segi apa sekalipun. Malah itulah suatu perdebatan kerana nafsu perdebatan semata-mata, perdebatan yang tidak mengikut apa-apa cara dan kaedah dan tujuannya amat jelas iaitu memuaskan nafsu. Orang yang seperti ini tidak layak dipercayai apa yang dikatakan olehnya malah tidak layak didengar sama sekali.

Apabila ayat tadi selesai menjatuhkan nilai perdebatan mereka dari asasnya lagi dan mencabut kepercayaan dari mereka dan dari perkataan-perkataan yang diucapkan mereka, maka Al-Qur'an kembali menjelaskan hakikat yang diketahui Allah, iaitu Allah S.W.T. mengetahui sejarah yang jauh ini dan mengetahui hakikat agama yang telah diturunkannya kepada hamba kesayangan-Nya Ibrahim. Dan apa yang difirmankan Allah itulah kata pemutus yang tidak lagi meninggal ruang kepada yang ingin berkata kecuali dengan maksud berbahas dan bertikai tanpa suatu alasan dan dalil:

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَٰكِن
كَانَ حَنِيفًا مَّسْلَمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

"Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula seorang penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah) dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

Hakikat Agama Nabi Ibrahim

Dengan ini Al-Qur'an menjelaskan apa yang telah diterangkan secara tidak langsung sebelum ini bahawa Ibrahim a.s. bukanlah penganut agama Yahudi dan bukan pula penganut agama Kristian, kerana Taurat dan Injil itu adalah diturunkan selepas beliau. Dan seterusnya menjelaskan bahawa Ibrahim menolak segala agama yang lain kecuali agama Islam dan beliau adalah seorang Muslim dengan erti katanya yang sempurna yang telah diperincikan sebelum ini.

وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

"Dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(67)

Hakikat ini secara tidak langsung terkandung di dalam ayat sebelumnya:

وَلَٰكِن كَانَ حَنِيفًا مَّسْلَمًا

"Tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim (menyerah diri kepada Allah)."

Tetapi penonjolan hakikat ini di sini menunjukkan kepada beberapa isyarat yang halus:

Pertama: Ia memberi isyarat bahawa kaum Yahudi dan kaum Nasara yang berakhir dengan kepercayaan-kepercayaan yang sesat itu adalah kaum Musyrikin belaka. Oleh sebab itu Ibrahim tidak mungkin sekali-kali menganut agama Yahudi dan tidak pula menganut agama Kristian, tetapi beliau adalah seorang yang menganut agama tauhid lagi Muslim.

Kedua: Ia memberi isyarat bahawa Islam itu suatu kepercayaan dan syirik itu suatu kepercayaan yang lain pula. Kedua-duanya tidak mempunyai titik pertemuan. Islam ialah kepercayaan tauhid yang mutlak dengan segala ciri-cirinya dan segala kehendak-kehendak dan kewajipan-kewajipannya. Oleh sebab itu ia sama sekati tidak bertemu dengan mana-mana bentuk syirik.

Ketiga: Ia memberi isyarat supaya menghapuskan dakwaan kaum Musyrikin Qura'isy yang mengatakan bahawa mereka berpegang dengan agama Ibrahim dan menjadi penjaga-penjaga Baitullah yang dibina oleh beliau di Makkah, sedangkan beliau berpegang dengan agama tauhid lagi Muslim dan mereka pula Musyrikin belaka.

وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

"Dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin." (67)

Insan Dalam Pandangan Islam

Oleh itu selama Ibrahim a.s. berpegang dengan agama tauhid dan Muslim dan tidak terlibat di dalam golongan Musyrikin, maka tidak ada hak bagi kaum Yahudi atau kaum Nasara atau kaum Musyrikin mendakwa mewarisi beliau dan menaungi agamanya kerana mereka amat jauh dari 'aqidah beliau. Sedangkan 'aqidah itu merupakan hubungan pertama yang menjadi titik pertemuan antara manusia di dalam Islam. Mereka tidak bertemu pada keturunan, pada asal titihan, pada bangsa dan pada negara apabila putus hubungan 'aqidah yang menjadi titik pertemuan Ahlil-Iman. Insan dalam pandangan Islam ialah insan dengan sebab rohnya yakni dengan sebab tiupan ruh dari Allah. Itulah yang menjadikan insan itu insan. Oleh sebab itulah ia bertemu pada titik 'aqidah selaku ciri ruh yang paling istimewa pada seorang insan. Ia tidak bertemu seperti haiwan ternakan yang bertemu pada titik-titik pertemuan bumi, spesis, rumput dan padang ragut, batas dan pagar. Hubungan persahabatan dan setiakawan di antara individu dengan individu, di antara kelompok dengan kelompok, di antara satu generasi dengan satu generasi hanya bergantung kepada hubungan 'aqidah. Hubungan inilah yang menjadi titik pertemuan seorang Mu'min dengan seorang Mu'min yang lain, di antara satu kelompok Muslimin dengan satu kelompok Muslimin yang lain dan di antara generasi Muslimin dengan generasi-generasi Muslimin di sebalik perbatasan zaman dan tempat dan di sebalik perbezaan darah dan keturunan, perbezaan kaum dan bangsa. Mereka bersatupadu selaku sahabat-sahabat setia dengan hubungan 'aqidah sahaja dan Allahlah yang menjadi Pelindung dan Penaung seluruh mereka.

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لَلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ
وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ

"Sesungguhnya orang yang mempunyai hubungan yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang-orang yang

mengikutinya dan nabi (Muhammad) ini, juga orang-orang yang beriman. Dan Allahlah pelindung para Mu'minin." (68)

Orang-orang yang mengikut Ibrahim semasa hayatnya, mematuhi agamanya dan berhakimkan sunnahnya. Itulah sahabat-sahabat setia beliau. Kemudian Nabi Muhammad yang mempunyai titik pertemuan dengan beliau dalam Islam dengan pengakuan Allah sendiri selaku saksi yang paling benar. Kemudian orang-orang yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. kerana mereka telah bertemu dengan Ibrahim a.s. pada satu agama dan jalan (menuju Allah).

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ

"Dan Allahlah pelindung para Mu'minin." (68)

Merekalah hizbullah yang menggabungkan diri kepada-Nya dan berteduh di bawah panji-panji-Nya dan meletakkan-Nya sebagai pemimpin tanpa meletakkan seorang yang lain dari-Nya..... mereka adalah satu keluarga dan satu umat yang menjangkau generasi-generasi dan abad-abad, menjangkau tempat-tempat dan negeri-negeri, menjangkau kaum-kaum dan bangsa-bangsa dan menjangkau keturunan-keturunan dan keluarga-keluarga.

Gambaran Perpaduan Manusia Di Bawah Panji-panji Aqidah Islam

Inilah setinggi-tinggi gambaran perpaduan manusia yang layak dengan makhluk manusia yang membezakannya dari perpaduan haiwan. Di samping itu ia juga merupakan satu-satunya gambaran yang membolehkan perpaduan itu tanpa syarat-syarat dan ikatan-ikatan. Kerana satu-satunya syarat perpaduan ini ialah satu syarat yang bersifat sukarela yang boleh dirombak oleh siapa sahaja yang suka dengan kemahuan dirinya sendiri. Syarat itu ialah 'aqidah yang dipilih oleh hatinya sendiri dan dengan pilihan ini segala-galanya selesai. Seseorang itu tidak dapat mengubahkan bangsanya jika syarat yang mengikatkan perpaduan itu ialah bangsa. Dia tidak dapat mengubahkan kaumnya jika syarat yang mengikatkan perpaduan itu ialah kaum. Dia tidak mampu mengubahkan warna kulitnya jika syarat perpaduan itu ialah warna kulit. Dia tidak dapat mengubahkan bahasanya jika syarat perpaduan itu ialah bahasa. Dia tidak dapat dengan mudah mengubahkan kelasnya jika syarat perpaduan itu ialah kelas. Malah dia tidak mungkin mengubahkannya sama sekali jika kelas-kelas itu merupakan hak-hak warisan seperti yang berlaku di India. Oleh sebab itulah halangan-halangan tadi tetap selama-lamanya menghalangi perpaduan umat manusia selama ia tidak dikembalikan kepada hubungan fikiran, hubungan 'aqidah atau hubungan kefahaman. Hubungan ini diserahkan kepada keyakinan individu, di mana ia dengan kemahuan sendiri mampu memilihnya sendiri dan menggabungkan dirinya di dalam barisan berdasarkan hubungan 'aqidah itu tanpa mengubah bangsa atau kaumnya, warna kulit atau bahasa atau kelas.

Di samping itu perpaduan ini memberi penghormatan kepada insan, kerana mereka disatukan oleh 'aqidah yang merupakan semulia-mulia unsur insan yang membezakannya dari perkumpulan haiwan.

Umat manusia itu sama ada hidup - mengikut Islam - selaku kumpulan insan yang bersatu-padu di atas bekal rohaniah, lencana hati dan lambang perasaan atau hidup seperti kumpulan-kumpulan haiwan dalam lingkungan pagar-pagar perbatasan bumi atau perbatasan-perbatasan bangsa-dan warna kulit. Semuanya itu merupakan pagar-pagar dan batas-batas yang didirikan untuk binatang-binatang ternakan supaya kumpulan-kumpulan haiwan itu tidak bercampur-aduk satu sama lain.

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 74)

Kemudian Al-Qur'an dedahkan kepada kaum Muslimin tujuan kaum Ahlil-Kitab di sebalik segala perdebatan dan pertikaian itu dan mengemukakan kepada Ahlil-Kitab permainan-permainan, tipu daya dan perancangan-perancangan sulit mereka di hadapan penglihatan dan pendengaran kaum Muslimin setelah menanggalkan pakaian-pakaian yang digunakan mereka untuk menyamarkan diri mereka. Ia membuat mereka berdiri bogel dan tembelang mereka terbuka di hadapan kaum Muslimin:

وَدَّتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾
 يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَأَنْتُمْ تَسْهَدُونَ ﴿٧٠﴾
 يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَتَّبِعُونَ الْحَقَّ بِالْبَطْلِ وَتَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ ﴿٧١﴾
 وَقَالَتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَأَمِنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَى الَّذِينَ ءَأَمَنُوا وَجَهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا ءَأَخْرَهُ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾
 وَلَا تَوَمَّنْ أُولَئِكَ لَمَّا تَبِعَ دِينَكُمْ قُلُوبُهُمْ لَئِن أُرْسِلْتُمْ إِلَى الْقَوْمِ الَّذِينَ كَرِهْتُمْ فَلَيَكْفُرُنَّ بِكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ ذَلِكَ أُولَئِكَ يَخْلَعُونَ عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ لِلْغِشْيَانِ وَالْغَبْنِ وَلَا يَحْسِبُونَ أَنَّ اللَّهَ مُخْلِطٌ بَيْنَهُمْ وَهُمْ لَا يَحْسِبُونَ أَنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذُنُوبِهِمْ ﴿٧٣﴾
 عِنْدَ رَبِّكُمْ قُلُوبٌ لَّا يَشَاءُ اللَّهُ أَن يَجْعَلَ لِكُلِّ فِتْنَةٍ مَّقَالًا وَلَا تَحْسَبُوا أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ السِّرَّ فِي قُلُوبِكُمْ أُولَئِكَ الَّذِينَ جَعَلَ اللَّهُ كِتَابَهُمْ فِي سِتْرٍ لَّهُمْ مَقَالٌ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٤﴾

يَشَاءُ اللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ وَيَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

"Dan sekumpulan dari Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat menyesatkan kamu, dan sebenarnya mereka tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar(69). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenaran)(70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui(71). Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)(72). Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat yang sebenar itu ialah hidayat Allah - (iaitu janganlah kamu percaya) bahawa kononnya ada seorang yang lain yang dikurniakan seperti yang telah dikurniakan kepada kamu atau kononnya mereka dapat menghujahkan kamu di sisi Tuhan kamu. Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu di tangan Allah. Dia kurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui(73). Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar."(74)

Dendam Kesumat Kaum Ahlil-Kitab Terhadap Kaum Muslimin

Dendam kesumat yang disimpan oleh Ahlil-Kitab terhadap kelompok Muslimin ialah dendam kesumat yang berhubung kait dengan 'aqidah. Mereka tidak suka umat ini mendapat hidayat. Mereka benci umat ini kembali kepada 'aqidah mereka yang tersendiri dengan pegangan mereka yang begitu kuat dan yakin. Oleh sebab itu mereka menumpukan seluruh daya usaha mereka untuk menyesatkan umat Muslimin dari agama ini dan menyelewengkan mereka dari jalan yang lurus ini:

وَدَّتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ
 "Dan sekumpulan dari Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat menyesatkan kamu."(69)

Itulah angan-angan, keinginan hati dan nafsu di sebalik setiap tipu daya, setiap pertikaian dan perdebatan dan setiap pengeliruan mereka.

Keinginan, yang berdasarkan kepada hawa nafsu, dendam kesumat dan niat yang jahat tidak syak lagi merupakan suatu kesesatan, kerana keinginan yang jahat ini tidak mungkin terbit dari kebaikan dan hidayat. Mereka telah menjatuhkan diri mereka di dalam kesesatan di saat mereka ingin menyesatkan orang-orang Islam. Kerana tiada siapa yang suka menyesatkan orang-orang yang telah mendapat hidayat kecuali orang yang sesat yang meraba-raba di dalam kesesatan yang hitam pekat:

وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan sebenarnya mereka tidak menyesat kecuali diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar." (69)

Orang-orang Islam adalah terpelihara dari musuh-musuh mereka selama mereka berpegang teguh dan jujur dengan keislaman mereka. Musuh-musuh itu tidak dapat melakukan apa-apa terhadap mereka kerana Allah telah berjanji dengan mereka bahawa mereka tidak dapat dikenakan oleh tipu daya musuh-musuh mereka dan bahawa dia akan menolak tipudaya mereka selama orang-orang Islam kekal teguh sebagai orang-orang Islam yang sebenar.

Di sini Al-Qur'an membidas Ahlil-Kitab dengan mendedahkan pendirian mereka yang meragukan:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَأَنْتُمْ

تَشْهَدُونَ ﴿٧٠﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَلْبِسُونَ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُونَ

الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٧١﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah sedangkan kamu menyaksikan (kebenaran) (70). Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu campur-adukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahui." (71)

Kaum Ahlil-Kitab di waktu itu - dan masih terus sehingga hari ini - mengakui kebenaran yang jelas agama ini sama ada oleh mereka yang mengetahui hakikat-hakikat bisyarah-bisyarah dan isyarat-isyarat yang terkandung di dalam kitab-kitab suci mereka - setengah mereka mengakui semuanya ini dengan terus-terang dan setengah-setengahnya pula menerima hakikat ini berdasarkan hakikat yang didapatinya di dalam buku-buku Islam dan dilihatnya sendiri di hadapan matanya - atau oleh mereka yang tidak mengetahui hakikat itu, tetapi mereka dapati dalam agama Islam kebenaran yang begitu jelas itu boleh mendorong kepada keimanan.... namun mereka terus kafir juga bukan kerana kekurangan dalil, tetapi semata-mata kerana hawa nafsu, kerana muslihat dan kerana ingin menyesat. Al-Qur'an menyeru mereka dengan panggilan "Ahlil-Kitab" kerana itulah sifat yang seharusnya membimbing mereka kepada beriman kepada ayat-ayat Allah dan kitab suci-Nya yang baru.

Begitu juga Al-Qur'an menyeru mereka dengan gelaran itu sekali lagi untuk membongkarkan perbuatan jahat yang dilakukan mereka, iaitu perbuatan mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dengan tujuan menyembunyikan kebenaran di dalam kepalsuan secara sengaja. Ini adalah suatu perbuatan yang amat keji dan buruk.

Perbuatan-perbuatan Ahlil-Kitab yang dikecam oleh Allah S.W.T. di waktu itu adalah perbuatan-perbuatan yang biasa dilakukan mereka pada masa itu sehingga

ke sa'at ini. Inilah cara hidup mereka di sepanjang sejarah. Ia dimulai oleh kaum Yahudi kemudian diikuti oleh kaum Salib (kaum Nasara).

Mereka Memasukkan Unsur-unsur Palsu Ke Dalam Kitab Warisan Islam

Di dalam abad-abad yang lama itu mereka - malangnya - telah memasukkan unsur-unsur palsu di dalam kitab warisan Islam yang tidak dapat dikesan melainkan dengan usaha yang memakan masa berabad-abad lamanya. Mereka telah mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan di dalam kitab-kitab warisan itu kecuali kitab suci Al-Qur'an yang terpelihara, iaitu satu-satunya kitab yang dijamin Allah untuk memeliharanya buat selamanya. Syukurlah kepada Allah atas limpah kurnia-Nya Yang Maha Besar itu.

Mereka memasukkan unsur-unsur palsu dan melakukan pengeliruan-pengeliruan di dalam sejarah Islam, iaitu di dalam peristiwa-peristiwanya dan tokoh-tokohnya. Mereka memasukkan unsur-unsur palsu dan melakukan pengeliruan di dalam hadith-hadith Nabi hingga Allah bangkitkan tokoh-tokohnya yang telah menjalankan penyelidikan dan melakukan pembersihan kecuali yang terkeluar dari keupayaan manusia yang terbatas. Mereka juga telah memasukkan unsur-unsur palsu dan unsur-unsur pengeliruan di dalam kitab-kitab tafsir hingga mereka tinggalkannya menjadi seolah-olah padang gurun yang hampir-hampir pengkajinya tidak dapat kembali ke jalan yang berpedoman. Mereka terus memalsu dan mengeliru tentang tokoh-tokoh Islam. Ratusan dan ribuan dari mereka berusaha untuk memalsukan buku-buku warisan-warisan Islam dan mereka masih terus berbuat demikian dalam bentuk para orientalis dan murid-murid para orientalis yang memegang jawatan-jawatan tinggi dalam kepimpinan fikiran pada hari ini di negeri-negeri di mana para penduduknya mendakwa diri mereka sebagai kaum Muslimin. Berpuluh-puluh tokoh palsu dikemukakan kepada umat Muslimin dengan gambaran pahlawan-pahlawan yang dibikin di bawah perhatian kaum Zionis dan kaum Salib untuk memberi khidmat-khidmat kepada musuh-musuh Islam, di mana khidmat-khidmat itu tidak dapat dilakukan sendiri oleh musuh-musuh itu secara terus-terang.

Tipu daya ini masih terus berjalan. Dan satu-satunya tempat yang masih menjadi tempat perlindungan dan keselamatan dari penipuan itu ialah berlindung pada Al-Qur'an yang tetap terpelihara dan kembali kepadanya untuk meminta nasihatnya di dalam perjuangan yang bernyala di sepanjang abad-abad ini.

Al-Qur'an juga menyangkan beberapa percubaan sekumpulan Ahlil-Kitab yang bertujuan untuk menimbulkan keraguan orang-orang Islam terhadap agama mereka dan menghalangkan mereka dari hidayat dengan menggunakan satu taktik yang jahat dan licin:

وَقَالَتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَأَمِنُوا بِالَّذِي

أَنْزَلَ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَجْهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا آخِرَهُ
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)." (72)

وَلَا تَتُومِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu." (73)

Ini adalah satu taktik yang jahat dan licin, kerana perbuatan mereka mengumumkan keislaman mereka, kemudian kembali murtad itu memberi kesan yang meragukan kepada setengah-setengah orang Islam yang berjiwa lemah dan berakal fikiran yang cetek dan belum lagi mempunyai kefahaman yang teguh terhadap hakikat dan tabi'at agama mereka. Ia membuat mereka berada di dalam kesangsian terutama orang-orang Arab yang ummi yang selama ini menyangka bahawa Ahlil-Kitab itu lebih arif dari mereka tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama-agama dan kitab-kitab suci. Oleh itu apabila mereka melihat Ahlil-Kitab itu beriman kemudian kembali murtad tentulah mereka fikir bahawa Ahlil-Kitab itu murtad adalah disebabkan kerana mereka dapat sesuatu yang tidak baik atau sesuatu yang kurang di dalam agama ini. Dan ini menyebabkan mereka terumbang-ambing di antara dua arah tujuan dan menyebabkan pendirian mereka goyah dan goyang.

Penipuan ini masih terus digunakan sehingga hari ini di dalam berbagai-bagai bentuk yang sesuai dengan perkembangan keadaan manusia pada setiap generasi.

Musuh-musuh kaum Muslimin telah berputus asa untuk mengenakan mereka dengan penipuan ini. Oleh sebab itulah kekuatan-kekuatan yang menentang Islam di alam ini telah menggunakan berbagai-bagai cara yang semuanya diasaskan di atas penipuan yang lama itu juga.

Pada hari ini kekuatan-kekuatan ini mempunyai agen-agen yang ramai di seluruh negara Islam dalam bentuk profesor-profesor, ahli-ahli falsafah, doktor-doktor falsafah dan para pengkaji ilmiyah dan kadang-kadang berupa penulis-penulis, penyair-penyair, seniman-seniman dan wartawan-wartawan yang memakai nama Islam kerana mereka datang dari keturunan Islam dan setengah dari mereka dari ulama'-ulama' Islam sendiri.

Angkatan agen-agen itu adalah diarah untuk menggoncangkan 'aqidah di dalam hati umat Muslimin dengan berbagai-bagai cara, iaitu dengan bentuk kajian ilmiyah, kajian sains, kajian sastera,

kesenian dan kewartawanan, melemahkan dasar-dasar 'aqidah dan memperkecilkan kedudukan 'aqidah dan syari'at, mena'wilkannya dengan ta'wilan-ta'wilan yang tidak dapat ditanggung olehnya, melancarkan serangan yang tidak putus-putus ke atas kekolotannya, menyeru manusia supaya membebaskan diri darinya, memperkesampingkannya dari bidang hidup manusia kerana bimbangankan 'aqidah itu hidup atau bimbangankan kehidupan dipengaruhi 'aqidah. Mereka mewujudkan kefahaman-kefahaman, tanggapan-tanggapan, cita-cita, peraturan-peraturan, perasaan dan perilaku yang bertentangan atau menghancurkan kefahaman-kefahaman 'aqidah islamiyah dan cita-cita mithalnya, menghiaskan kefahaman-kefahaman yang direkarekakan itu dengan cara yang boleh merosakkan kefahaman-kefahaman dan cita-cita mithali keimanan. Dan seterusnya melepaskan nafsu keinginan dari ikatan belengganya dan menghapuskan tapak asas akhlak yang menjadi tapak tegak 'aqidah yang bersih supaya tumbang di dalam kekotoran akhlak yang mereka sebarkannya di bumi. Mereka telah memesongkan sejarah Islam dan mengubahkannya sebagaimana mereka mengubah nas-nas yang lain.

Namun demikian agen-agen ini masih disifatkan sebagai orang-orang Muslim. Bukankah mereka memakai nama-nama Islam? Dan dengan nama-nama Islam inilah mereka mengumumkan keislaman mereka di waktu pagi, tetapi dengan usaha-usaha mereka yang salah itu mereka kembali menjadi kafir di waktu petang. Pendeknya mereka betul-betul telah memainkan peranan Ahlil-Kitab di zaman dahulu. Tiada yang berubah kecuali bentuk dan ruang lingkupnya sahaja di dalam memainkan peranan yang lama itu.

Golongan Ahlil-Kitab berkata terhadap satu sama lain: "Hendaklah kamu berpura-pura menganut Islam di sebelah pagi dan kemudian hendaklah kamu jadi kafir semula di sebelah petang supaya orang-orang Islam meninggal agama mereka dan hendaklah perkara ini menjadi suatu rahsia di antara kamu sahaja dan jangan sekali-kali kamu ceritakannya dan mengamanahkannya melainkan kepada mereka yang seagama dengan kamu."

وَلَا تَتُومِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."

Kata kerja al-Iman (تَوَمَّنُوا) yang dimuta'addikan dengan lam (اللام) bererti percaya. Yakni janganlah kamu percaya melainkan kepada mereka yang mengikut agama kamu dan janganlah kamu membuka rahsia kamu melainkan kepada mereka sahaja dan bukan kepada orang-orang Islam.

Beginilah juga tindakan-tindakan yang dilakukan oleh agen-agen pergerakan-pergerakan Zionis dan

Salib pada hari ini. Mereka telah bersebutat kata di antara mereka di atas suatu matlamat iaitu memusnahkan 'aqidah Islam pada setiap kesempatan yang terbuka yang mungkin tidak berulang. Kadang-kadang persefahaman itu tidak berlangsung dalam bentuk satu perjanjian atau komplot, tetapi ia merupakan persefahaman agen dengan agen untuk melaksanakan tugas yang dikehendaki untuk pihak yang sebenar. Mereka mengamanahkan satu sama lain dan menyimpan rahsia sesama mereka. Kemudian mereka berpura-pura - sekurang-kurangnya setengah-setengah mereka - memperlihatkan tindak-tanduk yang berlainan dari apa yang dikehendaki dan dirancangan oleh mereka, kini suasana dan alat-alat kelengkapan di sekeliling mereka telah disediakan dan orang-orang yang memahami hakikat agama ini di seluruh dunia ini telah dibuang jauh atau diusir keluar.

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."

Di sini Allah mengarah Nabi-Nya s.a.w. supaya mengumumkan bahawa "satu-satunya hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah dan sesiapa yang tidak kembali kepada hidayat ini tidak akan menemui hidayat buat selama-lamanya di dalam mana-mana agama dan jalan hidup:

قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ

"Katakanlah sesungguhnya hidayat yang sebenar itu ialah hidayat Allah." (73)

Kenyataan ini dikemukakan sebagai jawapan terhadap perkataan mereka:

ءَامِنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا وَجَهَ النَّهَارِ

وَءَاكْفُرُوا ءَاخِرَهُ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

"Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)" (72)

untuk memberi ingatan kepada kaum Muslimin terhadap tujuan mereka yang licin itu iaitu mengeluarkan orang-orang Islam dari hidayat Allah. Oleh itu tiada hidayat melainkan hanya hidayat Allah sahaja dan apa yang sebenar dikehendaki mereka ialah kesesatan dan kekufuran.

Kenyataan ini juga dikemukakan sebelum habis diceritakan semua perkataan Ahlii-Kitab, kemudian barulah di sambung semula baki cerita komplot mereka selepas kenyataan selingan ini:

أَنْ يُؤْتَىٰ أَحَدٌ مِّثْلَ مَا أُوتِيتُمْ أَوْ يُحَاجُّوكُمْ عِنْدَ رَبِّكُمْ

"(Iaitu janganlah kamu percaya) bahawa kononnya ada seorang yang lain yang dikurniakan seperti yang dikurniakan kepada kamu atau kononnya mereka dapat menghujahkan kamu di sisi Tuhan kamu." (73)

Inilah alasan perkataan mereka:

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu." (73)

Itulah perasaan hasad dengki mereka terhadap sesiapa yang dikurniakan Allah Nubuwwah dan kitab suci seperti yang dikurniakan kepada Ahlii-Kitab. Mereka takut apabila mereka percaya kepada orang-orang Islam dan memberitahu kepada mereka hakikat-hakikat yang diketahui oleh Ahlii-Kitab (tentang kebenaran nubuwwah Muhammad) kemudian mereka ingkar hakikat ini, maka ia akan digunakan oleh orang-orang Islam sebagai hujah untuk mengalahkan mereka di hadapan Allah. Seolah-olah Allah tidak mempersalahkan mereka dengan hujah yang lain melainkan dengan hujah lisan yang dapat didengar, sedangkan hujah lisan itu merupakan pernyataan perasaan-perasaan yang tidak lahir dari kefahaman dan tanggapan keimanan terhadap Allah dan sifat-sifat-Nya dan tidak pula lahir dari ma'rifat terhadap hakikat kerasulan dan kenabian, juga hakikat-hakikat taklif keimanan dan kepercayaan.

Kemudian Allah S.W.T. mengarahkan Rasul-Nya yang mulia supaya mengajar mereka di samping mengajar kaum Muslim hakikat limpah kurnia Allah apabila Allah hendak mengurniakan agama atau Rasul kepada sesuatu umat:

قُلْ إِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

"Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu di tangan Allah Dia kurniakannya kepada siapa yang dikendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui." (73)

يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

"Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar." (74)

Iradat Allah telah menghendaki meletakkan risalah dan kitab sucinya (yang terakhir) di kalangan bukan Ahlii-Kitab setelah mereka mencabul perjanjian mereka dengan Allah dan membatalkan tugas moyang mereka Ibrahim, setelah mereka mengenal kebenaran dan mencampur-adukkannya dengan kepalsuan, setelah mereka mengkhianati amanah yang diserahkan kepada mereka, setelah mereka meninggalkan hukum-hukum kitab suci mereka dan undang-undang syariah mereka, setelah mereka enggan berhakimkan kepada kitab Allah di antara sesama mereka dan setelah kepimpinan umat manusia terpisah dari undang-undang dan peraturan Allah, dari kitab sucinya dan dari tokoh-tokohnya yang Mu'min. Di masa inilah teraju kepimpinan dan amanah diserahkan kepada umat Muslimin sebagai satu anugerah dan kurnia dari Allah.

وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

"Dan Allah itu Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."(73)

يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ ﴿٧٤﴾

"Allah menentukan pengurniaan rahmat-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(74)

وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

"Dan Allah mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar."(74)

Dan tidak ada kurnia yang lebih besar kepada satu umat dari pengurniaan hidayat dalam bentuk kitab suci Al-Qur'an dan tidak ada kurnia yang lebih besar dari pengurniaan kebaikan dalam bentuk agama dan tidak ada kurnia yang lebih besar dari pengurniaan rahmat dalam bentuk pengutusan seorang Rasul.

Apabila kaum Muslimin mendengar ayat ini, mereka akan terus sedar sejauh mana ni'mat dan nilai anugerah Allah yang telah memilih mereka untuk menerima limpah kurnia ini dan mereka akan terus berpegang teguh dengannya dan mempertahankan dengan gigih dan yakin. Dan seterusnya mereka akan sedar terhadap tipu daya dan dendam kesumat musuh-musuh mereka. Inilah cara-cara didikan Al-Qur'anul-Karim dan az-Zikril Hakim terhadap mereka dan inilah bahan-bahan didikan dan bimbingan untuk umat Muslimin dalam semua generasi.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 77)

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut memerikan keadaan kaum Ahlil-Kitab, dan menerangkan sifat-sifat mereka yang tercela dan menjelaskan nilai-nilai yang benar yang menjadi tapak landasan Islam agama kaum Muslimin. Ia mulakan dengan menayangkan dua contoh dari contoh-contoh mu'amalah kaum Ahlil-Kitab.

Contoh Mu'amalah Kaum Ahlil-Kitab

وَمِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِن تَأْمَنهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِن تَأْمَنهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيَّةِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُتَّقِينَ ﴿٧٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا

قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يَكَلِمُهُمُ

اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

"Dan di antara kaum Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikannya kepada engkau, dan di antara mereka pula ada orang yang engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui(75). Malah sebenarnya barangsiapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa(76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(77)

Itulah cara yang adil dan benar bukannya cara mengurang dan merugikan (sesuatu hak) yang dilakukan oleh Al-Qur'an apabila ia menceritakan keadaan kaum Ahlil-Kitab yang menghadapi kaum Muslimin pada masa itu dan mungkin keadaan ini merupakan keadaan Ahlil-Kitab dalam semua generasi. Perseteruan kaum Ahlil-Kitab terhadap Islam dan kaum Muslimin, perbuatan mereka memalsu, menipu dan merancangkan berbagai-bagai helah yang jahat dan licin, keazaman mereka untuk menimpakan bencana ke atas umat Muslimin dan agama Islam semuanya tidak mempengaruhi Al-Qur'an untuk mengurangkan hak golongan Ahlil-Kitab yang baik walaupun di tempat pertikaian dan perlawanan. Malah di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa di antara Ahlil-Kitab ada golongan yang amanah yang tidak pernah makan hak-hak orang lain walaupun jumlahnya sangat besar dan menggiurkan.

وَمِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِن تَأْمَنهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ

إِلَيْكَ

"Dan di antara Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkan sejumlah harta yang banyak nescaya dia akan mengembalikan kepada engkau..."

Tetapi di antara mereka juga ada pengkhianat yang tamak dan suka menanggung-nanggung dan tidak mengembalikan hak-hak orang lain walaupun jumlahnya sedikit kecuali dituntut dengan desakan yang bersungguh-sungguh. Kemudian mereka memfalsafahkan tingkahlaku mereka yang keji itu dengan berdusta terhadap Allah secara sengaja:

وَمِنْهُمْ مَّنْ إِن تَأْمَنَهُ بِيَدِنَا لَا يُؤَدُّهُ إِلَىٰكَ
إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ
عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيَّةِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ
الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, sebab yang demikian kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (perbuatan kami) terhadap orang-orang ummi, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui!"(75)

Inilah sifat kaum Yahudi. Merekalah yang mengeluarkan perkataan yang seperti ini. Mereka menggunakan beberapa ukuran bagi akhlak mereka. Sifat jujur dan amanah itu adalah untuk sesama bangsa Yahudi sahaja. Adapun bangsa yang lain dari Yahudi yang mereka namakannya sebagai orang-orang ummi dan maksud mereka ialah orang-orang Arab (sebenarnya mereka maksudkan dengan kata-kata ummi itu siapa sahaja yang bukan dari bangsa Yahudi), maka orang Yahudi tidak berdosa memakan harta mereka, menipu mereka, mengeliru mereka dan mengeksploitasi mereka dengan apa sahaja cara dan tindakan yang hina dan keji tanpa segan dan malu aib.

Tetapi yang anehnya mereka mendakwa bahawa Tuhan mereka dan agama mereka menyuruh mereka berbuat seperti itu, sedangkan mereka benar-benar tahu bahawa dakwaan itu adalah dusta. Kerana Allah tidak pernah menyuruh manusia melakukan perbuatan yang keji dan tidak pernah mengharuskan kepada mana-mana kelompok manusia memakan harta kelompok manusia yang lain secara haram dan dusta, tidak pernah menyuruh supaya mereka tidak menghormati perjanjian dan tanggungjawab mereka dan menipu orang lain tanpa malu aib. Tetapi itulah bangsa Yahudi. Mereka telah menggunakan perserteruan dan dendam kesumat terhadap manusia itu sebagai adat kebiasaan dan agama:

وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."(75)

Di sini Al-Qur'anul-Karim menjelaskan dasar atau neraca akhlaknya yang tunggal dan menghubungkan

pandangannya ini kepada Allah dan taqwa terhadap-Nya:

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُتَّقِينَ ﴿٧٦﴾
إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا
قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَآخِلِقَ لَهُمْ فِي الْأٰخِرَةِ وَلَا يَكْلِمُهُمُ
اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

"Malah sebenarnya barang siapa yang menyempurnakan janjinya dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertaqwa (76). Sesungguhnya orang-orang yang menukarkan janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di Akhirat dan Allah tidak sudi berkata-kata dengan mereka dan tidak memandang kepada mereka pada hari Qiamat dan tidak pula membersihkan mereka dan mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(77)

Dasar Menghormati Perjanjian

Inilah dasar akhlak yang tunggal. Sesiapa yang menghormatinya kerana menyempurnakan perjanjian dengan Allah dan melahirkan perasaan taqwa terhadap-Nya, nescaya Allah kasikhannya dan memuliakannya. Tetapi sesiapa yang menukarkan perjanjian Allah dan keimanannya dengan harga yang sedikit - dari harta benda kehidupan dunia atau dengan dunia seluruhnya yang merupakan satu kenikmatan yang sedikit - maka dia tidak mendapat apa-apa habuan di Akhirat, tidak mendapat apa-apa ri'ayah dan sambutan di sisi Allah dan tidak mendapat apa-apa pembersihan, malah hanya mendapat 'azab yang amat pedih.

Di sini dapatlah kita perhatikan bahawa penunaian janji itu mempunyai hubungan yang rapat dengan taqwa. Dasar ini tidak berubah sama ada bermu'amalah dengan musuh atau dengan kawan, kerana penunaian janji itu bukanlah masalah muslihat, malah masalah hubungan yang berterusan dengan Allah tanpa memandang kepada orang yang bermu'amalah dengan mereka.

Inilah teori akhlak Islam secara umum tentang penunaian janji dan pengamalan akhlak-akhlak yang lain. Konsep bermu'amalah pertama ialah bermu'amalah dengan Allah, di mana dikedeprioritaskan kehadiran Allah, dan supaya dijauhi kemurkaan-Nya dan dicari keredhaan-Nya. Motif akhlak bukannya muslihat atau kepentingan, bukan tradisi masyarakat dan bukan pula kehendak-kehendak keperluan keadaan semasa. Kerana masyarakat manusia kadang-kadang sesat, menyeleweng dan terpengaruh dengan ukuran-ukuran palsu yang lumrah di waktu itu. Oleh sebab itu masyarakat memerlukan kepada

satu ukuran yang tetap yang dapat dirujukkan olehnya dan oleh individu-individunya. Dan di samping ukuran ini mempunyai keteguhannya pastilah ia mempunyai kekuatan yang diambil dari sumber yang lebih tinggi, iaitu lebih tinggi dari istilah manusia dan dari keperluan-keperluan hidup mereka yang berubah-ubah. Oleh sebab itu nilai-nilai dan ukuran-ukuran itu pasti diambil dari Allah, iaitu dengan jalan mengenal akhlak-akhlak yang diredhainya, mencari keredhaan-Nya dan menaruh perasaan taqwa kepada-Nya. Dengan cara inilah Islam menjamin manusia sentiasa dapat memandang ke ufuk yang lebih tinggi dari bumi dan mengambil nilai-nilai dan neraca-neraca hidup mereka dari ufuk yang tinggi, kukuh dan gemilang itu.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menjadikan orang-orang yang mencabul perjanjian dan mengkhianati amanah sebagai "Orang-orang yang menukarkan perjanjian Allah dan keimanan mereka dengan harga yang sedikit" kerana hubungan dalam perjanjian ini adalah di antara mereka dengan Allah sebelum hubungan itu berlaku di antara mereka dengan manusia. Dari sinilah mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan di sisi Allah di Akhirat kerana tujuan mereka melakukan pengkhianatan perjanjian dan amanah dan menukarkan keimanan mereka dengan harga yang sedikit ialah untuk mendapatkan kepentingan-kepentingan dunia yang sedikit. Mereka tidak akan mendapat apa-apa ri'ayah Allah di Akhirat sebagai balasan terhadap perbuatan mereka mencabul perjanjian mereka dengan Allah, iaitu perjanjian mereka dengan manusia di dunia.

Di sini kita dapati Al-Qur'an menggunakan cara penggambaran dalam pengungkapannya. Ia mengungkapkan pengabaian Allah dan ketiadaan ri'ayah-Nya terhadap mereka dengan gambaran Dia tidak bercakap dengan mereka, tidak memandang mereka dan tidak membersihkan mereka. Semuanya ini merupakan tanda-tanda pengabaian yang dimaklumi semua manusia. Oleh sebab itu Al-Qur'an menggunakannya sebagai wasilah untuk menggambarkan keadaan pengabaian itu dengan gambaran yang hidup dan dapat memberi kesan yang lebih mendalam dalam hati manusia dari menggunakan ungkapan abstrak. Itulah cara Al-Qur'an dalam menyampaikan bayangan-bayangan dan, saranan-saranannya yang indah.¹⁰

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 80)

Menggunakan Kitab Allah Sebagai Bahan Untuk Menyesatkan Manusia

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus membentangkan contoh-contoh golongan Ahlil-Kitab.

Di sini ia membentangkan contoh golongan penyesat, yang menggunakan kitab Allah sebagai bahan untuk menyesatkan orang ramai. Mereka memutarbelitkan kitab suci itu dengan lidah mereka dari maksudnya yang sebenar dan mena'wilkan nas-nasnya supaya sesuai dengan kehendak-kehendak pihak yang tertentu untuk mendapatkan sedikit bayaran atau untuk mendapat sesuatu dari harta dan kesenangan hidup dunia. Dan di antara perkara-perkara yang diputarbelitkan oleh lidah mereka, diseleweng dan dita'wilkan mereka ialah perkara-perkara yang ada hubungan dengan kepercayaan-kepercayaan yang mereka rekakan mengenai al-Masih 'Isa ibn Maryam, yang sesuai dengan kehendak-kehendak gereja dan kehendak-kehendak pemerintah:

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُنَ أَلْسِنَتَهُم بِالْكِتَابِ
 لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ
 وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
 وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾
 مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ
 وَالنَّبُوءَةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ
 اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ
 الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾
 وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّينَ
 أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan sesungguhnya di antara mereka ada sekumpulan mereka yang memutarbelitkan lidah mereka (mempermainkan) kitab Taurat supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari kitab Taurat, sedangkan ianya bukan dari kitab itu, dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahui(78). Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi para penyembahku selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya(79). Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan Nabi-Nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim."(80)

¹⁰ Lihat fasal "طريقة القرآن" dalam buku "التصوير الفني في القرآن"

Penyakit Tokoh-tokoh Agama

Penyakit tokoh-tokoh agama - apabila mereka korap - ialah mereka bersedia menjadi alat yang patuh untuk memalsukan hakikat-hakikat yang sebenar atas nama mereka selaku tokoh agama. Keperihalan yang disebut oleh Al-Qur'an mengenai segolongan Ahlil-Kitab ini memang diketahui oleh kita di zaman kita sekarang ini. Mereka menakwilkan nas-nas kitab suci mereka dan mereka memutarbelitkannya supaya mereka sampai kepada kesimpulan-kesimpulan yang tertentu. Kemudian mereka dakwakan kesimpulan-kesimpulan itu sebagai maksud dari nas kitab suci itu dan sebagai pengertian-pengertian yang dikehendaki oleh Allah, sedangkan kesimpulan itu bertentangan dengan hakikat agama Allah dari asasnya lagi (mereka berbuat demikian) kerana yakin kebanyakan pendengar tidak dapat membezakan di antara hakikat agama dan maksud-maksud sebenar nas-nas ini dengan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat-buat dan pembohongan yang mereka paksakan ke atas nas-nas itu.

Pada hari ini kita cukup mengetahui contoh golongan ini pada setengah-setengah tokoh yang dihubungkan dengan agama secara zalim. Mereka sebenarnya mencari makan dengan agama. Mereka menggunakan agama untuk memenuhi kehendak-kehendak nafsu, mereka mena'wilkan nas-nas dan berkejar-kejar membawa nas-nas itu mengikut kehendak-kehendak nafsu apabila mereka nampak ada sesuatu muslihat yang boleh dicapai atau sesuatu habuan kesenangan dunia yang boleh dihasilkan. Mereka menta'wilkan nas-nas itu dan berkejar-kejar dengan nas-nas itu di belakang kehendak hawa nafsu. Mereka mematah-matahkan leher nas supaya sesuai dengan kehendak-kehendak semasa yang dominan. Mereka mengubah ayat-ayat dari tempatnya yang wajar untuk menyelaraskan di antaranya dengan aliran-aliran yang bertentangan dengan agama ini dan dengan hakikat-hakikat asasnya. Mereka berusaha berhempas-pulas untuk mendapatkan sekecil-kecil hubungan lafzi atau mulabashah lafziah untuk digunakan mereka bagi menyelaraskan di antara maksud suatu ayat Al-Qur'an dengan kehendak semasa yang dominan yang penting dihampu-hampukan mereka.

وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah, dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui." (78)

Sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an tentang sekumpulan Ahlil-Kitab.

Penyakit ini tidak hanya menimpa Ahlil-Kitab sahaja, malah ia menimpa setiap umat. Apabila agama Allah di sana menjadi begitu murah kepada penganut-penganutnya sehingga tidak sama dengan nilai-nilai

upah memuaskan sesuatu kehendak nafsu yang dibayar dengan sesuatu harta benda dunia. Di sana amanah dan tanggungjawab menjadi rosak sehingga hati tidak segan-segan berdusta terhadap Allah dan menggubahkan kalimat-kalimat firman-Nya dari tempatnya yang wajar dengan tujuan untuk mengambil hati hamba-hamba Allah dan mengikut kehendak nafsu mereka yang sesat, yang bertentangan dengan agama. Seolah-olah Allah S.W.T. berkehendak mengingatkan kaum Muslimin (dengan ayat ini) tentang tempat gelincir yang merbahaya ini yang telah mencabut amanah kepimpinan (agama Allah) dari tangan Bani Israel.

Contoh golongan Bani Israel ini - sebagaimana yang dapat dilihat dari keseluruhan ayat-ayat ini - adalah berusaha mencari rangkai-rangkai kata yang mengandungi ungkapan majazi atau metafora, lalu mereka memutarbelitkan lidah mereka membuat ta'wilan-ta'wilan dan mengeluarkan pengertian-pengertian yang tidak ditunjukkan oleh ayat-ayat itu, kecuali dengan putar belit dan pemesongan untuk menyarankan kepada orang ramai bahawa pengertian-pengertian yang direka-rekakan mereka itu adalah dari kitab suci Allah dan mereka benar-benar mendakwa: Inilah yang telah dikatakan Allah, sedangkan ia tidak pernah dikatakan Allah. Tujuan mereka membuat dakwaan-dakwaan itu ialah untuk mengithbatkan ketuhanan kepada 'Isa a.s. bersama "rohul-Qudus" yang didakwa mereka sebagai uqnum-uqnum, iaitu bapa, anak dan rohul-Qudus yang dianggap mereka sebagai satu zat iaitu Allah. Maha Suci Allah dari sifat-sifat syirik yang dikatakan mereka. Mereka juga meriwayatkan dari 'Isa a.s. beberapa perkataan yang menguatkan dakwaan mereka, lalu Allah menjawab pemesongan dan ta'wilan mereka itu dengan menjelaskan bahawa adalah tidak wajar bagi seorang Nabi yang dikurniakan nubuwwah dan dipilih untuk menyampaikan risalah yang agung ini menyuruh manusia mempertuhankannya bersama malaikat. Ini adalah mustahil:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ
وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ
اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ
الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّينَ
أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨٠﴾

"Tidaklah wajar bagi seorang manusia yang dikurniakan Allah kepadanya kitab suci, hikmat dan kenabian kemudian dia berkata kepada manusia: Hendaklah kamu menjadi para penyembahku selain dari Allah. Tetapi (yang wajarnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyyin (hamba-

hamba Allah yang patuh) kerana kamu telah mengajar kitab Taurat dan kerana kamu telah mempelajarinya(79). Dan tidak pula (wajar) dia menyuruh kamu mengambil malaikat dan Nabi-Nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah wajar dia menyuruh kamu melakukan kekafiran sesudah kamu menjadi orang-orang Muslim.”(80)

Nabi 'Isa begitu yakin bahawa dia hanya seorang hamba sahaja dan bahawa Allah itulah Tuhan Yang Maha Esa dan seluruh hamba bertawajjuh dengan 'Ubudiyah dan ibadat mereka kepada-Nya. Oleh sebab itu tidak mungkin beliau mendakwa dirinya mempunyai sifat Uluhiyah yang menuntut 'Ubudiyah dari manusia. Dan seorang Nabi tidak akan berkata kepada manusia:

كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ

“Hendaklah kamu menjadi para penyembahku bukannya para penyembah Allah.”

Tetapi dia berkata kepada mereka:

كُونُوا رَبَّيِّنَ

“Hendaklah kamu menjadi para Rabbaniyin (hamba-hamba Allah yang patuh).”(79)

laitu orang-orang yang menghubungkan dirinya kepada Allah selaku hamba-hamba Allah dan bertawajjuh kepada-Nya sahaja dengan amalan-amalan ibadat. Juga ambillah dari Allah sahaja segala undang-undang dan peraturan hidup kamu supaya kamu benar-benar membulatkan keta'atan kamu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja agar kamu menjadi para Rabbaniyin. Jadilah kamu para Rabbaniyin kerana kamu mempunyai ilmu pengetahuan tentang kitab suci dan kerana kamu mempelajarinya dan inilah tujuan mengetahui dan mempelajari kitab suci.

Nabi 'Isa sama sekali tidak menyuruh manusia mempertuhankan malaikat dan Nabi-Nabi. Beliau tidak menyuruh manusia menjadi kafir selepas mereka Islam dan menyerah diri kepada Uluhiyah Allah. Beliau datang untuk menghidayatkan manusia kepada Allah bukannya untuk menyesatkan mereka. Beliau datang untuk membimbing mereka kepada Islam bukannya untuk mengkafirkan mereka.

Dari sini nyatalah kemustahilan dakwaan yang dihubungkan oleh segolongan Ahlil-Kitab kepada 'Isa a.s. di samping terangnya pembohongan mereka terhadap Allah apabila mereka mengatakan bahawa apa yang didakwakan mereka adalah datang dari sisi Allah. Dan dalam waktu yang sama juga gugurnya nilai segala apa yang dikatakan oleh golongan Ahlil-Kitab ini dan segala ucapan yang diulanginya dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan dan kesangsian di dalam barisan kaum Muslimin. Al-Qur'an telah mendedahkan keadaan mereka di hadapan penglihatan dan pendengaran kaum Muslimin.

Sama dengan golongan Ahlil-Kitab ini ialah satu golongan yang mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam yang mempunyai ilmu pengetahuan agama sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Golongan ini lebih utama dihadapkan ayat Al-Qur'an ini kepada mereka pada hari ini. Kerana mereka juga memutarbelitkan nas-nas Al-Qur'an untuk menegakkan tuhan-tuhan yang lain dari Allah di dalam berbagai-bagai bentuknya. Mereka bersusah payah mencari nas-nas yang dapat diputarbelitkan mereka untuk menyalurkan pembohongan-pembohongan mereka.

وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

“Dan mereka berkata: Ini adalah (diturunkan) dari Allah, sedangkan ianya bukan dari Allah dan mereka mengatakan perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahuinya.”(78)

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 83)

Selepas itu Al-Qur'an menggambarkan hakikat pertalian di antara angkatan para Rasul dan risalah-risalah yang menjunjung perjanjian Allah. Dan hakikat ini menyarankan bahawa perbuatan enggan mengikut risalah yang terakhir itu adalah satu perbuatan yang fasiq dan terkeluar dari perjanjian Allah dan undang-undang alam buana seluruhnya:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَآءَآتِيكُمْ مِنْ كِتَابٍ
وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ
لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ
عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا
مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨١﴾

فَمَنْ تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَٰسِقُونَ ﴿٨٢﴾
أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْمَرُ مِنَ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

“Dan (kenangilah) ketika Allah mengambil perjanjian dari para Nabi: Segala apa sahaja yang Aku telah kurniakan kepada kamu dari kitab suci dan hikmat, kemudian datang kepada kamu seorang Rasul yang membenarkan kitab suci yang ada di tangan kamu, hendaklah kamu beriman kepadanya dan menolongnya. Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu? Jawab mereka: Kami mengakui. Allah berfirman: (Jika demikian) maka saksikanlah (Wahai para Rasul) bahawa Aku

juga turut bersama kamu menjadi para saksi(81). Barang siapa yang berpaling selepas itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq(82). Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan.”(83)

Perjanjian Allah Dengan Setiap Rasul

Allah S.W.T. telah mengadakan satu perjanjian yang hebat dan besar dan Dia sendiri menjadi saksinya, kemudian Dia jadikan seluruh Rasul-Nya itu sebagai saksinya. Dia berjanji dengan setiap Rasul iaitu apabila Rasul itu dikurniakan kitab dan hikmat, kemudian datang selepasnya seorang Rasul yang mengesahkan apa yang dibawa olehnya di mana dia pasti beriman kepadanya dan membantu perjuangannya dan mengikut agamanya. Inilah yang dijadikan Allah perjanjian di antara-Nya dengan setiap Rasul.

Pengungkapan Al-Qur'an ini memuatkan zaman-zaman yang berturutan yang memisahkan di antara para Rasul itu dan mengumpulkan seluruh mereka dalam satu pemandangan sahaja, di mana Allah berbicara dengan mereka sekaligus. Apakah mereka mengakui perjanjian Allah yang berat itu dan menerimanya dengan patuh?

قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِي

“Allah berfirman: Apakah kamu mengakui dan menerima perjanjian-Ku yang berat itu?”

Lalu mereka menjawab.

قَالُوا أَقْرَرْنَا

“Jawab mereka: Kami mengakui.”

Lalu Allah Yang Maha Mulia saksi perjanjian ini dan menyuruh para Rasul menjadi saksinya:

قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ

“Allah berfirman:(Jika demikian) maka saksiilah (Wahai para Rasul) bahawa Aku juga turut bersama kamu menjadi para saksi.”(81)

Inilah satu pemandangan yang sungguh hebat dan agung. Ia dilukiskan oleh pengungkapan Al-Qur'an yang membuat hati gementar dan putus-putus degupannya apabila melihat pemandangan itu di hadapan Allah Pencipta Yang Maha Besar dan melihat sekalian para Rasul berkumpul.

Di dalam bayangan pemandangan ini angkatan para Rasul yang mulia itu kelihatan bersambung-sambung, bantu-membantu satu sama lain, ta'at dan patuh kepada arahan Ilahiyah yang tinggi dan mewakili hakikat (agama) yang sama yang telah dikehendaki Allah S.W.T. supaya menjadi landasan hidup umat manusia. Dan hakikat (agama) itu tidak menyeleweng, tidak berbilang-bilang, tidak bertentangan dan tidak bercanggahan. Hakikat (agama) itu hanya diserahkan kepada seorang yang terpilih di antara para hamba Allah kemudian selepasnya diserahkan pula kepada

seorang yang terpilih (yang baru) dan menyerahkan dirinya bersama hakikat itu kepada saudaranya yang baru datang itu. Oleh itu seorang Nabi tidak mempunyai apa-apa kepentingan peribadi dalam tugas kenabian ini dan tidak mempunyai apa-apa tujuan untuk kemegahan diri, malah dia hanya seorang hamba yang dipilih Allah untuk menjadi hamba yang menyampaikan risalah-Nya. Dan Allahlah yang memindahkan langkah-langkah da'wah ini di antara generasi-generasi manusia. Dialah yang memimpin angkatan itu dan mengendalikannya mengikut kehendak masyi'ah-Nya.

Dengan perjanjian dan kefahaman ini bersihlah agama Allah dari kefanatikan peribadi, kefanatikan Rasul terhadap dirinya dan kefanatikannya terhadap pengikut-pengikutnya dan kefanatikan pengikut-pengikutnya terhadap aliran agama mereka, kefanatikan mereka terhadap diri mereka sendiri dan kefanatikan mereka terhadap kaum mereka. Malah seluruh urusan dalam agama yang sama dan tunggal ini adalah tulus dan bulat kepada Allah Yang Maha Esa. Itulah agama yang sama yang berturut-turut dibawa oleh angkatan para Rasul yang mulia itu.

Di dalam bayangan hakikat ini kaum Ahlil-Kitab yang tidak ikut beriman kepada Rasul s.a.w. yang terakhir, tidak ikut membantu dan menyokongnya kerana berpegang dengan agama mereka - bukan berpegang kepada hakikatnya kerana hakikat agama mereka memang menyeru mereka supaya beriman kepada Rasul yang terakhir dan menyokongnya. Mereka menentang atas nama agama mereka semata-mata kerana fanatik terhadap diri mereka tetapi ditunjuk dalam bentuk fanatik terhadap agama mereka - sedangkan para Rasul mereka yang telah membawa agama ini kepada mereka telah pun mengikat perjanjian yang berat dengan Allah dalam satu pemandangan yang amat besar.... di dalam bayangan hakikat ini kaum Ahlil-Kitab yang tidak beriman itu kelihatan menyeleweng dari pengajaran-pengajaran para anbiya' mereka, menyeleweng dari perjanjian Allah dengan mereka dan seterusnya menyeleweng dari undang-undang alam buana seluruhnya yang patuh kepada Penciptanya dan ta'at kepada undang-undang-Nya, dan undang-undang alam buana, yang dikendalikan dengan perintah Allah dan kehendak masyi'ah-Nya:

فَمَنْ تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَٰسِقُونَ ﴿٨٢﴾
 أَفَغَيَّرِ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْمَٰرُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ
 وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾


“Barangsiapa yang berpaling selepas itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq(82). Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan.”(83)

Yakni tiada siapa yang enggan mengikut Rasul ini melainkan orang yang menyeleweng dan tiada siapa yang enggan mengikut agama Allah melainkan seorang yang ganjil di alam al-wujud yang amat besar ini dan sumbang di tengah-tengah alam buana yang ta'at dan patuh kepada Allah.

Agama Allah itu hanya satu sahaja. Ia dibawa oleh sekalian Rasul dan di atas agama inilah mereka berjanji seia sekata dan janji Allah itu hanya satu yang diikati Allah dengan sekalian Rasul. Beriman kepada agama yang baru, mengikut Rasulnya, menyokong undang-undang dan peraturannya yang mengatasi segala undang-undang dan peraturan yang lain merupakan penunaian terhadap janji ini. Oleh itu sesiapa yang enggan menerima Islam bererti enggan menerima agama Allah seluruhnya dan mengkhianati seluruh janji Allah.

Islam - yang wujud untuk menegakkan undang-undang dan peraturan Allah di bumi dan mengikutinya dengan tulus ikhlas - itulah undang-undang alam al-wujud. Itulah agama bagi setiap yang hidup di alam al-wujud.

Itulah gambaran Islam dan penyerahan diri yang sempurna dan mendalam, iaitu satu gambaran sejagat yang memikat perasaan dan menggentarkan hati nurani, gambaran undang-undang yang berkuat kuasa dan memerintah, yang memulangkan segala sesuatu dan sekalian yang hidup kepada undang-undang dan peraturan yang sama dan tempat kembali yang sama.



"Dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan."(83)

Mereka tidak dapat mengelakkan diri di akhir perjalanan hidup dari kembali kepada Allah Pengadil Yang Maha Kuasa, Maha Pentadbir dan Maha Mulia.

Sistem Hidup Ilahi Selaras Dengan Undang-undang Alam

Manusia tidak dapat menghindarkan diri - apabila ia ingin mendapat kebahagiaannya, kesenangannya, ketenteraman hatinya dan kebaikan keadaannya - dari kembali kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk dirinya, untuk peraturan kehidupannya dan peraturan masyarakatnya supaya selaras dengan undang-undang alam buana seluruhnya. Oleh itu manusia tidak boleh bersendirian membuat sistem hidup sendiri yang tidak selaras dengan undang-undang alam buana yang diciptakan oleh Allah, sedangkan dia sendiri terpaksa hidup dalam ruang lingkup alam buana dan berurusan dengan undang-undang alam buana. Penyelarasan manusia dalam peraturan hidupnya, iaitu dalam kefahamannya dan pemikirannya, dalam perasaannya dan dalam realitinya dan hubungan-hubungannya dengan undang-undang alam buana itulah satu-satunya yang dapat menjamin tercapainya kerjasama dengan

kekuatan-kekuatan alam yang besar bukannya bertentangan dengannya. Kerana apabila ia bertentangan dengannya ia akan musnah dan hancur atau dia tidak dapat sama sekali melaksanakan tugas khalifah di bumi ini seperti yang dikurniakan Allah kepadanya. Tetapi apabila manusia dapat menyelaraskan dirinya dan bersefahaman dengan undang-undang alam buana yang menguasainya dan menguasai setiap yang hidup, maka dia akan dapat mengetahui rahsia-rahsianya, mengguna dan memanfa'atkannya dengan cara yang dapat memberi kebahagiaan, kesenangan dan ketenteraman kepadanya dan menghindarkan dirinya dari ketakutan, kegelisahan dan pergaduhan. Dia dapat memanfa'atkannya bukannya membakar diri dengan api alam, tetapi dia dapat memasak dengannya, memanaskan udara dan menerangi kegelapan dengannya.

Fitrah manusia dari semulajadi lagi selaras dengan undang-undang alam buana. Ia patuh kepada Tuhannya sebagaimana patuhnya segala sesuatu dan setiap yang bernyawa. Oleh itu apabila manusia mengeluarkan dirinya dengan sistem hidupnya (yang dibikin sendiri) dari undang-undang itu, maka dia bukan sahaja melanggar dengan alam buana, malah pertama-tama dia melanggar dengan fitrah yang ada di dalam dadanya. Akibatnya dia akan menderita, merana, bingung dan resah gelisah. Dia akan hidup sama seperti hidupnya umat manusia yang sesat dan sengsara pada hari ini dalam aspek (kerohanian) ini walaupun mereka mencapai segala kejayaan ilmiah dan segala kemudahan tamadun kebendaan.

Umat Manusia Pada Hari Ini Mengalami Kekosongan Jiwa Yang Teruk

Umat manusia pada hari ini mengalami kekosongan yang amat pahit, iaitu kekosongan jiwa mereka dari hakikat keimanan yang tidak mampu ditanggung oleh fitrah mereka dan kekosongan hidup mereka dari undang-undang dan peraturan Allah, iaitu undang-undang dan peraturan yang menyelaraskan di antara harakat mereka dengan harakat alam buana yang menjadi gelanggang hidup mereka.

Umat manusia (pada hari ini) sedang mengalami kepanasan yang amat terik kerana hidup jauh dari bayangan teduh yang lembut. Mereka juga sedang mengalami kerosakan dan kebejatan yang merunsingkan kerana mereka bergelimpang di dalam kerosakan dan berada begitu jauh dari jalan yang lurus dan bukan yang dilalui orang.

Oleh sebab itulah mereka mengalami kecelakaan, kegelisahan, kebingungan dan keadaan yang tidak tenteram, mereka merasa kekosongan, kelaparan dan kehampaan. Mereka melarikan diri dari kenyataan ini dengan menagih candu, ganja, minuman-minuman keras, bergerak dengan kepantasan kegila-gilaan, melakukan adventure-adventure yang tolol, memperlihatkan ciri-ciri yang ganjil dalam gerak-geri, pakaian dan makanan walaupun mereka berjaya

mencapai kemakmuran kebendaan, pengeluaran yang banyak, kehidupan yang senang-lenang dan masa lapang yang banyak. Malah kekosongan, kegelisahan dan kebingungan itu semakin bertambah banyak dirasai mereka setiap kali bertambahnya kemakmuran kebendaan, pengeluaran tamadun, kemudahan cara-cara hidup.

Kekosongan yang amat pahit ini memburu umat manusia seperti momok-momok yang menakutkan. Ia memburu mereka dan mereka lari darinya, tetapi kemudian ia berakhir dengan kekosongan yang amat pahit juga.

Setiap orang yang melawat negeri-negeri yang kaya di bumi ini maka kesan yang pertama yang akan terterap dalam hatinya ialah bahawa kaum di negeri itu sedang lari dari bayang-bayang sendiri yang memburu mereka. Mereka lari dari diri sendiri..... dan dengan cepat kemewahan kebendaan dan kesenangan fizikal yang dinikmati mereka hingga ke tahap bergelombang dalam lumpur itu memperlihatkan berbagai-bagai penyakit saraf dan jiwa, berbagai-bagai kelakuan yang ganjil, kegelisahan, sakit, gila, penagihan minuman-minuman keras, berbagai-bagai jenis dadah, jenayah dan kekosongan hidup dari segala pemikiran yang mulia.

Mereka tidak menemui diri mereka kerana mereka tidak menemui matlamat kewujudan mereka yang sebenar. Mereka tidak menemui kebahagiaan mereka kerana mereka tidak menemui sistem hidup Ilahi yang menyelaraskan harakat mereka dengan harakat alam buana dan menyelaraskan di antara peraturan hidup mereka dengan undang-undang alam al-wujud. Mereka tidak menemui ketenteraman mereka kerana mereka tidak mengenal Allah yang kepada-Nya kelak mereka akan dikembalikan.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 85)

Seluruh Rasul Memperjuangkan Islam

Oleh sebab umat Muslimin - yakni Muslimin yang sebenar bukan Muslimin dari segi geografi dan sejarah sahaja - merupakan umat yang memahami hakikat perjanjian di antara Allah dan para Rasul-Nya dan hakikat agama Allah dan sistem-Nya yang tunggal dan hakikat angkatan para Nabi yang mulia yang membawa dan menyampaikan sistem Ilahi ini, maka Allah menyuruh Nabi-Nya s.a.w. supaya mengumumkan seluruh hakikat ini dan mengumumkan keimanan umatnya kepada segala risalah dan penghormatan mereka kepada sekalian rasul-rasul, juga mengumumkan ma'rifat mereka tentang tabi'at agama Allah, iaitu Allah tidak menerima dari manusia agama yang lain dari agama Islam.

قُلْ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ
إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ

وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَالنَّبِيُّونَ
مِن رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ

مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ

فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Katakanlah: Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'qub dan keturunannya dan kepada apa yang dikurniakan kepada Musa, 'Isa dan para Nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan sesiapa pun di antara mereka dan kami sekalian Muslimin (menyerah diri) kepada-Nya(84). Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya, dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi." ¹¹ (85)

Pengertian Islam Yang Sebenar

Inilah Islam yang meliputi dan merangkumi segala risalah sebelumnya, yang setia kepada sekalian Rasul yang telah membawanya, yang menyatukan semua agama Allah dan mengembalikan semua da'wah dan semua risalah kepada asalnya yang sama serta beriman kepada semuanya sebagaimana yang telah dikehendaki Allah dari para hamba-Nya.

Di antara perkara yang menarik perhatian di dalam ayat yang pertama di sini ialah ia menyebut tentang iman kepada Allah dan kepada kitab suci yang diturunkan kepada kaum Muslimin iaitu Al-Qur'an dan kitab-kitab suci yang diturunkan kepada para Rasul sebelum itu. Kemudian diiringi dengan kenyataan mengenai keimanan ini yang berbunyi:

وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

"Dan kami sekalian Muslimin (menyerah diri) kepada-Nya." (84)

Pengakuan dengan Islam di sini mempunyai tujuannya setelah diterangkan bahawa Islam itu ialah penyerahan diri, tunduk, ta'at dan mematuhi perintah, peraturan, tatacara dan undang-undang sebagaimana terjelus di dalam ayat sebelumnya.

أَفَعَبِّرْ دِينَ اللَّهِ يَبْعُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ

وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, sedangkan seluruh penghuni langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, dan kepada-Nya mereka sekalian dikembalikan." (83)

¹¹ Asbat ialah anak cucu Ya'qub a.s. Mereka adalah bapa kepada dua belas suku yang membentuk bangsa Israel.

Jelaslah bahawa keislaman sekalian makhluk-makhluk alam ialah keislaman yang tunduk kepada perintah, mengikut peraturan dan mematuhi undang-undang. Di sini ternyata betapa beratnya Allah S.W.T. memberi perhatian-Nya dalam menjelaskan makna Islam dan hakikatnya dalam setiap kesempatan yang sesuai. Supaya dengan itu jangan termasuk dalam fikiran seseorang pun bahawa Islam itu merupakan kalimah syahadat yang diucapkan oleh lisan atau merupakan tasdiq yang hanya mantap di hati sahaja tanpa diikuti oleh kesan-kesannya yang amali di dalam mengikut undang-undang dan peraturan Allah dan merealisasikan undang-undang dan peraturan itu di dalam realiti hidup mereka.

Ini adalah satu tarikan perhatian yang bernilai sebelum diumumkan satu penjelasan yang lengkap, halus dan tegas:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ

فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima darinya dan di Akhirat kelak dia termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(85)

Dengan nas-nas yang bertubi-tubi ini tidak ada jalan untuk mena'wilkan hakikat Islam atau untuk memutarbelitkan nas-nas dan menyelewengkannya dari maksud-maksudnya yang sebenar dan untuk menta'rifkan Islam dengan ta'rif yang berlainan dari ta'rif Allah, iaitu Islam yang diikuti oleh alam buana dalam bentuk kepatuhan kepada undang-undang yang telah di tetap dan diaturkan Allah.

Kini jelaslah bahawa Islam tidak akan hanya berbentuk mengucap dua kalimah syahadat, لا اله الا الله tanpa diikuti oleh makna dan hakikatnya, iaitu tauhid Uluhiyah dan tauhid Qiwwamah, di samping tauhid 'Ubudiyah dan tauhid arah tujuan. Dan syahadat ان محمدا رسول الله pula tidak diikuti oleh makna dan hakikatnya, iaitu mematuhi sistem hidup yang dibawa oleh beliau untuk mengaturkan kehidupan manusia dan mengikut syari'at yang kerananya beliau diutus untuk membawanya dan seterusnya berhakimkan kepada Al-Qur'an yang dibawanya kepada manusia.

Kini jelaslah Islam tidak akan hanya berbentuk kepercayaan yang kukuh di dalam hati sahaja terhadap hakikat Uluhiyah, terhadap urusan-urusan ghaib, terhadap hari Qiamat, terhadap kitab-kitab suci yang diturunkan Allah dan terhadap para Rasul-Nya tanpa disusuli dengan buktinya yang amali dan hakikatnya yang waqi'i sebagaimana telah kami jelaskan.

Dan Islam juga tidak akan hanya berbentuk syi'ar-syi'ar ibadat dan upacara-upacara ibadat atau berupa heningan cipta dan do'a-do'a atau berupa amalan-amalan pembersihan akhlak dan bimbingan rohani

tanpa disusuli dengan kesan-kesannya yang amali dalam bentuk mengamalkan sistem hidup yang bersambung dengan Allah selaku ma'bud yang menjadi tumpuan hati para hamba yang bertawajjuh kepada-Nya dengan ibadat-ibadat dan syi'ar-syi'arnya, dengan heningan cipta dan do'a-do'a, dan selaku ma'bud yang mana hati para hamba menaruh perasaan taqwa kepada-Nya dan kerana itu hati menjadi bersih dan mendapat bimbingan yang betul.

Semua pengertian Islam yang seperti ini akan kekal luput dan tidak mempunyai sebarang kesan di dalam kehidupan manusia selama kesan-kesannya itu tidak dicurahkan dalam satu sistem masyarakat, di mana manusia dapat hidup dalam ruang lingkungannya yang bersih dan gemilang.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 86 - 91)

Amaran Kepada Mereka Yang Menolak Islam

Inilah bentuk Islam yang dikehendaki Allah. Tiada nilai perhitungan bagi bentuk Islam yang dikehendaki oleh nafsu manusia di dalam generasi manusia yang malang ini atau bentuk Islam yang digambarkan oleh musuh-musuhnya yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk memusnahkannya atau digambarkan oleh agen-agen mereka yang terdapat di sana sini.

Orang-orang yang tidak menerima Islam dalam bentuk yang dikehendaki Allah setelah mereka mengetahui hakikatnya tetapi tidak diterima oleh nafsunya, maka mereka di Akhirat kelak berada dalam golongan orang-orang yang rugi dan Allah tidak akan memberi hidayat kepada mereka dan tidak akan melepaskan mereka dari 'azab.

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ
وَشَهِدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ

وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٦﴾

أُولَئِكَ جَزَاءُهُمْ أَنْ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ

وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿٨٧﴾

خَالِدِينَ فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ

يُنظَرُونَ ﴿٨٨﴾

"Bagaimanakah Allah akan memberi hidayat kepada suatu kaum yang telah kafir setelah mereka beriman dan mengaku bahawa Rasul itu benar dan berbagai-bagai keterangan telah datang kepada mereka? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim(86). Mereka itu, balasan mereka ialah kutukan Allah ke atas mereka, (Juga kutukan) para malaikat dan manusia seluruhnya(87). Mereka kekal abadi dalam kutukan itu dan 'azab keseksaan tidak akan

diringkankan dari mereka dan mereka pula tidak akan diberi tangguhan.”(88)

Ini adalah satu bidasan yang amat menakutkan. Ia membuat setiap hati yang mempunyai satu zarah keimanan dan kesungguhan terhadap agama di dunia dan di Akhirat menjadi gementar. Itulah balasan yang wajar kepada mereka yang diberi peluang keselamatan kemudian mereka mengabaikannya.

Islam Membuka Pintu Taubat

Namun demikian, Islam masih membuka pintu taubat. Ia tidak menutup pintu itu kepada orang yang telah sesat yang ingin bertaubat. Ia tidak mengenakan perintah yang berat selain dari mempersilakan mereka mengetuk pintu dan terus masuk kerana di sana tidak ada pengawal yang menjaganya. Mereka hanya dikehendaki pulang ke kawasan selamat dan mengerjakan amalan yang soleh untuk membuktikan bahawa taubat itu adalah terbit dari hati yang telah bertaubat:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْدَحُوا فَيَنَّ
اللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٨٩﴾

“Kecuali orang-orang yang bertaubat selepas itu dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”(89)

Adapun orang-orang yang tidak bertaubat, yang terus berdegil di atas kekufuran dan bertambah kufur dan orang-orang yang masuk begitu jauh ke dalam kekafiran itu sehingga terlepas peluang yang dibukakan kepada mereka dan berakhir tempoh ujian dan tiba pula masa balasan, maka mereka tidak lagi akan diberi taubat dan tidak akan mendapat keselamatan. Dan tidak akan berguna suatu apa pun segala apa yang dibelanjakan mereka walaupun emas sepenuh bumi amalan-amalan kebajikan yang disangkakan mereka, selama mana amalan-amalan itu terputus hubungannya dengan Allah, oleh kerana itu maka kebajikan-kebajikan itu tidak dihubungkan kepada Allah dan tidak dibuat kerana Allah. Dan tidak akan berguna suatu apa pun jika mereka hendak menawarkan emas sepenuh bumi untuk menebuskan diri mereka dari ‘azab hari Qiamat, kerana peluang telah terluput dan pintu taubat telah tertutup:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ تَرَبَّصْنَا لَهُمْ ثُمَّ آذُوا كُفْرًا
لَنْ نَقْبَلَ تَوْبَهُمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ ﴿٩٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفْرًا فَلَنْ يُقْبَلَ
مِنْ أَحَدِهِمْ مِلءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوْ أَوْتَدَى بِهِ
أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٩١﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang kafir setelah mereka beriman, kemudian bertambah lagi kekafirannya, mereka tidak akan diterima taubat mereka, dan mereka adalah

orang-orang yang sesat(90). Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati dalam keadaan kafir, maka tidak akan diterima dari seorang pun dari mereka emas sepenuh bumi, sekalipun mereka mahu menebuskan diri dengannya. Untuk mereka ‘azab yang pedih dan mereka sekali-kali tidak mendapat orang-orang yang menolong mereka.”(91)

Demikianlah Al-Qur’an memutuskan persoalan ini dengan satu kenyataan yang menakutkan dan dengan satu penegasan yang jelas yang tidak meninggalkan sebarang keraguan kepada sesiapa pun.

* * * * *

(Pentafsiran ayat 92)

Infaq Yang Diredhai Allah

Sesuai dengan amalan berbelanja untuk yang lain dari jalan Allah dan sesuai dengan persoalan menebus diri pada hari di mana tidak bergunanya segala tebusan, maka Al-Qur’an menjelaskan bentuk perbelanjaan yang diredhai olehnya:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا
مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

“Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfakkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu infaqkannya, maka sesungguhnya Allah amat mengetahui dengannya.”(92)

Orang-orang Islam di waktu turunnya ayat ini telah memahami maksud arahan ilahi ini dan mereka begitu gemar dan kepingin untuk mencapai darjah kebaktian, yang menjadi intisari segala kebaikan dan kebajikan dengan menyerahkan segala apa yang disayangi mereka dan mengorbankan harta benda mereka yang baik dengan murah hati kerana mengharapkan balasan yang lebih besar dan lebih utama.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan isnadnya dari Abu Ishaq ibn Abdullah ibn Abi Talhah. Ia mendengar Anas ibn Malik berkata: Abu Talhah adalah seorang Ansar di Madinah yang paling kaya. Di antara hartanya yang amat disayanginya ialah tanah telaga Ha’. Ia terletak berhadapan dengan masjid dan Nabi s.a.w. biasa masuk di dalam kawasannya dan minum airnya yang baik. Kata Anas: Apabila turun ayat:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ

“Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfakkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi,”(92)

maka Abu Talhah pun berkata: “Wahai Rasulullah! Allah telah berfirman: ‘Kamu tidak akan mencapai (darjah) kebaktian sehingga kamu menginfakkan sebahagian dari harta yang kamu sayangi dan sesungguhnya harta yang paling saya sayangi ialah tanah telaga Ha’! Saya jadikannya sedekah kerana

Allah dan dengannya saya harap mendapat balasannya yang baik yang tersimpan di sisi Allah Ta'ala. Oleh itu letaklah tanah ini di mana sahaja yang Allah tunjukkan kepada anda Wahai Rasulullah". Lalu Nabi s.a.w. pun berkata: "Bagus! Bagus! Itulah harta yang beruntung dan aku telah dengar (hasratmu itu) dan aku berpendapat engkau bahagikan tanah ini kepada kerabat-kerabat engkau." Jawab Abu Talhah: "Saya akan buat, Wahai Rasulullah" Lalu Abu Talhah pun membahagikan tanah itu kepada kerabat-kerabatnya dan sepupu-sepupunya.¹²

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Umar r.a. telah berkata: "Wahai Rasulullah s.a.w. saya tidak pernah mendapat harta yang lebih baik dari bahagian tanah yang saya perolehi di Khaybar. Itulah sebaik-baik harta saya. . Apakah perintah anda supaya saya buat dengan harta itu?" Jawab beliau:

احبس الأصل، وسيل الثمره

"Jadikannya sebagai harta waqaf dan bebaskan hasil buahnya (kepada mereka yang diwaqafkan)."

Inilah jalan yang diikuti oleh sebilangan ramai dari mereka yang menyahuti arahan Allah yang memimpin mereka ke jalan kebaktian pada hari Allah memimpin mereka ke jalan Islam. Itulah jalan yang diikuti oleh mereka yang ingin membebaskan diri mereka dari perhambaan harta, dari kebakhilan hati dan dari kasihkan diri sendiri dan mendaki tangga yang tinggi dan gemilang ini, untuk menjadi insan-insan yang bebas merdeka.

(Tamat Juzu' Yang Ketiga)

¹² Dikeluarkan oleh Asy-Syaikh.



JUZU' KE-4

**SURAH
AALI-IMRAN**

JUZU' YANG KEEMPAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' ini tersusun dari baki Surah Aali-'Imran dan awalan-awalan Surah an-Nisa' hingga kepada firman-Nya " وَأَلَمْ حَصَّبْتُمْ مِنَ الْإِنسَاءِ " .

Baki Surah Aali-'Imran ini tersusun dari empat bahagian asasi yang menyempurnakan garis perjalanan surah yang telah kami huraikannya pada permulaan surah di dalam juzu' yang ketiga yang tidak payah lagi diulangkan di sini. Silalah rujukkan di sana.

Bahagian yang pertama menggambarkan sebahagian dari perlawanan perdebatan di antara Ahlii-Kitab dan kelompok Muslimin di Madinah dalam masa - yang telah kami tarjihkan bahawa surah ini memperkatakan peristiwa-peristiwanya yang berlaku di dalam kelompok Muslimin mulai selepas Peperangan Badar di dalam bulan Ramadhan tahun yang kedua Hijrah hingga selepas Peperangan Uhud di dalam bulan Syawal tahun yang ketiga. Perdebatan inilah yang telah memenuhi segala ayat-ayat yang telah silam dari surah ini, dan menjadi gelanggang untuk menjelaskan hakikat kefahaman keimanan, hakikat "agama", hakikat "Islam" dan hakikat sistem Ilahi yang dibawa oleh Islam dan oleh para rasul sebelum ini. Dan seterusnya menjadi gelanggang untuk mendedahkan hakikat Ahlii-Kitab yang berdebat dengan Nabi s.a.w. dan pengikut-pengikutnya, juga mendedahkan sejauh mana penyelewengan mereka dari agama Allah dan rancangan-rancangan jahat mereka terhadap kaum Muslimin di Madinah serta motif-motif mereka yang tersembunyi di sebalik rancangan-rancangan jahat itu. Kemudian menyampaikan amaran kepada kaum Muslimin terhadap semuanya ini setelah disorot, dibongkar dan ditunjukkan bahayanya kepada mereka andainya mereka terlalai dan terpengaruh kepada musuh-musuh mereka.

Bahagian yang kedua juga mengambil ruang yang besar dari surah ini. Ia merupakan satu perlawanan kepada satu perlawanan yang lain bukan perlawanan dengan lidah dan tipu helah sahaja, malah dengan mata pedang dan lembing juga, iaitu peralihan kepada "Peperangan Uhud" dan peristiwa-peristiwa serta ulasan-ulasan mengenainya, mengikut uslub Al-Qur'an yang unik. Ayat-ayat ini diturun selepas peperangan ini dan ayat-ayat ini menjadi gelanggang untuk menjelaskan berbagai-bagai aspek kefahaman keimanan di samping menjadi gelanggang untuk mendidik kelompok Muslimin berdasarkan peperangan itu dan berdasarkan kesilapan-kesilapan yang berlaku di dalam peperangan itu, iaitu kesilapan kefahaman, tindakan-tindakan yang kalam-kabut dan

barisan yang kucar-kacir. (Ayat-ayat ini) juga merupakan peluang untuk membimbing kelompok Muslimin supaya meneruskan perjuangan mereka, memikul tanggungjawab-tanggungjawab mereka mempertingkatkan diri ke tahap kesetiaan menunaikan amanah yang agung yang telah diserahkan Allah kepada mereka dan menunaikan kesyukuran terhadap ni'mat Allah yang telah memilih mereka untuk memperjuangkan amanah yang besar ini.

Bahagian yang ketiga kembali memperkatakan tentang Ahlii-Kitab dan kemungkaran mereka terhadap perjanjian-perjanjian mereka dengan Nabi s.a.w., iaitu perjanjian-perjanjian yang telah diadakan beliau dengan mereka di awal kedatangannya ke Madinah, juga mengecam kesesatan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman mereka dari dosa-dosa yang telah dilakukan mereka terhadap nabi-nabi mereka. Kemudian memberi amaran kepada kaum Muslimin supaya jangan mengikut jejak langkah mereka dan meneguhkan hati mereka supaya bersabar menghadapi ujian jiwa dan harta, menghadapi penindasan Ahlii-Kitab dan kaum Musyrikin dan memperkecilkan kedudukan-kedudukan musuh-musuh mereka dalam segala keadaan.

Bahagian yang akhir melukiskan gambaran keadaan orang-orang Mu'min dengan Tuhan mereka. Ia menggambarkan bagaimana keimanan itu meniti di dalam hati mereka ketika mereka menyaksi bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana, dan bagaimana mereka bertawajjuh kepada Tuhan mereka dan Tuhan alam semesta ini dengan mengangkat do'a yang khusyu' dan gementar dan bagaimana Allah memperkenankan do'a mereka dengan keampunan dan pahala yang baik di samping memperkecilkan kedudukan orang-orang kafir dan kesenangan hidup mereka yang sekelumit yang telah dicapai mereka di dunia ini, kemudian mereka akan dimasukkan ke dalam Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman.

Kemudian surah ini diakhiri dengan seruan Allah yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman supaya mereka bersabar dan berjuang dengan gigih, mengawal kubu-kubu dan bertaqwa supaya mereka mendapat kejayaan.

* * * * *

Inilah empat bahagian yang bertautan di dalam rangkaian ayat-ayat yang berikut. Ia menyempurnakan huraian sebelumnya di dalam surah ini (di dalam juzu' yang ketiga) dan mengikut garis-garis yang pokok yang telah kami perincikannya di sana dan kami akan membicarakannya dengan memberi satu perincian yang khusus apabila mentafsirkannya dalam rangkaian ayat nanti.

Adapun ayat-ayat surah yang kedua dari juzu' ini ialah ayat-ayat awalan dari Surah an-Nisa'. Dan kami

akan membicarakannya nanti - insya'Allah - apabila sampai di tempatnya.

(Kumpulan ayat-ayat 93 - 120)

Kemuncak Perdebatan Dengan Kaum Ahlil-Kitab

كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حِلاَّبًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنزَلَ التَّوْرَةُ قُلْ فَأْتُوا بِالتَّوْرَةِ فَاتْلُوهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٣﴾
فَمَنْ أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩٤﴾

قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّبِعُوا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا قَامَ إِبْرَاهِيمٌ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ شَهِيدٌ عَلَى مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مِنْ ءَامِنٍ تَبَغُونَهَا عِوَجًا وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تُطِيعُوا فَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ ﴿١٠٠﴾

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ وَمَنْ يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَدِ هَدَىٰ

إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ فَأَمَّا الَّذِينَ أُسْوِدَّتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾

وَأَمَّا الَّذِينَ أَبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ ففِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١٠٧﴾

تِلْكَ ءَايَاتُ اللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ وَمَا اللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٨﴾

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ ﴿١٠٩﴾

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةَ مِّن دُونِكُمْ
 لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
 الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تَحْفَىٰ صُدُورُهُمْ
 أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِن كُنتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٨﴾
 هَآأَن تُمْ أَوْلَاءَ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
 بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا الْقَوْمُ قَالُوا ءَامَنُوا وَإِذَا خَلَوْا
 عَصُوا عَلَيْكُمْ ءَلَأَن تَأْمَلَ مِنَ الْعِظِ قُلُ مَوْتُوا
 بَغِظِكُمْ ءِإِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١١٩﴾
 إِن تَمَسَّسْكُمُ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمُ وَإِن تُصِبْكُمُ سَيِّئَةٌ
 يَفْرَحُوا بِهَا وَإِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ
 شَيْئًا ءِإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةَ مِّن دُونِكُمْ
 لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
 الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تَحْفَىٰ صُدُورُهُمْ
 أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِن كُنتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٨﴾
 هَآأَن تُمْ أَوْلَاءَ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
 بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا الْقَوْمُ قَالُوا ءَامَنُوا وَإِذَا خَلَوْا
 عَصُوا عَلَيْكُمْ ءَلَأَن تَأْمَلَ مِنَ الْعِظِ قُلُ مَوْتُوا
 بَغِظِكُمْ ءِإِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١١٩﴾
 إِن تَمَسَّسْكُمُ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمُ وَإِن تُصِبْكُمُ سَيِّئَةٌ
 يَفْرَحُوا بِهَا وَإِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ
 شَيْئًا ءِإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

"Semua makanan itu adalah halal bagi Bani Israel kecuali makanan yang telah diharamkan oleh Israel (Ya'kub) ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah: Bawalah kitab Taurat dan bacakannya jika kamu benar (93). Oleh itu sesiapa yang mengada-ngadakan dusta terhadap Allah selepas itu, maka merekalah orang-orang yang zalim (94). Katakanlah: Benarlah keterangan Allah. Oleh itu ikutilah agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid dan dia tidak sekali-kali termasuk dalam golongan kaum Musyrikin (95). Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangun untuk (tempat ibadat) manusia ialah Baitullah yang terletak di Makkah yang diberkati dan menjadi hidayat kepada sekalian manusia (96). Padanya terdapat tanda-tanda yang penting di antaranya ialah maqam Ibrahim. Sesiapa yang memasukinya (Baitullah) akan mendapat keamanan. Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepadanya. Dan sesiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam (97). Katakanlah: Wahai Ahlii-Kitab mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu (98). Katakanlah: Wahai Ahlii-Kitab! Mengapakah kamu menghalang mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui? Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu (99). Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman (100). Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu? Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا تَقِفُوا ءِلَّا بِحَبْلِ
 مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءٌ وَبِغَضِبٍ مِّنَ اللَّهِ
 وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا
 يَكْفُرُونَ بَيَّاتٍ اللَّهُ وَيَقْتُلُونَ ءَلَأَن نَّبِيَّاءَ
 يَغِيْرِحِقِّ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَأَنُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾
 لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ
 يَتْلُونَ ءَايَاتِ اللَّهِ ءَأَن ءَأَن ءَلِيلٍ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾
 يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَءَلْيَوْمِ ءَلْءَاخِرِ وَيَأْمُرُونَ
 بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ
 فِي الْخَيْرَاتِ ءَأُولَٰئِكَ مِنَ الصَّٰلِحِينَ ﴿١١٤﴾
 وَمَا يَفْعَلُوا مِّنْ خَيْرٍ فَلَن يُكْفَرُوهُ ءَلَلَّهُ عَلِيمٌ
 بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَن تُغْنِي عَنْهُمْ ءَأْمَوَالُهُمْ وَلَا
 ءَأَوْلَادُهُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا ءَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّءَارِ هُمْ
 فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١٦﴾
 مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ ءَلْحَيَوَةِ ءَلْدُنْيَا كَمَثَلِ
 رِيْحٍ فِيهَا صُرٌ ءَأَصَابَتْ حَرْتٌ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 فَأَهْدَكَتُهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِن أَنفُسَهُمْ
 يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

kepada jalan yang lurus (101). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Muslim (102). Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah, dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuhan-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'mat-Nya itu, dan kamu dahulunya telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat (103). Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan merekalah orang-orang yang beruntung (104). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah berpecah-belah dan berselisih faham sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka. Dan merekalah orang-orang yang mendapat 'azab yang amat besar (105). (Ingatlah) hari di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram. Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu (106). Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya (107). Itulah ayat-ayat Allah, Kami bacakannya kepadamu dengan benar dan Allah tiada sekali-kali hendak menganiayakan para hamba-Nya (108). Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Dan kepada Allah dikembalikan segala urusan (109). Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah. Danandainya kaum Ahlil-Kitab itu beriman tentulah lebih baik kepada mereka. Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng (110). Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu selain dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan (111). Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas (112). Mereka tidak sama. Di antara Ahlil-Kitab ada golongan yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang) (113). Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan-kebaikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh (114). Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka, maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa (115). Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berguna kepada mereka harta mereka dan tidak pula anak-anak mereka sedikitpun untuk menolak 'azab Allah dan mereka adalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka kekal di dalamnya (116). Bandingan harta yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini adalah laksana angin yang amat dingin yang telah

menimpa tanaman satu kaum yang telah menganiayai diri mereka dan memusnahkannya. Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri (117). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang kepercayaan kamu di luar dari kalangan kamu sendiri, kerana mereka sentiasa berusaha untuk merosakkan kamu. Mereka suka kepada sesuatu yang menyusahkan kamu. Tanda-tanda kebencian telah pun jelas dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kamu, jika kamu mengerti (118). Ya, kamulah yang kasihkan mereka, sedangkan mereka tidak kasihkan kamu. Kamu beriman kepada semua kitab Allah dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berkumpul sesama sendiri mereka menggigit jari kerana terlalu marah terhadap kamu. Katakanlah: Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu! Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala isi dada (119). Jika kamu memperoleh kebaikan, mereka bersedih hati! Dan jika kamu ditimpa bencana mereka gembira. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa nescaya kamu tidak sedikit pun dapat dimudaratkan oleh tipudaya mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(120)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pelajaran ini perlawanan tiba ke kemuncaknya, iaitu perlawanan perdebatan dan perbahasan dengan Ahlil-Kitab. Walaupun ayat-ayat ini tidak termasuk dalam lingkungan perdebatan dengan rombongan Najran sebagaimana diceritakan oleh riwayat-riwayat, tetapi ia sejalan dengannya dan menyempurnakannya. Kerana maudhu'nya sama walaupun ayat-ayat di dalam pelajaran ini menumpukan pembicaraannya kepada kaum Yahudi khususnya, di mana ia menghadapi tipudaya dan komplot mereka terhadap kelompok Muslimin di Madinah, kemudian ayat-ayat ini berakhir kepada satu keputusan yang tegas dan perpisahan yang sempurna (dari Ahlil-Kitab), di mana selepas satu pusingan yang pendek - ayat-ayat itu ditujukan pula kepada kelompok Muslimin dan berbicara dengan mereka sahaja, iaitu ia menerangkan hakikat kelompok Muslimin, cara hidup mereka dan tugas-tugas mereka sama seperti penjelasan ayat-ayat di dalam Surah al-Baqarah setelah selesai membicarakan tentang Bani Israel dan mengenai gejala ini kedua-dua surah ini kelihatan serupa.

Pelajaran ini dimulakan dengan penjelasan bahawa semua makanan itu adalah halal kepada Bani Israel - kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (Ya'kub) ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan Taurat - dan ternyata bahawa penjelasan ini merupakan jawapan kepada bingkasan Bani Israel terhadap Al-Qur'an yang telah menghalalkan setengah-setengah makanan haram di sisi kaum Yahudi, sedangkan makanan-makanan haram ini hanya diharamkan kepada mereka sebagai balasan terhadap setengah-setengah perbuatan derhaka mereka.

Kemudian pelajaran ini juga menjawab bantahan mereka terhadap peralihan kiblat - satu maudhu' yang telah mengambil ruang yang luas di dalam Surah al-Baqarah sebelum ini - dan menerangkan kepada

mereka bahawa Ka'bah itu adalah rumah ibadat yang dibina oleh Ibrahim. Itulah awal-awal rumah ibadat yang dibangunkan untuk manusia di bumi ini. Oleh itu perbuatan membantah (berkiblat kepadanya) adalah satu perbuatan yang tercela dari mereka yang mendakwa menjadi pewaris-pewaris agama Ibrahim.

Kenyataan ini diiringi pula dengan kecaman terhadap Ahlil-Kitab yang telah mengingkarkan ayat-ayat Allah dan menghalang orang ramai dari agama Allah, terhadap keengganan mereka dari bersikap jujur dan lurus, terhadap kecenderungan mereka kepada jalan yang bengkok dan keinginan mereka untuk memaksakan jalan yang bengkok itu ke atas kehidupan manusia sedangkan mereka mengetahui kebenaran.

Oleh sebab itu Al-Qur'an meninggal keseluruhan Ahlil-Kitab dan terus menghadapi kelompok Muslimin dan memberi amaran kepada mereka supaya jangan mengikut Ahlil-Kitab kerana perbuatan itu adalah satu perbuatan yang kufur, di mana orang-orang Islam tidak layak melakukan perbuatan yang kufur sedangkan kitab Allah sentiasa dibacakan kepada mereka dan Rasulullah berada di tengah-tengah mereka dan sentiasa mengajar mereka. Ia menyeru mereka bertaqwa kepada Allah dan berpegang teguh dengan agama Islam sehingga diundang maut dan bertemu dengan Allah, ia mengingatkan mereka dengan ni'mat Allah yang telah menyatupadukan hati mereka dan barisan mereka di bawah panji-panji Islam setelah sekian lama mereka hidup berpecah-belah dan bermusuhan-musuhan. Ketika itu mereka berada di tepi jurang Neraka lalu Allah selamatkan mereka darinya dengan agama Islam. Ia menyuruh mereka menjadi umat yang menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran sebagai usaha-usaha untuk menghakikatkan sistem hidup Ilahi di samping memberi amaran kepada mereka supaya jangan mendengar fitnah-fitnah Ahlil-Kitab terhadap mereka agar tidak menjadi mangsa kebinasaan kerana berpecah-belah sebagaimana kaum Ahlil-Kitab telah berpecah-belah dan binasa di dunia dan di Akhirat. Riwayat-riwayat telah menyebut bahawa amaran ini adalah diturunkan dalam satu peristiwa fitnah yang tertentu yang tercetus di antara Aus dan Khazraj yang didalangkan oleh orang-orang Yahudi.

Kemudian Allah memperkenalkan kepada umat Muslimin hakikat kedudukan mereka di muka bumi ini dan hakikat peranan mereka dalam kehidupan manusia:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan

kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."(110)

Dengan ayat ini Allah menunjukkan keutamaan peranan mereka dan sifat masyarakat mereka.

Selepas itu diiringi pula dengan kenyataan memperkecilkan musuh-musuh mereka, iaitu musuh-musuh itu tidak dapat memudaratkan mereka di dalam agama mereka, tidak dapat mengalahkan mereka secara tetap, cuma memberi gangguan-gangguan di dalam jihad dan perjuangan mereka. Kemudian mereka tetap memperoleh kemenangan selama mereka berdiri teguh mengikut agama mereka. Allah telah menerapkan kehinaan dan kepapaan di atas musuh-musuh itu dan mereka kembali dengan kemurkaan Allah dengan sebab mereka telah melakukan dosa-dosa, maksiat dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar, kecuali segolongan Ahlil-Kitab yang cenderung kepada kebenaran. Golongan inilah yang telah beriman dan mengikut cara hidup kaum Muslimin iaitu cara hidup yang menyuruh melakukan kema'rufan, melarang melakukan kemungkaran dan berusaha mengerjakan kebajikan-kebajikan.

وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

"Dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh."(114)

Kemudian Allah menjelaskan kesudahan orang-orang kafir. Mereka tidak pernah cenderung kepada Islam. Mereka akan di'azabkan dengan sebab kekafiran mereka dan ketika itu harta kekayaan yang dibelanjakan mereka tidak lagi berguna, begitu juga anak-anak mereka dan akibat yang akan diterima mereka ialah kebinasaan.

Pelajaran ini berakhir dengan satu amaran kepada orang-orang yang beriman supaya jangan memilih orang-orang kepercayaan dari orang yang di luar dari kalangan mereka, kerana orang-orang ini mengingini segala sesuatu yang menyulitkan mereka dan mulut mereka sentiasa meluahkan dendam kesumat dan perseteruan yang disembunyikan di dalam hati mereka adalah lebih-besar lagi. Mereka menggigit jari-jari mereka kerana sakit hati dan bergembira apabila sesuatu bencana menimpa mereka, tetapi sebaliknya mereka bersedih apabila orang-orang Mu'min mendapat sesuatu kebaikan. Kemudian Allah menjanjikan orang-orang yang beriman bahawa Dia akan memelihara mereka dari tipu daya musuh-musuh mereka selama mereka bersabar dan bertaqwa.

إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(120)

Arahan yang panjang lebar yang mengandungi berbagai-bagai saranan ini membayangkan kaum Muslimin di waktu itu sedang mengalami tipudaya

dan komplot kaum Ahlil-Kitab yang mahu merosakkan barisan mereka. Tipu daya itu telah menimbulkan keadaan kelam-kabut dan gelisah yang membayangkan bahawa kaum Muslimin memerlukan kepada satu arahan yang kuat supaya mereka mempunyai ciri-ciri yang memberi perbezaan yang sempurna dan perpisahan yang tegas (dari orang-orang yang tidak beriman), iaitu perpisahan yang memutuskan mereka dengan segala hubungan yang telah mengikat mereka dengan jahiliyah dan dengan sahabat-sahabat jahiliyah!

Kemudian arahan ini terus berfungsi di dalam semua generasi umat Muslimin dan setiap generasi adalah dituntut supaya berwaspada terhadap musuh-musuh Islam yang turun-temurun. Musuh-musuh itu tetap seperti sikap mereka yang biasa, cuma cara-cara mereka sahaja yang berlainan, tetapi sikap mereka tidak berubah.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 94)

كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حَلَالًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا
حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنَزَّلَ التَّوْرَةُ
قُلْ فَأْتُوا بِالتَّوْرَةِ فَاتْلُوهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٣﴾
فَمَنْ أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ
فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩٤﴾

"Semua makanan itu adalah halal bagi Bani Israel kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (Ya'kub) ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah: "Bawalah kitab Taurat dan bacakannya jika kamu benar (93). Oleh itu sesiapa yang mengada-ngadakan dusta terhadap Allah selepas itu, maka merekalah orang-orang yang zalim." (94)

Isu Makanan Halal

Kaum Yahudi sentiasa mencari segala alasan, segala kekeliruan dan segala tipu helah yang dapat digunakan mereka sebagai senjata untuk menikam kesahihan kerasulan Muhammad dan untuk menimbulkan keraguan dan kesangsian di dalam akal fikiran dan hati orang ramai. Apabila Al-Qur'an mengatakan bahawa ia membenarkan apa yang tersebut di dalam Taurat mereka terus tampil berkata: Mengapa Al-Qur'an menghalalkan makanan-makanan yang telah diharamkan kepada Bani Israel? Mengikut riwayat-riwayat, mereka secara khusus menyebut daging unta dan susunya yang diharamkan kepada Bani Israel dan di sana ada lagi makanan-makanan haram di sisi mereka telah dihalalkan Allah kepada orang-orang Islam.

Di sini Al-Qur'an memulangkan mereka kepada hakikat sejarah yang mereka berpura-pura tidak tahu untuk menimbulkan keraguan terhadap kesahihan

keterangan Al-Qur'an bahawa ia membenarkan kitab Taurat sedangkan ia menghalalkan kepada orang-orang Islam setengah-setengah makanan yang diharamkan kepada Bani Israel. Sebenarnya semua makanan itu adalah halal kepada Bani Israel kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel ke atas dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Israel ialah Nabi Ya'kub a.s. Menurut riwayat-riwayat, beliau telah mengidap sakit berat lalu beliau bernazar kepada Allah jika Allah sembuhkan sakitnya beliau secara sukarela akan menahankan dirinya dari memakan daging unta dan meminum susunya, iaitu makanan yang amat disukai olehnya. Allah telah menerima nazarnya kemudian Bani Israel telah mengikut adat bapa mereka mengharamkan makanan-makanan yang telah diharamkan olehnya. Begitu juga Allah telah mengharamkan ke atas Bani Israel beberapa makanan yang lain sebagai balasan terhadap maksiat-maksiat yang telah dilakukan mereka. Makanan yang diharam ini telah disebut di dalam ayat Surah al-An'am.

وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي ظُفْرٍ
الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا إِلَّا
مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا أَوِ الْحَوَايَا أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ
ذَلِكَ جَزَيْنَهُمْ بِبَغْيِهِمْ وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴿١٤٦﴾

"Dan Kami haramkan ke atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku (dari jari kaki yang berjeringkik) dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemak-lemaknya kecuali lemak-lemak yang melekat di belakang keduanya atau yang menyelaputi perut besar dan usus-usus atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami hukumkan mereka dengan sebab kedherhakaan mereka dan sesungguhnya Kamilah yang benar."

(Surah al-An'am: 146)

Makanan-makanan ini sebelum diturunkan pengharaman adalah halal kepada Bani Israel.

Allah S.W.T. memulangkan mereka kepada hakikat ini untuk menjelaskan bahawa asal makanan-makanan ini adalah halal kemudian diharamkan kepada mereka atas sebab-sebab yang tertentu. Oleh itu apabila Allah menghalalkan makanan-makanan ini kepada orang-orang Islam, maka itulah hukumnya yang asal yang tidak wajar dibantah dan ditimbulkan keraguan terhadap kesahihan Al-Qur'an dan syari'at Allah yang terakhir ini.

Kemudian Allah mencabar mereka supaya mereka kembali kepada Taurat dan membawanya serta membacanya dan di sana mereka akan dapati bahawa sebab-sebab pengharaman itu adalah khusus kepada mereka bukannya umum.

قُلْ فَأْتُوا بِالتَّوْرَةِ فَاتْلُوهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٣﴾

"Katakanlah: Bawalah kitab Taurat dan bacakannya jika kamu benar."(93)

Kemudian Allah mengancam orang-orang yang mengada-ngadakan pembohongan terhadap Allah sebagai orang-orang yang zalim yang tidak menginsafi hakikat yang sebenar dan tidak berlaku adil terhadap diri sendiri dan terhadap manusia umumnya. Dan balasan orang yang zalim itu memang diketahui umum. Cukuplah mereka dicapkan dengan sifat zalim untuk menentukan jenis 'azab yang menunggu mereka. Mereka telah mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah dan mereka tetap kembali kepada Allah.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 95 - 97)

Sebab Berlaku Perubahan Kiblat Dari Baitul-Maqdis Ke Ka'bah

Kaum Yahudi juga telah mula dan mengulangi persoalan peralihan kiblat kepada Ka'bah setelah Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan berkiblat kepada Baitul-Maqdis sehingga bulan yang keenam belas atau yang ketujuh belas Hijrah walaupun maudhu' itu telah dibicarakan dengan sempurnanya di dalam Surah al-Baqarah sebelum ini dan telah pun ternyata bahawa pengambilan Ka'bah sebagai kiblat kaum Muslimin itulah kedudukan yang asal dan yang awal dan pengambilan Baitul-Maqdis sebagai kiblat mereka dalam masa tempoh ini adalah kerana sesuatu hikmat yang tertentu yang telah diterangkan Allah pada masa itu..... Walaupun demikian orang-orang Yahudi masih terus membangkit dan mengulangi persoalan ini dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan, kesangsian dan kekeliruan terhadap persoalan yang benar dan jelas sama seperti yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam terhadap setiap pembicaraan agama ini. Di sini Allah membalas tipu daya mereka dengan sebuah kenyataan yang baru:

قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّبِعُوا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى

لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾

فِيهِ ءَايَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ

ءَامِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

"Katakanlah Benarlah keterangan Allah. Oleh itu ikutilah agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid dan dia tidak sekali-kali termasuk dalam golongan kaum Musyrikin (95).

Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangun untuk (tempat ibadat) manusia ialah Baitullah yang terletak di Makkah yang diberkati dan menjadi hidayat kepada sekalian manusia (96). Padanya terdapat tanda-tanda yang penting di antaranya ialah maqam Ibrahim. Sesiapa yang memasukinya (Baitullah) akan mendapat keamanan. Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepadanya. Dan sesiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam."(97)

Baitullah Pusat Perhimpunan Manusia

Mungkin isyarat di dalam firman-Nya "Benarlah keterangan Allah" itu ditujukan kepada keterangan yang telah dikemukakan mengenai perkara ini, iaitu bangunan Baitullah itu adalah dibina oleh Ibrahim dan Ismail supaya menjadi pusat perhimpunan manusia dan tempat yang aman, juga supaya menjadi kiblat dan tempat sembahyang kepada orang-orang yang beriman. Oleh sebab itulah diiringi dengan perintah supaya mengikut agama Ibrahim, iaitu agama tauhid yang tulen, yang bersih dari segala bentuk syirik:

فَاتَّبِعُوا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٥﴾

"Oleh itu ikutilah agama Ibrahim yang berlandaskan Tauhid dan dia tidak sekali-kali termasuk dalam golongan kaum Musyrikin."(95)

Hakikat Agama Ibrahim

Kaum Yahudi menyangka bahawa merekalah pewaris agama Ibrahim. Sekarang lihatlah Al-Qur'an sendiri telah menunjukkan kepada mereka hakikat agama Ibrahim, iaitu agama yang menjauhi segala bentuk syirik. Hakikat ini ditegaskan sebanyak dua kali. Kali pertama Ibrahim adalah seorang yang mengikut agama tauhid dan kali yang kedua beliau bukanlah dari golongan kaum Musyrikin. Oleh itu mengapa mereka menjadi golongan Musyrikin?

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bahawa mengadap atau berkiblat kepada Ka'bah itulah yang asal, kerana Ka'bah merupakan awal-awal rumah ibadat di bumi ini yang dibangun untuk manusia. Yakni ia dikhususkan untuk ibadat. Sejak Allah memerintah Ibrahim supaya membina tapak-tapak asasnya dan mengkhususkan rumah itu untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beri'tiqaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk dan sujud dan Allah jadikan rumah itu sebuah rumah yang diberkati di samping menjadikannya sumber hidayat bagi sekalian manusia, di sana mereka menemui hidayat kepada agama Allah yang menjadi agama Ibrahim. Di sana juga terdapat tanda-tanda yang jelas yang menunjukkan maqam Ibrahim (dikatakan bahawa yang dimaksudkan dengan maqam Ibrahim itu ialah batu kesan tempat Ibrahim a.s. berdiri ketika membina Ka'bah. Dahulu batu itu bersambung dengan Ka'bah lalu Khalifah Umar r.a. mengundurkannya dari Ka'bah supaya orang-orang yang tawaf tidak mengganggu orang-orang yang

mendirikan solat di maqam itu. Kaum Muslimin telah diperintah menjadikan maqam itu tempat sembahyang dengan firman Allah Ta'ala:

وَأَخَذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى

"Dan jadikanlah maqam Ibrahim itu tempat sembahyang."

(Surah al-Baqarah: 125)

Baitullah Merupakan Tempat Aman, Sejak Zaman Nabi Ibrahim a.s. Lagi

Di antara kelebihan-kelebihan Baitullah yang disebut oleh Al-Qur'an ialah sesiapa yang memasuki kawasannya adalah diamankan. Oleh itu Baitullah merupakan tempat yang aman bagi setiap yang takut. Kedudukan yang seperti ini tidak dipunyai oleh suatu tempat yang lain di muka bumi ini. Ia kekal sejak dibina oleh Ibrahim dan Ismail sehingga di zaman jahiliyah Arab, di mana mereka telah menyeleweng dari agama Ibrahim dan dari Tauhid yang tulen yang dilambangkan oleh agama ini. Sehingga ke masa ini kehormatan Baitullah dihormati sebagaimana diceriterakan oleh al-Hasan al-Basri dan lain-lainnya: "Ada orang yang membunuh kemudian ia meletakkan bulu biri-biri di atas lehernya dan masuk ke dalam kawasan tanah haram lalu bertemu dengan anak orang yang dibunuhnya, tetapi ia tidak membangkitkan kemarahannya sehingga ia keluar dari kawasan itu". Ini adalah salah satu dari kemuliaan yang dikurniakan Allah kepada rumah-Nya, walaupun manusia yang hidup di sekelilingnya berada dalam keadaan jahiliyah. Allah S.W.T. telah berfirman menyatakan ni'mat yang dianugerahkannya kepada orang-orang Arab:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا آمِنًا وَيَتَّخِطُّوا
النَّاسَ مِنْ حَوْلِهِمْ

"Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami telah menjadikannya (negeri Makkah) tanah suci yang aman, sedangkan manusia di sekelilingnya rampas merampas?"

(Surah al-Ankabut: 67)

dan termasuk dalam langkah menjadikan kawasan Ka'bah sebagai kawasan tanah suci ialah pengharaman memburu buruan-buruannya dan mengganggunya dari sarang-sarangnya dan pengharaman memotong pokok-pokoknya. Tersebut di dalam hadith al-Bukhari dan Muslim - lafaz hadith ini bagi Muslim - dari Ibn Abbas r.a 'anhuma katanya: Sabda Rasulullah s.a.w. pada hari penaklukan negeri Makkah:

إن هذا البلد حرمه الله يوم خلق السماوات والأرض،
فهو حرام بحرمة الله إلى يوم القيامة، وإنه لم يحل القتال
فيه لأحد قبلي، ولم يحل لي إلا في ساعة من نهار. فهو
حرام بحرمة الله إلى يوم القيامة، لا يعضد شوكة، ولا

يتفر صيده، ولا تلتقط لقطته إلا من عرفها ولا يحتل
خلاه... الخ.

"Sesungguhnya negeri ini telah diharamkan oleh Allah pada hari Dia ciptakan langit dan bumi. Ia adalah tanah haram dengan pengharaman dari Allah sehingga hari Qiamat. Ia tidak pernah diharamkan berperang di dalam kawasannya kepada sesiapa pun sebelumnya dan tidak juga diharamkan kepadaku melainkan hanya dalam satu waktu sahaja di siang hari. Oleh itu ia adalah tanah haram dengan pengharaman dari Allah sehingga hari Qiamat. Di mana tidak boleh dipotong duri pokok-pokoknya, tidak boleh diganggu binatang-binatang buruannya, tidak boleh dipungut barang-barang yang ketinggalan melainkan oleh orang yang mengenalinya (pemilikinya) dan tidak boleh dipotong tumbuh-tumbuhannya..... hingga akhir"

Inilah rumah yang telah dipilih Allah sebagai kiblat umat Muslimin dan inilah Baitullah yang telah dijadikan Allah kemuliaan ini kepadanya. Inilah rumah pertama yang dibina di muka bumi sebagai pusat ibadat dan inilah rumah moyang mereka Ibrahim a.s. dan di sana terdapat tanda-tanda yang membuktikan bahawa beliau adalah yang telah membinanya. Islam ialah agama Ibrahim oleh sebab itu rumah Ibrahim lebih utama dijadikan kiblat yang dihadapi oleh umat Muslimin. Ia merupakan satu kawasan aman di muka bumi ini dan di sanalah terdapat sumber hidayat bagi umat manusia di samping, menjadi tempat perhimpunan umum agama ini.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah memfardhukan manusia berkunjung ke Baitullah selama mereka mendapat kemudahan untuk berbuat demikian. Jika tidak, maka itulah kekufuran yang tidak memberi apa-apa mudarat kepada Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا
وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

"Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepada-Nya. Dan sesiapa yang ingkar maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam." (97)

Kefardhuan Ibadat Haji

Yang menarik pandangan dalam ungkapan ini ialah kenyataannya yang menyeluruh tentang kefardhuan ibadat haji iaitu dengan kata-kata "merupakan kewajipan manusia" (على الناس). Pertama, ungkapan ini menyarankan bahawa ibadat haji juga diwajibkan ke atas orang-orang Yahudi yang mempertikaikan orang-orang Islam mengadap ke arah Ka'bah di dalam solat mereka, sedangkan mereka sendiri dituntut oleh Allah mengerjakan ibadat haji di Baitullah dan mengadap kepadanya dengan sifatnya selaku rumah yang dibangunkan oleh moyang mereka Ibrahim dan selaku awal-awal rumah ibadat yang dibangunkan untuk manusia, namun begitu mereka tetap menyeleweng, cuai dan menderhaka. Kedua, ungkapan ini menyarankan bahawa seluruh manusia adalah dituntut mengakui agama ini, menunaikan

fardhu-fardhunya dan syi'ar-syi'ar ibadatnya, mengadap dan berkunjung ke Baitullah yang dihadapi oleh seluruh umat Muslimin. Inilah yang wajib dilakukan, jika tidak maka itulah kekufuran walaupun mereka mendakwa beragama dan Allah itu Maha Kaya dari sekalian manusia. Allah S.W.T. tidak memerlukan kepada keimanan dan ibadat haji mereka, malah keimanan dan ibadat itu adalah untuk kepentingan dan keuntungan mereka.

Kewajipan Haji Syarat-syarat Dan Hikmatnya

Haji itu hanya fardhu sekali seumur hidup, iaitu ketika mula-mula mendapat kemampuan mengerjakannya, iaitu seperti kesihatan yang mengizinkan, kemungkinan melakukan persafiran dan keamanan jalan. Para ulama' berselisih tentang masa difardhukan haji itu. Kepada orang-orang yang berpegang kepada satu riwayat bahawa ayat-ayat ini diturunkan pada tahun rombongan-rombongan iaitu pada tahun yang kesembilan mereka berpendapat bahawa haji adalah difardhukan pada tahun ini. Mereka landaskan pendapat ini dengan alasan bahawa haji Rasulullah s.a.w: hanya dilakukan selepas tarikh ini. Kami telah menjelaskan ketika memperkatakan persoalan peralihan kiblat dalam juzu' yang kedua dalam tafsir Fi Zilal ini bahawa haji Rasulullah s.a.w. itu tidak boleh dijadikan dalil di atas kelewatan difardhukan ibadat haji, mungkin kelewatan kerana sebab-sebab yang tertentu di antaranya kerana orang Musyrikin yang mengerjakan tawaf dengan berbogel itu masih terus begitu walaupun selepas ditakluk negeri Makkah. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. tidak suka bercampur-gaul dengan mereka sehingga turun Surah Bara'ah pada tahun yang kesembilan, di mana diharamkan kaum Musyrikin bertawaf di Baitullah, kemudian barulah Rasulullah s.a.w. mengerjakan ibadat hajinya pada tahun yang berikutnya. Oleh sebab itu ibadat haji mungkin telah difardhukan sebelum tarikh itu lagi dan ayat ini diturunkan dalam tempoh pertama hijrah, iaitu selepas Peperangan Uhud atau di sekitarnya.

Walau bagaimanapun fardhu haji itu telahpun ditetapkan dengan nas yang tegas ini, di mana Allah S.W.T. telah menjadikan amalan berkunjung ke Baitullah suatu kewajipan yang, diwajibkan ke atas manusia, iaitu kepada siapa yang berkuasa mengadakan perjalanan kepadanya.

Ibadat Haji Muktamar Agung Umat Muslimin

Ibadat haji itu merupakan muktamar tahunan agung umat Muslimin, di mana mereka berkumpul di perkarangan Baitullah yang menjadi sumber lahirnya da'wah kepada mereka dan menjadi titik tolak agama tauhid dari tangan moyang mereka Ibrahim a.s. itulah rumah yang telah dijadikan Allah sebagai rumah yang pertama di muka bumi ini untuk semata-mata beribadat kepada Allah. Haji itu adalah suatu perhimpunan yang mempunyai tujuannya dan mempunyai kenangan-kenangannya yang seluruhnya berlegar di sekitar konsep yang mulia yang

menghubungkan manusia dengan Khaliqnya Yang Maha Agung, iaitu konsep agama atau konsep sahutan roh kepada seruan Allah, kerana dari tiupan roh dari Allah insan menjadi insan. Inilah konsep yang layak dengan manusia berhimpun kerananya dan datang beramai-ramai setiap tahun ke tanah suci, di mana tercetusnya seruan supaya berhimpun dan bersatu-padu di atas konsep yang mulia ini.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 98 - 99)

Selepas penjelasan ini Allah mengajar Rasulullah s.a.w. supaya bersemuka dengan Ahlii-Kitab dan mengecam pendirian mereka terhadap kebenaran yang diketahui mereka, kemudian mereka menghalangi orang ramai darinya dan mengingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan mereka menyaksikan kesahihannya dan yakinkan kebenarannya:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾
قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مِنَّا أَمِنَ تَبَعُونَهَا عَوْجًا وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Katakanlah Wahai Ahlii-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu (98). Katakanlah: Wahai Ahlii-Kitab! Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui? Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu." (99)

Pendedahan Hakikat Pendirian Ahlii-Kitab

Kecaman yang seperti ini berulang-ulang kali disebut di dalam surah ini dan banyak lagi di dalam surah-surah yang lain. Kesan pertama yang ditinggalkan oleh kecaman ini ialah ia menghadapi Ahlii-Kitab dengan mengemukakan hakikat pendirian mereka dan menyifatkan mereka dengan sifat-sifat mereka yang sebenar, yang selama ini mereka berpura-pura melindungkannya dengan gambaran beriman dan beragama, sedangkan yang sebenarnya mereka kafir. Mereka ingkarkan ayat-ayat Allah di dalam Al-Qur'an dan sesiapa yang ingkarkan sesuatu dari kitab Allah bererti telah ingkarkan semua kitab Allah. Andainya mereka benar-benar beriman dengan kitab suci yang ada di tangan mereka tentulah mereka beriman kepada setiap rasul yang datang dari sisi Allah selepas rasul mereka, kerana hakikat agama Allah ini adalah satu sahaja, sesiapa yang telah mengetahuinya nescaya ia mengetahui pula bahawa segala apa yang dibawa oleh para rasul selepas itu adalah benar belaka dan nescaya ia mewajibkan

dirinya mengislamkan dirinya kepada Allah di tangan rasul-rasul itu. Inilah hakikat yang seharusnya menggetar dan menakutkan kaum Ahlil-Kitab terhadap akibat sikap dan kedudukan mereka.

Orang-orang Islam yang tertipu terhadap mereka selaku Ahlil-Kitab, telah dihapuskan penipuan itu dari mereka apabila mereka melihat Allah S.W.T. mengumumkan hakikat Ahlil-Kitab dan mengecapkan mereka sebagai orang-orang yang menunjukkan kekafiran mereka dengan terus-terang hingga tidak meninggalkan sebarang keraguan kepada sesiapa pun lagi. Dan di samping itu Allah S.W.T. mengancam mereka dengan ancaman yang menggoncangkan hati:

وَاللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾

"Sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu." (98)

وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu." (99)

Itulah satu ancaman yang amat menakutkan apabila seseorang itu sedar bahawa Allah sedang menyaksikan perbuatannya dan tidak pernah lalai darinya, sedangkan perbuatan mereka ialah kekafiran, penipuan, kerosakan dan penyesatan.

Allah S.W.T. merakamkan bahawa mereka memang mengetahui kebenaran yang diingkarkan mereka dan merakamkan tindakan mereka menghalang orang ramai dari kebenaran itu:

وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ ﴿١٠٠﴾

"Sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui."

Ini menunjukkan bahawa mereka yakin terhadap kebenaran apa yang didustakan mereka dan terhadap kebaikan apa yang dihalang mereka dari orang ramai. Ini adalah satu perbuatan yang keji yang mana pembuatnya tidak wajar diberi kepercayaan dan persahabatan, malah hanya layak menerima penghinaan dan kecaman.

Kita perlu berhenti sebentar di depan pemberian Allah kepada kaum Ahlil-Kitab ini dalam firman-Nya yang berbunyi:

لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مِمَّنْ ءَامَنَ تَبَعُونَهَا عَوَجًا ﴿١٠١﴾

"Mengapakah kamu menghalang mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok." (101)

Itulah satu tarikan perhatian yang mempunyai satu tujuan yang besar, iaitu jalan Allah atau agama Allah itu ialah jalan yang lurus dan selain dari jalan Allah adalah jalan yang tidak lurus belaka. Oleh itu apabila manusia dihalang dari jalan Allah, apabila para Mu'minin disekat dari agama Allah, maka segala

urusan akan hilang kelurusannya dan segala neraca tidak selamat lagi dan tidak wujud lagi di bumi ini melainkan sesuatu yang bengkok dan tidak lurus.

Meninggal Agama Allah Punca Segala Kerosakan

Itulah kerosakan fitrah dengan sebab kesesatannya dan kerosakan hidup dengan sebab bengkoknya. Kerosakan ini adalah hasil dari tindakan menyekat dan menghalang manusia dari jalan Allah dan menyekat para Mu'minin dari agama Allah. Itulah kerosakan dalam pandangan dan kefahaman, kerosakan di dalam hati nurani, kerosakan akhlak dan perilaku, kerosakan di dalam perhubungan-perhubungan, kerosakan di dalam mu'amalat-mu'amalat dan kerosakan dalam pertalian di antara sesama manusia, kerosakan dalam hubungan di antara manusia dengan alam buana. Oleh itu apabila manusia berdiri teguh atau berjalan lurus di atas agama Allah, maka itulah kelurusan hidup, kebaikan dan kebajikan, sebaliknya apabila mereka menyeleweng dari agama Allah pada mana jalan yang lain, maka itulah hidup yang bengkok, dan itulah kerosakan dan kejahatan. Inilah dua keadaan yang bersilih ganti di dalam hidup manusia. Berdiri teguh dan berjalan lurus di atas agama Allah itulah kebajikan dan kebaikan. Menyeleweng dari agama Allah itulah kejahatan dan kerosakan.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 100 - 101)

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ ۗ وَمَنْ يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman (100). Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu? Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus." (101)

Peranan Agung Umat Muslimin

Tujuan kedatangan umat Muslimin ialah untuk menegakkan cara hidup mereka di atas agama Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu satu cara hidup yang berbeza dan unik. Kewujudan umat Muslimin adalah dari awal lagi lahir dari agama Allah untuk menunaikan peranan istimewa mereka dalam kehidupan umat manusia, iaitu peranan yang tidak dapat ditunaikan oleh golongan yang lain dari mereka. Umat Muslimin diwujudkan untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini dan merealisasikannya dalam bentuknya yang amali yang mempunyai garis sifat-sifat yang boleh dilihat, di

mana nas-nas diterjemahkan kepada harakat-harakat, tindakan-tindakan, perasaan-perasaan, akhlak-akhlak, undang-undang dan peraturan-peraturan, perhubungan-perhubungan dan pertalian-pertalian.

Umat Muslimin tidak dapat memenuhi matlamat kewujudan mereka, tidak dapat berjalan lurus dan tidak dapat mewujudkan di bumi ini gambaran realiti hidup yang istimewa, gemilang dan unik ini melainkan apabila mereka menerima (undang-undang dan peraturan) dari Allah Yang Maha Esa, melainkan apabila mereka memimpin umat manusia dengan (undang-undang dan peraturan) yang diterima dari Allah Yang Maha Esa, bukannya menerima dari mana-mana tokoh manusia atau dari pengikut-pengikut mana-mana tokoh manusia dan bukannya ta'at kepada mana-mana tokoh manusia. Sama ada mereka menerima dari Allah atau melakukan kekufuran, kesesatan dan penyelewengan.

Inilah pendirian yang ditegaskan oleh Al-Qur'an dan diulangkan berkali-kali di dalam berbagai-bagai kesempatan. Inilah sikap yang mahu ditegaskan di atasnya perasaan kaum Muslimin, pandangan mereka dan akhlak mereka setiap kali terluang. Tempat ini merupakan salah satu dari tempat-tempat yang disebutkan pendirian itu. Titik pertaliannya ialah perdebatan dengan Ahlil-Kitab dan tindakan menghadapi tipu daya dan komplot-komplot mereka terhadap kaum Muslimin di Madinah. Tetapi ia bukannya terbatas dengan titik-titik pertalian ini sahaja, malah ia merupakan arahan yang berterusan kepada umat Muslimin di dalam setiap generasi kerana ia merupakan dasar hidup mereka dan asas kewujudan mereka.

Umat Muslimin telah diwujudkan untuk memimpin umat manusia. Oleh itu bagaimana mereka mungkin bertemu dengan jahiliyah, sedangkan tujuan kedatangan mereka ialah untuk mengubah jahiliyah dan menghubungkan umat manusia dengan Allah? Apabila umat Muslimin meninggalkan tugas kepimpinan ini, maka apakah erti kewujudan mereka? Bukankah dalam keadaan ini kewujudan mereka tidak mempunyai apa-apa matlamat lagi?

Umat Muslimin Dilahirkan Untuk Memegang Teraju Kepimpinan

Umat Muslimin telah dilahir untuk memegang teraju kepimpinan, iaitu kepimpinan ke arah kefahaman dan pandangan yang betul, kepercayaan dan perasaan yang betul, ke arah akhlak dan peraturan yang betul dan ke arah penyusunan masyarakat yang betul. Di bawah bayangan kedudukan-kedudukan yang betul ini dapatlah akal itu berkembang subur, dapat berkenalan dengan alam buana, dapat mengetahui rahsia-rahsianya dan menggunakan kekuatan-kekuatan dan tenaga-tenaganya yang tersimpan itu, tetapi kepimpinan asasi yang membenar dan menguasai semua kekuatan dan tenaga ini, yang mengarah penggunaan kekuatan dan tenaga alam ini untuk kebajikan manusia bukan untuk mengancam

mereka dengan kemusnahan dan kebinasaan dan bukan untuk digunakannya bagi memenuhi keinginan-keinginan nafsu kepimpinan, seharusnya itu untuk menegakkan keimanan dan di atas kepimpinan inilah seharusnya kelompok Muslimin itu berdiri teguh dengan berpedomankan kepada arahan Allah bukannya arahan mana-mana hamba Allah yang lain.

Di dalam pelajaran ini Al-Qur'an memberi amaran kepada umat Muslimin supaya jangan mengikut orang lain di samping menerangkan jalan-jalan untuk mewujudkan kedudukan-kedudukan yang betul dan memeliharakannya. Mula-mula ia melarang mereka mengikut Ahlil-Kitab kerana mereka tidak syak lagi akan membimbing mereka ke arah kekufuran:

Umat Muslimin Ditegah Menjadi Pak Turut Kaum Ahlil-Kitab

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَطِيعُوا فَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كُفْرِينَ ﴿١٠٠﴾
وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ
وَفِيكُمْ رَسُولُهُ ۗ وَمَنْ يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَد هُدِيَ
إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman (100). Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu? Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus." (101)

Perbuatan mengikut Ahlil-Kitab dan menerima arahan dari mereka, perbuatan mengambil dan memetik peraturan-peraturan dan undang-undang kehidupan mereka dari awal-awal lagi membawa erti kekalahan batin dan meninggalkan peranan kepimpinan yang kerananya diwujudkan umat Muslimin di samping membawa erti keraguan terhadap keupayaan agama dan peraturan Allah untuk memimpin dan mengaturkan kehidupan manusia serta mempertingkatkan kejalan kesuburan dan kemajuan. Keraguan ini sendiri merupakan benih kekufuran yang merangkak di dalam hati tanpa disedari olehnya dan tanpa melihat bahayanya yang dekat.

'Aqidah Merupakan Benteng Umat Muslimin Yang Paling Kuat

Ini dari sudut kaum Muslimin dan dari sudut kaum yang lain, maka kaum Ahlil-Kitab tidak ada cita-cita yang lebih besar kepada mereka dari menyesatkan kaum Muslimin dari 'aqidah mereka, kerana 'aqidah inilah yang menjadi kubu keselamatan, garis

pertahanan dan sumber kekuatan umat Muslimin. Musuh-musuh mereka cukup mengetahui hakikat ini. Mereka mengetahuinya dahulu dan sekarang dan mereka mengorbankan segala usaha, tipudaya, kekuatan dan kelengkapan untuk memesongkan umat Muslimin dari 'aqidah mereka. Apabila mereka gagal memerangi 'aqidah ini secara terbuka, mereka memeranginya secara sulit dan apabila mereka gagal memeranginya dengan bersendirian, mereka menggunakan barisan Munafiqin yang berpura-pura Islam atau menggunakan orang-orang yang mempunyai hubungan palsu dengan Islam untuk bekerja melemahkan 'aqidah ini dari dalam dan menghalang manusia darinya dan seterusnya untuk memperdayakan umat Muslimin dengan kecantikan sistem-sistem hidup yang lain dari sistem hidup agama mereka, keindahan undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain dari undang-undang dan peraturan-peraturan agama mereka dan kebagusan kepimpinan yang lain dari kepimpinan agama mereka.

Apabila kaum Ahlil-Kitab dapati setengah-setengah orang Islam menyambut baik dan mengikut anjuran-anjuran mereka, maka tidak syak lagi mereka akan menggunakan semua cara ini untuk mencapai matlamat yang menyebabkan mereka tidak dapat tidur dan mereka akan terus berusaha memimpin orang-orang Islam itu dan seluruh kaum Muslimin di belakang mereka kepada kekafiran dan kesesatan.

Oleh sebab itulah Allah menyampaikan amaran yang tegas dan menakutkan ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikuti sekumpulan mereka yang dikurniakan kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang yang kafir selepas kamu beriman." (100)

Di waktu itu tiada yang menakutkan seorang Muslim selain ia melihat dirinya terbalik menjadi kafir setelah ia beriman dan peluang ke Neraka setelah ia selamat darinya untuk menuju ke Syurga. Inilah sifat seorang Muslim sejati di setiap zaman. Oleh sebab itulah amaran yang keras ini merupakan cemeti yang memukul dan menyedarkan hati nurani supaya sentiasa mengingati amaran itu. Walaupun begitu ayat yang berikut terus menyambung lagi amaran dan peringatan itu dengan menyatakan betapa kejinya jika orang-orang yang beriman itu terbalik menjadi kafir, sedangkan ayat-ayat Allah sentiasa dibaca kepada mereka, Rasulullah s.a.w. sentiasa berada di tengah-tengah mereka, motif-motif beriman sentiasa wujud, da'wah kepada beriman sentiasa diseru dan perbezaan jalan di antara kekufuran dan keimanan sentiasa disuluh dengan cahaya Al-Qur'an.

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَاتُ اللَّهِ

وَفِيكُمْ رَسُولُهُ

"Dan bagaimanakah kamu sanggup menjadi kafir, sedangkan kamu dibacakan ayat-ayat Allah kepada kamu dan Rasul-Nya berada di tengah-tengah kamu?"

Ya, amatlah berat bagi seseorang Mu'min terbalik menjadi kafir di dalam suasana-suasana yang amat membantu ke arah keimanan dan apabila Rasulullah s.a.w. telah wafat dan memilih ar-Rafiq al-A'la, maka ayat Allah (Al-Qur'an) masih kekal dan sunnah Rasulullah s.a.w. masih kekal. Kita umat Muslimin pada hari ini tetap dititahkan Allah dengan Al-Qur'an ini sebagaimana dititahkan orang-orang yang dahulu dengannya. Jalan berpegang teguh kepada Allah amat jelas dan panji-panji berpegang teguh kepada Allah tetap dikibar tinggi:

وَمَنْ يَعْصِمْ بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

"Siapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka bererti dia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus." (101)

Ya, hanya berpegang teguh kepada Allah sahaja yang boleh menyelamatkan, kerana Allah S.W.T. itu Maha Kekal, Maha Hidup dan Maha Pentadbir.

Perkara-perkara Yang Boleh Diambil Dari Kaum Ahlil-Kitab Dan Sebagainya

Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan sikap yang keras terhadap sahabat-sahabatnya Ridhwanullahu 'alaihima dalam perkara menerima sesuatu yang bersangkutan dengan 'aqidah dan undang-undang dan peraturan (dari sumber yang lain), tetapi beliau memberi kelapangan kepada mereka dalam menerima fikiran dan ujian dalam urusan-urusan kehidupan amali yang tulen, yang diserahkan kepada ujian dan ilmu pengetahuan seperti urusan-urusan pertanian, perancangan-perancangan perang dan sebagainya dari persoalan-persoalan amali tulen yang tidak ada hubungan dengan kefahaman kepercayaan, peraturan masyarakat dan pertalian-pertalian yang berhubung kait dengan menyusun dan mengatur kehidupan manusia. Perbezaan di antara keduanya amat jelas, kerana sistem hidup itu satu perkara dan ilmu-ilmu tulen, ujian-ujian dan aplikasi kaedah-kaedah ilmu itu adalah satu perkara yang lain pula. Agama Islam yang datang untuk memimpin kehidupan manusia dengan undang-undang dan peraturan Allah itulah agama Islam yang memimpin akal manusia mencari ilmu pengetahuan dan mengambil faedah dari segala kemajuan kebendaan dalam lingkungan sistem hidupnya.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdur Raziq, kami telah diberitakan oleh Suffian dari Jabir dari asy-Sya'bi dari Abdullah ibn Thabit katanya: Umar telah datang menemui Nabi s.a.w. ialu berkata: "Wahai Rasulullah! Saya telah menyuruh seorang saudara Yahudi dari suku Bani Quraydzah lalu dia menulis untuk saya koleksi-koleksi kitab Taurat. Sukakah anda saya kemukakan koleksi-koleksi itu kepada anda?" Kata (Abdullah bin Thabit): Lalu

berubahlah muka Rasulullah s.a.w. - Kata Abdullah bin Thabit: Aku pun membisik kepada Umar: "Tidakkah anda lihat muka Rasulullah s.a.w. berubah?" Umar pun terus berkata: "Saya redha menerima Allah sebagai Tuhan, menerima Islam sebagai agama dan menerima Muhammad sebagai rasul. Kata (Abdullah ibn Thabit): Nabi s.a.w. kelihatan sukacita dan bersabda:

والذى نفسي بيده لو أصبح فيكم موسى - عليه السلام
- ثم اتبعتموه وتركتموني لضللتكم ، إنكم حظي من
الأمم وأنا حظكم من النبيين.

"Demi Allah yang nyawaku berada di dalam genggam tangan-Nya, andainya Musa a.s. ada di dalam kalangan kamu dan kamu mengikutnya dan kamu meninggalkan aku nescaya kamu sesat. Sesungguhnya kamu merupakan bahagian untukku dari antara umat-umat manusia dan aku merupakan bahagian untuk kamu dari antara para anbia'."

Dan ujar al-Hafiz Abu Ya'la: Kami telah diceritakan oleh Hammad dari Asy-Sya'bi dari Jabir katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تسألوا أهل الكتاب عن شيء. فإنهم لن يهدوكم وقد
ضلوا. وإنكم إما أن تصدقوا بباطل، وإما أن تكذبوا
بحق. وإنه والله لو كان موسى حياً بين أظهركم ما حل
له إلا أن يتبعني.

"Janganlah kamu bertanya Ahlil-Kitab mengenai sesuatu, kerana mereka tidak akan menunjukkan perkara yang benar kepada kamu kerana mereka telah sesat. Sesungguhnya kamu (jika kamu bertanya mereka) sama ada kamu membenarkan sesuatu yang batil atau membohongkan sesuatu yang benar. Sesungguhnya demi Allah, andainya Musa hidup dalam kalangan kamu nescaya tidak halal bagi beliau melainkan hanya mengikut aku."

Dan dalam setengah-setengah hadith yang lain tersebut:

لو كان موسى وعيسى حين لما وسعهما إلا اتباعي.

"Andainya Musa dan 'Isa itu hidup, nescaya kedua-duanya tidak dapat berbuat apa-apa kecuali mengikut aku."

Mereka ialah kaum Ahlil-Kitab dan inilah petunjuk Rasulullah s.a.w. mengenai hukum menerima pendapat-pendapat Ahlil-Kitab dalam mana-mana perkara yang berkaitan dengan 'aqidah dan kefahaman atau berkaitan dengan syari'at atau peraturan-peraturan kehidupan. Dan tidak mengapa - mengikut roh Islam dan bimbingannya mengambil faedah dari hasil usaha dan tenaga seluruh umat manusia dalam bidang-bidang yang lain dari ini seperti dalam bidang ilmu-ilmu tulen baik dari segi kajian dan gunaan serta mengaitkannya dengan sistem keimanan, iaitu dari segi perasaan kita terhadap ilmu-ilmu itu dan bahawa ia dijadikan Allah untuk faedah manusia, dan dari segi membimbing dan menggunakan ilmu itu untuk kebajikan umat manusia, untuk menyempurnakan keamanan dan

kemakmuran kepada mereka dan bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat ilmu pengetahuan dan ni'mat pemberian kekuatan-kekuatan dan tenaga-tenaga alam, iaitu bersyukur kepada-Nya dengan mengerjakan amal ibadat dan menggunakan ilmu pengetahuan dan tenaga-tenaga alam untuk kebaikan manusia.

Tetapi menerima pendapat-pendapat dari kaum Ahlil-Kitab mengenai kefahaman dan kepercayaan keimanan, mengenai pentafsiran alam al-wujud, mengenai matlamat kewujudan manusia, mengenai sistem hidup, peraturan-peraturan dan undang-undangnya, mengenai sistem akhlak dan perilaku, maka penerimaan yang seperti inilah yang telah menyebabkan wajah Rasulullah s.a.w. berubah apabila disebut sesuatu yang paling mudah darinya, dan inilah yang telah menyebabkan Allah S.W.T. memberi amaran kepada umat Muslimin terhadap akibatnya yang buruk, iaitu kekufuran yang terusterang.

Inilah perintah Allah S.W.T. dan inilah petunjuk Rasulullah s.a.w., tetapi kita yang mendakwa diri kita sebagai orang-orang Islam kita dapati diri kita - dalam usaha memahami Al-Qur'an dan hadith Nabi kita s.a.w. mengambil pendapat-pendapat dari para orientalis dan dari murid-murid orientalis. Kita dapati diri kita mengambil pendapat-pendapat falsafah kita dan kefahaman-kefahaman kita terhadap kewujudan dan kehidupan dari kedua-dua golongan itu, juga dari para ahli falsafah dan ahli fikir Greek, Roman, Eropah dan Amerika. Kita dapati diri kita mengambil peraturan-peraturan hidup kita dan undang-undang kita dari sumber-sumber yang asing itu. Kita dapati diri kita mengambil peraturan-peraturan perilaku kita, peradaban kita dan akhlak kita dari paya yang busuk itu, yang telah dicapai oleh tamadun kebendaan yang kosong dari roh agama..... Kemudian kita mendakwa - demi Allah - kita adalah orang-orang Islam yang sebenar, iaitu satu dakwaan yang dosanya adalah lebih berat dari dosa kekufuran yang berterus-terang. Dengan perbuatan ini bererti kita mengaku gagal dan memesongkan Islam, iaitu satu pengakuan yang tidak dibuat oleh orang yang berdosa dari mereka yang tidak mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam seperti yang dilakukan oleh kita.

Islam adalah sebuah sistem hidup, iaitu satu sistem yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari segi kefahaman kepercayaan dan dari segi peraturan dan undang-undang yang mengatur seluruh perhubungan di dalam kehidupan manusia, juga dari segi peraturan-peraturan akhlak yang menjadi tapak landasan yang tetap bagi perhubungan-perhubungan itu sama ada hubungan-hubungan politik atau ekonomi atau sosial. Islam adalah sebuah sistem yang datang untuk memimpin umat manusia seluruhnya. Oleh itu di sana pasti wujud segolongan manusia yang mempeluankan sistem ini untuk memimpin umat manusia. Dan di antara perkara yang

bertentangan dengan tabi'at kepimpinan ini ialah apabila golongan ini mengambil bimbingan-bimbingan dari sumber-sumber yang bukan dari sistemnya sendiri.

Untuk kebajikan umat manusia datangnya sistem ini, dan untuk kebajikan umat manusia para penda'wah menyeru supaya menegakkan sistem ini pada hari ini dan pada hari esok, malah hari ini ia lebih perlu lagi kerana umat manusia pada keseluruhannya sedang menderita dari sistem-sistem hidup yang telah membawa mereka kepada penderitaan-penderitaan yang dialami mereka sekarang dan di sana tidak ada sistem yang dapat menyelamatkan mereka melainkan sistem llahi ini sahaja, iaitu sistem yang wajib dipelihara dan dijaga segala ciri-cirinya supaya ia dapat menunaikan peranannya kepada umat manusia dan menyelamatkan mereka sekali lagi.

Apakah Kesan Kemajuan Manusia?

Umat manusia telah mencapai berbagai-bagai kemenangan dan kemajuan dalam usaha mereka menggunakan kuasa-kuasa alam. Mereka telah merealisasikan kejayaan-kejayaan yang menakjubkan dalam dunia perindustrian dan perubatan jika dibandingkan dengan masa yang silam. Dan mereka masih dalam perjalanan mencapai kejayaan-kejayaan yang baru, tetapi apakah kesan semuanya ini di dalam kehidupan mereka? Apakah kesannya dalam kehidupan kejiwaan mereka? Adakah mereka mení'mati kebahagiaan? Adakah mereka menemui ketenteraman? Adakah mereka memperoleh keamanan dan kedamaian? Tidak! Sekali-kali tidak! Mereka telah menemui kecelakaan, kegelisahan dan ketakutan, mereka mengidap penyakit-penyakit saraf dan penyakit-penyakit jiwa, mereka mengalami kelakuan-kelakuan yang abnormal dan melakukan jenayah-jenayah dalam lingkungan yang seluas-luasnya. Mereka juga tidak mencapai kemajuan dalam memahami matlamat kewujudan insan dan matlamatmatlamat hidup insan. Apabila matlamat kewujudan insan dan matlamat-matlamat hidup insan yang tersemat di dalam fikiran seseorang yang bertamadun di zaman ini dibandingkan dengan kefahaman dan pemikiran Islam dalam aspek ini nescaya tamadun (moden) ini kelihatan begitu kerdil, malah ia kelihatan merupakan suatu kutukan yang merendahkan pandangan manusia terhadap dirinya sendiri dan terhadap kedudukannya di alam buana ini, dan suatu kutukan yang menjatuhkan manusia dan mengecilkan minat, cita-cita dan keinginan-keinginan mereka. Kekosongan sedang memamah hati umat manusia yang malang dan kebingungan sedang menggoncang jiwa mereka yang penat. Itulah jiwa yang tidak menemui Allah, kerana keadaan-keadaan hidup mereka yang malang telah menjauhkan mereka dari Allah.

Sains Gagal Mendekatkan Manusia Kepada Allah

Sains yang sepatutnya - andainya ia berjalan di bawah undang-undang dan peraturan Allah - dapat

menjadikan setiap kejayaan manusia di bidang ini sebagai satu langkah yang mendekatkan mereka kepada Allah, tiba-tiba ia sendiri yang menjauhkan manusia dengan kejayaan itu dari Allah dengan sebab kejatuhan dan kepadaman roh mereka. Umat manusia tidak menemui cahaya yang menerangi matlamat kewujudan mereka yang sebenar, yang membolehkan mereka menuju kepadanya dengan pertolongan ilmu pengetahuan ini yang dikurniakan Allah kepada mereka. Mereka juga tidak menemui satu sistem hidup yang dapat menyelaraskan di antara harakatnya dengan harakat alam buana, di antara fitrahnya dengan fitrah alam buana, di antara undang-undangnya dengan undang-undang alam buana. Mereka tidak menemui satu sistem yang dapat menyelaraskan di antara tenaga-tenaganya dengan kekuatannya, di antara akhirnya dengan dunianya, di antara individu-individunya dengan kelompok-kelompoknya, di antara kewajipan-kewajipan dengan hak-haknya dengan satu penyelarasan yang tabi'i, sempurna dan selesa.

Di antara umat manusia ini ada segolongan dari mereka yang berusaha mengharamkan mereka dari sistem hidup Allah yang memberi hidayat kepada mereka. Golongan inilah yang menamakan cita-cita kepada sistem ini sebagai cita-cita yang kolot atau mundur ke belakang. Mereka mengira cita-cita ini sebagai satu keinginan kepada satu masa yang telah berlalu di dalam sejarah. Dengan sebab kejahilan golongan ini atau dengan sebab niat mereka yang buruk, mereka telah mengharamkan umat manusia dari bercita-cita ke arah satu-satunya sistem hidup yang memimpin langkah-langkah mereka menuju kedamaian dan ketenteraman di samping memimpin mereka menuju kepada kesuburan dan kemajuan. Kita umat Muslimin yang beriman kepada sistem hidup ini adalah mengetahui ke manakah kita berda'wah. Kita memang melihat realiti umat manusia yang malang dan menghidu bau busuk dari paya yang kotor itu, di mana mereka bergelimang di dalam lumpurnya, dan di samping itu kita melihat di sana di kemuncak yang tinggi panji-panji keselamatan sedang dikibar kepada manusia-manusia yang menderita di Padang Sahara yang panas membakar, di sana terdapat tangga yang cemerlang dan bersih sedang melambai insan-insan yang sedang tenggelam di dalam paya itu. Dan seterusnya kita melihat bahawa kepimpinan umat manusia jika tidak dikembalikan kepada sistem ini maka kepimpinan ini akan terus membawa setiap sejarah manusia dan setiap konsep manusia kepada kejatuhan yang buruk.

Langkah pertama di jalan perjuangan ialah memelihara ciri keunikan dan perbezaan sistem hidup llahi ini. Para pejuangnya janganlah sekali-kali mengambil arahan dan bimbingan dari jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka supaya sistem ini kekal bersih dan sihat sehingga Allah mengizinkan sistem ini memimpin umat manusia sekali lagi. Dan Allah Maha Pengasih terhadap para hamba-Nya tidak membiarkan mereka menjadi mangsa kepada musuh-musuh manusia yang menyeru kepada jahiliyah di sana sini.

Inilah hakikat yang mahu diajarkan oleh Allah S.W.T. kepada angkatan Muslimin pertama dahulu di dalam kitab suci-Nya yang mulia dan inilah hakikat yang mahu ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam pengajaran-pengajarannya kepada mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 102 - 107)

*Allah Memerintah Kelompok Muslimin Memelihara
Dua Asas Pokok Untuk Dilaksanakan*

Selepas memberi amaran supaya jangan menerima bimbingan dari Ahlil-Kitab dan jangan mengikut mereka, Allah menyeru kelompok Muslimin dan memerintah mereka memelihara dua asas pokok yang menjadi tapak landasan hidup mereka dan sistem hidup mereka, iaitu dua asas yang perlu bagi mereka untuk memikul tugas agung yang diserahkan Allah kepada mereka, iaitu tugas agung yang kerananya mereka dilahirkan ke alam al-wujud ini. Dua asas yang berkembar ini ialah keimanan dan persaudaraan, iaitu beriman dan bertaqwa kepada Allah dan bermuraqabah dengan-Nya pada setiap detik hidup, dan persaudaraan kerana Allah, iaitu persaudaraan yang menjadikan kelompok Muslimin satu binaan yang hidup, kuat, tahan dan berupaya menunaikan peranannya yang besar di dalam kehidupan manusia dan sejarah manusia, iaitu peranan menyuruh membuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan menegakkan kehidupan manusia di atas asas kema'rufan dan membersihkannya dari kekotoran kemungkaran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسَامُونَ ﴿١٠٢﴾

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا

نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ

قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ

شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَنَقَذَكُم مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ

اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

وَلَتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ

الْمُقَدِّحُونَ ﴿١٠٤﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِن بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ

الْبَيِّنَاتِ وَأُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَّتْ

وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ

بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾

وَأَمَّا الَّذِينَ أَبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ ففِي رَحْمَةِ اللَّهِ

هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١٠٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Muslim (102). Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah, dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuhan-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'mat-Nya itu, dan kamu dahulunya telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat (103). Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan merekalah orang-orang yang beruntung (104). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah berpecah-belah dan berselisih faham sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka. Dan merekalah orang-orang yang mendapat 'azab yang amat besar (105). (Ingatkanlah) hari, di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram. Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu (106). Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya."(107)

Kedua-duanya merupakan tiang seri dan di atas tiang-tiang inilah ditegakkan kelompok Muslimin dan dengan tiang-tiang inilah membolehkan kelompok Muslimin melaksanakan peranannya yang sukar dan besar itu. Apabila salah satu dari dua tiang itu tumbang, nescaya tidak wujud lagi kelompok Muslimin dan tiada lagi peranan untuk dilaksanakan mereka.

Tiang yang pertama ialah tiang iman dan taqwa, iaitu taqwa yang menyempurnakan hak Allah yang mulia, taqwa yang sentiasa sedar, yang tak pernah lalai dan tak pernah lemah walau sedetik pun dari detik-detik usia hidup sehingga seseorang itu sampai ajalnya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya."

Mendaki Tangga Maqam Taqwa Hingga Setinggi-tingginya

Yakni bertaqwalah kepada Allah mengikut yang sewajar baginya. Ia diungkapkan dengan bentuk umum begini tanpa digariskan batasan agar hati manusia berusaha mencapai tahap kemuncaknya mengikut yang difikir olehnya dan terupaya dilakukannya. Semakin jauh hati memasuki jalan ini semakin tinggi ia melihat kemuncak-kemuncak ke hadapannya dan semakin bertambah keinginannya. Semakin dekat seseorang itu mendekati Allah dengan taqwanya, semakin kuat keinginannya untuk mencapai maqam dan martabat yang lebih tinggi dari apa yang telah dicapainya dan ia terus bercita-cita untuk sampai ke maqam yang membuat hatinya sentiasa jaga dan tidak tidur.

وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

"Dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Muslim." (102)

Islam Dalam Ertikatanya Yang Luas

Kematian adalah suatu perkara ghaib yang tidak diketahui oleh seseorang manusia bilakah ia akan mati, oleh itu sesiapa yang tidak mahu mati melainkan dalam keadaan sebagai seorang Muslim maka jalannya hendaklah mulai dari sekarang ia hidup sebagai seorang Muslim dan terus hidup sebagai seorang Muslim pada setiap masa. Al-Qur'an menyebut Islam selepas menyebut taqwa di dalam ayat ini membayangkan bahawa Islam itu mempunyai pengertian yang luas, iaitu penyerahan diri kepada Allah, keta'atan dan kepatuhan kepada Allah, mengikut sistem hidup yang diatur oleh Allah dan berhakimkan kepada kitab suci Allah. Inilah pengertian yang dijelaskan oleh surah ini dalam setiap tempat sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Inilah tiang seri pertama dan di atas tiang inilah ditegakkan kelompok Muslimin untuk menjelmakan kewujudan mereka dan melaksanakan peranan mereka. Tanpa tiang seri ini semua masyarakat dianggap masyarakat jahiliyah belaka dan di sana tidak akan wujud sistem Allah, di mana seluruh umat hidup berpadu di atasnya, malah yang wujud ialah sistem-sistem jahiliyah, dan di sana tidak ada kepimpinan yang membawa manusia kepada hidayat di bumi ini, malah kepimpinan yang ada ialah kepimpinan jahiliyah.

Tiang seri yang kedua ialah tiang seri persaudaraan, iaitu persaudaraan kerana Allah, persaudaraan di atas sistem hidup Allah dan persaudaraan untuk menghakikatkan sistem hidup Allah:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ

قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah, dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuhan-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'mat-Nya itu, dan kamu dahulunya telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat." (103)

Asas Persaudaraan Islam

Di sini jelaslah bahawa persaudaraan itu adalah persaudaraan yang lahir dari taqwa dan Islam yang menjadi tiang seri yang pertama, iaitu persaudaraan yang berasaskan pegangan yang kukuh dengan tali Allah yakni dengan perjanjian-Nya, sistem-Nya dan agama-Nya dan bukannya persaudaraan yang lahir dari semata-mata bermasyarakat yang berlandaskan sesuatu fahaman yang lain atau kerana sesuatu matlamat yang lain atau persaudaraan yang berasaskan pegangan pada sesuatu tali yang lain dari tali-tali jahiliyah yang banyak.

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

"Dan berpeganglah seluruh kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah"

Persaudaraan yang berpegang teguh dengan tali Allah ini merupakan satu ni'mat yang dibangkitkan Allah kepada angkatan jama'ah Muslimin yang pertama, iaitu satu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada para hamba yang sentiasa disayangi. Dan di sini Allah mengingatkan ni'mat ini kepada mereka. Dan mengingatkan bagaimana mereka di zaman jahiliyah dahulu hidup bermusuhan-musuhan satu sama lain seperti permusuhan yang paling tajam yang wujud di antara suku Aus dan Khazraj (di Madinah) iaitu dua suku Arab yang tinggal di Yathrib dan mereka berjiran dengan kaum Yahudi yang berusaha mengapi-apikan permusuhan ini sehingga api permusuhan itu membakar segala perhubungan di antara dua suku kaum itu. Di sinilah kaum Yahudi mendapat gelanggang yang sesuai dengan usaha kerja dan cara hidup mereka. Kemudian Allah menjinakkan hati dua suku kaum ini dengan perantaraan agama Islam. Hanya Islam sahaja yang dapat memadukan hati yang berjauhan ini. Hanya tali Allah sahaja yang dapat memberi pegangan kepada semua orang dan dengan ni'mat itu mereka dapat hidup sebagai saudara. Tiada yang dapat menyatukan hati melainkan persaudaraan kerana Allah, iaitu persaudaraan yang membuat segala dendam kesumat yang turun temurun dalam sejarah, segala pembalasan dendam sukuan, segala tamak haloba peribadi dan segala panji-panji kaum itu kelihatan

begitu kecil di samping persaudaraan ini dapat menyatupadu mereka dalam satu barisan di bawah panji-panji Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi:

وَأذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا

"Dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulunya (hidup) bermusuhan-musuhan kemudian Allah telah menjinakkan hati di antara kamu lalu jadilah kamu (hidup) bersaudara dengan ni'matnya itu."

Mengenangkan Ni'mat Allah

Begitu juga Allah telah mengingatkan mereka terhadap ni'mat-Nya yang telah menyelamatkan mereka dari Neraka yang hampir-hampir mereka terhumban ke dalamnya. Allah telah menyelamatkan mereka dari Neraka dengan memberi hidayat kepada mereka agar berpegang teguh dengan tali Allah selaku tiang seri pertama dan menyatukan hati mereka, lalu mereka hidup bersaudara dengan agama Allah selaku tiang seri yang kedua.

وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا

"Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka lalu Allah menyelamatkan kamu darinya."

Nas Al-Qur'an sengaja menyebut "hati" selaku tempat menyembunyikan perasaan-perasaan dan hubungan. Ia tidak terus mengungkap dengan perkataan "kemudian Allah telah menjinakkan di antara kamu", malah ia menyelip dalam tempat simpanan hati yang tersembunyi dan berkata "kemudian Allah telah menjinakkan di antara hati kamu" di sini ia menggambarkan hati seolah-olah seberkas kayu yang bersatu-padu dengan tangan qudrat Allah dan dengan perjanjian-Nya. Begitu juga nas ini menggambarkan keadaan mereka sebelum ini dalam bentuk satu pemandangan yang hidup dan bergerak dan detik-detik pergerakannya diikuti oleh hati. "Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka" ketika gerak jatuh ke dalam lubang Neraka itu sedang ditunggu-tunggu tiba-tiba hati melihat tangan qudrat menyelamatkan mereka. Dan melihat tali Allah dihulurkan kepada mereka dan mereka diselamatkan. Seterusnya nas ini menggambarkan pemandangan keselamatan dari bahaya, selepas menduga akan dilanda bahaya iaitu satu pemandangan yang hidup dan bergerak yang diikuti oleh hati-hati dengan perasaan takut-takut dan berdebar takut dan membuat mata melihat sepenuhnya walaupun setelah dilalui generasi-generasi.

Cubaan Yahudi Untuk Memutuskan Persaudaraan Islam

Muhammad bin Ishaq telah menyebut di dalam as-Sirah dan lainnya bahawa ayat ini telah diturunkan mengenai Aus dan Khazraj. Ceritanya begini: Ada

seorang lelaki Yahudi melintasi sekumpulan orang-orang Aus dan Khazraj. Dia merasa sakit hati apabila melihat mereka berpakat dan baik-baik satu sama lain lalu dia menghantar seorang lelaki yang ada bersamanya supaya duduk di kalangan mereka dan mengingatkan mereka tentang peristiwa-peristiwa pertempuran di dalam Peperangan Bu'aath dan lain-lain peperangan. Lalu lelaki itu pun berbuat begitu dan terus mengapi-apikannya sehingga hati mereka menjadi panas dan marah terhadap satu sama lain dan masing-masing hendak bangkit menuntut bela. Kemudian mereka meneriakkan lambang masing-masing dan meminta senjata mereka dan mengajak berperang di "al-Harrah". Berita ini sampai kepada Nabi s.a.w. lalu beliau datang menemui mereka dan menenangkan mereka sambil bersabda: "Apakah kamu mengajak dengan seruan jahiliyah, sedangkan aku masih ada di dalam kalangan kamu?" Kemudian beliau membaca ayat ini kepada mereka, lalu mereka pun menyesal dan kembali berdamai. Mereka berpeluk-peluk satu sama lain dan membuang senjata-senjata mereka.

Demikianlah Allah menjelaskan kepada mereka lalu mereka menerima hidayat Allah dan tepatlah firman Allah S.W.T. selaku ulasan dalam ayat yang berikut:

كَذَلِكَ يَبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat."(103)

Inilah satu gambaran dari usaha kaum Yahudi untuk memutuskan tali Allah di antara para penganut Islam yang berkasih sayang kerana Allah, yang berdiri teguh di atas sistem hidup Allah untuk memimpin umat manusia ke jalan Allah. Inilah satu gambaran dari tipudaya yang terus menerus dilakukan oleh kaum Yahudi terhadap kelompok Muslimin apabila mereka bersatu-padu di atas sistem hidup Allah dan berpegang teguh pada tali Allah. Inilah salah satu hasil dan akibat dari mengikut Ahlii-Kitab yang hampir-hampir berjaya mengembalikan angkatan Muslimin yang pertama terbalik menjadi kafir semula dan berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan memutuskan tali Allah yang kukuh yang menjadi penghubung di antara mereka, di mana mereka hidup sebagai saudara yang bersatu-padu. Inilah hubungan ayat ini dengan ayat-ayat sebelum.

Tetapi maksud ayat ini lebih jauh lagi dari peristiwa ini. Ia membayangkan bersama-sama ayat sebelum dan selepasnya - bahawa di sana ada gerakan yang berterusan dari kaum Yahudi untuk memecah-belahkan barisan kaum Muslimin di Madinah dan menimbulkan fitnah dan keadaan perpecahan dengan segala cara. Amaran-amaran Al-Qur'an yang berturut-turut yang melarang mengikut kaum Ahlii-Kitab dan mendengar tipu daya dan komplot mereka, juga melarang dari berpecah-belah seperti mereka. Amaran-amaran ini membayangkan dengan kuat betapa hebatnya tipudaya kaum Yahudi yang telah di

alami oleh kelompok Muslimin di Madinah, dan betapa hebatnya mereka menaburkan bibit-bibit persengketaan, keraguan dan keadaan kelam-kabut. Inilah amalan biasa kaum Yahudi di dalam setiap zaman. Dan inilah juga kegiatan mereka pada hari ini dan besok di dalam barisan kaum Muslimin di setiap tempat.

Tugas Kelompok Muslimin

Adapun tugas kelompok Muslimin yang ditegakkan di atas dua tiang ini ialah tugas yang perlu untuk menegakkan sistem hidup Illahi di bumi ini, dan untuk memenangkan kebenaran di atas kebatilan, kema'rufan di atas kemungkaran, kebaikan di atas kejahatan. Kerana tugas inilah kelompok Muslimin telah diwujudkan dengan qudrat Allah. Mereka dilahirkan di bawah perhatian Allah dan mengikut cara yang dikehendaki Allah. Tugas inilah yang dijelaskan di dalam ayat yang berikut:

وَلَتَكُنَّ مَنَّكَ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُقَدِّحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan merekalah orang-orang yang beruntung." (104)

Kepastian Wujudnya Kelompok Muslimin Yang Berkuasa

Oleh itu pastilah wujud satu kumpulan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh membuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran. Pastilah ada satu kuasa di bumi ini yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh membuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran. Yang menjelaskan kepastian adanya satu kuasa yang seperti itu ialah maksud nas Al-Qur'an itu sendiri. Di sana pasti diadakan "seruan" (دعوة) kepada kebaikan, dan di sana juga pasti diwujudkan "perintah" (أمر) menyuruh orang membuat kema'rufan dan diadakan "larangan" (وتنهى) dari melakukan kemungkaran. Jika kerja da'wah itu boleh dilakukan oleh orang-orang yang tidak mempunyai kuasa, maka kerja-kerja menyuruh dan melarang tidak boleh dilakukan kecuali orang yang mempunyai kuasa.

Inilah kefahaman dan pandangan Islam terhadap masalah ini, iaitu di sana pasti wujud satu kuasa yang menyuruh dan melarang, satu kuasa yang menjalankan da'wah ke arah kebaikan dan melarang kemungkaran, satu kuasa yang semua unitnya terikat dengan tali Allah dan dengan tali persaudaraan kerana Allah, satu kuasa yang ditegakkan di atas dua tiang yang berpadu ini untuk mewujudkan sistem hidup Allah di dalam kehidupan manusia. Pengwujudan sistem ini memerlukan kepada da'wah kepada kebaikan dan dari da'wah inilah orang ramai dapat memahami hakikat sistem ini. Ia memerlukan

kuasa yang menyuruh berbuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan perintahnya dita'ati. Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ
اللَّهِ

"Tiada seorang rasul pun yang kami utuskan melainkan supaya ia dita'ati dengan keizinan Allah."

(Surah an-Nisa': 64)

Agama Allah Bukan Hanya Nasihat

Oleh itu agama Allah di bumi ini bukanlah semata-mata berupa nasihat, tunjuk ajar dan penerangan sahaja. Ini adalah sebahagian darinya dan sebahagian yang lain pula ialah menjalankan kuasa menyuruh dan melarang untuk menegakkan kema'rufan, menolak kemungkaran dari kehidupan manusia, memelihara tradisi kelompok terpilih (Jama'ah Mu'minin) dari dipermainkan-mainkan oleh orang-orang yang bernafsu keinginan dan bernafsu kepentingan dan seterusnya memelihara tradisi-tradisi yang baik ini dari membenarkan setiap orang boleh memberi fikiran dan pandangan masing-masing terhadapnya dengan anggapan inilah kebaikan, kema'rufan dan sesuatu yang betul.

Oleh sebab itulah da'wah kepada kebaikan dan menyuruh kepada kema'rufan dan melarang kemungkaran itu merupakan tugas yang bukan senang dan mudah apabila kita melihat kepada tabi'atnya dan kepada pertentangannya dengan nafsu-nafsu keinginan manusia dan dengan kepentingan-kepentingan setengah-setengah mereka dan dengan keangkuhan setengah-setengah yang lain. Di antara mereka terdapat orang-orang yang zalim, terdapat pemerintah yang sewenang-wenang, terdapat manusia yang berbudi rendah dan tidak suka naik, terdapat manusia yang berpendirian goyah dan tidak suka berpendirian keras dan tegas, terdapat manusia yang berperibadi larut tidak suka bersikap serius, terdapat manusia yang zalim yang tidak sukakan keadilan, terdapat manusia yang menyeleweng yang tidak sukakan kelurusan dan kejujuran, dan lain-lain lagi dari orang-orang yang menentang kema'rufan dan sukakan kemungkaran. Sesuatu umat dan umat manusia tidak akan beruntung melainkan apabila kebaikan itu mendapat tempat yang dominan, melainkan apabila kema'rufan tetap dengan kema'rufan dan kemungkaran tetap dengan kemungkaran. Inilah apa yang dikehendaki oleh kuasa kebaikan dan kema'rufan. Ia menyuruh dan melarang dan perintahnya dita'ati.

Oleh sebab itulah perlunya wujud satu kelompok yang bertemu di atas dua asas ini, iaitu beriman kepada Allah dan persaudaraan kerana Allah untuk melaksanakan tugas yang sukar ini dengan kekuatan iman dan taqwa dan dengan kekuatan kasih mesra persaudaraan. Kedua-dua kekuatan ini merupakan kekuatan-kekuatan yang diperlukan oleh peranan ini

yang telah diserahkan Allah kepada kelompok Muslimin selaku tugas yang diwajibkan ke atas mereka dan pelaksanaan tugas ini juga telah dijadikan syarat untuk mencapai keberuntungan dan kejayaan dan inilah keterangan Allah mengenai mereka yang menjalankan tugas itu:

وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Dan merekalah orang-orang yang beruntung." (104)

Kelompok Muslimin Merupakan Persekitaran Yang Baik

Wujudnya kelompok ini merupakan salah satu dari keperluan-keperluan sistem Ilahi itu sendiri, kerana kelompok ini merupakan persekitaran di mana sistem ini dapat bernafas dan menjelmakan dirinya dalam bentuknya yang wujud di alam realiti. Ia merupakan suatu persekitaran yang baik, sepadu dan bekerjasama menyeru kepada kebaikan. Yang terkenal dalam persekitaran ini ialah kebaikan, budi pekerti yang mulia, kebenaran dan keadilan dan yang tidak dikenali di sini ialah kejahatan, budi pekerti yang hina, kebatilan dan kezaliman. Melakukan kebaikan di sini lebih mudah dari melakukan kejahatan. Budi pekerti yang mulia di sini lebih ringan bebannya dari budi pekerti yang hina. Kebenaran di sini lebih kuat dari kebatilan. Keadilan di sini lebih berguna dari kezaliman. Orang yang melakukan kebaikan di sini mendapat penyokong-penyokong yang ramai dan orang yang melakukan kejahatan di sini mendapat tentangan dan menemui kekecewaan. Di sinilah letaknya nilai masyarakat ini. Ia merupakan persekitaran di mana kebaikan dan kebenaran dapat subur tanpa memerlukan usaha yang besar, kerana segala sesuatu dan sekalian mereka yang ada di sekelilingnya membantu pertumbuhan dan kesuburannya. Sebaliknya ia juga merupakan suatu persekitaran di mana kejahatan dan kebatilan tidak dapat subur melainkan dengan kesusahan dan kepayahan kerana segala sesuatu yang ada di sekelilingnya menentang pertumbuhan dan kesuburan.

Kefahaman dan pandangan Islam terhadap kewujudan dan kehidupan, terhadap nilai-nilai dan amalan-amalan, terhadap peristiwa-peristiwa, terhadap benda-benda dan orang-orang adalah berlainan sama sekali dari kefahaman-kefahaman dan pandangan-pandangan jahiliyah, iaitu suatu kelainan yang asasi dan sejati. Oleh sebab itulah kefahaman dan pandangan ini memerlukan kepada satu persekitaran khusus supaya ia dapat hidup dengan segala nilai istimewanya. Ia memerlukan kepada satu persekitaran yang berlainan dari persekitaran jahiliyah. Dan ia memerlukan kepada satu masyarakat yang berlainan dari masyarakat jahiliyah.

Persekitaran khusus ini, adalah hidup dengan kefahaman Islam dan kerana kefahaman Islam. Oleh itu dalam persekitaran inilah kefahaman Islam dapat hidup dan bernafas dengan nafas-nafas biasa dengan

bebas dan selesai, dan dapat subur tanpa gangguan-gangguan dari dalam yang boleh melambat atau menghalang kesuburannya dan apabila terdapat gangguan-gangguan ini, maka ia akan ditentang oleh da'wah yang mengajak kepada kebaikan, menyuruh kepada kema'rufan dan melarang kemungkarannya, dan apabila terdapat kekuatan yang zalim yang menghalang manusia dari jalan Allah, maka di sana terdapat pula pembela-pembela yang mempertahankan agama Allah di dalam kehidupan manusia.

Persekitaran ini adalah dilambangkan oleh kelompok Muslimin yang berdiri teguh di atas asas keimanan dan persaudaraan, iaitu keimanan kepada Allah supaya mereka mempunyai kefahaman dan pandangan yang sama terhadap kewujudan dan kehidupan, terhadap nilai-nilai dan amalan-amalan, terhadap peristiwa-peristiwa, terhadap benda-benda dan orang-orang, dan supaya mereka kembali kepada neraca yang sama untuk menilaikan segala apa yang berlaku kepada mereka dalam kehidupan, dan supaya mereka berhakimkan kepada undang-undang yang sama yang diturun dari sisi Allah dan seterusnya supaya mereka membulatkan seluruh kesetiaan mereka kepada kepimpinan yang berjuang untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi ini..... dan persaudaraan kerana Allah supaya mereka dapat menegakkan kewujudan mereka di atas asas kasih sayang dan tolong-menolong yang menghapuskan perasaan-perasaan mementingkan diri sendiri dan menambahkan perasaan mengutamakan kepentingan-kepentingan orang lain yang terbit dengan hati yang senang, dengan semangat yang berkobar-kobar dan dengan keyakinan yang penuh tenteram dan gembira.

Ciri Kelompok Muslimin Yang Pertama Di Madinah

Beginilah caranya kelompok pertama Muslimin terbentuk di Madinah di atas asas keimanan dan persaudaraan kerana Allah, iaitu keimanan yang terbit dari ma'rifat Allah dan sifat-sifat-Nya yang tergambar di dalam hati, keimanan yang terbit dari taqwa dan bermuraqabah dengan Allah dan keimanan yang terbit dari kesedaran dan kepekaan hingga ke batas yang luar biasa kecuali dalam keadaan-keadaan yang jarang Dan persaudaraan yang ditegakkan di atas kasih sayang yang melimpah-ruah, kasih mesra yang manis dan indah, dan ditegakkan di atas semangat tolong-menolong yang sungguh-sungguh dan mendalam. Kelompok Muslimin yang pertama itu telah mencapai satu tahap, andainya ia tidak berlaku, tentulah kisah mereka dikira sebagai kisah impian orang-orang yang bermimpi. Cerita persaudaraan di antara kaum Muhajirin dan kaum Ansar adalah sebuah cerita dari alam hakikat, tetapi dari segi sifatnya ia lebih hampir kepada sebuah cerita impian. Ia sebuah cerita yang telah berlaku di dunia ini tetapi dari segi sifatnya ia adalah sebuah cerita dari alam Syurga yang kekal.

Di atas landasan keimanan dan persaudaraan yang seperti inilah tegaknya sistem hidup ilahi di muka bumi di setiap zaman.

Oleh sebab itulah ayat yang berikut kembali mengingatkan kelompok Muslimin supaya jangan berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri, dan seterusnya memberi amaran dari menerima akibat yang telah menimpa kaum Ahlil-Kitab yang telah memikul amanah agama Allah sebelum mereka kemudian mereka berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri, lalu Allah merampas panji-panji amanah dari tangan mereka dan menyerahkannya kepada kelompok Muslimin yang hidup bersaudara. Di samping itu mereka ditunggu pula oleh 'azab keseksaan pada hari Qiamat, di mana banyak muka kelihatan putih berseri-seri dan banyak pula muka yang kelihatan hitam muram:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ

الْبَيِّنَاتِ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ فَأَمَّا الَّذِينَ أُسْوَدَّتْ

وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ

بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾

وَأَمَّا الَّذِينَ أُبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَبِإِذْنِ اللَّهِ

هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١٠٧﴾

"Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah berpecah-belah dan berselisih faham sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka. Dan merekalah orang-orang yang mendapat 'azab yang amat besar (105). (Ingatlah) hari, di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram, Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu (106) Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya." (107)

Di sini ayat ini melukiskan satu pemandangan dari pandangan-pandangan Al-Qur'an yang hidup dan penuh harakat. Kita sedang berdepan dengan sebuah pemandangan yang menakutkan, iaitu satu pemandangan dahsyat yang tidak digambarkan dengan kata-kata atau dengan sifat-sifat, tetapi digambarkan dengan muka-muka manusia yang hidup, iaitu muka-muka yang berseri-seri dengan nur dan limpah dengan kegembiraan menyebabkan ia kelihatan putih berseri-seri dan tersenyum manis, sedangkan muka-muka ini pula muram kerana sedih dan dukacita dan ia kelihatan hitam suram kerana

terlalu duka nestapa. Namun demikian mereka tidak pula dibiarkan begitu sahaja, malah mereka terus dibidas dan dikecam:

أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ

تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾

"Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan kufur yang dilakukan kamu itu." (106)

وَأَمَّا الَّذِينَ أُبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَبِإِذْنِ اللَّهِ هُمْ

فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١٠٧﴾

"Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya." (107)

Demikianlah pandangan ini berdenyut-denyut hidup, bergerak dan berdialog mengikut cara Al-Qur'an.

Demikianlah erti amaran dari berpecah-belah dan bertelagah sesama sendiri itu terpacak kukuh di dalam hati kelompok Muslimin, demikianlah juga erti ni'mat ilahi yang luhur yang mengurniakan ni'mat keimanan dan persaudaraan yang padu.

Demikianlah kelompok Muslimin melihat nasib kesudahan kaum Ahlil-Kitab dan mereka telah diberi amaran supaya jangan mengikut kaum Ahlil-Kitab agar mereka tidak berkongsi dengan mereka menerima nasib kesudahan yang amat pedih di dalam 'azab yang amat besar pada hari Qiamat kelak, di mana banyak muka kelihatan putih berseri dan ramai pula muka yang kelihatan hitam suram.

(Pentafsiran ayat-ayat 108 - 109)

Kemudian kenyataan yang menjelaskan nasib kesudahan kedua-dua kumpulan diiringi pula dengan satu kenyataan kesimpulan Al-Qur'an yang sesuai dengan garis-garis besar surah ini, iaitu kenyataan yang mengandungi penjelasan yang membuktikan kebenaran wahyu dan risalah, kesungguhan balasan dan hisab pada hari Qiamat, keadilan hukuman Allah yang mutlak di dunia dan Akhirat, hak kepunyaan Allah Yang Tunggal yang memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan perkembalian segala urusan kepada Allah dalam segala keadaan:

تِلْكَ آيَاتُ اللَّهِ تَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ وَمَا اللَّهُ يُرِيدُ

ظُلْمًا لِلْعَالَمِينَ ﴿١٠٨﴾

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ

الْأُمُورُ ﴿١٠٩﴾

"Itulah ayat-ayat Allah, Kami bacakannya kepadamu dengan benar dan Allah tiada sekali-kali hendak menganiayakan para hamba-Nya (108). Allah memiliki segala isi langit dan

segala isi bumi. Dan kepada Allah dikembalikan segala urusan."(109)

Itulah gambaran-gambaran, itulah hakikat-hakikat, itulah kesudahan manusia. Semuanya itu adalah ayat-ayat Allah dan keterangan-keterangannya kepada para hamba-Nya. Itulah ayat-ayat yang kami bacakannya kepadamu dengan benar. Yakni ayat-ayat itu adalah benar dalam segala apa yang diterangkannya mengenai dasar-dasar dan nilai-nilai. Ia adalah benar dalam segala apa yang ditayangkannya mengenai kesudahan-kesudahan dan balasan-balasan. Ia adalah diturun membawa kebenaran dari Allah yang berkuasa menurunkannya dan berhak menetapkan nilai-nilai dan kesudahan-kesudahan manusia serta mengenakan balasan-balasan ke atas mereka. Allah tidak sekali-kali bertujuan menimpakan apa-apa kezaliman ke atas para hamba-Nya, kerana Allah Hakim Yang Maha Adil dan Dialah yang memegang teraju urusan pentadbiran langit dan bumi dan urusan setiap makhluk yang ada di langit dan di bumi dan kepada-Nya dikembalikan segala urusan. Tujuan Allah mengaturkan balasan di atas amalan itu ialah untuk menegakkan kebenaran dan menjalankan keadilan dan supaya segala urusan berlangsung dengan kesungguhan yang layak dengan kebesaran Allah bukan seperti yang didakwakan oleh kaum Ahlil-Kitab bahawa mereka tidak akan disentuh api Neraka kecuali untuk beberapa hari sahaja.

(Pentafsiran ayat-ayat 110 - 117)

Kedudukan Nilai Dan Hakikat Kaum Muslimin

Selepas itu Al-Qur'an mensifatkan umat Muslimin kepada diri mereka sendiri untuk memperkenalkan kepada mereka kedudukan mereka, nilai mereka dan hakikat mereka. Kemudian ia mensifatkan kaum Ahlil-Kitab tanpa mengurangi martabat mereka, malah ia menjelaskan hakikat mereka dan menggalakkan mereka mengejar pahala keimanan dan kebajikannya. Di samping menenangkan kaum Muslimin terhadap musuh mereka kaum Ahlil-Kitab, kerana mereka tidak akan dapat membahayakan kaum Muslimin dengan tipudaya dan peperangan-peperangan yang dilancarkan terhadap mereka, begitu juga mereka tidak akan diberi pertolongan mengalahkan kaum Muslimin. Dan bagi orang-orang yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab adalah disediakan untuk mereka 'azab Neraka di Akhirat dan tidak berguna kepada mereka segala apa yang diinfakkan mereka dalam kehidupan dunia ini tanpa iman dan taqwa:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَلَوْ أَنَّمَنِ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ

مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾
لَنْ يَضُرُّوكُمْ إِلَّا أَذًى وَإِنْ يُقْتَلُوا كُمْ يُؤَلَّفُكُمْ
الْأَدْبَارُ ثُمَّ لَا يَنْصُرُونَ ﴿١١١﴾

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ
مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُ وَبِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا
يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ
بِغَيْرِ حَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾
لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ
يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ أَنْهَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ

فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾
وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا
أَوْلَادُهُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ
فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١٦﴾

مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ
رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
فَأَهْلَكَتْهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَنفُسَهُمْ
يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkar dan kamu beriman kepada Allah. Danandainya kaum Ahlil-Kitab itu beriman tentulah lebih baik kepada mereka. Di antara

mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng (110). Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu sekalian dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan (111). Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas (112). Mereka tidak sama. Di antara Ahli-Kitab adalah golongan yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang) (113). Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan-kebaikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh (114). Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa (115). Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berguna kepada mereka harta mereka dan tidak pula anak-anak mereka sedikit pun untuk menolak 'azab Allah dan mereka adalah penghuni-penghuni Neraka dan mereka kekal di dalamnya (116). Bandingan harta yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini adalah laksana angin yang amat dingin yang telah menimpa tanaman satu kaum yang telah menganaiyai diri mereka dan memusnahkannya. Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri."(117)

Bahagian pertama dari kumpulan ayat-ayat ini telah meletakkan satu kewajipan yang amat berat di atas bahu kelompok Muslimin di bumi ini di samping memuliakan mereka dan mengangkat kedudukan mereka kepada satu kedudukan yang unik dan istimewa yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana kelompok manusia yang lain:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."(110)

Pengungkapan dengan kata-kata "أُخْرِجَتْ" (dilahirkan), iaitu dengan kata-kata bina majhul adalah satu pengungkapan yang menarik perhatian. Ia membayangkan tangan pentadbir yang lemah-lembut yang melahirkan umat ini dengan penuh hebat dan menolakkannya keluar ke alam kenyataan dari kegelapan alam ghaib dan dari sebalik tabir sarnadi azali yang tidak diketahui di mana batasnya melainkan Allah. Itulah satu kata-kata yang menggambarkan harakat yang tersembunyi yang bertindak, harakat yang lemah lembut yang perlahan-lahan bergerak, harakat yang melahirkan satu umat di

atas pentas alam al-wujud, iaitu satu umat yang mempunyai peranan istimewa, kedudukan istimewa dan perhitungannya yang istimewa:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia."

Umat Muslimin Dilahirkan Untuk Menjadi Pemimpin Umat Manusia

Inilah hakikat yang harus difahami oleh umat Muslimin supaya mereka mengenal hakikat diri mereka dan nilai mereka dan menyedari bahawa mereka adalah dilahirkan Allah untuk menjadi angkatan barisan hadapan yang memegang teraju kepimpinan (umat manusia) dengan sebab mereka merupakan sebaik-baik umat, sedangkan Allah pula mahu kepimpinan di bumi ini dipegang oleh kebaikan bukannya kejahatan. Oleh sebab itulah umat Muslimin tidak seharusnya menerima kepimpinan dari umat-umat jahiliyah yang lain, malah yang seharusnya bagi mereka buat selama-lamanya ialah memberi kepada umat-umat ini sumbangan-sumbangan yang ada pada mereka dan seharusnya mereka sentiasa mempunyai sumbangan-sumbangan untuk diberikan kepada umat-umat itu dalam bentuk kepercayaan yang betul, kefahaman yang betul, sistem hidup yang betul, akhlak yang betul, pengetahuan yang betul dan sains yang betul. Inilah kewajipan umat Muslimin yang diwajibkan oleh kedudukan dan matlamat kewujudan mereka. Kewajipan mereka ialah berada selama-lamanya di barisan hadapan dan selama-lamanya memegang teraju kepimpinan. Kedudukan ini mempunyai tanggungjawab-tanggungjawabnya. Oleh itu kedudukan ini tidak diambil dengan semata-mata dakwaan, ia tidak diserahkan kepada mereka melainkan kerana mereka layak memikulnya. Dengan kefahaman kepercayaan mereka dan dengan sistem kemasyarakatan mereka, mereka adalah layak memikul tugas kepimpinan itu. Dan yang masih tinggal dan harus diusahakan mereka ialah supaya mereka juga layak memikul tugas kepimpinan itu dengan kemajuan mereka di bidang keilmuan dan pembangunan-pembangunan di bumi sebagai menyempurnakan tugas khilafah mereka. Dari sini nyatalah bahawa sistem hidup umat Muslimin ini menuntut mereka melaksanakan banyak perkara dan mendorong mereka supaya mendahului (umat-umat yang lain) di dalam segala bidang jika mereka benar-benar mengikut dan mematuhi sistem hidup Ilahi itu dan memahami kehendak-kehendak dan tugas-tugasnya.

Keperluan pertama dari keperluan-keperluan kedudukan kepimpinan ini ialah mereka harus memelihara kehidupan manusia dari kejahatan dan kerosakan dan mereka harus mempunyai kekuatan yang membolehkan mereka menyuruh manusia melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran, kerana merekalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia. Mereka dipilih Allah bukan kerana mengambil hati

atau pilih kasih, dan bukan pula secara kebetulan atau sembarangan Maha Suci Allah dari segala perbuatan ini dan bukan kerana tujuan mengagih-agihkan ikhtisas dan penghormatan sebagaimana pernah didakwa oleh Ahlil-Kitab:

كَمْ أَنتُمْ بَنُو اللَّهِ وَأَحِبُّوهُ

"Kami adalah anak-anak Allah dan para kekasih-Nya."

(Surah al-Ma'idah: 18)

Tidak! Sekali-kali tidak! Malah mereka dipilih untuk melaksanakan tindakan-tindakan positif bagi memelihara kehidupan manusia dari kemungkaran dan menegakkannya di atas dasar kema'rufan serta keimanan yang menggariskan kema'rufan dan kemungkaran itu:

تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

"Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."

Itulah pelaksanaan tugas-tugas umat yang terpilih dengan segala pengorbanan dan kesulitan yang wujud di sebaliknya dan dengan segala duri-duri yang terpacak di jalannya. Itulah gerak kerja menentang kejahatan, menggalakkan kebaikan dan memelihara masyarakat dari faktor-faktor kerosakan. Semuanya ini adalah kerja-kerja yang penat dan sulit, tetapi perlu untuk menegakkan masyarakat yang baik dan memeliharakannya, ia adalah kerja-kerja yang perlu untuk mewujudkan gambaran kehidupan manusia yang direndhai Allah.

Kekuatan Dan Pengaruh Keimanan

Keimanan kepada Allah merupakan suatu kepastian untuk meletakkan neraca yang betul bagi semua nilai dan untuk memberi ta'rif yang betul kepada kema'rufan dan kemungkaran, kerana istilah yang ditetapkan kelompok manusia sahaja tidak cukup. Kadang-kadang kerosakan itu menular ke seluruh sektor (masyarakat) menyebabkan neraca-neraca menjadi tidak betul dan mungkir belaka. Oleh sebab itulah ia pasti dirujuk kepada satu kefahaman yang tetap bagi istilah-istilah kebaikan dan kejahatan, sifat yang mulia dan sifat yang hina, kema'rufan dan kemungkaran yang diasaskan di atas satu dasar yang lain dari istilah manusia di dalam mana-mana generasi mereka.

Inilah yang dapat direalisasikan oleh keimanan dengan menegakkan kefahaman dan pandangan yang betul terhadap alam al-wujud dan hubungannya dengan Allah Penciptanya, juga terhadap manusia, matlamat kewujudannya dan kedudukannya yang haqiqi di alam buana ini. Dan dari kefahaman dari pandangan yang semesta inilah lahirnya dasar-dasar akhlak. Dan dari motif keinginan mencari keredhaan Allah dan menjauhi kemurkaan-Nya, manusia

berusaha untuk merealisasikan dasar-dasar ini. Dan dari kuasa Allah yang dirasakan di dalam hati nurani dan dari kuasa syari'atnya di dalam masyarakat terlaksanalah pula kawalan terhadap dasar-dasar akhlak ini.

Keimanan kepada Allah juga merupakan suatu kepastian supaya orang-orang yang menyuruh melakukan kebaikan dan orang-orang yang melarang melakukan kemungkaran itu mendapat kekuatan meneruskan perjuangan dan memikul tugas-tugas mereka yang berat di jalan yang sukar ini, kerana mereka akan menghadapi kuasa-kuasa jahat dan kuasa-kuasa nafsu yang ganas dan kejam, mereka akan menghadapi keruntuhan jiwa, kelemahan semangat dan kekuatan tekanan tamak haloba. Oleh itu satu-satunya bekalan dan kelengkapan mereka untuk menghadapi keadaan-keadaan yang seperti ini ialah keimanan dan satu-satunya sandaran mereka ialah Allah. Dan segala bekalan yang lain dari bekalan keimanan akan terdedah kepada kehabisan dan segala kelengkapan yang lain dari kelengkapan keimanan akan terdedah kepada kerosakan dan segala sandaran yang lain dari sandaran Allah akan runtuh belaka.

Di dalam rangkaian ayat yang telah silam telah dikemukakan perintah yang mewajibkan kelompok Muslimin supaya mereka mengadakan sekumpulan dari mereka yang bertugas menjalankan da'wah kepada kebaikan, menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran, tetapi di dalam ayat ini Allah S.W.T. sifatkan mereka dengan sifat ini untuk membuktikan kepada mereka bahawa mereka tidak wujud dengan kewujudan yang sebenar melainkan apabila sifat yang asasi itu terdapat pada mereka dengan sempurnanya. Dan dengan sifat inilah mereka dikenali di dalam masyarakat manusia. Jika mereka melaksanakan tugas berda'wah kepada kebaikan dan menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran serta beriman kepada Allah, maka bererti merupakan satu kumpulan yang wujud dan bersifat Muslimin. Sebaliknya jika mereka tidak melaksanakan tugas ini, bererti mereka tidak wujud dan tidak terbukti pada mereka sifat Islam.

Di dalam Al-Qur'an terdapat berbagai-bagai ayat yang menjelaskan hakikat ini dan kami tinggalkannya sehingga tiba pada tempatnya masing-masing. Di dalam as-Sunnah terdapat sekumpulan hadith-hadith yang cemerlang yang mengandungi perintah-perintah dan arahan-arahan Rasulullah s.a.w. yang kami petikan sebahagian darinya:

Hadith-hadith Mengenai Pembasmian Kemungkaran

Daripada Abi Sa'id al-Khudri r.a. katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

من رأى منكم منكراً فليغيره بيده، فإن لم يستطع فليسهه، فإن لم يستطع فليخبره بيده، فإن لم يستطع فليخبره بلسانه، فإن لم يستطع فليخبره بقلبه وذلك أضعف الإيمان -
اخرجه مسلم

"Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia ubahkannya dengan tangannya (kuasanya), jika ia tidak berupaya, maka hendaklah ia ubahkannya dengan lidah, dan jika ia tidak berupaya, maka hendaklah ia ingkarkannya dengan hatinya dan itulah selemah-lemah iman."

Daripada ibn Mas'ud r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لما وقعت بنو إسرائيل في المعاصي نهتهم علماءؤهم، فلم يتتهوا، فجالسواهم وواكلوهم وشاربوهم، فضرب الله تعالى قلوب بعضهم ببعض، ولعنهم على لسان داود ولسليمان وعيسى بن مريم... ثم جلس - وكان متكئاً - فقال : لا والذي نفسي بيده حتى تأطروهم على الحق أطراً - اخرجوه أبو داود والترمذي

"Apabila Bani Israel melakukan maksiat-maksiat, maka mereka telah dilarang oleh ulama'-ulama' mereka, tetapi mereka tidak juga berhenti kemudian ulama'-ulama' itu bersekedudukan dan semakan-seminum dengan mereka lalu Allah Ta'ala menjadikan hati mereka bertentangan terhadap satu sama lain dan melaknatkan mereka di atas lidah Daud, Sulaiman dan 'Isa anak Maryam" kemudian beliau duduk dan bersandar lalu bersabda lagi: "Tidak (tidak boleh dibiarkan orang-orang yang melakukan maksiat itu) demi Allah yang nyawaku berada dalam genggamannya kuasa-Nya sehingga kamu melunturkan mereka supaya kembali kepada kebenaran."

Dari Huzayfah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

والذين نفسي بيده لتأمرن بالمعروف ولتنهون عن المنكر، أو ليوشكن الله أن يبعث عليكم عقاباً منه: ثم تدعونهم فلا يستجيب لكم.

"Demi Allah yang nyawaku berada dalam genggamannya kekuasaan-Nya, hendaklah kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran atau lambat-laun Allah akan menimpa balasan ke atas kamu, kemudian kamu berdoa kepada-Nya dan Dia tidak lagi memperkenankan do'a kamu."

Dari 'Aras ibn Umayrah al-Yindi r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا عملت الخطيئة في الأرض كان من شهدها فأنكرها كمن غاب عنها، ومن غاب عنها فرضيها كمن شهدها. - اخرجوه أبو داود.

"Apabila sesuatu kejahatan telah dilakukan di bumi ini, maka sesiapa yang melihatnya dan mengingkarkannya maka ia adalah sama dengan orang yang tidak melihatnya, dan sesiapa yang tidak melihatnya tetapi ia meredhakannya maka ia adalah sama dengan orang yang melihatnya."

Daripada Abi Sa'id al-Khudri r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن من أعظم الجهاد كلمة عدل عند سلطان جائر - اخرجوه أبو داود والترمذي

"Sesungguhnya jihad yang paling besar itu ialah mengeluarkan perkataan yang adil di hadapan pemerintah yang zalim."

Daripada Jabir bin Abdullah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

سيد الشهداء حمزة. ورجل قام إلى سلطان جائر، فأمره ونهاه، فقتله - رواه الحاكم والضياء

"Yang menjadi penghulu para syuhada ialah Hamzah dan lelaki yang pergi menemui pemerintah yang zalim lalu ia menyuruh dan melarangnya kemudian pemerintah itu membunuhnya."

Lain dari hadith-hadith ini terdapat banyak lagi hadith-hadith yang semuanya menjelaskan ketulenan sifat ini pada masyarakat Islam, juga keperluan sifat ini kepada masyarakat Islam. Hadith-hadith itu mengandungi bahan bimbingan dan cara pendidikan yang besar. Ia merupakan suatu bekalan yang amat penting di samping nas-nas Al-Qur'an, iaitu bekalan yang kita sekalian lupakan nilai dan hakikatnya.¹

Kemudian marilah kita kembali pula kepada bahagian yang lain dari ayat yang pertama rangkaian ini.

وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Dan andainya kaum Ahli-Kitab itu beriman tentulah lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng." (110)

Kaum Ahli-Kitab Diseru Kembali Kepangkuan Iman

Ini adalah suatu galakan supaya Ahli-Kitab - itu turut beriman. Ini adalah lebih baik bagi mereka di dunia ini agar dengan keimanan itu mereka terhindar dari perpecahan dan kekacauan di dalam 'aqidah-'aqidah kepercayaan mereka, iaitu perpecahan dan kekacauan i'tiqad, kepercayaan yang masih terus mengharamkan mereka dari mendapatkan satu syakhsiyah yang padu, kerana kepercayaan-kepercayaan yang seperti itu tidak dapat dijadikan landasan sistem kemasyarakatan untuk mengatur kehidupan mereka. Ia menyebabkan peraturan-peraturan kemasyarakatan mereka ditegakkan di atas asas yang tidak betul atau tergantung-gantung di atas udara. Seperti mana-mana sistem kemasyarakatan yang lain yang tidak dilandaskan di atas asas i'tiqad yang semesta atau syumul dan di atas suatu pentafsiran yang lengkap terhadap alam al-wujud, terhadap matlamat kewujudan insan dan terhadap

¹ Lihat huraian yang luas dalam buku "فيسات من الرسول" oleh Muhammad Qutb bab "فبين ان تدعوا فلا اجيب"

kedudukan insan di alam buana. Seterusnya keimanan itu lebih baik bagi mereka di Akhirat kelak agar dengan keimanan mereka terselamat dari akibat kesudahan yang buruk yang menunggu-nunggu orang-orang yang tidak beriman.

Kemudian dijelaskan pula keadaan mereka, di mana hak-hak orang-orang yang soleh dari golongan mereka tidak pernah dikurangi:

مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ أَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah penyeleweng-penyeleweng. (110)

Sekumpulan Ahlil-Kitab telah pun beriman dan menunjukkan keislaman mereka yang baik di antara mereka ialah: Abdullah ibn Salam, Asad ibn 'Ubayd, Tha'labah ibn Syua'bah dan Ka'b ibn Malik. Merekalah yang diisyaratkan oleh ayat ini secara umum dan dalam satu ayat selanjutnya mereka diisyaratkan dengan terperinci. Tetapi golongan yang terbesar dari mereka adalah menyeleweng dari agama Allah kerana mereka tidak memenuhi perjanjian Allah dengan para anbia', iaitu setiap nabi diwajibkan beriman kepada saudaranya yang dibangkitkan selepasnya dan memberi sokongan kepadanya. Mereka telah menyeleweng dari agama Allah kerana mereka enggan mengikut kehendak iradat Allah yang telah mengutuskan rasul-Nya yang terakhir yang bukan dari kalangan Bani Israel. Mereka enggan mengikut dan mematuhi rasul ini dan enggan berhakimkan kepada syari'at terakhir yang diturunkan dari Allah untuk seluruh manusia itu.

Oleh sebab setengah-setengah orang Islam masih mempunyai berbagai-bagai bentuk hubungan dengan orang-orang Yahudi di Madinah dan oleh sebab orang-orang Yahudi di waktu itu masih merupakan satu kekuatan yang ketara baik dari segi kekuatan ketenteraan atau kekuatan ekonomi yang sangat diperhitungkan oleh setengah-setengah orang Islam, maka Al-Qur'an sendiri mengambil daya usaha memperkecilkan kedudukan kaum Yahudi yang fasiq itu di dalam hati kaum Muslimin dan menonjolkan lakikat mereka yang lemah dengan sebab kekafiran, dosa-dosa dan penderhakaan-penderhakaan mereka, juga dengan sebab perpecahan mereka kepada berbagai-bagai puak dan golongan dan dengan sebab kehinaan dan kepapaan yang diterapkan Allah ke atas mereka.

لَنْ يَضُرُّكُمْ إِلَّا أَدَىٰ ط وَإِنْ يُقَاتِلُوكُمْ يُؤَلُّوكُمْ
الْأَدْبَارُ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١١﴾

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا تَقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ
مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءَ وَيْءٌ مِّنَ اللَّهِ

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكِ يَأْتِهِمْ كَانُوا
يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ
بِغَيْرِ حَقِّ ذَلِكِ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

"Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu sekalian dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan (111). Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar itu. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas." (112)

Dengan penjelasan ini Allah menjamin kemenangan dan keselamatan secara terus-terang kepada orang-orang Mu'min apabila mereka bertembung dengan musuh-musuh mereka apabila mereka berpegang teguh dengan agama mereka dan yakin kepada Tuhan mereka:

لَنْ يَضُرُّوكُمْ إِلَّا أَدَىٰ ط وَإِنْ يُقَاتِلُوكُمْ يُؤَلُّوكُمْ
الْأَدْبَارُ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

"Mereka tidak sekali-kali akan dapat memudaratkan kamu sekalian dari gangguan kecil sahaja dan jika mereka berperang dengan kamu, mereka akan berpusing lari kemudian mereka tidak diberi pertolongan." (111)

Kaum Ahlil-Kitab Tidak Dapat Menghancurkan Kaum Muslimin

Yakni mereka tidak akan dapat melakukan suatu kemudatan yang mendalam dan serius yang menjejaskan dasar da'wah dan tidak akan menjejaskan kewujudan kelompok Muslimin dan mereka tidak akan dapat mengusirkan mereka dari muka bumi ini, malah apa yang dapat dilakukan mereka ialah memberi gangguan yang sementara di dalam perjuangan dan penderitaan yang akan beransur hilang bersama zaman. Tetapi apabila mereka bertempur dengan kaum Muslimin dalam mana-mana peperangan, maka kekalahan tetap tertulis di atas mereka pada akhir perjuangan itu. Mereka tidak akan selama-lamanya mendapat kemenangan mengalahkan orang-orang Mu'min dan ketika itu tiada siapa yang dapat membantu dan melindungi mereka dari perjuangan orang-orang Mu'min. Ini ialah kerana:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ
"Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka."

dan nasib kesudahan mereka telah ditetapkan. Mereka dipandang hina di setiap negeri dan tiada

yang dapat melindungi keselamatan mereka melainkan jaminan dari Allah dan jaminan dari kaum Muslimin apabila mereka masuk di bawah jaminan mereka, di mana darah dan harta mereka terpelihara kecuali dengan haknya yang benar dan mereka diberi keamanan dan kesentosaan. Sejak masa itu kaum Yahudi tidak mengenal keamanan melainkan di bawah jaminan kaum Muslimin, tetapi malangnya tidak ada permusuhan kaum Yahudi terhadap sesuatu kaum di bumi ini lebih hebat dari permusuhan mereka terhadap kaum Muslimin!

وَبَاءُ وَبِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ

"Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah."

Seolah-olah mereka kembali dari perjalanan mereka membawa kemurkaan ini.

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ

"Dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka."

Rasa kepapaan itu hidup di dalam hati nurani mereka dan tersembunyi di dalam perasaan mereka.

Semuanya ini telah berlaku selepas turunnya ayat ini dan tidak ada pertempuran yang telah berlaku di antara kaum Muslimin dan kaum Ahlil-Kitab melainkan Allah catatkan kemenangan di pihak kaum Muslimin - selama mereka memelihara agama mereka dan berpegang teguh kepada 'aqidah mereka dan menegakkan undang-undang dan peraturan Allah dalam kehidupan mereka - dan Allah telah menerapkan kehinaan ke atas musuh-musuh mereka kecuali mereka berlindung di bawah jaminan kaum Muslimin atau kaum Muslimin meninggalkan agama mereka.

Al-Qur'an telah mendedahkan sebab surat taqdir yang ditulis ke atas kaum Yahudi itu, iaitu satu sebab yang umum yang boleh berlaku kesan-kesannya di atas setiap kaum, iaitu perbuatan maksiat dan pencerobohan biarpun bagaimana mereka mendakwa pendirian mereka di dalam agama:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ
الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا
يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

"Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas."(112)

Keingkaran terhadap ayat-ayat Allah - sama ada dengan cara mengingkarkannya sama sekali atau dengan cara tidak berhakimkan kepadanya atau tidak melaksanakannya dalam realiti kehidupan - dan membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh berlaku adil terhadap manusia sebagaimana diterangkan di dalam ayat yang lain dari surah ini, perbuatan menderhaka

dan mencerooboh. Semuanya ini merupakan sijil-sijil kelayakan bagi menerima kemurkaan Allah, kekalahan, kehinaan dan kepapaan. Ia juga merupakan sijil-sijil kelayakan yang terdapat pada saki-baki keturunan kaum Muslimin yang bergelandangan di muka bumi ini. Mereka menamakan diri mereka tanpa bukti yang sebenar - sebagai kaum Muslimin. Inilah sijil-sijil kelayakan yang mereka kemukakan kepada Allah pada hari ini. Dan kerana itu mereka mencapai kekalahan, kehinaan dan kepapaan yang telah diterapkan Allah ke atas kaum Yahudi. Apabila ada di antara mereka yang berkata: Mengapa kita kalah di bumi, sedangkan kita orang-orang Islam? Maka hendaklah orang ini berfikir sebelum ia berkata begitu apakah Islam itu? Dan siapakah sebenarnya orang-orang Islam itu? Kemudian barulah dia boleh bercakap.

Kedudukan Golongan Ahlil-Kitab Yang Beriman

Untuk menunjukkan sikap yang adil terhadap segelintir Ahlil-Kitab yang baik terpilih, maka ayat yang berikut kembali membuat pengecualian dengan menjelaskan bahawa kaum Ahlil-Kitab itu tidak semuanya sama, kerana di antara mereka ada kumpulan yang beriman. Al-Qur'an menggambarkan hubungan mereka dengan Allah yang sama dengan hubungan orang-orang Mu'min yang sejati dan menerangkan balasan yang diterima mereka di sisi Allah, iaitu balasan yang diterima oleh para solehin.

لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ
يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ إِذَا نَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ

فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾
وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

"Mereka tidak sama. Di antara Ahlil-Kitab ada golongan yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang).(113) Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan mereka menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan-kebaikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh.(114) Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa."(115)

Inilah gambaran yang gemilang bagi para Mu'minin dari kaum Ahlil-Kitab. Mereka telah beriman dengan keimanan yang benar, mendalam dan sempurna dan mereka telah bergabung dalam barisan kaum

Muslimin dan turut berjuang menjaga agama ini. Mereka telah beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Mereka telah melaksanakan tugas-tugas keimanan dan merealisasikan sifat umat Muslimin yang disertai mereka - iaitu sifat sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia - iaitu mereka menyuruh berbuat kema'rufan dan melarang melakukan kemungkaran. Hati mereka gemarkan keseluruhan kebaikan dan mereka jadikan kebaikan itu sebagai matlamat perlumbaan mereka. Kerana itu mereka telah berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dan oleh sebab itulah mereka mendapat pengakuan Allah bahawa mereka adalah dari golongan para solehin. Ayat ini memberi janji yang benar bahawa hak mereka tidak akan dikurangi sedikit pun dan tidak akan dihapuskan mana-mana pahala amalan mereka di samping memberi isyarat bahawa Allah S.W.T. mengetahui bahawa mereka adalah dari golongan para Muttaqin.

Itulah gambaran yang ditayangkan di hadapan orang-orang yang ingin mendapat pengakuan dan janji yang seperti ini agar gambaran ini direalisasikan pada diri masing-masing oleh setiap orang yang rindukan cahayanya yang gemilang di kemuncaknya yang cemerlang.

Mengapa Amalan Kebajikan Orang-orang Kafir Sia-sia Di Akhirat

Ini di tebing sebelah sini dan di tebing sebelah sana pula terdapat orang-orang kafir yang tidak akan berguna kepada mereka harta kekayaan dan anak pinak mereka. Dan segala perbelanjaan kebajikan yang dibelanjakan mereka di dunia ini tidak akan memberi apa-apa faedah kepada mereka dan mereka tidak akan mendapat apa-apa pahala di Akhirat kerana perbelanjaan itu tidak mempunyai hubungan dengan garis kebaikan yang tetap dan lurus, iaitu kebajikan yang terbit dari keimanan kepada Allah mengikut kefahaman yang terang, matlamat yang teguh dan jalan yang berhubung dengan Allah. Jika tidak demikian, maka kebajikan itu hanya merupakan suatu keinginan yang mendadak yang tidak mempunyai kemantapan, suatu kecenderungan yang dikendalikan oleh hawa nafsu bukannya dirujukkan kepada satu dasar yang terang, jelas dimengerti dan difahami dan bukannya dirujukkan kepada satu sistem hidup yang sempurna, syumul dan lurus.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُغْنِي عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا
أَوْلَادُهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ
فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١٦﴾

مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ
رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ

فَأَهْلَكَتْهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ أَنفُسَهُمْ
يُظَلِمُونَ ﴿١١٧﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berguna kepada mereka harta mereka dan tidak pula anak-anak mereka sedikit pun untuk menolak 'azab Allah dan mereka adalah penghuni-penghuni Neraka dan mereka kekal di dalamnya (116). Bandingan harta yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini adalah laksana angin yang amat dingin yang telah menimpa tanaman satu kaum yang telah menganiayai diri mereka dan memusnahkannya. Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri.*"(117)

Demikianlah hakikat ini terlukis dalam satu pemandangan yang berdenyut dengan harakat dan penuh dengan hayat mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an yang indah.

Harta kekayaan dan anak-anak mereka tidak dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah, tidak dapat dijadikan tebusan bagi mereka dari keseksaan dan tidak dapat menyelamatkan mereka dari Neraka. Mereka tetap menjadi penghuni Neraka dan segala harta yang dibelanjakan mereka adalah hilang dan musnah belaka walaupun mereka belanjakannya - mengikut hemat mereka - untuk kebajikan, kerana tidak ada kebajikan kecuali ia mempunyai hubungan dengan iman dan tercetus dari iman, tetapi Al-Qur'an tidak mengungkapkan begini sebagaimana yang diungkapkan oleh kita, malah (sebagai gantinya) ia melukiskan suatu pemandangan yang hidup.

Kita melihat pemandangan itu, dan kita dapati kita berada di hadapan sebuah ladang yang subur dengan tanaman-tanaman kemudian tiba-tiba ia dilanda ribut kencang yang amat dingin yang membinasakan tanaman itu kerana terlalu dingin. Kata-kata "Sirr" itu sendiri seolah-olah sebutir peluru yang ditembak dengan kuat dan nadanya yang keras itu menggambarkan pengertiannya yang dahsyat, iaitu seluruh ladang itu tiba-tiba binasa dan musnah.

Dalam sekelip mata sahaja segala sesuatu telah berlaku. Kemusnahan dan kebinasaan menjadi kenyataan dan seluruh tanaman musnah belaka. Itulah bandingan perbelanjaan orang-orang kafir di dunia ini walaupun pada lahirnya perbelanjaan itu adalah untuk kebajikan dan kebaktian. Dan itulah bandingan anak-anak dan harta kekayaan yang dimiliki oleh mereka. Semuanya musnah dan binasa tanpa memberi sesuatu kenikmatan yang haqiqi dan tanpa mendapat apa-apa balasan.

وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ أَنفُسَهُمْ يُظَلِمُونَ ﴿١١٧﴾

"*Allah tidak menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri mereka sendiri.*"

Merekalah yang menyimpang dari sistem hidup yang mengumpulkan segala jenis kebajikan dan kebaikan, iaitu sistem hidup yang menjadikan seluruh

kebaikan dan kebaikan itu satu garis yang lurus, tetap, teguh dan bersambung dengan iman, mempunyai matlamat yang terpetta, motif yang dimengerti dan jalan yang dikenali. Sistem hidup ini tidak memberi tempat kepada keinginan-keinginan yang mendadak, gambaran-gambaran yang sulit tidak dimengerti dan keganjilan yang tidak dirujukkan kepada peraturan yang tetap dan lurus.

Mereka yang memilih gelandangan, kesesatan dan keterlucutan dari tali agama Allah dan menyebabkan seluruh amalan mereka menjadi sia-sia sehingga perbelanjaan yang mereka belanjakannya - pada lahirnya - untuk kebaikan, dan menyebabkan seluruh tanaman mereka ditimpa kemusnahan dan seluruh harta kekayaan dan anak-anak mereka tidak berguna. Ini bukannya penganiayaan dari Allah terhadap mereka, malah itulah penganiayaan mereka terhadap diri mereka sendiri dengan sebab mereka memilih kesesatan dan gelandangan.

Demikianlah ditetapkan bahawa tidak ada balasan bagi sesuatu perbelanjaan dan pengorbanan dan tidak ada nilai bagi sesuatu amalan kecuali ia mempunyai hubungan dengan keimanan dan kecuali motifnya ialah keimanan. Inilah yang difirmankan Allah dan ditetapkannya dan selepas ketetapan ini pendapat manusia tidak ada tempat lagi. Dan tiada siapa yang sanggup membantah ketetapan ini melainkan orang-orang yang berani menyangkal ayat-ayat Allah tanpa berpandukan ilmu pengetahuan, tanpa berpandukan petunjuk dan kitab yang jelas.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 118 - 120)

Di akhir pelajaran yang dimulakan dengan penerangan tentang tindak-tanduk Ahlil-Kitab yang menyeleweng dan cara perdebatan mereka yang lihai, juga pendedahan tentang niat jahat mereka terhadap orang-orang Islam dan seterusnya memberi arahan kepada kelompok Muslimin supaya melaksanakan tugas-tugas mereka tanpa menghiraukan kepada gangguan-gangguan para penentang yang sesat dan menyeleweng itu ... Di akhir pelajaran ini dan di akhir bahagian yang panjang dari surah ini disampaikan amaran kepada kelompok Muslimin supaya mereka jangan menjadikan musuh-musuh tabi'i mereka sebagai orang-orang kepercayaan tempat mereka menyimpan rahsia-rahsia dan kepentingan-kepentingan mereka, sedangkan orang-orang ini tetap menjadi seteru mereka. Amaran ini di sampaikan dalam satu gambaran yang syumul dan abadi yang kita masih dapat melihat kebenarannya pada setiap waktu dan setiap negeri. Itulah gambaran yang dilukiskan oleh Al-Qur'an tetapi telah diabaikan oleh pemegang-pemegang Al-Qur'an. Akibat dari kelalaian dan kecuaiannya ini, mereka telah ditimpa dan masih terus ditimpa bencana, penindasan dan kehinaan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةَ مِّن دُونِكُمْ

لَا يَأْلُونَكُم خَبَالًا وَدُّوْا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تَحْنُوْا صُدُوْرُهُمْ
أَكْبَرُ قَدْ يَبِيْنَا لَكُمُ الْآيَاتِ إِن كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٨﴾
هَآأَنْتُمْ أَوْلَاءِ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمُ وَتُؤْمِنُونَ
بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا الْقَوْمُ كَفَرُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا
عَضُّوْا عَلَيْكُمْ ٱلْأَنَامِلَ مِنَ الْغَيْظِ قُلْ مُوتُواْ
بِغَيْظِكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيْمٌ بِذَاتِ الصُّدُوْرِ ﴿١١٩﴾
إِن تَمَسَسْكُمُ حَسَنَةٌ تَسُوْهُمُ وَإِن تُصِبْكُمُ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوْا بِهَا وَإِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُواْ لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ
شَيْئًا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيْطٌ ﴿١٢٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang kepercayaan kamu di luar dari kalangan kamu sendiri, kerana mereka sentiasa berusaha untuk merosakkan kamu. Mereka suka kepada sesuatu yang menyusahkan kamu. Tanda-tanda kebencian telah pun jelas dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) kepada kamu, jika kamu mengerti (118). Ya, kamulah yang kasihkan mereka, sedangkan mereka tidak kasihkan kamu. Kamu beriman kepada semua kitab Allah dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berkumpul sesama sendiri mereka menggigit jari kerana terlalu marah terhadap kamu. Katakanlah: Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu! Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala isi dada (119). Jika kamu memperoleh kebaikan, mereka bersedih hati! Dan jika kamu ditimpa bencana mereka gembira. Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa nescaya kamu tidak sedikit pun dapat dimudaratkan oleh tipu daya mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka." (120)

Kaum Muslimin Disarankan Supaya Berwaspada Terhadap Kaum Ahlil-Kitab Yang Tidak Beriman

Itulah satu gambaran yang menjelaskan sifat-sifatnya dengan sempurna, mendedahkan rahsia-rahsia hati dan bukti-bukti peribadi. Ia merakamkan perasaan-perasaan batin, emosi-emosi yang lahir dan harakat yang pergi dan datang. Dengan seluruh gambaran ini ia merakamkan satu contoh manusia yang berulang-ulang dalam setiap zaman dan tempat. Kita dapat melihat gambaran ini pada hari ini dan pada hari esok di kalangan musuh-musuh yang berada di sekeliling kaum Muslimin. Mereka berpura-pura menunjukkan rasa mesra kepada kaum Muslimin di sa'at-sa'at kaum Muslimin berada dalam kedudukan yang kuat dan dapat mengalahkan mereka, sedangkan setiap gerak-geri mereka

mendustakan mereka, tetapi orang-orang Islam tertipu kepada mereka lalu membalas dengan memberi kemesraan dan kepercayaan kepada mereka, sedangkan satu-satunya tujuan mereka terhadap kaum Muslimin ialah menimbulkan kekacauan dan berusaha merosakkan mereka. Mereka bekerja keras untuk menyulitkan kaum Muslimin dan menaburkan duri-duri di jalan yang dilalui mereka, mereka merancang tipu daya yang jahat terhadap mereka siang dan malam bila terluang.

* * * * *

Tidak syak lagi bahawa gambaran yang amat menarik yang dilukiskan oleh Al-Qur'an ini adalah dari awal-awal lagi tepat dengan sifat-sifat Ahlil-Kitab yang hidup berjiran dengan kaum Muslimin di Madinah. Ia melukiskan gambaran dendam kesumat yang dipendamkan mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin, juga melukiskan rancangan-rancangan jahat dan niat-niat buruk yang berkecamuk di dalam dada mereka, sedangkan di waktu itu setengah-setengah orang Islam masih terus tertipu kepada musuh-musuh Allah itu, mereka masih menunjukkan sikap yang mesra terhadap mereka, masih menyimpan rahsia-rahsia kelompok Muslimin pada mereka dan masih menjadikan mereka selaku orang-orang kepercayaan, sahabat-sahabat akrab dan setia tanpa menaruh apa-apa kebimbangan terhadap akibat membisikkan rahsia-rahsia sulit kepada mereka. Oleh kerana itu Al-Qur'an menyampaikan amaran dan peringatan ini untuk membuka mata kelompok Muslimin supaya melihat hakikat yang sebenar dan untuk menyedarkan mereka terhadap tipudaya musuh tradisional mereka yang selama-lamanya tidak pernah bersikap ikhlas terhadap mereka. Hasad dengki dan dendam kesumat mereka tidak dapat dihapuskan oleh kasih mesra dan persahabatan yang ditunjukkan orang-orang Islam. Amaran dan peringatan ini adalah tidak terbatas kepada sesuatu tempoh yang tertentu di dalam sejarah sahaja, malah ia merupakan satu hakikat yang berterusan yang sentiasa menjadi realiti sebagaimana kita dapat melihat bukti kebenarannya yang terpampang di hadapan kita pada masa ini.

Orang-orang Islam telah mengabaikan perintah Allah yang telah melarang mereka mengambil orang-orang luar dari mereka sebagai orang-orang kepercayaan mereka, iaitu orang-orang luar yang berlainan dari mereka dari segi hakikat, cara hidup dan saranan. Mereka dilarang mengambil orang-orang ini sebagai orang-orang yang diletakkan kepercayaan, dipertaruhkan rahsia-rahsia dan dicari nasihat dan rundingan.

Orang-orang Islam yang telah mengabaikan perintah Allah ini telah mengambil orang-orang yang seperti itu sebagai pakar rujuk mereka dalam segala perkara, segala urusan, segala undang-undang, peraturan, segala kefahaman, segala pendekatan dan segala cara.

Orang-orang Islam yang mengabaikan amaran dan peringatan Allah kepada mereka masih mengadakan hubungan mesra dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya. Mereka membuka dada dan hati mereka kepada musuh-musuh Allah itu, sedangkan Allah mengingatkan kelompok Muslimin yang pertama sama seperti dia mengingatkan kelompok Muslimin yang lain di dalam mana-mana generasi dengan firman-Nya:

وَدُّوْا مَا عَنِتُّمْ قَدَّ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ
وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ

"Mereka suka kepada sesuatu yang menyusahkan kamu. Tanda-tanda kebencian telah pun jelas dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi." (118)

Allah S.W.T. berfirman:

هَآأَنْتُمْ أَؤْلَآءِ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ
بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا الْقُؤُكُمُ قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا
عَضُّوْا عَلَیْكُمْ ؕ أَلَا تَأْمَلُ مِنَ الْغَیْظِ

"Ya, kamulah yang kasihkan mereka, sedangkan mereka tidak kasihkan kamu. Kamu beriman kepada semua kitab Allah dan apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berkumpul sesama sendiri mereka menggigit jari kerana terlalu marah terhadap kamu." (119)

Allah S.W.T. berfirman lagi:

إِنْ تَمَسَّسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِنْ تُصِيبْكُمْ سَيِّئَةٌ
يَفْرَحُوا بِهَا

"Jika kamu memperoleh kebaikan, mereka bersedih hati! Dan jika kamu ditimpa bencana mereka bergembira." (120)

Pengalaman-pengalaman pahit telah menampar kita sekali demi sekali, tetapi kita masih tidak sedar. Dan sekali demi sekali pula kita mengetahui tipudaya dan komplot jahat mereka yang memakai bermacam-macam baju, tetapi kita tidak juga mengambil i'tibar, malah sekali demi sekali ketelanjangan lidah mereka memperlihatkan dendam kesumat mereka yang tidak dapat dihapuskan oleh kemesraan yang ditunjukkan oleh kaum Muslimin kepada mereka dan tidak dapat dibasuhkan oleh toleransi yang diajar oleh agama kita kepada mereka, namun demikian kita masih lagi kembali membuka hati kita kepada mereka dan mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat dalam hidup dan dalam perjalanan kita. Cara kita beradab sopan dengan mereka atau kekalahan jiwa kita terhadap mereka telah sampai ke tahap, di mana kita sanggup beradab sopan dengan mereka dengan memperkecilkan agama kita, iaitu mengelak menyebut agama kita kepada mereka atau

memperkecilkan cara hidup kita, iaitu kita tidak tegakkannya di atas lunas-lunas Islam atau memalsukan sejarah kita dan menghapuskan peristiwa-peristiwa yang menjadi kemegahan Islam untuk mengelak dari menyebut mana-mana peperangan yang telah berlaku di antara datuk nenek kita dengan musuh-musuh kita yang sentiasa menunggu-nunggu peluang itu. Oleh sebab itulah kita ditimpa balasan orang-orang yang derhakakan perintah Allah dan dari sinilah kita menjadi umat yang rendah dan lemah dan dari sinilah kita menerima kesulitan yang dicita-citakan oleh musuh-musuh kita dan menerima kekacauan dan kerosakan yang dimasukkan mereka di dalam barisan kita.

Lihatlah Al-Qur'an kitab suci Allah sendiri mengajar kita - sebagaimana ia mengajar angkatan Muslimin pertama - bagaimana kita hendak menghindarkan diri kita dari tipu-daya musuh-musuh kita, menolak gangguan-gangguan mereka menyelamatkan diri dari kejahatan yang terpendam di dalam hati mereka, yang mana bunga-bunga apinya terlepas dari lidah-lidah mereka:

وَإِنْ تَصْبِرُوا وَاتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ

"Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa nescaya kamu tidak sedikit pun dapat dimudaratkan oleh tipudaya mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka." (120)

Yakni (jalan menentang mereka) ialah kesabaran, keazaman yang kukuh, kegigihan melawan kekuatan mereka jika mereka kuat. Kesabaran menghadapi tipudaya mereka jika mereka menggunakan cara-cara tipudaya. Kesabaran dan kegigihan bukannya keruntuhan dan kelemahan semangat, bukannya tanazul dari seluruh 'aqidah atau dari separuh 'aqidah untuk menghindarkan kejahatan mereka yang diduga atau untuk mendapat kemesraan mereka yang palsu.....Kemudian bertaqwa kepada Allah Yang Maha Esa dan bermuraqabah dengan-Nya, kerana taqwalah yang menghubungkan hati dengan Allah. Oleh itu hati yang bertaqwa tidak bertemu dengan seseorang melainkan di dalam agama Allah dan ia tidak berpegang melainkan dengan tali Allah. Dan apabila hati telah berhubung dengan Allah maka ia akan memandang kecil kepada seluruh kekuatan yang lain dari kekuatan Allah dan hubungan ini akan memperkuat lagi keazamannya. Oleh sebab itu dia tidak mudah menyerah kalah dan dia tidak membuat hubungan yang mesra dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya untuk mencari keselamatan dan untuk mendapat kemuliaan.

Inilah jalan (menentang mereka), iaitu kesabaran dan taqwa, bersatu padu dan berpegang teguh dengan tali Allah. Apabila umat Muslimin di dalam sejarah mereka berpegang teguh dengan tali Allah yang tunggal dan menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam seluruh kehidupan mereka, maka mereka telah

berjaya mencapai kemuliaan dan kemenangan dan Allah telah melindungi mereka dari tipu daya musuh-musuh mereka dan muncullah kalimat mereka sebagai kalimat yang tertinggi. Dan sebaliknya apabila kaum Muslimin di dalam sejarah mereka membuat hubungan yang teguh dengan musuh-musuh yang tradisional mereka yang memerangi 'aqidah dan cara hidup mereka siang dan malam dan mendengar nasihat-nasihat mereka dan menjadikan mereka sebagai orang-orang kepercayaan, sahabat-sahabat setia, pembantu-pembantu, pakar-pakar dan penasihat-penasihat dan para perunding mereka maka Allah menetapkan kekalahan ke atas mereka dan menyerahkan mereka diperkudakan oleh musuh-musuh mereka, meletakkan mereka dalam keadaan yang hina dan ditimpa akibat buruk dari perbuatan mereka sendiri. Dan seluruh sejarah menyaksi bahawa kalimat Allah tetap kekal abadi dan Sunnatullah tetap berkuatkuasa. Oleh itu sesiapa yang buta dari melihat sunnatullah yang terpampang di hadapan mata di bumi, maka kedua matanya tidak akan dapat melihat kecuali tanda-tanda kehinaan dan kekalahan.

* * * * *

Dengan ini tamatlah pelajaran ini dan berakhirlah juga bahagian pertama surah ini, yang mana penjelasan di mana huraiannya sampai ke kemuncak perjuangan dan kemuncak perpisahan yang sempurna (di antara Muslimin dan musuh-musuh mereka).

Dasar Toleransi Islam

Sebelum kita menutup pelajaran ini eloklah kita jelaskan satu hakikat yang lain pula, iaitu hakikat toleransi Islam dalam menghadapi permusuhan ini. Walaupun Islam menyuruh kaum Muslimin supaya jangan mengambil mereka yang menentang Islam itu sebagai orang-orang kepercayaan, tetapi Islam tidak menggalakkan mereka membalas dendam kesumat, hasad dengki, kebencian dan tipudaya mereka, malah ia hanya menggalakkan mereka mengambil langkah berwaspada untuk menjaga keselamatan kelompok Muslimin, barisan Muslimin dan kewujudan kaum Muslimin... iaitu semata-mata berwaspada, berjaga-jaga dan beringat-ingat terhadap bahaya-bahaya yang diadakan oleh orang-orang lain di sekeliling mereka. Seseorang Muslim harus berinteraksi dengan seluruh manusia yang lain dengan semangat toleransi Islam dan syumul dengan kebersihan Islam. Ia harus menemui mereka dengan semangat cintakan kebaikan yang syumul. Ia harus menjaga diri dari tipu daya, tetapi ia tidak harus melakukan tipu daya. Dia harus berwaspada terhadap dendam kesumat, tetapi ia tidak menaruh dendam kesumat kecuali ia diperangi kerana agamanya dan ditindas kerana 'aqidahnya, dan kecuali ia dihalangi dari agama Allah dan dari sistem hidup Ilahi.

Dituntut Mencegah Penindasan Walau Dengan Bangkit Berperang

Maka di waktu ini ia dituntut bangkit berperang dan mencegah penindasan itu dan menghapuskan halangan-halangan yang menyekat orang ramai dari

agama Allah dan dari merealisasikan sistem hidup Ilahi dalam kehidupan. Ia bangkit berperang kerana jihad fi Sabilillah bukan kerana membalas dendam untuk dirinya. Ia bangkit berperang kerana cintakan kebaikan kepada umat manusia bukan kerana membalas dendam terhadap orang-orang yang telah menindasnya. Ia berperang kerana merobohkan pagar-pagar yang menghalangi sampainya kebaikan ini kepada umat manusia bukan kerana ingin mendapat kemenangan, kedudukan, keunggulan dan bukan juga kerana eksploitasi. Ia berjuang untuk menegakkan sistem yang lurus yang membolehkan seluruh manusia meni'mati keadilan dan kedamaian di bawah naungannya bukan untuk menegakkan panji-panji perkauman dan bukan untuk membangunkan sebuah empayar.

Inilah hakikat yang dijelaskan oleh nas-nas Al-Qur'an dan as-Sunnah yang banyak dan diterjemahkan oleh sejarah angkatan Muslimin yang pertama apabila mereka bertindak di bumi mengikut nas-nas ini.

Sistem hidup Ilahi ini adalah suatu kebaikan dan tiada yang tergamak menghalangkan kebaikan dari manusia melainkan musuh-musuh manusia yang paling besar, iaitu musuh-musuh yang seharusnya diusir oleh manusia dari teraju kepimpinan supaya mereka tidak lagi memimpin mereka. Inilah tugas yang telah diambil oleh kelompok Muslimin dan mereka telah berjaya melaksanakannya sekali dengan sebaik-baiknya. Mereka sentiasa diseru melaksanakan tugas ini dan jihad tetap berterusan sehingga hari Qiamat di bawah panji-panji agama ini.

(Kumpulan ayat-ayat 121 - 179)

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا
وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾

إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمَدِّدَ رَبُّكُمْ
بِثَلَاثَةِ آلْفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُنَزَّلِينَ ﴿١٢٤﴾

بَلَىٰ إِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُمْ مِنْ فَوْرِهِمْ
هَذَا يُمَدِّدْكُمْ رَبُّكُمْ بِخَمْسَةِ آلْفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ

مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾
وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُمْ
بِهِ ۚ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾
لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَوْ يَكْتَسِبَهُمْ
فَيَنْقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٢٧﴾
لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ أَوْ يُعَذِّبَهُمْ
فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٢٨﴾

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ يَغْفِرُ لِمَن
يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا
مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾
وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾
وَاطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ
الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ
الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوْا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

أُولَٰئِكَ جَزَاءُ هُم مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتُ

تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنَعَمَ أَجْرُ الْعَمَلِينَ ﴿١٣٦﴾

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾ أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾ وَلَقَدْ كُنْتُمْ تَمَتُّونَ الْمَوْتَ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَلْقَوْهُ فَقَدْ رَأَيْتُمُوهُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿١٤٣﴾

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَى عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

وَمَا كَانَتْ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كِتَابًا مُؤَجَّلًا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا وَسَيَجْزِي الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

وَكَأَيِّنْ مِنْ نَبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا

لَمَّا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

وَمَا كَانَ قَوْلُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾

فَآتَاهُمُ اللَّهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحَسُنَ ثَوَابُ الْآخِرَةِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تَطِيعُوا الَّذِينَ كَفَرُوا يَرُدُّوكُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

بَلِ اللَّهُ مَوْلَاكُمْ وَهُوَ خَيْرُ النَّاصِرِينَ ﴿١٥٠﴾ سَنَلِقِيَ فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَمَأْوَاهُمُ النَّارُ وَيَسْأَلُ الظَّالِمِينَ ﴿١٥١﴾

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذَا تَحْسُونَهُمْ بِإِذْنِهِ حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ مَحْبُوبًا مِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الْآخِرَةَ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾

إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلَوْنَهَا عَلَىٰ أَحَدٍ وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أَخْرَابِكُمْ فَأَتَيْتُمْ غَمًّا بَاطِلًا تَحْزَنُونَ عَلَىٰ

مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ وَاللَّهُ خَيْرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥٩﴾

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نُبُؤًا يَغْشَى
طَائِفَةً مِّنْكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ
يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ
هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ
يُخْفُونَ فِي أَنفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ
لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي
بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَى
مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ
وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ
الصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ
إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا
وَلَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٥٥﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا
لِإِخْوَانِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا غُزًى لَوْ
كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ
ذَلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٥٦﴾

وَلِينَ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ
اللَّهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿١٥٧﴾

وَلِينَ مُتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى اللَّهِ تُحْشَرُونَ ﴿١٥٨﴾

فِيمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ
الْقَلْبِ لَا نَفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

إِنْ يَنْصُرْكُمْ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ
فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلَّ يَأْتِ بِمَا غَلَّ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

أَفَمِنْ أَتَّبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمَنْ بَاءَ بِسَخَطٍ مِنَ اللَّهِ
وَمَا أَوْلَاهُ جَهَنَّمَ وَيَسَّ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

هُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ
قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

أَوْلَمَا أَصَابَتْكُمْ مُصِيبَةٌ قَدْ أَصَبْتُمْ مِثْلَيْهَا
قُلْتُمْ أَنَّى هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنفُسِكُمْ إِنَّ
اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾

وَمَا أَصَابَكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ فِإِذِنِ اللَّهُ وَلِيَعْلَمَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٦٦﴾

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا وَقِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ

اللَّهُ أَوْ أَدْعُوا قَالُوا لَوْ نَعْلَمُ قِتَالَ لَا تَتَّبِعْنَا هُمْ
لِلْكَفْرِ يَوْمَئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ لِلْإِيمَانِ يَقُولُونَ
بِأَفْوَاهِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا
يَكْتُمُونَ ﴿١٦٧﴾

الَّذِينَ قَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُوا لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا قُلْ
فَادْرَأُوا عَنْ أَنْفُسِكُمُ الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ
صَادِقِينَ ﴿١٦٨﴾

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أحيَاءُ
عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

فَرِحِينَ بِمَاءِ آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُونَ
بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ
اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ مَا أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ وَاتَّقُوا أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾
الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ
فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ
وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

فَانْقَلَبُوا بِنِعْمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ لَمْ يَمَسَّ مِنْهُمْ شَيْءٌ
وَاتَّبَعُوا رِضْوَانَ اللَّهِ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾

إِنَّمَا ذَلِكُمُ الشَّيْطَانُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَاءَهُ فَلَا تَخَافُوهُمْ
وَخَافُوا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

وَلَا يَحْزَنُكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَنْ

يَضُرُّوا اللَّهَ شَيْئًا يُرِيدُ اللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حِزَابًا
الْآخِرَةَ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ لَنْ يَضُرُّوا اللَّهَ
شَيْئًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ نُمْلِي لَهُمْ خَيْرٌ
لِأَنْفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمْلِي لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ
مُهِينٌ ﴿١٧٨﴾

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَتَّى
يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُطْلِعَكُمْ
عَلَى الْغَيْبِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَجْتَبِي مَنْ رُسُلَهُ مَنْ يَشَاءُ
فَتَأْمِنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ
عَظِيمٌ ﴿١٧٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau keluar di pagi hari dari (rumah) keluarga engkau untuk menempatkan para Mu'min di tempat-tempat pertempuran dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (121). (Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min itu bertawakkal (122). Sesungguhnya Allah telah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu berada dalam kelemahan. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur (123). (Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit) (124). Ya sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda (125). Dan Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana (126). (Allah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar) untuk membinasakan golongan dari orang-orang yang kafir atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa (127). Engkau tidak mempunyai suatu apa pun dalam urusan ini (hanya Allah sahaja yang berkuasa sama ada Dia) menerima taubat mereka atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim (128). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memberi keampunan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih (129). Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu

beruntung (130). Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir (131). Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat (132). Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfakkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah, serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui (135). Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya dan itulah sebaik-baik ganjaran para 'amilin (136). Sesungguhnya undang-undang Allah telah pun berlaku sebelum kamu, kerana itu jelajilah di bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta (137). (Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin (138). Dan janganlah kamu bersikap lemah dan jangan pula kamu bersedih kerana kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman (139). Jika kamu mendapat kecederaan maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai syuhada dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir (141). Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk Syurga, sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar (142). Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu) (143). Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama). Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur (144) Dan setiap yang bernyawa - tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah. Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur (145). Dan berapa banyak nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah, dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah

pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin (148). Wahai orang-orang yang beriman jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka akan mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi (149). Malah sebenarnya Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik penolong (150). Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Dan tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim (151). Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan kezinaan-Nya sehingga apabila kamu lemah dan berbalah dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin (152). (Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (153). Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini? Katakanlah: Seluruh urusan ini di tangan Allah. Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu. Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini. Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada (154). Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar (155). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang. Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh, akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka. Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan dan Allah Maha Melihat segala apa yang

dilakukan kamu (156). Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan jika kamu mati atau dibunuh maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan (158). Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu, kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal (159). Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah lagi yang dapat menolong kamu selain dari Allah. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah (160). Tidak mungkin bagi seseorang nabi menggelapkan harta rampasan perang dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai (161). Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (162). Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (163). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata (164). Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan (ke atas musuh kamu dalam peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (165). Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman (166). Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq. Dan kepada mereka telah dikatakan: Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu pertahankan (kami). Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu. Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada kepada keimanan. Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka (167). (Merekalah) orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang: Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh. Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu sendiri jika kamu orang-orang yang benar (168). Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh fi Sabilillah itu mati, malah sebenarnya mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki (yang mewah) (169). Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan kepada mereka dan mereka merasa sukacita terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka, iaitu tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan

tidak pula mereka berdukacita (170). Mereka merasa sukacita terhadap ni'mat dan kelebihan yang dikurnia dari Allah dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin (171). Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul selepas mereka mendapat kecederaan (dalam Peperangan Uhud). Bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari golongan mereka dan bertaqwa kepada Allah (disediakan) balasan yang amat besar (172). Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung (173). Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar (174). Sesungguhnya itulah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan pengikut-pengikut setianya oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman (175). Dan Janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar (176). Sesungguhnya orang-orang yang membeli kekafiran dengan keimanan tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (177). Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penanggungan yang Kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah Kami berikan penanggungan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (178). Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'min) dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan perkara yang ghaib kepada kamu, tetapi Allah memilih dari para rasul-Nya siapa yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar."(179)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dari perjuangan, perdebatan, perbahasan, penjelasan, penerangan, bimbingan dan amaran di dalam ayat-ayat yang silam dari surah ini - rangkaian ayat-ayat yang berikut beralih pula kepada perjuangan di medan pertempuran Uhud.

Peperangan Uhud bukanlah perjuangan di medan perang sahaja, malah perjuangan di gelanggang hati nurani. Ia merupakan satu perjuangan yang mempunyai medannya yang paling luas sedangkan medan perang hanya merupakan sebahagian dari medannya yang amat besar, di mana berlakunya perjuangan yang sengit, iaitu perjuangan di medan jiwa manusia, kefahaman-kefahamannya, perasaan-perasaannya, tamak halobanya, keinginan-keinginan nafsunya, motif-motifnya dan pengawal-pengawalannya secara umum. Di sanalah Al-Qur'an merawat jiwa manusia dengan cara dan senjata yang paling halus, paling dalam, paling ampuh, paling syumul yang

digunakan oleh perajurit-perajurit dalam menentang lawan-lawan setara mereka di dalam peperangan.

Kali yang pertama mendapat kemenangan dan kali yang kedua menerima kekalahan dan kejayaan besar selepas kemenangan dan kekalahan itu ialah kejayaan mendapat pengetahuan yang jelas dan wawasan yang terang terhadap hakikat-hakikat yang telah dikemukakan oleh Al-Qur'an, juga kejayaan mendapat kemantapan perasaan yang penuh yakin terhadap hakikat-hakikat itu, juga kejayaan memeriksa jiwa para anggota kelompok dan membezakan barisan-barisan mereka, kejayaan kelompok Muslimin membebaskan diri mereka dari berbagai-bagai kekeliruan kefahaman, ketidakmampuan nilai-nilai dan keterumbang-ambing perasaan di dalam barisan Muslimin. Semuanya itu telah dicapai apabila kaum Munafiqin dapat dibezakan sebahagian besarnya di dalam barisan Muslimin dan apabila sifat-sifat nifaq dan sifat-sifat benar dapat dibezakan dengan jelas di dalam tutur kata dan perbuatan, di dalam perasaan dan perlakuan. Juga apabila wujudnya kejelasan tugas-tugas keimanan dan tugas-tugas da'wah kepada keimanan dan harakat memperjuangkan keimanan dengan segala keperluan-keperluan iaitu persediaan dengan ilmu pengetahuan, persediaan dengan keikhlasan dan dedikasi, persediaan dengan usaha-usaha menyusun masyarakat kemudian bersikap patuh, ta'at dan mengikut perintah, bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa dalam setiap langkah di jalan perjuangan, memulangkan segala urusan kepada Allah Yang Maha Esa sama ada di dalam kemenangan atau di dalam kekalahan, mati atau hidup dan dalam segala perkara dan tujuan.

Hasil-hasil kejayaan yang amat besar yang dicapai oleh kelompok Muslimin di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan di sebalik bimbingan-bimbingan Al-Qur'an selepas peristiwa-peristiwa itu, adalah hasil-hasil kejayaan yang lebih besar dan lebih bermakna yang tidak dapat dibandingkan dengan hasil mendapat kemenangan dan harta rampasan perang andainya orang-orang Islam pulang dari medan perang membawa kemenangan dan harta rampasan perang. Kelompok Muslimin di waktu itu amat memerlukan kepada hasil-hasil kejayaan yang amat besar ini. Mereka memerlukannya seribu kali lebih besar dari memerlukan kepada kemenangan dan harta rampasan perang. Tabung simpanan baki dari hasil-hasil kejayaan yang besar ini juga lebih penting dan lebih kekal kepada umat Muslimin dalam setiap generasi mereka dari hasil kemenangan dan harta rampasan perang. Perancangan Allah Yang Maha Tinggi di sebalik satu peperangan yang pada lahirnya nampak jelas tanda-tanda kepincangan, kelemahan, kegoyangan dan kekeliruan di dalam barisan kaum Muslimin, juga di sebalik kekalahan yang berlaku akibat kelemahan-kelemahan itu..... perancangan Allah Yang Maha Tinggi di sebalik kejadian-kejadian yang berlaku mengikut undang-undang-Nya yang

biasa dan sebab-sebabnya yang tabi'i itu adalah suatu perancangan untuk kebaikan kelompok Muslimin di waktu itu supaya mereka dapat mencapai hasil-hasil kejayaan yang amat besar itu, iaitu pengajaran, pendidikan, kesedaran, kematangan, pembersihan, pembezaan identiti, penyelarasan dan penyusunan masyarakat juga supaya tabung pengalaman-pengalaman ini dapat diwarisi oleh umat Muslimin dalam generasi-generasi mereka yang bersilih ganti, iaitu satu tabung pengalaman-pengalaman, hakikat-hakikat dan bimbingan-bimbingan yang tidak ternilai harganya walaupun dinilai dengan kemenangan dan harta rampasan.

Setelah perjuangan tamat di medan bumi, maka Al-Qur'an memulakan perjuangan di medannya yang lebih besar pula, iaitu di medan jiwa dan di medan hidup yang merangkumi kelompok Muslimin. Kelompok Muslimin ini telah dibentuk dengan qudrat Allah mengikut ilmu dan hikmat-Nya Yang Maha Arif dan mendalam dan terbentuklah kelompok itu menurut sebagaimana yang dikehendaki Allah. Mereka telah mendapat kebaikan dan kebajikan yang besar di sebalik malapetaka, kesusahan, penderitaan dan ujian-ujian yang sulit dan pahit itu.

Penerangan Dua Jurusan Serentak

Barangkali di antara perkara yang menarik perhatian di dalam ulasan Al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu ialah ciri perpasangan* yang menarik di antara tayangan pemandangan-pemandangan peperangan, kejadian-kejadiannya dan arahan-arahan secara langsung terhadap pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadian ini dengan bimbingan-bimbingan yang lain yang berhubung dengan pembersihan jiwa dari kefahaman yang keliru dan membebaskannya dari belenggu keinginan-keinginan nafsu, tekanan tamak haloba, kegelapan dendam kesumat, kegelitaan dosa, kelemahan sikap haloba, bakhil dan desakan-desakan keinginan-keinginan yang terpendam.

Barangkali di antara perkara yang menarik perhatian yang lebih besar ialah pembicaraan Al-Qur'an - yang sedang mengulas hal peperangan - mengenai riba dan larangan terhadapnya, juga pembicaraan Al-Qur'an mengenai dasar bermesyuarat dan pengalaman dasar ini walaupun dasar ini pada lahirnya telah membawa kepada akibat-akibat yang buruk di dalam peperangan Uhud itu.

Kemudian yang menarik perhatian lagi ialah keluasan bidang, di mana pendekatan Al-Qur'an bertindak di dalam jiwa manusia dan dalam kehidupan insaniah, dan banyaknya titik-titik harakat dalam jiwa dan kehidupan itu serta pertautan dan kesepaduannya yang menarik.

* *Penjelasan yang merangkumi dua jurusan serentak iaitu jurusan lahir dan jurusan batin (penterjemah).*

Tetapi orang-orang yang memahami tabi'at sistem hidup Rabbani ini tidak merasa aneh dengan ciri-ciri perpasangan, keluasan, pertautan dan kesepaduan itu, kerana perjuangan peperangan di dalam harakat Islamiyah bukanlah perjuangan alat-alat senjata, kuda-kuda, perajurit-perajurit, kelengkapan-kelengkapan perang, peluru-peluru dan penyusunan strategi-strategi perang sahaja. Kerana semuanya ini hanya merupakan sebahagian kecil dari perjuangan sahaja. Ia tidak terasing dari perjuangan besar di alam hati nurani dan di dalam penyusunan masyarakat bagi kelompok Muslimin. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan kebersihan dan kejernihan hati nurani, dengan keikhlasan dan dedikasinya dengan kebebasannya dari tali-tali dan ikatan-ikatan yang menghapuskan kejernihannya dan menghalangkannya dari berkejar kepada Allah. Ia juga mempunyai hubungan yang rapat dengan kedudukan penyusunan masyarakat untuk ditegakkan kehidupan kelompok Muslimin mengikut sistem hidup Rabbani yang lurus, iaitu satu sistem hidup yang ditegakkan di atas dasar bermesyuarat di dalam seluruh urusan kehidupan bukan sahaja dalam urusan peraturan pemerintahan dan di atas sistem ta'awun/ kerjasama bukannya di atas sistem riba kerana ta'awun dan riba itu tidak mungkin bertemu dalam satu sistem.

Al-Qur'an merawat kelompok Muslimin selepas meletusnya satu perjuangan yang kami telah katakan - bukannya satu perjuangan di medan perang sahaja, malah satu perjuangan di medan yang lebih besar lagi, iaitu perjuangan di medan jiwa manusia, perjuangan di medan kehidupan di alam realiti. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyentuh tentang riba dan melarang makan riba. Ia menyentuh tentang infaq di dalam masa kelapangan dan kesempitan dan menggalakkannya. Ia menyentuh tentang keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya dan menjadikan keta'atan itu sebagai asas untuk mendapat rahmat Allah. Ia menyentuh tentang mengawal kemarahan dan memberi kemaafan kepada orang lain. Ia menyentuh tentang ihsan dan tentang usaha membersihkan diri dari dosa dengan memohon keampunan. Ia menyentuh tentang taubat dan tentang sikap yang tidak terus berdegil melakukan maksiat dan menjadikan taubat itu sebagai asas untuk mencapai keredhaan Allah. Ia menyentuh tentang rahmat Allah yang dapat dilihat pada sifat lemah lembut hati Rasulullah s.a.w. terhadap orang ramai. Ia menyentuh dasar bermesyuarat dan menetapkannya dalam waktu-waktu yang paling gawat. Ia menyentuh tentang amanah yang menghalangkan pengkhianatan dan seterusnya ia menyentuh pengorbanan dan melarang bersifat bakhil di akhir ayat-ayat ulasan mengenai Peperangan Uhud itu.

Al-Qur'an menyentuh perkara-perkara ini kerana semuanya merupakan bahan-bahan bagi menyediakan dan melengkapkan kelompok Muslimin untuk menghadapi perjuangan dalam bidangnya yang luas termasuk perjuangan di medan perang. Itulah perjuangan pengemblengan atau kerahan kekuatan yang lengkap untuk mencapai kejayaan yang besar,

iaitu kejayaan menguasai jiwa, keinginan, tamak haloba dan hasad dengki dan kejayaan menegakkan nilai-nilai dan peraturan-peraturan yang sihat bagi kehidupan kelompok yang sempurna.

Al-Qur'an menyentuh semua perkara ini untuk menunjukkan ciri kesepaduan 'aqidah ini di dalam menghadapi kewujudan manusia dan seluruh kegiatannya dan mengembalikan seluruh kegiatan itu kepada satu paksi, iaitu paksi ibadat dan 'Ubudiyah kepada Allah serta bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh kepekaan dan taqwa, juga menunjukkan ciri kesepaduan sistem hidup Ilahi dalam menguasai seluruh kewujudan manusia dalam segala keadaannya dan ciri wujudnya pertalian di antara keadaan-keadaan ini di bawah naungan sistem ini. Dan seterusnya menunjukkan ciri kesepaduan natijah-natijah yang terakhir bagi seluruh kegiatan manusia dan kesan bagi setiap harakat jiwa dan setiap butir-butir susunan di dalam natijah-natijah terakhir ini.

Kini jelaslah bahawa bimbingan-bimbingan yang lengkap ini tidaklah terpisah dari perjuangan, kerana jiwa tidak mungkin mencapai kemenangan di medan perang kecuali ia mendapat kemenangan dalam perjuangan-perjuangan di medan perasaan, akhlak dan peraturan. Orang-orang yang mengundurkan diri pada hari pertembungan dua angkatan tentera di dalam Peperangan Uhud itu adalah sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka. Dan orang-orang yang telah berjaya mendapat kemenangan di dalam perjuangan-perjuangan 'aqidah di belakang nabi-nabi mereka adalah sebenarnya telah memulakan perjuangan mereka dengan memohon keampunan kepada Allah terhadap dosa-dosa mereka. Mereka mencapai perlindungan pada Allah dan bersandar pada tiang Allah yang kukuh. Kini jelaslah bahawa usaha membersihkan diri dari dosa, bergantung pada Allah dan berlindung di bawah naungan-Nya merupakan alat-alat untuk mencapai kemenangan dan ia bukannya terpisah dari medan perang. Usaha membuang sistem riba dan mengambil sistem ta'awun adalah salah satu dari alat-alat untuk mencapai kemenangan, kerana masyarakat ta'awun lebih dekat dapat mencapai kemenangan dari masyarakat riba. Latihan mengawal kemarahan dan memaafkan kesalahan-kesalahan orang lain adalah salah satu dari alat-alat kemenangan, kerana kebolehan mengawal diri merupakan salah satu kekuatan perjuangan, dan kehidupan yang saling tolong-menolong dan saling mesra dalam sebuah masyarakat yang toleran merupakan satu kekuatan yang amat besar pengaruhnya.

Hakikat taqdir atau perencanaan Allah juga merupakan salah satu dari hakikat-hakikat yang ditekankan oleh rangkaian ayat-ayat ini dari awal hingga akhir, iaitu hakikat memulangkan segala urusan kepada perencanaan Allah dan membetulkan kefahaman mengenai persoalan ini dengan pembetulan yang jelas dengan tegas, dan dalam waktu yang sama menjelaskan Sunnatullah/undang-

undang Allah dalam mengaturkan akibat-akibat yang menimpa manusia mengikut usaha dan kegiatan mereka, mengikut salah betul mereka, mengikut keta'atan dan kederhakaan mereka, mengikut keteguhan pegangan dan kecuaiian mereka terhadap agama Allah. Dan seterusnya menganggap mereka sebagai tabir bagi qudrat Ilahi atau alat-alat bagi masyi'ah-Nya atau sebagai salah satu dari perencanaan-perencanaan Allah untuk merealisasikan sesuatu yang dikehendaki-Nya.

Kemudian pada akhir penjelasannya ia memberitahu kelompok Muslimin bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa hak dalam urusan kemenangan, kerana kemenangan itu hanya urusan tadbir Allah semata-mata untuk melaksanakan perencanaan-perencanaan-Nya menerusi jihad mereka dan ganjaran mereka disanggupi oleh-Nya. Dan mereka tidak memperolehi dari hasil-hasil kemenangan itu sesuatu apa pun dari benda-benda bumi ini. Dan apabila Allah berkehendak memberi kemenangan kepada mereka, maka kemenangan itu bukan kerana kepentingan peribadi mereka, malah kerana kepentingan matlamat-matlamat yang tinggi yang dikehendaki oleh Allah. Demikianlah juga dengan kekalahan. Apabila kekalahan berlaku mengikut peraturan sunnatullah dan mengikut kecuaiian dan keabaian yang telah dilakukan oleh kelompok Muslimin, maka kekalahan itu adalah berlaku untuk merealisasikan matlamat-matlamat yang telah ditentukan Allah dengan hikmat kebijaksanaan dan ilmu-Nya Yang Maha Mendalam, iaitu untuk memeriksa jiwa anggota kelompok dan mengenal pasti di antara barisan-barisan (Mu'minin dan Munafiqin), mendedahkan hakikat-hakikat yang sebenar, menegakkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan dan menjelaskan peraturan-peraturan kepada orang-orang yang berfikir.

Kemenangan ketenteraan atau kemenangan politik atau ekonomi tidak mempunyai apa-apa nilai dalam pandangan Islam selama seluruh kemenangan itu tidak ditegakkan di atas asas sistem hidup Rabbani, iaitu kemenangan mengawal diri dan keinginan hawa nafsu dan kemenangan menegakkan kebenaran yang dikehendaki Allah dalam kehidupan manusia supaya setiap kemenangan itu benar-benar merupakan kemenangan kerana Allah dan kerana agama Allah dan supaya setiap perjuangan itu benar-benar perjuangan kerana Sabilullah dan kerana sistem hidup Rabbani; jika tidak, maka kemenangan itu merupakan satu kemenangan jahiliyah yang berjaya mengalahkan satu jahiliyah yang lain dan ia tidak memberi apa-apa kebaikan kepada kehidupan dan kepada umat manusia. Satu-satunya kemenangan yang membawa kebaikan dan kebajikan ialah kemenangan yang mengibarkan panji-panji kebenaran semata-mata kerana kebenaran. Dan kebenaran itu hanya tunggal tidak berbilang. Itulah sistem hidup Rabbani yang tunggal. Tiada sistem yang benar selain darinya di alam buana ini. Dan kemenangan sistem ini tidak

terlaksana sehingga ia terlaksana mula-mulanya di dalam jiwa manusia dan di dalam peraturan kehidupan yang berlaku seharian, iaitu ketika jiwa mereka bersih dari kepentingan-kepentingan diri, dari tamak haloba dan keinginan-keinginan nafsu yang buas, dari kecemaran-kecemaran jiwa dan hasad dengkinnya, dari ikatan-ikatan dan belenggu-belenggunya dan ketika jiwa manusia dapat berkejar kepada Allah dalam keadaan yang bebas lepas dari segala belenggu-belenggu dan ketika ia dapat mencabutkan dirinya dari kekuatannya, dari wasilah-wasilah dan sebab-sebabnya untuk menyerahkan segala urusannya kepada Allah setelah menyempurnakan kewajibannya berusaha dan bertindak, dan setelah berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan Allah dalam segala urusan dan menganggap penghakiman kepada-Nya sebagai matlamat perjuangan dan kemenangannya. Apabila semuanya ini terlaksana barulah kemenangan di dalam peperangan atau perjuangan politik atau ekonomi itu dianggapkan suatu kemenangan yang sebenar di dalam neraca Allah, dan jika tidak, maka ia merupakan satu kemenangan jahiliyah yang berjaya mengalahkan satu jahiliyah yang lain yang tidak mempunyai apa-apa nilai di sisi Allah.

Itulah hikmat perpasangan dan kesyumulan dalam ulasan mengenai perjuangan yang berlaku di dalam Peperangan Uhud, iaitu satu medan perjuangan yang luas yang merupakan medan perang yang dianggap sebagai satu sudut dari sudut-sudut perjuangannya yang banyak.

* * * * *

Ringkasan Peperangan Uhud

Sebelum kami mula membincangkan ulasan Al-Qur'an tentang kejadian-kejadian dalam pertempuran Uhud itu eloklah kami kemukakan intisari peristiwa-peristiwanya sebagaimana yang diceritakan di dalam riwayat-riwayat sejarah supaya kita dapat memahami dengan pemahaman yang sebenar tempat-tempat yang menjadi titik-titik ulasan dan bimbingan itu dan supaya kita dapat perhatikan cara didikan Ilahi melalui Al-Qur'an yang mengolahkan kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa itu.

Kaum Muslimin telah mencapai kemenangan di dalam Peperangan Badar, iaitu satu kemenangan yang sempurna dan nampak jelas berbau mu'jizat - dilihat dari suasana-suasana berlakunya peperangan itu - dan di dalam peperangan itu Allah telah membunuh melalui tangan mereka ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kekafiran dari kaum Quraisy. Selepas kehilangan pembesar-pembesar mereka itu di dalam Peperangan Badar, Abu Suffian bin Harb tampil mengetuai kaum Quraisy dan menggembleng mereka untuk menentang kaum Muslimin sebagai membalas dendam. Angkatan unta-unta yang membawa barang-barang dagangan Quraisy telah terselamat dan tidak terjatuh ke dalam tangan orang-orang

Islam. Oleh itu kaum Musyrikin telah mengadakan pakatan menggunakan harta-harta yang terselamat itu untuk memerangi kaum Muslimin.

Abu Suffian telah berjaya mengumpul hampir-hampir tiga ribu orang-orang Quraisy dan suku-suku sekutu mereka termasuk orang-orang Badwi Ahbasy.² Dia keluar memimpin mereka di dalam bulan Syawal tahun yang ketiga Hijrah. Mereka membawa perempuan-perempuan mereka bersama-sama mereka supaya mereka bersungguh-sungguh mempertahankan mereka dan tidak lari. Dia membawa mereka menuju ke Madinah. Kemudian berhenti berhampiran bukit Uhud.

Rasulullah s.a.w. telah mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya apakah mereka patut keluar menentang mereka atau tinggal bertahan di Madinah? Mengikut pendapat beliau mereka jangan keluar dari Madinah dan tetap bertahan di sini. Dan jika mereka menyerang Madinah, maka hendaklah kaum Muslimin menentang mereka di muka-muka lorong sementara kaum perempuan melawan mereka dari atas rumah.³ Pendapat ini telah disetujui oleh Abdullah ibn Ubay (kepala Munafiqin), tetapi sebilangan ramai dari para sahabat dan kebanyakannya terdiri dari pemuda-pemuda yang terlepas peluang menyertai Peperangan Badar dengan segera mencadangkan kepada beliau supaya mereka keluar dari Madinah dan mendesak beliau supaya berbuat begitu sehingga pendapat ini kelihatan seolah-olah satu pendapat majoriti dalam kelompok Muslimin. Lalu Nabi s.a.w. pun bangkit dan terus masuk ke dalam rumahnya - rumah Aisyah r.a. - dan memakai baju besinya kemudian beliau keluar mendapatkan mereka. Tiba-tiba keazaman mereka patah dan berkata: "Kita telah memaksa Rasulullah s.a.w. keluar!" Lalu mereka berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Jika anda suka tinggal bertahan di Madinah silalah buat!" Rasulullah s.a.w. terus menjawab: "Tidak wajar bagi seseorang Nabi yang telah memakai baju besinya menanggalkannya semula sehingga Allah menentukan keputusan-Nya di antara dia dengan musuhnya." Inilah satu pelajaran nabawi yang tinggi yang telah diberikan beliau kepada mereka, iaitu mesyuarat itu ada waktunya dan apabila selesai tibalah pula waktu membulatkan keazaman, melaksanakan keputusan dan bertawakkal kepada Allah, dan di sana tidak ada tempat lagi untuk ragu-ragu atau untuk bermesyuarat semula dan terumbang-ambing di antara pendapat-pendapat. Biarlah segala urusan itu menuju kepada titik-titik penghabisannya dan serahkanlah sahaja kepada Allah bertindak selepas itu mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

Rasulullah s.a.w. telah bermimpi melihat suatu serpihan pada mata pedang beliau dan melihat seekor lembu jantan (kepunyaannya) di sembelih dan beliau telah memasukkan tangannya dalam baju besinya yang kukuh. Beliau telah menta'birkan serpihan pada pedangnya itu dengan adanya seseorang lelaki dari keluarganya yang akan mendapat kemalangan. Dan menta'birkan lembu jantan dengan adanya beberapa orang sahabatnya yang akan terbunuh dan seterusnya menta'birkan baju besi dengan kota Madinah. Di sini jelaslah bahawa beliau telah diperlihatkan tentang akibat perjuangan itu. Tetapi sekaligus itu juga beliau melaksanakan sistem bermesyuarat dan peraturan bertindak selepas bermesyuarat. Beliau sedang mendidik umat Muslimin dan umat-umat itu memanglah dididik dengan peristiwa-peristiwa dan dengan modal pengalaman-pengalaman yang didapati dari peristiwa-peristiwa yang ditempuh mereka. Sebenarnya beliau sedang melaksanakan perencanaan atau taqdir Allah yang telah ditekadkan oleh perasaan-perasaan dan hatinya dan beliau bertindak mengikut kehendak-kehendak taqdir itu sebagaimana yang dirasainya di dalam hatinya yang berhubung rapat dengan Allah.

Rasulullah s.a.w. telah keluar dari Madinah dengan seribu orang para sahabatnya dan beliau telah melantikkan Ibn Ummi Maktum sebagai ganti beliau jadi imam sembahyang bagi mereka yang tinggal di Madinah. Apabila beliau berada di tempat di antara Madinah dan Uhud, Abdullah ibn Ubay kepala Munafiqin telah berpisah dari angkatan beliau bersama dengan satu pertiga tentera dan berkata: "Dia (Muhammad) menentang cakap saya dan mendengar cakap anak-anak muda" lalu Abdullah ibn 'Amr ibn Hizam - bapa Jabir ibn Abdullah r.a. mengikut mereka dan mencela tindakan mereka dan mendesak mereka supaya pulang semula (ke medan perang). Ia berkata kepada mereka: "Marilah berjuang di jalan Allah atau mempertahankan agama Allah". Lalu mereka menjawab, jika kami yakin kamu akan berperang tentulah kami tidak balik." Lalu Abdullah ibn 'Amr pun balik meninggalkan mereka dan mencela mereka.

Kaum Ansar telah memohon keizinan beliau supaya mereka meminta pertolongan kaum Yahudi yang menjadi sekutu-sekutu mereka. Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak bersetuju kerana perjuangan itu ialah perjuangan di antara keimanan dan kekafiran, sedangkan kaum Yahudi tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan perjuangan ini, di samping itu kemenangan adalah dari sisi Allah apabila tawakkal benar-benar dibulatkan kepada-Nya dan apabila hati benar-benar ikhlas kepada-Nya, lalu beliau bersabda: "Siapakah yang dapat membawa kita keluar berdekatan dengan kaum (Musyrikin) itu?" Lalu beberapa orang Ansar membawa beliau keluar dan berhenti di jalan Bukit Uhud di tepi Wadi. Beliau membelakangkan Bukit Uhud dan melarang sahabat-sahabatnya berperang sehingga beliau mengeluarkan perintah.

² Mereka dinamakan demikian kerana mereka mengadakan pakatan setia berhampiran dengan suatu tempat yang bernama Al-Abbasy.

³ Dalam menentukan pendapat ini sebagai pendapat Nabi sa.w. kami berpegang kepada keterangan yang dibuat oleh al-Imam Ibn Qayim al-Jauziyah di dalam kitabnya: زاد المعاد

Setiba waktu pagi beliau menyusun angkatan perangnya yang berjumlah tujuh ratus orang itu. Di antara mereka ialah lima puluh orang pasukan pemanah. Beliau telah melantik Abdullah ibn Jubair sebagai ketua pasukan ini dan memerintahkan Abdullah dan kawan-kawannya supaya tetap di tempat mereka masing-masing dan jangan sekali-kali meninggalkannya walaupun mereka melihat burung-burung menyambar askar-askar. Pasukan ini ditempatkan di belakang tentera-tentera Muslimin dan menyuruh mereka menghujani askar-askar Musyrikin dengan anak-anak panah supaya mereka tidak dapat menyerang tentera Muslimin dari sebelah belakang.

Rasulullah s.a.w. memakai baju besi dua lapis dan menyerahkan panji-panji kepada Mus'ab ibn'Umayr. Beliau telah melantik az-Zubayr ibn al-'Awam dan al-Munzir ibn 'Amr sebagai kepala sayap kanan dan sayap kiri. Kemudian beliau memeriksa kumpulan pemuda yang ada pada hari ini. Di antara mereka ada yang ditolak dari menyertai peperangan itu kerana usia mereka terlalu muda. Dalam golongan ini termasuk Abdullah ibn 'Amr, Usamah bin Zayd, Usayd bin Zhuhayr, al-Barra' ibn 'Azib, Zayd ibn Arqam, Zayd ibn Thabit, Arabah ibn Aus dan 'Amr ibn Hizam. Dan beliau membenarkan pemuda-pemuda yang dikira mampu mengangkat senjata. Di antara mereka ialah Samurah bin Jundub dan Rafi' ibn Khadij dan keduanya masing-masing berusia lima belas tahun.

Kaum Quraisy juga telah mengadakan kerahan untuk pertempuran itu. Angkatan mereka terdiri dari tiga ribu orang termasuk dua ratus orang pasukan berkuda, mereka telah melantik Khalid ibn al-Walid mengepalai sayap kanan dan 'Ikrimah ibn Abi Jhal mengepalai sayap kiri.

Rasulullah s.a.w. menyerah pedangnya kepada Abu Dujanah iaitu Simak ibn Kharasyah seorang pahlawan yang gagah berani yang berjalan dengan lagak yang sombong ketika berlaku pertempuran.

Orang-orang yang mula-mula keluar untuk berperang dari kaum Musyrikin ialah Abu 'Amir al-Fasiq. Dahulu dia dinamakan ar-Rahib lalu Rasulullah s.a.w. tukarkan nama itu kepada al-Fasiq. Di zaman jahiliyah dia menjadi ketua suku Aus dan apabila datang agama Islam dia tidak dapat menerimanya dan secara terus-terang ia melahirkan perseteruannya terhadap Rasulullah s.a.w. dan dia telah keluar dari Madinah dan pergi menemui kaum Quraisy untuk menyatukan mereka menentang Rasulullah s.a.w. dan menghasut mereka memerangi beliau. Dia telah berjanji dengan mereka bahawa kaumnya akan ta'at dan mengikutnya apabila mereka melihatnya. Dialah yang mula-mula tampil berdepan dengan angkatan kaum Muslimin. Dia menyeru kaumnya dan mengenali mereka lalu kaumnya menjawab: "Allah tidak akan menjadikan matamu dapat memandangi sesuatu yang menyenangkan hatimu lagi, wahai orang yang fasiq!" Dia pun menjawab: Kaumku akan

ditimpa bala bencana selepas peninggalanku." Kemudian dia terus memerangi orang-orang Islam dengan perjuangan yang bermati-matian.

Apabila pertempuran meletus Abu Dujanah al-Ansari telah memperlihatkan kepahlawanan dan keberaniannya yang amat tinggi bersama-sama Talhah ibn 'Ubaydillah, Hamzah ibn Abdul Mutalib, Ali ibn Abi Talib, an-Nadhr bin Anas dan Sa'ad ibn ar-Rabi'.

Dalam pertempuran di pagi itu angkatan Muslimin telah berjaya mengalahkan orang-orang kafir. Mereka telah berjaya membunuh tujuh puluh orang ketua-ketua kafir yang berani dan musuh-musuh Allah itu telah tewas dan lari mengundurkan diri hingga ke tempat perkhemahan perempuan-perempuan mereka dan menyebabkan perempuan-perempuan itu menyingking kain dari betis-betis mereka turut melarikan diri.

Apabila pasukan pemanah kaum Muslimin melihat kekalahan kaum Musyrikin dan terdedahnya barisan mereka, mereka pun terus meninggal tempat pertahanan mereka yang diperintah oleh Rasulullah supaya mereka jangan sekali-kali meninggalkannya, lalu mereka berteriak: "Wahai kaumku! Harta rampasan perang! Harta rampasan perang!" Ketua mereka tampil memperingatkan perintah dan perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w., tetapi mereka tidak menghiraukannya. Mereka beranggapan bahawa tentera-tentera Musyrikin (yang lari mengundurkan diri itu) tidak akan kembali lagi lalu mereka pun pergi mencari harta rampasan perang dan meninggalkan jalan-jalan yang menjadi pintu-pintu masuk di Uhud.

Di waktu inilah Khalid ibn al-Walid mengambil kesempatan dan kembali semula untuk menyerang dengan pasukan berkuda kaum Musyrikin. Mereka dapati jalan masuk ke Uhud kosong (dari tentera-tentera pengawal) dan terus mendudukinya dari belakang tentera kaum Muslimin. Kemudian kaum Musyrikin yang telah tewas itu kembali semula apabila mereka melihat Khalid dan pasukan berkuda mereka telah dapat mengalah dan mengepung kaum Muslimin.

Akibat pertempuran telah menjadi terbalik. Kaum Muslimin telah menerima kekalahan. Barisan perjuangan mereka menjadi kucar-kacir dan diselubungi suasana kelam kabut dan kebimbangan-kebimbangan kerana tekanan keadaan-keadaan yang mendadak yang tidak didugai oleh sesiapa pun. Ramai dari mereka terbunuh dan gugur syahid. Orang-orang Musyrikin telah menyerbu ke arah Rasulullah s.a.w. yang tinggal terpencil bersama-sama beberapa orang tentera Islam yang boleh dibilang dengan jari. Mereka berjuang mempertahankan beliau sehingga mereka gugur syahid. Wajah Rasulullah s.a.w. telah mendapat luka-luka dan sebatang gigi bahagian depan di sebelah bawah patah dan tudung besi di atas kepala

beliau hancur. Beliau juga telah dilontar dengan batu oleh orang-orang Musyrikin dan terkena dilambungnya dan beliau terjatuh di dalam lubang perangkap yang digali oleh Abu 'Amir al-Fasiq kemudian lubang itu ditudung untuk memerangkap orang-orang Islam dan dua cincin dari cincin-cincin baju besi yang dipakai di bawah kopiah telah terbenam di dalam pipinya.

Di tengah-tengah suasana kelam-kabut yang menyelubungi tentera-tentera Muslimin itu tiba-tiba kedengaran seorang berteriak: "Muhammad telah terbunuh!" Kata-kata ini merupakan satu malapetaka yang menggegarkan saki-baki kekuatan yang ada pada mereka. Mereka terus berundur membawa satu kekalahan teruk yang membuat mereka tidak mahu melawan lagi kerana putus asa dan patah semangat.

Walaupun tentera-tentera Muslimin kalah tetapi Anas ibn an-Nadhr r.a. tidak mengaku kalah, dia pergi kepada 'Umar ibn al-Khattab dan Talhah ibn 'Ubaydillah yang berada bersama-sama sekumpulan orang-orang Ansar dan Muhajirin yang kelihatan termangu-mangu, lalu dia berkata: "Mengapa kamu duduk begini?" Jawab mereka: "Rasulullah s.a.w. telah dibunuh!" Lalu dia berkata: "Apakah kamu hendak buat dengan hidup ini selepas beliau mati? Ayuh bangkitlah sekarang dan berjuanglah sampai mati demi mempertahankan agama yang kerananya Rasulullah s.a.w. sanggup mati!" Kemudian dia terus menghadapi tentera-tentera Musyrikin dan di sana dia bertemu dengan Sa'ad ibn Mu'az lalu berkata: "Wahai Sa'ad aku tercium bau Syurga di depan bukit Uhud". Kemudian dia terus berperang hingga gugur syahid dan di badannya terdapat lebih dari tujuh puluh bekas tetakan pedang dan tiada siapa yang mengenali mayatnya melainkan saudara perempuannya yang mengecam anak-anak jarinya.

Kemudian Rasulullah s.a.w. menuju ke arah tentera-tentera Muslimin dan orang yang mula-mula mengenal beliau dengan tudung kepala besinya itu ialah Ka'ab ibn Malik lalu dia berteriak dengan sekuat-kuat suaranya: "Wahai sekalian kaum Muslimin! Bergembiralah ini dia Rasulullah s.a.w.!" Tetapi beliau memberi isyarat dengan tangannya kepada Ka'ab supaya diam. Kemudian beliau dikerumuni tentera-tentera Muslimin dan mereka berangkat menuju ke jalan bukit. Di antara mereka Abu Bakar, Umar, al-Harith ibn as-Simmah al-Ansari dan lain-lain. Apabila mereka naik ke atas bukit Rasulullah s.a.w. bertembung dengan Ubay ibn Khalaf sedang menunggang kudanya yang bernama al-'Ud. Dahulu dia sendiri memberi makan kepada kuda ini di Makkah dan pernah berkata: "Di atas kuda inilah aku akan membunuh Muhammad" apabila Rasulullah s.a.w. mendengar kata-kata itu beliau pun menjawab: "Insya Allah akulah yang akan membunuhnya di atas kuda itu". Oleh itu apabila beliau bertembung dengannya, beliau pun mengambil lembing dari al-Harith dan terus menikam musuh Allah itu tepat pada tulang lehernya menyebabkan mendengkur seperti lembu dan dia yakin bahawa dia tentu mati seperti

yang telah dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. Dan sebenarnya dia telah mati dalam perjalanan pulangnyanya.

Abu Suffian naik meninjau di atas bukit dan berseru: Adakah Muhammad dalam kumpulan kamu? Rasulullah s.a.w. dengan segera berkata (kepada sahabat-sahabatnya): "Jangan jawab pertanyaannya". Abu Suffian bertanya lagi: "Adakah anak Abu Quhafah (Abu Bakar) dalam kumpulan kamu?" Mereka diam tidak menjawab. Dia bertanya lagi: "Adakah Umar ibn al-Khattab dalam kumpulan kamu?" Mereka diam tidak menjawab. Hanya tiga orang ini sahaja yang ditanya oleh Abu Suffian, kemudian dia berkata kepada kaumnya: "Ketiga-tiga mereka semuanya telah mati" (di sini) Umar r.a. tidak dapat menahan dirinya dan terus berteriak: 'Wahai musuh Allah! Orang-orang yang engkau sebut tadi semuanya masih hidup. Allah telah mengekalkan untuk engkau sesuatu yang akan mendukacitakan engkau." Lalu dia menjawab: "Ada perbuatan mencederakan mayat-mayat yang telah mati, tetapi aku tidak menyuruh mereka melakukannya dan perbuatan itu tidak mendukacitakan aku!" (Dia tujukan penjelasan itu kepada perbuatan yang telah dilakukan oleh isterinya Hindun terhadap mayat Hamzah r.a. setelah dibunuh oleh Wahsyi. Hindun telah membedah perut Hamzah dan mengeluarkan hatinya lalu memamahnya kemudian meluahnya kembali).

Kemudian Abu Suffian berkata: "Tinggillah tuhan Hubal!" Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada (sahabat-sahabatnya): "Mengapa kamu tidak menjawab perkataannya?" Jawab mereka: "Bagaimana kita harus menjawab perkataannya?" Sabda beliau: "Katakanlah Allah lebih tinggi dan lebih mulia." Abu Suffian berkata pula: "Kami ada berhala 'Uzza dan kamu tidak ada 'Uzza. Sabda Rasulullah s.a.w.: "Mengapa kamu tidak menjawab perkataannya?" Kata mereka: "Bagaimana kita harus menjawab perkataannya?" Jawab beliau: "Katakanlah: Allahlah Pelindung kami dan tiada pelindung bagi kamu." Abu Suffian berkata lagi: "Hari ini (adalah tebusan bagi kekalahan kami) pada hari Perang Badar. Peperangan di antara kita sekali kalah sekali menang." Lalu Umar r.a. menjawab "Di antara kita tidak sama kerana orang-orang yang terbunuh dari kami berada di dalam Syurga, sedangkan orang-orang yang terbunuh dari kamu berada dalam Neraka."

Apabila peperangan selesai, kaum Musyrikin berundur dari situ lalu orang-orang Islam menyangka bahawa mereka menuju ke Madinah untuk menawan anak-anak pinak mereka dan merampas harta benda mereka. Ini menyebabkan orang-orang Islam berada dalam keadaan yang sulit lalu Nabi s.a.w. menyuruh Ali r.a.: "Keluurlah ikuti kaum Musyrikin itu, kemudian perhatikan apa yang mereka buat dan apa yang mereka kehendaki. Jika mereka menjauhi kuda-kuda dan menaiki unta, maka itu bermakna mereka hendak menuju ke Makkah dan sebaliknya jika mereka menunggang kuda dan menarik unta, maka itu

bererti mereka hendak menuju ke Madinah. Demi Allah yang nyawaku berada di dalam genggaman tangan-Nya! Jika mereka menuju ke Madinah aku akan pergi mendapatkan mereka kemudian aku akan melawan mereka di Madinah”.

Ujar Ali: “Aku pun keluar mengikut jejak-jejak mereka untuk melihat apa yang dilakukan mereka. Aku nampak mereka menjauhi kuda-kuda dan mengenderai unta-unta dan menuju ke arah Makkah”.

Apabila mereka sampai di tengah jalan mereka menggeritik satu sama lain. Setengahnya berkata: “Kamu tidak buat apa-apa. Kamu hanya telah hancurkan kekuatan mereka (kaum Muslimin) sahaja kemudian kamu tinggal mereka, sedangkan mereka masih lagi mempunyai ketua yang dapat menyatupadukan mereka untuk menentang kamu. Oleh sebab itu marilah kita kembali semula untuk menghapuskan mereka semua..... Kemudian berita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. lalu beliau pun menyeru kaum Muslimin dan memberangsangkan mereka keluar menentang musuh mereka dan bersabda: “Jangan ikut kami keluar melainkan orang-orang yang telah ikut berperang sahaja.” Lalu Abdullah ibn Ubay berkata: “Bolehkah saya ikut keluar bersama engkau?” Jawab beliau: “Tidak”. Seruan beliau itu telah disambut oleh kaum Muslimin walaupun di antara mereka ada yang luka parah dan dalam kebimbangan. Mereka serentak berkata: “Kami ta’at dan patuh.” Kemudian Jabir ibn Abdullah datang meminta izin dari beliau katanya: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya sentiasa ingin bersama-sama anda dalam mana-mana peperangan yang disertai anda. Pada hari peperangan yang lepas bapa saya telah menyuruh saya menjadi penggantinya untuk menjaga anak-anak perempuannya. Oleh itu izinkanlah saya keluar bersama anda.” Lalu beliau memberi keizinan kepadanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar bersama-sama angkatan Muslimin sehingga mereka sampai di Hamra’ul-Asad dan di sini Ma’bad ibn Abi Ma’bad al-Khuza’i datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu beliau menyuruhnya menemui Abu Suffian untuk melemahkan semangatnya dari berperang. Ma’bad telah menemui Abu Suffian di ar-Rauha’ dan dia tidak mengetahui bahawa Ma’bad telah menganut Islam lalu dia pun berkata: “Ada apa-apa berita Ma’bad?” Jawab Ma’bad: “Muhammad dan sahabat-sahabatnya telah berazam dengan penuh kemarahan untuk memerangi kamu. Mereka telah keluar dalam satu kumpulan tentera yang ramai yang belum pernah mereka keluar seramai itu, kerana sahabat-sahabatnya yang tidak ikut berperang dahulu telah merasa menyesal. Lalu Abu Suffian berkata: “Apa fikiran awak?” Jawab Ma’bad: “Saya fikir anda jangan lagi berangkat balik sehingga tentera-tentera ini naik dan melintasi tanah-tanah tinggi ini.” Kata Abu Suffian: “Demi Allah kami telah bersebut kata untuk menyerang mereka (kaum Muslimin) dan menghapuskan mereka semua sekali.” Jawab Ma’bad

“Jangan! Jangan buat begitu, saya nasihat kepada anda dengan ikhlas.” Lalu mereka pun berpatah balik pulang ke Makkah.

Abu Suffian telah menemui beberapa orang Musyrikin yang hendak pergi ke Madinah lalu dia berkata (kepada salah seorang dari mereka): “Bolehkah awak sampaikan satu perutusan kepada Muhammad. Aku akan berikan hadiah kepadamu seekor unta Zabib jika engkau balik ke Makkah nanti?” Jawab orang itu: “Boleh.” Kata Abu Suffian: “Sampaikan kepada Muhammad kami telah bersebut kata untuk menyerang dan menghapuskannya, juga menghapuskan semua sahabat-sahabatnya.” Apabila orang ini menyampaikan perutusan Abu Suffian kepada kaum Muslimin mereka berkata: “*حسبنا الله ونعم الوكيل*” (Cukuplah Allah menjadi Pelindung kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung). Berita itu tidak melemahkan semangat mereka dan mereka keluar bersiap-sedia menunggu kedatangan mereka selama tiga hari dan akhirnya mereka mengetahui bahawa kaum Musyrikin telah jauh berjalan balik menuju ke Makkah, lalu mereka pun pulang ke Madinah.

* * * * *

Peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud Yang Penuh Saranan

Sebenarnya ringkasan peristiwa-peristiwa Perang Uhud ini tidak menggambarkan segala sudutnya dan tidak pula merakamkan segala kejadian yang berlaku di dalamnya yang menjadi contoh teladan dan pengajaran. Oleh sebab itulah kami sebutkan pula di bawah ini beberapa peristiwa yang menarik untuk menyempurnakan gambaran peristiwa perang itu dan menjadikannya suatu peristiwa yang benar-benar hidup.

‘Amr ibn Qami’ah adalah di antara tentera-tentera Musyrikin yang menyerbu ke arah Rasulullah s.a.w. ketika beliau berada dalam keadaan terpencil semasa berlakunya suasana kelim-kabut dan kucar-kacir akibat pasukan pemanah kaum Muslimin meninggalkan tempat-tempat mereka dan akibat tentera-tentera Muslimin dikepung oleh tentera-tentera kafir, juga akibat teriakan yang mengatakan Muhammad sudah mati dibunuh dan kesan-kesannya yang menggegarkan barisan kaum Muslimin dan melemahkan semangat mereka.

Dalam keadaan kekacauan yang membuat orang yang sabar hilang kesabarannya itu Ummu ‘Umarah Nasibah binti Ka’ab al-Maziniyah berjuang bermati-matian mempertahankan Rasulullah s.a.w. Dia telah menikam ‘Amr ibn Qami’ah beberapa kali dengan pedangnya, tetapi di waktu itu ‘Amr memakai baju besi dua lapis dan dia telah membalas tikaman itu dan menyebabkan Ummu ‘Umarah cedera parah di lehernya.

Abu Dujanah melindungi Rasulullah s.a.w. dengan belakangnya dan anak-anak panah musuh gugur di atasnya, tetapi dia tidak bergerak dan tidak pula mendedahkan Rasulullah s.a.w.

Talhah ibn 'Ubaydillah dengan segera pulang kepada Rasulullah s.a.w. dan berdiri menjaganya seorang diri sehingga ia jatuh rebah. Tersebut di dalam Sahih ibn Hibban daripada Aisyah katanya: Kata Abu Bakar, "Pada hari Peperangan Uhud semua orang meninggal Nabi s.a.w. dan akulah orang yang pertama pulang mendapatkan Nabi s.a.w. lalu aku ternampak seorang lelaki sedang berjuang mempertahankan dan melindungi beliau lalu aku berkata: Semoga dia itu Talhah! Ayahku dan ibuku adalah tebusan untukmu! Semoga dia itu Talhah! Ayahku dan ibuku adalah tebusan untukmu! Sebentar kemudian Abu 'Ubaydah ibn al-Jarrah datang lalu dia meluru seolah-olah seekor burung sehingga ia mendapatkan aku lalu kami terus berkejar kepada Rasulullah s.a.w. dan di sana kami dapati Talhah gugur di hadapan beliau lalu beliau bersabda: 'Tolonglah saudaramu dia telah melakukan sesuatu yang telah mewajibkannya masuk Syurga, ketika itu Nabi s.a.w. telah terkena panah di pipinya. Sehingga menyebabkan satu cincin dari cincin baju besi terbenam dalam pipinya lalu aku pergi untuk mencabutnya dari pipi Nabi s.a.w., lantas Abu 'Ubaydah pun berkata: 'Saya pinta dengan nama Allah tinggalkan kepada saya mencabutnya.'" Ujar Abu Bakar: "Lalu Abu 'Ubaydah menggigit anak panah itu dengan mulutnya dan menariknya dengan begitu hati-hati supaya tidak menyakitkan Rasulullah s.a.w. Kemudian ia mencabut anak panah itu dengan mulutnya lalu gugurlah sebatang gigi tengah Abu 'Ubaydah." Ujar Abu Bakar: "Kemudian aku pergi untuk mencabut sebatang anak panah yang satu lagi, lalu Abu 'Ubaydah berkata kepadaku: 'Saya pinta dengan nama Allah biarlah saya sahaja yang mencabutnya, wahai Abu Bakar!... Ujar Abu Bakar: "Abu 'Ubaydah pun mencabutnya dengan hati-hati sehingga anak panah itu terkeluar dan patah pula sebatang lagi gigi depannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Lihatlah saudara kamu (Talhah) dia telah melakukan sesuatu yang mewajibkannya masuk Syurga". Lalu kami pun pergi mendapat Talhah untuk merawatkannya. Dia telah mendapat lebih dari sepuluh tikaman musuh."

Kemudian Ali Karamallahu'wajhah membawa air untuk membasuh luka Rasulullah s.a.w. Dia menuang air ke atas luka-luka itu dan Fatimah r.a. mencucikannya. Dan apabila Fatimah melihat darah tidak berhenti-henti mengalir dia pun mengambil sekeping tikar lalu membakarkannya kemudian menampalkan abunya pada luka itu dan aliran darah pun terus berhenti.

Malik bapa kepada Abu Sa'id al-Khudri telah menghisap luka Rasulullah s.a.w. sehingga bersih lalu beliau bersabda kepadanya: "Luahkan darah yang engkau hisapkan itu!" Jawab Malik: "Demi Allah, saya tidak akan luahkannya sekali-kali!" Lalu Nabi

s.a.w. pun bersabda: "Siapa yang ingin melihat seorang dari ahli Syurga, maka lihatlah kepada orang ini".

Tersebut di dalam Sahih Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah terpencil pada hari Peperangan Uhud bersama-sama tujuh orang Ansar dan dua orang Quraisy. Apabila mereka (musuh) mara mendekati beliau, beliau pun bersabda: "Siapa yang dapat menghalang mereka dari aku akan memperolehi Syurga". Lalu seorang Ansar tampil melawan mereka hingga ia gugur syahid. Kemudian musuh terus mara mendekati beliau dan beliau bersabda pula: "Siapa yang dapat menghalang mereka dari aku akan memperolehi Syurga dan dialah yang akan menjadi temanku di dalam Syurga", dan demikianlah mereka berjuang sehingga tujuh orang Ansar itu gugur syahid belaka. Lalu beliau bersabda: (kepada dua orang Quraisy sahabatnya yang masih ada bersamanya): "Kita tidak berlaku adil terhadap sahabat-sahabat kita (kerana membiarkan mereka)." Kemudian Talhah melawan musuh sehingga ia dapat menjauhkan mereka dari beliau sementara Abu Dujanah pula melindungi beliau dengan belakangnya sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini sehingga keadaan yang buruk itu hilang. Rasulullah s.a.w. kelihatan begitu letih lesu ketika beliau hendak mendaki sebuah batu besar hingga beliau tidak berupaya mendakinya lalu Talhah duduk di bawahnya untuk membolehkan beliau naik di atasnya. Kemudian waktu solat pun tiba dan beliau menjadi imam mereka dengan keadaan duduk.

Di antara peristiwa-peristiwa pada hari Perang Uhud itu lagi ialah:

(Seorang sahabat) yang bernama Hanzhalah al-Ansari (yang digelar dengan gelaran Hanzhalah yang dimandikan malaikat) telah menyerang Abu Suffian dan apabila dia berjaya mengalahkan Abu Suffian, tiba-tiba datang Syadad ibn al-Aswad membunuhnya. Ketika itu Hanzhalah sedang berada dalam keadaan junub. Dia sedang tidur dengan isterinya sewaktu mendengar seruan perang dan dia telah bangkit dengan segera keluar berjihad. Rasulullah s.a.w. telah menceritakan kepada sahabat-sahabatnya bahawa para malaikat telah memandikan Hanzhalah kemudian beliau bersabda (kepada sahabat-sahabatnya): Tanyakanlah isterinya apakah ceritanya yang sebenar?" Lalu mereka pun bertanya isterinya dan dia pun menceritakan apa yang sebenar berlaku.

Ujar Zayd ibn Thabit pula: "Rasulullah s.a.w. telah menghantar aku pada hari Peperangan Uhud untuk mencari Sa'ad ibn 'ar-Rabi'. Kata Zayd: "Aku pun berpusing-pusing di antara mayat-mayat yang terbunuh, kemudian aku menemui Sa'ad sedang dalam hembusan-hembusan nafasnya yang akhir. Ada tujuh puluh luka-luka di badannya, iaitu di antaranya luka-luka kerana tikaman lembing, luka-luka kerana tetakan pedang dan luka-luka kerana terkena anak panah lalu aku berkata: Wahai Sa'ad! Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menyampaikan salam kepadamu dan

berpesan beritahulah kepadaku bagaimana engkau dapati diri engkau?' Dia menjawab: 'Salam kepada Rasulullah s.a.w. dan katakan kepadanya: 'Wahai Rasulullah! Aku dapati bau Syurga dan katakanlah kepada kaumku Ansar: Tiada maaf bagi kamu di sisi Allah jika ada orang dapat menyerang Rasulullah, sedangkan di kalangan kamu masih ada mata yang berkelip' setelah itu dia pun menghembuskan nafasnya yang terakhir."

Ada seorang lelaki Muhajirin bertemu dengan seorang Ansar yang sedang berlumuran darah lalu dia berkata: "Adakah awak tahu bahawa Muhammad telah mati dibunuh?" Jawab orang Ansar: "Jika Muhammad mati dibunuh beliau telah pun menyampaikan risalahnya. Oleh itu hendaklah kamu berperang mempertahankan agama kamu."

Abdullah ibn 'Amr ibn Haram pula bercerita: "Sebelum berlaku Peperangan Uhud aku bermimpi bertemu dengan Mubasysyir ibn Abdul Munzir. Dia berkata kepadaku: 'Tidak beberapa hari lagi engkau akan datang kepada kami'. Lalu aku bertanya: 'Engkau di mana sekarang?' Jawabnya: 'Di dalam Syurga, di sini kami berpergian ke mana sahaja kami suka'. Aku bertanya lagi: 'Bukankah engkau telah dibunuh pada hari Peperangan Badar?' Jawabnya: 'Ya! Kemudian aku dihidupkan'. Lalu aku ceritakan mimpi ini kepada Rasulullah s.a.w., beliau pun bersabda: Inilah kelebihan mati syahid! wahai Abu Jabir'.

Ujar Khaythamah - anaknya telah gugur syahid di dalam Peperangan Badar bersama Rasulullah s.a.w.: "Saya tidak dapat ikut serta di dalam Peperangan Badar. Demi Allah saya memang sangat berhasrat untuk mengikutinya sehingga saya dan anak saya terpaksa membuang undi untuk menentukan siapakah yang berhak keluar berperang. Lalu undinya keluar dan dia telah dikurniakan kehormatan mati syahid. Semalam saya bermimpi melihat anaku dengan rupanya yang amat comel sedang meni'mati buah-buahan Syurga dan sungai-sungainya dengan sesukahatinya. Dia berkata kepadaku: 'Marilah ayahanda hidup bersama kami di dalam Syurga. Anakanda dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah kepada anakanda itu adalah benar'. Demi Allah wahai Rasulullah! Saya sungguh rindu hidup bersamanya di dalam Syurga. Usia saya telah tua dan tulang-temalang saya telah lemah dan saya ingin bertemu dengan Allah. Oleh itu do'alah kepada Allah, wahai Rasulullah! Agar mengurniakan kepada saya ni'mat mati syahid dan hidup bersama Sa'ad di dalam Syurga. Lalu Rasulullah s.a.w. mendo'akan hajatnya itu kepada Allah, kemudian ia gugur syahid di dalam Peperangan Uhud.

Abdullah ibn Jahsy telah berdo'a pada hari Peperangan Uhud itu: 'Ya Allah ya Tuhanku! Aku bersumpah dengan nama Mu bahawa aku akan menentang musuh besok. Biarlah mereka membunuhku kemudian membelah perutku dan memotong hidungku dan telingaku, kemudian

Engkau bertanya aku untuk apa semuanya itu? Aku akan jawab: 'Untuk Mu'.

'Amr ibn al-Jamuh seorang yang sangat tempang. Dia mempunyai empat anak lelaki yang muda belia. Mereka ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. apabila beliau berperang. Ketika beliau hendak bertolak ke Uhud, maka 'Amr pun mahu ikut bersama beliau, lalu anak-anaknya berkata kepadanya: "Allah telah memberi kemudahan kepada bapa. Bapa boleh duduk di rumah sahaja, biarlah kami mengganti bapa kerana Allah tidak mewajibkan jihad ke atas bapa." Lalu 'Amr ibn al-Jamuh datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Anak-anak saya itu menghalang saya keluar berperang bersama anda. Demi Allah, saya sangat berharap hendak mati syahid agar saya dapat berjalan dengan kaki tempang saya ini di dalam Syurga." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Adapun engkau maka Allah tidaklah mewajibkan jihad ke atas engkau." Kemudian beliau bersabda pula kepada anaknya: "Apakah salahnya kamu berdo'a kepadanya semoga Allah Azzawajalla mengurniakan kepadanya ni'mat mati syahid? Kemudian 'Amr keluar bersama Rasulullah s.a.w. lalu ia gugur syahid pada hari Peperangan Uhud.

Di dalam keadaan kacau-bilau pertempuran itu Huzayfah ibn al-Yaman ternampak bapanya hendak dibunuh oleh orang-orang Islam kerana mereka tidak mengenalinya dan menyangkakannya dari orang-orang Musyrikin lalu Huzayfah berkeriau: "Wahai hamba-hamba Allah! Dia itu bapaku!" Tetapi mereka tidak sempat memahami perkataan Huzayfah melainkan sesudah mereka membunuhnya. Lalu dia berkata: "Semoga Allah memberi keampunan kepada kamu". Rasulullah s.a.w. hendak membayar diyatnya, tetapi Huzayfah menjawab: "Saya sedekah diyatnya kepada orang-orang Islam." Sikap Huzayfah itu telah menambahkan martabatnya di sisi Rasulullah.

Ujar Wahsyi hamba Jubayr ibn Mut'am menceritakan kematian Hamzah penghulu para Syuhada' di dalam Peperangan Uhud ini: "Jubayr berkata kepada aku: "Jika awak dapat membunuh Hamzah bapa saudara Muhammad, awak akan dibebaskan (dari perhambaan)." Kata Wahsyi: "Lalu aku pun keluar (berperang) bersama orang ramai (Musyrikin), aku adalah seorang Habsyi yang pandai melontar lembing mengikut cara orang-orang Habsyi dan lontaran aku itu jarang sekali tersilap dari sasarannya. Apabila pertempuran berlalu aku keluar melihat dan memerhati Hamzah. Aku lihat dia seolah-olah unta kelabu. Dia menumbang dan membunuh musuhnya dengan pedangnya dengan begitu gagah, tiada suatu pun yang dapat melawannya. Demi Allah, aku pun bersedia untuk menyerangnya. Aku berlindung darinya di sebalik pokok atau batu supaya dia berada dekat dariku. Tiba-tiba Siba' ibn Abdul 'Uzza mendahuluiku tampil hendak melawannya, apabila Hamzah melihat Siba' dia terus menghayun satu tetakan yang seolah-olah ia menyambar

kepalanya, di waktu inilah aku mengacah-acahkan lembingku sehingga apabila aku cukup puas hati dengan sasarannya aku pun melontarkannya dan lontaran itu tepat terkena di bawah perutnya sehingga lembing itu terkeluar di antara dua kakinya. Dia cuba bangkit menerkam ke arahku tetapi ia terjatuh. Aku biarkannya dengan lembing itu sehingga dia mati kemudian aku datang mengambil lembingku dan pulang ke khemah dan duduk berehat di sana kerana aku tidak mempunyai apa-apa keperluan yang lain dari Hamzah. Aku hanya membunuh untuk mendapat kebebasan sahaja”.

Kemudian Hindun binti 'Utbah isteri Abu Suffian datang lalu membelah perut Hamzah dan mengeluarkan hatinya dan cuba memamahnya tetapi tidak dapat dan terus mencampakkannya.

Apabila Rasulullah s.a.w. - selepas pertempuran - berdiri di hadapan mayat Hamzah r.a., beliau kelihatan amat terharu. Beliau bersabda: “Aku sekali-kali tidak pernah ditimpa kesedihan seperti ini dan tidak pernah menghadapi satu perbuatan yang lebih menimbulkan kemarahanku dari perbuatan ini.” Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya: “Adakah dia (Hindun) makan sesuatu (dari hati Hamzah)?” Jawab mereka: “Tidak.” Sabda beliau: “Allah tidak sekali-kali memasukkan sesuatu dari anggota Hamzah ke dalam api Neraka.”

Kemudian Rasulullah memerintah supaya para Syuhada' Uhud itu ditanam di tempat gugur mereka dan melarang memindahkan mereka ke tanah-tanah perkuburan di Madinah. Setengah-setengah sahabat telah memindahkan mayat-mayat keluarga mereka lalu juruhebah Rasulullah s.a.w. menyeru mereka supaya memulangkan mayat-mayat itu ke tempat-tempat gugur mereka lalu mereka memindahkannya kembali. Rasulullah s.a.w. menanam mereka dua atau tiga orang dalam satu kubur dan sebelum itu beliau bertanya siapakah di antara mereka yang paling banyak menghafal Al-Qur'an? Apabila mereka menunjukkan kepada seorang yang tertentu, beliau dahulukannya dalam lahad. Beliau telah mengkebumikan Abdullah ibn 'Amr ibn Haram dan 'Amr ibn al Jamuh dalam satu kubur kerana mereka berdua mempunyai perhubungan persahabatan yang mesra. Sabda beliau: “Kebumikanlah kedua-dua orang yang bersahabat mesra di dunia ini dalam satu kubur.”

* * * * *

Inilah beberapa petikan peristiwa di dalam Peperangan Uhud, di mana kemenangan dan kekalahan berdamping begitu dekat. Ia hanya dipisahkan oleh satu lintasan waktu yang pendek, satu pelanggaran perintah, satu tindakan hawa nafsu dan satu tarikan keinginan sahaja. Ia adalah satu peperangan di mana nilai-nilai yang tinggi dan nilai-nilai yang rendah berdamping begitu dekat. Ia memperlihatkan contoh-contoh yang unik di dalam sejarah keimanan dan kepahlawanan dan di dalam sejarah nifaq dan kekalahan.

Itulah sekumpulan peristiwa-peristiwa yang mendedahkan keadaan yang tidak seimbang yang wujud dalam barisan kaum Muslimin di masa itu di samping mendedahkan keadaan-keadaan yang keliru di dalam pemikiran-pemikiran setengah-setengah orang Islam. Kedua-dua keadaan ini - mengikut sunnatullah dan taqdir-Nya - telah menghasilkan natijah-natijah yang telah dialami oleh kaum Muslimin dan mengakibatkan pengorbanan-pengorbanan mereka yang besar, dan kemuncak dari pengorbanan itu ialah kecederaan-kecederaan yang telah menimpa Rasulullah s.a.w. dan tidak syak lagi para sahabat di waktu itu merasa peristiwa itu begitu mendalam dan berat. Mereka merasakan lebih pedih dari kesakitan yang telah dialami mereka sendiri. Mereka telah membayar harga yang amat tinggi untuk menerima pelajaran yang amat tinggi dari Allah untuk membersihkan hati mereka dan membezakan barisan-barisan (Mu'minin dan Munafiqin) dan untuk menyediakan kelompok Muslimin bagi memikul tugas agung yang diserahkan kepada mereka, iaitu tugas kepimpinan yang betul bagi umat manusia dan tugas menegakkan sistem hidup ilahi di bumi dalam bentuknya yang mithali dan realistik.

Sekarang marilah kita lihat bagaimana Al-Qur'anul-Karim menghadapi masalah ini mengikut kaedah dan caranya yang tersendiri.

* * * * *

Cara Pembentangan Al-Qur'an Terhadap Peristiwa-peristiwa Perang Uhud

Nas Al-Qur'an tidak mengikut peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu dari segi penceritaan dan pembentangan, tetapi ia mengikut fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam jiwa dan hati manusia (di dalam peperangan itu). Ia menggunakan peristiwa-peristiwa itu sebagai bahan peringatan, panduan dan bimbingan.

Nas Al-Qur'an tidak membentangkan peristiwa-peristiwa itu secara pembentangan ala sejarah yang disusun mengikut kejadian-kejadian yang teratur dengan tujuan rakaman, malah ia membentangkan peristiwa-peristiwa itu untuk tujuan mengambil i'tibar, memberi didikan, mencungkil nilai-nilai yang tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa itu, menggambarkan ciri jiwa manusia dan perasaan-perasaan hati mereka, juga menggambarkan suasana-suasana yang menyelubunginya di samping menjelaskan undang-undang alam yang mengendalikannya dan dasar-dasar yang kekal abadi yang menegakkannya. Dengan demikian sesuatu peristiwa itu berubah menjadi satu paksi atau titik asas, di mana terkumpulnya kekayaan gambaran perasaan-perasaan dan ciri-ciri jiwa manusia dan kekayaan sumber natijah-natijah dan dalil-dalil. Dari titik asas inilah rangkaian ayat Al-Qur'an itu memulakan pembicaraannya, kemudian ia membuat selingan di sekelilingnya, kemudian balik semula kepadanya, kemudian menjelajah di dalam pendalaman hati dan kehidupan manusia. Hal ini

diulangi sekali demi sekali sehingga ia mengakhiri cerita peristiwa itu dan mengumpulkan di bawah dua sayapnya satu himpunan dari berbagai-bagai konsep, berbagai-bagai dalil, nilai-nilai dan dasar-dasar (Cerita) peristiwa itu hanya merupakan semata-mata wasilah untuk mendapatkan himpunan itu dan merupakan titik asas, di mana terkumpulnya himpunan itu. Dan apabila Al-Qur'an telah mengolah segala hubungan peristiwa dan penyakit-penyakit di dalam hati kemudian ia menjelas, membersihkan dan meletakkannya pada tempat-tempatnya yang wajar, maka jiwa manusia tidak lagi mengalami kebingungan dan kegelisahan, tidak lagi merasa keliru dan kesamaran.

Apabila seseorang itu melihat medan pertempuran yang luas dengan segala kejadian yang berlaku di dalamnya kemudian ia melihat pula medan ulasan Al-Qur'an yang mencakup berbagai-bagai aspek, maka ia akan dapati bahawa medan ini adalah lebih luas dari medan pertempuran dan lebih kekal menghadapi zaman, lebih kuat tersemat di dalam hati, lebih dalam bertunjang di dalam jiwa dan lebih mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan jiwa manusia dan keperluan-keperluan kelompok Muslimin dalam setiap keadaan yang dihadapi mereka di sepanjang zaman dalam persoalan-persoalan yang seperti ini, kerana medan ulasan Al-Qur'an mengandungi hakikat-hakikat yang kekal abadi di sebalik peristiwa-peristiwa yang hilang berlalu. Ia mengandungi dasar-dasar yang mutlak di sebalik kejadian-kejadian yang tertentu dan nilai-nilai yang tulen di sebalik gejala-gejala yang baru mendatang. Ia merupakan tabung simpanan yang baik untuk dijadikan bekalan tanpa mengira masa dan tempat.

Inilah hasil yang kekal abadi yang disimpan oleh nas-nas Al-Qur'an kepada setiap hati yang membuka pintunya kepada keimanan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sekalipun. Dan kami akan bentangkannya - insya Allah - secara terkumpul setelah membentangkan secara berasing-asingan di dalam nas-nas itu.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 121 - 122)

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ
 وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾
 إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا
 وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau keluar di pagi hari dari (rumah) keluarga engkau untuk menempatkan para Mu'minin di tempat-tempat pertempuran dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (121). (Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan

Allahlah Pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min itu bertawakkal."(122)

Demikianlah ayat ini memulakan tayangan semula pemandangan pertama dari Peperangan Uhud. Pemandangan ini masih baru kepada orang-orang Islam yang mula-mula diturunkan Al-Qur'an ini kepada mereka, juga masih baru dalam kenangan-kenangan mereka. Tetapi memulakan cerita dengan cara yang seperti ini dan menghadirkan semula pemandangan pertama itu dengan nas yang seperti ini dapat mengembalikan semula pemandangan itu dengan segala ciri-cirinya yang hangat dan dinamik dan dapat menambahkan lagi kepadanya dengan hakikat-hakikat yang lain yang tidak terdapat di dalam pemandangan yang dapat dilihat itu, iaitu hakikat-hakikat yang wujud di sebalik pemandangan yang dapat dilihat dan diketahui mereka. Hakikat yang pertama ialah hakikat kehadiran Allah bersama mereka dan bagaimana Allah mendengar dan mengetahui segala apa yang berlaku di antara mereka. Inilah hakikat yang sangat diambil berat oleh Tarbiyah Qur'aniyah. Hakikat inilah yang selalu dihidir, ditegas, ditekan dan diperdalamkannya di dalam kefahaman dan pandangan Islam. Inilah hakikat asasi yang besar dan di atas hakikat inilah Islam tegakkan sistem pendidikannya. Tidak ada hati nurani yang betul mematuhi sistem hidup Islam dengan segala tugas dan kewajibannya kecuali hakikat ini tertanam di dalam lubuk hatinya dengan kuat dan dinamik.

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ
 وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau keluar di pagi hari dari (rumah) keluarga engkau untuk menempatkan para Mu'min di tempat-tempat pertempuran dan Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui."(121)

Yang dimaksudkan di sini ialah keluarnya Nabi s.a.w. di pagi hari dari rumah Aisyah r.a. setelah memakai baju besinya selepas mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya dan mencapai kata sepakat untuk keluar berperang menentang kaum Musyrikin di luar Madinah. Berikutan dengan itu Rasulullah s.a.w. telah mengatur barisan-barisan perangnya dan menyuruh pasukan pemanah mengambil tempatnya di atas Bukit Uhud. Ini adalah satu pemandangan yang memang diketahui dan diingati mereka, tetapi di sini ada satu hakikat yang baru iaitu:

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

"Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(121)

Ini adalah satu pemandangan dan satu suasana yang sungguh hebat, di mana Allah hadir dan melihat, satu suasana, di mana perasaan gerun dan terharu menyelubunginya dan merangkumi segala

perbincangan dan permesyuaratan yang telah berlaku di sana. Seluruh hati terdedah kepada Allah. Dia mendengar segala kata-kata yang diucapkan oleh lisan dan mengetahui segala bisikan hati mereka.

Perkara yang kedua yang disentuh di dalam pemandangan yang pertama ini ialah pergerakan lemah hati dan pengecut yang menggoda dua kumpulan Muslimin yang berlaku selepas pergerakan khianat yang dilakukan oleh kepala Munafiqin Abdullah ibn Ubay ibn Salul apabila dia berpisah dari barisan Muslimin dengan membawa balik satu pertiga tentera kerana marah kepada Rasulullah s.a.w. yang tidak mahu mendengar pendapatnya dan sebaliknya mendengar pendapat anak-anak muda penduduk Madinah dan dia telah berkata: "Jika kami yakin kamu akan berperang tentulah kami ikut kamu" dengan kata-kata ini terbuktilah bahawa hatinya belum lagi ikhlas kepada 'aqidah Islam dan persoalan kepentingan dirinya masih lagi memenuhi hatinya dan mengatasi kepentingan 'aqidah, sedangkan 'aqidah tidak dapat menerima sebarang perkongsian di dalam hati penganutnya dan ia tidak sanggup menerima sekutu di dalam hatinya. (Pilihannya salah satu dari dua): Sama ada ia membulatkan hati kepada 'aqidah sahaja atau 'aqidah menolaknya dan meninggalkannya.

إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنَكَرْمِ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا
وَعَلَى اللَّهِ فَيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"(Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah Pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min itu bertawakkal."(122)

Kedua-dua kumpulan ini sebagaimana yang diterangkan di dalam as-Sahih - dari hadith Suffian ibn 'Uyainah - ialah kumpulan Bani Harithah dan Bani Salamah. Kedua-dua kumpulan ini telah dipengaruhi oleh tindakan Abdullah ibn Ubay yang telah menimbulkan satu kegemparan di dalam barisan Islam dalam langkah pertama perjuangan. Kedua-dua kumpulan ini hampir-hampir mengundurkan diri dan menjadi lemah semangat jika tidak diselamatkan oleh perlindungan dan pertolongan Allah sebagaimana diceritakan oleh nas Al-Qur'an ini:

وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا

"Dan Allahlah pelindung kedua mereka."

Ujar Umar r.a. aku dengar Jabir ibn Abdullah berkata mengenai ayat:

إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنَكَرْمِ أَنْ تَفْشَلَا

"(Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut."

Katanya: Kamilah yang dimaksudkan dengan "dua kumpulan" itu, iaitu Bani Harithah dan Bani Salamah... Tiadalah kami suka (atau tiadalah

menyukakanku) jika ayat ini tidak diturunkan kerana adanya kenyataan Allah yang berikut:

وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا

"Dan Allahlah pelindung kedua mereka."

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Demikianlah Allah mendedahkan rahsia hati mereka yang tersembunyi, iaitu rahsia-rahsia sulit yang tidak diketahui melainkan oleh tuannya, iaitu ketika keinginan mengundurkan diri itu telah berkecamuk sejenak di dalam hati mereka. Kemudian Allah menyelamatkan mereka darinya dan memalingkan mereka dari kumpulan ibn Ubay serta menolong mereka dengan perlindungan-Nya. Lalu mereka terus berada dalam barisan Muslimin. Allah mendedahkan rahsia ini untuk mengenang semula peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan untuk menghidupkan kembali kejadian-kejadian dan menayangkan semula pemandangan-pemandangannya, juga untuk menggambarkan perasaan-perasaan hati mereka dan menyedarkan mereka bahawa Allah hadir bersama mereka dan mengetahui segala isi hati mereka. Sebagaimana Allah menjelaskan kepada mereka bahawa Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui untuk menekan dan memperdalamkan hakikat ini di dalam hati mereka, juga untuk memberitahu kepada mereka bagaimana hendak mendapat keselamatan dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa menolong, memelihara dan melindungi mereka apabila mereka dilanda perasaan lemah dan patah semangat supaya mereka benar-benar tahu ke mana mereka harus bertawajjuh dan mencari perlindungan apabila mereka mengalami keadaan yang seperti ini. Oleh sebab itulah Allah membimbing mereka ke arah ini, kerana tiada arah yang lain darinya bagi orang-orang yang beriman:

وَعَلَى اللَّهِ فَيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min bertawakkal."(122)

Perintah bertawakkal ini dibuat dengan ungkapan yang memberi penentuan dan pemusatan yakni orang-orang yang beriman hendaklah bertawakkal kepada Allah sahaja, kerana mereka tidak mempunyai sandaran yang lain dari sandaran yang teguh ini jika mereka beriman.

Demikianlah kita dapati di dalam dua ayat yang pertama yang menghadirkan semula pemandangan Peperangan Uhud dan suasana dua bimbingan besar yang asasi dalam pandangan dan kefahaman Islam dan di dalam tarbiyah Islamiyah iaitu:

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٤١﴾

"Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."(121)

وَعَلَى اللَّهِ فَيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'min bertawakkal."(122)

Kita dapati kedua-dua bimbingan ini tepat pada waktunya yang wajar dan tepat dengan suasana yang sesuai. Di sini kedua-dua bimbingan itu dapat menyampaikan seluruh nada dan saranannya pada masa yang munasabah, iaitu ketika semua hati bersedia untuk menerima dan menyambut arahan dan bimbingan. Dari dua ayat pendahuluan ini ternyata kepada kita bagaimana cara Al-Qur'an bertindak menghidupkan hati, membimbing dan mendidikkannya melalui ulasan-ulasan terhadap kejadian-kejadian yang masih panas. Di sini ternyata perbezaan di antara cara penceritaan Al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku dan cara ia membimbing peristiwa-peristiwa itu dengan cara penceritaan sumber-sumber yang lain yang kadang-kadang memerikan kejadian-kejadian yang berlaku dengan huraian-huraian yang lebih panjang, tetapi tidak menyentuh hati manusia dan kehidupan mereka dengan bimbingan-bimbingan yang menghidup dan merangsangkan hati mereka dan dengan didikan dan arahan seperti yang dilakukan oleh Al-Qur'an dengan caranya yang lurus itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 123 - 129)

Contoh-contoh Dari Peperangan Badar

Demikianlah Al-Qur'an memulakan cerita Peperangan Uhud, di mana kaum Muslimin menerima kekalahan, sedangkan mereka hampir-hampir mendapat kemenangan. Perjuangan dalam peperangan ini bermula dengan sikap mengutamakan kepentingan diri di atas kepentingan agama yang telah ditunjukkan oleh Abdullah ibn Ubay dan tindakannya diikuti pula oleh pengikut-pengikutnya yang turut mengutamakan kepentingan diri di atas kepentingan agama mereka. Ia juga bermula dengan kelemahan semangat yang hampir-hampir mempengaruhi dua kumpulan Muslimin yang baik kemudian perjuangan itu berakhir dengan tindakan melanggar peraturan-peraturan ketenteraan kerana tamakkan harta rampasan perang. Contoh-contoh semangat perjuangan yang tinggi yang ditunjuk di dalam peperangan itu tidak dapat menghalang dari menerima nasib kekalahan kerana adanya kelemahan disiplin di dalam barisan tentera Muslimin dan wujudnya kekeliruan dalam pandangan dan kefahaman mereka.

Sebelum Al-Qur'an meneruskan tayangan peperangan itu dan membuat ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa peperangan yang membawa kepada kekalahan itu, ia mengingatkan mereka dengan Peperangan Badar yang telah membawa kemenangan kepada mereka supaya peperangan ini diletakkan di hadapan Peperangan Uhud untuk dijadikan bidang perbandingan dan penelitian untuk mengkaji sebab-sebab dan akibat-akibat, iaitu untuk mengetahui titik-titik kelemahan dan kekuatan,

sebab-sebab kemenangan dan kekalahan agar selepas itu tercapai keyakinan bahawa kemenangan dan kekalahan itu adalah suatu taqdir dari taqdir-taqdir Allah kerana sesuatu hikmat yang wujud di sebalik kemenangan itu, juga wujud di sebalik kekalahan itu. Dan segala urusan itu pada akhirnya terpulang kepada Allah sama ada di dalam keadaan kalah atau menang atau di dalam seluruh keadaan yang lain:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ
 لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾
 إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمِدَّكُمْ رَبُّكُمْ
 بِثَلَاثَةِ آفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُزِيلِينَ ﴿١٢٤﴾
 بَلَىٰ إِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ
 هَذَا يُمِدَّكُمْ رَبُّكُمْ بِخَمْسَةِ آفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ
 مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُمْ
 بِهِ ۗ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾
 لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَوْ يَكْتَسِبَهُمْ
 فَيَنْقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٢٧﴾
 لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ أَوْ يُعَذِّبَهُمْ
 فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٢٨﴾

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ يَغْفِرُ لِمَن
 يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya Allah telah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu berada dalam kelemahan. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur (123). (Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit) (124). Ya sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu Malaikat yang memakai tanda (125). Dan Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi

Maha Bijaksana (126). (Allah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar) untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa (127). Engkau tidak mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini (hanya Allah sahaja yang berkuasa sama ada Dia) atau menerima taubat mereka atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim (128). Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memberi keampunan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(129)

Kemenangan di dalam Peperangan Badar terdapat bau mu'jizat - sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini. Kemenangan itu telah dicapai tanpa alat-alat kelengkapan kebendaan yang biasa diguna untuk mendapat kemenangan. Imbangan neraca kekuatan di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin di dalam peperangan itu tidaklah seimbang atau hampir-hampir seimbang. Jumlah kaum Musyrikin kira-kira seribu orang. Mereka keluar untuk berjuang menyahut seruan Abu Suffian yang meminta pertolongan untuk melindungi kafilah perniagaan yang ada bersamanya. Mereka (keluar) lengkap dengan alat-alat senjata dan dengan penuh semangat untuk mempertahankan harta kekayaan mereka dan perasaan fanatik untuk mempertahankan maruah dan kehormatan mereka. Sementara jumlah kaum Muslimin pula terdiri dari kira-kira tiga ratus orang sahaja. Mereka keluar bukanlah untuk memerangi kumpulan Musyrikin yang kuat ini, malah mereka keluar kerana satu tujuan yang mudah sahaja, iaitu untuk menghadapi dan menyekat kafilah perdagangan Quraisy yang tidak bersenjata itu. Di samping jumlah mereka yang kecil, mereka juga mempunyai persiapan senjata yang sedikit. (Selain dari itu) di belakang mereka di Kota Madinah terdapat kaum Musyrikin yang masih mempunyai kekuatan dan kaum Munafiqin yang mempunyai kedudukan yang kuat dan kaum Yahudi yang sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk menghancurkan mereka. Kaum Muslimin di waktu ini merupakan satu golongan kecil di tengah-tengah lautan manusia kafir dan musyrik di Semenanjung Tanah Arab. Ketika itu sifat mereka sebagai orang-orang Muhajirin yang terusir dari Makkah dan sebagai orang-orang Ansar yang melindungi para Muhajirin itu masih belum hilang lagi dari mereka dan namun demikian mereka masih merupakan tumbuhan-tumbuhan yang belum lagi mantap di dalam masyarakat itu.

Allah S.W.T. mengingatkan semua keadaan ini kepada mereka dan mengembalikan kemenangan di dalam Peperangan Badar itu kepada puncanya yang pertama di tengah-tengah keadaan ini:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

"Sesungguhnya Allah telah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar, sedangkan kamu berada

dalam kelemahan. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu bersyukur."(123)

Yakni Allah yang telah memberi kemenangan kepada mereka. Dia memberi kemenangan kepada mereka kerana suatu hikmat yang dijelaskan di dalam kumpulan ayat-ayat ini. Tiada siapa yang dapat menolong mereka sama ada dari kalangan diri mereka atau kalangan yang lain dari mereka (melainkan Allah). Oleh kerana itu apabila mereka merasa bimbang dan takut, maka hendaklah mereka bertaqwa dan takut kepada Allah yang memiliki kemenangan dan kekalahan. Dialah sahaja yang memiliki kekuatan dan kekuasaan. Semoga taqwa itu dapat membawa mereka kepada kesyukuran, iaitu kesyukuran yang sempurna dan layak dengan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka dalam setiap keadaan.

Inilah sentuhan pertama ketika mereka diperingatkan dengan kemenangan di dalam Peperangan Badar, kemudian ayat yang berikut menayangkan pemandangan peperangan itu dan menghidupkan gambarannya di dalam perasaan mereka seolah-olah mereka berada di dalam peperangan itu di sa'at ini:

إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمَدِّدَ رَبُّكُمْ
بِثَلَاثَةِ آفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُنَزَّلِينَ ﴿١٢٤﴾
بَلَىٰ إِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ
هَذَا يُمَدِّدْكُمْ رَبُّكُمْ بِخَمْسَةِ آفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ
مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾

"(Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit) (124). Ya sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda."(125)

Inilah kata-kata Rasulullah s.a.w. pada hari Peperangan Badar kepada sekumpulan kecil kaum Muslimin yang keluar bersama beliau. Mereka telah melihat angkatan perang kaum Musyrikin yang ramai, sedangkan tujuan mereka keluar ialah untuk menghadapi kumpulan unta yang membawa dagangan-dagangan bukan untuk menghadapi kumpulan angkatan perang yang lengkap dengan alat-alat senjata. Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan kepada mereka apa yang disampaikan Allah kepadanya pada hari itu untuk menguat dan memberanikan hati mereka kerana mereka adalah manusia yang memerlukan kepada pertolongan dalam bentuk yang dekat kepada perasaan, pandangan dan kebiasaan mereka. Beliau juga telah menyampaikan kepada mereka syarat pertolongan itu, iaitu sabar dan taqwa, bersabar menerima kejutan

serangan dan menaruh perasaan taqwa yang menambatkan hati mereka dengan Allah dalam kemenangan dan kekalahan:

بَلَىٰ إِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ هَٰذَا يُمْدِدْكُمْ رَبُّكُم بِخَمْسَةِ آلَافٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾

"Ya sebenarnya cukup! jika kamu bersabar dan bertaqwa dan tiba-tiba mereka menyerang kamu di masa mereka ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda."(125)

Oleh itu sekarang Allah mengajar mereka bahawa segala urusan itu terpulang kepada Allah dan segala punca kuasa bertindak itu adalah dari Allah S.W.T. belaka dan turunnya para Malaikat itu tidak lain melainkan semata-mata untuk menjadi berita gembira kepada hati mereka agar merasa senang dan tenteram. Adapun kemenangan, maka ia adalah secara langsung dari urusan Allah Ta'ala, ia bergantung kepada taqdir dan iradat Allah tanpa wasilah, tanpa sebab dan tanpa wasilah:

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُم بِهِ ۗ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾

"Dan Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(126)

Demikianlah ayat Al-Qur'an ini memberi perhatian yang berat mengembalikan segala urusan kepada Allah supaya tidak terlekat dalam kefahaman seseorang Muslim sesuatu tanggapan yang boleh menodai dasar yang bersih ini, iaitu dasar mengembalikan segala urusan kepada kehendak masyi'ah Allah yang mutlak dan kepada iradat-Nya yang berkuatkuasa dan kepada taqdir-Nya yang langsung di samping menepikan sebab-sebab dan wasilah-wasilah sebagai punca kuasa yang bertindak dan mencipta, malah sebab-sebab dan wasilah-wasilah itu hanya merupakan alat yang digerakkan oleh kehendak masyi'ah Allah atau sebagai alat untuk mewujudkan sesuatu yang dikehendaki oleh-Nya.

وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾

"Dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(126)

Al-Qur'anul-Karim memberi perhatian yang berat menjelaskan dasar ini dalam pandangan dan kefahaman Islam di samping membersihkannya dari segala noda dan menepikan sebab-sebab yang lahir, wasilah-wasilah dan alat-alat sebagai punca kuasa yang bertindak supaya hubungan secara langsung di antara hamba dengan Allah kekal tidak terjejas, juga

supaya hubungan terus di antara hati Mu'min dengan taqdir Allah berlangsung tanpa dinding-dinding, tanpa sekatan-sekatan dan tanpa wasilah-wasilah dan wasitah-wasitah sebagaimana keadaannya yang wujud di alam hakikat.

Dengan bimbingan-bimbingan yang berulang-ulang ini di dalam Al-Qur'an, yang ditegaskan dengan berbagai-bagai uslub penegasan, maka tertanamlah hakikat ini di dalam hati kaum Muslimin dalam bentuk yang indah, tenang, mendalam dan jelas.

Mereka mengetahui bahawa Allahlah satu-satunya kuasa yang bertindak dan mencipta, dan di samping itu mereka juga mengetahui bahawa mereka diperintah oleh Allah supaya menggunakan wasilah-wasilah dan sebab-sebab, menjalankan usaha-usaha dan menunaikan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan. Kerana itu mereka yakin kepada hakikat dan mematuhi perintah itu dalam satu imbalan perasaan dan pergerakan yang menarik.

Hakikat ini hanya datang bersama-sama masa, bersama peristiwa-peristiwa, bersama didikan melalui peristiwa-peristiwa dan didikan melalui ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa seperti ulasan ini dan ulasan-ulasan yang seumpamanya yang banyak terdapat dalam surah ini.

Di dalam ayat-ayat ini ditayangkan kembali pemandangan Peperangan Badar dan bagaimana Rasulullah s.a.w. menjanjikan dengan bantuan para malaikat dari Allah jika mereka berpegang teguh dengan kesabaran, ketaqwaan dan kegigihan di dalam perjuangan apabila kaum Musyrikin datang menyerang mereka dari arah ini. Kemudian Al-Qur'an menceritakan kepada mereka hakikat sumber yang bertindak menurunkan para malaikat itu, iaitu Allah S.W.T., di mana seluruh urusan bergantung kepada iradat-Nya dan kemenangan terlaksana dengan tindakan dan keizinan-Nya.

مِن عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾

"Dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."(126)

Yakni Allah bersifat "Maha Perkasa", iaitu Maha Kuat dan mempunyai kuasa yang berkuasa merealisasikan kemenangan. Dan Allah bersifat "Maha Bijaksana". Dia menjalankan segala taqdir dan perancangan-Nya mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya dan mengikut kemenangan ini untuk merealisasikan sesuatu hikmat di sebaliknya. Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hikmat kemenangan ini - dan mana-mana kemenangan yang lain dan matlamat-matlamatnya yang tidak ada seorang manusia pun mempunyai hak di dalamnya:

لَيَقْطَعَنَّ طَرْفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَوْ يَكْتُمُهُمْ فَيَنْقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٢٧﴾

لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ أَوْ يُعَذِّبَهُمْ
فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٢٨﴾

"(Allah memberi kemenangan kepada kamu di dalam Peperangan Badar) untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa (127). Engkau tidak mempunyai sesuatu apa pun, dalam urusan ini (hanya Allah sahaja yang berkuasa sama ada Dia) menerima taubat mereka atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim." (128)

Yakni kemenangan itu adalah dari Allah untuk merealisasikan perencanaan-perencanaan Allah, sedangkan Rasulullah s.a.w. dan para Mujahidin yang berjuang bersama beliau tidak mempunyai sebarang tujuan peribadi atau habuan diri di dalam kemenangan itu, begitu juga beliau dan para Mujahidin ini tidak mempunyai sebarang campurtangan dalam merealisasikan kemenangan itu. Mereka tidak lebih dari tabir qudrat Ilahi yang mana segala yang dikehendaki-Nya melalui mereka. Oleh itu mereka bukannya merupakan sebab-sebab dan pencipta-pencipta bagi kemenangan itu dan bukan pula sebagai pemilik-pemilik dan pengambil-pengambil faedah dari kemenangan ini, malah kemenangan itu merupakan perencanaan Allah yang terlaksana dengan gerakan para pahlawan-Nya dan dengan sokongan dari-Nya untuk merealisasikan sesuatu hikmat Allah di sebalik kemenangan itu dan di sebalik tujuan-tujuannya:

لَيَقْطَعَنَّ طَرَفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا

"Untuk membinasakan segolongan dari orang-orang yang kafir."

Yakni mengurangkan bilangan mereka dengan kematian mereka dalam peperangan atau mengurangkan kawasan bumi yang dimiliki mereka dengan menaklukkan atau mengurangkan kuasa mereka dengan mengalahkan mereka atau mengurangkan harta kekayaan mereka dengan rampasan perang atau mengurangkan pengaruh kekuatan mereka di bumi dengan kekalahan:

أَوْ يَكْتَبَتُهُمْ فَيَنْقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٢٧﴾

"Atau untuk menghinakan mereka supaya mereka kembali hampa." (127)

Yakni ia menjadikan mereka hina dan oleh sebab itu mereka pulang dengan keadaan kecewa dan hina.

أَوْ يَتُوبَ عَلَيْهِمْ

"Atau menerima taubat mereka."

Kerana kemenangan kaum Muslimin kadang-kadang menjadi suatu pengajaran dan i'tibar kepada orang-orang kafir dan kadang-kadang pula membawa mereka kepada keimanan dan penyerahan diri kepada Allah lalu Allah menerima taubat dari kekafiran

mereka dan menamatkan hidup mereka dengan menganut Islam dan menerima hidayat.

أَوْ يُعَذِّبَهُمْ فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٢٨﴾

"Atau mengazabkan mereka kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang zalim." (128)

Yakni mengazab mereka dengan kemenangan orang-orang Islam yang mengalahkan mereka atau menawan mereka atau dengan kematian mereka di dalam kekafiran yang membawa mereka kepada 'azab Neraka. Itulah balasan terhadap kezaliman mereka yang bersikap kafir terhadap Allah, kezaliman mereka menindas orang-orang Islam dan melakukan kerosakan di bumi, kezaliman mereka menentang kebaikan yang dilambangkan oleh sistem hidup Islam, undang-undang dan peraturannya. Dan segala macam kezaliman yang tersembunyi di sebalik kekafiran dan tindakan menghalang orang lain dari agama Allah.

Walau bagaimanapun itulah hikmat Allah tanpa campurtangan manusia sedikit pun sehingga Rasulullah s.a.w. sendiri pun dikeluarkan oleh ayat ini dari hak campurtangan dalam bidang urusan ini supaya seluruhnya terpusat kepada Allah S.W.T. sahaja kerana urusan itu adalah urusan Allah Yang Tunggal tanpa sebarang sekutu.

Dengan demikian kaum Muslimin mencabut atau memutuskan diri mereka dari kemenangan ini dan dari sebab-sebab dan hasil-hasil kemenangan itu, dan dengan demikian mereka tidak merasa angkuh dan sombong dengan kemenangan itu yang biasa dialami oleh orang-orang yang mendapat kemenangan dan dengan demikian mereka merasa bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa habuan campurtangan dalam urusan kemenangan itu, malah seluruh urusan itu dari awal sampai akhir adalah terpulang kepada Allah.

Dengan demikian pula Al-Qur'an mengembalikan urusan manusia - sama ada yang ta'at atau yang derhaka - kepada Allah semata-mata, kerana urusan ini adalah urusan Allah Yang Maha Esa sahaja, begitu juga urusan da'wah dan sikap manusia terhadapnya sama ada menerima atau menolak. Kewajipan Nabi s.a.w. dan kewajipan kaum Mu'minin yang berjuang di sampingnya ialah menyempurnakan peranan mereka masing-masing, kemudian menyerahkan natijahnya (kepada Allah). Dan mereka akan mendapat ganjaran dari Allah kerana mereka telah menyempurnakan peranan mereka, kesetiaan mereka dan kewajipan-kewajipan mereka.

Di sana ada satu lagi hubungan di dalam rangkaian ayat-ayat ini yang memerlukan kepada ayat yang memberi penegasan itu:

لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ

"Engkau tiada mempunyai sesuatu apa pun dalam urusan ini,"

iaitu dalam rangkaian ayat-ayat ini kelak akan dijelaskan nanti perkataan setengah-setengah orang Islam yang berbunyi:

هَلْ لَنَا مِنْ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ ق

"Adakah kita mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini?"(154)

لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا ق

"Andainya kita mempunyai sesuatu apa data urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini."(154)

Maka dengan ayat tadi dapatlah dijawabkan kepada mereka: Bahawa tiada siapa pun mempunyai sesuatu apa pun dalam urusan ini sama ada menang atau kalah. Kewajipan yang dituntut dari manusia ialah keta'atan dan kepatuhan menyempurnakan tugas dan kewajipan dan segala urusan selepas itu adalah terpulang kepada Allah. Tiada siapa pun yang mempunyai sesuatu apa walaupun Rasulullah sendiri, inilah hakikat yang tulen di dalam pandangan dan kefahaman Islam. Usaha menanamkan hakikat ini di dalam hati adalah lebih besar dari individu-individu, lebih besar dari peristiwa-peristiwa dan lebih besar dari berbagai-bagai pertimbangan.

Al-Qur'an menamatkan peringatan Peperangan Badar dan penjelasan hakikat-hakikat yang tulen dalam pandangan dan kefahaman Islam dengan mengemukakan satu hakikat yang syumul dan kepada hakikat inilah kembalinya hakikat bahawa kalah menang itu adalah terpulang kepada hikmat dan perencanaan Allah. Al-Qur'an menamatkan kenyataan-kenyataan ini dengan mengemukakan satu kenyataan yang pokok, iaitu seluruh urusan alam buana ini adalah terpulang kepada Allah. Oleh sebab itulah Allah memberi keampunan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya mengikut apa yang dikehendaki-Nya:

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ يَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٢٩

"Dan Allah memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Ia memberi keampunan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengazabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."(129)

Itulah kehendak masyi'ah Allah yang mutlak yang berasaskan milik yang mutlak. Itulah kuasa pengurusan dan pengendalian yang mutlak dalam urusan para hamba berdasarkan pemilikan-Nya yang meliputi segala isi langit dan segala isi bumi. Di sana tidak ada penganiayaan dan pilih kasih terhadap para hamba sama ada di dalam pengampunan atau peng'azaban. Malah segala perkara dalam urusan ini diputuskan dengan hikmat, keadilan, rahmat dan keampunan-Nya. Urusan Allah S.W.T. ialah memberi rahmat dan keampunan:

وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١٢٩

"Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."(129)

Pintu sentiasa terbuka di hadapan para hamba untuk membolehkan mereka mendapat keampunan dan rahmat-Nya dengan bertindak kembali kepada-Nya dan memulangkan segala urusan kepada-Nya di samping menunaikan kewajipan-kewajipan yang difardhukan ke atas mereka dan menyerahkan selepas itu kepada hikmat Allah, kepada perencanaan dan kehendak masyi'ah-Nya yang mutlak di sebalik wasilah-wasilah dan sebab-sebab.

(Pentafsiran ayat-ayat 130 - 136)

Arahan-arahan Yang Mendasari Peperangan Uhud

Sebelum penjelasan ayat ini memasuki terus ke dalam tayangan Peperangan Uhud dan ulasan-ulasan terhadap kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwanya, lebih dahulu dikemukakan bimbingan-bimbingan yang ada kaitan dengan perjuangan yang besar itu yang telah kami singgungkan di dalam muqaddimah ceritanya, iaitu perjuangan di dalam hati dan masyarakat hidup. Ayat-ayat ini mengemukakan pembicaraan mengenai riba dan mu'amalat-mu'amalat yang berunsur riba, juga pembicaraan mengenai taqwa kepada Allah, keta'atan kepada-Nya dan kepada Rasul-Nya, pembicaraan mengenai infaq dalam masa keluasan dan kesempitan, mengenai peraturan tolong-menolong yang baik sebagai ganti sistem riba yang terkutuk, pembicaraan mengenai mengawal kemarahan, memaafkan kesalahan orang lain dan menaburkan kebaikan dan kebajikan di dalam kelompok Muslimin dan seterusnya pembicaraan mengenai memohon keampunan dari dosa dan bertawajjuh kepada Allah dan tidak terus berdegil melakukan dosa:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ١٣٠
 وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ١٣١
 وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٣٢
 وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ١٣٣
 الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٤﴾

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاَسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرِ
اللَّهُ لَ الذُّنُوبِ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ

يَعْلَمُونَ ﴿١٢٥﴾

أُولَٰئِكَ جَزَاءُ هُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتُ
تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ

الْعَامِلِينَ ﴿١٢٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung (130). Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir (131). Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat (132). Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfakkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui (135). Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya dan itulah sebaik-baik ganjaran para 'amilin." (136)

Ciri Kesepaduan Dan Kesyumulan Sistem Hidup Islam

Semua bimbingan ini dikemukakan sebelum memasuki di dalam rangkaian ayat perjuangan di medan Peperangan Uhud untuk menunjukkan salah satu ciri dari ciri-ciri 'aqidah Islam, iaitu ciri kesepaduan dan kesyumulan 'aqidah ini dalam menghadapi kewujudan manusia dan seluruh kegiatannya dan mengembalikan seluruh kegiatan itu kepada satu paksi, iaitu paksi ibadat dan 'Ubudiyah kepada Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dalam segala urusan, juga ciri kesepaduan dan kesyumulan di dalam sistem hidup Ilahi yang menguasai kewujudan manusia di dalam segala keadaan, segala urusan dan segala aspek-aspek kegiatan mereka. Kemudian bimbingan-bimbingan itu dengan kesepaduan ini menunjukkan pula kepada pertalian yang wujud di antara segala macam kegiatan manusia dan kesan pertalian ini di dalam natijah-natijah akhir

dari seluruh usaha mereka sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Sistem hidup Islam mengawal jiwa manusia dari segenap sudutnya dan mengatur kehidupan kelompok secara menyeluruh bukan secara berasing-asingan. Oleh sebab itulah di sini dikumpulkan di antara bimbingan-bimbingan membuat persediaan untuk menghadapi perjuangan di medan peperangan dengan bimbingan-bimbingan membersihkan hati dan mengawal keinginan hawa nafsu, menyebarkan kasih mesra dan semangat toleransi di dalam kelompok dan semuanya itu amat mudah difahami. Apabila kita memperincikan setiap ciri dan setiap bimbingan ini ternyata kepada kita betapa rapat pertaliannya dengan kehidupan kelompok Muslimin dan dengan tahap-tahap keupayaan mereka di dalam medan pertempuran dan segala medan perjuangan hidup yang lain:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا

مُضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung (130). Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir (131). Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat." (132)

Maksud Larangan Memakan Riba Berlipat Ganda

Pembicaraan riba telah dihuraikan dengan terperinci di dalam juzu' yang ketiga Tafsir Fi Zilal ini. Oleh sebab itu pembicaraan mengenainya tidak lagi diulangi di sini. Tetapi kami ingin berhenti sejenak pada keterangan nas "memakan riba berlipat ganda", kerana ada sekumpulan orang yang ingin berlindung di sebalik nas ini di zaman sekarang. Mereka cuba menyelewengkan nas ini dengan mengatakan bahawa riba yang diharamkan itu ialah riba yang berlipat ganda. Adapun riba sekadar empat atau lima peratus atau tujuh dan sembilan peratus, maka itu bukannya riba yang berlipat ganda dan tidak termasuk di dalam lingkungan riba yang diharamkan Allah.

Kami mulai pembicaraan ini dengan menegaskan bahawa keterangan "berlipat ganda" itu adalah suatu keterangan untuk menggambarkan keadaan riba yang berlaku (di masa itu) bukan keterangan yang merupakan syarat yang bergantung dengan hukum haram kerana nas yang tersebut di dalam Surah al-Baqarah adalah tegas mengharamkan asal riba tanpa sebarang batasan dan syarat:

وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا

"Dan tinggalkan saki baki riba"

(Surah al-Baqarah : 278)

yakni tinggalkan apa sahaja saki-baki riba yang ada itu.

Setelah selesai kami menjelaskan dasar pengharaman ini, kami mahu memperkatakan pula tentang keterangan "berlipat ganda" itu. Sebenarnya keterangan ini bukan sahaja merupakan suatu sifat sejarah perjalanan riba yang berlaku di Semenanjung Tanah Arab yang menjadi sasaran larangan Al-Qur'an di sini, malah ia merupakan suatu keterangan yang menggambarkan sifat yang tidak bercerai tanggal dengan sistem riba yang keji itu biarpun bagaimana kadar faedahnya.

Erti sistem riba ialah menjalankan pusingan harta mengikut kaedah riba. Ini bererti bahawa proses pengambilan riba itu bukanlah proses-proses yang menunggal dan asas/ringkas, malah ia merupakan proses-proses yang berulang-ulang dari satu aspek dan bertindih-tindih dari satu aspek yang lain pula. Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa proses inilah yang menghasilkan riba yang berlipat ganda melalui masa, ulangan dan pertindihan.

Tabi'at sistem riba selama-lamanya merealisasikan sifat faedah riba yang berlipat ganda itu. Sifat ini bukan hanya terbatas dalam proses-proses riba yang diikuti di Semenanjung Tanah Arab, malah ia adalah suatu sifat yang tidak bercerai tanggal dengan sistem riba di setiap zaman.

Kesan sistem*riba merosakkan kehidupan kejiwaan dan akhlak manusia sebagaimana telah kami jelaskan di dalam juzu' yang ketiga. Begitu juga kesannya merosakkan kehidupan ekonomi dan politik - ini juga telah kami jelaskan - dan dari sini jelaslah bahawa riba ini mempunyai hubungan dengan kehidupan umat dan mempengaruhi seluruh nasib kesudahan mereka.

Islam yang sedang membentuk umat Muslimin mahukan umat ini mempunyai kebersihan di dalam kehidupan kejiwaan dan akhlak dan di samping kesejahteraan di dalam kehidupan ekonomi dari politik, kerana kesan-kesannya dalam natijah-natijah perjuangan yang diharungi oleh umat Muslim adalah jelas diketahui. Oleh kerana itu larangan memakan riba dalam ayat yang mengulas perjuangan di medan pertempuran merupakan suatu perkara yang dapat dimengerti di dalam sistem hidup Islam yang syumul dan jauh pandangan ini.

Adapun ulasan terhadap larangan ini dengan seruan supaya bertaqwa kepada Allah untuk mengharapkan keberuntungan dan dengan seruan supaya memelihara diri dari api Neraka yang telah disediakan kepada orang-orang kafir itu, maka ulasan itu juga dapat dimengertikan dan itulah ulasan yang paling sesuai, kerana seseorang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah dan takut kepada api Neraka yang disediakan kepada orang-orang yang kafir itu tidak akan makan riba. Seseorang yang benar-benar

beriman kepada Allah dan memisahkan dirinya dari barisan orang-orang kafir tidak akan makan riba. Keimanan itu bukannya sebuah kata-kata yang dilafazkan dengan lisan, malah keimanan itu ialah mengikut sistem hidup yang telah dijadikan Allah sebagai satu terjemahan amali bagi keimanan, sedangkan keimanan dijadikan Allah sebagai muqaddimah untuk mewujudkannya dalam realiti kehidupan dan untuk menyesuaikan kehidupan masyarakat mengikut kehendak-kehendak-Nya.

Keimanan Tidak Bertemu Dengan Sistem Riba

Adalah satu perkara yang mustahil keimanan dapat berkumpul dengan sistem riba di dalam satu tempat. Oleh itu di mana tegaknya sistem riba di sana keluarnya agama ini secara keseluruhan dan di sanalah wujudnya Neraka yang disediakan untuk orang-orang yang kafir. Pertikaian dalam persoalan ini hanya menghasilkan pertikaian sahaja. Pengumpulan di dalam ayat-ayat ini di antara larangan memakan riba dengan seruan bertaqwa kepada Allah dan takut kepada api Neraka yang disediakan kepada orang-orang yang kafir itu bukanlah pengumpulan yang tidak bertujuan atau pengumpulan secara kebetulan sahaja, malah pengumpulan itu adalah bertujuan untuk menjelaskan hakikat ini dan memperdalamkannya dalam kefahaman dan pandangan kaum Muslimin.

Begitu juga harapan mencapai keberuntungan dengan meninggalkan amalan riba dan dengan bertaqwa kepada Allah, kerana keberuntungan adalah hasil yang tabi'i dari taqwa dan dari pelaksanaan undang-undang dan peraturan Allah di dalam kehidupan manusia. Di dalam juzu' yang ketiga telah dihuraikan tentang kesan-kesan sistem riba kepada masyarakat-masyarakat manusia. Ia menimbulkan malapetaka-malapetaka yang buruk di dalam kehidupan insaniah. Oleh itu marilah kita semak semula huraian ini di sana supaya kita dapat memahami makna keberuntungan di sini yang boleh dicapai apabila ditinggalkan sistem riba yang keji itu.

Kemudian dikemukakan penegasan yang akhir:

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

"Dan ta'atilah Allah dan Rasul supaya kamu dikurniakan rahmat."(132)

Ini adalah suatu perintah am supaya ta'at kepada Allah dan Rasul dan menghubungkan rahmat Allah dengan keta'atan yang am itu. Tetapi menggunakan ayat ini sebagai ulasan terhadap larangan memakan riba mempunyai makna yang khusus, iaitu tidak ada keta'atan kepada Allah dan Rasul dalam masyarakat yang ditegakkan di atas sistem riba, dan tidak ada keta'atan kepada Allah dan Rasul dalam hati yang makan riba dalam apa bentuk sekalipun. Demikianlah ulasan ini menguatkan lagi ulasan yang telah lepas.

Itu adalah selain dari hubungan khusus di antara peristiwa-peristiwa Peperangan Badar di mana perintah Rasulullah s.a.w. telah dilanggarkan dengan perintah menta'ati Allah dan Rasul sebagai wasilah untuk mencapai keberuntungan dan sebagai tempat pengharapan.

Di dalam Surah al-Baqarah juzu' yang ketiga kami telah mengatakan bahawa penjelasan ayat di sana mengumpulkan di antara pembicaraan tentang riba dan pembicaraan tentang sedekah dengan sifat kedua-duanya sebagai dua bentuk perhubungan kemasyarakatan yang bertentangan di dalam sistem ekonomi dan dengan sifat kedua-duanya sebagai dua ciri bagi dua jenis sistem yang berlawanan, iaitu sistem riba dan sistem ta'awun/tolong-menolong, dan di sini juga kami dapati Al-Qur'an mengumpulkan di antara pembicaraan tentang riba dan pembicaraan tentang infaq dalam masa kelapangan dan kesempitan.

Selepas mengemukakan larangan memakan riba dan mengancamkan mereka dengan api Neraka yang disediakan kepada orang-orang kafir serta menyeru mereka kepada bertaqwa dengan harapan mendapat rahmat dan keberuntungan, maka ia mengemukakan pula perintah supaya segera mendapatkan keampunan dari Allah dan mendapatkan Syurga yang luasnya ialah selebar langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa dan selepas itu ia menerangkan sifat pertama orang-orang yang bertaqwa iaitu orang-orang yang menginfakkan harta mereka dalam masa kelapangan dan kesempitan. Merekalah kumpulan tandingan bagi kumpulan orang-orang yang makan riba dengan faedah yang berlipat ganda, kemudian ia menjelaskan pula sifat-sifat mereka yang lain:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ
الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾
وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ
الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ
يَعْمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan

untuk Para Muttaqin (133). iaitu orang-orang yang sentiasa menginfakkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan Para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui." (135)

Pengungkapan di sini menggambarkan penunaian keta'atan-keta'atan ini dalam bentuk fizikal yang bergerak. Ia menggambarkan satu perlumbaan kepada satu matlamat dan hadiah yang boleh dimenangi:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk Para Muttaqin." (133)

Yakni berlumbalah! Di sana terdapat keampunan dan Syurga yang disediakan kepada orang-orang yang bertaqwa.

Kemudian ia menerangkan sifat-sifat orang-orang yang bertaqwa:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ

"Iaitu orang-orang yang sentiasa menginfakkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan."

Kelebihan Infaq

Yakni mereka tetap mengorbankan harta mereka dan meneruskan amalan ini sama ada di masa kesenangan atau kesusahan. Keluasan hidup tidak menyebabkan mereka menjadi angkuh dan lalai dan kesempitan hidup tidak menyebabkan mereka menjadi bosan dan lupa. Yang selalu dirasa mereka dalam segala keadaan ialah kesedaran terhadap kewajipan dan perasaan bebas dari kekikiran dan kebakhilan, iaitu kesedaran bermuraqabah dengan Allah dan bertaqwa kepada-Nya. Tiada yang dapat mendorong jiwa yang bertabi'at bakhil dan cintakan harta kepada infaq dalam segala keadaan melainkan satu dorongan yang lebih kuat dari nafsu harta, lebih kuat dari belunggu tamak dan tekanan kebakhilan. Itulah dorongan taqwa, itulah satu kesedaran yang amat halus dan amat mendalam yang menjernih dan membersihkan jiwa dan membebaskannya dari segala ikatan dan belunggu.

Mungkin juga sebutan sifat ini mempunyai hubungan yang tertentu dengan suasana peperangan ini, kerana di dalam suasana peperangan ini kita melihat infaq dibicarakan berulang kali begitu juga kecaman terhadap orang-orang yang enggan dan

menahan infaq disebut berulang kali sebagaimana akan diterangkan oleh rangkaian ayat yang akan datang. Ini semuanya menunjukkan adanya hubungan-hubungan yang tertentu dengan suasana peperangan itu dan dengan sikap setengah-setengah kumpulan terhadap seruan mengeluarkan infaq fi Sabilillah.

وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ

"Dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka."(134)

Membersih Jiwa Dari Dendam Kesumat

Demikianlah pengaruh taqwa di bidang ini. Ia bekerja dengan dorongan-dorongan dan rangsangan-rangsangan yang sama. Kemarahan adalah emosi semulajadi manusia. Ia disertai atau diikuti oleh didihan darah. Ia merupakan salah satu dari ledakan-ledakan semulajadi manusia dan salah satu dari keperluan-keperluannya. Dan emosi ini tidak boleh dikawal oleh seseorang melainkan dengan rasa kesedaran yang halus yang dipancarkan oleh taqwa dan melainkan dengan kekuatan rohaniyah yang terbit dari pandangan yang melihat kepada ufuk yang lebih tinggi dan lebih luas dari ufuk-ufuk kepentingan diri dan keperluan-keperluan peribadi.

Mengawal dan menahan kemarahan hanya merupakan satu tangga pertama dan kebolehan mengawalinya sahaja tidak cukup, kerana kadangkadangkang seseorang itu menahan kemarahannya untuk menaruh dendam. Ini bererti kemarahan yang berkobar-kobar itu berubah kepada dendam yang terpendam dan kejengkelan yang lahir itu berubah kepada kesumat yang terbenam. Sebenarnya kemarahan dan kejengkelan itu lebih bersih dari dendam dan kesumat. Oleh sebab itulah ayat ini menjelaskan bahawa titik pembebasan kemarahan yang terpendam di dalam hati orang-orang yang bertaqwa itu, ialah memberi kemaafan, bersikap toleran dan lapang dada dan bebas dari (kemarahan dan dendam).

Kemarahan dan kejengkelan itu merupakan satu bebanan yang berat kepada hati apabila dipendamkannya. Ia merupakan pucuk-pucuk api yang menjilat hati dan merupakan asap-asap yang menyelubungi dhamir. Tetapi apabila hati memberi kemaafan, maka itulah titik kebebasan dari bebanan itu. Itulah penerbangan ke ufuk-ufuk nur. Itulah tiupan hawa dingin di dalam hati dan kedamaian di dalam dhamir.

وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ۗ

"Dan Allah memang kasihkan para Muhsinin."(134)

Makna Kasih Allah

Orang-orang yang bermurah hati mengorbankan harta mereka dalam masa keluasan dan kesempitan

adalah para Muhsinin. Dan orang-orang yang bermurah hati memberi kemaafan dan menunjukkan sikap berlapang dada dan toleran selepas mengalami kemarahan adalah para Muhsinin. Kata-kata "kasih" di sini suatu pengungkapan yang membayangkan kemesraan dan sifat yang gemilang yang selaras dengan suasana yang halus, cemerlang dan mulia itu.

Dari kasih Allah kepada amalan ihsan dan para Muhsinin teretuslah kasih kepada amalan ihsan ini di dalam hati para kekasih Allah dan terbentangleh keinginan yang kuat ke arah itu di dalam hati mereka. Oleh itu kata-kata kasih di dalam ayat ini bukanlah semata-mata suatu pengungkapan yang menarik, tetapi itulah juga hakikatnya di sebalik pengungkapan itu.

Kelompok yang dikasihilah Allah dan kasihkan Allah, yang bersikap lapang dada, toleran, mudah, bebas dari dendam kesumat ialah kelompok yang bersatu padu, kelompok yang bersaudara dan kelompok yang kuat. Di sinilah terletak hubungan di antara bimbingan ini dengan perjuangan di medan peperangan dan perjuangan di medan kehidupan.

Kemudian kita berpindah pula kepada satu sifat yang lain dari sifat-sifat orang-orang yang bertaqwa:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرِ
اللَّهُ لَإِنَّ اللَّهَ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ
يَعْمُونَ ۗ

"Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah serta mereka tidak terus berdegil melakukan kejahatan mereka, sedangkan mereka mengetahui."(135)

Sikap Toleransi Islam

Alangkah tolerannya agama ini. Sebenarnya Allah tidak menyeru manusia kepada sikap toleran di antara sesama mereka sehingga Allah memperlihatkan kepada mereka sebahagian dari samahah atau toleransinya terhadap mereka sendiri supaya mereka dapat mengecapi, mempelajari dan mengambil contoh teladan dari toleransi Allah.

Para Muttaqin itu berada di kemuncak martabat orang-orang yang beriman, tetapi toleransi agama ini dan sifat kasihan belasnya terhadap umat manusia telah memasukkan golongan manusia "yang melakukan sesuatu perbuatan yang curang atau menganiayai diri sendiri lalu mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka" ke dalam golongan para Muttaqin, sedangkan perbuatan yang curang itu merupakan

perbuatan dosa yang paling keji dan besar, tetapi toleransi agama ini tidak sekali-kali menolak orang-orang yang melakukan kejahatan itu dari rahmat Allah, ia sekali-kali tidak meletakkan mereka di barisan akhir angkatan Mu'minin, malah ia menjulangkan mereka ke martabat yang paling tinggi, iaitu martabat para Muttaqin dengan mengenakan satu syarat sahaja, iaitu syarat yang mencerminkan tabi'at dan arah tujuan agama ini, iaitu mereka hendaklah mengingati Allah dan memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan jangan sekali-kali mereka berdegil di atas perbuatan mereka yang salah, sedangkan mereka mengetahui dan seterusnya janganlah sekali-kali mereka melakukan maksiat itu dengan sikap yang angkuh tanpa silu malu dan segan. Atau dengan ungkapan yang lain hendaklah mereka meletakkan diri mereka dalam lingkungan 'Ubudiyah kepada Allah dan menyerah diri kepada-Nya pada akhirnya dan dengan demikian mereka sentiasa berada di bawah pemeliharaan Allah dan di dalam naungan keampunan, rahmat dan limpah kurnia-Nya.

Islam Memahami Titik Kelemahan Manusia

Agama ini amat memahami tentang kelemahan makhluk insan yang kadang-kadang nafsu jasadnya boleh menjatuhkannya ke dalam kancah perbuatan yang curang. Kadang-kadang keinginan daging darahnya menjadikannya galak dan gasang seperti nafsu syahwat binatang, kadang-kadang kecenderungan, keinginan, ketamakan dan kegemaran mendorong mereka melanggar perintah Allah dalam sa'at-sa'at keterburu-buruan. Ia memahami kelemahan ini oleh sebab itulah ia tidak bertindak kasar dan keras terhadap manusia dan tidak segera mengusirkannya dari rahmat Allah apabila ia menzalimi dirinya dan melakukan perbuatan yang curang, kerana kebasahan iman di dalam hatinya belum lagi kering dan hubungannya dengan Allah masih hidup dan belum lagi layu dan ia sedar bahawa ia seorang hamba yang bersalah dan mempunyai Tuhan yang bersedia mengampun. Kini jelaslah bahawa makhluk yang da'if, bersalah dan berdosa ini masih lagi baik dan masih mengikut jalan yang benar dan masih berpegang dengan tali agama yang kukuh. Biarlah diri tergelincir sebanyak mana yang dikehendaki oleh kelemahannya, namun pada akhirnya dia akan sampai juga ke penghujung jalan selama obor ada bersamanya dan tali ada di tangannya, selama dia masih mengingati Allah dan tidak melupakan-Nya, selama ia masih memohon keampunan dan mengakui kehambaan kepada-Nya dan tidak bermegah-megah dengan maksiatnya.

Islam Tidak Menutup Pintu Taubat

Agama ini tidak menutup pintu taubat di hadapan makhluk insan yang lemah dan sesat itu. Ia tidak membuangnya sesat di padang gurun dan tidak pula membiarkannya terusir dalam keadaan takut dari kesudahan hidupnya, malah ia menggalakkannya supaya mencari keampunan Allah dan menunjukkan kepadanya jalan yang betul. Ia memegang dan

memimpin tangannya yang terketar-ketar itu dan membetulkan langkah-langkahnya yang terhoyong hayang. Ia menerangi jalan yang dilaluinya supaya ia dapat menuju ke tempat perlindungan yang aman dan pulang ke tempat perteduhan yang selamat.

Hanya satu sahaja yang dituntut oleh agama ini, iaitu janganlah seseorang yang bersalah itu membiarkan hatinya kering dari keimanan dan membiarkan rohnya menjadi gelap hingga lupakan Allah. Selama ia masih mengingati Allah, selama di dalam rohnya masih ada obor yang menyala, selama di dalam hati nuraninya masih ada suara iman yang memanggil dan selama di dalam hatinya masih ada kebasahan iman yang lembut, maka lambat laun nur iman akan memancar semula di dalam rohnya dan dia akan pulang semula ke tempat perlindungan yang selamat dan benih iman yang terbantut itu akan tumbuh semula.

Jika anak anda yang bersalah mengetahui bahawa yang menunggunya di rumah hanya rotan sahaja, maka ia akan terus lari dan tidak akan pulang ke rumah buat selama-lamanya, tetapi andainya dia mengetahui bahawa di samping rotan ada tangan yang kasih mesra yang bersimpati di atas kelemahannya apabila dia benar-benar meminta maaf di atas kesalahannya dan bersedia pula menerima permintaan maafnya apabila dia memohon keampunan darinya, maka dia akan pulang semula ke rumah.

Beginilah caranya Islam melayani makhluk insan di dalam sa'at-sa'at kelemahannya, kerana Islam mengetahui bahawa di samping kelemahan itu manusia mempunyai kekuatan dan di samping keberatan ia mempunyai daya terbang dan di samping keinginan haiwaniah ia mempunyai kerinduan-kerinduan rabbaniah. Islam bersimpati dengan manusia di sa'at ia dilanda kelemahan untuk memimpinya supaya ia dapat mendekati martabat-martabat yang tinggi. Ia menepuk-nepuk bahunya di sa'at ia jatuh untuk membawanya semula ke kemuncak selama ia masih mengingati Allah dan tidak melupai-Nya, dan tidak pula berdegil melakukan kesalahan, sedangkan ia benar-benar mengetahui kesalahan itu. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

ما أصر من استغفر، وإن عاد في اليوم سبعين مرة.

"Bukanlah seseorang itu berdegil (di atas kesalahan) apabila dia memohon keampunan walaupun dia mengulangi tujuh puluh kali sehari."⁴

Namun demikian Islam bukanlah menyerukan kepada kelonggaran membuat kesalahan dan bukan pula memuliakan orang yang gelincir dan jatuh dan

⁴ Diriwatkan oleh Abu Daud, at-Tirmizi dan al-Bazzar di dalam musnadnya dari Hadith 'Uthman ibn Waqid dan di dalam sanadnya ada seorang sahabat yang tidak dikenali, tetapi Ibn Kathir di dalam tafsirnya telah mengesahkannya dan mengatakan Hadith ini Hadith Hasan.

seterusnya bukan juga menyaranakan keindahan paya yang kotor kepadanya sebagaimana yang dilakukan oleh aliran "realisme" (الواقعية) malah Islam mema'afkan kegelinciran orang yang lemah untuk merangsangkan harapan di dalam hati manusia di samping memberangsangkan perasaan malu. Keampunan itu adalah dari Allah dan tiada yang dapat mengampunkan dosa melainkan Allah. Hakikat ini membangkitkan perasaan malu bukannya menggalakkan kepada kejahatan dan ia merangsangkan keinginan untuk memohon keampunan bukannya merangsangkan keinginan untuk terus bersewenang-wenang, kerana orang-orang yang melakukan kejahatan dengan sewenang-wenang dan degil itu adalah berada di luar pagar, di mana segala tembok ditutup di hadapan mereka.

Demikianlah Islam mengumpulkan di antara mengajak manusia menuju kepada ufuk yang tinggi dengan timbang-rasanya terhadap mereka kerana ia mengetahui batas keupayaan mereka. Ia selamalamanya membuka pintu harapan di hadapan mereka dan memimpin mereka ke kemuncak keupayaan mereka.

Merekalah orang-orang yang bertaqwa dan apakah yang akan diperolehi mereka?

أُولَئِكَ جَزَاءُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ
الْعَامِلِينَ ﴿١٣٦﴾

"Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal abadi di dalamnya dan itulah sebaik-baik ganjaran para 'amilin." (136)

Mereka bukannya bersifat negatif dengan hanya bertindak memohon keampunan dari dosa-dosa maksiat begitu juga mereka bukannya bersifat negatif dengan hanya bertindak menginfaq dalam masa keluasan dan kesempitan dan mengawal kemarahan serta memaafkan terhadap kesalahan-kesalahan orang lain, malah mereka adalah para 'amilin atau orang-orang yang sentiasa bekerja untuk kebaikan "ونعم أجر العاملين" sebaik-baik ganjaran para 'amilin. Iaitu keampunan dari Allah dan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai selepas mendapat keampunan dan kasih dari Allah itu. Di sana ada gerak kerja di dalam hati dan ada gerak kerja dalam kegiatan hidup yang lahir dan kedua-duanya merupakan amalan dan gerakan dan kedua-duanya merupakan kesuburan dan kemajuan.

Di sana ada hubungan di antara sifat-sifat ini dengan perjuangan di medan peperangan yang diikuti oleh penjelasan ayat-ayat ini. Begitu juga sistem riba atau sistem tolong-menolong mempunyai kesannya di dalam kehidupan masyarakat Muslimin dan mempunyai hubungannya dengan perjuangan di medan

peperangan. Sifat-sifat kejiwaan dan kemasyarakatan ini juga mempunyai kesan-kesannya sebagaimana telah kami sebutkan di permulaan pembicaraan. Kebolehan mengawal tabiat kikir dan perasaan marah dan kebolehan mengawal perbuatan yang berdosa dan pulang kepada Allah serta memohon keampunan dan keredhaan-Nya semuanya merupakan kebolehan-kebolehan yang perlu untuk mencapai kemenangan terhadap musuh di medan peperangan. Mereka menjadi musuh kerana merekalah yang melambangkan tabiat kikir, nafsu keinginan, dosa dan sifat angkuh, mereka menjadi musuh kerana mereka tidak menundukkan diri mereka, keinginan-keinginan mereka, peraturan hidup mereka kepada agama dan syari'at Allah. Di sinilah terjadinya perseteruan, di sinilah teretusnya peperangan dan di sinilah berlakunya jihad. Di sana tidak ada sebab-sebab yang lain yang mendorong seseorang Muslim bermusuhan, berperang dan berjihad. Dia hanya berseteru kerana Allah, berperang kerana Allah dan berjihad kerana Allah. Oleh sebab itulah hubungan amat rapat di antara seluruh bimbingan ini dengan tayangan peperangan di dalam rangkaian ayat ini sebagaimana wujudnya hubungan yang rapat di antara bimbingan-bimbingan ini dengan kejadian-kejadian tertentu yang menemani peperangan ini seperti melanggar perintah Rasulullah s.a.w., tamak kepada harta rampasan perang yang menjadi punca melanggar perintah, mengutamakan kepentingan diri dan hawa nafsu yang mendorong Abdullah ibn Ubay dan pengikut-pengikutnya ponteng dari berperang, juga kelemahan jiwa dengan sebab dosa yang mendorong mereka yang lari dari peperangan sebagaimana akan diterangkan dalam penjelasan ayat ini nanti dan kekeliruan dalam kefahaman yang mengakibatkan segala urusan tidak dikembalikan kepada Allah dan pertanyaan setengah-setengah mereka yang berbunyi:

هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ ﴿١٥٤﴾

"Adakah kita mempunyai sesuatu apa di dalam urusan ini?" (154)

Dan perkataan setengah mereka:

لَوْ كَان لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا ﴿١٥٤﴾

"Andainya kita mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini." (154)

* * * * *

Al-Qur'an membicarakan semua kejadian-kejadian ini satu demi satu dengan jelas dan menerangkan hakikat-hakikat yang terdapat di dalamnya dan mencubit hati manusia dengan sentuhan-sentuhan yang menarik yang menyedar dan menghidupkannya dengan cara yang unik yang kita dapat lihat beberapa contoh darinya di dalam penjelasan ayat ini.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 137 - 143)

Tindakan Sunatullah

Selepas itu rangkaian ayat ini dalam ceraihan yang ketiga mula menayangkan peristiwa-peristiwa peperangan itu sendiri, tetapi ia masih lagi berusaha menjelaskan hakikat-hakikat asasi yang tulen di dalam pandangan dan kefahaman Islam dan menjadikan peristiwa-peristiwa itu sebagai semata-mata paksi yang dipusatkan hakikat-hakikat ini menjadi landasan kepadanya.

Di dalam ceraihan yang mula-mula disebutkan ialah Sunnatullah yang berlaku ke atas para pendusta untuk menegaskan kepada kaum Muslimin bahawa kemenangan kaum Musyrikin di dalam peperangan ini bukanlah suatu undang-undang yang tetap, malah ia hanya suatu kejadian yang berlalu sementara sahaja dan di sebaliknya terdapat suatu hikmat yang tertentu. Kemudian ia menyeru mereka supaya bersabar dan mengunggulkan diri dengan keimanan. Jika mereka telah mendapat kecederaan dan kesakitan, maka orang-orang Musyrikin juga telah mendapat kecederaan dan kesakitan di dalam peperangan yang sama. Sebenarnya di sana ada satu hikmat di sebalik ini yang telah berlaku kepada mereka yang mahu didedahkan kepada mereka, iaitu hikmat untuk membezakan barisan (Mu'minin dari barisan Munafiqin), hikmat menguji hati dan melahirkan para Syuhada' yang sanggup mati kerana mempertahankan 'aqidah mereka dan meletakkan kaum Muslimin berhadapan dengan maut yang pernah dicita-cita oleh mereka supaya mereka menimbang janji-janji dan cita-cita mereka dengan neraca realiti. Kemudian hikmat yang terakhirnya ialah untuk menghapuskan orang-orang kafir dengan menyediakan kelompok Muslimin dengan penyediaan yang sekukuh itu. Kini jelaslah bahawa itulah hikmat yang tertinggi di sebalik peristiwa-peristiwa itu sama ada menang atau kalah.

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ
فَأَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾
وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ
مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِثْلُهُ وَ
تِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ
الَّذِينَ آمَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ وَاللَّهُ
لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَلِيَمَّحَصَّ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾
أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ
جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾
وَلَقَدْ كُنْتُمْ تَمَنَّوْنَ الْمَوْتَ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَلْقَوْهُ فَقَدْ
رَأَيْتُمُوهُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿١٤٣﴾

"*Sesungguhnya undang-undang Allah telahpun berlaku sebelum kamu, kerana itu jelajahilah di bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta (137). (Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin (138). Dan janganlah kamu bersikap lemah dan jangan pula kamu bersedih kerana kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman (139). Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang gilirannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada' dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir (141). Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk Syurga, sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar (142). Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu)."*(143)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Orang-orang Islam telah mendapat kecederaan di dalam peperangan ini. Ramai dari mereka terbunuh dan mereka menderita kekalahan. Mereka kehilangan banyak jiwa dan badan mereka dimimpi berbagai-bagai kecederaan. Tujuh puluh orang sahabat dari kalangan mereka telah gugur syahid, gigi hadapan Rasulullah s.a.w. patah dan wajahnya luka. Beliau telah diserang teruk oleh tentera Musyrikin dan sahabat-sahabat yang mengelilingi beliau mendapat luka-luka yang parah. Akibat dari semua peristiwa itu telah menggoncangkan hati kaum Muslimin dan merupakan satu kejutan yang sama sekali tidak didugai mereka selepas mendapat kemenangan yang menakutkan di dalam Peperangan Badar sehingga ada orang-orang Islam yang merungut apabila mereka ditimpa kemalangan-kemalangan itu: "Bagaimana boleh jadi begini? Bagaimana perkara-perkara ini boleh berlaku kepada kita, sedangkan kita orang-orang Islam?"

Di sini Al-Qur'an mengembalikan kaum Muslimin mengingati undang-undang Allah di muka bumi. Ia mengembalikan mereka kepada dasar-dasar, yang mana mengikut dasar-dasar ini berlakunya segala perkara (di alam ini). Oleh itu mereka bukannya

sesuatu yang baru di dalam hayat ini dan undang-undang yang mengendalikan hayat ini tetap berjalan tanpa mungkir dan segala perkara tidak pernah berlaku secara serampangan, malah ia berlaku mengikut undang-undang ini. Oleh itu apabila mereka mengkaji undang-undang ini dan memahami tujuan-tujuannya nescaya terbukalah kepada mereka hikmat tertentu di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan ternyatalah kepada mereka matlamat-matlamat yang jelas di sebalik kejadian-kejadian itu dan seterusnya yakinlah mereka kepada kemantapan undang-undang yang diikuti oleh peristiwa-peristiwa itu dan kepada wujudnya hikmat yang tersembunyi di sebalik undang-undang ini dan dapatlah mereka melihat garisan perjalanan di hadapan berdasarkan garisan perjalanan yang telah silam dan mereka tidak lagi semata-mata berpegang dengan sifat mereka sebagai orang-orang Islam untuk mencapai kemenangan dan mendapat kedudukan yang teguh tanpa menggunakan sebab-sebab yang membawa kepada kemenangan dan di antara sebab yang paling utama ialah ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul.

Undang-undang yang diisyaratkan dalam ayat di sini dan ditarikkan perhatian mereka kepadanya ialah akibat yang menimpa para pendusta di sepanjang sejarah, pergiliran kalah menang di antara manusia, ujian untuk menduga hati dan menduga kekuatan ketabahan dalam menghadapi kesusahan dan kewajaran orang-orang yang sabar mendapat kemenangan dan kewajaran para pendusta mendapat kebinasaan.

Di tengah-tengah penayangan undang-undang itu ayat-ayat itu juga menekankan galakan supaya tabah dan sabar dan menghiburkan mereka dalam menghadapi penderitaan dan menanggung kecederaan-kecederaan yang bukan sahaja dialami oleh mereka malah oleh musuh-musuh mereka juga, sedangkan mereka lebih tinggi dari musuh-musuh mereka dari segi 'aqidah dan matlamat dan lebih lurus dan betul dari mereka dari segi cara dan peraturan hidup dan akibat yang baik tetap akan diperolehi mereka dan kebinasaan tetap akan menimpa orang-orang yang kafir.

Umat Arab Sebelum Islam

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ ۖ فَمِيرُوا فِي الْأَرْضِ
فَأَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾

"Sesungguhnya undang-undang Allah telah pun berlaku sebelum kamu, kerana itu jelajahilah di bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta. (137) (Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin." (138)

Sesungguhnya Al-Qur'an menghubungkan masa silam umat manusia dengan masa kininya dan masa

kininya dengan masa silamnya dan dicelah-celah kedua masa itu ia menunjukkan pula kepada masa depannya. Orang-orang Arab yang pertama kali ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka tidak pernah mempunyai bentuk kehidupan, ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalaman - sebelum Islam - yang membolehkan mereka mendapat pandangan-pandangan yang sempurna ini jika tidak kerana jasa agama Islam dan kitab sucinya Al-Qur'an yang telah memberi satu kewujudan yang baru kepada mereka dan menjadikan mereka satu umat yang boleh memimpin dunia.

Sistem hidup secara qabilah atau kesukuan yang dihayati mereka itu tidak dapat membawa pemikiran mereka ke arah menghubungkan di antara penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Arab dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka lebih-lebih lagi ke arah menghubungkan di antara penduduk dunia ini dengan peristiwa-peristiwanya dan lebih-lebih lagi ke arah menghubungkan di antara peristiwa-peristiwa alam sejagat dengan undang-undang alam buana, di mana seluruh hayat berlangsung mengikut peraturannya. Kebolehan ini merupakan suatu perubahan dan perpindahan yang amat jauh yang bukan terbit dari alam sekitar itu dan bukan pula lahir dari hasil dari keperluan-keperluan hidup di zaman itu, malah perubahan ini adalah dibawa oleh 'aqidah Islam kepada mereka. 'Aqidah inilah yang telah membawa mereka kepada perubahan ini dan meningkatkan mereka ke tahapnya dalam masa suku abad sahaja, sedangkan umat yang lain yang sezaman dengan mereka tidak dapat meningkat ke tahap pemikiran yang setinggi itu melainkan setelah dilalui berabad-abad lamanya. Dan tidak dapat menemui hakikat kemantapan undang-undang alam buana melainkan setelah berganti generasi demi generasi dan apabila mereka menemui hakikat kemantapan undang-undang alam buana mereka lupa pula bahawa undang-undang itu tidak terpisah dari kehendak masyi'ah Allah yang bebas dan bahawa segala urusan alam adalah terpulang kepada kehendak Allah. Tetapi bagi umat Muslimin yang terpilih ini mereka yakin segala-galanya. Mereka mempunyai pandangan dan kefahaman yang luas terhadapnya dan di dalam hati mereka tersemat konsep keseimbangan di antara kemantapan undang-undang alam buana dengan kebebasan kehendak masyi'ah Allah. Oleh sebab itu hidup mereka tetap lurus berinteraksi dengan undang-undang alam buana yang mantap di samping menaruh keyakinan kepada kebebasan kehendak masyi'ah Allah.

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ ۖ

"Sesungguhnya undang-undang Allah telah pun berlaku sebelum kamu."

Undang-undang inilah yang mengendalikan kehidupan manusia dan undang-undang inilah yang telah ditentukan oleh kehendak masyi'ah Allah yang

bebas. Oleh itu segala apa yang telah berlaku di masa yang bukan dalam zaman kamu akan berlaku sama sepertinya di zaman kamu dengan kehendak Allah dan segala undang-undang yang padan dengan keadaan yang seperti keadaan kamu akan padan dengan keadaan kamu.

فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ

"*Kerana itu jelajahilah di bumi ini.*"

Seluruh bumi ini merupakan satu kesatuan. Ia merupakan pentas hidup umat manusia. Bumi dan hidup di bumi merupakan sebuah kitab terbuka yang dapat dini'mati sepenuhnya oleh mata indera dan mata hati.

فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ

"*Dan lihatlah bagaimana akibat para pendusta.*" (137)

Itulah akibat yang disaksikan oleh kesan-kesannya di bumi ini di samping disaksikan oleh sejarah mereka yang diceriterakan oleh generasi-generasi mereka yang kemudian. Al-Qur'anul-Karim telah menyebut banyak dari sejarah-sejarah dan kesan-kesan ini di berbagai-bagai tempat yang berasingan. Setengah-setengahnya ditentukan tempatnya, zamannya dan orang-orangnya dan setengahnya pula disebutkannya tanpa penentuan dan perincian dan di sini Al-Qur'an hanya menyebut akibat itu secara umum sahaja untuk membuat satu kesimpulan secara umum, iaitu segala apa yang berlaku kepada para pendusta pada hari kelmarin akan berlaku pula kepada para pendusta pada hari ini dan pada hari esok, tujuannya supaya hati kelompok Muslimin yakin kepada akibat itu dari satu segi dan mengingatkan mereka supaya jangan turut tergelincir bersama para pendusta dari satu segi yang lain pula. Di sana memang terdapat faktor-faktor yang memerlukan kepada keyakinan di samping adanya faktor-faktor yang memerlukan kepada amaran dan peringatan. Di dalam rangkaian ayat-ayat ini akan disebut sebahagian dari faktor-faktor itu.

Selepas menerangkan undang-undang ini bergema pula seruan supaya mengambil pengajaran dan i'tibar dari kenyataan ini:

هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ

"(Al-Qur'an) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia, hidayat dan pengajaran bagi para Muttaqin." (138)

Golongan Manusia Yang Mendapat Faedah Dari Penerangan Al-Qur'an

Yakni Al-Qur'an ini adalah penerangan untuk seluruh manusia. Ia adalah satu perpindahan atau lompatan umat manusia yang amat jauh yang tidak dapat dicapai oleh mereka tanpa penerangan yang jelas dan penuh hidayat ini, tetapi hanya segolongan manusia yang tertentu sahaja yang memperoleh hidayat dan pengajaran dari penerangan ini. Golongan inilah sahaja yang dapat mengambil

manfa'at darinya dan dapat mengambil hidayatnya. Mereka ialah golongan orang-orang yang bertaqwa.

Kalimat-kalimat yang memberi hidayat itu tidak dapat ditangkap melainkan oleh hati yang beriman dan terbuka kepada hidayat, dan pengajaran yang baik ini tidak dapat dimanfa'atkannya melainkan oleh hati yang bertaqwa, peka dan terharu kepadanya. Manusia itu jarang yang kurang mengetahui kebenaran dan kepalsuan, hidayat dan kesesatan, kerana tabi'at kebenaran itu amat terang dan jelas hingga ia tidak memerlukan kepada penerangan yang panjang lebar, malah manusia sebenarnya kurang gemar kepada kebenaran dan kurang daya qudrat memilih jalan kebenaran, kerana kegemaran kepada kebenaran dan daya qudrat untuk memilih jalan kebenaran itu hanya diwujudkan oleh keimanan dan dipeliharakan oleh taqwa. Oleh sebab itulah kenyataan-kenyataan yang seperti ini berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'an, di mana ia menyatakan bahawa segala isi kandungan kitab Al-Qur'an yang memuat kebenaran, hidayat, nur, pengajaran dan contoh teladan adalah diperuntukkan kepada para Mu'min dan muttaqin, kerana iman dan taqwa itulah yang membuka hati manusia kepada hidayat dan nur dan kepada mengambil pengajaran dan i'tibar. Kedua-duanya menggalakkan hati manusia ke arah memilih hidayat dan nur dan ke arah mengambil manfa'at dari pengajaran dan contoh teladan dan ke arah kesanggupan menanggung kesulitan-kesulitan dalam perjalanan perjuangan. Inilah perkara dan inti persoalan yang sebenar bukannya semata-mata mendapat ilmu pengetahuan sahaja, kerana ramai yang mengetahui tetapi mereka masih bergelimbang di dalam lumpur kebatilan sama ada kerana tunduk kepada tekanan hawa nafsu, sedangkan ilmu pengetahuan sahaja tidak berguna untuk mengawalinya atau kerana takut kepada penindasan yang menunggu pejuang-pejuang kebenaran dan pejuang-pejuang da'wah.

Selepas penerangan yang panjang lebar ini Al-Qur'an menghalakan pembicaraannya pula kepada kaum Muslimin untuk memberi kekuatan semangat dan menghiburkan hati mereka:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ

مُؤْمِنِينَ

"Dan janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah pula kamu bersedih kerana kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman." (139)

Umat Muslimin Diletakkan Pada Kedudukan Yang Tinggi

Yakni janganlah kamu merasa lemah dan berdukacita terhadap segala apa yang telah menimpa kamu atau terluput dari kamu kerana kamu adalah golongan insan yang paling tinggi, iaitu 'aqidah kamu adalah 'aqidah yang paling tinggi, kerana kamu hanya sujud kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sedangkan

mereka sujud kepada sesuatu atau kepada beberapa makhluk-Nya. Peraturan hidup kamu adalah peraturan hidup yang paling tinggi, kerana kamu mengikuti peraturan-peraturan hidup yang diciptakan Allah, sedangkan mereka mengikuti peraturan-peraturan hidup dari ciptaan makhluk-makhluk Allah. Peranan kamu adalah peranan yang paling tinggi, kerana kamu adalah penjaga dan penunjuk seluruh umat manusia, sedangkan mereka menyimpang dan sesat dari jalan Allah. Kamu mempunyai kedudukan yang paling tinggi di bumi ini kerana kamulah yang berhak mewarisi bumi ini yang dijanjikan Allah kepada kamu, sedangkan nasib kesudahan mereka menuju kepada kehancuran, kehilangan dan kelupaan. Oleh itu jika kamu benar-benar beriman, maka kamulah golongan insan yang paling tinggi dan andainya kamu benar-benar beriman, maka janganlah kamu bersikap lemah dan berdukacita, kerana sememangnya telah menjadi Sunnatullah bahawa kamu akan ditimpa kecederaan (di dalam peperangan) atau menimpa kecederaan, sedangkan akhirnya kamulah yang akan mendapat akibat yang baik setelah berjuang dengan gigih dan melalui ujian dan dugaan:

إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلَهُ
وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ
الَّذِينَ آمَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ وَاللَّهُ
لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada' dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir." (141)

Undang-undang Kalah Menang

Sebutan Al-Qur'an tentang kecederaan-kecederaan yang telah menimpa mereka dan kecederaan-kecederaan yang sama yang telah menimpa golongan pendusta itu mungkin diisyaratkan kepada Peperangan Badar, di mana kaum Musyrikin telah mendapat kecederaan-kecederaan, sedangkan kaum Muslimin terselamat dan mungkin pula diisyaratkan kepada Peperangan Uhud, di mana kaum Muslimin pada permulaan pertempuran telah mencapai kemenangan dan kaum Musyrikin menderita kekalahan dan tujuh puluh orang dari tentera mereka telah terbunuh. Mereka telah dikejar dan diserang dari belakang oleh tentera Muslimin sehingga panji-panji perang kaum Musyrikin jatuh di tengah-tengah

pertempuran itu dan tiada siapa pun dari mereka yang berani tampil mengambalnya dan akhirnya ia diangkat oleh seorang perempuan, ketika itu barulah mereka datang mengerumuni dan berkumpul di sekelilingnya. Kemudian kaum Musyrikin memperolehi kemenangan apabila pasukan pemanah kaum Muslimin melanggar perintah Rasulullah s.a.w. dan berselisih sesama mereka, kaum Muslimin telah menderita kekalahan dan kerugian di akhir pertempuran itu sebagai satu balasan yang setimpal terhadap perselisihan dan ketidakta'atan mereka, juga sebagai hasil tindakan undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir kerana perselisihan pasukan pemanah dan pelanggaran perintah yang dilakukan mereka adalah terbit dari perasaan tamak kepada harta rampasan, sedangkan Allah telah menetapkan kemenangan di dalam perjuangan-perjuangan jihad kepada mereka yang berjihad semata-mata kerana agama-Nya tanpa memandang kepada sebarang harta benda dunia yang sedikit, juga untuk melaksanakan satu lagi undang-undang Allah iaitu pergiliran kalah menang di antara manusia mengikut niat dan tindakan-tindakan mereka yang zahir, sehari kumpulan ini menang dan pada hari yang lain kumpulan itu pula yang menang dan dari sinilah dapat dipastikan siapakah yang sebenar orang-orang yang Mu'min dan siapakah orang-orang yang munafiq di samping dapat diketahui kesalahan-kesalahan, kesilapan-kesilapan dan kekeliruan-kekeliruan yang telah berlaku.

إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلَهُ
وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ
الَّذِينَ آمَنُوا

"Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah (dalam realiti) tentang orang-orang yang beriman".

Kesusahan Dan Kesenangan Mendedahkan Mutu Manusia

Kesusahan selepas kesenangan dan kesenangan selepas kesusahan kedua-duanya dapat mendedahkan mutu jiwa manusia, tabiat hati mereka, darjat kekeruhan dan kejermihan, darjah kegelisahan dan kesabarannya, darjat keyakinannya kepada Allah dan keputusan harapannya dan darjat penyerahan dirinya kepada taqdir-taqdir Allah dan kebosanan terhadapnya.

Di waktu inilah barisan dapat mengenali orang-orangnya, siapakah di antara mereka yang benar dari golongan yang beriman dan siapakah dari golongan Munafiqin. Hakikat kedua-dua golongan ini terdedah dengan jelas dan terang. Isi hati mereka terbuka kepada dunia manusia dan barisan akan menjadi

bersih dari unsur-unsur asing dan perosak perpaduan, kerana kerosakan perpaduan berlaku akibat kekurangan keselarasan di antara para anggota dan individu-individunya, sedangkan mereka bercampur-baur tanpa dapat dibezakan.

Allah S.W.T. memang mengetahui golongan Mu'minin dan golongan Munafiqin. Dia mengetahui segala isi hati mereka, tetapi peristiwa-peristiwa dan pertukaran-pertukaran hari di antara manusia mendedahkan rahsia-rahsia yang tersembunyi itu dan menjadikannya satu realiti yang berlaku di dalam kehidupan manusia. Ia mengubah keimanan kepada tindakan yang lahir dan mengubah sikap nifaq juga kepada tindakan yang lahir dan dengan tindakan yang lahir inilah bergantungnya hisab dan balasan Allah, kerana Allah S.W.T. tidak menghisabkan manusia mengikut apa yang diketahuinya tentang keadaan-keadaan mereka, tetapi ia menghisabkan mereka mengikut amalan-amalan yang berlaku dari mereka.

Pertukaran hari dan perubahan kesusahan dan kesenangan merupakan batu uji yang tidak pernah salah dan merupakan neraca yang tidak pernah mungkir. Dalam hubungan ini kesenangan juga sama dengan kesusahan. Berapa banyak hati yang sanggup sabar dan tabah menghadapi kesusahan, tetapi menjadi lemah dan terhurai apabila menghadapi kesenangan. Hati yang Mu'min ialah hati yang sabar menghadapi kesusahan dan tidak hilang pertimbangan apabila menghadapi kesenangan. Ia tetap bertawajjuh kepada Allah di dalam kedua-dua suasana itu dan selama-lamanya yakin bahawa segala kebaikan dan keburukan yang menyimpannya adalah dengan izin Allah.

Cara Allah Mendidik Kelompok Muslimin

Allah mendidik kelompok Muslimin ini di permulaan langkah-langkah mereka untuk memimpin umat manusia. Allah mendidik mereka dengan kesusahan setelah diuji dengan kesenangan. Allah menguji mereka dengan kekalahan yang pahit setelah menguji mereka dengan kemenangan yang menakjubkan walaupun kedua-duanya telah berlaku mengikut sebab-sebabnya dan mengikut undang-undang Allah yang berlaku dalam peraturan kemenangan dan kekalahan supaya kelompok Muslimin ini dapat mempelajari sebab-sebab kemenangan dan kekalahan, supaya mereka bertambah patuh kepada Allah, bertawakkal dan berpegang teguh kepada-Nya dan supaya mereka mengetahui dengan penuh keyakinan sifat agama ini dan tugas-tugasnya.

Ayat ini terus mendedahkan kepada umat Muslimin aspek-aspek yang lain dari hikmat Allah di sebalik peristiwa-peristiwa peperangan yang telah berlaku itu dan di sebalik pertukaran hari-hari kalah menang di antara manusia itu, juga di sebalik kebolehan mereka dapat membezakan barisan-barisan selepas itu dan di sebalik ilmu Allah yang mengetahui hakikat orang-orang yang beriman:

وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ

"Dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada'."

Para Syuhada' Merupakan Para Saksi Yang Membuktikan Kebenaran Agama Allah

Ini adalah satu pengungkapan yang amat menarik untuk menyatakan satu konsep yang mendalam bahawa Syuhada' itu adalah wira-wira pilihan. Mereka telah dipilih oleh Allah di antara para Mujahidin. Allah memilih mereka untuk diri-Nya. Kini jelaslah bahawa bukannya satu kehinaan dan tidak pula suatu kerugian apabila seseorang itu gugur syahid kerana agama Allah, malah itulah pilihan dan penghormatan istimewa dari Allah, kerana para Syuhada' itulah orang-orang yang dikurniakan kehormatan mati syahid untuk memperdekatkan kedudukan mereka kepada Allah.

Merekalah para Syuhada' yang dipilih oleh Allah. Allah melantik mereka sebagai saksi yang menyaksikan agama yang benar yang diutuskan kepada manusia. Allah melantik mereka menjadi saksi dan mereka telah menunaikan kesaksian itu dengan penuh kejujuran, tanpa sebarang cacat cela dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Mereka menunaikan kesaksian itu dengan jihad mereka sehingga mati untuk membuktikan kebenaran agama yang benar dan menegakkannya di dunia mereka. Allah S.W.T. menuntut dari mereka menunaikan kesaksian bahawa segala pengajaran yang dibawa dari sisi-Nya adalah benar belaka dan mereka telah beriman kepadanya dan menunjukkan sepenuh keikhlasan kepadanya. Mereka memuliakannya dan sanggup berkorban segala sesuatu kerananya. Mereka yakin bahawa kehidupan manusia tidak boleh menjadi baik dan betul melainkan dengan agama yang benar ini. Mereka benar-benar yakin kepada hakikat ini dan oleh sebab itu mereka tidak pernah berhenti berjuang untuk menentang kepalsuan dan menyingkirkannya dari kehidupan manusia dan menegakkan agama yang benar ini di alam kehidupan mereka dan melaksanakan undang-undang dan peraturan Allah dalam mengendali dan memerintah manusia. Allah melantik mereka sebagai saksi-saksi yang menyaksikan semuanya ini dan mereka telah menunaikan kesaksian itu dalam bentuk jihad sehingga gugur syahid itulah kesaksian yang tulen yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Kehendak Dua Kalimat Syahadat

Setiap mereka yang melafazkan dua kalimat syahadat: لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله belum lagi boleh dikatakan ia telah memberi kesaksian yang benar kecuali ia memenuhi kehendak syahadat itu, iaitu ia tidak menyembah Tuhan yang lain dari Allah dan tidak menerima syari'at melainkan syari'at dari Allah, kerana sifat Uluhiyah yang paling utama ialah sifat mengatur syari'at kepada para hamba-Nya dan sifat 'Ubudiyah yang paling utama ialah sifat menerima

syari'at dari Allah. Kehendak dari syahadat itu juga ialah ia tidak menerima syari'at dari Allah melainkan menerusi Nabi Muhammad s.a.w. kerana beliau adalah Rasulullah dan dia tidak berpegang dengan mana-mana sumber yang lain kecuali sumber ini sahaja.

Kehendak syahadat ini mahukan seseorang itu berjuang supaya Uluhiyah di bumi ini hanya dikhususkan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. supaya undang-undang dan peraturan yang dikehendaki Allah untuk mengatur manusia yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu menjadi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa yang dipatuhi dan mengendalikan seluruh bidang hidup manusia tanpa kecuali.

Dan andainya keadaan memerlukan ia mati kerana agama Allah, maka ia dianggap syahid, iaitu seorang saksi yang dituntut oleh Allah supaya menunaikan kesaksian ini lalu ia menunaikannya dan Allah memilihnya gugur sebagai seorang syahid yang dikurniakan maqam Syuhada'.

Inilah pengertian ungkapan yang amat menarik ini:

وَيَتَّخِذُ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ

"Dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada'."

Dan itulah pengertian dan kehendak syahadat: bukannya pengertian syahadat yang murah, remeh dan hilang begitu sahaja.

Pengertian "Zalim" Dalam Ayat Al-Qur'an

وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

"Dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim." (140)

Kezaliman seringkali disebut di dalam Al-Qur'an dan yang dimaksudkan dengannya ialah perbuatan syirik yang disifatkan sebagai perbuatan yang paling zalim dan paling keji. Tersebut di dalam Al-Qur'an:

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

"Sesungguhnya syirik itu suatu kezaliman yang amat besar."

(Surah Luqman: 13)

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari Ibn Mas'ud katanya: Aku telah bertanya: Wahai Rasulullah! "Apakah dosa yang paling besar?" Jawab beliau:

أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نِدَاءً وَهُوَ خَلْقَكَ...

"Engkau jadikan tandingan bagi Allah, sedangkan Dialah yang telah menciptakan engkau..."

Sebelum ini rangkaian ayat ini telah menyebut tentang Sunnatullah terhadap para pendusta dan sekarang ia menjelaskan pula bahawa Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim. Oleh itu penjelasan

ini merupakan satu penjelasan untuk menguatkan lagi dalam bentuk yang layak dengan hakikat 'azab yang menunggu para pendusta yang zalim yang tidak disukai Allah. Pengungkapan dengan kata-kata bahawa Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim itu merangsangkan di dalam hati Mu'min perasaan benci terhadap kezaliman dan orang-orang yang zalim. Dan rangsangan ini yang ditimbulkan dalam pembicaraan jihad dan mati syahid di sini memang mempunyai hubungannya yang sesuai, kerana orang Mu'min itu bersedia mengorbankan dirinya untuk menghapuskan sesuatu dan sesiapa yang tidak disukai oleh Allah. Dan inilah maqam berjuang untuk mati syahid dan di bidang inilah wujudnya kematian syahid dan dari merekalah Allah memilih para Syuhada'.

Manusia Diuji Dengan Peristiwa-peristiwa Dalam Dunia Realiti

Kemudian rangkaian ayat ini mendedahkan pula hikmat yang tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa itu untuk mendidik umat Muslimin, menguji barisan mereka dan menyediakan mereka untuk memegang peranan mereka yang tertinggi supaya mereka menjadi salah satu dari alat-alat taqdir-Nya dalam penghapusan orang-orang kafir dan menjadi tabir qudrat-Nya dalam kebinasaan para pendusta:

وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ

"Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir." (141)

Ujian merupakan satu tahap mengenal pasti selepas ditinggalkan dan dibezakan sesuatu. Ia merupakan proses mengenal pasti yang dilakukan di dalam jiwa dan di dalam isi hati. Ia merupakan proses mengenal pasti isi peribadi seseorang dan menyuluhkannya dengan cahaya untuk mengeluarkan unsur-unsur asing dan kekotoran-kekotoran yang merosakkannya supaya ia tinggal bersih, jelas dan teguh di atas kebenaran tanpa diselubungi sebarang keaburan dan kekebunan.

Ramai manusia yang tidak mengenal dirinya, tidak mengetahui lubuk-lubuk jiwanya yang tersembunyi, liku-liku dan lurah-lurahnya dan ramai pula yang tidak mengetahui hakikat kelemahan dan kekuatan jiwanya dan hakikat keladak-keladaknya yang terpendam di dalamnya. Semuanya ini tidak lahir melainkan dengan wujudnya sesuatu yang merangsang dan mencabar.

Di dalam ujian yang dilakukan Allah S.W.T. melalui pertukaran kalah menang di dalam kalangan manusia dan perubahan di antara kesusahan dan kesenangan, orang-orang Mu'min dapat mengetahui dari diri mereka beberapa hakikat yang selama ini tidak diketahui mereka sebelum adanya batu uji yang pahit ini, iaitu batu uji peristiwa-peristiwa, pengalaman-pengalaman dan suasana-suasana amali dalam dunia kenyataan.

Kadang-kadang seseorang itu menganggap dirinya mempunyai kebolehan, keberanian, keikhlasan

dan kebebasan dari sifat tamak dan haloba, kemudian tiba-tiba ia dapati ketika menghadapi ujian amali atau menghadapi peristiwa-peristiwa di dalam dunia kenyataan bahawa dalam dirinya masih ada saki-baki penyakit yang belum diuji dan bahawa dirinya belum lagi mempunyai kesediaan untuk menghadapi tekanan yang seperti itu. Oleh itu adalah lebih baik baginya mengetahui hal ini dari dirinya supaya dia dapat berusaha semula menuangkan dirinya di dalam acuan yang baru sesuai dengan tahap tekanan yang diperlukan oleh tabi'at da'wah ini dan sesuai dengan tahap tugas-tugas yang dikehendaki oleh 'aqidah ini.

Allah S.W.T. mendidik kelompok yang terpilih ini untuk memimpin umat manusia. Allah mahu mereka melakukan sesuatu di bumi ini dan oleh sebab itulah dia menguji mereka dengan ujian ini, iaitu melalui peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud supaya mereka dapat meningkat ke tahap peranan yang telah disediakan kepada mereka dan supaya terlaksana di tangan mereka kehendak taqdir Allah yang telah diletakkan pada mereka iaitu:

وَيَمْحَقُ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Dan membinasakan orang-orang yang kafir"(141)

Untuk menghakikatkan Sunnatullah yang menghapuskan kepalsuan dengan kebenaran apabila kebenaran itu dizahirkan dan bersih dari segala kekotoran melalui ujian.

Jalan Ke Syurga Penuh Dengan Cabaran

Dengan menggunakan satu pertanyaan yang mengandungi kecaman ayat Al-Qur'an yang berikut membetulkan kefahaman dan pemikiran kaum Muslimin terhadap Sunnatullah dalam urusan da'wah, urusan kemenangan dan kekalahan dan urusan amalan dan balasan dan menerangkan kepada mereka bahawa jalan ke Syurga itu adalah penuh dengan cabaran-cabaran yang tidak disukai dan bekalan utamanya ialah kesabaran menghadapi kesulitan-kesulitan perjalanan, bukannya cita-cita dan angan-angan yang melambung-lambung tinggi yang tidak sanggup menghadapi kesusahan dan ujian.

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ

جَاهِدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمِ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾

وَلَقَدْ كُنْتُمْ تَمَنَّوْنَ الْمَوْتَ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَلْقَوْهُ فَقَدْ

رَأَيْتُمُوهُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿١٤٣﴾

"Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk Syurga, sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar (142). Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu)."(143)

Bentuk pertanyaan secara kecaman itu dituju untuk memberi peringatan yang keras terhadap kesalahan kefahaman ini, iaitu kefahaman yang percaya bahawa cukup bagi seorang itu melafazkan dengan lidahnya: "Aku menyerah diri kepada Allah dan aku bersedia untuk mati" yakni cukup dengan kata-kata ini untuk ia sampai kepada tahap menunaikan tugas-tugas keimanannya dan berhak sampai ke Syurga dan mencapai kerédhaan Allah.

Malah yang menyampaikan kepada Syurga itu ialah ujian dalam alam kenyataan dan dugaan amali. Malah yang menyampaikan kepada Syurga itu ialah jihad dan menghadapi kesusahan kemudian kesabaran menanggung beban-beban perjuangan dan menghadapi kesusahan.

Di dalam ayat ini terdapat satu lagi perkara yang menarik perhatian dan mempunyai tujuan yang tersendiri:

وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهِدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمِ
الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾

"Sedangkan Allah belum mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang berjihad dari kalangan kamu dan belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sabar."(142)

Oleh itu orang-orang Mu'min tidak cukup dengan hanya berjuang, malah pastilah juga mempunyai kesabaran menanggung tugas-tugas da'wah ini, iaitu tugas-tugas yang berterusan, yang berbagai-bagai rupa yang tidak terhenti setakat berjihad di medan pertempuran sahaja. Kadang-kadang berjihad di medan pertempuran itu lebih ringan dari tugas-tugas da'wah ini yang memerlukan kepada kesabaran yang menjadi batu uji keimanan. Di sana terdapat kesusahan-kesusahan harian yang tidak pernah habis, iaitu kesusahan berdiri teguh dan jujur di kemuncak keimanan, kesusahan berdiri teguh mengikut kehendak-kehendak keimanan sama ada dalam bidang perasaan atau perilaku, kesusahan bersabar menghadapi kelemahan manusia di waktu itu sama ada pada diri sendiri atau pada diri orang lain yang berurusan dengannya dalam kehidupan sehariannya, kesusahan bersabar melalui masa-masa tertentu di mana kebatilan mendapat tempat yang tinggi dan berlagak angkuh, dan kelihatan seolah menang, kesusahan bersabar di sepanjang jalan dan di sejauh jarak perjalanan dan bersabar menghadapi berbagai-bagai halangan dan rintangan, bersabar menghadapi godaan keinginan hati kepada kesenangan dan kerehatan di tengah-tengah tekanan kepenatan, penderitaan dan perjuangan, bersabar menghadapi berbagai-bagai ujian yang banyak - yang mana jihad di medan pertempuran hanya merupakan salah satu darinya sahaja dan bersabar di sepanjang jalan yang penuh dengan cabaran-cabaran yang tidak diingini, iaitu jalan menuju ke Syurga yang tidak boleh dicapai dengan angan-angan dan ucapan-ucapan lisan.

وَلَقَدْ كُنْتُمْ تَمَنَّوْنَ الْمَوْتَ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَلْقَوْهُ فَقَدْ

رَأَيْتُمُوهُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ

"Dan sesungguhnya kamu telah bercita-cita mati sebelum kamu menemuinya (di medan perang) dan (sekarang) kamu telah menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya (dengan mata kepala kamu)." (143)

**Pertimbangan Di Antara Berat Pengucapan Lidah
Dengan Berat Hakikat Di Alam Realiti**

Demikianlah ayat ini meletakkan mereka berdepan sekali lagi dengan maut yang telah dihadapi mereka di medan pertempuran. Sebelum ini mereka telah bercita-cita untuk bertemu dengan maut supaya mereka menimbangkan di dalam hati mereka di antara berat kalimat yang diucapkan oleh lidah mereka dengan berat hakikat yang disaksikan oleh mata mereka. Dengan ayat ini Allah mengajar mereka supaya membuat perhitungan yang hemat terhadap setiap perkataan yang diucapkan oleh lidah mereka dan menimbangkan hakikat nilainya yang sebenar di dalam hati mereka berdasarkan hakikat yang telah dihadapi mereka ketika hakikat ini menghadapi mereka. Dengan cara ini dapatlah mereka menilai harga perkataan, harga angan-angan dan harga perjanjian dalam sorotan cahaya realiti yang berat. Kemudian Allah mengajar mereka bahawa bukannya perkataan-perkataan yang melambung-lambung tinggi dan bukan pula angan-angan yang terbang mengawan yang dapat menyampaikan mereka ke Syurga, malah yang menyampaikan mereka ke Syurga ialah usaha menghakikatkan perkataan itu, melaksanakan angan-angan itu dan melakukan jihad yang haqiqi dan sabar menanggung kesusahan sehingga Allah mengetahui bahawa semuanya itu terbit dari mereka dan berlaku di dalam dunia manusia.

Allah S.W.T. memang berkuasa mengurniakan kemenangan kepada nabi-Nya, kepada da'wah-Nya, kepada agama-Nya dan kepada undang-undang dan peraturan-Nya sejak detik pertama lagi tanpa melalui penat lelah perjuangan orang-orang Mu'min. Allah memang berkuasa menurunkan malaikat berperang bersama mereka atau tanpa mereka untuk menghancurkan kaum Musyrikin sebagaimana para malaikat pernah menghancurkan kaum 'Ad, Thamud dan kaum Lut.

Tetapi persoalan di sini bukanlah persoalan kemenangan, malah ialah persoalan mendidik kelompok Muslimin yang disediakan untuk menerima teraju kepimpinan umat manusia dengan segala kelemahan dan kekurangan mereka, dengan segala keinginan dan kecenderungan mereka, dengan segala kejahilan dan penyelewengan mereka. Kepimpinan mereka adalah suatu kepimpinan yang membawa hidayat yang memerlukan satu persediaan yang tinggi dari para pemimpin. Dan persediaan pertama yang diperlukan ialah keutuhan akhlak, keteguhan pendirian di atas kebenaran, kesabaran menghadapi kesusahan, mengetahui titik-titik kelemahan dan

kekuatan di dalam jiwa manusia, mengetahui tempat-tempat gelincir dan sebab-sebab yang membawa mereka kepada penyelewengan, mengetahui cara pengubatan dan rawatan kemudian kesabaran dalam menghadapi godaan kesenangan sama seperti kesabaran dalam menghadapi tekanan kesusahan dan seterusnya sabar menghadapi kesusahan setelah meni'mati kesenangan, di mana rasanya di waktu itu amat pedih dan pahit.

Inilah didikan yang dilakukan Allah ke atas jama'ah Muslimin - setelah Dia izin menyerahkan kepada mereka teraju kepimpinan untuk menyediakan mereka dengan didikan ini supaya mereka dapat memainkan peranan mereka yang agung dan sukar itu: Itulah peranan besar yang diserahkan kepada mereka di bumi ini. Allah S.W.T. telah menghendaki menjadikan peranan ini sebagai habuan tugas makhluk "insan" yang telah dilantikkannya sebagai Khalifah dalam kerajaan bumi yang amat luas ini.

**Kelompok Muslimin Dididik Dengan
Cara Dan Peristiwa**

Taqdir dan perencanaan Allah dalam menyediakan kelompok Muslimin untuk memegang teraju kepimpinan itu telah berlangsung dengan berbagai-bagai sebab, berbagai-bagai cara, berbagai-bagai kejadian dan peristiwa. Kadang-kadang berlangsung melalui jalan kemenangan yang tegas bagi kelompok Muslimin menyebabkan hati mereka bergembira dan kepercayaan terhadap diri mereka meningkat tinggi kerana berada di bawah naungan pertolongan lahi dan mengecapi kelazatan citarasa kemenangan. Mereka bersabar menghadapi godaan mabuk kemenangan dan berdaya menguji kebolehan mereka mengawal perasaan angkuh dan sombong, juga kebolehan mereka mengekalkan sifat tawadhu' dan bersyukur kepada Allah. Dan kadang-kadang berlangsung melalui jalan kekalahan, penderitaan dan kesusahan. Di sini mereka tetap mencari perlindungan pada Allah, mereka dapat mengenal hakikat kekuatan diri mereka dan mengetahui hakikat kelemahannya sebaik sahaja mereka menyeleweng sedikit dari undang-undang dan peraturan Allah, mereka dapat mengecapi kepahitan kekalahan, namun demikian mereka tetap tidak mahu tunduk kepada kebatilan kerana mereka mendokong kebenaran yang tulen, mereka dapat mengetahui titik-titik kekurangan dan kelemahan mereka, dapat mengenal pintu-pintu keinginan nafsu dan tempat yang menggelincirkan kaki mereka. Oleh sebab itu mereka berusaha untuk membetulkan semuanya itu dalam pusingan yang akan datang. Kini mereka keluar dari kemenangan dan kekalahan itu dengan membawa bekalan dan modal pengalaman. Demikianlah berlangsungnya taqdir dan perencanaan Allah mengikut undang-undang yang tetap tanpa mungkir dan menyimpang.

Semuanya ini merupakan sebahagian dari modal pengalaman Peperangan Uhud yang dikumpulkan

oleh Al-Qur'an untuk kelompok Muslimin sebagaimana yang dapat kita lihat di dalam ayat-ayat ini. Dan semuanya itu merupakan modal pengalaman yang disimpan untuk setiap kelompok Muslimin dan untuk setiap generasi umat Muslimin.

* * * * *

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan hakikat-hakikat kefahaman dan kepercayaan yang penting dan menerangkan tentang kelompok Muslimin yang dididik dengan hakikat-hakikat ini mengikut cara Al-Qur'an yang unik:

(Pentafsiran ayat-ayat 144 - 148)

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ
أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ
يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَصُرَ اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي

اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

وَمَا كَانَتْ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ
كَتَبْنَا مُوَجَلًّا وَمَنْ يَرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِيهِ مِنْهَا
وَمَنْ يَرِدْ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتِيهِ مِنْهَا وَسَنَجْزِي

الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

وَكَايْنٍ مِّنْ نَّبِيِّ قَاتَلَ مَعَهُ رِبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا
لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا

وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

وَمَا كَانَ قَوْلُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى

الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾

فَاتَاهُمُ اللَّهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحَسُنَ ثَوَابَ الْآخِرَةِ

وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama). Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur (144). Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin

Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah. Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur (145). Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah, dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin." (148)

Detik-detik Perjuangan Yang Paling Gawat Yang Menyebabkan Tentera Muslimin Lupa Hakikat Asasi

Ayat yang pertama di dalam ceraihan ini memberi isyarat kepada satu peristiwa yang tertentu yang telah berlaku di medan pertempuran Uhud, iaitu ketika barisan pertahanan belakang kaum Muslimin terdedah kepada serangan kaum Musyrikin setelah pasukan pemanah meninggalkan tempat-tempat mereka di bukit itu. Tentera-tentera Musyrikin telah menaiki bukit itu dan menyerang tentera-tentera Muslimin dan dalam serangan itu gigi hadapan Rasulullah s.a.w. patah dan wajah beliau cedera dan berdarah. Dalam detik-detik kelam-kabut dan dalam suasana tentera-tentera Islam yang bercerai-berai yang membuat seseorang itu tidak mengetahui di mana tempat temannya itulah tiba-tiba terdengar suara orang yang berteriak bahawa Muhammad telah terbunuh. Seruan ini memberi kesan yang amat buruk kepada kaum Muslimin. Ramai di antara mereka terus pulang ke Madinah dan mendaki bukit dengan semangat yang kalah dan meninggalkan medan pertempuran dengan harapan yang putus. Mujurlah Rasulullah s.a.w. bersama beberapa sahabatnya berjuang dengan gigih dan menyeru orang-orang Islam yang sedang balik itu sehingga mereka berpatah balik mendapatkan beliau dan meneguhkan hati mereka dan Allah menurunkan ke atas mereka suasana mengantuk, iaitu suasana keamanan dan ketenteraman dari limpah kurnia Allah sebagaimana akan diterangkan nanti.

Peristiwa yang membuat kaum Muslimin terpinga-pinga itu telah digunakan oleh Al-Qur'an sebagai bahan untuk memberi bimbingan dan sebagai sebab untuk menjelaskan hakikat-hakikat pandangan dan kefahaman Islam dan Al-Qur'an menjadikan hakikat-hakikat ini selaku paksi bagi isyarat-isyarat yang menarik mengenai hakikat mati dan hakikat hidup dan mengenai sejarah keimanan dan angkatan-angkatan para Mu'minin.

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ
أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ

يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ فَمَنْ يَضُرُّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي
 اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama). Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur." (144)

Yakni Muhammad itu tiada lain melainkan seorang rasul yang telah didahului oleh rasul-rasul yang lain sebelumnya dan sekalian rasul itu telah wafat dan Muhammad juga akan wafat seperti rasul-rasul sebelumnya. Ini adalah satu hakikat asasi yang mudah mengapa kamu telah melupakannya ketika kamu menghadapi hakikat ini di medan pertempuran Uhud?

Muhammad itu utusan dari sisi Allah. Ia datang untuk menyampaikan perutusan Allah dan Allah itu tetap kekal tidak mati dan perutusan-Nya juga tetap kekal tidak mati. Tidak seharusnya bagi para Mu'minin berpaling mengubah haluannya apabila nabi yang datang membawa perutusan Allah itu wafat atau terbunuh. Ini juga satu hakikat asasi yang mudah yang telah dilupai mereka dalam detik-detik kelam-kabut kedahsyatan perang, sedangkan para Mu'minin tidak seharusnya melupakan hakikat asasi yang mudah ini.

Seluruh manusia berakhir dengan kefanaan, tetapi 'aqidah tetap kekal. Sistem hidup ilahi itu berasingan dari para pendokong dan penyampainya yang terdiri dari para rasul dan para penda'wahnya di sepanjang sejarah. Setiap Muslim menyintai Rasulullah s.a.w. dan para sahabat beliau menyintainya dengan kecintaan yang tidak diketahui tolak bandingnya oleh hati manusia di sepanjang sejarah. Cinta kasih mereka kepada beliau membuat mereka sanggup menebus dengan nyawa mereka dari beliau dilukai oleh sebatang duri, dan kita telah melihat bagaimana Abu Dujanah melindungi beliau dengan belakangnya, sedangkan anak-anak panah musuh menghujani belakangnya dan dia tidak bergerak, dan kita juga telah melihat bagaimana sembilan perajurit Islam mempertahankan keselamatan beliau dan gugur syahid satu demi satu. Malah di setiap zaman dan setiap tempat masih ramai para Mu'minin yang menyintai beliau dengan kecintaan yang menakjubkan itu, iaitu mereka menyintai beliau dengan seluruh jiwa dan perasaan mereka sehingga mereka tercuat rindu dengan semata-mata disebut Rasulullah s.a.w. tetapi setiap Muslim yang menyintai Muhammad dengan kecintaan yang seperti itu adalah dituntut supaya membezakan di antara tubuh Muhammad s.a.w. dengan 'aqidah yang disampaikan oleh beliau dan ditinggalkannya kepada manusia selepasnya, iaitu 'aqidah yang dibawa oleh beliau adalah tetap berlanjutan dan bersambung terus

dengan Allah yang kekal tidak mati, kerana da'wah itu lebih lama dari penda'wah:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ

"Dan Muhammad itu tidak lain melainkan hanya seorang Rasul yang telah berlalu sebelumnya Rasul-rasul (yang sama)."

Yakni sebelum Nabi Muhammad telah ada Rasul-rasul yang berlalu mendahuluinya membawa da'wah Islam yang amat tua dan bermula dengan sejarah umat manusia, iaitu da'wah yang membawa hidayat dan kesejahteraan kepada mereka dari permulaan jalan lagi.

Da'wah ini lebih tua dan lebih kekal dari penda'wah, kerana penda'wah-penda'wahnya datang dan pergi, sedangkan da'wah kekal di sepanjang generasi dan di sepanjang abad dan para pengikutnya juga kekal bersambung dengan sumbernya yang pertama, iaitu Allah S.W.T. yang telah mengirim para rasul yang bersifat Maha Kekal dan kepada-Nya bertawajjuh seluruh Mu'minin. Oleh itu tidaklah seharusnya bagi seseorang dari mereka mengubah haluannya dan berpaling dari hidayat Allah, sedangkan Allah tetap hidup tidak mati.

Dari sinilah datangnya kecaman, ancaman dan penjelasan berikut:

Amaran Terhadap Gerakan Mengubah Haluan Selepas Tersiar Berita Kewafatan Rasulullah

أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ
 يَنْقَلِبْ عَلَى عَقْبَيْهِ فَمَنْ يَضُرُّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي
 اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa yang berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur." (144)

Ungkapan:

أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَى
 عَقْبَيْهِ

"Oleh itu jika ia mati atau dibunuh apakah kamu wajar berpatah balik ke belakang kamu (murtad)? Dan barang siapa yang berpatah balik ke belakangnya"

memberi satu gambaran yang hidup bagi gerakan mengubah haluan. Inilah gerakan fizikal mengubah haluan yang menggambarkan makna berpatah balik dari 'aqidah Islam seolah-olah dapat dilihat dengan mata kepala. Yang dimaksudkan pada asalnya bukannya gerakan berpatah balik ke belakang dari segi fizikal, kerana kekalahan dalam perjuangan

tetapi gerakan berpatah balik ke belakang dari segi kejiwaan yang dialami oleh mereka ketika mendengar teriakan: Muhammad telah terbunuh! Ketika itu setengah-setengah orang Islam merasa tidak berguna lagi berjuang memerangi kaum Musyrikin kerana dengan kematian Nabi Muhammad urusan agama ini telah berakhir dan urusan jihad menentang kaum Musyrikin juga turut berakhir. Inilah harakat kejiwaan yang hendak digambarkan oleh ungkapan ini, iaitu ia menggambarkannya dengan gerakan berpatah balik ke belakang sebagaimana mereka bergerak berpatah balik ke belakang di medan pertempuran. Inilah yang diperingatkan oleh an-Nadhr ibn Anas r.a. apabila dia berkata kepada mereka - ketika dia dapati mereka berlepas tangan dan berkata kepadanya: "Muhammad telah mati" - "Apakah kamu hendak buat dengan hidup ini selepas beliau mati? Ayuh! Bangkitlah sekarang dan berjuanglah hingga mati demi mempertahankan agama yang kerananya Rasulullah s.a.w. sanggup mati".

وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا

"Dan barang siapa yang berpatah balik ke belakangnya, maka ia tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun."

Sebenarnya dialah yang menanggung kerugian dan menyakiti dirinya sendiri kerana menyeleweng dari jalan yang benar. Tindakannya yang mengubah haluannya tidak akan mendatangkan apa kemudharatan kepada Allah, kerana Allah terkaya dari manusia dan dari keimanan mereka, tetapi semata-mata kerana limpah rahmat-Nya terhadap manusia, Allah mensyari'atkan agama ini untuk kebahagiaan dan kebajikan mereka. Dan sesiapa yang menyeleweng darinya, maka ia akan menemui balasnya, iaitu menderita kecelakaan dan kebingungan di dalam jiwanya sendiri dan di kalangan mereka yang berada di sekelilingnya. Peraturan, kehidupan dan akhlak mereka turut menjadi rosak dan segala urusan mereka menjadi tidak lurus dan manusia akan merasa bala dari perbuatan mereka sendiri kerana mereka menyimpang dari sistem hidup Ilahi yang tunggal yang memimpin kehidupan dan jiwa manusia berjalan di atas garisan yang lurus di bawah naungannya dan memimpin fitrah manusia supaya menemui kedamaian dengan dirinya dan dengan alam buana tempat hidupnya.

وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ

"Dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur." (144)

Iaitu orang-orang yang mengenal nilai ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada para hamba-hamba-Nya iaitu pengurniaan ni'mat sistem hidup Ilahi ini. Mereka mensyukuri ni'mat ini dengan mematuhi sistemnya dengan mengucapkan sanjungan dan kepujian terhadap Allah. Oleh sebab itulah mereka merasa berbahagia dengan sistem itu dan kebahagiaan ini merupakan ganjaran yang baik di atas kesyukuran mereka, kemudian mereka akan

merasa bahagia dengan balasan Allah di Akhirat pula, iaitu satu balasan yang lebih besar dan lebih kekal.

Seolah-olah dengan peristiwa ini dan dengan ayat ini Allah S.W.T. hendak memisahkan kaum Muslimin dari kasih sayang mereka yang amat mendalam kepada peribadi Nabi s.a.w. yang sedang hidup di kalangan mereka dan menghubungkan mereka secara langsung dengan mata air yang belum lagi dialirkan oleh Muhammad s.a.w. kerana beliau datang hanya untuk menunjukkan kepada sumber itu dan untuk menyeru manusia kepada mata air yang kuat sebagaimana para rasul sebelum beliau telah menunjukkan kepada mata air itu dan menyeru angkatan manusia supaya meminum darinya dengan sepuas-puasnya.

Seolah-olah Allah S.W.T. menghendaki memimpin mereka dan menghubungkan mereka secara langsung dengan ikatan tali Ilahi yang kuat, iaitu tali Ilahi yang belum lagi disimpulkan oleh Muhammad s.a.w., kerana tujuan kedatangan beliau ialah untuk mengikat tangan manusia dengan tali itu dan meninggalkan mereka dengan keadaan itu sehingga beliau berlalu, sedangkan mereka tetap terus berpegang teguh dengan tali itu.

Seolah-olah Allah S.W.T. hendak menjadikan pertalian kaum Muslimin dengan Islam itu suatu pertalian secara langsung dan menjadikan perjanjian mereka dengan Allah suatu perjanjian secara langsung dan seterusnya menjadikan tanggungjawab mereka terhadap perjanjian itu di hadapan Allah sendiri tanpa sebarang orang tengah supaya mereka merasa tanggungjawab mereka secara langsung, iaitu tanggungjawab yang tidak terlepas dari mereka dengan kematian Rasulullah s.a.w. atau dengan terbunuhnya beliau. Mereka sebenarnya mengikat perjanjian dengan Allah dan mereka bertanggungjawab di hadapan Allah.

Seolah-olah Allah S.W.T. hendak menyediakan kelompok Muslimin untuk menerima pukulan yang amat besar ini apabila ia berlaku dan Allah memang tahu bahawa kesan kejadian ini hampir melewati paras keupayaan mereka, Allah mahu melatih mereka dengan latihan yang berat ini dan menghubungkan mereka dengan-Nya dan dengan da'wah-Nya yang kekal sebelum mereka diselubungi keadaan terpinga-pinga dan tercengang bingung.

Sebenarnya mereka telah ditimpa keadaan terpinga-pinga dan tercengang bingung apabila peristiwa kewafatan itu telah berlaku sehingga Umar r.a. berdiri menghunuskan pedangnya sambil mengancam siapa sahaja yang mengatakan: Muhammad telah mati.

Hanya Abu Bakr sahaja yang berdiri teguh dan tenang kerana hati beliau bersambung dengan hati sahabatnya Rasulullah s.a.w. dan mempunyai hubungan yang amat rapat dengan beliau secara langsung dengan taqdir dan perencanaan Allah. Dan ayat ini apabila disebut oleh Abu Bakar untuk mengingatkan para sahabat yang sedang terpinga-

pinga kebingungan itu - telah menjadi satu seruan lllahi yang didengar oleh mereka dan menyebabkan mereka sedar dan kembali semula ke jalan yang benar.

Kemudian ayat yang berikut menyentuh punca ketakutan kepada mati yang tersembunyi di dalam hati manusia. Ia menyentuh dengan sentuhan yang menarik untuk menyingkirkan ketakutan itu dengan jalan memberi penjelasan mengenai hakikat mati dan hidup, juga hakikat di sebalik hidup dan mati, iaitu hikmat dan tadbir Allah, ujian-Nya terhadap manusia dan balasan-Nya:

Perasaan Takut Mati

وَمَا كَانَتْ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ
 كِتَابًا مُّؤَجَّلًا ۗ وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا
 وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا وَسَنَجْزِي
 الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

"Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah. Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur." (145)

Yakni setiap jiwa itu telah dituliskan dengan ajal yang tertentu dan ia tidak akan mati sebelum sampai ajalnya. Oleh kerana itu takut dan cemas, tamak hidup dan ponteng dari berperang tidak dapat memanjangkan ajal. Begitu juga keberanian, kegigihan dan kesetiaan tidak dapat memendekkan umur. Sikap pengecut juga tidak berguna apa-apa walaupun mata si pengecut itu tidak pernah tidur, kerana ajal yang tertulis itu tidak akan kurang dan lebih walau sehari pun.

Dengan penjelasan ini tersematlah hakikat ajal di dalam hati dan ini membuat hati tidak lagi sibuk memperhitungkan perkara mati ketika memikirkan tugas menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan keimanan. Dengan penjelasan ini bebaslah hati dari belunggu kebakhilan dan ketamakan dan terlepaslah dari tekanan ketakutan dan kebimbangan dan seterusnya dapatlah hati berjalan di atas jalan yang lurus memikul segala tugas dan tanggungjawabnya dengan sabar, tenteram dan tawakkal kepada Allah yang menguasai seluruh ajal.

Setiap Insan Harus Menentukan Haluan Hidupnya

Kemudian Al-Qur'an membawa hati manusia selangkah ke belakang persoalan yang baru tadi telah diputuskan olehnya, iaitu jika umur telah ditulis dan ajal telah ditetapkan, maka hendaklah setiap orang meneliti bekalan yang telah disediakan untuk hari

esok dan memikirkan apakah yang dikehendaki olehnya adakah dia mahu mengabaikan tugas-tugas keimanan dan menumpukan seluruh perhatiannya kepada urusan bumi ini sahaja? Adakah dia mahu hidup untuk dunia ini sahaja? Atau dia mahu meningkat ke tahap hidup yang lebih tinggi atau memberi perhatian kepada minat dan cita-cita yang lebih luhur dan kepada kehidupan yang lebih besar dari kehidupan dunia ini? Sedangkan kehendak ke arah itu dan ke arah ini adalah sama dari segi umur dan hidup.

وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ
 الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا

"Dan sesiapa yang mahukan ganjaran dunia, kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu dan sesiapa yang mahukan ganjaran Akhirat, Kami berikan bahagiannya dari ganjaran itu."

Amatlah jauh perbezaan di antara hidup dunia dan hidup Akhirat dan di antara minat dan cita-cita dunia dengan minat dan cita-cita Akhirat walaupun hasilnya sama dari segi umur dan ajal. Orang yang hidup untuk di bumi ini sahaja dan mahukan ganjaran dunia ini sahaja adalah hidup laksana hidup ulat-ulat, binatang-binatang dan ternakan-ternakan kemudian dia mati mengikut ajalnya yang tertulis dan orang yang hidup berusaha untuk mencapai kemuncak alam Akhirat adalah hidup dengan kehidupan insan yang dimuliakan Allah, insan yang dilantikkan Allah sebagai Khalifah di bumi dan insan yang dikurniakan kedudukan yang unik ini, kemudian dia mati mengikut ajalnya yang tertulis juga.

وَمَا كَانَتْ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ
 كِتَابًا مُّؤَجَّلًا ۗ

"Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah mengikut suratan ajal yang telah ditetapkan Allah."

وَسَنَجْزِي الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٥﴾

"Dan Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang bersyukur."

Iaitu orang-orang yang menyedari ni'mat penghormatan lllahi kepada manusia dan terangkat tinggi dari taraf haiwan. Mereka bersyukur kepada Allah atas kenikmatan ini dan kerana itu mereka memikul tanggungjawab-tanggungjawab keimanan.

Demikianlah Al-Qur'an menjelaskan hakikat mati dan hidup dan hakikat matlamat di mana berakhirnya setiap yang hidup mengikut apa yang mereka kehendaki untuk diri mereka iaitu sama ada berminat dan bercita-cita mencapai matlamat yang dekat seperti minat dan cita-cita ulat atau berminat dan bercita-cita mencapai matlamat yang jauh seperti minat dan cita-cita insan. Dengan penjelasan itu Al-Qur'an memindahkan hati seseorang dari kesibukan

merasa takut kepada mati dan takut kepada tugas-tugas - kerana ia tidak memiliki suatu apa dalam urusan mati dan hidup - kepada kesibukan melakukan perkara-perkara yang lebih berguna kepada dirinya dalam bidang yang dikuasainya dan boleh dipilih olehnya iaitu sama ada dia memilih dunia atau memilih Akhirat dan mencapai balasan Allah mengikut apa yang dipilih olehnya.

Kemudian Allah mengemukakan satu contoh perbandingan dari saudara-saudara mereka para Mu'minin sebelum mereka dari angkatan iman yang berarak di sepanjang jalan di zaman purba, iaitu dari orang-orang yang mempunyai keimanan yang tulen dan turut berperang bersama nabi-nabi mereka yang tidak gentar menghadapi ujian. Mereka menunjukkan adab sopan yang tinggi ketika menghadapi maut, iaitu menunjukkan adab sopan keimanan di maqam jihad. Mereka tidak berkata lebih dari memohon keampunan dari Allah dan membesar-besarkan kesalahan mereka dan memandangnya sebagai perbuatan yang keterlaluan dari mereka. Mereka memohon pendirian yang teguh dan kemenangan terhadap orang-orang kafir. Dengan perbuatan-perbuatan itu mereka telah mencapai ganjaran dunia dan Akhirat sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang baik di dalam adab sopan berdo'a dan sikap mereka yang baik dalam jihad. Mereka menjadi contoh teladan yang dikemukakan Allah kepada para Muslimin:

وَكَايْنٍ مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ وَرِييُونَ كَثِيرًا فَمَا وَهَنُوا
لَمَّا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا
وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾
وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَأَسْرَفَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبَّتْ أقدَامَنَا وَأَنْصُرْنَا عَلَى
الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾
فَاتَتْهُمْ اللَّهُ ثَوَابِ الدُّنْيَا وَحُسْنِ ثَوَابِ الْآخِرَةِ
وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah, dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan

ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin." (148)

Kaum Muslimin Terpesona Dengan Kemenangan Di Badar

Kekalahan di dalam Peperangan Uhud merupakan kekalahan pertama yang memeranjatkan kaum Muslimin yang telah dikurniakan Allah kemenangan di dalam Peperangan Badar, sedangkan mereka di waktu itu lemah dan sedikit jumlahnya. Seolah-olah telah tersemat di dalam hati mereka bahawa kemenangan mereka di dalam setiap peperangan itu merupakan undang-undang alam. Oleh itu apabila mereka ditimpa kekalahan di dalam Peperangan Uhud, maka tiba-tiba mereka dihadapi dengan suatu ujian yang tidak diduga oleh mereka.

Mungkin kerana inilah dipanjangkan pembicaraan di sekitar peperangan ini di dalam Al-Qur'anul-Karim. Kadang-kadang Al-Qur'an menghibur kaum Muslimin, kadang-kadang mengecam, kadang-kadang memberi penjelasan dan kadang-kadang memberi perbandingan dan contoh teladan untuk mendidik hati mereka dan membetulkan pemikiran mereka serta membuat persediaan untuk mereka, kerana jalan perjuangan di hadapan mereka masih panjang dan ujian-ujian di hadapan amat sulit, tugas-tugas yang dipikul mereka amat berat dan urusan amanah yang diserahkan kepada mereka amat besar.

Contoh perbandingan yang dikemukakan Al-Qur'an kepada mereka di sini adalah suatu contoh perbandingan yang umum. Al-Qur'an tidak menentukan mana-mana nabi dan mana-mana kaum, malah ia menghubungkan mereka dengan angkatan iman dan mengajar mereka adab sopan orang-orang yang beriman. Al-Qur'an menggambarkan ujian kepada mereka seolah-olah ujian itu suatu perkara yang lazim dalam setiap da'wah dan dalam setiap agama dan menghubungkan mereka dengan orang-orang yang terdahulu dari mereka, iaitu pengikut-pengikut para anbia' untuk menyematkan di dalam hati mereka hubungan kerabat di antara para Mu'minin dengan para Mu'minin dan menanamkan dalam sanubari mereka bahawa seluruh agama Ilahi itu sama sahaja dan bahawa mereka adalah satu ketumbukan tentera di dalam angkatan tentera keimanan yang besar:

وَكَايْنٍ مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ وَرِييُونَ كَثِيرًا فَمَا
وَهَنُوا لَمَّا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا
اسْتَكَانُوا

"Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula tunduk (kepada musuh)." (146)

Yakni berapa banyak nabi yang telah berjuang bersama dengannya para pengikut yang ramai. Hati mereka tidak sekali-kali lemah apabila ditimpa kesusahan, penderitaan, kesulitan dan kecederaan dan kekuatan semangat mereka juga tidak sekali-kali patah untuk meneruskan perjuangan itu. Mereka tidak pernah menyerah kepada ketakutan dan kepada musuh-musuh. Itulah sikap para Mu'minin yang mempertahankan 'aqidah dan agama.

وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

"Dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar."(146)

Iaitu orang-orang yang tidak lemah semangat dan kekuatan mereka, tidak goyang keazaman dan tekad mereka, tidak tunduk atau menyerah kalah. Ungkapan "Allah kasihkan orang-orang yang sabar" mempunyai kesan dan saranannya yang bermakna. Itulah kasih yang mengubati luka dan mengusap anggota-anggota yang cedera. Kasih yang memberi pampasan, mengatasi kesulitan, kecederaan dan perjuangan yang pahit.

Adab Sopan Pejuang-pejuang Islam

Sampai di sini Al-Qur'an melukiskan gambaran yang lahir para Mu'minin yang sedang menghadapi kesusahan dan ujian dan selepas itu Al-Qur'an meneruskan pandangannya untuk melukiskan gambaran jiwa dan perasaan mereka, iaitu gambaran adab sopan mereka terhadap Allah ketika mereka menghadapi keadaan yang dahsyat yang membuat manusia terpinga-pinga dan terikat dengan bahaya dan tidak terhindar darinya, tetapi keadaan yang dahsyat itu tidak dapat membuat hati para Mu'minin terpinga-pinga dari bertawajjuh kepada Allah. Mereka bertawajjuh kepada Allah pertama-tamanya bukannya untuk memohon kemenangan - seperti yang biasa terlintas di dalam hati - tetapi untuk menuntut kemaafan dan keampunan dan untuk membuat pengakuan berdosa dan bersalah sebelum memohon pendirian yang teguh dan kemenangan terhadap musuh:

وَمَا كَانَ قَوْلُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى
الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir."(147)

Yakni mereka tidak memohon ni'mat dan tidak pula memohon kekayaan, malah mereka tidak meminta ganjaran dan balasan. Mereka tidak menuntut pahala dunia dan tidak pula pahala Akhirat, kerana mereka amat bersopan santun terhadap Allah S.W.T. Mereka

bertawajjuh kepada Allah ketika mereka sedang berperang kerana mempertahankan agamanya, tetapi mereka tidak meminta suatu dari Allah S.W.T. kecuali keampunan dari dosa dan keteguhan pendirian dan kemenangan terhadap orang-orang kafir. Hatta kemenangan pun mereka tidak memintanya untuk kepentingan diri mereka, malah mereka menuntutnya untuk menumpaskan kekafiran dan menghukumkan orang-orang kafir. Itulah adab sopan yang layak dengan para Mu'minin terhadap Allah Yang Maha Mulia.

Walaupun mereka tidak memohon sesuatu untuk diri mereka, namun Allah mengurniakan kepada mereka segala sesuatu dari sisi-Nya. Dia mengurniakan kepada mereka segala sesuatu yang diangan-angankan oleh pencinta-pencinta dunia, begitu juga Allah mengurniakan kepada mereka segala sesuatu yang dicita-citakan oleh pencinta-pencinta Akhirat:

فَعَاتَهُمُ اللَّهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ الْآخِرَةِ

"Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik."

Allah S.W.T. mengakui perbuatan mereka yang baik. Mereka telah menunjukkan adab sopan yang sebaik-baiknya dan jihad yang sebaik-baiknya dan Allah telah mengumumkan kasih-Nya terhadap mereka. Inilah ni'mat dan ganjaran yang paling besar:

وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan Allah kasihkan para Muhsinin."(148)

Demikianlah berakhirnya penerangan dan tayangan ceraihan ini. Ia mengandungi hakikat-hakikat penting dalam pandangan dan kefahaman Islam. Ia telah menyempurnakan peranan ini dalam mendidik kelompok Muslimin dan ia telah mengumpul modal ini untuk umat Muslimin dari setiap generasi.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 149 - 158)

Kemudian Al-Qur'an melangkah selangkah lagi untuk menayangkan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan menggunakannya sebagai paksi ulasan dan kesimpulan yang bertujuan untuk membetulkan kefahaman dan pemikiran (kaum Muslimin), untuk mendidik hati nurani mereka dan memberi amaran supaya mereka menjauhi tempat-tempat gelincir di dalam perjalanan, juga memberi peringatan kepada mereka terhadap tipu daya yang sedang mengepung kelompok Muslimin dan pakatan-pakatan jahat yang sedang dirancang oleh musuh-musuh mereka yang sentiasa menunggu kesempatan.

Komplot-komplot Munafiqin, Musyrikin Dan Kaum Yahudi Di Madinah Terhadap Islam Dan Kaum Muslimin

Kekalahan di Uhud menjadi ruang pakatan-pakatan jahat orang-orang kafir, kaum Munafiqin dan orang-orang Yahudi di Madinah, kerana kota Madinah di waktu itu belum lagi benar-benar bersih kepada Islam, malah orang-orang Islam di sana pada umumnya masih lagi merupakan tumbuhan atau golongan asing, yang dilingkungi oleh peristiwa Peperangan Badar dengan pagar-pagar yang menggerunkan orang kafir, kerana kaum Muslimin telah mendapat kemenangan yang cemerlang di dalam peperangan itu. Oleh itu apabila kekalahan berlaku di dalam Peperangan Uhud, maka keadaan ini telah berubah begitu besar dan peluang telah terbuka semula kepada pihak musuh untuk melahirkan hasad dengki dan dendam kesumat mereka dan meluahkan racun-racun yang bisa. Mereka memperolehi di dalam suasana-suasana kesedihan yang memasuki setiap rumah kaum Muslimin terutama rumah-rumah para Syuhada' yang gugur dalam pertempuran dan para Mujahidin yang menderita kecederaan-kecederaan yang parah, peluang-peluang yang boleh menolong mereka menyebarkan tipu daya dan fitnah untuk mengacau fikiran dan barisan kaum Muslimin.

Di dalam rangkaian ayat-ayat Al-Qur'an yang berikut yang menayangkan pemandangan-pemandangan yang pokok dari peperangan itu kita mendengar Allah S.W.T. menyeru orang-orang yang beriman untuk mengingatkan mereka supaya jangan tunduk kepada orang-orang yang kafir, juga mendengar Allah menjanjikan kemenangan kepada mereka terhadap musuh mereka dan mencampakkan perasaan gentar di dalam hati musuh mereka di samping mengingatkan mereka dengan kemenangan yang telah dikurniakan kepada mereka di permulaan perjuangan sebagaimana yang dijanjikan kepada mereka, tetapi mereka telah menghilangkan kemenangan itu dengan sebab kelemahan, pertelingkahan dan pelanggaran mereka terhadap perintah Rasulullah s.a.w. Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan peperangan itu dengan gambaran yang penuh aktif dan cergas, juga menggambarkan pandangan selepas kekalahan dan kekejutan itu, iaitu pandangan turunnya rasa ketenangan dan ketenteraman di dalam hati para Mu'minin dari golongan mereka, sementara perasaan resah gelisah, perasaan serba salah dan menyesal memamah hati orang-orang Munafiq yang menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah S.W.T. Al-Qur'an selanjutnya menjelaskan sebahagian dari hikmat-Nya yang halus dan tadbir-Nya yang seni di dalam perjalanan peristiwa-peristiwa itu di samping menjelaskan hakikat taqdir Allah terhadap ajal-ajal manusia, dan pada akhir ceraihan ini ia mengingatkan mereka tentang pandangan-pandangan dan kefahaman-kefahaman yang sesat yang digembargemburkan oleh orang-orang kafir dalam persoalan mati dan mati syahid dan mengembalikan mereka kepada hakikat kebangkitan yang menjadi titik

berakhirnya manusia sama ada mereka mati atau terbunuh, juga kepada hakikat bahawa seluruh mereka dalam keadaan apa pun akan kembali kepada Allah.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَطِيعُوا الَّذِينَ كَفَرُوا يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

بَلِ اللّٰهُ مَوْلَاكُمْ وَهُوَ خَيْرُ النَّاصِرِينَ ﴿١٥٠﴾
سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا أَشْرَكُوا بِاللّٰهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَمَأْوَاهُمُ النَّارُ وَيَسْ مَثْوَى الظَّالِمِينَ ﴿١٥١﴾
وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللّٰهُ وَعَدَهُ إِذْ تَحُسُّونَهُمْ بِإِذْنِهِ حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَّعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّن بَعْدِ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ يُحِبُّونَ مَنكُم مَّن يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمَنكُم مَّن يُرِيدُ الْآخِرَةَ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ وَاللّٰهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾

إِذْ تَصْعَدُونَ وَلَا تَلُوتُونَ عَلَىٰ أَحَدٍ وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أَخْرَابِكُمْ فَأَتَيْتُكُم مِّن بَعْدِ لَيْلِكُمْ فَذُكِّرْتُم بَلْ يَأْتِيكُمُ اللّٰهُ خَاسِرِينَ ﴿١٥٣﴾

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُم مِّن بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نَّعَسًا يُعَشَىٰ طَآئِفَةٌ مِّنكُمْ وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِاللّٰهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ

هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ
يُخْفُونَ فِي أَنْفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ
لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي
بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كَتَبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلَ إِلَى
مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ
وَلِيَمِخَّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ
الصُّدُورِ ﴿١٥١﴾

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ
إِنَّمَا أَسْتِزْلَهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا
وَلَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٥٥﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا
لَاخُونَاهُمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا غُرَى
لَوْ كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ
ذَلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٥٦﴾

وَلَيْنَ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ
اللَّهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿١٥٧﴾
وَلَيْنَ مُتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى اللَّهِ تَحْشُرُونَ ﴿١٥٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka akan mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi (149). Malah sebenarnya Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong (150). Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim (151). Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya sehingga apabila kamu lemah dan berbalah dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul

sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin (152). (Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang di alami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (153). Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu apa dalam urusan ini? Katakanlah: Seluruh urusan ini di tangan Allah. Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu. Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu hak dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini. Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada (154). "Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar (155). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang: Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh, akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka. Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (156). Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati, maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan Jika kamu mati atau dibunuh, maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan." (158)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Apabila kita memperhatikan kumpulan ayat-ayat ini dengan pandangan yang teliti, kita dapatnya mengandungi berbagai-bagai pemandangan yang aktif di samping mengandungi hakikat-hakikat yang penting dan tulen mengenai pandangan dan kefahaman Islam, mengenai kehidupan insaniah dan undang-undang alam buana, kita dapati ia menggambarkan seluruh perjuangan Uhud itu dengan keterangan-keterangan sekilas, hidup, aktif

dan mendalam. Tiada suatu sudut perjuangan melainkan semuanya dirakamkan dengan rakaman yang mengharukan perasaan dan fikiran. Gambaran itu tidak syak lagi merupakan gambaran yang lebih hidup dan lebih tepat merangkumi suasana-suasana dan peristiwa-peristiwa perjuangan itu dan merangkumi segala getaran jiwa dan harakat perasaan yang menemaninya dari segala gambaran yang lain yang diceritakan di dalam riwayat-riwayat sejarah yang panjang lebar itu. Kemudian kita dapati ayat-ayat ini juga merangkul berbagai-bagai hakikat dalam bentuknya yang hidup dan mempengaruhi jiwa dan membina kefahaman yang betul.

Tidak syak lagi bahawa pengumpulan seluruh pemandangan dan hakikat ini dalam ungkapan kata-kata yang sedikit, tetapi hidup, aktif dan memberi saranan yang sekuat ini merupakan suatu perkara yang luar biasa dalam pengungkapan manusia. Hal ini dapat difaham oleh orang-orang yang arif tentang uslub-uslub pengungkapan dan daya-daya penyampaian terutama mereka yang bekerja menyusun pengungkapan-pengungkapan dan mengalami rahsia-rahsia penyampaian.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَطِيعُوا الَّذِينَ
كَفَرُوا يَرُدُّوكُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ
فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾
بَلِ ٱللَّهُ مَوْلَاكُمْ وَهُوَ خَيْرُ ٱلنَّاصِرِينَ ﴿١٥٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi.(149) Malah sebenarnya Allah itulah pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik penolong."(150)

Orang-orang kafir, kaum Munafiqin dan kaum Yahudi yang berada di Madinah telah mengambil peluang dari kekalahan, kematian dan kecederaan yang telah menimpa tentera Islam untuk melemah dan mematahkan tekad mereka. Mereka menakutkan orang-orang Islam dari akibat mengikut Muhammad dan menggambarkan kepada mereka peperangan-peperangan yang ngeri dan akibat-akibat pertempuran dengan kaum Musyrikin Arab dan sekutu-sekutu mereka dan kebetulan suasana kekalahan itu merupakan sebaik-baik suasana untuk mengacau hati dan barisan kaum Muslimin dan untuk menaburkan perasaan tidak percaya kepada kepimpinan dan menimbulkan keraguan tentang faedah berdegil berperang dengan puak yang kuat dan menggalakkan mereka supaya mengundurkan diri dari perjuangan dan berdamai dengan pihak yang menang di samping menimbulkan kesedihan-kesedihan dan penderitaan-penderitaan peribadi dan mengubahkan semuanya untuk meruntuhkan kewujudan kelompok Muslimin kemudian meruntuh

'aqidah dan akhirnya menyerah diri kepada pihak musuh yang kuat yang mendapat kemenangan.

Oleh sebab itulah Allah memberi amaran kepada orang-orang yang beriman supaya jangan tunduk kepada orang-orang yang kafir, kerana perbuatan tunduk kepada mereka mengakibatkan kerugian yang pasti. Ia tidak memberi apa-apa keuntungan dan apa-apa faedah. Ia membawa seorang mengubah haluan kepada kekafiran. Pilihan seorang Mu'min ialah sama ada ia terus berjuang menentang kekafiran dan orang-orang kafir dan melawan kebatilan dan pejuang-pejuang kebatilan atau ia kembali balik menjadi kafir - semoga dilindungi Allah - dan adalah mustahil baginya berdiri dengan sikap yang fasiq di antara kekafiran dan keimanan untuk menjaga pendiriannya dan memelihara agamanya. Mungkin terlintas di dalam daya khayalnya selepas menerima kekalahan dan dalam sa'at-saat ditekan oleh kesakitan luka-luka dan cedera bahawa dia boleh mengundurkan dirinya dari pertempuran dengan musuh-musuh yang kuat yang telah mendapat kemenangan dan berdamai dengan mereka serta tunduk kepada mereka dan walaupun begitu dia masih dapat memelihara agama dan 'aqidah, keimanan dan keperibadiannya. Ini adalah satu anggapan yang salah besar, kerana orang yang tidak berani tampil ke hadapan di bidang ini pastilah mengundurkan dirinya ke belakang dan orang yang tidak menentang kekafiran, kejahatan, kesesatan, kebatilan dan kezaliman pastilah mengundurkan diri ke belakang dan kembali semula kepada kekafiran, kejahatan, kesesatan, kebatilan dan kezaliman. Seseorang yang tidak dapat dipelihara oleh 'aqidah dan keimanannya dari tunduk kepada orang-orang kafir, dari mendengar dan percaya kepada mereka sebenarnya telah meninggalkan 'aqidah dan keimanannya sejak detik masa yang pertama lagi. Itulah kekalahan jiwa, di mana pendokong 'aqidah tunduk kepada musuh-musuh 'aqidahnya, mendengar bisikan mereka dan mematuhi arahan-arahan mereka. Itulah kekalahan dari awal mula lagi, oleh sebab itulah tiada siapa yang dapat melindunginya dari kekalahan pada akhir perjuangannya dan dari kembali balik kepada kekafiran walaupun ia tidak merasa dalam langkah-langkahnya yang pertama bahawa dia sedang dalam perjalanan menuju ke arah kesudahan yang malang itu. Seorang Mu'min sejati mendapat keperluannya yang cukup dalam 'aqidahnya dan dalam kepimpinannya dan kerana itu ia tidak memerlukan lagi kepada bermesyuarat dengan musuh-musuh agamanya dan musuh-musuh kepimpinannya. Dan andainya ia mendengar sekali kepada nasihat mereka bererti ia telah berjalan menuju ke jalan kembali semula kepada kekafiran. Inilah hakikat semula jadi dan hakikat yang sebenar berlaku yang diperingati Allah kepada kaum Muslimin. Allah memberi amaran kepada mereka dengan menyeru mereka dengan nama orang yang beriman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَطِيعُوا الَّذِينَ

كَفَرُوا يَرْدُوكُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ
فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu ta'at kepada orang-orang yang kafir nescaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kembali murtad) lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi." (149)

Tidak ada kerugian yang lebih besar dari kerugian berbalik semula dari keimanan kepada kekafiran, dan tidak ada apa-apa keuntungan lagi jika telah mengalami kerugian iman.

Sumber Pertolongan Yang Sebenar

Jika yang membangkitkan keinginan tunduk kepada orang-orang kafir itu ialah harapan untuk mendapat perlindungan dan pertolongan, maka itu adalah satu anggapan yang salah dan ditolak oleh ayat yang berikut yang mengingatkan mereka terhadap hakikat punca pertolongan dan perlindungan:

بَلِ اللَّهِ مَوْلَاكُمْ وَهُوَ خَيْرُ النَّاصِرِينَ ﴿١٥٠﴾

"Malah sebenarnya Allah itulah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong." (150)

Inilah punca yang sebenar tempat para Mu'minin memohon perlindungan dan pertolongan. Sesiapa yang menjadikan Allah sebagai Pelindungnya, maka apakah lagi perlindungan yang diperlukannya dari mana-mana makhluk-Nya? Dan sesiapa yang menjadikan Allah sebagai Penolongnya, maka apakah lagi pertolongan yang diperlukannya dari mana-mana hamba-Nya?

Kemudian ayat yang berikut meneguhkan hati kaum Muslimin dan menyampaikan berita gembira kepada mereka bahawa Allah akan mencampakkan perasaan takut dan gentar di dalam hati musuh-musuh mereka dengan sebab mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diturunkan dari-Nya dan tidak diberikan sebarang keterangan kekuatan dan qudrat kepadanya dan selain dari itu mereka akan menerima 'azab Akhirat yang disediakan kepada orang-orang yang zalim:

سَنَلْقَىٰ فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا
أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا
وَمَا أُولَٰئِكَ إِلَّا فِي سَعْدِ الْأَعْيُنِ ﴿١٥١﴾

"Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman orang-orang yang zalim." (151)

Janji Kemenangan Dari Allah

Perjanjian dari Allah Yang Maha Mulia dan Maha Kuasa untuk mencampakkan perasaan takut dan gentar di dalam hati orang-orang itu adalah cukup untuk menamatkan peperangan dan menjamin kekalahan musuh-musuhnya dan kemenangan para kekasih-Nya.

Itu adalah satu perjanjian yang tetap kekal dalam setiap perjuangan apabila berlakunya pertembungan di antara kekafiran dan keimanan. Orang-orang kafir akan merasa gentar sebaik sahaja mereka bertembung dengan pejuang yang beriman. Perasaan takut yang dicampakkan Allah itu akan berkecamuk di dalam hati mereka. Tetapi yang penting di sini ialah wujudnya hakikat keimanan yang sebenar di dalam hati para Mu'minin, iaitu hakikat kesedaran terhadap perlindungan Allah Yang Maha Esa dan kepercayaan yang mutlak terhadap perlindungan itu dan kebersihan dari segala keraguan bahawa tentera Allah tetap akan mendapat kemenangan dan Allah tetap menguasai urusan-Nya dan orang-orang kafir tidak akan dapat melemahkan Allah dan mendahului Allah di bumi ini. Demikianlah cara berpegang dengan perjanjian Allah walaupun keadaan-keadaan yang zahir bertentangan dengannya, kerana perjanjian Allah itu lebih benar dari apa yang dilihat oleh mata dan dinilai oleh akal.

Mereka merasa takut dan gentar kerana hati mereka kosong dari sandaran yang betul dan kerana mereka tidak bersandar kepada satu kekuatan atau kepada sesuatu yang mempunyai kekuatan. Mereka telah mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang tidak punya kuasa kerana Allah tidak memberi sebarang kuasa kepadanya.

Ungkapan " مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا "

"Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya."

adalah suatu ungkapan yang mempunyai makna yang amat mendalam. Ungkapan ini seringkali menemui kita di dalam Al-Qur'an. Kadang-kadang ia digunakan untuk menyifatkan tuhan-tuhan palsu dan kadang-kadang digunakan untuk menyifatkan kepercayaan-kepercayaan yang karut. Ungkapan ini menunjukkan kepada satu hakikat asasi yang amat mendalam.

Ciri-ciri Kepercayaan Syirik

Mana-mana gagasan atau 'aqidah atau tokoh atau pertubuhan adalah hidup, berfungsi dan memberi kesan mengikut kadar kekuatannya yang tersembunyi dan mengikut kuasa yang kuat yang dibawa olehnya. Dan kekuatan ini pula bergantung kepada kadar kebenaran yang didokong olehnya yakni mengikut kadar persesuaiannya dengan asas yang menjadi tapak tegak alam buana yang didirikan Allah di atasnya, juga persesuaiannya dengan undang-undang Allah yang bertindak di alam buana ini. Di waktu inilah sahaja baru Allah mengurniakan kepadanya

kekuatan dan kuasa yang haqiqi, positif dan berkesan di alam al-wujud ini. Jika tidak, maka ia akan menjadi satu kuasa palsu yang batil dan lemah walaupun pada lahirnya kelihatan kuat, berseri dan kembang.

Kaum Musyrikin mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain di dalam berbagai-bagai bentuk rupa. Perbuatan syirik itu mula-mula dilakukan dengan memberikan kepada yang lain dari Allah ciri-ciri Uluhiyah dan sifat-sifatnya yang zahir. Di antara ciri-ciri utama dari sifat-sifat ini ialah hak mengaturkan undang-undang dan peraturan kepada manusia dalam seluruh urusan hidup mereka dan hak meletakkan nilai-nilai untuk dirujuk oleh manusia di dalam perilaku dan masyarakat-masyarakat mereka, dan seterusnya hak memerintah manusia dan mewajibkan mereka ta'at kepada undang-undang dan peraturan itu dan memandang hormat kepada nilai-nilai itu. Kemudian datang pula masalah upacara-upacara ibadat dalam perbuatan memberi ciri-ciri ini kepada yang lain dari Allah S.W.T. atau salah satu darinya.

Apakah kebenaran yang dibawa oleh tuhan-tuhan palsu itu, iaitu kebenaran yang menjadi tapak asas alam buana yang ditegakkan Allah di atasnya? Allah Yang Maha Esa telah menciptakan alam buana ini supaya ia menghubungkan dirinya kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa dan Allah telah menjadikan sekalian manusia supaya mereka mengakui 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu dan supaya mereka menerima syari'at dan nilai-nilai dari-Nya tanpa sebarang tandingan dan supaya mereka beribadat kepada Allah Yang Maha Esa dengan ibadat yang sebenar tanpa berbilang tuhan. Oleh sebab itu segala sesuatu yang keluar dari asas tauhid dalam ertinya yang sempurna itu adalah palsu belaka dan bertentangan dengan kebenaran yang tersembunyi di dalam binaan alam buana. Kerana itulah sesuatu yang keluar dari asas tauhid itu lemah dan kerdil tidak mempunyai kekuatan dan kuasa dan tidak mempunyai daya untuk mempengaruhi aliran kehidupan, malah ia tidak mempunyai unsur-unsur hayat dan tidak pula mempunyai hak untuk hidup!

Selama kaum Musyrikin itu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diberikan kuasa, iaitu dalam bentuk tuhan-tuhan palsu, 'aqidah-'aqidah dan kepercayaan-kepercayaan yang karut, maka selama itulah mereka bergantung kepada sesuatu yang lemah dan kosong dan mereka selamanya lemah dan selama-lamanya berada dalam ketakutan apabila mereka bertembung dengan tentera-tentera Mu'minin yang berpegang kepada Allah yang benar dan berkuasa penuh.

Kita tetap melihat kebenaran janji Ilahi ini setiap kali kebenaran bertempur menentang kebatilan. Seringkali kebatilan berdiri dengan senjata yang terhunus di hadapan kebenaran yang tidak bersenjata, namun demikian kebatilan berkumpul dengan penuh ketakutan. Mereka menggigil setiap

kali melihat harakat atau mendengar bunyi (tentera kebenaran) walaupun mereka dari perkumpulan yang lengkap bersenjata. Dan apabila kebenaran mara ke depan dan menyerang, maka berlakulah ketakutan kecemasan dan keadaan gelabah dan kelam-kabut di dalam barisan kebatilan walaupun bilangan pejuangnya ramai dan bilangan pembela kebenaran sedikit sahaja. Itulah kebenaran janji Allah yang tepat:

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا

"Kami akan campakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang yang kafir dengan sebab mereka telah mempersekutukan Allah dengan sekutu-sekutu yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan mengenainya."

Ini ialah balasan di dunia, sedangkan balasan di Akhirat sana pula ialah nasib kesudahan yang amat menyedihkan dan amat malang yang sesuai dengan orang-orang yang zalim:

وَمَا أُولَئِكَ إِلَّا فِي سَعِيرٍ مُّتَوَسِّطِينَ

"Dan tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat orang-orang yang zalim." (151)

Di sini Al-Qur'an membawa mereka kembali kepada kebenaran janji Allah ini di hari Peperangan Uhud itu sendiri. Mereka telah berjaya mendapat kemenangan yang menghancurkan musuh pada permulaan pertempuran. Tentera Musyrikin telah terbunuh begitu ramai sehingga mereka terpaksa melarikan diri meninggalkan harta-harta rampasan di belakang mereka. Panji-panji perjuangan mereka telah jatuh dan tiada seorang pun yang datang mengangkutkannya hingga ia diangkat oleh seorang perempuan. Kemenangan tidak berubah menjadi kekalahan kepada kaum Muslimin melainkan setelah hati pasukan tentera pemanah mereka tunduk dan lemah di hadapan godaan harta rampasan perang sehingga mereka berselisih sesama mereka dan sanggup melanggar perintah Rasulullah s.a.w. yang menjadi nabi mereka dan pemimpin mereka. Di sini ayat-ayat yang berikut membawa mereka kembali kepada medan pertempuran Uhud, pemandangan-pemandangannya, kedudukan-kedudukannya, peristiwa-peristiwanya dan suasana-suasannya dalam satu gambaran yang hidup dan menarik:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحُسُّونَهُمْ بِإِذْنِهِ ۗ حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَّعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ مِّنْ حُبُورٍ مِّنكُمْ مَّن يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الْآخِرَةَ ۗ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ

لِيَبْتَلِيَكُمْ وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ وَاللَّهُ
ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾

إِذْ تَصْعَدُونَ وَلَا تَلُوتَ عَلَى أَحَدٍ
وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أَخْرَابِكُمْ
فَأَثَبَكُمْ غَمًّا بِغَمِّ لَكَيْلًا تَخَزْنُوا عَلَى
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ وَاللَّهُ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥٣﴾

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نُبُوءًا يَنْصَلِيهِ
طَائِفَةٌ مِّنكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ
يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ
هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ
يُخْفُونَ فِي أَنفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ
لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي
بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَى
مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ
وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ
الصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ
إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا
وَلَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٥٥﴾

Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya sehingga apabila kamu lemah dan berbalah dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu. Dan

sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin (152). (Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (153). Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini? Katakanlah: Seluruh urusan ini di tangan Allah. Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu. Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini. Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada (154). Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar."(155)

Gambaran Pertempuran Peperangan Uhud Yang Menarik

Pengungkapan Al-Qur'an di sini melukiskan satu pemandangan yang lengkap menggambarkan medan pertempuran Uhud dan pertukaran kemenangan dan kekalahan yang berlaku dalam pertempuran itu, satu pemandangan yang merakamkan segala-galanya tanpa meninggalkan satu harakat pun yang bergerak di medan, atau satu fikiran pun yang terlintas dalam jiwa, atau air muka yang terbayang di wajah atau satu perasaan yang berkecamuk di lubuk hati. Seolah-olah susunan-susunan kata-katanya merupakan sebuah filem yang ditayang di hadapan mata. Setiap putarannya membawa gambaran-gambaran baru yang hidup terutama ketika ia menggambarkan gerakan mendaki bukit dan lari dengan penuh ketakutan dan kecemasan dan bagaimana Rasulullah s.a.w. menyeru mereka yang lari dari perjuangan dan mereka yang mendaki bukit kerana melepaskan diri itu. Dan semuanya itu disertai pula dengan harakat hati mereka yang sedang berkecamuk dengan berbagai-bagai fikiran, perasaan, emosi dan keinginan-keinginan. Dan di samping berbagai-bagai gambaran yang hidup ini terdapat pula bimbingan-bimbingan dan penjelasan-penjelasan yang menjadi

ciri-ciri istimewa uslub Al-Qur'an dan kaedah tarbiyah Al-Qur'an yang menarik:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحُسُّونَهُمْ
بِأَذْنِهِ

"Dan sesungguhnya Allah telah menepati janji-Nya ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan keizinan-Nya."

Ini adalah berlaku di permulaan peperangan apabila tentera Muslimin mulai berjaya membunuh tentera-tentera Musyrikin sebelum mereka digoda oleh perasaan tamak kepada harta rampasan perang. Rasulullah s.a.w. telahpun bersabda kepada mereka: "Kamu tetap mendapat kemenangan selama kamu sabar" lalu Allah menepati janji-Nya yang dibuat di atas lidah nabi-Nya itu.

حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ
وَعَصَيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ مَّا حُبِّبْنَا
مِنْكُمْ مِّنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّنْ يُرِيدُ
الْآخِرَةَ

"Sehingga apabila kamu lemah dan berbalah di dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah Rasul sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat."

Inilah penjelasan tentang sikap pasukan tentera pemanah. Segolongan dari mereka telah lemah di hadapan godaan harta rampasan perang dan perbalahan telah tercetus di antara mereka dengan golongan yang melihat kepastian menjunjung keta'atan yang mutlak terhadap perintah Rasulullah s.a.w. Dan perbalahan itu berakhir dengan pelanggaran terhadap perintah Rasul setelah mereka melihat dengan mata kepala mereka permulaan-permulaan kemenangan yang dicita-cita oleh mereka. Mereka berpecah kepada dua golongan: Satu golongan mahukan harta kekayaan dunia dan satu golongan lagi mahukan pahala Akhirat. Hati mereka telah berbelah bagi dan tidak lagi berpadu dalam satu barisan dan tidak lagi mempunyai matlamat yang satu. Perasaan tamak haloba telah mencemari kebersihan keikhlasan dan dedikasi yang perlu di dalam perjuangan 'aqidah, kerana perjuangan 'aqidah bukan seperti perjuangan-perjuangan yang lain. Ia adalah perjuangan di medan pertempuran dan perjuangan di medan hati. Dan kemenangan tidak dapat dicapai di medan pertempuran sebelum ia dicapai di dalam perjuangan di medan hati. Ia adalah perjuangan kerana Allah dan Allah tidak memberi pertolongan di dalam perjuangan itu melainkan kepada pejuang-pejuang yang benar-benar ikhlas kepada-Nya. Selama mereka mengangkat panji-panji Allah dan menghubungkan diri mereka kepada-Nya,

maka Allah tidak memberi kemenangan kepada mereka melainkan setelah Dia menguji mereka dan menguji keikhlasan mereka kepada panji-panji yang dikibarkan mereka supaya di sana tidak ada sesuatu kepalsuan dan penipuan dengan panji-panji itu. Kadang-kadang pejuang kebatilan yang terang-terang mengibarkan panji-panji kebatilan dalam setengah-setengah perjuangan telah mendapat kemenangan kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah, tetapi pejuang-pejuang yang mengangkat panji-panji 'aqidah berjuang tanpa ikhlas kepada-Nya tidak akan dikurniakan Allah pertolongan kemenangan buat selama-lamanya sehingga mereka diuji dan lulus dalam ujian itu. Inilah maksud yang mahu dijelaskan oleh Al-Qur'an kepada kaum Muslimin melalui ayat yang menyebut keadaan mereka dalam Peperangan Uhud itu. Inilah pengajaran yang mahu diajarkan oleh Allah kepada kaum Muslimin ketika mereka menerima kekalahan yang pahit dan kecederaan yang pedih sebagai akibat dari pendirian mereka yang terumbang-ambing itu!

مِنْكُمْ مَّنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّنْ يُرِيدُ
الْآخِرَةَ

"Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat."

Al-Qur'an menyorotkan lampu-lampu ke atas rahsia-rahsia hati yang tersembunyi, iaitu rahsia-rahsia yang tidak diketahui oleh orang-orang Islam sendiri bahawa ianya wujud di dalam hati mereka. Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. katanya: Dahulu aku tidak pernah fikir adanya seorang dari para sahabat Rasulullah s.a.w. yang berkehendakkan dunia sehingga turun kepada kami pada hari Peperangan Uhud ayat "Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat."⁵ Dengan penjelasan ini Al-Qur'an meletakkan hati mereka yang terdedah segala isi kandungannya di hadapan mereka dan menerangkan kepada mereka dari mana punca kekalahan mereka supaya dapat dihindari oleh mereka.

Dalam waktu yang sama Al-Qur'an menerangkan kepada mereka sebahagian dari hikmat dan ta'bir Allah, di sebalik kepedihan-kepedihan yang dialami mereka dan di sebalik peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dengan sebab-sebabnya yang zahir itu:

ثُمَّ صَرَفْنَا عَنْهُمْ لِبَتَائِكُمْ

"Kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu."

Di sana wujudnya taqdir-taqdir dan perencanaan-perencanaan Allah di sebalik tindakan-tindakan

⁵ Diriwatkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya dan berkata: Ia diriwatkan bukan dari satu saluran sahaja dari Ibn Mas'ud dan Ibn Mardawayah turut meriwatkannya dalam tafsirnya.

manusia. Oleh itu apabila mereka lemah dan berbalah dan melanggar perintah Rasulullah s.a.w., maka Allah memalingkan kekuatan dan perhatian mereka dari kaum Musyrikin dan memalingkan pasukan tentera pemanah dari mengawal jalan bukit dan seterusnya memalingkan pejuang-pejuang dari medan pertempuran lalu mereka lari mengundurkan diri. Semuanya berlaku mengikut hasil perbuatan yang terbit dari mereka tetapi ia dita'birkan oleh Allah untuk menguji mereka dengan kesusahan, ketakutan, kekalahan, kematian di medan perang dan kecederaan. Dan segala hasil yang terbit darinya adalah hasil dari pendedahan isi kandungan hati dan hasil dari ujian jiwa dan pengenalan pasti barisan mereka sebagaimana akan diterangkan nanti.

Demikianlah peristiwa-peristiwa itu berlaku mengikut sebab-sebabnya dan dalam waktu yang sama dita'birkan oleh hikmat Allah dan di antara keduanya tidak ada pertentangan, kerana tiap-tiap kejadian itu ada sebabnya dan di sebalik tiap-tiap sebab itu ada ta'bir dari Allah Yang Maha Halus dan Maha Mengetahui.

وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ

"Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu."

Sebab-sebab Mereka Diberi Kemaafan

Yakni Allah telah memaafkan kelemahan, perselisihan dan pelanggaran perintah yang berlaku dari kamu, juga memaafkan perbuatan kamu melari dan mengundurkan diri dari medan pertempuran. Kemaafan ini diberikan kepada kamu sebagai limpah kurnia darinya dan sebagai keampunan terhadap kelemahan kamu sebagai manusia kerana ia tidak disertai dengan niat yang jahat dan dengan azam untuk terus melakukan kesalahan. Allah memaafkan kamu kerana kamu melakukan kesilapan dan dilanda kelemahan dalam lingkungan keimanan dan penyerahan diri kepada Allah, juga dalam lingkungan penyerahan kepimpinan kamu kepada kehendak masyi'ah-Nya:

وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ كَثِيرٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

"Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang banyak kepada para Mu'minin."(152)

Dan di antara limpah kurnia Allah kepada mereka ialah dia memberi kemaafan kepada mereka selama mereka mengikut agamanya dan mengakui 'Ubudiyah mereka kepada-Nya dan mereka tidak mendakwa mempunyai sesuatu dari sifat-sifat Uluhiyah yang khusus bagi Allah dan tidak menerima undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai dan ukuran-ukuran melainkan dari Allah. Dan apabila berlaku sesuatu kesilapan dari mereka, maka ia berlaku kerana kelemahan dan dorongan nafsu yang terburu-buru. Oleh itu mereka akan menerima keampunan dari Allah selepas mereka menjalani ujian dan berjaya dalam ujian itu.

Ayat yang berikut membawa gambaran kekalahan itu dalam bentuk yang sungguh hidup:

إِذْ تَصْعَدُونَ وَلَا تَلُوتُونَ عَلَىٰ أَحَدٍ
وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أُخْرَاكُمْ

"(Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu."

Untuk memperdalamkan kesan pemandangan itu di dalam hati mereka dan menimbulkan perasaan malu terhadap kekalahan itu juga terhadap kelemahan, perbalahan dan pelanggaran perintah yang menjadi muqaddimah-muqaddimah, susunan kata-kata ayat ini melukiskan gambaran harakat fizikal dan harakat kejiwaan mereka dalam kata-kata yang pendek sahaja, iaitu mereka lari memanjat bukit dengan perasaan gelabah, takut, cemas dan terpinga-pinga. Tiada seorang pun yang menoleh kepada seorang yang lain dan tiada siapa pun yang menyahut seruan seorang yang lain, sedangkan Rasulullah s.a.w. menyeru mereka untuk menenangkan hati mereka bahawa beliau masih hidup setelah adanya orang yang berpekik: Muhammad sudah mati! Dan seruan ini benar-benar telah menggoncangkan hati dan tapak kaki mereka. Itulah satu pemandangan yang lengkap dalam kata-kata yang sedikit.

Akhirnya Allah membalas mereka kerana perbuatan mereka yang telah meninggalkan perasaan dukacita di dalam hati Rasulullah s.a.w., iaitu akibat tindakan mereka melarikan diri dari medan pertempuran itu. Allah membalas mereka dengan kedukacitaan yang memenuhi hati mereka kerana perbuatan mereka melarikan diri dan kerana tindakan mereka membiarkan Rasul mereka yang dikasihi mendapat luka-luka dalam perjuangan itu, sedangkan beliau tetap berjuang dengan gagah berani walaupun mereka melarikan diri. Tujuan balasan itu supaya mereka jangan menghiraukan sesuatu yang telah terlepas dari mereka dan sesuatu kesusahan yang telah menimpa mereka. Kerana ujian yang telah dialami mereka dan kecederaan yang telah menimpa nabi mereka inilah perkara yang dirasa mereka lebih berat dari penderitaan yang ditimpa ke atas mereka dan rasa kesal yang berkecamuk di dalam hati mereka dan perasaan dukacita yang menyelubungi mereka. Semuanya akan memperkecilkan dalam hati mereka segala kenikmatan dunia yang terluput dari mereka dan segala kesusahan yang menimpa mereka:

فَأَنبَأَكُم بِمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ لِئَلَّا تَحْزَنُوا عَلَىٰ
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ

"Kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu"

tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu."

Allah yang mengetahui segala rahsia yang tersembunyi itu mengetahui hakikat segala perbuatan kamu dan segala motif pergerakan kamu:

وَاللَّهُ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu." (153)

Kedahsyatan kekalahan dan kejadian-kejadiannya yang mencemas dan kelam-kabut itu telah diiringi oleh suasana sepi dan tenang yang menakjubkan, iaitu kesepian dan ketenangan yang menyelubungi jiwa para Mu'minin yang bertawajjuh kepada Allah dan kembali kepada Rasulullah s.a.w. sehingga mereka dikuasai rasa mengantuk yang amat halus dan mereka terus terlelap aman dan tenteram.

Pengungkapan yang menggambarkan gejala mengantuk yang menarik ini begitu halus dan lembut sehingga bunyi kata-kata dan bayang-bayangnya semuanya turut menggambarkan suasana yang tenang dan lembut gemulai itu:

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُم مِّن بَعْدِ الْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَى طَآئِفَةً مِّنكُمْ

"Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu."

Kesan Mengantuk Dan Terlelap

Itulah satu gejala yang amat menakjubkan yang membayangkan limpah rahmat Allah yang melingkungi para hamba-Nya yang Mu'min. Apabila rasa mengantuk menyelubungi orang-orang yang sedang letih lesu dan cemas walaupun sesaat, maka ia akan memberi kesan seakan-akan kesan sihir pada diri mereka. Ia boleh mengubah mereka menjadi seorang yang berjiwa baru. Ia mencurahkan rasa ketenteraman di dalam hati mereka di samping mencurahkan kerehatan kepada diri mereka dengan suatu cara yang tidak dapat diketahui hakikat dan caranya. Saya berkata demikian kerana saya sendiri telah mengalaminya di saat-saat kesusahan dan penderitaan dan saya merasa dalam detik-detik mengantuk itu rahmat Allah yang amat lembut dan mendalam yang disampaikan dalam bentuk yang tidak dapat digambarkan oleh ungkapan-ungkapan manusia yang tidak sempurna.

Mengikut riwayat at-Tirmizi, an-Nasa'i dan al-Hakim dari hadith Hammad ibn Salamah dari Thabit dari Anas dari Abu Talhah katanya: "Aku angkat kepalaku pada hari Peperangan Uhud lalu aku melihat dan aku dapati tiada seorang pun dari mereka (tentera Muslimin) melainkan semuanya terkulai di bawah perisainya kerana terlalu mengantuk."

Dalam satu riwayat yang lain dari Abu Talhah katanya: "Kami diselubungi mengantuk ketika kami

berada di dalam barisan-barisan kami pada hari Peperangan Uhud sehingga pedangku terjatuh dari tanganku lalu aku mengambilnya kemudian terjatuh pula dan aku kembali mengambilnya."

Ada satu puak Muslimin yang lain, iaitu puak yang mempunyai keimanan yang tidak kuat. Mereka hanya sibuk dengan kepentingan diri mereka sahaja. Mereka belum lagi bebas dari fikiran dan kefahaman jahiliyah dan belum lagi menyerahkan seluruh diri mereka dengan tulus ikhlas kepada Allah dan kepada taqdir-Nya. Hati mereka belum lagi yakin bahawa segala apa yang telah menimpa mereka itu adalah suatu dugaan untuk menguji mereka bukannya suatu pengabaian dari Allah yang menyerahkan para kekasih-Nya kepada musuh-musuh-Nya. Dan bukannya pula suatu keputusan dari Allah S.W.T. memberi kemenangan terakhir dan sempurna kepada kekafiran, kejahatan dan kebatilan:

وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ هَل لَّنَا مِنَ الْأَمْرِ مِن شَيْءٍ

"Sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini?"

Diri Insan Mu'min Adalah Untuk Allah

'Aqidah Islam mengajar para penganutnya bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap diri mereka, kerana seluruh diri mereka adalah untuk Allah. Apabila mereka keluar berjihad kerana agama Allah, maka bererti mereka keluar kerana Allah, mereka bergerak kerana Allah dan berperang kerana Allah dan mereka tidak mempunyai matlamat yang lain untuk diri mereka di dalam jihad itu. Mereka menyerah diri mereka kepada taqdir Allah dan bersedia menerima apa sahaja yang dibawa oleh taqdir itu dengan penuh kerelaan dan penyerahan diri biar bagaimanapun taqdir itu.

Adapun orang-orang yang memikirkan kepentingan diri mereka dan menjadikan kepentingan itu sebagai pusat pemikiran dan penilaian mereka dan sebagai pusat perhatian dan kesibukan, maka orang-orang ini belum lagi matang hakikat keimanan di dalam hati mereka. Termasuk dalam kumpulan ini ialah satu golongan yang diceritakan oleh Al-Qur'an di tempat ini, iaitu satu golongan yang mementingkan keselamatan diri mereka. Mereka berada dalam keadaan keluh-kesah dan serba-salah. Mereka merasa bahawa mereka sedang dipersia-siakan dalam satu perjuangan yang tidak jelas di dalam kefahaman mereka. Mereka melihat diri mereka ditolak ke dalam satu perjuangan secara paksa dan di luar kemahuan mereka dan mereka terpaksa menderita kesusahan yang amat pahit dan membayar harga yang mahal dalam bentuk mati terbunuh, mendapat kecederaan

dan kesakitan. Orang-orang ini belum lagi mengenal hakikat Allah yang sebenar. Mereka menaruh sangkaan-sangkaan yang tidak benar terhadap Allah sama seperti sangkaan-sangkaan jahiliyah dan di antara sangkaan yang tidak benar terhadap Allah ialah sangkaan mereka bahawa Allah telah mensiasikan mereka di dalam perjuangan ini, iaitu satu perjuangan yang mereka tidak mempunyai apa-apa hak campurtangan sesuatu apa dalam urusannya, malah mereka hanya ditolak secara paksa ke dalam perjuangan supaya mereka mati dan mendapat luka-luka, sedangkan Allah tidak menolong mereka dan tidak pula menyelamatkan mereka, malah membiarkan mereka menjadi mangsa kepada musuh-musuh mereka. Mereka tertanya-tanya:

هَلْ لَنَا مِنْ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ قَدْ

"Adakah kita mempunyai sesuatu dari urusan ini?"

Perkataan mereka ini mengandungi bantahan terhadap strategi kepimpinan dan peperangan. Mungkin mereka dari golongan orang-orang yang berpendapat tidak patut keluar dari kota Madinah walaupun mereka tidak pulang bersama-sama Abdullah ibn Ubay, tetapi hati mereka masih belum tenang dan tenteram.

Sebelum ayat ini menyempurnakan pembicaraannya tentang sangkaan-sangkaan mereka yang buruk, ia lebih dahulu membetulkan perkara ini dan menjelaskan hakikat yang sebenar yang menjadi tanda tanya mereka, ia menjawab pertanyaan mereka: "Adakah kita mempunyai sesuatu di dalam urusan ini?"

قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ

"Katakanlah: Seluruh urusan itu di tangan Allah."

Yakni urusan ini bukan di tangan sesiapa, bukan di tangan mereka dan bukan pula di tangan yang lain dari mereka. Sebelum ini Allah telah berfirman kepada nabi-Nya s.a.w. sendiri:

لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ

"Engkau tidak mempunyai sesuatu apa dari urusan ini." (128)

Oleh itu urusan agama ini, urusan jihad untuk menegakkan agama ini dan urusan melaksanakan sistemnya di bumi ini dan urusan menunjukkan hati manusia kepada agama ini adalah semuanya dari urusan Allah dan manusia tidak mempunyai sesuatu apa selain dari berusaha menunaikan kewajipan mereka dan menyempurnakan bay'ah mereka kemudian berlakulah apa yang dikehendaki Allah mengikut bagaimana kehendak-Nya.

Ayat yang berikut mendedahkan rahsia hati mereka yang tersembunyi sebelum menyempurnakan pembicaraannya tentang sangkaan-sangkaan mereka yang buruk:

يُخْفُونَ فِي أَنْفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ

"Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak dizahirkan kepadamu."

Hati mereka penuh dengan fikiran-fikiran yang buruk, ragu-ragu dan gelisah dan penuh dengan bantahan-bantahan dan kritik-kritik. Pertanyaan mereka "Adakah kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini?", sebenarnya mereka mahu menyembunyikan perasaan mereka bahawa mereka telah ditolak kepada nasib kesudahan yang tidak pernah dipilih oleh mereka dan bahawa mereka telah menjadi korban kepimpinan yang salah dan andainya mereka berkuasa mengaturkan peperangan itu tentulah mereka tidak menerima nasib yang seperti ini.

يَقُولُونَ لَوْ كَان لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا

"Mereka berkata: Andainya kita mempunyai sesuatu dalam urusan ini tentulah kita tidak mati terbunuh di sini."

Itulah fikiran yang buruk yang berkecamuk di dalam hati orang-orang yang tidak ikhlas kepada 'aqidah apabila mereka mendapat kekalahan dalam satu peperangan dan ketika mereka mengalami kepedihan kekalahan, ketika mereka dapati harga perjuangan itu lebih berat dari apa yang disangkakan mereka dan hasilnya lebih pahit dari apa yang diharap-harapkan, ketika mereka memeriksa di dalam hati mereka dan dapati perjuangan itu masih tidak terang dan mantap dan ketika mereka khayalkan bahawa cara pengendalian kepimpinan yang telah mencampakkan mereka ke dalam kebinasaan dan mereka sudah tentu selamat jika teraju kepimpinan itu berada di tangan mereka. Dengan pemikiran yang keliru ini mereka tidak dapat melihat tangan qudrat ilahi yang bertindak di sebalik peristiwa-peristiwa dan tidak pula dapat melihat hikmat kebijaksanaan ilahi dalam ujian itu. Pada hemat mereka seluruh persoalan ini adalah persoalan rugi dan sia-sia semata-mata.

Di sini datanglah pembetulan yang mendalam terhadap persoalan ini semua, iaitu persoalan hidup dan mati dan persoalan hikmat yang tersembunyi di sebalik ujian ini:

قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَى مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

"Katakanlah: Jika kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya orang-orang yang telah disurati taqdir mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka. Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa

apa yang terselit di dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(154)

Yakni katakanlah jika kamu berada di rumah kamu dan kamu tidak keluar berperang untuk menyambut seruan kepimpinan dan seluruh urusan kamu terserah kepada pertimbangan kamu, nescaya orang-orang yang telah ditulis mati terbunuh akan keluar juga ke tempat-tempat pembaringan mereka, kerana di sana ada suratan ajal yang telah ditentukan, ia tidak boleh didahulu dan tidak pula boleh ditundakan. Di sana ada ke tempat-tempat pembaringan yang telah ditentukan dan setiap tuannya pasti datang untuk berbaring di situ. Oleh sebab itu apabila ajal telah tiba, maka tuannya akan berjalan menuju ke tempat pembaringannya dengan dua kakinya sendiri, tiada siapa pun yang membawa seseorang itu kepada ajalnya dan tiada siapa pun yang ditolak secara paksa ke tempat pembaringannya yang telah ditentukan baginya.

Ungkapan:

إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ

"Ke tempat-tempat pembaringan mereka"

adalah suatu ungkapan yang amat menarik. Pembaringan ialah kubur tempat beristirahatnya lambung-lambung manusia, tempat berhentinya langkah-langkah mereka dan tempat berakhirnya pengembara-pengembara di bumi. Mereka datang ke tempat pembaringan ini dengan suatu daya dorongan yang sulit yang tidak disadari mereka dan tidak dapat dikuasai mereka, hanya dorongan sulit inilah yang mendapatkan mereka dan menguasai mereka dan bertindak terhadap mereka dengan penuh kebebasan. Berserah kepada-Nya adalah lebih merehat dan menenangkan hati.

Itulah taqdir Allah dan di sebaliknya terdapat hikmatnya:

وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ

"Dan Allah (berbuat demikian) untuk menguji apa yang tersemat di dalam dada kamu dan untuk memeriksa apa yang terselit di dalam hati kamu."

Tidak ada batu uji yang sebaik kesusahan untuk mendedahkan segala isi dada dan meleburkan segala isi hati supaya kepalsuan dan ria' dapat dihapuskan darinya. Ia dapat mendedahkan hakikat hati yang sebenar tanpa sebarang saduran cat yang palsu.

Itulah ujian terhadap isi dada agar terserlah dengan hakikatnya yang sebenar dan itulah proses pembersihan hati supaya terhapus segala keburukan dan kepalsuan dan itulah proses pembetulan dan penjelasan terhadap pandangan dan kefahaman supaya tidak ada lagi sebarang kekeliruan dan kecacatan:

وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

"Dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(154)

Manusia Tidak Mengetahui Rahsia-rahsia Hatinya

Yang dimaksudkan dengan isi dada ialah rahsia-rahsia yang sulit yang tersemat dan tersembunyi di dalam dada. Rahsia-rahsia itu sentiasa menemani dada dan tidak pernah berpisah darinya dan tidak pernah terdedah kepada cahaya. Allah memang mengetahui segala kandungan isi dada ini, tetapi Allah mahu mendedahkannya kepada manusia dan kepada tuan-tuannya sendiri, kerana kadang-kadang manusia sendiri tidak mengetahui rahsia-rahsia itu dari diri mereka sehingga ia didedah dan dizahirkan oleh peristiwa-peristiwa kepada mereka.

Allah telah mengetahui isi hati mereka yang kalah dan lari pada hari pertempuran Uhud. Mereka telah lemah semangat dan berundur dengan sebab maksiat yang telah dilakukan mereka. Oleh sebab itu hati mereka terus bergoyang dengan sebab maksiat itu dan dari pintu inilah mereka dimasuki syaitan yang datang mempengaruhi mereka sehingga mereka tergelincir dan gugur dalam maksiat:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا وَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ

"Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar."(155)

Orang-orang yang diisyaratkan di dalam ayat ini mungkin dikhususkan kepada pasukan pemanah yang timbul di dalam hati mereka perasaan tamak kepada harta rampasan perang dan sangkaan bahawa Rasulullah akan mengharamkan bahagian-bahagian mereka. Inilah perasaan yang diperolehi mereka dan dengan perasaan inilah mereka telah digelincirkan oleh syaitan.

Tetapi isyarat ini secara umumnya menggambarkan jiwa manusia apabila ia melaku sesuatu kesalahan. Ketika itu kekuatan imannya hilang, hubungannya dengan Allah menjadi lemah, kesepaduan diri dan imbangannya menjadi terumbang-ambing dan dia terdedah kepada berbagai-bagai fikiran yang buruk, ragu-ragu dan gelisah dengan sebab rosak hubungannya dengan Allah dan kepercayaannya terhadap keredhaan Allah. Di waktu inilah syaitan menemui jalannya memasuki ke dalam hatinya dan dapat memimpinnya melakukan kesalahan demi

kesalahan, sedangkan ia terpencil jauh dari perlindungan Ilahi yang aman dan teguh.

Pengaruh Istighfar

Dari sinilah istighfar dari dosa itu merupakan langkah pertama yang dilakukan oleh orang-orang yang ta'at kepada Allah yang turut berperang bersama para Anbia' dalam menghadapi musuh-musuh da'wah, kerana istighfar inilah yang mengembalikan mereka kepada Allah dan menguatkan hubungan mereka dengan-Nya dan membebaskan hati mereka dari terumbang-ambing. Istighfarlah yang dapat menghapuskan perasaan-perasaan yang buruk, ragu-ragu dan gelisah dari hati mereka. Ia dapat menutup lubang yang dimasuki syaitan, iaitu lubang menjauhi diri dari Allah dan dari perlindungan-Nya. Inilah lubang yang dimasuki syaitan lalu ia menjatuhkan manusia ke dalam maksiat sekali demi sekali sehingga mereka tinggal terpencil di padang gurun dan jauh dari kawasan selamat yang tidak menerima mereka.

Allah menceritakan kepada mereka bahawa rahmat-Nya tetap mendapatkan mereka. Oleh itu Allah tidak membiarkan syaitan memencilkan mereka dan kerana itu Allah memaafkan mereka. Dan seterusnya Allah memperdekatkan diri-Nya kepada mereka bahawa Dia bersifat Maha Pengampun dan Maha Sabar, Allah tidak mengusir orang-orang yang bersalah dan tidak pula bertindak segera mengenakan balasan ke atas mereka apabila Dia mengetahui hati mereka masih meletakkan harapan kepada-Nya dan masih berhubung dengan-Nya dan tidak mengetahui adanya dalam dirinya keinginan memberontak dan melarikan diri dari-Nya.

Ayat yang berikut menjelaskan hakikat taqdir Allah dalam persoalan mati dan hidup dan menyalahkan kefahaman-kefahaman orang-orang kafir dan golongan Munafiqin mengenai persoalan ini. Ia menyeru orang-orang yang beriman dan memberi peringatan kepada mereka supaya pandangan dan kefahaman mereka tidak seperti pandangan dan kefahaman orang-orang kafir dan Munafiqin itu dan pada akhirnya ia mengembalikan mereka kepada nilai-nilai dan pertimbangan-pertimbangan yang lain yang mengatasi penderitaan-penderitaan dan pengorbanan-pengorbanan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا
لِإِخْوَانِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا غُزًى
لَوْ كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ
ذَلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ يُحْيِي ۖ وَيُمِيتُ ۗ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

وَلَيْنِ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مِتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ
وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ
وَلَيْنِ مِتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى اللَّهِ تُحْشَرُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang. Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh, akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka. Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (156). Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati, maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan jika kamu mati atau dibunuh, maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan."(158)

Yang nampak jelas dari hubungan ayat-ayat ini dalam cerita Peperangan Uhud ialah perkataan-perkataan ini ialah perkataan-perkataan yang dikeluarkan oleh orang-orang Munafiqin yang telah pulang ke Madinah sebelum berlakunya peperangan itu, juga perkataan-perkataan yang dikeluarkan oleh kaum Musyrikin yang belum lagi memeluk Islam, tetapi masih mempunyai hubungan dan pertalian kerabat di antara mereka dengan kaum Muslimin. Mereka telah menggunakan keguguran para Syuhada' di Uhud itu sebagai bahan untuk menimbulkan penyesalan di dalam hati kaum keluarga mereka dan merangsangkan perasaan sedih dan dukacita atas kehilangan mereka di medan pertempuran itu dengan sebab mereka keluar berperang. Tidak syak lagi fitnah dan kesedihan-kesedihan seperti ini melukakan hati dan meninggalkan kesan-kesan yang menggugatkan barisan Muslimin. Oleh sebab itulah diturunkan penjelasan ini untuk membetulkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman dan memulangkan tipudaya ini ke leher perancang-perancangnya.

Perkataan orang-orang kafir yang mengatakan:
لَوْ كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا
"Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh."

Hakikat Hidup, Mati Dan Taqdir Allah

Perkataan ini mendedahkan adanya perbezaan yang asasi di antara pandangan dan kefahaman penganut 'aqidah dengan pandangan dan kefahaman orang yang tidak menganut 'aqidah terhadap undang-undang hayat dan segala peristiwanya yang berlaku sama ada peristiwa-peristiwa senang atau peristiwa-peristiwa susah....Orang yang menganut 'aqidah memahami undang-undang Allah dan mengenali kehendak masyi'ah Allah. Ia yakin kepada taqdir

Allah, iaitu ia yakin tiada suatu yang akan menyimpannya kecuali sesuatu yang telah ditulis oleh Allah dan sesuatu yang menyimpannya tidak akan terhindar darinya dan sesuatu yang terhindar darinya tidak akan menyimpannya. Oleh sebab itulah ia tidak menerima kesusahan yang menyimpannya dengan penuh kecemasan dan tidak menerima kesenangan dengan perasaan penuh bangga dan sombong. Ia tidak menghubungkan kesialan dirinya kepada itu dan ini dan dia tidak merasa kesal kerana dia tidak bertindak begini supaya terhindar dari begini atau supaya ia mendapat begini-begini selepas berlakunya perkara itu, kerana bidang perencanaan, perancangan, berfikir dan berunding adalah dilakukan sebelum ia tampil bertindak mengerjakan sesuatu. Tetapi apabila ia telah bertindak setelah merencana dan merancang - mengikut batas ilmu pengetahuannya dan batas perintah-perintah Allah dan larangan-larangan-Nya maka segala natijah yang berlaku, diterimanya dengan tenang, redha dan berserah kepada Allah kerana dia yakin bahawa natijah itu adalah berlaku mengikut taqdir dan tadbir Allah serta hikmat-Nya. Ia pasti berlaku seperti yang telah berlaku walaupun dialah yang telah melakukan sebab-sebabnya dengan perbuatannya. Itulah keseimbangan di antara tindakan dan berserah kepada Allah, di antara sikap positif dan sikap bertawakkal. Di atas keseimbangan inilah langkah-langkah menjadi teguh dan hati nurani menjadi tenang. Tetapi bagi orang yang mempunyai hati yang kosong dari 'aqidah yang betul terhadap Allah, maka dia selama-lamanya dihantui oleh perasaan sial, selama-lamanya merasa keluh-kesah dan cemas, selama-lamanya berkata kesal: "Oh kalau aku....", "Jika tidak kerana" "Amboi kalau.....", "Alangkah sedihnya".

Allah S.W.T. - dalam rangka mendidik kelompok Muslimin dan di bawah bayangan Peperangan Uhud dan kekalahan yang telah menimpa kaum Muslimin - mengingatkan kaum Muslimin supaya jangan jadi seperti orang-orang kafir yang ditimpa duka nestapa apabila ada kerabat mereka mati dalam pengembaraan mencari rezeki atau mati terbunuh di medan pertempuran ketika ia berjihad:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا
لِإِخْوَانِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا غُرَى لَوْ
كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang kafir yang berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka merantau di bumi atau menjadi pejuang yang berperang: Andainya mereka berada di sini bersama kami tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh."

Mereka berkata begitu kerana pandangan dan kefahaman mereka yang tidak betul terhadap hakikat yang berlaku di alam buana dan terhadap hakikat yang berkuasa dan bertindak dalam segala apa yang

berlaku. Mereka hanya melihat sebab-sebab yang lahir dan keadaan-keadaan permukaan sahaja dengan sebab mereka terputus dari Allah dan dari taqdir-Nya yang berlangsung di dalam hidup ini.

لِيَجْعَلَ اللَّهُ ذَٰلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ

"Akibat perkataan demikian Allah jadikan suatu penyesalan di dalam hati mereka." (156)

Mereka merasa bahawa keluarnya saudara-saudara mereka untuk menjelajah mencari rezeki itulah yang menyebabkan mereka mati atau keluar mereka untuk berperang itulah yang menyebabkan mereka mati terbunuh, mereka merasa bahawa tindakan keluar inilah yang menjadi sebab kematian atau punca mati terbunuh dan inilah yang menimbulkan rasa kesal di hati mereka kerana mereka tidak menghalangi mereka keluar. Andainya mereka mengetahui sebab yang haqiqi iaitu kesampaian ajal dan seruan tempat pembaringan atau tanah kubur, suratan taqdir Allah dan undang-undangnya mengenai mati dan hidup tentulah mereka tidak merasa kesal dan tentulah mereka menerima ujian itu dengan sabar dan kembali kepada Allah dengan penuh kerelaan:

وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ

"Dan sebenarnya Allahlah yang menghidup dan yang mematikan."

Di tangan qudrat Allah datangnya pengurniaan hayat dan dengan tangan qudrat-Nya juga diambil kembali pengurniaan itu dalam masa dan tempoh yang telah ditetapkan sama ada manusia sedang berada di rumah mereka bersama-sama keluarga mereka atau berada di medan perjuangan kerana mencari rezeki dan kerana mempertahankan 'aqidah Dan di sisi Allahlah disediakan balasan dan pampasan yang dilakukan mengikut ilmu-Nya yang mendalam dan tepat:

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

"Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu." (156)

Tetapi perkara ini tidak hanya berakhir dengan maut atau dengan mati terbunuh kerana ini bukannya penghabisan perjalanan manusia. Begitu juga hidup di dunia bukanlah merupakan sebaik-baik pemberian yang dikurniakan Allah kepada manusia, malah di sana ada nilai-nilai yang lain dan pertimbangan-pertimbangan yang lebih tinggi di dalam neraca Allah:

وَلَيْنَ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

وَلَيْنَ مُتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى اللَّهِ تُحْشَرُونَ

"Dan jika kamu dibunuh kerana jalan Allah atau mati maka keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik dari segala ni'mat hidup yang dikumpul oleh mereka (157). Dan

jika kamu mati atau dibunuh maka kepada Allah kamu sekalian akan dikumpulkan.”(158)

Oleh itu maut atau mati terkorban kerana agama Allah mengikut syarat dan pertimbangan ini adalah lebih baik dari ni'mat-ni'mat hidup yang kecil yang dikumpulkan oleh manusia di dalam kehidupan mereka, iaitu ni'mat-ni'mat harta kekayaan, pangkat kebesaran, kuasa dan kehidupan yang senang lenang. Mati yang seperti itu adalah lebih baik kerana ia diiringi oleh keampunan dan rahmat dari Allah, sedangkan keampunan dan rahmat itu adalah lebih baik dari ni'mat-ni'mat hidup yang dikumpulkan mereka dalam pertimbangan neraca hakikat. Kepada keampunan dan rahmat inilah Allah kembalikan para Mu'minin dan Allah tidak kembalikan mereka - di maqam ini - kepada keagungan peribadi dan tidak pula kepada perhitungan-perhitungan manusia, malah ia mengembalikan mereka kepada balasan yang disediakan di sisi-Nya dan mengikat hati mereka dengan rahmat Allah. Dan rahmat itu adalah lebih baik dari segala apa yang dikumpulkan oleh manusia dan lebih baik dari segala ni'mat dunia yang dicita-cita oleh hati manusia.

Dan seluruh mereka dikembalikan kepada Allah dan dikumpulkan kepada-Nya dalam segala keadaan sama ada mereka mati di atas tilam di rumah mereka atau mati ketika mengembara di bumi atau mati terkorban di medan perjuangan apabila mereka berjihad. Mereka tidak mempunyai tempat kembali yang lain dari Allah. Di sini jelaslah bahawa perbezaan itu hanya wujud pada amalan dan niat dan wujud pada tujuan dan minat masing-masing, sedangkan kesudahan adalah sama sahaja, iaitu mati atau terbunuh pada masanya yang telah ditetapkan atau mengikut tempoh ajalnya yang telah ditentukan, kemudian pulang kepada Allah dan berkumpul di Mahsyar pada hari Qiamat, kemudian mendapat keampunan dan rahmat dari Allah atau menerima kemurkaan dan 'azab dari-Nya. Oleh itu orang yang paling tolol ialah mereka yang memilih kesudahan yang malang bagi diri mereka, sedangkan mereka tetap mati di dalam segala keadaan.

Dengan huraian ini tersematlah di dalam hati hakikat mati dan hidup dan hakikat taqdir Allah dan dengan huraian ini yakinlah hati kepada ujian taqdir Allah dan kepada hikmat yang wujud di sebalik taqdir dan kepada balasan di sebalik ujian itu. Dan dengan huraian itu tamatlah pusingan ini dari jantung peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu dan segala suasana yang menemaninya.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 159 - 164)

Kemudian ayat-ayat yang berikut meneruskan huraian dalam satu pusingan yang baru yang berpaksikan peribadi Rasulullah s.a.w. dan hakikat nubuwahnya yang mulia, juga nilai hakikat yang agung ini di dalam kehidupan umat Muslimin dan

sejauh mana mereka diselubungi rahmat Allah. Di sekitar paksi ini terdapat berbagai-bagai tali sistem hidup Islam yang mengatur kehidupan masyarakat Muslimin dan asas penyusunan ini, juga tali-tali dari kefahaman dan pemikiran Islam dan hakikat-hakikat yang menjadi tapak tegaknya, juga nilai kefahaman, pemikiran dan sistem itu di dalam kehidupan manusia secara umumnya:

فِيمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظَ
الْقَلْبِ لَأَنْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَاشَاورْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

إِنْ يَنْصُرْكُمْ اللَّهُ فَلاَ غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ
فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

أَفَمَنْ اتَّبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمَنْ بَاءَ بِسَخَطٍ مِنَ اللَّهِ
وَمَا أَوْلَاهُ جَهَنَّمَ وَيَشْسُ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

هُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾
لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ
قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿١٦٤﴾

"Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkan mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkal kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal (159). Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang

dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah lagi yang dapat menolong kamu selain dari Allah. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah (160). Tidak mungkin bagi seseorang nabi menggelapkan harta rampasan perang dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiyai (161). Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (162). Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (163). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata."(164)

Kita dapat memperhatikan dalam ceraihan ayat ini dan dalam berbagai-bagai hakikat pokok yang diikat pada paksinya - iaitu hakikat nubuwwah yang mulia - juga kita dapati dasar-dasar penting yang lain yang terkandung di dalam susunan-susunan kata yang pendek..... Kita dapati hakikat rahmat Ilahiyah yang tergambar di dalam akhlak Nabi s.a.w. dan di dalam tingkahlakunya yang baik, bertimbangrasa dan lemah lembut, iaitu tingkahlaku yang disediakan untuk membolehkan hati orang ramai bersatu-padu dan bermesra di sekeliling beliau..... Seterusnya kita dapati dalam ayat-ayat ini dasar syura yang menjadi asas peraturan kehidupan masyarakat secara Islam, dasar ini diperintahkan pada tempat yang pada lahirnya melahirkan natijah-natijah yang pahit, di samping dasar syura juga kita dapati dasar tegas dan dasar meneruskan keazaman dengan penuh tekad selepas mengadakan syura. Dan di samping dasar syura dan dasar meneruskan keazaman, kita dapati hakikat tawakkal kepada Allah dan dengan demikian sempurnalah asas-asas berfikir, bertindak dan mengatur kehidupan masyarakat. Seterusnya kita dapat hakikat taqdir Allah dan kembalinya segala urusan kepada-Nya. Kita dapati tindakan qudrat Allah bukannya tindakan qudrat yang lain darinya yang bertindak mengendalikan peristiwa-peristiwa dan natijah-natijah yang berlaku. Kita dapati dalam ayat-ayat ini amaran Allah terhadap perbuatan khianat, perbuatan menggelap harta rampasan perang dan perasaan tamak kepada harta rampasan. Kita dapati Al-Qur'an mengemukakan perbezaan yang tegas di antara mereka yang mengikut keredhaan Allah dengan mereka yang kembali dengan kemurkaan dari Allah, dan perbezaan ini menonjolkan hakikat nilai-nilai, pertimbangan-pertimbangan, keuntungan dan kerugian. Ceraihan ayat ini di akhiri dengan menyanjung tinggi kurnia Ilahi yang besar dalam bentuk pengiriman Nabi s.a.w. kepada umat manusia, iaitu suatu kurnia yang menjadikan harta rampasan perang itu kelihatan sangat kecil di sampingnya begitu juga ia membuat penderitaan-penderitaan dan

kesusahan-kesusahan yang telah dialami mereka kelihatan kecil di sampingnya.

Semua maudhu'-maudhu' ini dibicarakan di dalam ayat-ayat yang pendek sahaja.

فِيمَا رَحِمَةً مِّنَ اللَّهِ لَئِن لَّهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ
الْقَلْبِ لَآتَفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

"Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal."(159)

Ayat-ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. ketika beliau merasa di dalam hatinya sedikit perasaan terkilan terhadap kaum Muslimin. Mereka mula-mula begitu ghairah dan bersemangat untuk keluar berperang kemudian barisan mereka berpecah dan satu pertiga dari angkatan tentera yang keluar untuk berperang tiba-tiba berpatah balik sebelum berlaku peperangan. Kemudian mereka melanggar perintah beliau apabila mereka lemah di hadapan godaan harta rampasan perang. Kemudian mereka patah semangat apabila mendengar khabar angin bahawa beliau mati terbunuh dan mereka terus mengundurkan diri menderita kekalahan. Mereka meninggalkan Rasulullah s.a.w. terencil dalam sekumpulan yang kecil dan membiarkan beliau mendapat kecederaan diserang musuh, sedangkan beliau berjuang dengan tabah dan menyeru mereka di belakang mereka yang sedang melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa pun. Ayat-ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya juga ditujukan kepada kaum Muslimin untuk menyedarkan mereka terhadap ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka. Ayat-ayat ini mengingatkan beliau juga mengingatkan mereka terhadap rahmat Allah yang wujud pada akhlak beliau yang mulia dan penuh timbangrasa dan dapat memadukan hati Muslimin di sekelilingnya. Tujuan peringatan ini untuk menggerakkan perasaan kasih sayang dan timbangrasa yang tersembunyi di dalam lubuk hatinya agar mengatasi perasaan terkilan yang dialaminya akibat tindak-tanduk yang telah dilakukan mereka, juga agar mereka benar-benar merasa hakikat ni'mat Ilahi yang mengurniakan nabi yang pengasih dan bertimbangrasa ini kepada mereka. Kemudian ayat ini menyeru beliau supaya memaafkan mereka dan memohon keampunan kepada mereka serta menyuruh beliau terus bermesyuarat dengan mereka seperti biasa dalam segala urusan mereka

tanpa terpengaruh kepada natijah-natijah yang buruk yang diterima di dalam peperangan itu dan tanpa terdorong kepada membatalkan dasar syura yang asasi dalam kehidupan Islamiyah itu.

فِيْمَا رَحِمَةً مِّنَ اللّٰهِ لِيْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظًا
الْقَلْبِ لَا تَفَضُّوْا مِنْ حَوْلِكُمْ

"Maka dengan berkat rahmat Allah engkau telah bersikap lemah-lembut terhadap mereka dan andainya engkau bersikap kasar dan keras hati tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu."

Ciri-ciri Peribadi Rasulullah

Itulah rahmat Allah yang telah merangkumi beliau dan merangkumi mereka. Rahmat inilah yang telah menjadikan Rasulullah s.a.w. seorang yang amat bertimbangrasa dan lemah-lembut terhadap mereka. Andainya beliau seorang yang bengis dan berhati keras tentulah orang ramai Islam tidak dapat bermesra dan berpadu perasaan di sekeliling beliau. Mereka memerlukan kepada naungan yang penuh kasih sayang, ri'ayah yang baik, senyum manis yang melapangkan dada, kemesraan yang dapat merangkumi mereka dan kesabaran yang dapat memaafkan kejahilan dan kelemahan mereka. Mereka memerlukan kepada sebuah hati yang besar yang sentiasa memberi kepada mereka dan tidak berkehendak apa-apa pemberian dari mereka, hati yang besar yang sanggup memikul masalah-masalah yang menyusahkan mereka, sedangkan segala yang menyusahkannya tidak pula menyusahkan mereka. Mereka sentiasa memperolehi darinya perhatian yang berat, ri'ayah, simpati, toleransi, kasih sayang dan kerelaan. Demikianlah sifat hati Rasulullah s.a.w. dan demikianlah cara hidup beliau dengan orang ramai. Beliau tidak pernah marah kerana kepentingan dirinya, tidak pernah merasa bosan dengan kelemahan-kelemahan manusia, tidak pernah menyimpan untuk dirinya sesuatu dari harta benda kehidupan dunia, malah segala apa yang dimiliki diberikan kepada mereka dengan penuh kemurahan hati, kesabaran, kebaikan, timbangrasa dan kasih sayangnya sentiasa merangkumi mereka. Tiada siapa yang bergaul dengannya atau melihatnya, melainkan hatinya dipenuhi kasih sayang kerana terpengaruh dengan kelimpahan jiwa beliau yang besar yang dicurahkan beliau ke atasnya.

Semuanya ini adalah rahmat dari Allah terhadap beliau dan umatnya. Al-Qur'an mengingatkan rahmat ini kepada mereka dalam suasana peperangan ini untuk menerangkan peraturan yang dikehendaki Allah S.W.T. untuk umat Muslimin:

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْاَمْرِ

"Kerana itu maafkanlah mereka, pohonkanlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan."

Dasar Syura Dalam Islam

Dengan ungkapan yang tegas "Bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan" ini, Islam menetapkan dasar ini di dalam sistem pemerintahan walaupun Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang mengendalikan teraju pemerintahan itu. Ini adalah satu nas yang tegas yang tidak memberi sebarang keraguan kepada umat Muslimin bahawa syura itu merupakan dasar asasi (pemerintahan Islam). Ia tidak boleh ditegakkan di atas dasar yang lain darinya. Adapun bentuk syura dan cara-cara untuk melaksanakannya, maka itu adalah perkara-perkara yang boleh diubahsuakan mengikut kedudukan umat Muslimin dan keadaan-keadaan hidup mereka. Segala bentuk dan segala cara yang boleh menegakkan hakikat syura - bukan bentuknya yang lahir - adalah dari Islam.

Nas ini datang selepas berlakunya hasil-hasil syura yang pada lahirnya kelihatan amat berat dan pahit, kerana pada lahirnya ia mengakibatkan berlakunya perpecahan di dalam barisan Muslimin, iaitu berlakunya perbezaan pendapat, satu kumpulan berpendapat supaya kaum Muslimin tidak keluar meninggalkan Madinah dan berkubu di sana sahaja sehingga apabila mereka diserang musuh, barulah mereka keluar memerangi mereka di muka-muka lorong, sementara satu kumpulan pula dengan penuh semangat berpendapat supaya mereka keluar menentang kedatangan kaum Musyrikin itu. Akibat perbezaan pendapat ini berlakulah perpecahan dalam barisan kaum Muslimin. Abdullah ibn Ubay ibn Salul telah membawa balik ke Madinah satu pertiga dari tentera Muslimin, sedangkan musuh di waktu itu telah berada di muka pintu. Ini adalah satu perkembangan yang amat berat dan satu perpecahan yang menakutkan. Begitu juga ternyata bahawa strategi perang yang dilaksanakan itu pada lahirnya bukanlah merupakan satu strategi yang paling selamat dari segi ketenteraan, kerana strategi itu bertentangan dengan cara-cara yang terdahulu di dalam mempertahankan Madinah sebagaimana telah dikatakan oleh Abdullah ibn Ubay dan orang-orang Islam telah menggunakan cara yang sebaliknya di dalam Peperangan Ahzab yang berlaku selepas itu, iaitu mereka tetap bertahan di Madinah dan menggali parit. Mereka tidak keluar menentang musuh setelah mengambil pengajaran yang diterima mereka di dalam Peperangan Uhud.

Rasulullah s.a.w. bukanlah tidak mengetahui langsung tentang akibat-akibat yang berat yang akan menimpa barisan kaum Muslimin kerana tindakan mereka keluar berperang di luar Madinah itu. Beliau telah mendapat pertanda-pertanda dari mimpinya yang benar yang telah dilihat olehnya, iaitu mimpi yang beliau tahu sejauh mana benarnya. Beliau telah menta'birkan mimpinya itu dengan kematian seorang keluarganya dan kematian sekumpulan sahabatnya dan menta'birkan Madinah sebagai perisai yang teguh. Rasulullah s.a.w. memang berhak

membatalkan keputusan syura itu, tetapi beliau teruskan juga keputusan itu walaupun beliau mengetahui wujudnya penderitaan-penderitaan, kerugian-kerugian dan pengorbanan-pengorbanan di sebaliknya, kerana menegakkan dasar syura dan mengajar jama'ah Muslimin dan mendidik umat Muslimin adalah lebih penting dari kerugian-kerugian yang bersifat sementara.

Kepimpinan Nabawiyah memang berhak membuang seluruh dasar syura selepas peperangan itu, iaitu setelah berlakunya perpecahan barisan Muslimin dalam suasana yang paling genting dan setelah berlakunya akibat-akibat yang pahit setamatnya peperangan itu, tetapi Islam adalah berfungsi untuk mewujudkan dan mendidik umat Muslimin dan menyediakannya untuk memimpin umat manusia, dan Allah mengetahui bahawa sebaik-baik cara mendidik umat dan menyediakan mereka untuk memegang teraju kepimpinan yang betul ialah mendidik mereka dengan syura dan dengan latihan memikul tanggungjawab dan meluangkan mereka membuat kesilapan walaupun kesilapan itu besar dan membawa akibat-akibat yang pahit supaya mereka mengetahui bagaimana hendak membetulkan kesilapan mereka dan bagaimana memikul tanggungjawab dari pendapat dan tindak-tanduk mereka. Mereka tidak dapat mempelajari sesuatu yang betul melainkan apabila mereka telah melakukan kesilapan-kesilapan. Kerugian-kerugian itu tidak penting jika hasilnya boleh melahirkan satu umat yang terlatih, faham dan bertanggungjawab. Mengelakkan kesilapan-kesilapan, kegelinciran-kegelinciran dan kerugian-kerugian dalam kehidupan sesuatu umat itu tidak memberi apa-apa keuntungan kepada mereka, jika hasil dari pengelakan itu terus menjadikan umat itu lemah seperti kanak-kanak kecil di bawah jagaan. Di dalam keadaan ini mereka berjaya menghindarkan diri dari kerugian-kerugian kebendaan dan berjaya mencapai keuntungan-keuntungan kebendaan, tetapi mereka kerugian diri sendiri, kerugian dari segi kewujudan dan didikan diri mereka dan kerugian dari segi latihan menghadapi realiti kehidupan. Mereka sama seperti kanak-kanak yang dilarang berjalan - umpamanya - untuk menghindari kegelinciran, jatuh rebah dan berjalan tidak tentu arah atau untuk mengelak dari memakai kasut.

Kewujudan Kepimpinan Yang Matang Tidak Boleh Menggantikan Sistem Syura

Islam berusaha untuk mewujudkan dan mendidik umat Muslimin dan menyediakan mereka untuk memegang teraju kepimpinan yang betul. Oleh sebab itu kematangan akal fikiran umat ini pastilah disempurnakan. Jagaan dan kawalan terhadap pergerakan mereka di dalam realiti kehidupan amali mereka pastilah dihapuskan supaya mereka terlatih dengan cara hidup yang seperti ini semasa hayat Rasulullah s.a.w. dan di bawah penyeliaan beliau. Andainya kewujudan kepimpinan yang betul itu boleh menghalang dasar syura dan boleh

menghalang umat itu dari dilatih dengan dasar ini secara amali dalam urusan yang paling penting - seperti Peperangan Uhud yang mungkin menentukan nasib terakhir umat Muslimin, sedangkan mereka satu umat yang kecil yang dilingkungi permusuhan-permusuhan dan bahaya-bahaya dari segenap sudut - dan menghalalkan pihak kepimpinan mengendalikan urusan yang penting itu secara persendirian sahaja - andainya kewujudan kepimpinan yang matang dalam kalangan umat Muslimin itu sudah mencukupi dan boleh menggantikan tempat syura dalam urusan-urusan yang paling penting tentulah kewujudan Muhammad s.a.w. di samping wahyu dari Allah S.W.T. yang ada bersama beliau sudah cukup untuk meniadakan hak syura bagi kaum Muslimin pada hari itu terutama memandangkan kepada akibat-akibat yang pahit yang telah dialami mereka di dalam suasana-suasana peperangan yang merbahaya kepada pertumbuhan umat Muslimin, tetapi kewujudan Muhammad s.a.w. di samping wahyu Allah yang ada bersama beliau dan di samping berlakunya peristiwa-peristiwa perpecahan dan wujudnya suasana-suasana perang yang merbahaya itu sama sekali tidak dapat menghapuskan hak syura itu, kerana Allah S.W.T. mengetahui bahawa dasar syura itu pastilah diamalkan dalam urusan-urusan yang amat penting biar apapun akibat-akibatnya, biar apa pun kerugian yang dihasilkannya, biar pun ia memecahkan barisan, biar bagaimana pahit sekalipun pengorbanan-pengorbanannya dan biar bagaimana besar kemerbahayaan yang disebabkan olehnya, kerana semuanya ini merupakan persoalan-persoalan kecil yang tidak menjadi batu penghalang di hadapan pertumbuhan satu umat yang matang, terlatih dalam kehidupan dan memahami tanggungjawab fikiran dan tindakan, satu umat yang sedar terhadap akibat-akibat fikiran dan tindakan. Dari sinilah datang perintah Ilahi yang berikut serentak dalam waktu yang sama:

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

"Kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan"

untuk menegakkan dasar syura dalam menghadapi keadaan yang paling bahaya yang timbul akibat menggunakan dasar itu dan untuk menegakkan di dalam kehidupan umat Muslimin walau bagaimana sekalipun bahaya yang berlaku semasa mengamalkannya dan seterusnya untuk menggugurkan alasan yang lemah yang ditimbulkan dengan tujuan kerana hendak menghapuskan dasar syura dalam kehidupan umat Muslimin sebaik sahaja berlaku akibat-akibat yang buruk dari pelaksanaan dasar itu walaupun dalam bentuk perpecahan dalam barisan Muslimin sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud ketika musuh sedang berada di pintu, kerana kewujudan umat yang matang adalah bergantung kepada dasar ini dan kewujudan umat yang matang itu adalah lebih penting dari segala kerugian yang lain yang berlaku di tengah jalan.

Tetapi gambaran haqiqi sistem Islam belum lagi sempurna sehingga kita terus ikuti baki ayat yang berikut, di mana kita dapati bahawa syura itu sama sekali tidak berakhir dengan keadaan terumbang-ambing dan terhalang dan syura juga tidak terkaya dari tawakkal kepada Allah pada akhir perjalanan:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾
 "Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal." (159)

Garis Panduan Mengamalkan Dasar Syura

Tugas syura ialah memeriksa pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan dan memilih salah satu dari pandangan-pandangan yang dikemukakan itu. Apabila sampai ke tahap ini, maka berakhirilah peranan syura dan tiba pula peranan pelaksanaan, iaitu melaksanakan keputusan syura dengan tegas dan penuh azam serta bertawakkal kepada Allah. Di sini ia menghubungkan urusan itu dengan taqdir Allah dan menyerahkan kepada kehendak Allah mengaturkan akibat-akibatnya mengikut bagaimana yang dikehendaki oleh-Nya.

Sebagaimana Nabi s.a.w. telah menyampaikan pelajaran nabawi rabbaninya yang pertama ketika beliau mengajar dasar syura dan cara mengemukakan pandangan dan pendapat kepada umat Muslimin, juga mengajar kesanggupan memikul tanggungjawab melaksanakan dasar syura dalam urusan-urusan yang amat penting dan besar, begitu juga beliau telah menyampaikan pelajarannya yang kedua, iaitu pelajaran melaksanakan keputusan syura dan bertawakkal kepada Allah dan menyerahkan diri kepada taqdir-Nya. Kerana itu beliau terus bertindak melaksanakan keputusan keluar berperang di luar Madinah itu dan masuk ke dalam rumahnya memakai baju besinya dan ketika itu beliau benar-benar tahu ke mana beliau akan pergi dan apakah penderitaan-penderitaan dan pengorbanan-pengorbanan yang menunggu beliau dan para sahabatnya.... Dan sehingga ketika terbuka peluang yang lain, di mana para sahabatnya yang ghairah mahu keluar itu tiba-tiba merasa ragu-ragu dan bimbang bahawa mereka telah memaksa beliau dengan keputusan yang tidak sukainya lalu mereka menyerahkan perkara ini kepada beliau kembali sama ada beliau hendak keluar atau tinggal bertahan di Madinah.... Sehingga ketika terbuka peluang ini beliau tidak juga mengambil kesempatan untuk berpatah balik, kerana beliau mahu mengajar satu pelajaran yang lengkap kepada mereka, iaitu pelajaran syura kemudian keazaman melaksanakan keputusan syura dengan bertawakkal kepada Allah dan menyerah diri kepada taqdir-Nya. Beliau mahu mengajar mereka bahawa syura itu ada waktunya dan selepas syura tidak ada lagi waktu untuk ragu-ragu, untuk bersikap terumbang-ambing dan kembali semula menimbang pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran yang telah dipertimbangkan itu

kerana perbuatan ini akan membawa kepada kelumpuhan, keadaan negatif dan keterumbang-ambing yang tidak habis-habis. Malah prosesnya yang betul ialah mula-mula cadangan kemudian syura kemudian keputusan kemudian pelaksanaan keputusan dengan penuh tekad dan keazaman dan bertawakkal kepada Allah inilah sikap yang dikasihi Allah:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾
 "Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang bertawakkal." (159)

Sifat yang dikasihi Allah itulah sifat yang seharusnya diberi perhatian yang berat oleh orang-orang yang beriman, malah itulah sifat yang membezakan orang-orang yang beriman. Sikap bertawakkal kepada Allah dan memulangkan segala urusan pada akhirnya kepada Allah merupakan garis imbalan terakhir dalam pandangan dan kefahaman Islam dan di dalam kehidupan Islam. Inilah cara berinteraksi dengan hakikat yang agung, bahawa segala urusan itu kembali kepada Allah dan Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Inilah salah satu pelajaran yang besar dari Peperangan Uhud dan pelajaran ini menjadi modal umat Muslimin bagi seluruh generasinya, bukannya modal bagi satu generasi dalam sesuatu zaman yang tertentu sahaja.

Hakikat Tawakkal Kepada Allah

Untuk menjelaskan hakikat tawakkal kepada Allah dan menegakkannya di atas asas-asasnya yang teguh, maka ayat yang berikut menjelaskan bahawa kekuatan yang bertindak dalam kemenangan dan kekalahan itu ialah kekuatan Allah. Oleh itu dari kekuatan Allahlah dicari kemenangan dan perlindungan dari kekalahan dan kepada kekuatan inilah kita bertawajjuh dan di atas kekuatan inilah kita bertawakkal selepas menyediakan segala peralatan dan mencuci tangan dari akibat-akibat serta menggantungkan akibat-akibat itu kepada taqdir-taqdir Allah:

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

"Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah lagi yang dapat menolong kamu selain dari Allah. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah." (160)

Kefahaman dan pandangan Islam mempunyai sifat imbalan yang sempurna di antara penentuan kuasa penciptaan mutlak kepada taqdir Allah S.W.T. dengan pelaksanaan taqdir Allah di dalam kehidupan manusia

melalui kegiatan, ciptaan dan kerja-kerja mereka. Sunnatullah itu berlangsung dengan mengaturkan natijah-natijah mengikut sebab-sebabnya, tetapi sebab-sebab itu sendiri bukanlah yang berkuasa melahirkan natijah-natijah itu, kerana pencipta yang berkuasa ialah Allah. Allah mengaturkan natijah-natijah mengikut sebab-sebab dengan perencanaan dan taqdir-Nya, dengan kehendak dan masyi'ah-Nya. Oleh sebab itu Allah menuntut manusia menunaikan kewajibannya, berusaha sedaya-upayanya dan menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawab, dan sejauh mana ia menunaikan semuanya itu, maka sejauh itulah Allah mengatur dan melahirkan natijah-natijahnya. Demikianlah natijah-natijah dan akibat-akibat itu tetap bergantung dengan masyi'ah dan taqdir Allah dan Dialah sahaja yang berkuasa membenarkan natijah-natijah dan akibat-akibat itu muncul ke alam al-wujud apabila dikehendaki-Nya dan mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Demikianlah wujudnya imbalan di antara kefahaman seorang Muslim dengan tindakannya; ia bertindak, bekerja dan berusaha sedaya upaya, tetapi ia bergantung kepada taqdir dan masyi'ah Allah dalam hasil kerja dan usahanya. Tidak ada kepastian di antara natijah-natijah dan sebab-sebab di dalam kefahamannya. Dia tidak memastikan sesuatu ke atas Allah.

Di sini di dalam persoalan kemenangan dan kekalahan - sebagai natijah peperangan - Al-Qur'an mengembalikan kaum Muslimin kepada taqdir dan masyi'ah Allah dan menggantungkan mereka dengan iradat dan qudrat Allah, iaitu jika Allah menolong mereka, maka tiada siapa yang berkuasa mengalahkan mereka dan jika Allah menggagalkan mereka, maka tiada siapa yang sanggup menolong mereka. Itulah hakikat yang semesta/kulli yang mutlak di alam al-wujud ini. Di sana tiada kekuatan yang haqiqi melainkan kekuatan Allah, tiada qudrat yang haqiqi melainkan qudrat Allah dan tiada masyi'ah yang haqiqi melainkan masyi'ah Allah dan dari masyi'ah ini lahirnya segala benda dan segala peristiwa, tetapi hakikat semesta yang mutlak ini tidak membebaskan orang-orang Islam dari mengikut peraturan agama Allah, dari menta'ati perintah-perintah dan arahan-arahan Allah, dari memikul tugas-tugas tanggungjawab, dari berusaha sedaya upaya dan dari bertawakkal kepada Allah selepas melakukan kewajiban-kewajiban itu:

وَعَلَى اللَّهِ فَائْتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

"Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertawakkal kepada Allah." (160)

Dengan tawakkal ini bersihlah kefahaman seorang Muslim dari fikiran hendak mencari sesuatu pada yang lain dari Allah dan berhubunglah hatinya secara langsung dengan kekuatan pencipta yang sebenar yang bertindak di alam al-wujud. Dan dengan ini dapatlah ia membebaskan dirinya dari segala bayangan palsu dan sebab-sebab yang karut yang kononnya berkuasa memberi pertolongan dan

perlindungan. Dia tetap bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang berkuasa melahirkan natijah-natijah, menentukan nasib kesudahan, mengaturkan segala urusan dengan hikmat kebijaksanaan-Nya dan dia tetap menerima apa sahaja yang dibawa oleh taqdir Allah dengan tenang dan tenteram.

Itulah satu imbalan yang amat menarik, yang tidak pernah dikenali hati manusia melainkan di dalam Islam.

Kemudian Al-Qur'an kembali berbicara tentang nubuwwah dan ciri-ciri akhlakunya supaya dari paksi ini dapat ditarik tali-tali bimbingan supaya bersifat amanah dan tidak menggelapkan harta rampasan perang dan peringatan terhadap hisab Allah dan balasan yang sempurna tanpa sebarang penganiayaan:

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يُغْلُ وَمَنْ يُغْلُ يَأْتِ بِمَا غَلَّ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

"Tidak mungkin bagi seorang nabi menggelapkan harta rampasan perang dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiyai." (161)

Isu Pecah Amanah

Di antara sebab-sebab yang membuat pasukan pemanah meninggalkan tempat pertahanan mereka di atas bukit ialah kebimbangan mereka bahawa Rasulullah s.a.w. tidak akan membahagikan harta rampasan perang kepada mereka, kebetulan setengah-setengah orang Munafiqin membuat desas-desus bahawa setengah-setengah harta rampasan Perang Badar telah hilang dan mereka tidak segan-segan membisikkan nama Rasulullah s.a.w. dalam perkara ini.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan satu penerangan yang am untuk menegaskan bahawa para Anbia' itu tidak mungkin sekali-kali menggelapkan harta rampasan perang, iaitu mengambil sesuatu dari harta rampasan perang atau membahagi-bahagikannya kepada setengah-setengah pejuang sahaja dan tidak membahagikannya kepada pejuang-pejuang yang lain atau melakukan sesuatu pengkhianatan pada harta rampasan perang:

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يُغْلُ

"Tidak mungkin bagi seorang nabi menggelapkan harta rampasan perang."

Tidak mungkin ia berbuat begitu, kerana perbuatan ini sama sekali bukan dari kelakuan dan akhlak nabi. Penafian di sini ialah penafian terhadap kemungkinan

berlakunya perbuatan yang curang itu bukannya penafian terhadap kehalalan atau keharusannya, kerana tabi'at nabi yang amanah, adil dan jujur tidak mungkin sama sekali berlaku perbuatan menggelapkan harta rampasan perang itu. Dalam satu bacaan yang lain ia dibaca "يُغْنُ" dengan bina majhul dengan makna tidak harus dikhianati dan tidak pula harus disembunyikan sesuatu darinya oleh para pengikutnya. Jadi mengikut bacaan ini tujuan ini ialah melarang mengkhianati nabi dalam apa perkara sahaja, dan pengertian ini sesuai dengan bahagian yang kedua ayat ini. Inilah bacaan al-Hassan al-Basri.

Kemudian Al-Qur'an mengancam orang-orang yang menggelap dan menyembunyikan harta awam atau harta rampasan perang dengan ancaman yang menakutkan:

وَمَنْ يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

"Dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang, nescaya dia akan membawa bersamanya pada hari Qiamat segala sesuatu yang digelapkannya. Kemudian setiap orang akan dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiayai." (161)

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan katanya: Kami telah diceritakan oleh Suffian dari az-Zuhri bahawa dia mendengar 'Urwah berkata: Kami telah diceritakan Abu Humayd as-Sa'di katanya: Rasulullah s.a.w. telah melantik seorang lelaki dari suku al-Azd yang dipanggil Ibnul-Latibah sebagai 'amil sedekah (zakat) lalu dia datang dan berkata: "Yang ini untuk kamu dan yang ini hadiah orang untuk saya." Lalu Rasulullah s.a.w. berdiri di atas mimbar dan berucap:

ما بال العامل نبعثه على عمل فيقول: هذا لكم وهذا أهدي إلي. أفلا جلس في بيت أبيه وأمه فينظر أيهدى إليه أم لا؟ والذية نفس محمد بيده، لا يأتي أحدكم منها بشيء إلا جاء به يوم القيامة على رقبته، وإن بعيراً له رغاء، أو بقرة لها خوار، أو شاة تيعر.

"Mengapa ada 'amil yang kami hantar untuk menguruskan kerja (memungut zakat) kemudian dia berkata: 'Yang ini untuk kamu dan yang ini hadiah orang untuk saya'. Mengapa dia tidak duduk di rumah bapanya dan ibunya supaya ia dapat melihat adakah orang datang memberi hadiah kepadanya atau tidak? Demi Allah yang nyawa Muhammad berada di tangan-Nya, tiada seseorang dari kamu yang mengambil sesuatu dari hadiah yang tidak sebenar itu melainkan dia akan memikulkannya di atas tengkuknya pada hari Qiamat dan jika yang diambilnya itu unta, maka ia akan menguak, atau yang diambilnya itu lembu, maka ia akan bertebuh atau yang diambilnya itu biri-biri maka ia akan membebek."

Kemudian beliau mengangkat kedua tangannya sehingga kami nampak putih dua ketiakya kemudian beliau berdo'a:

اللهم هل بلغت؟ - ثلاثاً - واخرجه الشيخان

"Ya Allah! Adakah aku telah menyampaikan?" tiga kali.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan isnadnya dari Abu Hurayrah katanya: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. telah berdiri dalam kalangan kami lalu menyebut tentang perbuatan menggelapkan harta rampasan perang. Beliau membesar-besarkan dan memandang berat kepada perbuatan itu kemudian beliau bersabda:

لا الفين أحدكم يحيى يوم القيامة على رقبته بغير له رغاء، فيقول: يا رسول الله أغثني. فأقول: لا أملك لك من الله شيئاً قد بلغتك. لا الفين أحدكم يحيى يوم القيامة على رقبته فرس لها حمحة، فيقول: يا رسول الله أغثني. فأقول: لا أملك لك من الله شيئاً قد بلغتك. لا الفين أحدكم يحيى يوم القيامة على رقبته صامت. فيقول: يا رسول الله أغثني. فأقول: لا أملك لك من الله شيئاً قد بلغتك - واخرجه الشيخان من حديث أبي حيان.

"Sesungguhnya aku tidak mahu menemui seorang dari kamu datang pada hari Qiamat memikul di atas tengkuknya seekor unta yang menguak-nguak lalu dia berkata kepadaku: Wahai Rasulullah! Tolonglah saya! Aku jawab: Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menolong engkau dan aku telah pun menyampaikan perkara ini kepada engkau. Sesungguhnya aku tidak mahu menemui lagi seorang dari kamu datang pada hari Qiamat memikul di atas tengkuknya seekor kuda yang menjerit-jerit lalu dia berkata kepadaku: Wahai Rasulullah! Tolonglah saya! Aku jawab: Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menolong engkau dan aku telah pun menyampaikan perkara ini kepada engkau. Sesungguhnya aku tidak mahu menemui lagi seorang dari kamu datang pada hari Qiamat memikul di atas tengkuknya emas dan perak yang bungkam lalu dia berkata kepadaku: Wahai Rasulullah! Tolonglah saya! Aku jawab: Aku tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menolong engkau dan aku telah pun menyampaikan perkara ini kepada engkau."

Al-Imam Ahmad meriwayatkan pula dengan isnadnya dari Adi ibn 'Umayrah al-Kindi katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

يا ايها الناس من عمل لنا منكم عملاً. فكتمنا منه خيطاً فما فوقه فهو، غل يأتي به يوم القيامة.

"Wahai manusia! Sesiapa dari kamu yang dilantik menguruskan sesuatu kerja untuk kami lalu dia menyembunyikan kepada kami sebatang jarum darinya atau lebih kecil lagi, maka itulah barang gelap (curi) yang akan dibawanya pada hari Qiamat."

Ujar 'Adi lalu seorang lelaki hitam dari orang-orang Ansar bangkit berdiri - Kata Mujahid: Itulah Sa'd ibn 'Ubadah seolah-olah saya masih ternampak-nampaknya - lalu berkata: "Wahai Rasulullah: Terimalah kembali dariku kerja engkau." Jawab

beliau: "Mengapa?" Katanya: "Kerana aku dengar engkau berkata begini begini." Jawab beliau:

وَأَنَا أَقُولُ ذَلِكَ الْآنَ، مِنْ اسْتَعْمَلَنَاهُ عَلَى عَمَلٍ فَلِيَجِيءَ
بِقَلِيلِهِ وَكَثِيرِهِ. فَمَا أُوتِيَ مِنْهُ أَخَذَهُ، وَمَا نَهِيَ عَنْهُ أَنْتَهَى.

"Dan sekarang juga aku berkata begitu, iaitu sesiapa yang kami lantikkannya menguruskan sesuatu kerja, maka hendaklah membawanya sama ada yang sedikit atau yang banyak dan sesuatu yang diberi kepadanya boleh dia ambil dan sesuatu yang ditegahkan darinya hendaklah dia tahankan dirinya."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud dari beberapa saluran dari Ismail ibn Abi Rafi).

Ayat Al-Qur'an yang mulia ini dan hadith-hadith nabi telah membawa sebaik-baik kesan dalam mendidik kelompok Muslimin itu dan mendatangkan hasil yang amat menarik. Ia telah berjaya melahirkan satu kelompok manusia yang bersifat amanah, jujur dan segan melakukan segala bentuk perbuatan menggelap dan menyembunyikan harta rampasan perang yang tidak pernah berlaku di dalam kelompok manusia yang lain. Pernah seseorang dari mereka mendapat harta rampasan perang yang amat berharga tanpa dilihat oleh sesiapa pun, namun ia tetap membawa harta rampasan itu kepada ketua pasukannya tanpa berangan-angan untuk mengambil sesuatu darinya kerana takut termasuk di bawah ancaman Al-Qur'an itu dan takut menemui nabinya dengan keadaan yang amat memalu pada hari Qiamat kelak sebagaimana yang telah diperingati beliau. Inilah hakikat yang dihayati oleh seorang Muslim. Ia melihat Akhirat di dalam hatinya dan melihat dirinya di hadapan nabinya dan di hadapan Tuhannya. Oleh sebab itulah ia memelihara dirinya dan bimbang berada dalam keadaan yang memalukan itu. Inilah rahsia taqwanya dan ketakutannya kepada Allah dan rahsia keenggannya (melakukan perbuatan-perbuatan yang salah). Dia memandang Akhirat sebagai hakikat yang dihayatinya bukannya sebagai suatu janji yang jauh. Dia yakin dan tidak pernah ragu-ragu bahawa setiap orang akan mendapat balasan yang sempurna dari segala perbuatan yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiyai.

Ibn Jarir at-Tabari telah menceritakan di dalam sejarahnya, katanya: Apabila tentera-tentera Muslimin berhenti di al-Mada'in dan mengumpul harta-harta rampasan yang belum dibahagi tiba-tiba datang seorang tentera membawa suatu harta rampasan bersamanya dan menyerahkannya kepada penjaga harta rampasan lalu penjaga dan orang yang bersama dengannya berkata: "Kami tidak pernah melihat harta yang berharga seperti ini. Segala harta rampasan yang ada pada kami tidak senilai dengannya dan tidak pula hampir senilai dengannya". Kemudian mereka berkata lagi: "Adakah awak mengambil sesuatu darinya?" jawab tentera itu: "Demi Allah, jika tidak kerana Allah aku tidak menyerahkannya kepada kamu." Kini mereka sedar bahawa tentera ini adalah seorang yang mempunyai sifat yang tinggi lalu

mereka bertanya, "Awak siapa?" Dia menjawab: "Tidak, demi Allah, saya tidak akan menceritakan nama saya kepada kamu supaya kamu memuji saya dan tidak pula kepada orang-orang lain dari kamu supaya mereka memberi sanjungan yang tinggi kepada saya, tetapi saya bersyukur kepada Allah dan berpuas hati dengan pahala dan balasan-Nya. Kemudian mereka menghantarkan seorang lelaki yang lain mengikutinya hingga sampai kepada sahabat-sahabatnya lalu ia bertanya mereka, tentang lelaki itu dan dapat mengetahui bahawa lelaki itu ialah 'Amir bin Abd Qays.⁶

Selepas penaklukan bandar al-Qadisiyah, harta-harta rampasan perang telah dibawa kepada Umar r.a. termasuk mahkota Kiswa dan balairongnya yang tidak ternilai harganya. Umar r.a. melihat apa yang dibawa oleh tentera itu dengan penuh gembira dan berkata: "Tentera-tentera yang membawa harta-harta ini kepada pemerintah mereka adalah bersifat jujur dan amanah belaka".

Demikianlah Islam telah mendidik kaum Muslimin dengan didikan yang mengagumkan, yang mana cerita-ceritanya hampir-hampir dikira sebagai dongeng.

Kemudian Al-Qur'an - ketika memperkatakan tentang harta rampasan perang* dan perbuatan menggelapkannya - menimbangkan di antara nilai-nilai harta rampasan perang dan nilai-nilai yang haqiqi yang layak diberi perhatian dan difikirkan oleh hati yang Mu'min.

أَفَمَنْ أَتَّبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمَنْ بَاءَ بِسَخَطٍ مِنَ اللَّهِ
وَمَا أُولَئِهِ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾
هُمُ دَرَجَاتٌ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ بِصِعْرٍ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٣﴾

"Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.(162) Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(163)

Itulah perpindahan yang membuat harta-harta rampasan perang itu kelihatan begitu kecil di samping membuat usaha memikirkan harta benda dunia itu juga kelihatan sangat kecil dan remeh. Ia merupakan satu sentuhan dari sentuhan-sentuhan cara Al-Qur'an yang menarik di dalam mendidik hati manusia dan mempertingkatkan minat dan cita-cita mereka serta meluaskan untuk pandangan mereka dan mendorong mereka kepada perlumbaan yang sebenar di medan yang tulen.

أَفَمَنْ أَتَّبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمَنْ بَاءَ بِسَخَطٍ مِنَ اللَّهِ

⁶ Tarikh at-Tabari, Juzu' 4, m.s. 16

وَمَا أُولَٰئِكَ بِجَنَّتِمْ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

"Apakah orang yang mengikut keredhaan-Nya sama dengan orang yang kelak kembali dengan kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali." (162)

Inilah nilai-nilai, inilah bidang-bidang ketamakan dan pilihan. Inilah medan keuntungan dan kerugian. Dan amatlah jauh perbezaan di antara mereka yang mengikut keredhaan Allah dan mencapainya dengan mereka yang pulang dengan kemurkaan Allah menuju ke Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kembali.

Perbezaan di antara dua darjah adalah amat jauh.

هُم دَرَجَاتٌ عِنْدَ اللَّهِ

"Mereka mempunyai darjah-darjah yang tinggi di sisi Allah."

Dan setiap orang masing-masing mendapat darjatnya mengikut kewajaran yang terhak kepadanya. Di sana tidak ada sebarang penganiayaan, tidak ada pilih kasih dan tiada pembalasan yang diberi secara sembarangan.

وَاللَّهُ بِصِرِّهِمْ بَاطِنٌ ﴿١٦٣﴾

"Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka." (163)

Kemudian ceraihan ini diakhiri dengan merujukkan semula kepada paksi asalnya iaitu peribadi Rasulullah s.a.w. dan risalahnya dan kebesaran ni'mat ini kepada para Mu'minin:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن

قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata." (164)

Hakikat Kerasulan Yang Agung

Pengakhiran ceraihan ini dengan menyebut hakikat yang agung ini, iaitu hakikat Rasulullah s.a.w. dan nilainya yang tersendiri. Ia merupakan ni'mat Ilahi yang amat besar yang disempurnakan Allah dengannya. Ia mempunyai peranan (yang amat besar) dalam membentuk umat Muslimin, dalam mengajar, mendidik dan memimpin mereka dan seterusnya dalam memindahkan mereka dari kesesatan yang

terang-terang kepada ilmu pengetahuan, hikmat dan kebersihan. Pengakhiran ini mengandungi berbagai-bagai sentuhan Al-Qur'an yang mendalam.

Mula-mula hakikat ini disebut sebagai ekor dari persoalan harta rampasan dan perbuatan menggelap atau menyorokkannya sebelum dibahagi dan sikap mereka yang memberi perhatian yang berat kepada persoalan yang kecil ini, dan sikap inilah yang menjadi sebab secara langsung yang mengubah keadaan di dalam peperangan itu. Ia menukarkan kemenangan dengan kekalahan dan menyebabkan tentera Muslimin menderita kerugian jiwa dan mengalami kecederaan-kecederaan yang teruk. Oleh itu dengan menyebut hakikat kerasulan yang agung ini dan ni'mat yang amat besar yang terkandung dalam kerasulan itu merupakan satu sentuhan yang amat mendalam dari sentuhan-sentuhan tarbiyah Al-Qur'an yang unik. Dengan sentuhan ini seluruh harta rampasan di bumi dan harta benda dunia kelihatan kecil dan remeh-temeh belaka, tidak layak disebut dan tidak mempunyai nilai. Semuanya menjadi sesuatu yang segan dan malu disebut oleh orang yang beriman, malah malu difikirkan olehnya apatah lagi hendak diberi perhatian yang berat.

Kemudian hakikat ini disebut sekali lagi ketika berbicara tentang kekalahan, kecederaan-kecederaan, kesakitan dan kerugian-kerugian yang telah menimpa tentera-tentera Muslimin di dalam peperangan itu. Menyebut hakikat yang agung itu di sini merupakan satu sentuhan yang amat mendalam dari sentuhan tarbiyah Al-Qur'an yang amat menarik. Dengan sentuhan itu segala kesakitan dan kerugian, segala kecederaan dan pengorbanan dipandang kecil belaka, sedangkan ni'mat kerasulan dipandang begitu besar dan ternampaklah bahawa limpah kurnia kerasulan itu mengatasi segala-galanya dalam kehidupan umat manusia.

Kemudian kesan-kesan ni'mat (atau hakikat yang agung ini) di dalam kehidupan umat Muslimin disebut dalam ayat yang berikut:

يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ

الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي

ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

"Yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat dan walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata." (164)

Ayat ini membayangkan perpindahan dan perubahan dari satu keadaan kepada satu keadaan, dari satu kedudukan kepada satu kedudukan, dari satu zaman ke satu zaman dan ia membuat umat Muslimin sedar bahawa di sebalik perpindahan dan perubahan itu adanya perencanaan-perencanaan dan taqdir Allah yang mahukan umat ini melaksanakan

sesuatu yang amat besar dalam sejarah bumi dan dalam kehidupan umat manusia. Dialah yang menyediakan mereka untuk memikul tugasnya yang agung ini dengan mengutuskan Rasulullah s.a.w. Oleh itu tidaklah seharusnya bagi satu umat yang mempunyai kedudukan yang setinggi ini memikirkan persoalan harta rampasan perang yang sangat kecil apabila dilihat kepada matlamat yang agung ini, juga tidak seharusnya merasa begitu cemas dan terharu terhadap pengorbanan-pengorbanan jiwa dan kecederaan-kecederaan yang sangat sedikit jika dilihat kepada tujuan yang agung ini.

Inilah beberapa sentuhan yang dapat diambil dari sebutan "ni'mat kebangkitan Rasul" yang dibangkitkan dalam rangkaian ayat ini. Kami jelaskannya secara ringkas dan umum untuk menghadapi nas Al-Qur'an sendiri yang penuh dengan berbagai-bagai saranan dan bayangan:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا
مِّنْ أَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni'mat ke atas para Mu'minin ketika Dia mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari diri mereka sendiri."

Ni'mat Kebangkitan Rasul

Adalah suatu ni'mat yang agung apabila Allah mengutuskan seorang Rasul kepada mereka dan Rasul itu pula dipilih dari golongan mereka sendiri. 'Inayah Allah Yang Maha Pemurah yang mengutuskan seorang Rasul dari sisi-Nya kepada setengah-setengah makhluk-Nya merupakan satu kurnia yang hanya terbit dari limpah kemurahan Ilahi semata-mata, iaitu satu kurnia yang tulus yang tidak dibalas sesuatu pun dari pihak manusia. Jika tidak kerana limpah kurnia ini siapakah gerangan makhluk manusia ini sehingga Allah mengingati mereka setinggi ini dan memberi 'inayah yang seberat ini kepada mereka? Siapakah mereka sehingga Allah memuliakan mereka dengan mengutuskan Rasul kepada mereka untuk membaca kepada mereka ayat-ayat-Nya dan kalimat-kalimat-Nya jika tidak kerana kurnia-Nya yang melimpah ruah tanpa hisab, tanpa sebab dan tanpa balasan.

Kurnia itu menjadi bertambah besar lagi apabila Rasul itu dipilih dari diri mereka sendiri "من انفسهم" Al-Qur'an tidak berkata: "منهم" yang bererti "dari mereka" kerana pengungkapan Al-Qur'an dengan "من انفسهم" (dari diri mereka) membawa pengertian dan saranan yang amat mendalam, kerana hubungan di antara para Mu'minin dengan Rasul ialah hubungan di antara diri dengan diri atau jiwa dengan jiwa bukan hubungan di antara individu dengan bangsa, kerana persoalan di sini bukannya persoalan Rasul itu seseorang dari mereka dan cukup begitu sahaja, malah ia lebih mendalam dan lebih tinggi dari itu lagi. Di samping itu para Mu'minin itu dapat mencapai perhubungan jiwa ke jiwa dengan Rasul itu melalui keimanan mereka. Mereka sampai ke kemuncak kemuliaan itu sebagai suatu kurnia dari

Allah kepada para Mu'minin. Jelaslah bahawa kurnia Ilahi itu berlipat ganda dalam bentuk pengirisan Rasul dan perhubungan jiwa mereka dengan jiwa Rasul dengan hubungan yang mesra ini.

Kemudian limpah kurnia Ilahi itu dapat dilihat dengan jelas dalam kesan-kesannya yang amali, iaitu di dalam jiwa mereka, kehidupan mereka dan sejarah insaniyah mereka:

يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَنُزُلِهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

"Yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan mereka dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat."

Ni'mat ini dapat dilihat dalam bidangnya yang paling besar, iaitu manusia dimuliakan Allah dengan pengirisan Rasul untuk membaca kepada mereka kalam Allah yang Maha Mulia.

يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ

"Yang membaca kepada mereka ayat-ayat Allah."

Andainya seseorang manusia memikirkan ni'mat ini sahaja tentulah ia akan kagum dan terharu sehingga ia tidak berupaya berdiri di hadapan Allah walaupun untuk menyatakan kesyukurannya dan mendirikan solat.

Andainya ia berfikir bahawa Allah Yang Maha Agung telah melimpahkan kurnia kepadanya iaitu dengan berbicara dengannya mengenai zat dan sifat-sifat-Nya yang mulia, mengenalkan kepadanya hakikat Uluhiyah dan ciri-cirinya, juga berbicara dengannya mengenai dirinya sendiri sebagai manusia, iaitu hamba yang sangat kecil dan kerdil, seterusnya mengenai hidupnya, fikiran dan perasaannya, dan mengenai gerak diamnya. Allah berbicara dengannya untuk mengajak kepada agama yang dapat menghidupkan jiwanya, membetulkan hati dan keadaannya dan kepada Syurga yang seluas langit dan bumi.

Tidakkah semuanya merupakan semata-mata limpah kurnia yang terbit dari ni'mat dan pemberian dari pengirisan Rasul?

Allah Yang Maha Agung itu adalah terkaya dan tidak berkehendak kepada semesta alam, sedangkan makhluk insan yang kerdil itulah yang sangat miskin dan berkehendak kepada limpah kurnia Allah, tetapi di sini Allahlah yang mengambil berat terhadap makhluk yang kerdil ini dan memberi sepenuh 'inayah kepadanya. Dia mengikuti insan dengan da'wah-Nya. Di sini yang kaya berbicara dengan yang miskin. Dia menyerunya dan berulang-ulang kali menyerunya.

Alangkah besar kemurahan Allah. Alangkah besar limpah kurnia-Nya yang tidak dapat dibalas dengan kesyukuran.

وَيُزَكِّيهِمْ

"Membersihkan mereka."

Yakni membersihkan hati, pemikiran dan perasaan mereka, membersihkan rumahtangga, maruah dan hubungan-hubungan mereka, membersihkan kehidupan masyarakat dan peraturan-peraturan hidup mereka, membersihkan mereka dari najis-najis syirik, kepercayaan keberhalaan, kepercayaan tahyul dan dongeng-dongeng dan kesan yang dilahirkannya di dalam kehidupan manusia dari upacara-upacara, adat-adat resam dan tradisi-tradisi yang rendah yang menjatuhkan manusia dan insaninya dan seterusnya membersihkan mereka dari noda-noda kehidupan jahiliyah yang mengotorkan perasaan, adat resam, tradisi-tradisi, nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman.

Sesungguhnya setiap jahiliyah yang ada di sekeliling mereka mempunyai kekotoran-kekotorannya, dan bangsa Arab sendiri juga mempunyai jahiliyah yang penuh dengan kekotoran.

Di antara kekotoran jahiliyah Arab ialah apa yang diceritakan oleh Ja'afar ibn Abi Talib ketika beliau mengadap Najasyi Seri Maharaja Habsyah semasa bersemuka dengan dua orang utusan Quraisy yang diutus kepada baginda supaya baginda menyerahkan kepada mereka para Muhajirin Islam yang mendapat perlindungan baginda itu. Ujar Ja'afar:

"Wahai Seri Maharaja! Kami adalah kaum jahiliyah, kami menyembah berhala, kami makan bangkai, kami melakukan perbuatan-perbuatan zina, kami memutuskan hubungan rahim, kami mengganggu jiran, yang kuat dari kami memakan yang lemah, demikianlah keadaan hidup kami sehingga Allah bangkitkan kepada kami seorang Rasul dari golongan kami sendiri, yang kami kenal keturunannya, kebenaran tutur katanya, amanahnya, kejujurannya dan kebersihan hatinya. Dia menyeru kami supaya beriman dan menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan membuang segala sembah yang lain yang kami dan datuk nenek kami sembah sebelum ini dari batu-batu dan berhala-berhala. Dia menyuruh kami bercakap benar, menunaikan amanah, menghubungkan silaturrahim, membuat hubungan kejiwaan yang baik, menahankan diri dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan dan dari menumpahkan darah. Dia melarang kami melakukan perbuatan-perbuatan zina, bercakap bohong, makan harta anak yatim dan melemparkan tuduhan zina kepada perempuan-perempuan yang baik dan muhsanah. Dia menyuruh kami menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya dengan suatu apa. Dia menyuruh kami mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan berpuasa."

Di antara kekotoran jahiliyah Arab lagi ialah apa yang diceritakan oleh Aisyah r.a. apabila beliau menerangkan jenis-jenis perhubungan di antara lelaki

dan perempuan di zaman jahiliyah. Sebagaimana tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dengan gambaran haiwaniah yang rendah dan hina ini:

"Perkahwinan di dalam jahiliyah berlaku mengikut empat cara. Satu cara perkahwinan di antaranya ialah perkahwinan biasa orang ramai hari ini iaitu: Si lelaki meminang kepada wali anak perempuan di bawah jagaannya atau anak perempuannya sendiri kemudian dia membayar mas kahwinnya dan berkahwin dengannya. Satu cara perkahwinan lagi ialah si suami berkata kepada isterinya: 'Pergilah awak kepada lelaki itu dan mintalah bersetubuh dengannya', selepas itu si suami menjauhkan diri dan sama sekali tidak bersetubuh dengan isterinya itu sehingga ternyata ia benar-benar hamil dari lelaki yang diminta bersetubuh dengannya itu. Apabila ternyata ia hamil barulah suaminya bersetubuh dengannya jika ia suka. Si suami berbuat demikian kerana ingin mewarisi kecerdasan lelaki itu. Perkahwinan ini dipanggil perkahwinan 'Minta bersetubuh'. Satu jenis perkahwinan lagi ialah sekumpulan lelaki kurang dari sepuluh orang mendatangi seorang perempuan dan semuanya bersetubuh dengannya. Apabila perempuan itu hamil dan melahirkan anak, dia akan menjemput semua lelaki itu selepas beberapa malam ia melahirkan anak itu. Tiada seorang pun dari mereka yang boleh mengelak dari hadir. Apabila mereka sekalian berkumpul, si perempuan itu akan berkata kepada mereka 'Kamu sekalian tentulah mengetahui apa yang telah dilakukan kamu, dan sekarang saya telah melahirkan anak dan anak ini ialah anak awak, wahai si anu!' Perempuan ini boleh menamakan lelaki mana sahaja yang disukai olehnya dan anak itu akan dibincang kepada lelaki itu dan dia tidak boleh menolak. Cara perkahwinan yang keempat ialah sekumpulan lelaki yang banyak mendatangi seorang perempuan yang tidak menolak siapa sahaja yang inginkannya. Mereka ialah perempuan-perempuan pelacur. Mereka menandakan rumah-rumah mereka dengan bendera-bendera. Sesiapa yang inginkan mereka ia boleh masuk ke rumah mereka dan apabila salah seorang dari mereka mengandung dan melahirkan anak, maka lelaki-lelaki itu akan berkumpul dan memanggil pakar-pakar yang pandai mengesan keturunan dan merekalah yang akan menghubungkan si anak itu kepada mana-mana lelaki yang difikir oleh mereka sebagai bapanya dan akan dibincang kepadanya dan dia tidak boleh menolak."

Maksud gambaran ini menunjukkan betapa rendahnya pemikiran manusia dan sifat kebinatangannya tidak lagi memerlukan apa-apa ulasan. Cukuplah difikirkan bagaimana seseorang suami tergamak menghantar isterinya kepada si anu untuk mendapat anak yang cerdik sama seperti ia menghantar unta betinanya atau kudanya atau binatang-binatang betina yang lain kepada binatang jantan yang tertentu untuk mendapat baka yang baik.

Cukuplah difikirkan bagaimana sekumpulan lelaki kurang dari sepuluh orang mendatangi serentak

seorang perempuan kemudian semuanya bergilir-gilir bersetubuh dengannya kemudian dia memilih salah seorang dari mereka untuk menjadi bapa kepada anak yang dilahirkannya.

Dalam gambaran perkahwinan yang keempat pula kita dapati gambaran pelacuran, di mana anak yang dilahirkan oleh pelacur itu akan dibinakan kepada mana-mana lelaki yang pernah berzina dengannya, sedangkan lelaki itu tidak memandangnya sebagai suatu keaiban dan tidak pula mengelak darinya.

Itulah lumpur jahiliyah yang telah dibersihkan orang-orang Arab darinya oleh Islam dan andainya tidak kerana Islam mereka akan terus tenggelam di dalam lumpur itu hingga ke paras dagu mereka.

Kekotoran dalam hubungan-hubungan kelamin itu hanya merupakan sebahagian dari pandangan yang rendah terhadap kaum wanita di zaman jahiliyah. Ujar al-Ustaz Abu al-Hassan an-Nadawi di dalam bukunya yang bernilai *ماذا خسر العالم باحطاط المسلمين* (Apakah Kerugian Dunia Dengan Sebab Kejatuhan Umat Muslimin):

Kedudukan Kaum Wanita Di Zaman Jahiliyah

"Kaum wanita di dalam masyarakat jahiliyah terdedah kepada kezaliman dan penindasan. Hak-haknya dimakan dan harta kekayaannya diperas. Ia dihalang dari mewarisi pusakanya. Ia dipersulitkan dari berkahwin dengan lelaki yang disukainya selepas ia dicerai atau selepas kematian suaminya.⁷ Ia menjadi bahan-bahan warisan yang dipusakai seperti barang-barang dan binatang-binatang.⁸ Dari Ibn Abbas katanya: 'Seorang lelaki apabila mati bapanya atau bapa mertuanya, maka dia lebih berhak memiliki isterinya, jika dia suka dia boleh memegangnya atau menahannya sehingga si isteri itu membayar tebusan dengan maskahwinnya atau si isteri itu mati dan dia dapat membolot hartanya'. Ujar 'Ata' ibn Rabah: 'Mengikut adat kaum jahiliyah apabila mati seorang lelaki dan meninggal isteri, maka keluarga si mati akan menahan perempuan itu untuk dikahwinkan dengan kanak-kanak mereka jika mereka besar kelak kerana tamakkan hartanya'. Ujar as-Suddi pula: Seorang lelaki di zaman jahiliyah apabila bapanya mati atau saudaranya atau anaknya dan si mati meninggal isteri, maka dilihat; jika waris si mati itu lebih dahulu mencampakkan bajunya ke atas balu itu, maka dialah yang lebih berhak mengahwininya atau mengahwinkannya dengan orang lain dan mengambil maskahwinnya, dan jika si balu itu lebih dahulu balik kepada keluarganya, maka dia lebih berhak dengan dirinya.' Perempuan di zaman jahiliyah diberi layanan yang tidak adil. Kaum lelaki dapat meni'mati hak-hak mereka sepenuhnya sedangkan kaum perempuan tidak dapat meni'mati hak-hak mereka. Maskahwin yang diberikan kepadanya diambil dan dia dipegang (dirujuk) untuk dilakukan kesusahan, penganiayaan ke

atasnya.⁹ Ia tidak dihiraukan oleh suaminya dan kadang-kadang ia ditinggal tergantung-gantung.¹⁰ Di sana terdapat makanan-makanan yang dikhususkan kepada orang-orang lelaki sahaja dan diharamkan kepada kaum perempuan¹¹ dan kaum lelaki diharuskan berkahwin seramai mana yang dikehendaki tanpa batas.¹²

"Kebencian terhadap anak-anak perempuan sampai ke tahap membunuh mereka dengan menanam hidup-hidup. Al-Haytham ibn 'Adi telah menyebut cerita dari al-Midani: Bahawa pembunuhan anak perempuan dengan penanaman hidup-hidup itu dilakukan pada semua qabilah Arab. Kadang satu yang melakukannya dan sepuluh yang lain meninggalkannya sehingga datang Islam. Sebab-sebab yang mendorong orang-orang Arab menanamkan anak-anak mereka itu adalah berbeza-beza. Di antara mereka ada yang membunuh anak-anak perempuan kerana cemburu dan takut mendapat malu kerana mereka. Ada yang membunuh anak perempuan yang biru atau hitam atau putih seperti penyakit sopak atau tempang kerana sifat-sifat itu menimbulkan anggapan sial pada mereka. Di antara mereka pula ada yang membunuh anak-anak perempuan kerana takut kepada perbelanjaan dan takut kepada kemiskinan.

"Mereka membunuh anak-anak perempuan dan menanamkan mereka hidup-hidup kadang-kadang dengan cara yang amat kejam. Kadang-kadang penanaman itu ditunda kerana si bapa berada di dalam persafiran atau sedang dalam kesibukan. Oleh sebab itu si anak yang malang itu tidak ditanam melainkan sesudah ia besar dan berakal. Mereka sendiri telah menceritakan kisah-kisah sedih penanaman itu yang telah dilakukan mereka. Setengah-setengah mereka membunuh anak perempuan mereka dengan mencampakkannya dari tempat yang tinggi".¹³

Di antara kekotoran jahiliyah - iaitu kekotoran yang menjadi pokok pangkal segala kekotoran - ialah kepercayaan syirik dan kepercayaan menyembah berhala yang rendah dan dungu sebagaimana dijelaskan oleh al-Ustaz Abu al-Hassan an-Nadawi di dalam bukunya:

Adat Menyembah Berhala

"Umat Arab telah terbenam dalam kepercayaan keberhalaan dan menyembah berhala-berhala dalam bentuk-bentuk yang amat buruk. Setiap qabilah atau setiap kawasan atau setiap bandar mempunyai berhala masing-masing, malah setiap rumah mempunyai berhala khusus untuknya. Ujar al-Kalbi:

⁹ Surah al-Baqarah (231)

¹⁰ Surah an-Nisa' (129).

¹¹ Surah al-An'am (139).

¹² Surah an-Nisa' (3).

¹³ بلوغ الأديب في أحوال العرب

⁷ Surah al-Baqarah (232).

⁸ Surah an-Nisa' (19).

'Penghuni setiap rumah di Makkah mempunyai berhala yang diletakkan di rumah untuk disembah mereka. Apabila seseorang dari mereka hendak keluar musafir, maka perbuatan akhir yang dilakukan mereka ialah mengusap-ngusap patung itu dan apabila mereka pulang dari persafiran maka tugas pertama yang dilakukan mereka ialah mengusap-ngusap patung itu juga'.¹⁴ Orang-orang Arab menyembah berhala dengan kepatuhan yang membabi buta. Di antara mereka ada yang membuat rumah berhala dan ada pula yang membuat berhala. Bagi mereka yang tidak berupaya mengadakan rumah berhala dan membuat berhala, mereka mendirikan sebiji batu di hadapan Baitil-Haram atau di hadapan tempat yang lain yang difikir elok olehnya kemudian dia akan bertawaf di sekeliling batu itu sebagaimana ia bertawaf di sekeliling Ka'bah. Batu-batu itulah yang dinamakan mereka sebagai Ansab atau batu-batu sembah¹⁵ di dalam bangunan Ka'bah itu sendiri - iaitu rumah ibadat yang dibangunkan untuk beribadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja - dan di pekarangannya terdapat tiga ratus enam puluh berhala.¹⁶ Mereka menurun beransur-ansur dari menyembah berhala-berhala dan patung-patung kepada menyembah batu-batu. Al-Bukhari meriwayatkan dari Abu Raja' al-'Ataridi katanya: Kami menyembah batu dan jika kami temui batu yang lebih baik dari batu yang ada kami campakkannya dan mengambil batu yang baru dan jika kami tidak boleh mendapat batu kami longgokkan tanah kemudian kami membawa biri-biri dan memerahkan susunya ke atas longgokan tanah itu kemudian kami bertawaf mengelilinginya'.¹⁷ Ujar al-Kalbi: 'Apabila seorang lelaki keluar musafir dan berhenti di suatu tempat, maka ia akan mengambil empat biji batu lalu memilih yang tercantik di antaranya kemudian ia jadikannya tuhan dan tiga batu yang baki lagi itu dijadikannya tungku periuknya dan apabila dia meninggalkan tempat itu maka batu itu pun ditinggalkannya'.¹⁸

"Orang-orang Arab - seperti semua umat Musyrikin yang lain di setiap zaman dan tempat - mempunyai berbagai-bagai tuhan dari malaikat-malaikat, jin dan bintang-bintang. Mereka mempercayai bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah oleh kerana itu mereka mengambil malaikat sebagai penolong-penolong mereka di sisi Allah. Mereka menyembah Malaikat dan bertawassul dengan mereka di sisi Allah. Begitu juga mereka jadikan jin sebagai sekutu-sekutu Allah. Mereka percaya kepada kuasa dan kekuatan jin dan mereka menyembah jin'.¹⁹ Ujar al-Kalbi: 'Bani Mulayh dari suku Khuza'ah

menyembah jin.²⁰ Kata Sa'id: 'Suku Himyar menyembah matahari, suku Kinanah menyembah bulan, suku Tamim menyembah Dabaran suku Lakhm dan Juzam menyembah bintang Musytari atau Jupiter, suku Tay menyembah bintang Suhayla atau Canopus, suku Qays menyembah bintang asy-Syi'ra atau bintang anjing dan suku Asad menyembah 'Utarid''.²¹

Cukuplah bagi seseorang memerhatikan gambaran kepercayaan menyembah berhala yang primitif dan kasar itu untuk mengetahui sejauh mana kekotoran yang ditimbulkannya di dalam hati, dalam kefahaman-kefahaman dan kehidupan mereka, juga untuk menyedari sejauh mana perubahan besar yang telah dilakukan oleh Islam terhadap mereka dan sejauh mana kebersihan yang telah disempurnakan Islam di dalam kefahaman-kefahaman dan kehidupan mereka. Turut terkumpul di dalam kekotoran-kekotoran ini ialah penyakit-penyakit akhlak dan penyakit-penyakit sosial yang dalam masa yang sama menjadi bahan-bahan kebanggaan yang disebut-sebut di dalam sajak-sajak mereka dan diumumkan di pasar-pasar mereka seperti minum arak, berjudi, tindakan-tindakan menuntut bela dari suku-suku yang kecil. Inilah perkara-perkara yang sentiasa menjadi sasaran perhatian mereka. Oleh sebab itu minat dan perhatian mereka tidak terangkat dari tahap kefahaman-kefahaman tempatan yang terbatas itu.

Peperangan Suku-suku Kaum Di Zaman Jahiliyah

"Peperangan dan penumpahan darah menjadi begitu mudah di sisi mereka. Mereka melakukannya dengan sebab-sebab yang kecil. Misalnya peperangan telah berlaku di antara suku Bakr dan Taghlib keduanya anak Wa'el. Dan ia berlarut-larut selama empat puluh tahun, di mana darah ditumpahakan begitu banyak. Peperangan itu berpunca kerana Kulayb ketua suku Ma'ad memanah labu susu unta al-Basus binti Munqiz menyebabkan darah unta itu bercampur dengan susunya lalu Jassas ibn Murrah membunuh Kulayb dan tercetuslah peperangan di antara Bakr dan Taghlib. Peperangan ini seperti kata al-Muhalhil saudara Kulayb: 'Menyebabkan banyak nyawa terkorban, ramai ibu yang kehilangan anak dan ramai kanak-kanak menjadi yatim, air mata tak kunjung kering dan banyak mayat yang tidak tertanam.

"Begitu juga Peperangan Dahis dan al-Ghabra'. Ia hanya berpunca kerana Dahis, kuda Qays ibn Zuhayr telah menang dalam pertarungan di antara Qays ibn Zuhayr dengan Huzayfah ibn Badar lalu kuda itu dihalang oleh Asda atas suruhan Huzayfah. Ia menampar kuda itu dan mengganggu kuda itu menyebabkan kuda itu hilang peluang kemenangannya. Kejadian ini telah diiringi dengan peristiwa pembunuhan kemudian berlakulah tindak

¹⁴ كتاب الأصنام

¹⁵ Sumber yang sama.

¹⁶ الخاتم الصحيح للبخاري

¹⁷ Sumber yang sama.

¹⁸ كتاب الأصنام

¹⁹ كتاب الأصنام

²⁰ Sumber yang sama.

²¹ Sumber yang sama.

balas menuntut bela. Di sinilah bangkit suku-suku membantu anak buah mereka, ramai di antara mereka yang ditawan. Banyak qabilah yang berpindah randah dan ribuan jiwa yang terbunuh".²²

Semuanya ini merupakan pertanda kekosongan hidup mereka dari cita-cita dan minat-minat yang tinggi yang dapat memenuhi masa mereka dari membuang tenaga mereka dalam perkara-perkara titik bengik seperti itu. Mereka tidak mempunyai sesuatu risalah yang tertentu dalam hidup mereka. Tidak mempunyai sesuatu gagasan yang tertentu untuk dikemukakan kepada manusia dan tidak mempunyai sesuatu peranan yang tertentu untuk ditunaikan kepada umat manusia supaya dapat memenuhi masa mereka dan tidak lagi terjebak dalam persoalan-persoalan remeh-temeh ini. Di sana juga tidak ada 'aqidah yang dapat membersihkan mereka dari kekotoran-kekotoran sosial yang keji ini. Apakah yang akan berlaku kepada manusia tanpa 'aqidah Ilahiyah? Apakah yang akan berlaku kepada minat-minat dan cita-cita mereka? Apakah yang akan berlaku kepada pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman mereka? Dan apakah yang akan berlaku kepada akhlak-akhlak mereka?

Jahiliyah itu tetap jahiliyah dan setiap jahiliyah mempunyai kekotoran dan kecemarannya biarpun ketika mana dan di tempat mana ia berada. Apabila hati manusia sunyi dari 'aqidah Ilahiyah yang dapat mengawal pemikiran-pemikiran mereka dan sunyi dari syari'at yang terbit dari 'aqidah yang mengawal kehidupan mereka, maka segala yang lahir dari mereka itulah jahiliyah dalam salah satu bentuknya yang banyak. Jahiliyah yang menodakan umat manusia di dalam lumpurnya tidak berbeza sifatnya dari sifat jahiliyah Arab atau jahiliyah-jahiliyah yang lain yang semasa dengan jahiliyah Arab yang wujud di merata dunia di masa itu sehingga mereka diselamatkan oleh Islam dan dibersihkannya dari mereka.

Umat Manusia Kini Hidup Di Dalam Rumah Maksiat

Umat manusia pada hari ini hidup dalam rumah maksiat yang amat besar. Sekilas pandang kepada surat-surat khabar, filem-filem, rumah-rumah fesyen, pertandingan-pertandingan ratu cantik, kabaret, kedai-kedai arak dan siaran-siaran radio (dan T.V.) mereka, sekilas pandang kepada kegilaan mereka kepada tubuh-tubuh yang bogel, pos-pos yang memberahi dan saranan-saranan yang tidak sihat di dalam sastera, seni, dan seluruh media massa mereka, di samping sistem riba dalam kehidupan ekonomi mereka yang membayangkan kegilaan kepada harta dan cara-cara yang keji untuk mengumpul dan melaburkannya, termasuk cara-cara penipuan dan penggelapan harta orang lain dengan memakai baju undang-undang.²³ Di samping wujudnya keruntuhan

akhlak dan keruntuhan sosial yang telah mengancam setiap jiwa, setiap rumahtangga, setiap sistem hidup dan setiap masyarakat insan..... Sekilas pandang sahaja sudah cukup untuk menentukan nasib kesudahan yang malang yang perlahan-lahan dituju oleh manusia yang berada di bawah naungan jahiliyah ini.

Umat manusia sedang mengalami kereputan dan kelarutan sifat-sifat insanियahnya kerana terlalu penat mengejar kepuasan nafsu haiwaniah dan dorongan-dorongan kebinatangan untuk bersama-sama haiwan di alamnya yang rendah, sedangkan haiwan lebih bersih, lebih mulia dan lebih suci dari mereka, kerana haiwan hidup dengan panduan fitrahnya yang tegas tidak bergoyang dan tidak pula busuk seperti busuknya nafsu-nafsu keinginan manusia apabila ia terlepas dari ikatan dan peraturan 'aqidah dan balik semula kepada jahiliyah yang telah Allah selamatkannya darinya, malah Allah telah membangkitkan ni'matnya kepada kaum Muslimin kerana ia telah membersihkan mereka dari kekotoran jahiliyah di dalam ayat yang mulia tadi.

وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

"Dan mengajar mereka kitab suci Al-Qur'an dan hikmat."

Revolusi Al-Qur'an

Orang-orang yang ditunjukkan ayat ini ialah orang-orang yang buta huruf dan jahil, iaitu buta pena dan buta akal. Mereka tidak mempunyai sesuatu ilmu pengetahuan yang bernilai. Mengikut ukuran pengetahuan antarabangsa dalam apa-apa bidang sekalipun. Tiba-tiba agama Islam mengubah mereka menjadi guru-guru dan pendeta-pendeta dunia, menjadi pendokong-pendokong sistem 'aqidah, sistem pemikiran, sistem kemasyarakatan dan sistem penyusunan masyarakat yang dapat menyelamatkan seluruh umat manusia dari jahiliyah mereka di zaman itu. Dan sistem ini juga sedang menunggu peranannya dalam pusingan yang akan datang - dengan izin Allah - untuk menyelamatkan umat manusia sekali lagi dari jahiliyah mereka di zaman moden, di mana terdapat segala ciri-ciri jahiliyah zaman lama dari segi budaya-budaya akhlak, budaya kemasyarakatan, pemahaman terhadap matlamat-matlamat hidup insanियah dan tujuan-tujuannya walaupun ia menempa kejayaan-kejayaan dalam bidang-bidang sains kebendaan, pengeluaran perusahaan dan kemewahan tamadun.

وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

"Walaupun sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata."(164)

Iaitu kesesatan dalam kefahaman dan kepercayaan, kesesatan di dalam konsep-konsep hidup, kesesatan dalam tujuan hidup, kesesatan dalam adat kebiasaan dan tingkahlaku, kesesatan di dalam peraturan dan undang-undang, kesesatan di dalam masyarakat dan akhlak.

²² Buku: ماذا خسّر العالم بإحطاط المسلمين

²³ Lihat pembicaraan riba' dalam juzu' yang ketiga.

Jasa Islam Kepada Umat Arab

Umat Arab yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka tidak syak lagi masih ingat kepada zaman silam kehidupan dan kedudukan mereka. Mereka tentulah insaf betapa jauhnya Islam memindahkan mereka (dari kehidupan asal mereka) dan perpindahan yang seperti ini tentulah tidak dapat dicapai oleh mereka tanpa Islam. Itulah suatu perpindahan dan perubahan yang luar biasa di dalam sejarah manusia.

Mereka tentulah insaf bahawa Islam - dan hanya Islam sahaja - yang telah berjaya memindahkan mereka dari tahap hidup kesukuan, tahap cita-cita kesukuan dan pembalasan-pembalasan dendam kesukuan kepada suatu tahap bukan sahaja mereka menjadi satu umat biasa, malah - secara mendadak dan tanpa persediaan yang memerlukan masa - menjadi satu umat yang dapat memimpin umat manusia dan menggariskan matlamat-matlamat, sistem-sistem dan peraturan-peraturan hidup mereka dalam satu bentuk yang belum pernah diketahui di dalam sejarah umat manusia yang panjang itu.

Mereka tentu sedar bahawa Islam - dan hanya Islam sahaja - yang telah memberi kewujudan kepada mereka dari segi bangsa, kewujudan dari segi politik dan kewujudan dari segi antarabangsa, dan yang lebih utama dari segala-galanya ialah kewujudan insaniah mereka, iaitu kewujudan yang meningkatkan insaniah mereka, memuliakan kemanusiaan mereka dan menegakkan sistem hidup mereka di atas penghormatan Ilahi ini, iaitu satu penghormatan yang dikurnia dan dihadihkan oleh Allah Yang Maha Mulia kepada mereka, dan selepas itu mereka telah memanjangkan pula limpah kurnia itu kepada seluruh umat manusia dan mengajar mereka bagaimana menghormati dan memuliakan "Manusia" sebagaimana dimuliakan Allah. Tidak ada umat lain yang mendahului mereka di dalam kelebihan ini sama ada di Semenanjung Tanah Arab atau di tempat-tempat yang lain. Di dalam ayat yang lepas telah disebut tentang dasar "Syura". Ini adalah sebahagian dari sistem hidup Ilahi itu dan tentulah mereka sedar bahawa dasar ini merupakan satu limpah kurnia Allah yang besar kepada mereka.

Mereka tentu sedar bahawa Islam - dan hanya Islam sahaja - yang memberikan kepada mereka suatu risalah untuk dikemukakan mereka kepada dunia dan suatu teori dan aliran pemikiran yang istimewa untuk kehidupan insaniah manusia. Satu umat itu tidak mempunyai kewujudan dalam bendang kemanusiaan yang besar kecuali ia mempunyai suatu risalah, suatu teori dan suatu aliran pemikiran yang dapat dikemukakannya kepada umat manusia untuk menolak mereka maju ke depan.

Islam dengan pandangannya terhadap alam al-wujud, dengan fikirannya terhadap hidup, dengan syari'atnya untuk mengawal masyarakat manusia,

dengan cara penyusunannya untuk mengatur kehidupan manusia, dengan sistem hidupnya yang mithali, realistik dan positif untuk menegakkan satu peraturan yang membahagiakan manusia..... Islam dengan seluruh ciri-cirinya inilah yang merupakan kad pengenalan yang telah dikemukakan oleh umat Arab kepada dunia dan dengan kad pengenalan inilah mereka telah dikenali dan dihormati dan diserahkan teraju kepimpinan kepada mereka.

Hanya kad pengenalan inilah sahaja yang dapat dibawa oleh umat Arab pada hari ini dan esok, kerana mereka tidak mempunyai suatu risalah yang lain untuk mereka memperkenalkan diri kepada dunia. Oleh itu sama ada mereka membawa kad ini yang akan menjadikan mereka dikenali dan dihormati oleh umat-umat di dunia atau mereka membuang kad ini yang akan mengakibatkan mereka kembali menjadi umat yang tidak dikenali dan tidak diakui umum.

Apakah yang dapat dikemukakan oleh umat Arab kepada umat manusia andainya ia tidak mengemukakan risalah ini kepada mereka?

Apakah mereka hendak kemukakan kepada umat manusia hasil-hasil kebijakan mereka di dalam bidang-bidang kesusasteraan, kesenian dan ilmu-ilmu pengetahuan? Sedangkan umat-umat yang lain telah pun mendahului mereka di dalam bidang-bidang ini. Umat-umat yang lain begitu ramai mempunyai tokoh-tokoh yang bijak di dalam bidang-bidang hidup yang kecil ini. Mereka tidak lagi memerlu dan tidak lagi menunggu-nunggu hasil-hasil kebijakan dari Arab di bidang-bidang hidup yang kecil seperti ini.

Apakah mereka ingin mengemukakan kepada umat manusia hasil-hasil kebijakan mereka dalam pengeluaran perindustrian yang tinggi yang menundukkan bangsa-bangsa yang lain dan menenggelamkan pasaran-pasaran dunia hingga menutupkan pengeluaran-pengeluarannya? Sedangkan umat-umat yang lain telah mendahului mereka di dalam bidang ini, malah umat-umat inilah yang memegang kemudi pimpinan di bidang ini.

Apakah mereka mahu mengemukakan kepada umat manusia satu falsafah kemasyarakatan, dan sistem-sistem ekonomi dan pengurusan dari ciptaan mereka sendiri dan dari hasil pemikiran mereka sendiri? Sedangkan dunia ini telah pun tepu dengan anekaragam falsafah, isme-isme dan sistem-sistem duniawi yang menyebabkan dunia celaka dan menderita semuanya.

Jadi apakah sebenarnya sumbangan yang mahu dikemukakan oleh umat Arab kepada umat-umat manusia yang lain supaya mereka dapat dikenali dengan sumbangan itu dan dapat diakui sebagai umat yang lebih maju, tinggi dan istimewa.

Tidak ada suatu sumbangan yang lain melainkan agama yang agung dan sistem hidup Ilahi yang unik inilah sahaja. Tiada suatu yang lain lagi kecuali ni'mat

Islam yang telah dipilih Allah untuk mereka. Dengan ni'mat inilah Allah muliakan mereka dan Allah selamatkan dengannya seluruh umat manusia di tangan mereka di suatu masa yang lampau. Dan umat manusia pada-hari ini amat memerlukan kepada agama ini kerana mereka sedang jatuh di dalam gaung kecelakaan, kebingungan kegelisahan dan kebangkrapan.

Hanya agama yang agung ini sahaja yang telah menjadi kad pengenalan yang dikemukakan mereka kepada umat manusia di zaman lampau dan membuat umat-umat itu tunduk kepada mereka. Dan hanya agama yang agung inilah juga yang dapat mereka kemukakan kepada umat manusia pada hari ini untuk menyelamatkan mereka.

Setiap umat dari umat-umat yang besar mempunyai suatu risalah yang diperjuangkannya dan umat yang paling besar memperjuangkan risalah yang paling besar dan mengemukakan sistem yang paling besar. Merekalah satu-satunya umat yang memperjuangkan setinggi-tinggi gagasan untuk membangun kehidupan manusia.

Umat Arab memang mempunyai risalah yang agung ini. Merekalah pendokong-pendokong yang asal, sedangkan bangsa-bangsa yang lain merupakan sekutu-sekutu dalam perjuangan ini. Amboi! Syaitan manakah yang memalingkan umat Arab dari modal yang amat besar ini? Syaitan mana?

Limpah kurnia Ilahi kepada umat Arab dengan kebangkitan Rasulullah s.a.w. dan dengan agama Islam ini adalah suatu limpah kurnia yang amat besar dan tiada siapa yang sanggup memalingkan umat Arab dari limpah kurnia ini melainkan syaitan, dan mereka adalah diperintah oleh Allah Tuhan mereka supaya mengusirkan syaitan itu.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 165 - 168)

Kemudian Al-Qur'an maju selangkah lagi menayangkan peristiwa-peristiwa peperangan Uhud dan membuat kesimpulannya. Di sini ia membentangkan kehairanan tentera-tentera Islam terhadap apa yang telah berlaku kepada mereka, sedangkan mereka orang Islam belaka. Ini menunjukkan bagaimana bersahajanya cara mereka berfikir pada hari itu sebelum mereka dikisar oleh batu kisar ujian dan menjadi realistik dengan ujian itu, di mana mereka menghadapi realiti perjuangan, berdepan dengan tabi'at undang-undang dan dengan keseriusan realiti yang tidak memihak kepada orang yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan dan tidak berdiri teguh bersama kesungguhan yang tegas di dalam tabi'at alam buana, dalam hayat dan dalam 'aqidah. Oleh sebab itu Allah memerintah mereka berdiri di atas tanah yang keras dan terdedah sambil menerangkan kepada mereka bahawa segala kemalangan yang telah menimpa mereka adalah hasil dari perbuatan mereka sendiri atau hasil yang tabi'i dari tindak-tanduk mereka. Namun begitu Allah tidak

meninggal mereka pada noktah ini walaupun ia merupakan satu hakikat, tetapi ia bukanlah penghabisan hakikat, malah ia menghubungkan mereka dengan taqdir-Nya di sebalik sebab-sebab dan natijah-natijah dan dengan masyi'ah-Nya yang mutlak di sebalik peraturan dan undang-undang. Di sini Allah mendedahkan kepada mereka hikmat di sebalik segala apa yang telah berlaku, juga menerangkan pentadbiran-Nya di sebalik apa yang telah berlaku itu untuk mewujudkan kebaikan kepada mereka dan kepada da'wah yang sedang diperjuangkan mereka, juga untuk melengkapkan diri mereka dengan ujian itu bagi membolehkan mereka menghadapi masa depan mereka, seterusnya untuk membersihkan hati mereka juga membersihkan barisan mereka dari anasir-anasir Munafiqin yang telah terbuka tembelang mereka di dalam peristiwa-peristiwa perang itu. Oleh itu segala urusan peperangan itu pada akhirnya adalah terpulang kepada taqdir dan tadbir Allah. Dengan penjelasan itu sempurnalah gambaran hakikat dalam kefahaman dan perasaan mereka di sebalik kenyataan Al-Qur'an yang halus dan mendalam ini.

أَوَلَمَّا أَصَبْتُمْ مُمْصِبَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِثْلَهَا
قُلْتُمْ أَنَّى هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ إِنَّ
اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾

وَمَا أَصَابَكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ فَيَا ذُنَّ اللَّهَ وَلِيَعْلَمَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٦٦﴾

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا وَقِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ
اللَّهِ أَوْ ادْفَعُوا قَالُوا لَوْ نَعْلَمُ قِتَالًا لَاتَّبَعْنَاكُمْ هُمْ
لِلْكَفْرِ يَوْمَئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ لِلْإِيمَانِ يَقُولُونَ
بِأَفْوَاهِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا
يَكْتُمُونَ ﴿١٦٧﴾

الَّذِينَ قَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُوا لَوْ أَطَاعُونَا مَا قَاتَلُوا قُلْ
فَادْرَأُوا عَنْ أَنْفُسِكُمُ الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ
صَادِقِينَ ﴿١٦٨﴾

"Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan (ke atas musuh kamu dalam Peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri

kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (165). Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman (166). Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq. Dan kepada mereka telah dikatakan: Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu pertahankan (kami). Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu. Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada keimanan. Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka (167). (Merekalah) orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka - sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang -: Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh. Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu jika kamu orang-orang yang benar."(168)

Sunnatullah Tidak Memilih Kasih

Allah telah memberi kesanggupan untuk menolong para hamba kesayangan-Nya (orang-orang Mu'min) yang menjadi pembawa panji-panji agama-Nya dan penganut-penganut 'aqidah-Nya, tetapi Allah mensyaratkan kemenangan ini dengan wujudnya kesempurnaan hakikat iman di dalam hati mereka, juga dengan kesempurnaan kehendak-kehendak keimanan di dalam kerja-kerja mengatur masyarakat dan dalam tingkahlaku mereka. Dan seterusnya dengan kesempurnaan kelengkapan perang yang disediakan sedaya upaya mereka dan dengan usaha pengorbanan yang dilakukan sekuasa mereka. Inilah Sunnatullah dan Sunnatullah tidak memilih kasih. Andainya mereka cuai dalam salah satu dari syarat-syarat itu, maka mereka harus bersedia menerima akibat dari kecuaiannya itu. Sifat mereka sebagai orang-orang Islam tidak bererti Sunnatullah itu pasti dibatalkan kerana mereka. Malah orang-orang Islam yang sebenar ialah mereka yang menyesuaikan seluruh hidup mereka dengan Sunnatullah dan berdamai dengannya dengan seluruh fitrah mereka.

Namun demikian sifat mereka sebagai orang-orang Islam tidak hilang percuma dan sia-sia begitu sahaja, kerana sifat mereka yang berserah kepada Allah, memikul panji-panji agama-Nya, bertekad untuk menta'ati-Nya dan menjunjung sistem hidup yang diatur oleh-Nya pada akhirnya dapat mengubah kesilapan-kesilapan dan kecuaiannya menjadi kebaikan dan keberkatan setelah menjalani akibat-akibatnya, iaitu pengorbanan jiwa, penderitaan dan kecederaan dan dapat menjadikan kesilapan-kesilapan dan akibat-akibatnya sebagai pelajaran-pelajaran dan pengalaman-pengalaman yang menambahkan kesucian 'aqidah, kebersihan hati dan barisan di samping melayakkan mereka untuk mencapai kemenangan yang dijanjikan Allah dan mengakhiri perjuangan mereka dengan kebaikan dan keberkatan. Kesilapan-kesilapan itu tidaklah mengusir orang-orang Islam dari naungan Allah, pemeliharaan dan

pemerhatian-Nya, malah memberi bekalan perjuangan kepada mereka biar bagaimanapun mereka menderita kesusahan, kesakitan dan kesulitan di tengah jalan perjuangan itu.

Dengan kejelasan dan ketegasan inilah Allah menghukum kelompok Muslimin dan menjawab kemusykilan dan kehairanan mereka terhadap apa yang telah berlaku, iaitu Allah mendedahkan sebab yang dekat dari tindakan-tindakan mereka dan hikmat yang jauh dari taqdir-Nya di samping menghadapi orang-orang Munafiqin dengan hikmat mati yang tidak dapat dihindari dengan tindakan berwaspada dan duduk di rumah (tidak keluar berperang):

أَوَلَمَّا أَصَبْتُمْ مُمْصِبَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِثْلَهَا
قُلْتُمْ أَنَّى هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ إِنَّ
اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾

"Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan atas musuh kamu dari Peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(165)

Yakni orang-orang Islam yang telah mengalami berbagai-bagai kesusahan di dalam Peperangan Uhud, iaitu gugurnya tujuh puluh orang para Syuhada' mereka di samping ramai yang mendapat kecederaan dan menderita kesakitan pada hari peperangan yang pahit itu..... Yakni orang-orang Islam yang terkilan kerana mengalami kemalangan-kemalangan itu, sedangkan mereka orang-orang Islam yang berjuang kerana agama Allah dan musuh-musuh mereka ialah kaum Musyrikin yang menjadi musuh Allah..... Orang-orang Islam yang terkilan itu sebenarnya sebelum ini telah berjaya menimpakan kemalangan yang seperti itu sebanyak dua kali ke atas orang-orang Musyrikin. Sekali di dalam Peperangan Badar, di mana mereka telah berjaya membunuh tujuh puluh orang pahlawan-pahlawan Quraisy dan mereka telah membunuh sebanyak itu juga di permulaan Peperangan Uhud ketika mereka mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya s.a.w. dengan jujur dan sebelum semangat perjuangan mereka lemah di hadapan godaan harta rampasan perang dan sebelum terlintas di dalam hati mereka fikiran-fikiran yang buruk yang tidak seharusnya terdetik di dalam hati orang-orang yang beriman.

Di sini Allah mengingatkan mereka dan menjawab kemusykilan mereka dengan mengembalikan segala kemalangan yang telah menimpa mereka itu kepada sebabnya yang dekat dan langsung:

قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ

"Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri."

Yakni berpunca dari diri kamu yang lemah dan berpecah-belah, diri kamu yang telah melanggar syarat Allah dan syarat Rasul-Nya s.a.w, diri kamu yang telah dirasuk perasaan tamak dan fikiran yang buruk dan diri kamu yang tidak mematuhi perintah Rasulullah dan strategi perang yang telah diatur olehnya. Apa yang kamu musykilkan berlaku kepada kamu dan merungut: Bagaimana hal ini boleh berlaku? Adalah sebenarnya berpunca dari kekalahan diri kamu sendiri. Itulah tindakan Sunnatullah ke atas kamu apabila kamu mendedahkan diri kamu kepadanya, kerana seseorang yang mendedahkan dirinya kepada Sunnatullah, maka pasti ia akan menerima tindakannya sama ada dia itu seorang Muslim atau seorang kafir dan Sunnatullah itu tetap tidak berubah kerana pilih kasih. Oleh sebab itu di antara ciri kesempurnaan keislaman seseorang ialah ia harus menyesuaikan dirinya dengan kehendak-kehendak Sunnatullah dari awal-awal lagi.

إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"*Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu.*"(165)

Taqdir Allah Berada Di Sebalik Seluruh Kejadian

Dan di antara kehendak-kehendak kekuasaan Allah ialah undang-undang dan peraturan-Nya tetap lulus dan berkuatkuasa dan segala urusan alam tetap berlaku mengikut keputusan dan iradat-Nya dan segala undang-undang dan peraturan yang menjadi asas perjalanan alam buana, perjalanan hayat dan kejadian peristiwa-peristiwa tetap tidak terhalang.

Di samping itu taqdir Allah tetap berada di sebalik seluruh kejadian itu kerana sesuatu hikmat yang dilihat oleh kebijaksanaan-Nya. Taqdir Allah selamanya berada di sebalik setiap perkara yang berlaku, di sebalik setiap gerak dan diam dan setiap cetus yang berlaku di seluruh alam buana ini.

وَمَا أَصَابَكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ فِإِذْنِ اللَّهِ

"*Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah.*"

Yakni ia tidak berlaku secara kebetulan dan tidak pula secara serampangan. Ia tidak berlaku sia-sia dan cuma-cuma, kerana setiap harakat itu dikira di dalam pelan induk alam buana ini, iaitu sebab-sebab dan natijahnya telahpun ditentukan, dan kumpulan harakat-harakat itu adalah bergerak mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang tetap yang tidak pernah berubah, terhalang dan memilih kasih. Ia bergerak untuk melahirkan hikmat yang tersembunyi di sebaliknya dan untuk menyempurnakan pelan induk alam buana.

Pandangan dan kefahaman Islam dalam persoalan ini telah sampai ke tahap kesyumulan dan keseimbangan yang tidak tercapai oleh mana-mana pandangan dan kefahaman yang lain di dalam sejarah manusia.

Di Sebalik Undang-undang Yang Tetap Terdapat Masyi'ah Allah Yang Bebas

Di sana terdapat undang-undang dan peraturan-peraturan yang tetap dan pasti dan di sebalik undang-undang dan peraturan-peraturan yang tetap dan pasti itu terdapat iradat yang berdaya cipta dan masyi'ah yang bebas dan di sebalik undang-undang, peraturan-peraturan iradat dan masyi'ah itu terdapat pula hikmat yang direncanakan dengan rapi dan segala sesuatu adalah berlegar di dalam lingkungannya. Undang-undang dan peraturan-peraturan itu berkuatkuasa dan berlaku di atas segala sesuatu termasuk insan. Oleh itu seseorang yang mendedahkan dirinya kepada undang-undang dan peraturan-peraturan ini dengan harakat-harakatnya yang spontan akan mendapat tindakan undang-undang itu yang memberi kesan kepadanya, tetapi semuanya itu adalah berlaku sesuai dengan taqdir dan masyi'ah Allah dan dalam waktu yang sama juga melahirkan hikmat dan perencanaan Allah. Iradat insan, pemikirannya, harakatnya dan daya ciptanya adalah sebahagian dari peraturan-peraturan dan undang-undang Allah. Dengannya Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya dan dengannya Allah melaksanakan apa yang hendak dilaksanakan-Nya dalam batas taqdir dan tadbir-Nya. Tiada suatu pun dari iradat manusia yang terkeluar dari peraturan-peraturan dan undang-undang Allah itu. Iradat manusia sekali-kali tidak menjadi tandingan kepada peraturan dan undang-undang itu dan tidak pula mampu menentang kuasa-kuasanya sebagaimana yang pernah difikirkan oleh orang-orang yang meletakkan iradat dan taqdir Allah dalam satu daun neraca dan meletakkan iradat manusia dan daya ciptanya dalam satu daun neraca yang sebelah lagi. Tidak! Persoalan itu tidak begini di dalam pandangan dan kefahaman Islam. Manusia bukannya tandingan Allah dan bukan pula musuh-Nya, malah sewaktu Allah S.W.T. mengurniakan kepada manusia keperibadiannya, fikirannya, iradatnya, daya perencanaannya, daya pentadbirannya dan daya ciptanya di bumi, Dia tidak jadikan sesuatu pun dari pemberian-pemberian-Nya itu bertentangan dengan undang-undang dan masyi'ah-Nya atau terkeluar dari hikmat terakhir yang wujud di sebalik taqdir dan perencanaan-Nya pada alam buana yang amat besar ini, tetapi dari undang-undang dan taqdir-Nya Allah jadikan manusia mempunyai kebolehan merencana dan mentadbir, bertindak dan memberi kesan, mendedahkan dirinya kepada Sunnatullah lalu mendapat tindakannya dan akhirnya balasan sepenuhnya dari pendedahan itu sama ada balasan kenikmatan atau keseksaan, kerehatan atau kepenatan, kebahagiaan atau kecelakaan, dan terlaksanalah di sebalik pendedahan dan natijah-natijah dari pendedahan itu taqdir Allah yang meliputi segala sesuatu dalam bentuk yang selaras dan seimbang.

Apa yang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud ini merupakan contoh kepada penjelasan kami mengenai pandangan dan kefahaman Islam yang

syamil dan sempurna. Allah telah memberitahu kepada orang-orang Islam tentang undang-undang dan peraturan-Nya dan syarat-syarat-Nya mengenai kemenangan dan kekalahan kemudian mereka telah melanggar undang-undang dan syarat-syarat-Nya menyebabkan mereka menderita kesakitan dan kecederaan, tetapi perkara itu tidak tamat setakat ini sahaja, malah di sebalik pelanggaran undang-undang dan penderitaan kesakitan itu terdapat pelaksanaan taqdir Allah iaitu membolehkan mereka membezakan orang-orang Mu'min yang sebenar dari orang-orang Munafiqin dalam barisan mereka, juga membersihkan hati mereka dan menghapuskan segala kekeliruan, dan kelemahan di dalam pandangan dan kefahaman.

Inilah suatu kebaikan yang akhirnya diterima oleh orang-orang Islam di sebalik kesakitan dan kesusahan itu. Mereka telah mencapai kebaikan ini mengikut undang-undang dan peraturan Allah juga. Di antara undang-undang dan peraturan-Nya ialah orang-orang Islam yang menerima agama Allah dan mematuhinya secara umum itu akan diberi Allah pertolongan dan perlindungan dan Allah akan menjadikan kesilapan-kesilapan mereka sebagai wasilah untuk mencapai kebaikan yang akhir walaupun mereka terpaksa memikul akibatnya dengan menderita kesakitan, kerana kesakitan merupakan salah satu sarana pembersihan, didikan dan penyediaan.

Dengan pendirian yang teguh dan terbuka, inilah tapak kaki orang-orang Islam dapat berdiri rehat dan hati mereka tenang tenteram tanpa terumbang-ambing, tanpa keluh-kesah dan tanpa gugup dan bingung ketika menghadapi taqdir-taqdir Allah dan ketika berurusan dengan undang-undang dan peraturan-Nya di dalam kehidupan, iaitu mereka sedar bahawa Allah bertindak melalui mereka terhadap diri mereka sendiri dan terhadap orang-orang yang di sekeliling mereka mengikut apa yang dikehendaki-Nya, dan mereka adalah alat taqdir Allah yang digunakan Allah mengikut apa yang dikehendaki-Nya. Mereka juga sedar bahawa salah betul mereka - dan segala akibat salah betul yang diterima mereka - adalah selaras dengan taqdir Allah dan hikmat kebijaksanaan-Nya dan semuanya akan membawa mereka kepada kebaikan selama mereka tetap berjalan di jalan Allah:

وَمَا أَصَابَكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيَعْلَمَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٦٦﴾

"Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman (166)."

**Tembelang Kaum Munafiqin Telah
Didedahkan Allah**

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا وَقِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا فِتْنُوا فِي سَبِيلِ

اللَّهُ أَوْ أَدْفَعُوا قَالُوا لَوْ نَعْلَمُ قِتَالًا لَاتَّبَعْنَاكُمْ هُمْ
لِلْكَفْرِ يَوْمَئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ لِلْإِيمَانِ يَقُولُونَ
بِأَفْوَاهِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا
يَكْتُمُونَ ﴿١٦٧﴾

"Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq. Dan kepada mereka telah dikatakan: Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu pertahankan (kami). Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu. Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada keimanan. Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka." (167)

Dalam ayat ini Allah menunjukkan sikap Abdullah ibn Ubay ibn Salul dan pengikutnya dan menamakan mereka sebagai:

الَّذِينَ نَافَقُوا

"Orang-orang yang Munafiq."

Allah telah membuka tembelang mereka di dalam peperangan ini dan membersihkan barisan Islam dari mereka. Allah menjelaskan hakikat pendirian mereka pada hari itu (dengan firman-Nya):

هُمْ لِلْكَفْرِ يَوْمَئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ لِلْإِيمَانِ

"Sebenarnya mereka pada hari itu lebih dekat kepada kekufuran daripada keimanan."

Mereka mengeluarkan alasan yang tidak benar apabila mereka mengatakan bahawa mereka pulang kerana mereka tidak mengetahui bahawa di sana ada peperangan yang akan berlaku di antara orang-orang Islam dengan kaum Musyrikin. Ini bukannya sebab yang sebenar, malah mereka hanya:

يَقُولُونَ بِأَفْوَاهِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ

"Mereka berkata dengan mulut mereka apa yang tidak tersemat di dalam hati mereka."

kerana apa yang sebenar yang tersemat di dalam hati mereka ialah nifaq atau pendirian talem muka dua. Inilah pendirian yang membuat hati mereka tidak ikhlas kepada 'aqidah, malah mereka meletakkan diri mereka dan kepentingan-kepentingan diri mereka mengatasi 'aqidah dan kepentingan-kepentingan 'aqidah. Sebab yang sebenar yang ada di dalam kepala pemimpin golongan Munafiqin - Abdullah ibn Ubay - itu ialah kerana Rasulullah s.a.w. tidak mengambil fikiran dan cadangannya pada hari Peperangan Uhud itu, dan sebab yang sebenar yang ada di dalam kepalanya sebelum ini ialah kedatangan Rasulullah s.a.w. ke Madinah membawa agama Allah itu telah menyebabkannya kehilangan peluang untuk

menyandang jawatan Raja kaumnya yang telah mereka sediakan untuknya, sebaliknya kedatangan beliau telah menjadikan kedudukan kepimpinan yang tertinggi itu dipegang oleh agama Allah dan Rasul yang membawanya: Inilah dendam yang tersemat di dalam hati mereka dan dendam inilah yang mendorong mereka pulang semula ke Madinah pada hari Peperangan Uhud, sedangkan angkatan kaum Musyrikin sedang berada di muka pintu. Dendam inilah yang membuat mereka enggan menyambut seruan seorang Muslim yang tulen, iaitu Abdullah ibn 'Amr ibn Haram yang mengajak mereka:

تَعَالَوْا قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ اذْفَعُوا

"Marilah kamu berperang kerana Sabilullah atau (marilah) kamu mempertahankan (kami)." (167)

Mereka menolak seruan ini dengan alasan mereka tidak tahu di sana ada satu peperangan yang akan berlaku:

قَالُوا لَوْ نَعْلَمُ قِتَالًا لَا تَبْعَنَّاكُمْ

"Jawab mereka: Jika kami mengetahui di sana ada satu peperangan (yang akan berlaku) tentulah kami mengikut kamu." (167)

Pembohongan mereka inilah yang didedahkan Allah di dalam ayat ini:

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يَكْتُمُونَ

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka." (167)

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan saki-baki pendirian mereka dalam usaha mereka untuk melemahkan barisan dan semangat perjuangan (para Mu'minin):

الَّذِينَ قَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُوا لَوْ أَطَاعُونَا مَا قَاتَلُوا
قُلْ فَادْرَءُوا عَنَّا أَنْفُسَكُمْ وَالْمَوْتُ إِن كُنْتُمْ

صَادِقِينَ

"(Merekalah) orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka - sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang - : Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh. Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu jika kamu orang-orang yang benar." (168)

الَّذِينَ قَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُوا لَوْ أَطَاعُونَا مَا قَاتَلُوا

"Merekalah orang-orang yang berkata kepada saudara-saudara mereka sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang - : Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh."

Mereka tidak cukup dengan ponteng dari berperang walaupun peperangan itu telah tiba di muka pintu, mereka tidak cukup dengan tindakan ponteng mereka yang telah menimbulkan kegemparan di dalam barisan Muslimin dan

menggoncangkan hati mereka, terutama Abdullah ibn Ubay masih lagi menjadi ketua kaumnya dan belum lagi didedahkan sifat nifaqnya dan belum lagi dicap Allah dengan sifat munafiq yang boleh menjatuhkan kedudukannya di mata kaum Muslimin. Mereka tidak cukup dengan tindakan ponteng itu sahaja, malah mereka berusaha pula menimbulkan perasaan goyang, menyesal dan hampa di dalam hati keluarga para Syuhada' dan sahabat-sahabat mereka selepas tamat peperangan itu dengan kata-kata:

لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا

"Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati dibunuh."

Mereka mahu jadikan tindakan ponteng mereka sebagai suatu tindakan yang mempunyai hikmat dan muslihat kebaikan dan mahu jadikan perbuatan menta'ati Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya sebagai suatu perbuatan yang mendatangkan kerugian dan kesusahan dan lebih jauh dari itu mereka mahu merosakkan kepercayaan dan kefahaman Islam yang bersih terhadap taqdir Allah dan terhadap kepastian ajal, terhadap hakikat mati dan hidup dan hubungan keduanya dengan taqdir Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itu Allah dengan segera memberi jawapan yang tegas dan jelas kepada mereka, iaitu jawapan yang menolak tipu daya mereka dari satu segi dan membetulkan kefahaman Islam serta membersihkannya dari segala kekeliruan dari satu segi yang lain pula:

قُلْ فَادْرَءُوا عَنَّا أَنْفُسَكُمْ وَالْمَوْتُ إِن كُنْتُمْ

صَادِقِينَ

"Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari diri kamu jika kamu orang-orang yang benar." (168)

Kerana kematian itu menimpa semua orang, ia menimpa pejuang di medan perang dan menimpa orang yang tidak ikut berperang, ia menimpa pahlawan yang gagah dan menimpa si pengecut. Maut tidak dapat ditolak dengan usaha yang sungguh-sungguh dan langkah-langkah berwaspada. Ia tidak dapat ditunda dengan sikap pengecut dan tidak pula dengan duduk diam di rumah tanpa keluar berperang. Apa yang berlaku dalam kenyataan itulah bukti yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Dan kenyataan inilah yang dikemukakan oleh Al-Qur'anul-Karim kepada mereka untuk menolak tipudaya mereka yang licin dan meletakkan kebenaran di tempatnya yang sebenar, juga untuk meneguhkan hati para Muslimin dan mencurahkan rasa ketenteraman, ketenangan dan keyakinan ke dalam jiwa mereka.

Mengapa Pembicaraan Mengenai Perilaku Abdullah ibn Ubay Ditunda?

Di antara perkara yang menarik perhatian dalam cara Al-Qur'an membentangkan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud itu ialah ia tindakan penceritaan peristiwa Abdullah ibn Ubay dan pengikut-

pengikutnya yang ponteng dari menyertai Peperangan Uhud sehingga ke tempat ini, sedangkan peristiwa itu merupakan peristiwa pertama dari peristiwa-peristiwa peperangan itu kerana ia berlaku sebelum peperangan itu mula meletus.

Penundaan ini merupakan salah satu dari ciri-ciri pendidikan Al-Qur'an. Ia ditundakan sehingga Al-Qur'an selesai menjelaskan beberapa dasar-dasar asasi bagi pandangan dan kefahaman Islam dan sehingga ia selesai menyematkan di dalam hati para Muslimin beberapa perasaan yang betul dan sehingga ia selesai meletakkan neraca-neraca yang benar untuk menimbang nilai-nilai itu. Kemudian barulah ia menyebut tentang orang-orang Munafiqin dan ūndak-tanduk mereka yang jahat, kerana ketika hati para Muslimin telah bersedia untuk memahami hakikat sikap nifaq dan tindak-tanduknya yang menyeleweng dari kefahaman yang betul dan menyimpang dari nilai-nilai yang betul mengikut pertimbangan neraca yang betul. Beginilah cara yang seharusnya dilakukan untuk melahirkan kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai keimanan di dalam hati para Muslimin dan mengadakan untuk mereka neraca-neraca yang betul yang dapat dirujuk mereka ketika menguji fikiran-fikiran dan nilai-nilai dan menilaikan amalan-amalan dan peribadi-peribadi. Di atas neraca-neraca inilah diletakkan amalan-amalan dan peribadi itu kemudian diputus dengan keputusan yang jelas dan betul berasaskan rasa kesedaran keimanan yang betul.

Barangkali di sana ada lagi satu perkara yang menarik perhatian dari sistem pendidikan Al-Qur'an yang unik ini, iaitu Abdullah ibn Ubay hingga ke masa itu masih lagi menjadi pembesar kaumnya sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Dia telah tersinggung dan marah kerana Nabi s.a.w tidak mengambil fikiran dan cadangannya. Ini berdasarkan kehendak syura yang mengambil fikiran lain yang mendapat sokongan yang terbanyak dalam kelompok Muslimin. Tindakan ponteng yang telah dilakukan oleh si Munafiq yang besar ini telah menimbulkan kekecohan di dalam barisan Muslimin dan mengacau ketenteraman fikiran mereka, begitu juga kata-kata beliau (yang melemahkan semangat) selepas itu mengenai orang-orang yang terkorban di dalam peperangan itu menimbulkan perasaan kesal, sedih dan kecewa di dalam hati mereka di samping mengacau fikiran mereka. Oleh itu adalah suatu langkah yang bijaksana bagi sistem pendidikan Al-Qur'an melahirkan sikap yang jijik terhadapnya dan terhadap perbuatan dan perkataannya yang jahat itu, dan tidak memulakan cerita Peperangan Uhud itu dengan peristiwa Abdullah ibn Ubay yang berlaku pada awalnya dan menundakan ceritanya itu di tempat yang akhir di dalam rangkaian ayat-ayat itu. Serta menyifatkan kumpulan yang melakukan perbuatan itu dengan sifatnya yang tepat iaitu:

الَّذِينَ نَافَقُوا

"Orang-orang yang Munafiq"(167)

serta melahirkan kehairanan dengan menggunakan ungkapan yang umum:

وَلْيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا

"Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq."(167)

tanpa menyebut nama ketua mereka atau tubuhnya supaya ia kekal tidak dikenali di dalam kata-kata "Orang-orang yang Munafiq" sebagaimana wajarnya sifat ini mencakup kepada siapa sahaja yang melakukan perbuatan yang sama dengan perbuatannya dan sebagaimana hakikatnya sama dalam neraca keimanan yang ditegakkan Allah sebelum ini di dalam ayat-ayat yang lepas.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 169 - 175)

Setelah hati tenang dan memahami hakikat peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di alam buana, memahami hakikat taqdir Allah dalam segala perkara, memahami hakikat hikmat Allah di sebalik taqdir dan tadbir dan seterusnya memahami hakikat ajal dan maut yang tetap, yang tidak dapat ditunda oleh tindakan duduk di rumah (tidak keluar berperang) dan tidak pula dapat dipercepatkan oleh tindakan keluar berperang, tidak dapat ditolak oleh usaha yang bersungguh-sungguh, langkah-langkah berwaspada dan tadbir-tadbir manusia..... Setelah memahami semuanya itu, Al-Qur'an terus maju lagi mengemukakan satu hakikat yang lain pula, iaitu satu hakikat yang amat besar dari segi hakikat itu sendiri dan dari segi kesan-kesannya. Hakikat itu ialah orang-orang yang mati terbunuh kerana Sabilullah sebenarnya bukanlah mati, malah mereka adalah hidup di sisi Allah dengan mendapat rezeki yang sempurna. Mereka tidak terpisah dari kehidupan kelompok Muslimin selepas mereka dan tidak pula terpisah dari peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada kelompok itu. Mereka mendapat kesan-kesan dari mereka dan memberi kesan-kesan kepada mereka. Kebolehan memberi dan menerima kesan-kesan itu merupakan salah satu ciri hidup yang paling penting.

Al-Qur'an mengikat di antara hidupnya para Syuhada' di dalam Peperangan Uhud dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas keguguran mereka dengan satu ikatan yang kukuh. Kemudian ia beralih pula kepada penggambaran keadaan sekumpulan orang-orang Mu'min yang menyahut seruan Allah dan Rasul-Nya setelah menderita kecederaan dan terus keluar mengikut jejak orang-orang Quraisy selepas mereka pergi dari situ kerana bimbang orang-orang Quraisy itu kembali melakukan serangan sekali lagi ke atas Madinah. Mereka tidak menghiraukan ugutan setengah-setengah orang yang menakut-nakutkan mereka dengan bilangan orang-

orang Quraisy yang ramai itu. Mereka bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa dan dengan pendirian ini mereka telah membuktikan erti keimanan dan hakikatnya:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ
عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

فَرِحِينَ بِمَاءِ آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَيَسْتَبْشِرُونَ
بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ
اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ مَا أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ وَاتَّقُوا أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾
الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ
فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ
وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

فَأَنْقَلَبُوا بِنِعْمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ لَمْ يَمَسَّ لَهُمْ سُوءٌ
وَاتَّبَعُوا رِضْوَانَ اللَّهِ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾
إِنَّمَا ذَلِكُمُ الشَّيْطَانُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَاءَهُ ۗ فَلَا تَخَافُوهُمْ
وَخَافُونَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

"Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh fi Sabilillah itu mati, malah sebenarnya mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki (yang mewah) (169). Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan kepada mereka dan mereka merasa sukacita terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka, iaitu tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita (170). Mereka merasa sukacita terhadap ni'mat dan kelebihan yang dikurniakan dari Allah dan sesungguhnya Allah tidak mensiasikan ganjaran para Mu'minin (171). Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul selepas mereka mendapat kecederaan (dalam Peperangan Uhud). Bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari golongan mereka dan bertaqwa kepada Allah (disediakan) balasan yang amat besar (172). Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu

hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung (173). Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar (174). Sesungguhnya itulah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan pengikut-pengikut setianya oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman." (175)

Setelah menjelaskan di dalam hati para Mu'minin hakikat taqdir dan ajal dan setelah mencabar perbuatan orang-orang Munafiqin yang telah menimbulkan keraguan-keraguan, kegoncangan, penyesalan dan kehampaan dengan kata-kata mereka:

لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا

"Andainya mereka mengikut nasihat kami tentulah mereka tidak mati terbunuh" (168)

dan Dia menjawab perkataan ini dengan firman-Nya:

قُلْ فَأَدْرَأُ وَعَنْ أَنْفُسِكُمُ الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ
صَادِقِينَ ﴿١٦٨﴾

"Katakanlah: Tolakkanlah kematian itu dari kamu jika kamu orang-orang yang benar" (168)

Para Syuhada' Tidak Mati

maka Allah telah menghendaki pula selepas meletakkan hati para Mu'minin di atas dada hakikat yang tetap ini - menerangkan kepada mereka nasib kesudahan para Syuhada' yang gugur dalam pertempuran kerana Sabilillah untuk menambahkan ketenteraman hati mereka dan di sana tidak ada Syuhada' kecuali orang-orang yang gugur kerana Sabilillah dengan hati yang ikhlas semata-mata kerana tujuan ini dan bersih dari segala kaitan yang lain. Sebenarnya para Syuhada' itu hidup dan mempunyai segala ciri makhluk yang hidup. Mereka dikurniakan rezeki yang mewah di sisi Allah. Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka dan mereka merasa sukacita terhadap nasib kesudahan para Mu'minin selepas mereka dan mereka mengambil berat terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada saudara-saudara mereka selepas mereka. Ini adalah ciri-ciri makhluk-makhluk yang hidup yang mempunyai kebolehan merasa keni'matan, mengalami perasaan gembira - memberi perhatian, menerima dan memberi kesan. Oleh sebab itu apakah ertinya menyesal dan bersedih kerana berpisah dengan mereka? Bukankah mereka masih hidup, masih berhubung dengan orang-orang yang hidup dan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada mereka. Lebih-lebih lagi mereka telah mendapat ni'mat-ni'mat kelebihan dari Allah, mendapat rezeki yang mewah dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah? Apakah ertinya pagar-pagar yang

didirikan manusia di dalam pandangan dan kefahaman mereka untuk memisahkan di antara pahlawan syahid yang hidup (di dalam Syurga) dengan saudara-saudara mereka yang masih hidup di dunia? Apakah ertinya pagar-pagar yang mereka dirikan untuk memisahkan di antara alam hidup dunia dengan alam hidup selepas alam dunia? Bukankah tidak ada lagi pagar-pagar dan dinding-dinding bagi para Mu'minin yang berhubung dengan Allah di alam ini dan di alam sana?

Kejelasan hakikat yang agung ini mempunyai nilai yang amat besar dalam memahami segala perkara, malah hakikat inilah yang membetul dan membentuk kefahaman seorang Muslim terhadap harakat alam buana yang melahirkan berbagai-bagai bentuk dan keadaan hidup yang terus bersambung-sambung tidak putus-putus: Oleh kerana itu maut bukannya penghabisan persoalan, malah bukan pula merupakan pagar yang memisahkan di antara yang dahulu dengan yang kemudiannya.

Itulah satu pandangan baru terhadap kematian yang mempunyai kesan yang besar di dalam perasaan para Mu'minin dan sikap mereka menghadapi hidup dan mati dan terhadap pemikiran mereka mengenai perkara-perkara yang wujud di sini dan perkara-perkara yang wujud di sana.

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ
عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

"Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh fi Sabilillah itu mati, malah sebenarnya mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki (yang mewah)." (169)

Ayat ini merupakan nas yang terang yang melarang menganggapkan orang-orang yang terbunuh kerana Sabilillah dan berpisah dengan alam dunia ini dan jauh dari mata manusia itu sebagai orang-orang yang mati. Dan ayat ini juga menjadi nas yang terang yang menegaskan bahawa mereka itu adalah hidup di sisi Allah. Kemudian larangan dan penegasan itu diiringi pula dengan keterangan bahawa mereka mempunyai ciri hidup iaitu mereka diberi rezeki yang mewah.

Meskipun kita di dunia yang fana ini tidak mengetahui jenis hidup yang dihayati oleh para Syuhada' itu, namun keterangan-keterangan dari hadith yang sahih yang sampai kepada kita dan keterangan nas yang jelas dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya itu sudah cukup untuk mengubah kefahaman kita terhadap kematian dan hayat dan terhadap perpisahan dan percantuman yang wujud di antara keduanya dan sudah cukup untuk mengajar kita bahawa hakikat segala perkara itu bukanlah seperti yang kita faham dari gambaran lahirnya. Ia mengajar kita apabila kita cuba membentuk kefahaman-kefahaman kita terhadap hakikat-hakikat yang mutlak dengan

berasaskan gambaran lahir yang dapat difahami oleh kita, maka kita tidak akan mencapai kefahaman yang sebenar terhadap hakikat itu, ia mengajar kita bahawa adalah lebih baik bagi kita - dalam usaha memahami hakikat yang seperti ini - menunggu penerangan dari Allah S.W.T. sendiri yang berkuasa menerangkan hakikat yang sebenar.

Ciri-ciri Hidup Para Syuhada'

Mereka adalah sekumpulan manusia dari kita. Mereka telah berpisah dari hayat yang kita mengetahui gambaran lahirnya, iaitu gambaran lahirnya yang nampak jelas kepada kita, tetapi oleh sebab mereka "Mati terbunuh kerana Sabilillah", iaitu semata-mata ikhlas kepada agama Allah dan bersih dari segala keinginan kepada mata benda dunia dan dari segala tujuan-tujuan yang remeh, dan oleh sebab jiwa mereka berhubung rapat dengan Allah hingga mereka sanggup mengorbankan nyawanya kerana agama-Nya.... Oleh sebab mereka mati terbunuh dengan sebab-sebab yang seperti itu, maka Allah S.W.T. telah menerangkan kepada kita di dalam berita Al-Qur'an yang benar bahawa mereka tidak mati dan melarang kita menganggap mereka mati dan menegaskan kepada kita bahawa mereka sebenarnya hidup dan mendapat rezeki yang mewah di sisi Allah. Mereka menerima rezeki mereka sama seperti orang-orang yang hidup menerima rezekinya. Di samping itu Allah juga menceritakan kepada kita bahawa mereka mempunyai ciri-ciri hidup di antaranya:

فَرِحِينَ بِمَاءِ آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ

"Mereka bergembira dengan ni'mat-ni'mat kelebihan yang dikurniakan kepada mereka." (170)

Yakni mereka menyambut rezeki yang dikurniakan kepada mereka dengan penuh gembira, kerana mereka sedar bahawa itulah limpah kurnia Allah yang besar kepada mereka. Itulah petanda keredhaan Allah terhadap keguguran mereka kerana Sabilillah. Apakah sesuatu yang lebih mengembirakan mereka dari pengurniaan rezeki yang melambangkan keredhaan Allah?

Kemudian mereka sibuk mengambil berat tentang saudara-saudara mereka yang ditinggal di belakang mereka. Mereka merasa senang terhadap saudara-saudara mereka kerana mereka tahu bahawa Allah telah memberi keredhaan-Nya kepada para Mu'minin yang berjihad kerana Sabilillah:

وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ
خَلْفِهِمْ أَلا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

"Dan mereka merasa sukacita terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka, iaitu tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita." (170)

يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾

"Mereka merasa sukacita terhadap ni'mat dan kelebihan yang dikurniakan dari Allah dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin." (171)

Yakni mereka tidak terpisah dari saudara-saudara mereka yang masih tinggal di belakang mereka dan belum lagi berkumpul dengan mereka. Hubungan dengan saudara-saudara mereka tidak terputus kerana mereka sebenarnya tetap hidup bersama mereka dan merasa sukacita dengan ni'mat-ni'mat balasan yang baik yang akan diperolehi saudara-saudara mereka di dunia dan di Akhirat dan yang menjadi punca kesukacitaan mereka terhadap saudara-saudara mereka ialah..:

الْأَخَوْفُ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

"Tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka berdukacita." (170)

Mereka telah mengetahui hakikat ini dan yakin terhadap hidupnya mereka di sisi Allah dan terhadap pemberian ni'mat dan kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka, juga yakin bahawa inilah layanan Allah terhadap para Mu'minin yang benar dan bahawa Allah tidak mensia-siakan ganjaran para Mu'minin.

Apakah lagi ciri-ciri hidup yang tidak wujud pada para Syuhada' yang gugur di dalam perjuangan fi Sabilillah? Apakah lagi yang memisahkan mereka dari saudara-saudara mereka yang masih tinggal di belakang mereka dan belum berkumpul dengan mereka? Apakah perpindahan ini wajar menjadi punca kesedihan, kehilangan dan kesepian di dalam hati saudara-saudara mereka yang tinggal di belakang mereka, sedangkan perpindahan itu lebih wajar menjadi punca kegembiraan, keredhaan dan kemesraan kerana ia merupakan satu perjalanan ke sisi Allah di samping ia masih mempunyai hubungan yang rapat dengan orang-orang yang hidup dan dengan hayat.

Itulah satu perubahan yang menyeluruh bagi konsep kematian apabila ia berlaku kerana Sabilillah, juga satu perubahan yang menyeluruh bagi perasaan-perasaan yang menemani kematian di dalam hati para Mujahidin itu sendiri dan di dalam hati saudara-saudara mereka yang ditinggal di belakang mereka. Itulah peluasan bidang hidup, perasaan-perasaan terhadapnya dan gambaran-gambaran yang melampaui perbatasan hidup dunia ini di samping melampaui bentuk-bentuk hidup yang fana itu, ia meluas ke ruang yang amat lebar yang tidak dibatasi oleh pagar-pagar yang wujud di dalam benak dan kefahaman kita mengenai perpindahan hidup para Syuhada' yang beralih dari satu bentuk ke satu bentuk yang lain dan dari satu hidup ke satu hidup yang lain.

Sesuai dengan konsep kematian yang baru yang ditanamkan oleh ayat-ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya dari Al-Qur'anul-Karim di dalam hati para Muslimin, maka para Mujahidin yang budiman telah menghayunkan langkah-langkah mereka mencari kematian syahid dan di antaranya ialah contoh-contoh yang telah kami sebutkan sebahagian darinya dalam pendahuluan pembicaraan mengenai peperangan ini, sila rujuk ke sana.

Selepas menjelaskan hakikat yang agung ini Al-Qur'an memperkatakan pula tentang "para Mu'minin" yang membuat para Syuhada' yang gugur di dalam peperangan itu merasa sukacita dan gembira terhadap mereka kerana balasan-balasan besar yang disediakan kepada mereka dan di sini ia menentukan mereka, iaitu menentukan sifat-sifat dan kisah mereka dengan Allah:

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ مَا أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ
لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ وَاتَّقُوا أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾
الَّذِينَ قَالُوا لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ
فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ
وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

فَاتَقَلَّبُوا بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمَسَّ لَهُمْ سُوءٌ
وَاتَّبَعُوا رِضْوَانَ اللَّهِ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾

"Iaitu orang-orang yang menyambut seruan Allah dan Rasul selepas mereka mendapat kecederaan (dalam Peperangan Uhud) bagi orang-orang yang melakukan kebaikan dari golongan mereka dan bertaqwa kepada Allah (disediakan) balasan yang amat besar (172). Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentara) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung (173). Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar." (174)

Siapa yang Menyambut Seruan Allah Dan Rasul-Nya?

Yakni mereka ialah orang-orang yang telah diseru oleh Rasulullah s.a.w. supaya keluar bersama beliau untuk berjuang semula di limun pagi keesokan dalam peperangan yang pahit itu, sedangkan mereka sedang menderita luka-luka yang teruk dan baru kelmarin terselamat dari maut di dalam peperangan itu dan menempuh berbagai-bagai kesulitan. Mereka masih lagi belum lupa kedahsyatan peperangan itu, kepahitan menderita kekalahan dan kesusahan. Mereka telah kehilangan ramai orang-orang yang

disayangi mereka menyebabkan bilangan mereka menjadi kecil di samping menderita luka-luka yang teruk pula.

Tetapi Rasulullah s.a.w. hanya menyeru mereka sahaja dan sama sekali tidak membenarkan sesiapa yang telah ponteng dari peperangan itu keluar bersama mereka - untuk menguatkan mereka atau untuk meramaikan bilangan mereka sebagaimana yang boleh dikatakan orang - dan mereka telah menyambut seruan Rasulullah s.a.w. dan itulah seruan Allah sebagaimana yang dijelaskan oleh ayat ini atau sebagaimana menurut hakikatnya yang difaham oleh mereka. Mereka telah menyambut seruan ini kerana Allah dan Rasul-Nya walaupun mereka telah mendapat kecederaan dan menderita luka-luka yang teruk.

Rasulullah s.a.w. hanya menyeru mereka sahaja. Seruan beliau ini dan sambutan yang diberikan oleh mereka adalah mengandungi berbagai-bagai saranan dan mengisytarkan kepada beberapa hakikat yang besar di antaranya:

Mungkin tujuan Rasulullah s.a.w. ialah supaya perasaan kalah dan rasa kepedihan luka-luka itu tidak menjadi perasaan terakhir yang mengongkang hati dan perasaan mereka. Oleh sebab itulah beliau menyeru mereka keluar untuk mengejar orang-orang Quraisy supaya tersemat di dalam hati mereka bahawa segala apa yang telah berlaku kepada mereka itu adalah ujian dan dugaan sahaja dan bukannya penghabisan perjuangan dan mereka sebenarnya selepas itu boleh menjadi kuat kembali dan musuh-musuh mereka yang menang itu sebenarnya lemah. Kekalahan itu hanya sekali dan ia sedang berlalu dan mereka masih berpeluang mengalahkan mereka pula jika mereka membuang sifat-sifat yang lemah dari diri mereka dan menyambut seruan Allah dan Rasul-Nya.

Mungkin tujuan Rasulullah s.a.w. dalam satu aspek yang lain supaya orang-orang Quraisy tidak berundur dari situ dengan hanya membawa kenangan-kenangan kemenangan dan rasa-rasa kebanggaannya di dalam hati dan perasaan mereka. Oleh sebab itulah beliau mengejar orang-orang Quraisy dengan saki-baki orang-orang Islam yang turut berperang di dalam pertempuran kelmarin supaya orang-orang Quraisy merasa bahawa mereka tidak dapat mematahkan kekuatan kaum Muslimin dan mereka masih lagi mempunyai saki-baki kekuatan mengejar dan menyerang mereka.

Kedua-dua tujuan telah tercapai belaka mengikut riwayat-riwayat sejarah.

'Aqidah Merupakan Segala Sesuatu Bagi Para Mu'min

Mungkin tujuan Rasulullah s.a.w. ialah untuk menimbulkan kesedaran kepada kaum Muslimin dan kepada seluruh dunia selepas mereka terhadap kemunculan satu hakikat yang baru yang diwujudkan

di bumi ini, iaitu hakikat bahawa 'aqidah itulah yang merupakan segala sesuatu bagi para penganutnya; mereka tidak mempunyai tujuan yang lain di dunia ini selain dari 'aqidah dan mereka tidak mempunyai matlamat yang lain di dalam hidup mereka selain dari 'aqidah. Mereka hanya hidup kerana 'aqidah ini sahaja dan tidak mempunyai apa-apa cita-cita yang lain di dalam hati mereka selain dari 'aqidah. Mereka mengorbankan segala apa yang ada pada mereka untuk 'aqidah tanpa meninggalkan baki.

Ini adalah suatu perkara yang baru di bumi ini pada masa itu dan pastilah seluruh dunia turut sedar setelah para Mu'minin semuanya sedar terhadap kemunculan perkara yang baru ini dan kewujudan hakikat yang besar ini.

Dan tidak ada pengungkapan yang lebih kuat untuk menyatakan kelahiran hakikat yang baru ini dari tindakan keluarnya mereka yang menyahut seruan Allah dan Rasul walaupun mereka sedang menderita luka-luka dan cedera, tidak ada pengungkapan yang lebih kuat dari keluarnya mereka dalam satu gambaran yang gemilang dan hebat, iaitu gambaran yang menunjukkan sikap tawakkal yang tinggi terhadap Allah Yang Maha Esa tanpa menghiraukan kata-kata dan ugutan-ugutan dari pihak-pihak yang pernah menakut-nakutkan mereka dengan bilangan orang-orang Quraisy yang ramai sebagaimana yang disampaikan oleh utusan-utusan Abu Sufyan dan sebagaimana yang dibesar-besarkan oleh orang-orang Munafiqin terhadap kekuatan orang-orang Quraisy iaitu perkara yang sememangnya pasti dibuat oleh mereka.

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدَّ جَمَعُوا لَكُمْ
فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ
وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

"Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung." (173)

Gambaran yang gemilang dan hebat ini merupakan suatu perisytiharan yang kuat yang mengumumkan kelahiran hakikat yang besar ini. Inilah beberapa perkara yang telah ditunjukkan oleh bimbingan nabawiyah yang bijak itu.

Beberapa riwayat menceritakan kepada kita tentang gambaran-gambaran kecederaan dan luka-luka (yang dialami para pahlawan Uhud) dan gambaran mereka menyambut seruan keluar (untuk mengejar musuh):

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Abdullah ibn Kharijah ibn Zayd ibn Thabit dari Abu as-Sa'eb Maula 'Aisyah binti 'Uthman: Ada

seorang lelaki dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. dari Bani 'Abdil-Asyhal yang telah ikut di dalam Peperangan Uhud katanya: "Kami hadir di dalam peperangan bersama Rasulullah s.a.w., iaitu saya dan saudara saya. Kami pulang dari peperangan itu dengan mendapat luka-luka dan apabila juruhebah Rasulullah s.a.w. memberitahu supaya keluar mengejar musuh, saya berkata kepada saudara saya - atau dia berkata kepada saya: 'Adakah kita sanggup hilang peluang berperang bersama Rasulullah s.a.w.?' Demi Allah kami tidak mempunyai kenderaan untuk ditanggung dan kedua-dua kami menderita luka-luka yang berat. Lalu kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. Luka saya lebih ringan dari luka saudara saya. Oleh itu apabila dia tidak berdaya (berjalan) saya angkatkannya menanggung secara bergilir-gilir sehingga kami sampai ke tempat orang-orang Islam itu."

Contoh Kepahlawanan Yang Unggul

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Peperangan Uhud itu berlaku pada hari Sabtu 15 Syawal dan pada keesokan harinya, iaitu hari Ahad 16 Syawal, juruhebah Rasulullah s.a.w. memberitahu orang ramai supaya keluar mengejar musuh. Juruhebah Rasulullah itu mengumumkan: "Tidak dibenar sesiapa pun keluar bersama kami kecuali mereka yang turut berperang pada hari kelmarin." Lalu Jabir ibn Abdullah ibn 'Amr ibn Haram bercakap dengan Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Bapa saya telah meletakkan saya menjadi penjaga tujuh beradik saudara perempuan saya dan dia berkata: "Wahai anakku! Tidak seharusnya kepadaku dan tidak pula kepada engkau meninggalkan perempuan-perempuan itu tanpa seorang lelaki yang menjaganya dan aku pula tidak mahu mengutamakan engkau di atas diriku untuk berjihad bersama Rasulullah s.a.w. Oleh itu biarlah engkau sahaja yang tinggal menjaga saudara-saudara perempuan engkau." Oleh itu aku tidak dapat ikut keluar kerana menjaga mereka. Dan Rasulullah s.a.w. membenarkan bapaku keluar bersamanya."

Demikianlah terdapat banyak gambaran-gambaran yang tinggi yang mengumumkan kelahiran hakikat yang besar itu di dalam hati-hati yang besar, iaitu hati-hati yang hanya bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, hati-hati yang hanya redha dan merasa cukup dengan perlindungan Allah, hati-hati yang semakin kukuh beriman kepada Allah di sa'at-saat kesusahan dan hati-hati yang akan berkata ketika menghadapi ugutan manusia yang menakutkan mereka dengan kekuatan manusia:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

"Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung." (173)

Kemudian berlakulah akibat seperti yang diduga dari perjanjian Allah kepada orang bertawakkal kepada-Nya dan berpada dengan pertolongan-Nya dan tulus ikhlas, kepada-Nya:

فَانْقَلَبُوا بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمَسَّ لَهُمْ سُوءٌ
وَاتَّبَعُوا رِضْوَانَ اللَّهِ

"Maka (akhirnya) mereka kembali dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah tanpa disentuh oleh sebarang bencana dan mereka mengikut keredhaan Allah."

Yakni mereka mendapat keselamatan - tidak disentuh kesusahan - dan mencapai keredhaan Allah dan pulang dengan selamat dan dengan penuh kepuasan hati.

بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلٍ

"Dengan mendapat ni'mat dan limpah kurnia dari Allah."

Di sini Al-Qur'an mengembalikan mereka kepada punca pertama pemberian, iaitu ni'mat dan limpah kurnia Allah yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Di samping memuji pendirian mereka yang gemilang Al-Qur'an mengembalikan perkara itu kepada ni'mat dan limpah kurnia Allah, kerana inilah pokok pangkalnya yang besar dan kepadanya dikembalikan segala limpah kurnia dan pendirian mereka yang gemilang itu tiada lain melainkan sebahagian dari limpah kurnia Allah yang amat banyak itu.

وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ

"Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar." (174)

Dengan ini Allah merakamkan di dalam kitab suci-Nya yang kekal dan di dalam kalam-Nya yang bergema di merata pelosok alam buana gambaran dan pendirian mereka yang gemilang ini, iaitu satu gambaran yang amat tinggi dan satu pendirian yang amat mulia.

Kematangan Syakhsiyah

Dan seseorang yang merenungi gambaran ini dan pendirian ini dia akan merasa seolah-olah seluruh syakhsiyah kelompok Muslimin di waktu itu telah berubah sehari semalam. Mereka telah menjadi matang,imbang dan kepada bumi tempat mereka berpijak, segala kekaburan dan kesamaran hilang dari kefahaman mereka dan mereka telah mengambil segala urusan itu dengan serius belaka dan mereka terselamat dari keadaan terumbang-ambing dan keluh-kesah yang telah berlaku sebelum itu di dalam kefahaman dan barisan mereka. Hanya masa sehari semalam sahaja telah membawa perbezaan di antara sikap kelompok Muslimin hari ini dengan sikap mereka kelmarin dan perbezaan itu amat besar dan jaraknya amat jauh. Pengalaman yang pahit itu telah mendatangkan kesannya yang besar di dalam jiwa mereka. Peristiwa itu telah menggoncangkan hati mereka dengan sekuat-kuatnya hingga menghilangkan segala kekeliruan (di dalam pemikiran mereka), menyedarkan hati mereka, meneguhkan tapak kaki mereka dan mengisikan jiwa mereka dengan keazaman dan tekad yang kuat.

Ya, memang benar bahawa limpah kurnia Allah itu amat besar dalam ujian yang pahit itu.

**Syaitan Menjadi Dalang Di Belakang
Peristiwa-peristiwa**

Pada akhirnya ceraiian ini diakhiri dengan penerangan yang mendedahkan punca ketakutan, kebimbangan dan kecemasan itu. Puncanya ialah syaitan yang berusaha menjadikan orang-orang (kafir) yang dinaunginya sebagai sumber ketakutan dan kebimbangan dan menyalutkan mereka dengan sifat-sifat kuat dan hebat. Oleh sebab itulah para Mu'minin harus sedar kepada tipudaya syaitan dan berusaha menggagalkan percubaannya dan jangan sekali-kali takut kepada orang-orang naungannya, malah hendaklah mereka takut kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana Dialah sahaja Yang Maha Kuat, Gagah dan Berkuasa yang wajar ditakuti:

إِنَّمَا ذَلِكُمُ الشَّيْطَانُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَاءَهُ ۖ فَلَا تَخَافُوهُمْ
وَخَافُونِ إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

"Sesungguhnya mereka tidak lain itulah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan pengikut-pengikut setianya oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman."(175)

Yakni syaitanlah yang membesar-besarkan kekuatan orang-orang kafir yang dinaunginya. Dialah yang menyalutkan mereka dengan pakaian kekuatan dan kehandalan dan menimbulkan di dalam hati bahawa mereka betul-betul mempunyai kekuatan dan keupayaan dan berkuasa memberi manfa'at dan mudharat. Syaitan menggunakan mereka untuk melaksanakan tujuan-tujuannya, iaitu menimbulkan kejahatan dan kerosakan di bumi dan supaya semua orang tunduk kepada hamba-hamba naungannya dan tiada satu suara pun yang menentang mereka dan tiada siapa pun yang berfikir untuk melawan mereka dan menolak mereka dari kejahatan dan kerosakan itu.

Syaitan itulah pihak yang mempunyai kepentingan agar yang batil dan yang jahat itu mengembang dan membesar dan kelihatan kuat, berkuasa, gagah, ganas dan sewenang-wenang tidak dapat dilawan, tidak berdaya ditentang dan tiada penentang yang sanggup mengalahkannya. Syaitanlah pihak yang berkepentingan supaya perkara ini kelihatan begitu. Tabir-tabir ketakutan dan kebimbangan di buka dan di bawah bayangan ketakutan dan keganasan itulah hamba-hamba naungan syaitan bertindak sesuka hati di muka bumi ini. Mereka menukarkan ma'ruf menjadi mungkar dan menukarkan mungkar menjadi ma'ruf. Mereka menyebarkan kerosakan, kebatilan dan kesesatan, mereka mencekik suara kebenaran, hidayat dan keadilan. Mereka melantikkan diri mereka sebagai tuhan-tuhan di bumi yang melindungi kejahatan dan membunuh kebaikan dan tiada siapa pun yang berani melawan dan menentang mereka

atau mengusir mereka dari maqam kepimpinan dan seterusnya tiada seorang pun yang berani mendustakan kebatilan yang disebarkan mereka dan menerangkan kebenaran yang telah dipadamkan oleh mereka.

Syaitan itu penipu yang licik dan pengkhianat. Ia berselindung di sebalik hamba-hamba naungannya. Dari merekalah ia menaburkan ketakutan di dalam hati orang-orang yang tidak berhati-hati terhadap bisikan-bisikan jahatnya. Di sini Allah mendedahkannya dan memaksakannya berdiri bogel tanpa dilindungi oleh baju tipu dayanya. Allah memperkenalkan hakikat syaitan ini kepada para Mu'minin, iaitu hakikat tipudaya dan bisikan jahatnya supaya mereka berhati-hati dan waspada terhadapnya. Oleh itu janganlah mereka takut kepada hamba-hamba naungan syaitan, kerana mereka terlalu lemah untuk ditakuti oleh orang yang beriman yang berserah kepada Allah dan bergantung kepada kekuatan-Nya. Sesungguhnya kekuatan yang tunggal yang wajar ditakuti ialah kekuatan yang berkuasa memberi manfa'at dan mudharat, iaitu kekuatan Allah. Inilah kekuatan yang ditakuti oleh orang-orang yang beriman kepada Allah dan apabila mereka takut kepada kekuatan Allah Yang Maha Esa sahaja, maka mereka akan menjadi orang-orang yang paling kuat yang tidak dapat ditentang oleh mana-mana kekuatan di bumi sama ada kekuatan syaitan atau kekuatan hamba-hamba naungan syaitan:

فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah takutlah kepada-Ku jika kamu benar orang-orang yang beriman."(175)

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 176 - 179)

**Manusia Di Bawah Naungan Syaitan Berlumba-lumba
Menuju Kepada Kekufuran**

Sebagai mengakhiri cerita dan ulasan-ulasannya, maka rangkaian ayat-ayat yang berikut ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya yang sedih dan dukacita kerana orang-orang kafir berkejar-kejaran, berlumba-lumba menuju kepada kekafiran dan bergiat di dalamnya seolah-olah mereka berada dalam satu perlumbaan menuju kepada satu matlamat! Perbuatan ini tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun, malah itulah ujian Allah terhadap mereka dan itulah taqdir Allah melalui mereka. Allah memang telah mengetahui keadaan dan kekafiran mereka yang melayakkan mereka untuk mendapat kehampaan di alam Akhirat, iaitu Allah membiarkan mereka berkejar-kejaran menuju kepada kekafiran sehingga akhirnya walaupun hidayat telah ditawarkan kepada mereka, namun mereka tetap mengutamakan kekafiran dari hidayat lalu Allah membiarkan mereka terus berkejar-kejaran menuju kepada kekafiran. Allah melanjutkan tempoh mereka supaya dosa

mereka bertambah banyak bersama kelanjutan masa hidup mereka dan kelanjutan masa kemewahan mereka. Penangguhan dan pelanjutan masa itu sebenarnya merupakan suatu bala kepada mereka. Cerita perang itu diakhiri dengan pendedahan hikmat dan tadbir Allah di sebalik seluruh peristiwa perang itu, iaitu di sebalik ujian yang dilakukan ke atas orang-orang yang beriman dan di sebalik pelanjutan tempoh 'azab yang diberikan kepada orang-orang kafir. Hikmat itu ialah membezakan di antara yang buruk dan yang baik melalui ujian dan dugaan. Oleh kerana urusan hati manusia merupakan suatu urusan ghaib yang hanya diketahui oleh Allah dan tidak diketahui oleh manusia, maka Allah S.W.T. menghendaki mendedahkan urusan yang ghaib dalam bentuk yang sesuai dengan manusia dan dengan perantaraan yang dapat difaham oleh mereka, maka kerana itulah diadakan ujian ke atas orang-orang yang beriman dan diberikan penangguhan tempoh 'azab kepada orang-orang yang kafir agar segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati itu terdedah di dalam kenyataan dan agar yang buruk dapat dibezakan dari yang baik, iaitu agar orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya itu dapat dipastikan dengan jelas dan yakin:

وَلَا يَحْزُنكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَن يَضُرُّوْا اللَّهَ شَيْئًا يُرِيدُ اللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حِطَّافِي
الْآخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ لَن يَضُرُّوْا اللَّهَ
شَيْئًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمَلِّي لَهُمْ خَيْرٌ
لِّأَنفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمَلِّي لَهُمْ لِيُزَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ
مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُطْلِعَكُمْ

عَلَى الْغَيْبِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَجْتَبِي مِن رُّسُلِهِ مَن يَشَاءُ
فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ وَإِن تَوَمَّنُوا وَتَتَّقُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ

عَظِيمٌ ﴿١٧٩﴾

"Dan janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (kenikmatan) kepada mereka di hari Akhirat dan mereka

akan memperolehi 'azab yang amat besar (176). Sesungguhnya orang-orang yang membeli kekafiran dengan keimanan tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (177). Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan (178). Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'minin) dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan perkara yang ghaib kepada kamu, tetapi Allah memilih daripada rasul-Nya siapa yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar." (179)

Mengapa Kebenaran Kalah Dan Kebatilan Menang?

Inilah pengakhiran yang amat sesuai dengan pembentangan peristiwa Peperangan Uhud, di mana orang-orang Islam menderita kekalahan dan kemalangan jiwa dan kecederaan dan kaum Musyrikin pulang membawa kemenangan. Di sana selama-lamanya terdapat kekeliruan yang berkecamuk di dalam hati atau terdapat cita-cita yang terkilan yang membisik di dalam setengah-setengah hati ketika menghadapi perjuangan-perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan kemudian kebenaran kembali dengan menderita kekalahan dan kebatilan kembali dengan mendapat kemenangan.

Di sana selama-lamanya terdapat kekeliruan yang palsu atau cita-cita yang terkilan mengapa jadi begini, ya Allah? Mengapa kebenaran kalah dan kebatilan menang? Mengapa pejuang-pejuang kebenaran menderita, sedangkan pejuang-pejuang kebatilan selamat? Mengapa kebenaran tidak mendapat kemenangan dalam setiap perjuangan dengan kebatilan, mengapa ia tidak pulang membawa kemenangan dan harta rampasan? Bukankah kebenaran yang seharusnya mendapat kemenangan? Mengapa kebatilan mempunyai kekuatan seperti ini? Mengapa dalam pertempurannya dengan kebenaran ia pulang dengan kemenangan yang mempesona dan menggoncangkan hati?

Memang telah berlaku di dalam Peperangan Uhud, di mana orang-orang Islam merungut hairan dan takjub: "Bagaimana ini boleh berlaku?".

Dalam bahagian akhir ini dikemukakan jawapan dan penjelasan yang akhir kerana Allah mahu merehatkan hati para Muslimin yang penat dan membersihkan segala fikiran yang salah yang menyelinap ke dalam hati dari sudut ini di samping menerangkan undang-undang dan peraturan-Nya, taqdir dan tadbir-Nya dalam segala urusan semalam, hari ini dan besok dan pada bila-bila masa sahaja berlakunya pertempuran di antara kebenaran dan kebatilan dan berakhir dengan kekalahan kebenaran.

Kejayaan kebatilan yang terselamat dalam mana-mana perjuangan dan kejayaannya mempertahankan kewujudannya yang angkuh dalam beberapa waktu bukanlah bererti bahawa Allah telah membiarkannya atau bererti kebatilan telah mempunyai kekuatan yang tidak dapat dikalahkan lagi atau bererti ia dapat menindas kebenaran buat selama-lamanya. Demikian juga kekalahan kebenaran di dalam mana-mana perjuangan dan kelemahannya di dalam beberapa waktu bukanlah bererti bahawa Allah telah menyingkirkan atau melupakannya atau bererti Allah sengaja membiarkannya dibunuh dan dibinasakan oleh kebatilan.

Tidak sekali-kali begitu! Malah itulah suatu hikmat dan suatu perencanaan tadbir ilahi. Ia sengaja membiarkan kebatilan itu berjalan hingga ke akhir jalan iaitu supaya ia

melakukan perbuatan-perbuatan yang amat keji, memikul dosa-dosa yang amat berat dan menerima balasan 'azab yang amat teruk dengan penuh kewajaran. Ia sengaja menguji kebenaran untuk membezakan yang buruk dari yang baik dan untuk memberi ganjaran yang besar kepada mereka yang mengadap ujian itu dengan tabah. Itulah keuntungan kepada kebenaran dan kerugian kepada kebatilan yang berlipat ganda di sana sini.

وَلَا يَحْزُنكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَن يَصُرُوا اللَّهَ شَيْئًا
وَلَا يَحْزُنكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَن يَصُرُوا اللَّهَ شَيْئًا يُرِيدُ اللَّهُ الْأَيَّامَ أَنْ لَا يَجْعَلَ لَهُمْ حِزَابًا فِي
الْآخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

"Dan janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat dan mereka akan memperoleh 'azab yang amat besar." (176)

Allah menghibur Nabi s.a.w. dan menolakkan darinya rasa sedih dan dukacita yang sedang mengharukan hati beliau kerana melihat pelampau-pelampau yang berkejaran menuju kepada kekafiran seolah-olah di sana ada suatu matlamat yang dituju oleh mereka.

Itulah satu pengungkapan yang menggambarkan keadaan jiwa yang sebenar, kerana setengah-setengah orang kelihatan begitu bersungguh-sungguh berjalan di jalan kekafiran, kebatilan, kejahatan dan maksiat seolah mereka bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan dalam perlumbaan. Mereka berlari kencang, terburu-buru dan penuh semangat seolah-olah mereka dikejar dari belakang atau diseru dari hadapan untuk merebut sesuatu hadiah.

Rasa sedih dan dukacita mengharukan hati Rasulullah s.a.w. kerana melihat golongan manusia

yang berusaha bersungguh-sungguh menuju ke Neraka, sedangkan beliau tidak mampu menahan mereka dan mereka pula tidak mahu mendengar amaran beliau. Rasa sedih dan dukacita juga mengharukan hati beliau kerana mereka yang bersungguh-sungguh ke Neraka dan berlumba-lumba kepada kekafiran itu telah melakukan tindakan-tindakan jahat dan gangguan yang menggugat orang-orang Islam dan menggugat da'wah Allah dan perkembangannya di kalangan orang ramai yang menunggu hasil-hasil perjuangan beliau dengan kaum Quraisy untuk memilih barisan yang dipilih oleh Quraisy pada akhir perjuangan itu. Apabila kaum Quraisy memeluk Islam dan menyerah kalah, maka orang ramai pun berduyun-duyun masuk ke dalam agama Islam Tidak syak lagi bahawa perhitungan-perhitungan yang seperti ini mempunyai kesannya di dalam hati Rasul yang mulia itu, kerana itu Allah menghiburkan hati Rasulullah s.a.w. dan menghapuskan rasa sedih dan dukacita yang mengharui hati beliau.

وَلَا يَحْزُنكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَن يَصُرُوا اللَّهَ شَيْئًا

"Dan janganlah sekali-kali engkau disedihkan oleh orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran. Sesungguhnya mereka tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun."

Yakni manusia-manusia yang lemah itu tidak mungkin memudharatkan Allah sedikitpun. Hal ini tidak perlu kepada penerangan. Maksud Allah di sini ialah Dia mahu menjadikan persoalan 'aqidah itu sebagai persoalan-Nya dan perjuangan dengan kaum Musyrikin itu sebagai perjuangan-Nya. Dia mahu mengangkat beban 'aqidah dan beban perjuangan itu dari pundak Rasulullah s.a.w. dan pundak kaum Muslimin seluruhnya, kerana orang-orang yang berkejaran ke dalam kekafiran adalah orang-orang yang memerangi Allah dan mereka adalah terlalu daif untuk memudharatkan Allah. Kini jelaslah bahawa mereka tidak akan dapat memudharatkan da'wah-Nya dan tidak akan dapat memudharatkan para pejuang da'wah ini biar bagaimana cepat mereka berkejaran kepada kekafiran dan biar bagaimana dahsyat mereka menindas para hamba kesayangan Allah.

Jadi, mengapa Allah membiarkan mereka selamat dan mencapai kemenangan, sedangkan merekalah musuh-musuh-Nya yang langsung?

Jawabnya kerana Allah mengaturkan untuk mereka balasan yang amat menghampakan mereka:

يُرِيدُ اللَّهُ الْأَيَّامَ أَنْ لَا يَجْعَلَ لَهُمْ حِزَابًا فِي الْآخِرَةِ

"Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian (keni'matan) kepada mereka di hari Akhirat."

Yakni Allah mahu supaya mereka kehabisan seluruh modal mereka dan supaya mereka memikul semua

dosa-dosa itu dan menerima balasan 'azab dengan penuh kewajaran. Allah mahu mereka terus berkejaran kepada kekafiran hingga ke penghabisan jalan.

وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar."(176)

Mengapa Allah mahu mereka mendapat kesudahan yang amat dahsyat ini? Mereka sebenarnya wajar menerima kesudahan itu dengan sebab mereka membeli kekafiran dengan keimanan:

إِنَّ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ لَنْ يَضُرُّوا اللَّهَ شَيْئًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membeli kekafiran dengan keimanan tidak akan memudharatkan Allah sedikitpun dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(177)

Keimanan Ditawarkan Kepada Semua Manusia Dan Bukti Keimanan Berada Di Mana-mana

Mereka memang berupaya untuk mencapai keimanan itu, kerana dalil-dalilnya tersebar di merata pelosok alam buana dan di dalam pendalaman-pendalaman fitrah mereka sendiri. Bukti-bukti keimanan itu wujud dalam reka bentuk alam al-wujud yang menarik ini dan wujud dalam susunan-susunannya yang seimbang dan sepadu yang mengkagumkan. Ia juga wujud di dalam rupa bentuk fitrah yang secara langsung dan hubungannya yang mesra dengan alam buana ini dan kesedarannya terhadap tangan qudrat Ilahi yang mencipta dan dengan ciri ciptaan Ilahi yang indah. Di samping itu da'wah kepada keimanan itu juga wujud di atas lidahpara rasul dan wujud dalam tabi'at da'wah yang memenuhi kehendak fitrah dan mengandungi keindahan kesepaduan, keselarasan dan kebaikan untuk kehidupan dan untuk manusia.

Ya, keimanan memang telah ditawarkan kepada mereka, tetapi sayang mereka telah menukarkannya dengan kekafiran. Mereka berbuat begitu dengan pengetahuan dan maklumat yang cukup, oleh sebab itulah mereka wajar ditinggalkan berkejar-kejaran menuju kepada kekafiran supaya tabung modal mereka kehabisan semua sekali dan tidak mendapat apa-apa habuan pahala Akhirat. Di sinilah juga letaknya sebab mereka menjadi begitu lemah dan tidak mungkin memudharatkan Allah sedikitpun. Mereka berada di dalam kesesatan yang total dan tidak mempunyai kebenaran barang sedikitpun dan Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang kuasa dan sebarang kekuatan kepada kesesatan dan kebatilan, kerana itu orang-orang yang sesat itu terlalu lemah untuk memudharatkan hamba-hamba kesayangan Allah dan menggugatkan da'wah-Nya dengan kekuatan yang lemah dan kerdil biarpun bagaimana ia kelihatan berlagak angkuh dan takbur dan biarpun bagaimana ia menimpakan gangguan-

gangguan sementara kepada orang-orang Mu'min untuk satu jangka waktu.

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٧﴾

"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(177)

laitu jauh lebih sakit dari 'azab keseksaan yang mereka timpakan ke atas orang-orang yang beriman.

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمَلِّ لَهُمْ خَيْرٌ

لَأَنفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمَلِّ لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ

مُهِينٌ ﴿١٧٨﴾

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang Kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah Kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan."(178)

Sangkaan-sangkaan Yang Liar Terhadap Allah Apabila Kebatilan Menang

Di dalam ayat ini tibalah kepada kompleks kekeliruan dan rasa terkilan yang mengharukan setengah-setengah hati orang-orang yang beriman apabila mereka melihat musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kebenaran ditinggal tanpa dikenakan 'azab dan mereka kelihatan pada lahirnya meni'mati kekuatan, kuasa, kekayaan dan kedudukan yang mempesonakan hati mereka dan hati orang-orang yang berada di sekeliling mereka. Inilah yang membuat setengah-setengah orang yang lemah iman menaruh sangkaan yang tidak benar, iaitu sangkaan jahiliyah terhadap Allah. Mereka menyangka bahawa Allah redha terhadap kebatilan, kejahatan, kekufuran dan kezaliman - Subhanallah - dan kerana itu Allah membiarkannya! Atau mereka menyangka bahawa Allah tidak ikut campurtangan dalam perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan - Subhanallah - dan kerana itu Allah membiarkan sahaja kebatilan itu menghancurkan kebenaran dan tidak campurtangan menolaknya! Atau mereka menyangka bahawa kebatilan ini adalah kebenaran jika tidak mengapa Allah membiarkannya subur, membesar dan menang? Atau menyangka bahawa kebatilan itu selalunya menang di muka bumi dan nasib kebenaran itu selalunya kalah, kemudian Allah membiarkan pejuang-pejuang kebatilan yang zalim dan perosak itu terus hanyut dalam kezaliman mereka dan terus berkejaran menuju kepada kekafiran. Mereka selanjutnya menyangka bahawa pejuang-pejuang kebatilan itu mempunyai kedudukan yang begitu kukuh hingga di sana tidak ada kekuatan yang sanggup berdiri menentang mereka!

Semuanya ini adalah sangkaan-sangkaan yang karut dan sangkaan yang tidak benar terhadap Allah. Hakikat yang sebenar bukannya begitu. Lihatlah di dalam ayat ini bagaimana Allah memberi amaran

kepada orang-orang kafir supaya jangan menaruh sangkaan yang seperti itu. Sebenarnya jika Allah tidak menimpakan 'azab ke atas mereka kerana kekafiran yang dikejar-kejar mereka dan jika Allah memberikan kepada mereka sebahagian ni'mat dunia yang dini'mati mereka dan membuat mereka dapat bersenang-senang dengannya, jika Allah menghukum mereka dengan dugaan ini, maka itulah ujian yang memesonakan dan itulah perangkap yang sangat halus dan itulah istidraj yang amat jauh:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ نُمْلِي لَهُمْ خَيْرٌ
لِّأَنفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمْلِي لَهُمْ لِيَزَادُوا إِثْمًا

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa penangguhan yang Kami berikan kepada mereka itu suatu kebaikan kepada mereka, malah Kami berikan penangguhan itu hanya supaya dosa mereka bertambah banyak."

Andainya mereka wajar dikeluarkan Allah dari kelalaian dalam kenimatan itu dengan ujian yang menyedarkan mereka tentulah Allah menguji mereka, tetapi Allah tidak mahu mereka mendapat kebaikan kerana mereka telah membeli kekafiran dengan keimanan dan kerana mereka berkejar-kejaran dan bersungguh-sungguh menuju kepada kekafiran. Oleh sebab itu mereka tidak lagi wajar digerakkan Allah dari kelalaian dalam kenimatan dan kuasa itu dengan ujian!

وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ

"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat menghinakan." (178)

Penghinaan itulah balasan yang setimpal dengan kedudukan mereka yang tinggi dan mewah.

Beginitulah ternyata bahawa ujian (dengan kesusahan) dari Allah itu merupakan satu ni'mat yang tidak menimpa melainkan ke atas siapa yang Allah kehendaki memberi kebaikan kepada-Nya. Oleh itu apabila ujian itu menimpa hamba-hamba kesayangan-Nya, maka ia menimpa mereka kerana sesuatu kebaikan yang Allah hendak kurniakan kepada mereka - walaupun ujian itu berlaku sebagai akibat dari tindak-tanduk mereka sendiri - di sana terselit hikmat Ilahi yang tersembunyi, tadbir Ilahi yang halus dan limpah kurnia Ilahi yang besar ke atas para hamba kesayangan-Nya (di sebalik ujian itu).

Demikianlah hati (para Mu'minin) menjadi tenang dan tenteram dan demikianlah hakikat-hakikat yang tulen dan mudah di dalam pemikiran dan kefahaman secara Islam yang jelas dan lurus itu dapat bertapak dengan teguh.

Hikmat Allah dan kebaikan-Nya ke atas orang-orang yang beriman telah menghendaki membezakan mereka dari orang-orang Munafiqin yang menyusup di dalam barisan mereka kerana terpengaruh kepada

berbagai-bagai perhitungan yang sama sekali tidak terbit dari kasih kepada Islam. Lalu Allah uji mereka dengan penderitaan-penderitaan Peperangan Uhud dengan sebab tindak-tanduk dan tanggapan-tanggapan mereka yang salah untuk membezakan yang buruk dari yang baik:

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُظْلِعَكُمْ
عَلَىٰ الْغَيْبِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَجْتَبِيٰ مِن رُّسُلِهِ مَن يَشَاءُ
فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ وَإِن تَوَلَّوْا فَلَكَؤْمُورُ
عَظِيمٌ

"Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga Dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'min) dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan perkara yang ghaib kepada kamu, tetapi Allah memilih daripada rasul-Nya siapa yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan memperolehi pahala yang amat besar." (179)

Ujian Merupakan Proses Yang Perlu Untuk Kebaikan Manusia

Ayat ini dengan tegas menjelaskan bahawa bukannya dari sifat Allah S.W.T. dan bukannya dari kehendak Uluhiyah-Nya dan bukan pula dari tindakan undang-undang dan peraturan-Nya membiarkan barisan Muslimin bercampur aduk dengan orang-orang Munafiqin yang bersembunyi di bawah tabir dakwaan beriman dan berpura-pura Islam hingga tidak dapat dibezakan, sedangkan hati mereka kosong dari inti keimanan dan semangat keislaman, Allah telah mewujudkan umat Muslimin supaya mereka melaksanakan satu tugas yang universal yang amat besar, supaya mendokong agama Ilahi yang agung dan supaya melahirkan satu realiti yang unik dan satu sistem hidup yang baru dan sudah tentu tugas yang besar ini memerlukan keikhlasan, ketulusan, kebersihan, identiti tersendiri dari yang lain dan perpaduan yang kukuh. Ia memerlukan agar barisannya tidak diresapi oleh unsur-unsur yang merosakkannya dan agar binaannya tidak bercampur dengan bahan-bahan yang melemahkannya.... Atau dengan ungkapan ringkas yang lain ia memerlukan agar tabi'at umat Muslimin ini berada di suatu tahap yang agung yang sama dengan keagungan tugas yang telah diserahkan Allah kepada mereka di bumi ini atau sama dengan kedudukan mereka yang telah disediakan Allah di Akhirat.

Semuanya ini memerlukan barisan Muslimin itu dileburkan untuk dikeluarkan kekotoran-kekotorannya. Barisan itu perlu ditekankan supaya

keping-keping bata yang reput itu jatuh semuanya. Ia perlu disuluh dengan lampu-lampu yang terang untuk mengetahui rahsia-rahsia yang tersimpan di dalam hati. Demikianlah sifat Allah S.W.T. bertindak membezakan yang buruk dari yang baik dan bukanlah sekali-kali dari sifat-Nya membiarkan orang-orang yang beriman terus berada dalam keadaan campur aduk yang wujud sebelum berlakunya peristiwa besar peperangan yang menggemparkan itu.

Manusia Tidak Dikurniakan Pengetahuan Ghaib Melainkan Sekadar Sahaja

Begitu juga bukannya dari urusan Allah S.W.T. memperlihatkan rahsia-rahsia ghaib kepada manusia, iaitu rahsia-rahsia yang menjadi ikhtisas Allah sahaja, kerana manusia dari segi tabi'at kejadiannya tidak disediakan untuk mengetahui rahsia-rahsia yang ghaib. Peralatan-peralatan yang dikurniakan Allah kepada mereka tidak dipelankan di atas asas untuk membolehkannya menerima rahsia-rahsia ghaib ini melainkan sekadarnya sahaja dan andainya peralatan-peralatan manusia itu dibuka kepada rahsia-rahsia ghaib nescaya ia akan hancur, kerana ia memang tidak disediakan untuk menerima rahsia-rahsia ghaib melainkan sekadar yang dapat dihubungkan oleh rohnyanya dengan Allah dan dihubungkan oleh kewujudannya dengan kewujudan alam buana. Sekurang-kurangnya yang akan berlaku kepada manusia apabila mereka mengetahui segala rahsia nasib kesudahannya (yang berada di alam ghaib itu) ialah ia tidak mahu menggerakkan kaki tangannya untuk memaju dan membangunkan bumi ini atau dia terus akan berada di dalam keadaan gelisah dan cemas mengenangkan nasib kesudahannya itu sehingga dia tidak mempunyai waktu lagi untuk memaju dan membangunkan bumi.

Oleh sebab itulah bukan dari urusan Allah S.W.T. dan bukan dari kehendak hikmat dan undang-undang dan peraturan-Nya meluahkan manusia mengetahui rahsia-rahsia ghaib.

Jika begitu bagaimana Allah hendak membezakan yang buruk dari yang baik? Dan bagaimana Allah melaksanakan urusan-Nya dan menjalankan peraturan-Nya dalam membersihkan barisan kaum Muslimin dari kekeliruan dan nifaq dan menyediakan mereka untuk memikul tugas universal yang agung, yang kerananya mereka diwujudkan?

وَلَكِنَّ اللَّهَ يَجْتَبِي مِنْ رُسُلِهِ مَنْ يَشَاءُ

"Tetapi Allah memilih dari para rasul-Nya sesiapa yang dikehendaki oleh-Nya." (179)

Yakni melalui kerasulan dan melalui kepercayaan atau kekafiran terhadap kerasulan, melalui perjuangan para rasul untuk menegakkan agama Allah dan melalui ujian Allah terhadap sahabat-sahabat para rasul di jalan perjuangan, melalui jalan-jalan inilah terlaksananya urusan Allah dan undang-undang-Nya. Melalui jalan-jalan inilah Allah membezakan yang buruk dari yang baik dan

membersihkan hati dan jiwa. Dan di sini terlaksanalah taqdir Allah mengikut sebagaimana yang diatur.

Demikianlah tirai diangkat untuk menunjukkan sebahagian dari hikmat Allah yang menjadi kenyataan di dalam kehidupan manusia, dan demikianlah hakikat ini terpacak teguh di bumi yang keras yang terdedah kepada semua pandangan dengan begitu jelas.

Dan di hadapan pemandangan hakikat yang jelas dan mudah ini Al-Qur'an menunjukan pembicaraannya kepada orang-orang yang beriman supaya mereka menegakkan di dalam diri mereka sendiri pengertian dan kehendak-kehendak keimanan itu. Sambil menunjukkan limpah kurnia Allah yang besar kepada mereka, iaitu limpah kurnia yang menunggu orang-orang yang beriman.

فَأْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ

"Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan memperoleh pahala yang amat besar." (179)

Arahan dan galakan yang diberikan selepas penjelasan dan keyakinan itu merupakan sebaik-baik penamat kata bagi pembentangan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan ulasan-ulasan mengenainya.

* * * * *

Hakikat Agung Peperangan Uhud

Peperangan Uhud dan ulasan-ulasan Al-Qur'an mengenainya telah melahirkan berbagai-bagai hakikat yang besar yang sukar dikira dan diulaskan dalam tafsir Fi Zilal ini. Oleh itu cukuplah kami sebutkan di sini hakikat-hakikat yang paling syumul dan menonjol sahaja supaya dapat dijadikan asas untuk diukur dan dinilai segala apa yang terkandung di dalam peperangan itu sebagaimana yang telah dibentangkannya oleh Al-Qur'anul-Karim tempat-tempat yang boleh dijadikan contoh teladan dan punca istidlal:

1) Peperangan Uhud dan ulasannya telah melahirkan satu hakikat asasi yang besar mengenai tabi'at agama ini selaku sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk manusia, juga mengenai cara agama ini bertindak di dalam kehidupan manusia. Hakikat ini adalah satu hakikat asasi yang mudah, tetapi seringkali dilupai atau tidak difahami dari awal-awal lagi dan akibat dari melupakan hakikat ini atau dari tidak memahaminya berlakulah kesilapan yang besar dalam pandangan seseorang terhadap agama ini, iaitu terhadap hakikatnya, terhadap realiti sejarahnya di dalam kehidupan manusia dan di dalam peranannya di masa silam, masa kini dan masa depan.

Salah Harapan Dan Pengertian Terhadap Agama Allah

Setengah-setengah kita mengharapakan dari agama ini - kerana ia sistem hidup yang diatur oleh Allah

untuk manusia - bertindak di dalam kehidupan manusia secara sihir yang mencarikkan adat tanpa mengambil kira tabi'at manusia, tenaga fitrah mereka dan realiti kebendaan mereka dalam mana-mana peringkat perkembangan mereka dan dalam mana-mana persekitaran mereka.

Dan apabila mereka melihat bahawa agama ini tidak bertindak dengan cara itu, malah ia hanya bertindak dalam batas tenaga kemampuan manusia sahaja dan dalam batas realiti kebendaan mereka sahaja, dan melihat bahawa tenaga kemampuan dan realiti itu saling bertindak bersama agama ini lalu kedua-duanya terpengaruh dengannya dengan begitu jelas pada masa-masa yang tertentu atau kedua-duanya mempengaruhi tahap sambutan orang ramai terhadapnya, dan kadang-kadang pada masa-masa yang lain pula kedua-duanya memberi kesan yang anti agama ini menyebabkan orang ramai dikongkong oleh tabi'at tanah mereka yang berat dan dorongan nafsu keinginan mereka hingga mereka tawar hati dari menyambut seruan agama ini atau berjalan seiringan dengannya di jalannya dengan hati yang bulat apabila mereka melihat gejala-gejala ini, mereka terus merasa hampa dan kecewa yang sama sekali tidak diduga oleh mereka memandangkan agama ini adalah dari Allah - atau kepercayaan mereka terus bergoncang terhadap kesungguhan dan realiti sistem hidup agama ini atau mereka terus dilanda keraguan terhadap agama seluruhnya.

Untaian dari kesilapan-kesilapan ini adalah semuanya berpunca dari satu kesilapan sahaja, iaitu kesilapan kerana tidak memahami tabi'at dan cara agama ini atau kerana melupakan hakikat asasi yang mudah ini.

Sebenarnya agama ini adalah satu sistem hidup untuk manusia yang dapat ditegakkan di dalam kehidupan manusia dengan usaha manusia dan dalam batas tenaga kemampuan manusia. Agama ini memulakan tindakannya dari titik di mana manusia berada di dalam realiti kebendaan mereka dan di sinilah ia membawa mereka hingga ke akhir perjalanan dalam batas usaha dan tenaga kemampuan mereka sebagai manusia dan ia menyampaikan mereka ke tahap yang setinggi-tinggi yang dapat dicapai oleh usaha dan daya tenaga kemampuan mereka.

Ciri asasi agama ini ialah ia tidak lupa sedetik pun - dalam mana-mana perancangan dan langkah - terhadap tabi'at fitrah manusia, batas-batas tenaga kemampuannya dan realiti kebendaannya, dan dalam waktu yang sama juga agama ini dapat menyampaikan manusia - sebagaimana yang telah terlaksana pada beberapa masa yang silam dan masih tetap boleh dilaksanakan jika diusahakan dengan sungguh-sungguh - ke tahap yang tidak dapat disampaikan oleh mana-mana sistem yang lain yang diciptakan oleh manusia.

Pertanyaan Biadab Yang Tidak Diajukan Oleh Seseorang Mu'min Yang Serious

Tetapi seluruh kesilapan itu - sebagaimana telah dijelaskan - adalah berpunca dari kesilapan tidak memahami tabi'at agama ini atau melupakannya, iaitu berpunca dari menunggu mu'jizat-mu'jizat yang tidak berlandaskan realiti manusia atau mu'jizat-mu'jizat yang menukarkan fitrah manusia dan mengubahkannya kepada satu kejadian yang baru yang tidak ada hubungan dengan fitrah mereka, kecenderungan-kecenderungan mereka, bakat-bakat kesediaan dan tenaga-tenaga kemampuan mereka dan dengan seluruh realiti kebendaan mereka.

Bukankah agama ini dari Allah? Bukankah agama ini suatu agama yang datang dari sumber kekuatan Yang Maha Berkuasa yang tiada suatu pun yang dapat melemahkannya? Oleh itu mengapakah agama ini hanya bertindak dalam batas kemampuan manusia sahaja? Mengapakah ia memerlukan kepada usaha manusia untuk bertindak? Mengapa ia tidak selalu menang? Mengapa pejuang-pejuangnya tidak selalunya mendapat kemenangan? Mengapa agama ini kadang-kadang dikalahkan oleh tekanan nafsu keinginan manusia dan realiti kebendaan mereka? Mengapa para pejuang kebatilan kadang-kadang berjaya mengalahkan para pejuang kebenaran?

Semuanya - sebagaimana yang kita dapat lihat - merupakan pertanyaan-pertanyaan dan kekeliruan-kekeliruan yang berpunca dari kesilapan tidak memahami hakikat asasi tabi'at dan cara agama ini atau kerana lupakan hakikat ini.

Memang benar Allah berkuasa mengubah fitrah manusia - melalui agama ini atau tanpa melaluinya - dan Allah juga berkuasa menjadikan manusia dari awal lagi dengan fitrah yang lain, tetapi Allah telah menghendaki menjadikan manusia dengan fitrah ini, juga telah menghendaki menjadikan manusia ini mempunyai kemahuan dan kebolehan menyambut dan menerima. Allah telah menghendaki menjadikan hidayat itu sebagai hasil usaha manusia yang menyambut dan menerima, juga telah menghendaki agar fitrah manusia dapat bertindak selama-lamanya tanpa dihapus, ditukar dan dihentikan fungsinya. Allah telah menghendaki agar sistem hidup manusia yang diatur oleh-Nya itu ditegakkan dalam kehidupan manusia melalui usaha manusia sendiri dan dalam batas tenaga kemampuan manusia, juga telah menghendaki agar manusia mencapai semuanya itu mengikut usaha-usahanya yang dicurahkan dalam batas realiti yang menjadi latar belakang hidupnya.

Tiada siapa dari makhluk-Nya yang berhak menyoal-Nya mengapa Dia menghendaki begitu? Selama ianya bukan tuhan dan selama ia tidak mempunyai ilmu tentang peraturan semesta bagi alam buana dan tentang kehendak-kehendak peraturan-peraturan ini pada tabi'at setiap makhluk di alam al-wujud ini dan tentang hikmat yang tersembunyi di sebalik

penciptaan setiap makhluk yang diciptakan dengan reka bentuknya yang khusus itu.

Pertanyaan "mengapa?" di tempat ini adalah satu pertanyaan yang tidak sanggup diajukan oleh seorang Mu'min yang serius, juga tidak disanggup diajukan oleh seorang mulhid yang serius. Seorang Mu'min tidak sanggup bertanya begitu kerana dia amat beradab sopan terhadap Allah - yang dikenali hakikat dan sifat-sifat-Nya dengan hatinya - dan kerana dia mengetahui bahawa daya kefahaman dan pemikiran manusia tidak disediakan untuk berfikir di lapangan ini dan seorang yang mulhid pula tidak sanggup bertanya begitu kerana dari awal lagi dia tidak mengakui kewujudan Allah, dan andainya ia mengakui Uluhiyah Allah tentulah dia akui bahawa apa yang telah dikehendaki Allah itu memang dari urusan-Nya dan dari kehendak Uluhiyah-Nya.

Tetapi pertanyaan itu hanya mungkin diajukan oleh seorang yang bergurau senda dan berpendirian goyah sahaja bukan oleh seorang Mu'min yang serius dan bukan oleh seorang mulhid yang serius dan oleh sebab itu pertanyaan ini tidak wajar dilayani dan diambil dengan bersungguh-sungguh.

Mungkin pertanyaan ini diajukan oleh seorang yang jahil tentang hakikat Uluhiyah oleh itu cara menjawab pertanyaan orang yang jahil bukanlah dengan memberi jawapan secara langsung, malah dengan memperkenalkan hakikat Uluhiyah kepadanya sehingga ia mengetahui dan mengakuinya dan menjadi seorang Mu'min atau dia menolak dan mengingkarkannya dan menjadi seorang mulhid. Dengan cara ini perdebatan itu dapat ditamatkan kecuali dia seorang yang degil.

Tiada siapa pun dari makhluk Allah yang berhak menyoal-Nya mengapa Dia mahu menjadikan makhluk insan dengan fitrah ini? Mengapa Dia mahu fitrah ini dapat ber-

tindak selama-lamanya, tanpa dihapus, ditukar dan dihentikan fungsinya? Mengapa Dia mahu menjadikan sistem hidup Ilahi ini terlaksana di dalam kehidupan manusia melalui usaha manusia sendiri dan dalam batas tenaga kemampuan manusia?

Tetapi setiap manusia harus memahami hakikat ini dan harus melihat bagaimana hakikat ini bertindak di dalam realiti hidup manusia, dan seterusnya di atas landasan hakikat inilah ia harus mentafsirkan sejarah manusia agar dia dapat memahami garisan perjalanan sejarah dari satu segi dan dapat mengarahkan garisan itu dari satu segi yang lain pula.

Sistem hidup Ilahi yang dilambangkan oleh Islam - sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. - tidak tertegak di bumi di dalam alam manusia dengan semata-mata kerana ia diturunkan dari Allah dan dengan semata-mata ia disampai dan dijelaskan kepada manusia. Sistem itu tidak ditegakkan di bumi ini dengan paksaan Ilahi sebagaimana Allah memperlakukan undang-undang-Nya ke atas perjalanan bintang-bintang dan peredaran planet-

planet dan mengaturkan natijah-natijah mengikut sebab-sebabnya yang tabi'i, malah sistem itu hanya dapat ditegakkan apabila ia didokong dan diperjuangkan oleh kumpulan manusia yang benar-benar beriman dengannya dan berdiri teguh dan jujur mengamalkannya dengan segala daya kemampuan mereka, juga apabila ia dijadikan tugas hidup mereka dan matlamat cita-cita mereka dan apabila mereka berusaha menegakkannya di dalam hati orang-orang yang lain dan di dalam kehidupan amali mereka. Ia dapat ditegakkan apabila mereka berjuang bersungguh-sungguh ke arah matlamat ini dengan mengorbankan segala usaha dan tenaga, iaitu berjuang menghadapi kelemahan manusia, hawa nafsu manusia dan kejahilan manusia terhadap diri sendiri dan orang lain, berjuang menentang manusia-manusia yang menentang sistem hidup Ilahi ini kerana didorong oleh kelemahan, hawa nafsu dan kejahilan. Dan selepas itu semua mereka akan sampai selepas berjaya menegakkan sistem Ilahi ini ke tahap yang disanggupi oleh fitrah manusia. Tetapi mereka harus mulakan manusia itu dari titik di mana sebenarnya mereka berada kerana mereka tidak boleh mengabaikan kenyataan hidup manusia dan kehendak-kehendak kenyataan itu di dalam persoalan tahap-tahap sistem ini. Kemudian kumpulan yang memperjuangkan sistem Ilahi ini kadang-kadang menang di dalam perjuangan dengan diri mereka sendiri dan dengan orang-orang lain dan kadang-kadang pula kalah mengikut sejauh mana usaha yang dicurahkan mereka dan mengikut cara-cara amali yang digunakan mereka, juga mengikut sejauh mana kejayaan mereka di dalam memilih cara-cara itu. Tetapi sebelum segala sesuatu, iaitu sebelum segala usaha dan segala cara, di sana ada satu unsur yang amat penting, iaitu sejauh mana keikhlasan kumpulan ini kepada matlamat perjuangan ini dan sejauh mana mereka mencerminkan hakikat sistem Ilahi itu pada tindak-tanduk diri mereka sendiri dan sejauh mana hubungan mereka dengan Allah tuan punya sistem hidup ini, sejauh mana mereka yakin kepada-Nya dan sejauh mana mereka bertawakkal kepada-Nya.

Inilah hakikat agama ini dan inilah jalannya. Inilah pelan harakat agama ini dan wasilahnya.

Inilah hakikat yang dikehendaki Allah supaya diketahui oleh kelompok Muslimin apabila dia mendidik mereka dengan peristiwa-peristiwa Peperangan Uhud dan dengan ulasan-ulasan di atas peristiwa-peristiwa ini.

Apabila mereka cuai mencerminkan hakikat agama ini pada tindak-tanduk ciri mereka dalam setengah-setengah keadaan peperangan itu dan cuai menggunakan wasilah-wasilah yang amali dalam setengah-setengah keadaannya... apabila mereka abaikan hakikat yang asasi ini atau melupakannya dan memahami bahawa oleh kerana mereka orang-orang Islam, mereka pasti mendapat kemenangan tanpa mengajar kefahaman dan tindak-tanduk mereka yang salah, maka di waktu itu Allah membiar mereka

mengalami kekalahan dan menderita kepedihan-kepedihannya yang amat pahit. Kemudian Al-Qur'an iringi dengan sebuah ulasan untuk mengembalikan mereka kepada hakikat itu:

أَوَلَمَّا أَصَبْتُمْ مُمْسِيَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِثْلَهَا
قُلْتُمْ أَنَّى هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ إِنَّ
اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾

"Apakah patut ketika kamu ditimpa kekalahan (dalam Peperangan Uhud) sedangkan kamu telah menimpakan dua kali ganda kekalahan (ke atas musuh kamu dalam Peperangan Badar) kamu berkata: Mengapa dan dari mana kekalahan ini? Katakanlah: Kekalahan itu adalah dari diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu." (165)

Tetapi Allah - sebagaimana telah kami huraikan ketika mentafsirkan ayat-ayat tidak meninggalkan orang-orang Islam pada titik ini, malah dia menghubungkan mereka dengan taqdir-taqdir Allah di sebalik sebab-sebab dan natijah-natijah itu dan menerangkan kepada mereka bahawa dia menghendaki kebaikan untuk mereka di sebalik ujian itu, iaitu ujian yang telah berlaku dengan sebab-sebabnya yang jelas dari tindakan-tindakan yang telah dilakukan mereka.

Peranan Perjuangan Manusia Dalam Menegakkan Agama Allah

Membiarkan sistem hidup Ilahi itu bertindak dan terlaksana menjadi kenyataan menerusi usaha perjuangan manusia atau membiarkannya terpengaruh dengan tindak-tanduk manusia terhadapnya pada umumnya adalah amat baik, kerana ia boleh membetulkan kehidupan manusia bukannya merosak atau melumpukannya; ia boleh membetulkan fitrah manusia, menyedarkannya dan mengembalikannya ke jalan yang betul ini ialah kerana hakikat keimanan itu tidak berkembang dengan sempurna di dalam hati seseorang sehingga ia berjuang menghadapi manusia mengenai urusan keimanan ini, iaitu berjuang dengan lidah untuk menyampaikan da'wah dan penerangan kepada mereka dan berjuang dengan tangan untuk menentang dan menghapuskan mereka dari jalan da'wah apabila mereka menghalangnya dengan menggunakan kekuatan yang zalim.... Dan sehingga di dalam perjuangan ini mereka terpaksa menghadapi ujian dan kesabaran menanggung kesusahan dan penindasan, kesabaran menerima kekalahan, juga kesabaran mencapai kemenangan, kerana kesabaran mencapai kemenangan lebih sukar dari kesabaran menerima kekalahan dan sehingga hati para Muslimin itu bersih, barisan mereka juga bersih dari unsur Munafiqin dan perjalanan mereka tegak dan jujur di atas jalan yang lurus dan dapat meneruskan perjalanan itu dengan betul dan meningkat maju serta bertawakkal kepada Allah.

Hakikat keimanan itu tidak dapat direalisasikan dengan sepenuhnya di dalam hati seseorang sehingga ia berjuang menghadapi manusia mengenai urusan keimanan ini; iaitu mula-mula dia harus berjuang menghadapi dirinya sendiri semasa ia berjuang menghadapi manusia. Dalam perjuangan itu keimanan akan membuka kepadanya ufuk-ufuk yang baru yang tidak pernah terbuka sebelum ini ketika ia duduk aman damai, keimanan akan membuka kepadanya berbagai-bagai hakikat mengenai manusia dan kehidupan yang tidak pernah terbuka kepadanya dengan wasilah-wasilah yang lain. Keimanan tidak akan menyampaikan dirinya, perasaannya, fikirannya, kefahamannya, adat kebiasaannya, emosinya dan reaksi-reaksinya ke tahap yang tidak pernah ia sampai sebelum ini tanpa melalui ujian yang sulit dan amat pahit ini.

Hakikat keimanan itu tidak dapat direalisasikan dengan sepenuhnya dalam satu kelompok manusia sehingga mereka menghadapi ujian dan dugaan dan sehingga setiap individu dari mereka mengenal hakikat tenaga kemampuan masing-masing dan mengenal hakikat matlamatnya di samping mengenal setiap keping bata atau anggota yang membentuk kelompok itu dan sejauh mana ketahanannya dan seterusnya mengenal sejauh mana kekuatan batu-batu bata itu di sa'at pertempuran.

Inilah perkara-perkara yang dikehendaki Allah S.W.T. supaya diketahui oleh kelompok Muslimin ketika dia mendidik mereka dengan peristiwa-peristiwa di dalam Peperangan Uhud dan dengan ulasan-ulasan terhadap peristiwa-peristiwa itu di dalam surah ini. Allah berfirman kepada mereka selepas Dia menyatakan sebab yang zahir bagi kekalahan yang telah menimpa mereka:

وَمَا أَصَابَكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيَعْلَمَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٦٦﴾

"Dan segala apa yang telah menimpa kamu pada hari pertembungan dua angkatan tentera itu, maka semuanya adalah dengan izin Allah dan supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang beriman." (166)

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا

"Dan (juga) supaya Allah mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang Munafiq." (167)

Dan firman-Nya lagi:

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ
يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ

"Allah sekali-kali tidak akan meninggalkan orang-orang Mu'min dalam keadaan kamu (yang bercampur aduk) sekarang ini sehingga Dia membezakan yang buruk (Munafiq) dari yang baik (Mu'min)." (179)

Kemudian ia mengembalikan mereka kepada taqdir dan hikmat Allah di sebalik sebab-sebab dan kejadian-kejadian itu semua, iaitu ia mengembalikan mereka kepada hakikat keimanan yang agung di mana keimanan seseorang tidak sempurna melainkan apabila hakikat ini tersematnya di dalam hati yang Mu'min:

إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلَهُ
وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ وَاللَّهُ
لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Jika kamu mendapat kecederaan, maka kaum kafir juga telah mendapat kecederaan yang serupa dan hari-hari kalah menang itu kami gilirkannya di antara manusia dan supaya jelas apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang beriman dan supaya Allah jadikan sebahagian dari kamu gugur sebagai Syuhada' dan Allah tidak sukakan orang-orang yang zalim (140). Dan supaya Allah menguji orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang kafir." (141)

Kini jelaslah bahawa itulah - pada penghabisannya - taqdir, tadbir dan hikmat Allah di sebalik sebab-sebab, peristiwa-peristiwa, orang-orang dan harakat-harakat itu. Itulah kepercayaan Islam yang syumul dan sempurna yang tersemat di dalam hati yang Mu'min di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan ulasan-ulasannya.

2) Peperangan Uhud dan ulasannya telah melahirkan satu hakikat asasi yang agung mengenai jiwa manusia, tabi'at fitrahnya dan tabi'at usahanya dan sejauh mana ia dapat menyampaikannya untuk menegakkan sistem Ilahi di dalam kenyataan:

Jiwa manusia di dalam realitinya tidak sempurna tetapi ia boleh berkembang subur dan maju sehingga sampai ke tahap kesempurnaan yang setinggi-tingginya yang telah ditentukan kepadanya di bumi.

Kini kita melihat sekelompok manusia dari berbagai-bagai golongan manusia, iaitu sekelompok manusia yang melambangkan kemuncak umat manusia yang disifatkan oleh Allah:

Golongan-golongan Mu'min Di Zaman Rasulullah

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ
"Kamulah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia." (110)

Mereka ialah para sahabat Muhammad s.a.w. yang menjadi contoh jiwa manusia yang sempurna. Apakah yang kita lihat? Kita lihat sekelompok manusia, di mana terdapat orang-orang yang lemah dan orang-

orang yang kurang, juga terdapat orang-orang yang disifatkan oleh Allah:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ إِنَّمَا
أَسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا وَلَقَدْ
عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ ﴿١٥٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka. Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka," (155)

dan ada pula orang-orang yang disifatkan Allah:

حَتَّىٰ إِذَا فِشَلْتُمْ وَتَنْزَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ
وَعَصَيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا أَرَاكُمْ مَا تُحِبُّونَ
مِنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّن يُرِيدُ
الْآخِرَةَ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ
وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ ﴿١٥٢﴾

"Sehingga apabila kamu lemah dan berbalah di dalam urusan perang dan kamu melanggar perintah (Rasul) sesudah Allah memperlihatkan kepada kamu kemenangan yang disukai kamu. Di antara kamu ada yang berkehendakkan dunia dan ada pula di antara kamu yang berkehendakkan Akhirat kemudian Allah memalingkan kamu dari (berjuang) menewaskan mereka untuk menguji kamu dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu," (152)

dan ada orang-orang yang disifatkan Allah

إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا
وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١١٢﴾

"(Kenangilah) ketika dua kumpulan dari kamu ingin berundur kerana takut, dan Allahlah Pelindung kedua mereka dan hanya kepada Allah hendaklah para Mu'minin itu bertawakkal," (112)

dan ada pula orang-orang yang mempunyai semangat yang kalah hingga sampai ke tahap yang disifatkan Allah:

إِذْ تَصْعَدُونَ وَلَا تَلُوتُونَ عَلَىٰ أَحَدٍ
وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أُخْرَاكُمْ
فَأَثْبِتْكُمْ وَغَمًّا بَغِيًّا لِّكَيْلَا تَحْزَنُوا عَلَىٰ
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ ﴿١١٤﴾

"(Kenangilah) ketika kamu mendaki bukit melarikan diri tanpa menoleh kepada sesiapa, sedangkan Rasul menyeru kamu dalam kumpulan yang tinggal di belakang kamu, kerana itu Allah menimpakan ke atas kamu kesedihan (kerana kalah) dengan sebab kesedihan (yang dialami Rasulullah kerana kederhakaan kamu) agar kamu tidak berdukacita terhadap sesuatu yang telah terluput dari kamu dan tidak pula berdukacita terhadap segala sesuatu yang telah menimpa kamu."(153)

Bagaimana Kelompok Muslimin Di Zaman Rasulullah Mendaki Dari Bawah Ke Puncak Yang Gemilang

Semua orang-orang ini adalah Mu'min dan Muslim belaka, tetapi mereka berada di permulaan jalan. Mereka masih dalam proses pendidikan dan pembentukan, tetapi mereka serius berpegang dengan agama ini dan menyerahkan urusan mereka kepada Allah. Mereka redha dengan kepimpinan Allah dan menjunjung sistem hidup-Nya. Oleh kerana itu Allah tidak mengusir mereka dari naungan dan perlindungan-Nya, malah memberi limpah rahmat-Nya kepada mereka dan mengampunkan kesilapan-kesilapan mereka dan memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya memaafkan mereka. Dan memohon keampunan untuk mereka dan seterusnya menyuruh beliau mengadakan syura dengan mereka dalam segala urusan walaupun selepas berlakunya ketelanjangan-ketelanjangan mereka dan akibat-akibat yang buruk dari hasil keputusan syura itu. Ya, Allah S.W.T. membiarkan mereka merasa akibat tindak-tanduk mereka dan menguji mereka dengan ujian yang sukar dan pahit itu, tetapi Allah tidak mengusir mereka keluar dari barisan Muslimin dan tidak pernah berkata kepada mereka: Kamu tidak layak sedikitpun untuk agama ini setelah kamu memperlihatkan kekurangan dan kelemahan di dalam ujian itu, malah Allah telah menerima kelemahan dan kekurangan mereka dan mendidikkan mereka dengan ujian dan dengan ulasan-ulasan terhadap ujian itu, juga membimbing mereka agar memikirkan contoh teladan dan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam ujian itu. Ia membimbing mereka ke arah itu dengan penuh kasih sayang, kemaafan dan toleransi sama seperti orang-orang dewasa yang memberangsangkan kanak-kanak yang kecil yang terkena api agar mereka mengerti, memahami dan matang. Allah telah mendedahkan kelemahan dan rahsia-rahsia hati mereka bukan dengan tujuan untuk memalukan dan menghinakan mereka dan bukan pula dengan tujuan untuk membuat dan membebaskan mereka dengan bebanan yang tidak mampu dipikul mereka, tetapi dengan tujuan untuk membimbing mereka dan menyarankan kepada mereka agar percaya kepada diri sendiri dan jangan memperkecilkannya, juga supaya jangan berputus asa selama mereka berpegang dengan tali Allah yang kukuh.

Pada akhirnya mereka berjaya sampai kepada matlamat. Contoh-contoh yang baik yang didapati sedikit di permulaan perjuangan Uhud itu kini telah wujud dengan banyaknya di dalam kalangan mereka

dan kerana itu pada hari yang berikut selepas kekalahan itu mereka keluar bersama Rasulullah s.a.w. dengan penuh keberanian, tanpa teragak-agak dan takut-takut kepada ugutan setengah-setengah orang (yang menakut-nakutkan mereka dengan kekuatan musuh mereka) sehingga mereka wajar mendapat sanjungan dari Allah:

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

"Iaitu mereka yang pernah diberitahu kepada mereka bahawa orang-orang (kafir) telah mengumpulkan (tentera) untuk menyerang kamu. Oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka lalu (ancaman itu) menambahkan lagi keimanan mereka dan mereka terus berkata: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Dialah sebaik-baik Pelindung."(173)

Selepas itu apabila kanak-kanak yang kecil itu semakin bertambah besar, maka layanan terhadap mereka pun berubah dan mereka mula dilayan sebagai orang-orang dewasa setelah mereka ditepuk-tepuk dan diberangsangkan di sini seperti kanak-kanak. Sesiapa yang mengkaji Peperangan Tabuk dalam Surah Bara'ah dan bagaimana Allah dan Rasul-Nya bertindak menghukumkan beberapa orang sahabatnya yang ponteng dari peperangan itu dengan pemulauan yang berat, tentulah dia dapati betapa jelasnya perbezaan layanan itu, iaitu perbezaan dalam peringkat-peringkat pendidikan Ilahiyah yang amat menarik. Di samping perbezaan di antara kaum Muslimin pada masa Peperangan Uhud dengan kaum Muslimin pada masa Peperangan Tabuk. Mereka adalah kaum Muslimin yang sama, tetapi mereka telah mendapat didikan Ilahiyah hingga ke tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun mereka tetap manusia yang masih ada orang-orang yang lemah dan orang-orang yang kurang dan orang-orang yang berbuat kesilapan di dalam kalangan mereka, begitu juga masih ada di dalam kalangan mereka orang-orang beristighfar, bertaubat dan kembali kepada Allah.

Itulah tabi'at manusia yang dipelihara oleh sistem hidup Ilahi ini tanpa menukarkannya atau menghentikan operasinya dan tanpa membebarkannya dengan bebanan yang tidak bertanggung olehnya walaupun manusia mencapai puncak kesempurnaan yang telah ditentukan kepada mereka di bumi ini.

Hakikat ini mempunyai nilai yang amat besar yang memberi harapan yang berterusan kepada umat manusia supaya terus berusaha dan berjuang untuk sampai ke puncaknya di bawah naungan sistem hidup yang unik ini, kerana kemuncak yang telah dicapai oleh kelompok Muslimin itu adalah didaki mereka mulai dari kaki bukit yang paling bawah, di mana mereka dipungut. Langkah-langkah yang jatuh rebah

di jalan yang sukar itu telah dilakukan oleh kelompok manusia yang mundur dalam segala bidang di zaman jahiliyah sebagaimana yang telah kami bentangkan contoh-contohnya di dalam pelajaran ini. Dan semuanya itu memberi harapan yang besar kepada umat manusia bahawa mereka boleh mencapai kemuncak yang tinggi itu walaupun mereka berada di kaki bukit yang paling rendah. Kelompok Muslimin yang telah berjaya mencapai kemuncak itu tidak boleh diasing dan dijadikan sebagai hasil mu'jizat yang mencarikkan adat yang tidak akan berulang, kerana kejayaan mereka bukannya hasil mu'jizat yang telah berlalu, malah hasil dari sistem hidup ilahi yang dapat ditegakkan di alam kenyataan dengan usaha perjuangan manusia dalam batas daya kemampuan manusia, sedangkan daya kemampuan manusia sebagaimana yang kita lihat adalah dapat melakukan banyak perkara.

Sistem hidup ilahi ini memulakan pimpinan setiap kelompok manusia dari titik hidup dan titik realiti kebendaan di mana mereka berada dan dari sinilah ia membawa mereka maju ke atas sebagaimana ia telah memulakan pimpinan kelompok manusia Arab, iaitu dari jahiliyah Arab yang bersahaja yakni dari tahap yang paling bawah kemudian di dalam jangka waktu yang pendek tidak sampai seperempat abad mereka telah berjaya mencapai kemuncak yang tinggi itu.

Hanya satu syarat sahaja yang pasti wujud, iaitu kelompok-kelompok manusia itu pasti menyerahkan kepimpinannya kepada sistem ini. Mereka pasti beriman dan berserah kepada sistem ini. Mereka pasti jadikan sistem ini sebagai asas kehidupan mereka, sebagai lambang harakat mereka dan sebagai penggerak langkah-langkah mereka di jalan perjuangan yang sulit dan panjang.

Faktor-faktor Asasi Kekalahan Dan Kemenangan Dalam Sesuatu Perjuangan

3) Hakikat yang ketiga yang dilahirkan oleh Peperangan Uhud dan ulasan-ulasannya ialah hakikat pertalian yang teguh di dalam peraturan Allah di antara realiti jiwa yang beriman dan kelompok yang beriman dengan setiap perjuangan dan pertempuran yang ditempuhi mereka dengan musuh-musuh mereka di mana-mana medan, atau pertalian di antara 'aqidah kefahaman, pemikiran, akhlak, perilaku, pentadbiran politik, ekonomi dan kemasyarakatan dengan kemenangan atau kekalahan dalam setiap perjuangan. Semuanya ini merupakan faktor-faktor asasi yang menentukan kemenangan atau kekalahan kepada kelompok Muslimin yang berjuang itu.

Oleh sebab itu sistem hidup ilahi bekerja dalam satu kawasan yang amat luas di dalam jiwa manusia dan di dalam kehidupan manusia, iaitu satu kawasan, di mana ruang-ruang, titik-titik, garis-garis dan tali temali yang berkait-kaitan tetapi sekaligus itu juga sepadu dan syumul. Sesuatu rencana itu akan rosak dan gagal apabila perhubungan dan kesepaduan di antara ruang-ruang, titik-titik, garis-garis dan tali

temali itu rosak. Inilah ciri istimewa sistem ilahi yang semesta dan syumul itu, iaitu ia mengambil kehidupan manusia secara keseluruhan bukan secara cebisan-cebisan dan koyakan-koyakan yang berasingan. Ia merangkul jiwa dan kehidupan manusia dari seluruh sudutnya dan mengumpulkan segala tali-temalnya yang berkait-kaitan dan berjauhan-jauhan itu di dalam genggamannya hingga ia dapat menggerakkannya dengan satu gerakan yang sepadu yang tidak mengakibatkan jiwa manusia pecah dan kehidupan mereka terkoyak dan terbelah.

Di antara contoh-contoh pengumpulan dan perhubungan yang berkait-kaitan ini ialah penjelasan Al-Qur'an tentang dosa dan kesannya kepada kemenangan dan kekalahan. Ia menjelaskan bahawa kekalahan itu ada hubungan dengan syaitan yang telah menggunakan kelemahan orang-orang yang telah melarikan diri dari medan peperangan dengan sebab kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا

"Sesungguhnya orang-orang dari golongan kamu yang berpaling (melarikan diri) pada hari pertembungan dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam Peperangan Uhud) sebenarnya telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka" (155)

sebagaimana ia menjelaskan bahawa orang-orang yang berjuang bersama nabi-nabi dengan penuh kesetiaan - mereka adalah contoh yang dituntut kepada para Mu'minin supaya mencontohinya - adalah memulakan langkah perjuangan mereka dengan memohon keampunan dari dosa-dosa:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا

اسْتَكَابَرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾
وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّا أَن قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا

وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبَّتْ أَقْدَامَنَا وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾

فَاتَهُمُ اللَّهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ الْآخِرَةِ
وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

"Dan berapa banyak dari nabi-nabi yang telah berperang bersama-sama dengan sebilangan ramai orang-orang yang ta'at kepada Allah, tetapi mereka tidak merasa lemah semangat kerana kesusahan-kesusahan yang menimpa mereka demi Sabilullah dan mereka juga tidak lemah tenaga

dan tidak pula tunduk (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar (146). Tiada ucapan mereka selain dari mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mengatasi kaum yang kafir (147). Lalu Allah mengurniakan kepada mereka ganjaran dunia dan ganjaran Akhirat yang baik dan Allah kasihkan para Muhsinin."(148)

Di dalam arahan-arahannya yang lain kepada kelompok Muslimin, Al-Qur'an mendahulukan arahan supaya membersihkan diri dan beristighfar sebelum melarang mereka bersikap lemah dan bersedih dalam perjuangan:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ
عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ
الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ
الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوْا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada keampunan dari Tuhan kamu dan kepada Syurga yang seluasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin (133). Iaitu orang-orang yang menginfakkan harta mereka di masa kesenangan dan kesusahan dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain terhadap mereka dan Allah memang kasihkan para Muhsinin (134). Dan (juga) orang-orang yang apabila mereka melakukan sesuatu kejahatan atau menganiayai diri sendiri, mereka teringat kepada Allah dan terus memohon keampunan terhadap dosa-dosa mereka dan tiada siapa yang mengampunkan dosa-dosa selain dari Allah dan mereka tidak terus berdegil melakukan perbuatan kejinya, sedangkan mereka mengetahui."(135)

Sebelum ini Al-Qur'an menyebut punca yang membawa kehinaan kepada kaum Ahlil-Kitab iaitu perangai mereka yang suka menceroboh dan melakukan maksiat.

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا ثَقَفُوا إِلَّا يَحْبِلُ
مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُ وَبِغْضَبٍ مِّنَ اللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكِ يَأْتِهِمْ كَانُوا

يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكِ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

"Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan telah diterapkan ke atas mereka. Balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar itu. Balasan itu dengan sebab mereka telah menderhaka dan mereka telah melampaui batas."(112)

Begitulah kita dapati pembicaraan tentang dosa dan taubat itu diselengi dalam ulasan peristiwa-peristiwa peperangan sebagaimana pembicaraan tentang taqwa dan gambaran keadaan-keadaan para Muttaqin diselengi dengan banyaknya di dalam penerangan seluruh rangkaian ayat-ayat surah ini. Ia menghubungkan di antara suasana seluruh surah yang berbagai-bagai maudhu' itu dengan suasana peperangan. Begitu juga kita dapati ia diselengi dengan da'wah supaya meninggalkan amalan riba, da'wah supaya ta'at kepada Allah dan Rasul, da'wah kepada memberi kemaafan kepada manusia, da'wah kepada mengawal kemarahan dan da'wah kepada berbuat ihsan. Semuanya itu merupakan tindakan-tindakan untuk membersihkan jiwa, kehidupan dan kedudukan- kedudukan sosial. Seluruh surah itu merupakan satu unit yang sepadu untuk membimbing para Muslimin ke arah matlamat asasi yang amat penting ini.

Kelompok Muslimin Dididik Dengan Peristiwa-peristiwa

4) Hakikat yang keempat yang dilahirkan oleh Peperangan Uhud dan ulasannya ialah hakikat tentang tabi'at sistem pendidikan Islam, iaitu ia mendidik kelompok Muslimin dengan peristiwa-peristiwa dan kesan-kesan perasaan, emosi dan reaksi yang ditimbulkan oleh peristiwa-peristiwa ini di dalam hati mereka, kemudian ia mengulas peristiwa-peristiwa itu sebagaimana yang dicontohkan oleh Al-Qur'an ketika mengulas Peperangan Uhud dan di dalam ulasan itu ia menyentuh segala aspek jiwa manusia yang terpengaruh dengan kejadian itu untuk membetulkan tanggapan-tanggapan dan menanamkan hakikat yang mahu ditanamkannya. Ia tidak meninggal suatu aspek, suatu tanggapan, suatu kefahaman dan suatu reaksi pun melainkan ia tarikkan perhatian kepadanya, ia suluhkan cahaya kepadanya, ia dedahkan segala liku-liku yang tersembunyi yang begitu banyak di dalam jiwa manusia, ia membuat jiwa manusia itu berdiri bogel agar dengan demikian dapat membersihkan batinnya di bawah suluhan cahaya yang terang, iaitu membetulkan perasaan-perasaan, tanggapan-tanggapan, kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai dan menegakkan dasar-dasar yang mahu ditegakkan

kefahaman dan kehidupan Islamiyah yang kukuh di atasnya. Semuanya ini menyarankan bahawa segala peristiwa yang berlaku kepada kelompok Muslimin di setiap tempat pastilah dijadikan wasilah untuk memberi ilmu pengetahuan dan tarbiyah dengan seluas-luasnya kepada mereka.

Apabila kita mengkaji ulasan Al-Qur'an terhadap peristiwa Peperangan Uhud nescaya kita dapati ulasan itu begitu halus, mendalam dan syumul. Ia merangkumi segala kedudukan, segala harakat, segala fikiran dan perasaan. Ia menyusup ke pendalaman-pendalaman jiwa dan perasaan-perasaannya yang terpendam. Ia meliputi segala aspek jiwa dan peristiwa. Kita dapati ulasan itu membuat analisa yang halus, mendalam dan syumul terhadap sebab-sebab dan natijah-natijah, terhadap faktor-faktor yang bertindak dan menggerakkan peristiwa itu di samping kita mendapati ciri dinamik dalam penggambaran, nada dan saranan, yang membuat perasaan bergelombang dengan hebat dan mendalam mengikut pengungkapan dan penggambaran itu. Perasaan-perasaan itu tidak dapat berdiri beku di hadapan penggambaran dan ulasan itu. Ia adalah satu penggambaran yang hidup yang menayangkan pemandangan-pemandangan itu seolah-olah bergerak dan menimbulkan di sekitarnya aktiviti yang berkesan, sorotan yang kuat dan saranan yang menarik.

5) Hakikat yang kelima yang dilahirkan oleh Peperangan Uhud dan ulasannya ialah kerealistikkan sistem hidup Ilahi. Di antara cara-cara sistem ini menegakkan kesan-kesannya di alam kenyataan ialah melaksanakan sistem itu di alam kenyataan. Ia tidak hanya mengemukakan dasar-dasar dalam bentuk teori-teori atau dalam bentuk bimbingan- bimbingan semata-mata, malah ia melaksanakan dan mengamalkan teori-teori dan bimbingan-bimbingan. Contoh yang paling jelas yang membuktikan kerealistikkan sistem ini di dalam Peperangan Uhud ini ialah sikapnya yang tegas terhadap dasar syura.

Memang dalam daya kemampuan Rasulullah s.a.w. untuk menghindarkan kaum Muslimin dari pengalaman yang amat pahit yang telah ditempuhi mereka, sedangkan di waktu itu masyarakat mereka masih amat muda dan sedang dikepung musuh dari segenap sudut, malah musuh-musuh itu sedang menunggu-nunggu peluang dari dalam kota Madinah itu sendiri. Kami kata memang dalam daya kemampuan Rasulullah s.a.w. untuk berbuat begitu andainya beliau membuat keputusannya sendiri dalam strategi peperangan itu berdasarkan mimpi-mimpinya yang benar, di mana Madinah digambarkan dalam mimpinya sebagai baju besi yang kukuh, iaitu andainya beliau tidak bermesyuarat dengan para sahabatnya atau tidak mengambil pendapat majoriti yang dicapai di dalam mesyuarat itu atau andainya beliau menyemakkan semula pendapat itu ketika terdapat peluang berbuat demikian, iaitu ketika beliau keluar dari rumahnya dan melihat pencadang-pencadang pendapat itu kelihatan menyesal kerana

telah memaksa beliau dengan sesuatu keputusan yang tidak disukainya.

Tetapi beliau - yang telah menilai segala hasil natijah peperangan itu - telah melaksanakan keputusan syura agar kaum Muslimin sanggup menghadapi hasil natijah tanggungjawab secara kelompok, agar mereka belajar bagaimana memikul tanggungjawab pendapat dan tanggungjawab tindakan, kerana ini - dalam pertimbangan beliau s.a.w. dan pertimbangan sistem hidup Islam yang hendak ditegakkan itu - adalah lebih penting dari menghindari kerugian-kerugian yang besar dan dari menghindarkan kelompok Muslimin dari pengalaman yang pahit itu, sebab perbuatan menjauhkan kelompok Muslimin dari pengalaman yang pahit itu bererti menafikan mereka dari pengalaman, dari ilmu pengetahuan dan dari tarbiyah.

Kemudian turun perintah Ilahi menyuruh mereka bermesyuarat - selepas peperangan itu - untuk menguatkan dasar syura dalam menghadapi hasil natijahnya yang pahit. Cara ini adalah lebih kuat dan lebih mendalam untuk menegakkan dasar ini dari satu segi dan untuk menjelaskan dasar-dasar sistem ini dari satu segi yang lain pula.

Islam tidak menanggukkan pelaksanaan dasar sehingga umat Muslimin mempunyai kesediaan untuk melaksanakannya, kerana ia mengetahui bahawa mereka tidak akan bersedia melaksanakannya buat selama-lamanya sehingga ia melaksanakannya di dalam kenyataan dan perbuatan menafikan mereka dari pelaksanaan dasar hidup mereka yang asasi - seperti dasar syura - adalah lebih buruk dari akibat-akibat yang pahit yang dialami mereka pada permulaan menggunakan dasar itu dan kesilapan-kesilapan dalam pelaksanaannya - biarpun bagaimana besar - tidak boleh dijadikan alasan untuk menghapuskan dasar syura itu atau menghentikannya untuk beberapa waktu kerana perbuatan itu bererti menghapus atau menghentikan perkembangan diri mereka, juga perkembangan pengalaman mereka terhadap hidup dan tugas-tugasnya, malah bererti menghapuskan kewujudan mereka sebagai satu umat.

Inilah saranan yang didapati dari firman Allah Ta'ala setelah dasar syura itu melahirkan akibat-akibat yang pahit dalam peperangan itu:

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ
 "Kerana itu maafkanlah mereka, pohonlah keampunan untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan." (159)

Pelaksanaan amali terhadap dasar-dasar teoritikal dapat dilihat dengan jelas pada tindakan Rasulullah s.a.w. apabila beliau enggan kembali bermesyuarat semula setelah mengambil keputusan di atas suatu cadangan yang tertentu dan menganggapkan mesyuarat semula itu sebagai satu pendirian yang goyah dan terumbang-ambing. Ini ialah untuk

memelihara dasar syura itu sendiri dari menjadi alat yang boleh menimbulkan sikap yang terus goyah dan teragak-agak dan mengakibatkan kelumpuhan bertindak. Beliau telah mengucapkan sabdanya:

مَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَضَعَ لَأَمْتِهِ حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ لَهُ.

"Tidak seharusnya seorang Nabi menanggalkan baju besinya sehingga Allah memberi keputusan kepadanya."

Kemudian turun pula perintah ilahi yang terakhir:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

"Dan apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah." (159)

Di sinilah terletaknya keselarasan di antara arahan dan pelaksanaan di dalam sistem hidup ilahi.

6) Di sana ada lagi satu hakikat yang akhir yang kita pelajari dari ulasan Al-Qur'an terhadap pendirian-pendirian kelompok Muslimin yang menyertai Rasulullah s.a.w., iaitu satu kelompok yang melambangkan sebagai golongan pahlawan-pahlawan umat Muslimin yang amat mulia di sisi Allah. Ini adalah satu hakikat yang berguna kepada kita dalam perjalanan kita untuk memulakan hayat Islamiyah dengan pertolongan Allah.

Sistem hidup ilahi itu adalah satu sistem yang tetap, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya juga tetap. Manusia mungkin jauh atau dekat dengan sistem itu, mereka mungkin salah dan mungkin betul di dalam asas-asas berfikir dan asas-asas bertingklaku, tetapi segala kesalahan-kesalahan mereka tidak sedikitpun boleh dimasukkan ke dalam kira-kira sistem itu dan tidak sedikitpun boleh mengubah nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya yang tetap.

Apabila manusia melakukan kesalahan dalam pemikiran, kefahaman atau di dalam tingkah laku, maka Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka melakukan kesalahan, dan apabila mereka menyeleweng, maka Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka melakukan penyelewengan. Ia tidak menutup mata terhadap kesalahan-kesalahan dan penyelewengan-penyelewengan mereka - biarpun bagaimana tinggi darjat dan pangkat mereka - dan ia tidak turut menyeleweng bersama mereka.

Kesalahan Tokoh-tokoh Islam Tidak Boleh Dikira Sebagai Sebahagian Dari Sejarah Islam

Dari sini kita mempelajari bahawa perbuatan menyalahkan orang-orang yang salah itu tidak bererti menyalahkan sistem itu sendiri dan adalah lebih baik bagi umat Muslimin mengekalkan dasar-dasar sistem hidup mereka selamat tidak tercacat, jelas dan tegas dan menyifatkan orang-orang yang bersalah dan menyeleweng dari dasar-dasar itu dengan sifat-sifat yang wajar dengan mereka biarpun siapa mereka. Dan janganlah sekali-kali mereka menjustifikasikan kesalahan-kesalahan dan penyelewengan mereka

dengan meminda sistem itu dan mengubah nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya. Pindaan dan perubahan itu lebih merbahaya kepada Islam dari menyifatkan tokoh-tokoh besar Islam dengan sifat-sifat salah dan menyeleweng, sebab sistem itu lebih besar dan lebih kekal dari tokoh-tokoh. Sejarah Islam yang sebenarnya bukannya setiap perbuatan dan setiap kedudukan yang dibuat oleh orang-orang Islam di dalam sejarah mereka, malah sejarah Islam yang sebenar ialah setiap perbuatan dan setiap kedudukan yang dibuat oleh mereka yang benar-benar bersesuaian dengan sistem Islam, dengan dasar-dasar dan nilai-nilainya yang tetap. Jika tidak, maka perbuatan itu dikira perbuatan yang salah atau menyeleweng yang tidak boleh dimasukkan di dalam kira-kira Islam dan di dalam kira-kira sejarah Islam; malah perbuatan-perbuatan itu hanya dimasukkan ke dalam kira-kira tokoh-tokoh yang melakukan perbuatan itu sahaja dan mereka bolehlah disifatkan dengan sifat-sifat yang wajar dengan perbuatan mereka sama ada salah atau menyeleweng atau terkeluar dari Islam Sejarah "Islam bukannya sejarah "orang-orang Islam" walaupun mereka bernama atau mengaku dengan lisan sebagai orang-orang Islam. Malah sejarah "Islam" ialah sejarah pelaksanaan Islam yang haqiqi dalam kefahaman manusia dan perilaku mereka, dalam peraturan hidup mereka dan sistem masyarakat mereka. Islam pastilah merupakan satu paksi tetap, di mana berlegar di sekelilingnya seluruh kehidupan manusia dalam satu bingkai yang tetap. Dan andainya mereka keluar dari bingkai ini atau meninggalkan terus paksi ini, maka apakah lagi hubungan mereka dengan Islam di waktu itu? Bagaimana mungkin tindak-tanduk mereka dan amalan-amalan mereka boleh dimasukkan ke dalam kira-kira Islam atau dapat digunakan untuk mentafsirkan Islam? Malah bagaimana mungkin mereka boleh disifatkan sebagai orang-orang Islam yang sebenar jika mereka menyeleweng dari sistem Islam atau enggan melaksanakan Islam di dalam kehidupan mereka? Mereka dianggap menjadi orang-orang Islam kerana mereka melaksanakan sistem ini di dalam kehidupan mereka bukannya kerana nama mereka nama orang-orang Islam dan bukan pula kerana mereka mengaku dengan mulut bahawa mereka orang-orang Islam.

Inilah apa yang hendak diajar oleh Allah S.W.T. kepada umat Muslimin apabila dia mendedahkan kesalahan-kesalahan kelompok Muslimin dan merakamkan kekurangan dan kelemahan mereka, kemudian Allah memberi rahmat-Nya kepada mereka dan mengampunkan mereka dari kesilapan-kesilapan yang terbit dari kekurangan dan kelemahan itu; walaupun Allah membiarkan mereka merasa akibat yang berpunca dari kesalahan, kelemahan dan kekurangan itu di medan ujian.

(Kumpulan ayat-ayat 180 - 189)

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاتُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾ ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾

الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا عَاهَدْنَا بِمَا آتَيْنَاكَ مِنْ رُسُلٍ حَتَّىٰ يَأْتِيَنا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ قُلْ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ قَبْلِى بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالَّذِى قُلْتُمْ فَلِمَ قَتَلْتُمُوهُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٨٣﴾ فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ رَسُولٌ مِنْ قَبْلِكَ جَاءُوا بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ ﴿١٨٤﴾ كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أَجْرَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ رُحِخَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَمْتَعٌ عُزُورِ ﴿١٨٥﴾

لَسُبُّوا فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَسَمَعَنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذَىٰ كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ وَأَشْرَوْا بِهِه ثُمَّ قَلِيلًا فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾ لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا آتُوا وَيُجِبُونَ أَنَّ يُحَمَّدُوا وَابِمَالِهِمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّ لَهُمْ بِمَفَازَةٍ مِنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨٨﴾ وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٨٩﴾

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya itu mengira bahawa kebakhilan itu suatu kebaikan kepada mereka, malah ia adalah suatu bencana kepada mereka. Harta yang dibakhilkan mereka itu akan dikalungkan di leher mereka pada hari Qiamat dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (180). Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya" Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan Kami akan berkata kepada mereka: "Rasakanlah 'azab bakaran Neraka! (181). Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya (182). Iaitu orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api", katakanlah: "Sesungguhnya sebelumku telah datang kepada kamu Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas dan membawa korban yang telah kamu sebutkan tadi, oleh itu mengapa kamu telah membunuh mereka jika kamu benar (183). Jika mereka telah mendustakan engkau, maka sesungguhnya Rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, kitab-kitab nasihat dan kitab syari'at yang terang nyata (184). Setiap yang bernyawa akan merasa kematian dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu kenikmatan yang palsu sahaja (185). Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahli-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakitkan, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat (186). Dan (kenangilah) ketika Allah mengikat perjanjian dengan kaum Ahli-Kitab iaitu: "Hendaklah kamu menjelaskan kandungan kitab itu kepada manusia dan janganlah kamu menyembunyikannya" lalu

mereka melemparkan perjanjian itu di belakang mereka dan mereka menukarkannya dengan harga yang sedikit. Alangkah kejinya tukaran yang dibuat oleh mereka (187). Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang bergembira dengan perbuatan (jahat) yang telah dilakukan mereka dan suka dipuji dengan perbuatan-perbuatan (baik) yang tidak pernah dilakukan mereka - oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka mereka - terselamat dari 'azab. Mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih (188). Dan Allahlah yang memiliki kerajaan langit dan bumi dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.(189)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Walaupun Peperangan Uhud ²⁴ telah selesai ditayangkan oleh Al-Qur'an, tetapi perjuangan yang berterusan yang berlangsung di antara kelompok Muslimin dengan musuh-musuh mereka yang berada di sekeliling mereka di Madinah terutama kaum Yahudi belum lagi berakhir, iaitu perjuangan berdebat, bertikam lidah, menabur keraguan dan kekeliruan, menimbulkan keadaan-keadaan kelam-kabut, merancang tipudaya dan komplot-komplot jahat. Perjuangan inilah yang mengambil bahagian yang terbesar dari surah ini.

Rasulullah s.a.w. telah bertindak - selepas Peperangan Badar - mengusir keluar Bani Qaynuqa' dari Madinah setelah mereka menunjukkan dendam kesumat, tipudaya, melakukan perbuatan yang membangkitkan kemarahan orang-orang Islam, membatalkan perjanjian-perjanjian yang telah dimaterai oleh Nabi s.a.w. dengan mereka di permulaan kedatangan beliau ke Madinah. Kerajaan Islam yang tegak di waktu itu di bawah kepimpinan beliau adalah bersandar kepada kekuatan orang-orang Islam yang terdiri dari suku Aus dan Khazraj, tetapi yang masih tinggal di sekeliling Madinah ialah kaum Yahudi Bani an-Nadhir, Bani Qurayzah dan lain-lain dari orang-orang Yahudi Khaibar dan sebagainya di Semenanjung Tanah Arab. Seluruh mereka terus berutus-utusan satu sama lain dan berkumpul. Mereka membuat hubungan dengan orang-orang Munafiqin di Madinah dan dengan kaum Musyrikin di Makkah dan di sekitar Madinah. Mereka merancang berbagai-bagai tipudaya dan komplot-komplot yang tidak putus-putus.

Di dalam ayat-ayat awalan Surah Aali 'Imran ini Allah memberi amaran kepada orang-orang Yahudi bahawa mereka akan menerima padah yang buruk di tangan orang-orang Islam sebagaimana yang telah diterima oleh kaum Musyrikin:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ

إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾
 قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئَتَيْنِ الَّذِينَ تَقَاتَلْتُمْ
 تَقَاتَلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَخْرَىٰ كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُمْ
 مِثْلَيْهِمْ رَأَىٰ الْعَيْنِ ۗ وَاللَّهُ يُؤَيِّدُ بِنَصْرِهِ مَن
 يَشَاءُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُولِي
 الْأَبْصَارِ ﴿١٣﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir: Kamu tetap akan dikalahkan dan dikumpulkan ke dalam Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman (12). Sesungguhnya bagi kamu satu bukti kekuasaan Allah pada dua kelompok yang berperang; satu kelompok berperang kerana Sabilillah dan satu kelompok lagi kafir. Mereka melihat (pejuang-pejuang fi Sabilillah) dengan mata kepala mereka dua kali ganda banyaknya dari bilangan mereka dan Allah menguatkan dengan pertolongan-Nya siapa yang dikehendaki-Nya Sesungguhnya di dalam peristiwa itu satu pengajaran kepada orang-orang yang mempunyai mata hati." (13)

Tetapi apabila amaran ini disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada mereka - sebagai jawapan terhadap tindak-tanduk mereka yang jahat yang telah memperlihatkan dendam kesumat dan tipudaya mereka selepas Peperangan Badar - mereka telah menyambut beliau dengan cara yang biadab dan berkata: "Wahai Muhammad! Janganlah awak tertipu dengan kekuatan awak apabila awak telah berjaya membunuh sekumpulan orang-orang Quraisy yang tidak berpengalaman dan - tidak tahu berperang. Demi Allah, jika awak berperang dengan kami nescaya awak akan tahu bahawa kamilah orang-orang yang sebenar (yang tahu berperang) dan awak tidak akan menemui orang-orang yang seperti kami", kemudian mereka terus mengadakan berbagai-bagai komplot dan tipu muslihat mereka yang jahat, yang mana sebahagiannya telah diceritakan oleh surah ini sehingga akhirnya mereka bertindak memansuhkan perjanjian yang dimeterikan di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w., lalu Nabi s.a.w. mengepung perkampungan mereka sehingga mereka bersetuju menerima hukuman beliau dan mereka pun diusir dari Madinah ke Azri'at (di Syam) dan kini tinggal lagi dua kaum Yahudi yang berada di Madinah iaitu Bani Qurayzah dan Bani an-Nadhir yang masih menghormati perjanjian mereka pada zahirnya, sedangkan pada batinnya, mereka terus merancang berbagai-bagai komplot dan tipu helah dan berbagai-bagai tindakan yang bertujuan menimbulkan kekeliruan, fitnah dan keadaan-keadaan yang kelam-kabut dan sebagainya dari segala kerja-kerja jahat, di mana mereka terkenal pintar di sepanjang sejarah mereka dan telah

²⁴ Di sana ada riwayat yang mengatakan bahawa ayat yang pertama di dalam pelajaran ini iaitu penamat enam puluh ayat yang diturun mengenai Peperangan Uhud. Tetapi kami berpendapat bahawa ayat itu lebih berkait rapat dengan pelajaran ini, maka oleh sebab itu kami cantumkan ayat itu dengannya.

dirakamkan oleh kitab Allah Al-Qur'an dan seluruh penduduk dunia mengenali bangsa yang terkutuk itu.

Di dalam pelajaran ini dibentangkan beberapa tindak-tanduk dan perkataan-perkataan kaum Yahudi yang terang-terang biadab terhadap Allah S.W.T. setelah mereka menunjukkan perbuatan-perbuatan yang biadab terhadap orang-orang Islam. Mereka menunjukkan sikap yang bakhil - dalam menunaikan bayaran-bayaran yang dipersetujui mereka mengikut perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w. kemudian mereka menambah-nambahkan dan berkata:

إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ

"Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya."(181)

Di sini nampak jelas betapa lemahnya dalihan yang digunakan mereka untuk menolak da'wah Islam yang dikemukakan kepada mereka dan betapa bohongnya dalihan itu dan betapa besar pertentangannya dengan realiti sejarah mereka yang terkenal, iaitu realiti yang menunjukkan bagaimana mereka melanggar perjanjian mereka dengan Allah dan bagaimana mereka menyembunyikan kebenaran yang diperintahkan Allah supaya mereka menjelaskannya kepada orang ramai, bagaimana mereka mencampakkan kebenaran itu di belakang mereka dan menukarkannya dengan harga yang sedikit, bagaimana mereka membunuh nabi-nabi mereka tanpa sebab-sebab yang benar, sedangkan nabi-nabi itu membawa mu'jizat-mu'jizat yang dikehendaki mereka dan membawa bukti-bukti yang jelas tetapi semuanya itu telah ditolak oleh mereka.

Pendedahan perbuatan-perbuatan jahat kaum Yahudi terhadap para nabi mereka yang memalukan ini dan pendedahan perkataan-perkataan mereka yang biadab terhadap Allah itulah yang menjadi punca yang membuat mereka bersikap jahat terhadap kaum Muslimin dan menyebabkan mereka - bertindak bersama-sama kaum Musyrikin melakukan berbagai-bagai tipu muslihat dan gangguan-gangguan terhadap kaum Muslimin, di samping itu pendedahan ini juga diperlukan oleh rancangan tarbiyah Allah yang mahu mendidik kelompok Muslimin itu dengan didikan yang memberi penuh kesedaran kepada mereka, iaitu menyedarkan mereka dengan segala persoalan dan manusia yang ada di sekeliling mereka, memperkenalkan keadaan negeri di mana mereka berjuang, memperkenalkan bentuk-bentuk halangan dan perangkap-perangkap yang dipasang untuk mengenakan mereka dan memperkenalkan bentuk-bentuk penderitaan dan pengorbanan yang menunggu mereka di jalan perjuangan. Tipudaya dan komplot kaum Yahudi terhadap kaum Muslimin di Madinah lebih kejam dan lebih merbahaya dari permusuhan kaum Musyrikin terhadap mereka di Makkah dan mungkin mereka masih merupakan bahaya yang paling besar kepada kelompok-

kelompok Muslimin di semua tempat di sepanjang sejarah.

Oleh sebab itulah kita dapati bimbingan-bimbingan Rabbaniyah berturut-turut dikemukakan kepada kaum Muslimin di celah-celah cerita-cerita Peperangan Uhud yang menarik itu. Ia membimbing mereka kepada hakikat nilai-nilai yang kekal dan nilai-nilai yang fana, iaitu hidup di dunia ini adalah terbatas dengan ajal yang pendek dan setiap yang bernyawa tetap akan merasakan kematian. Balasannya yang sebenar dalam bentuk untung dan rugi adalah berada di alam Akhirat.

فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ
وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

"Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu kenikmatan yang palsu sahaja."(185)

Yakni mereka akan terus diuji pada harta dan jiwa raga mereka dan akan terus digugat dan ditindas oleh musuh-musuh mereka dari kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab. Tiada yang dapat melindungi mereka melainkan kesabaran dan taqwa dan berjuang terus menegakkan sistem hidup Ilahi yang dapat menjauhkan mereka dari Neraka.

Bimbingan dan arahan Rabbaniyah kepada kelompok Muslimin di Madinah ini masih tetap seperti itu, masih berterusan hingga hari ini dan hingga hari esok. Ia membuka mata setiap kelompok Muslimin yang berazam hendak meneruskan perjuangan untuk mengembalikan kelahiran Islam dan memulakan semula hayat Islamiyah di bawah naungan Allah. Ia membuka mata mereka terhadap tabi'at musuh-musuh mereka dari kaum Musyrikin, kaum Atheis/Mulhidin dan kaum Ahlil-Kitab, iaitu gerakan Zionis Antarabangsa, gerakan Salib Antarabangsa dan gerakan Komunis. Ia membuka mata mereka terhadap bentuk-bentuk halangan dan perangkap-perangkap yang dipasang untuk mengenakan mereka di dalam perjuangan mereka, juga terhadap bentuk-bentuk penderitaan, pengorbanan, kegugatan, penindasan dan ujian. Ia menggantungkan hati dan pandangan mereka kepada balasan-balasan di sisi Allah di Akhirat. Ia memperkecilkan kepada mereka persoalan kegugatan, penindasan, kematian dan ujian terhadap jiwa raga dan harta benda. Ia menyeru mereka sama seperti seruan-seruan yang diucapkan kepada angkatan pertama kelompok Muslimin:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ
أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ
وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا

إِلَّا مَتَّعُ الْعُرُورِ ﴿١٨٥﴾
 لَتُبْلَوُنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ
 مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ
 الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا
 فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

"Setiap yang bernyawa akan merasa kematian dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu kenikmatan yang palsu sahaja (185). Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat (186).

Al-Qur'an tetap Al-Qur'an. Ia tetap menjadi kitab suci yang kekal kepada umat Muslimin, ia tetap menjadi perlembagaan yang lengkap kepada mereka, ia tetap menjadi pendorong dan pemimpin yang jujur kepada mereka. Dan musuh-musuh mereka tetap menjadi musuh dan jalan perjuangan tetap jalan perjuangan.

(Pentafsiran ayat-ayat 180-184)

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾
 لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾
 ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾

الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَا أَلا نُؤْمِنَ
 لِرَسُولٍ حَتَّى يَأْتِينَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ
 قُلْ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ قَبْلِ بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالَّذِي
 قُلْتُمْ فَلِمَ قَتَلْتُمُوهُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٨٣﴾
 فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ رَسُولٌ مِنْ قَبْلِكَ
 جَاءُوا بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ ﴿١٨٤﴾

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya itu mengira bahawa kebakhilan itu suatu kebaikan kepada mereka, malah ia adalah suatu bencana kepada mereka. Harta yang dibakhilkan mereka itu akan dikalungkan di leher mereka pada hari Qiamat dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (180). Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya" Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan Kami akan berkata kepada mereka: "Rasakanlah 'azab bakaran Neraka! (181). Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya (182). Iaitu orang-orang yang berkata: 'Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api', katakanlah: 'Sesungguhnya sebelumku telah datang kepada kamu Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas dan membawa korban yang telah kamu sebutkan tadi, oleh itu mengapa kamu telah membunuh mereka jika kamu benar' (183). Jika mereka telah mendustakan engkau, maka sesungguhnya Rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas, kitab-kitab nasihat dan kitab syari'at yang terang nyata." (184)

Mengenai ayat pertama dari kumpulan ayat-ayat ini tidak terdapat riwayat yang menegaskan siapakah yang dimaksudkan olehnya dengan orang-orang yang diberi amaran dengan akibat kebakhilan dan hari Qiamat itu, tetapi oleh sebab ia disebut di dalam rangkaian penerangan ini, maka ia ditarikhkan mempunyai hubungan dengan ayat-ayat yang kemudiannya yang membicarakan tentang orang-orang Yahudi yang telah berkata:

إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ
 "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya", (181)

dan merekalah juga berkata:

إِنَّ اللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَا أَلا نُؤْمِنَ لِرَسُولٍ حَتَّى

يَأْتِينَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ

"Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api." (183)

Kesayangan Terhadap Harta Dengan Perhitungan Yang Salah

Yang nampak jelas ialah ayat-ayat ini pada umumnya diturunkan sehubungan dengan tuntutan yang dikemukakan kepada kaum Yahudi supaya menunaikan bayaran-bayaran yang tertanggung ke atas mereka sebagai hasil dari kehendak-kehendak perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w., juga sehubungan dengan da'wah yang ditujukan kepada mereka supaya beriman kepada Rasulullah s.a.w. dan menginfakkan ke jalan Allah.

Amaran yang mengandungi ancaman ini telah diturun bersama dengan pendedahan terhadap dalihan-dalihan kaum Yahudi yang tidak mahu beriman kepada Muhammad s.a.w. sebagai jawapan terhadap kebiadaban mereka kepada Allah dan terhadap dalihan-dalihan mereka yang dusta dan sekaligus itu juga diturunkan ayat yang menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang telah didustakan mereka dengan menjelaskan bahawa kejadian-kejadian yang seperti itu telah berlaku kepada para anbia' sebelum beliau dengan kaum mereka masing-masing. Di antara mereka ialah para anbia' Bani Israel itu sendiri yang telah dibunuh mereka setelah nabi-nabi itu membawa bukti-bukti yang jelas dan mu'jizat-mu'jizat kepada mereka sebagaimana diketahui umum di dalam sejarah Bani Israel:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya itu mengira bahawa kebakhilan itu suatu kebaikan kepada mereka, malah ia adalah suatu bencana kepada mereka. Harta yang dibakhiikan mereka itu akan dikalungkan di leher mereka pada hari Qiamat dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu." (180)

Pengertian ayat ini adalah umum. Ia merangkumi orang-orang Yahudi yang kedekut menunaikan tanggungan-tanggungan kewangan yang dijanjikan mereka di samping merangkumi orang-orang lain yang bakhil dengan harta kekayaan yang di kurniakan Allah kepada mereka dan mengira bahawa kebakhilan itu lebih baik bagi mereka kerana ia dapat memelihara harta kekayaan mereka dan tidak akan hilang dengan infaq.

Ayat ini melarang mereka dari membuat tanggapan dan kiraan yang dusta itu dan menjelaskan bahawa segala harta kekayaan yang disimpan mereka (tanpa infaq ke jalan Allah itu) akan dijadikan belunggu api Neraka di leher mereka pada hari Qiamat. Ini adalah satu ancaman yang amat menakutkan. Pengungkapan ayat ini menambahkan lagi keburukan sifat bakhil itu apabila ia mengatakan bahawa mereka:

يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

"Orang-orang yang bakhil dengan harta kekayaan yang diberikan Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."

Jadi mereka bukannya bakhil dengan harta kekayaan yang dimiliki mereka dari semulajadi lagi, kerana mereka datang ke dunia ini tanpa memiliki sesuatu apa walaupun kulit tubuh mereka, lalu Allahlah yang memberi kepada mereka harta dari limpah kurnia-Nya hingga mereka menjadi kaya-raya, tetapi apabila mereka dipinta menginfakkan sebahagian dari limpah kurnia Allah yang diberikan kepada mereka, mereka tidak teringat langsung kepada limpah kurnia Allah kepada mereka. Mereka bakhil mengeluarkan sedikit harta mereka dan mengira bahawa menyimpan harta itu adalah lebih baik kepada mereka, sedangkan yang sebenarnya ia mendatangkan akibat yang amat buruk kepada mereka. Di samping itu mereka semua akan pergi (mati) dan meninggalkan harta kekayaan itu di belakang mereka dan Allahlah yang akan mewarisinya:

وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

"Dan hanya Allah yang memiliki warisan langit dan bumi.

Harta kekayaan yang disimpan itu hanya untuk satu jangka waktu yang pendek sahaja kemudian semuanya akan pulang kepada Allah dan tiada yang tinggal bagi mereka melainkan kadar harta yang diinfakkan mereka untuk mencari keredhaan Allah. Inilah satu-satunya harta kekayaan yang disimpan untuk mereka di sisi Allah sebagai ganti dari dijadikan belunggu api Neraka yang akan dipasang di leher mereka pada hari Qiamat.

Kemudian Al-Qur'an mengecam orang-orang yang memiliki harta kekayaan yang diberikan Allah dari limpah kurnia-Nya kemudian mereka menganggapkan diri mereka terkaya dari Allah dan tidak lagi memerlukan kepada ganjaran dan balasan-Nya yang berlipat ganda yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang menginfakkan harta mereka ke jalan Allah, yang mana dengan limpah kurnia-Nya Allah namakan infaq fi Sabilillah itu sebagai amalan memberi pinjaman kepada Allah, tetapi orang-orang Yahudi itu berkata dengan penuh biadab: "Mengapa Allah meminta kita supaya kita meminjamkan wang kita kepada-Nya dan menjanjikan kita dengan balasan yang berlipat ganda, sedangkan Allah melarang kita mengamalkan riba dengan faedahnya yang berlipat

ganda?" Itulah permainan dengan kata-kata yang menunjukkan kebiadaban mereka terhadap Allah:

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ
أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ
بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾
ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ
بِظَالِمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya" Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan Kami akan berkata kepada mereka: "Rasakanlah 'azab bakaran Neraka! (181). Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya." (182)

Keburukan kefahaman dan kepercayaan kaum Yahudi terhadap hakikat ketuhanan memang lumrah di dalam kitab-kitab suci mereka yang telah dipesongkan itu, tetapi kata-kata mereka di sini telah sampai ke tahap keburukan kefahaman dan kebiadaban yang amat besar kedua-dua sekali. Oleh sebab itulah mereka wajar menerima ancaman Allah yang berturut-turut:

سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا

"Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka,"

Tabi'at Umat Yahudi

untuk Kami hisabkan mereka dengannya. Segala kata-kata mereka tidak akan ditinggal, dilupa dan diabaikan begitu sahaja dan di samping itu dicatatkan juga segala dosa-dosa mereka yang telah lalu, iaitu dosa-dosa bangsa mereka dan generasi-generasi mereka yang bersatu-padu mengerjakan dosa itu. Mereka mempunyai tabi'at yang sama suka membuat maksiat dan dosa:

وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ

"Juga perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar."

Sejarah Bani Israel telah mencatatkan siri jenayah membunuh para nabi-nabi, dan sejarah yang terakhir ialah percubaan mereka hendak membunuh Nabi 'Isa al-Masih a.s. Mereka menyangka mereka telah membunuh beliau dan mereka berbangga-bangga dengan jenayah yang besar itu:

وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿١٨١﴾

"Dan Kami akan berkata kepada mereka: Rasakanlah 'azab bakaran Neraka." (181)

Kata-kata "al-Hariq" (bakaran) dalam ayat ini memang dimaksudkan untuk menambahkan gambaran keburukan dan keseksaan 'azab Neraka, juga membesarkan pemandangan-pemandangan 'azab kedahsyatan Neraka dengan apinya yang marak dan menjulang-julang sebagai balasan atas perbuatan-perbuatan mereka yang keji, iaitu perbuatan membunuh nabi-nabi tanpa sebab yang benar dan perbuatan mengeluarkan kata-kata yang biadab:

إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ

"Sesungguhnya Allah itu miskin dan kamilah orang-orang yang kaya."

ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيكُمْ

"Balasan itu disebabkan dosa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri."

Yakni itulah balasan yang setimpal, tiada zalim dan tiada kejam sedikitpun:

وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَالِمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿١٨٢﴾

"Dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayakan para hamba-Nya." (182)

Pengungkapan dengan kata-kata "'Abid" (para hamba) di sini adalah untuk menonjolkan hakikat mereka yang sebenar dibandingkan kepada Allah. Yakni mereka hanya sebahagian dari para hamba Allah sahaja. Ini menambahkan lagi gambaran keburukan jenayah dan kebiadaban mereka terhadap Allah, iaitu jenayah dan kebiadaban yang ternyata dalam kata-kata mereka yang mengatakan Allah miskin dan merekalah orang-orang yang kaya dan ternyata di dalam perbuatan mereka yang tergamak membunuh nabi-nabi mereka.

Kaum Yahudi yang mengatakan Allah itu miskin dan merekalah orang-orang yang kaya dan yang telah bertindak membunuh nabi-nabi, mereka inilah juga yang mendakwa bahawa sebab mereka tidak beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. ialah kononnya kerana Allah telah memerintah mereka supaya jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa korban, di mana satu mu'jizat akan berlaku, iaitu turunnya api memakan korban itu sebagaimana yang telah berlaku kepada setengah-setengah nabi Bani Israel. Oleh itu, selama Muhammad tidak dapat menunjukkan mu'jizat itu, maka mereka tetap berpegang dengan perintah Allah.

Di sini Al-Qur'an mencabar mereka dengan kenyataan-kenyataan sejarah mereka iaitu mereka telah membunuh nabi-nabi yang telah membawa mu'jizat-mu'jizat yang telah dituntut oleh mereka, juga membawa keterangan-keterangan dan bukti yang jelas dari Allah kepada mereka:

الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ عَاهِدٌ إِلَّا نُونًا
لِرَسُولٍ حَتَّىٰ يَأْتِينَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ
قُلْ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّن قَبْلِي بِالْبَيِّنَاتِ
وَبِالَّذِي قُلْتُمْ فَلَمَّ قَتَلْتُمُوهُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٨٣﴾

"Iaitu orang-orang yang berkata: 'Sesungguhnya Allah telah memerintah kami supaya kami jangan beriman kepada mana-mana Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api', katakanlah: 'Sesungguhnya sebelumku telah datang kepada kamu Rasul-rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas dan membawa korban yang telah kamu sebutkan tadi, oleh itu mengapa kamu telah membunuh mereka jika kamu benar.'" (183)

Itulah satu cabaran yang kuat yang mendedahkan pendustaan, penyelewengan, kedegilan mereka di atas kekafiran, juga mendedahkan keangkuhan dan pembohongan mereka terhadap Allah.

Di sini Al-Qur'an berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk memberi hiburan dan meringankan penderitaan beliau akibat tindak-tanduk mereka dengan menjelaskan bahawa apa yang dialami beliau adalah sama dengan apa yang dialami oleh saudara-saudara beliau para anbia yang lain di sepanjang zaman:

فَإِن كَذَّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَ رَسُولٌ مِّن قَبْلِكَ
جَاءُوا بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ ﴿١٨٤﴾

"Jika mereka telah mendustakan engkau, maka sesungguhnya Rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakannya. Mereka membawa keterangan, keterangan yang jelas, kitab-kitab nasihat dan kitab syari'at yang terang nyata." (184)

Oleh itu beliau bukanlah Rasul pertama yang menerima pendustaan, malah generasi-generasi manusia yang bersilih ganti terutama Bani Israel telah menyambut Rasul-rasul itu dengan pendustaan walaupun mereka membawa keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang jelas di samping mu'jizat - mu'jizat. Mereka membawa kepada Bani Israel lambaran-lambaran suci yang mengandungi bimbingan-bimbingan ilahiyah yang disebut sebagai Zabur dan membawa kitab-kitab suci yang jelas seperti Taurat dan Injil. Inilah jalan yang dilalui para rasul dan risalah-risalah, iaitu sebatang jalan yang penuh dengan kepenatan dan kesulitan dan inilah sahaja satu-satunya jalan.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 185-186)

Selepas itu rangkaian ayat-ayat yang berikut ditujukan kepada kelompok Muslimin. Ia menjelaskan kepada mereka tentang nilai-nilai yang seharusnya dipelihara dengan sungguh-sungguh dan dicurahkan

pengorbanan untuknya. Ia menjelaskan tentang duri-duri, kepenatan-kepenatan dan penderitaan-penderitaan di jalan perjuangan dan menyeru mereka supaya bersabar, bertaqwa, bertekad gigih dan tabah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ
أَجْرَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ
وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا
إِلَّا لَمَتَاعٌ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

لَتُبْلَوْنَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعَنَّ
مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ
الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَدْوَىٰ كَثِيرًا وَإِن تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا
فَإِنَّ ذَلِكَ مِمَّن عَزِمُوا الْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

"Setiap yang bernyawa akan merasa kematian dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu kenikmatan yang palsu sahaja (185). Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahli-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat." (186)

Hakikat Maut Yang Harus Ditanamkan Di Dalam Hati

Hakikat ini pasti tertanam kukuh di dalam hati, iaitu hakikat bahawa hidup di bumi ini adalah sementara dan terbatas dengan ajal yang tertentu sahaja kemudian penghabisannya tetap datang mengakhirinya. Semua orang mati. Orang yang soleh mati dan orang yang jahat juga mati. Para Mujahidin mati dan orang-orang yang tidak berjihad juga mati. Orang-orang yang berjuang untuk meninggalkan 'aqidah juga mati dan orang-orang yang hidup menindas manusia juga mati. Orang-orang yang berani yang enggan menerima kezaliman mati dan orang-orang yang pengecut yang sangat lobakan hayat dan sanggup membayar seberapa banyak harganya juga mati. Orang-orang yang bercita-cita besar dan bermatlamat hidup yang tinggi mati dan orang-orang yang bercita-cita kecil dan hidup untuk menghirup kenikmatan-kenikmatan yang murah juga mati. Semuanya mati:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

"Setiap yang bernyawa akan merasa kematian."

Yakni setiap yang hidup akan meneguk air maut dan akan berpisah dengan hayat. Tiada sebarang perbezaan di antara seorang dengan seorang yang lain dalam kepastian meneguk gelas maut yang diedarkan kepada semua orang, malah yang berbeza hanya dalam satu segi yang lain, iaitu perbezaan dari segi nilai dan nasib kesudahan yang akhir:

وَإِنَّمَا تُوفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ

"Dan sesungguhnya segala ganjaran kamu itu hanya disempurnakan pada hari Qiamat. Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan." (185)

Inilah nilai dan nasib kesudahan yang membezakan seseorang dari seseorang yang lain. Inilah nilai abadi yang wajar diperjuangkan dengan sungguh-sungguh dan inilah nasib kesudahan yang ngeri yang harus diperhitungkan seribu kali:

فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ

"Oleh itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia telah mendapat kejayaan." (185)

Kata-kata "زُحِرَ" (dijauhkan) itu sendiri menggambarkan pengertiannya melalui bunyinya. Ia melukiskan gambaran pengertiannya dengan bayangan-bayangannya seolah-olah Neraka itu mempunyai daya tarikan yang menarik sesiapa sahaja yang mendekatinya atau memasuki ruang tarikannya dan seseorang yang berada di situ memerlukan adanya orang lain yang dapat menolong menjauhkannya dari ruang tarikan itu sedikit demi sedikit untuk menyelamatkannya dari terus ditarik ke dalam Neraka. Oleh itu sesiapa yang dapat dijauhkan dari ruang tarikannya dan diselamatkan dari daya tarikannya dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sesungguhnya dia adalah seorang yang berjaya.

Ini adalah satu gambaran yang kuat dan satu pemandangan yang hidup di mana berlakunya harakat, heret dan tarik. Memang begitulah hakikat dan tabi'at di sana, kerana Neraka itu mempunyai daya tarikan! Sebab bukannya maksiat itu mempunyai daya tarikannya? Bukankah seseorang itu memerlukan kepada pertolongan orang lain yang dapat menolong menjauhkannya dari daya tarikan maksiat? Ya, memang benar begitu! Inilah ertinya menjauhkan dia dari Neraka! Bukankah seseorang itu - walaupun dia berusaha dan sentiasa berwaspada - tetap selama-lamanya taksir di dalam amalan-amalannya kecuali ia diselamatkan oleh limpah kurnia Allah? Ya, memang benar begitu! Inilah ertinya menjauhkan dari Neraka. Apabila seseorang itu diselamatkan oleh limpah kurnia Allah maka dia akan menjauhkannya dari Neraka!

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

"Dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya suatu kenikmatan yang palsu sahaja." (185)

Yakni kehidupan dunia itu suatu kenikmatan, tetapi ia bukannya suatu kenikmatan yang haqiqi dan bukanlah pula suatu kenikmatan yang membawa kepada kesedaran, malah ia hanya suatu kenikmatan yang mempesonakan manusia atau kenikmatan yang membawa kepalsuan dan penipuan. Adapun kenikmatan yang haqiqi ialah kenikmatan yang wajar dicapai dengan segala usaha yang sungguh-sungguh, iaitu kenikmatan mendapat Syurga setelah berjaya dijauhkan dari Neraka.

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati, apabila hati mengeluarkan dari perhitungannya cerita keinginan yang lobakan hayat - kerana setiap yang bernyawa akan merasa kematian - dan mengeluarkan dari perhitungannya cerita kenikmatan yang membawa kepalsuan dan kepesonaan yang fana, maka di waktu inilah Allah menjelaskan kepada orang-orang Mu'min ujian-ujian yang akan dihadapi mereka terhadap harta dan jiwa raga mereka kerana hati mereka kini telah bersedia untuk menerima ujian itu:

لَتَبْلُوَنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعَنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

"Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakiti, dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat." (186)

Ujian Melahirkan Pejuang-pejuang Da'wah Yang Tulen

Itulah undang-undang 'aqidah dan da'wah, Setiap orang pasti menghadapi ujian terhadap harta dan jiwa raga, pasti diuji kesabaran, ketahanan dan kegigihannya.

Itulah jalan menuju ke Syurga dan Syurga adalah dikelilingi dengan amalan-amalan yang tidak disukai manusia, sedangkan Neraka dikelilingi dengan nafsu-nafsu keinginan yang di sukai manusia.

Itulah satu-satunya jalan untuk mewujudkan kelompok pejuang yang sanggup mendokong da'wah ini dan memikul tugas-tugasnya. Itulah jalan mendidik kelompok ini dan mengeluarkan bakat-bakat kebaikan, kekuatan dan ketahanan yang ada pada mereka, dan itulah jalan melaksanakan taklif-

taklif secara amali dan mengenal hakikat manusia dan hakikat hidup di alam kenyataan.

Ujian itu membuktikan bahawa hanya pejuang-pejuang da'wah yang paling kuat sahaja yang sanggup berdiri teguh di atas da'wah itu. Merekalah sahaja yang layak mendokong da'wah dan memperjuangkannya dengan sabar. Merekalah orang-orang yang layak diserahkan amanah da'wah.

Ujian itu menjadikan da'wah ini semakin tinggi dan luhur di hati mereka, iaitu mengikut seberat mana ujian dan kesulitan yang ditempuh mereka dan mengikut sebanyak mana pengorbanan yang dicurahkan mereka kepadanya dan selepas itu mereka tidak akan bersikap cuai lagi terhadap da'wah walau bagaimanapun keadaan yang dihadapi mereka.

Ujian itu bertujuan untuk menguatkan da'wah dan para penda'wah, kerana tentangan dan cabaran itulah yang merangsangkan kekuatan-kekuatan yang tersembunyi. Ia menyubur, mengembleng dan mengarahkan kekuatan-kekuatan itu. Da'wah yang baru memerlukan kepada usaha-usaha menggerakkan dan merangsangkan kekuatan-kekuatan ini supaya akar tunjangnya meresap kuat dan mendalam serta bersambung dengan tanah subur yang kaya di pendalaman fitrah manusia.

Ujian itu bertujuan untuk membolehkan para penda'wah mengenal hakikat diri mereka sendiri apabila mereka menjalani hayat dan melaksanakan jihad secara amali dan dalam alam kenyataan, juga untuk membolehkan mereka mengenal hakikat jiwa manusia dan rahsia-rahsianya yang tersembunyi, hakikat kelompok-kelompok dan hakikat masyarakat-masyarakat. Di sana mereka dapat melihat bagaimana dasar-dasar da'wah itu bertarung dengan nafsu-nafsu keinginan mereka sendiri dan nafsu-nafsu keinginan orang lain. Di sana juga mereka dapat mengetahui pintu-pintu jiwa yang dimasuki syaitan, tempat-tempat gelincir dan lorong-lorong sesat di jalan perjuangan.

Kemudian ujian itu juga bertujuan supaya penentang-penentang da'wah itu pada akhirnya menyedari bahawa da'wah itu pasti mempunyai kebaikan dan pasti mempunyai rahsia sulit yang membuat para pejuangnya sanggup menanggung segala penderitaan dengan penuh gigih dan sabar. Di waktu ini para penentang da'wah mungkin akhirnya terbalik beramai-ramai menjadi pengikut-pengikut da'wah.

Itulah undang-undang da'wah. Tiada yang sanggup sabar menghadapi kesusahan dan kesulitan dalam perjuangan da'wah dan tiada yang sanggup memelihara dasar taqwa kepada Allah di tengah-tengah perjuangan yang pahit itu - di mana ia tidak bertindak melampau ketika membalas pencerobohan dan tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah ketika menghadapi kesusahan -melainkan orang-orang yang mempunyai keazaman yang kukuh dan kemahuan yang kuat:

وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

"Dan jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya sikap itu adalah dari perkara-perkara yang memerlukan tekad yang kuat."(186)

Demikianlah kelompok Muslimin di Madinah telah mengetahui pengorbanan-pengorbanan dan penderitaan-penderitaan yang akan dihadapi mereka dan mengetahui gangguan-gangguan dan ujian-ujian yang akan ditempuh dan diterima mereka mengenai harta benda dan jiwa raga mereka dari kaum Ahlil-Kitab yang berada di sekeliling Madinah dan musuh-musuh mereka kaum Musyrikin. Tetapi mereka tetap terus menjalani jalan Islam tidak pernah lemah, tidak pernah mundur dan tidak pernah berputar ke belakang, kerana mereka yakin bahawa setiap yang hidup itu pasti mati dan bahawa balasan yang sempurna akan diterima pada hari Qiamat. Seterusnya mereka yakin bahawa sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga maka dialah orang yang sebenar berjaya dan bahawa kehidupan dunia itu adalah suatu kenikmatan yang palsu sahaja. Mereka berpijak di atas bumi yang keras dan terbuka dan mereka melangkah di atas jalan yang lurus yang menyampaikannya kepada Allah, dan bumi yang keras dan terbuka ini tetap wujud bagi pejuang-pejuang da'wah di setiap zaman dan jalan yang lurus yang menyampaikan kepada Allah itu tetap terbuka dan dapat dilihat oleh setiap manusia. Musuh-musuh da'wah tetap akan menjadi musuh-musuhnya di sepanjang abad dan generasi dan mereka tetap meneruskan rancangan-rancangan jahat mereka untuk menggugat da'wah di sepanjang abad dan generasi, dan Al-Qur'an tetap Al-Qur'an.

Cara-cara ujian dan dugaan itu berbeza-beza mengikut perbezaan zaman dan cara kempen menentang kelompok Muslimin juga berbeza-beza. Mereka menggunakan berbagai-bagai cara untuk memburuk-burukkan nama baik kelompok Muslimin, memburuk-burukkan dasar-dasar dan strategi-strateginya dan memburuk-burukkan matlamat dan tujuan-tujuannya. (Kelompok Muslimin menghadapi berbagai-bagai cara penentangan) namun dasar yang ditetapkan Allah hanya satu iaitu ujian:

لَتُبْلَوُنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا

"Sesungguhnya kamu akan diuji mengenai harta kekayaan dan diri kamu dan sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang Ahlil-Kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutui Allah berbagai-bagai gangguan yang menyakitinya."(186)

Surah ini memuatkan pelbagai gambaran tipu daya kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin, juga memuat berbagai-bagai bentuk kempen mereka untuk menimbulkan keadaan keterumbang-ambing dan menaburkan keraguan. Kadang-kadang kempen-kempen itu dituju untuk menggugatkan dasar-dasar dan hakikat da'wah, dan kadang-kadang dituju untuk menggugatkan pejuang-pejuang da'wah dan kepimpinannya. Bentuk-bentuk tipu daya dan kempen ini berubah-ubah mengikut zaman dan keragaman cara-caranya juga bertambah banyak dengan wujudnya cara-cara kempen yang moden dan semuanya dituju untuk menggugatkan dasar-dasar 'aqidah Islam dan menggugatkan kelompok Muslimin dan kepimpinan Islamiyah dan semuanya itu tidak terkeluar dari dasar yang telah dijelaskan Allah kepada kelompok Muslimin yang pertama ketika menerangkan hakikat jalan da'wah dan musuh-musuh da'wah yang menunggu mereka di jalan itu.

Bimbingan Al-Qur'an ini tetap menjadi tabung modal kepada kelompok Muslimin apabila mereka mahu bergerak memperjuangkan 'aqidah ini dan berusaha untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di muka bumi ini, kerana di waktu inilah segala wasilah tipudaya, segala sarana penindasan dan segala cara kempen-kempen yang moden akan digemblengkan untuk memburuk-burukkan matlamat-matlamat 'aqidah Islam dan mencaing-caingkan identitinya yang sempurna. Bimbingan Al-Qur'an ini akan tetap hadir (di hadapan kelompok Muslimin) untuk menerangkan di hadapan mata mereka hakikat da'wah Islam dan jalan perjuangannya, untuk menerangkan sifat musuh-musuh da'wah yang menunggu mereka di jalan perjuangan dan untuk menimbulkan rasa ketenangan dan keyakinan di dalam hati mereka ketika menghadapi ujian yang telah dijanjikan Allah, iaitu supaya mereka mengetahui ketika mereka dicakar oleh serigala-serigala, ketika mereka disalak di sekeliling mereka oleh kempen-kempen dan ketika mereka ditimpa ujian dan dugaan bahawa mereka berjalan di jalan yang betul dan benar-benar melihat batu-batu tanda jalan itu.

Oleh sebab itulah mereka menerima dengan senang hati segala ujian, penindasan, fitnah-fitnah dan dakwaan-dakwaan yang palsu yang dilemparkan ke atas mereka, iaitu dakwaan-dakwaan yang tidak disukai dan menyakiti hati mereka. Mereka menerima semuanya itu dengan senang hati kerana mereka yakin bahawa mereka sedang menjalani jalan yang betul yang telah diterangkan Allah kepada mereka sebelum ini. Mereka yakin bahawa sabar dan taqwa itulah bekalan di jalan perjuangan da'wah. Mereka tidak dapat digugat oleh tipu daya dan keadaan kelam-kabut. Mereka memandang kecil kepada gangguan-gangguan dan ujian-ujian yang ditempuh mereka. Mereka terus berjalan di jalan yang dijanjikan Allah menuju cita-cita impian dengan penuh kesabaran dan taqwa dan dengan azam yang kukuh.

* * * * *

(Pentafsiran ayat 187)

Kemudian Al-Qur'an terus mendedahkan keadaan Ahlil-Kitab yang telah melanggar perjanjian mereka dengan Allah pada masa mereka dikurniakan kitab suci Taurat. Mereka telah membuang perjanjian itu dan menyembunyikan sebahagian dari kandungannya yang diamanahkan kepada mereka dari orang ramai apabila mereka ditanya mengenainya:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ وَأَشْرَوْا بِهِ تَمَنَّا قَلِيلًا فِيسَّ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah mengikat perjanjian dengan kaum Ahlil-Kitab iaitu: 'Hendaklah kamu menjelaskan kandungan kitab itu kepada manusia dan janganlah kamu menyembunyikannya' lalu mereka melemparkan perjanjian itu di belakang mereka dan mereka menukarkannya dengan harga yang sedikit alangkah kejinya tukaran yang dibuat oleh mereka."(187)

Perbuatan Menyembunyikan Kalimatullah

Hubungan ayat-ayat surah ini banyak memperkatakan tentang perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan kaum Ahlil-Kitab terutama kaum Yahudi. Perbuatan-perbuatan dan perkataan mereka yang paling banyak ditonjolkan ialah perbuatan mereka menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka, juga perbuatan mereka mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan dengan tujuan menimbulkan keraguan dan kekacauan terhadap konsep agama, terhadap kesahihan Islam, terhadap konsep persamaan asas dan dasar di antara agama Islam dengan agama-agama Samawi sebelumnya dan terhadap hakikat bahawa Islam membenarkan agama-agama Samawi sebelumnya dan agama Samawi sebelumnya membenarkan agama Islam. Dari kitab suci Taurat yang ada di tangan mereka, mereka mengetahui bahawa segala apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah benar dan ia adalah datang dari sumber yang sama yang menurunkan Taurat itu.

Kini pendirian yang ditunjukkan oleh mereka kelihatan amat buruk apabila ternyata di sini bahawa Allah S.W.T. telah mengikat perjanjian dengan mereka ketika mengurniakan kitab Taurat kepada mereka supaya mereka menerang dan menyampaikannya kepada orang ramai dan jangan sekali-kali menyembunyikannya, tetapi mereka telah mencampakkan perjanjian itu. Al-Qur'an mengungkapkan kecuai dan pelanggaran perjanjian itu dengan gambaran harakat fizikal:

فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ

"Lalu mereka melemparkan perjanjian itu di belakang mereka."

Dan mereka melakukan perbuatan yang keji ini dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang sedikit:

وَأَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا

"Dan mereka menukarkannya dengan harga yang sedikit."

Keuntungan yang sedikit itu berupa salah satu dari kenikmatan kebendaan dunia atau berupa kepentingan peribadi bagi ahli-ahli agama Yahudi atau kepentingan kaum Yahudi. Semuanya merupakan harga yang sedikit belaka walaupun dapat menguasai bumi di sepanjang zaman! Alangkah sedikitnya harga ini dibandingkan dengan harga perjanjian Allah! Alangkah sedikitnya kenikmatan itu dibandingkan dengan kenikmatan yang tersimpan di sisi Allah:

فَيْسُ مَا يَشْتَرُونَ

"Alangkah kejinya tukaran yang dibuat oleh mereka!"(187)

* * * * *

(Pentafsiran ayat 188)

Contoh-contoh Menyembunyikan Kebenaran

Tersebut di dalam riwayat al-Bukhari dengan isnadnya dari Ibn Abbas r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bertanya orang Yahudi mengenai suatu perkara lalu mereka menyembunyikannya dan menerangkan kepada beliau sesuatu yang lain. Kemudian mereka keluar dan pura-pura memperlihatkan kepada beliau bahawa mereka telah memberitahu kepada beliau apa yang ditanyakannya dan mereka meminta dipuji oleh beliau dan mereka bergembira kerana dapat menyembunyikan apa yang telah ditanyakan beliau kepada mereka. Kerana peristiwa inilah ayat yang berikut diturunkan:

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُحِبُّونَ أَنْ يُحْمَدُوا
وَإِيمَانًا يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّاهُمْ بِمَفَازَةٍ مِّنَ
الْعَذَابِ ۗ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

"Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang bergembira dengan perbuatan (jahat) yang telah dilakukan mereka dan suka dipuji dengan perbuatan-perbuatan (baik) yang tidak pernah dilakukan mereka - oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka mereka - terselamat dari 'azab. Mereka akan memperoleh 'azab yang amat pedih."(188)

Tersebut dalam satu riwayat yang lain dari al-Bukhari dengan isnadnya dari Abu Sa'id al-Khudri bahawa ada beberapa orang Munafiqin di zaman Rasulullah s.a.w. yang ponteng dari berperang apabila Rasulullah s.a.w. keluar berperang. Mereka bergembira kerana tidak ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. Oleh itu apabila Rasulullah s.a.w. pulang dari medan peperangan mereka meminta maaf dan menyatakan keuzuran mereka kepada

beliau dan mereka bersumpah dan mereka suka dipuji dengan kerja-kerja yang tidak dilakukan mereka lalu turunkah ayat ini:

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُحِبُّونَ أَنْ يُحْمَدُوا
وَإِيمَانًا يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّاهُمْ بِمَفَازَةٍ مِّنَ
الْعَذَابِ ۗ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Persoalan turunnya sesuatu ayat yang tertentu mengenai suatu perkara yang tertentu itu bukanlah persoalan yang qat'i. Seringkali sesuatu ayat yang tertentu itu dijadikan alasan bagi sesuatu peristiwa yang tertentu lalu diriwayatkan bahawa ayat itu diturunkan kerana peristiwa ini atau ayat itu didapati sesuai dengan peristiwa ini lalu dikatakan ayat itu diturunkan kerana peristiwa ini. Oleh sebab itu kami tidak memutuskan mengenai dua riwayat ini dengan satu pendapat.

Apabila dipakai riwayat yang pertama di sana terdapat kesesuaian dalam penerangan rangkaian ayat itu mengenai kaum Ahlil-Kitab yang telah menyembunyikan sebahagian kandungan kitab suci yang diamanahkan kepada mereka supaya menerangkannya kepada orang ramai dan supaya mereka jangan sekali-kali menyembunyikannya, tetapi mereka telah menyembunyikannya dan menerangkan sesuatu yang tidak benar. Mereka terus berbohong dan menipu hingga mereka meminta dipuji di atas keterangan dan jawapan mereka yang dusta itu.

Dan apabila dipakai riwayat yang kedua, maka di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini terdapat pembicaraan mengenai orang-orang Munafiqin yang boleh dihubungkan ayat ini dengannya. Ia menggambarkan satu contoh golongan yang terdapat di zaman Rasulullah s.a.w., malah terdapat di dalam setiap kelompok manusia (di mana-mana sahaja), iaitu contoh golongan manusia yang tidak berupaya memikul tanggungjawab terhadap pendapat dan tugas-tugas 'aqidah. Mereka ponteng dari perjuangan dan andainya para pejuang itu kalah dan tewas mereka mengangkat kepala mereka dan berlagak angkuh. Mereka memuji diri mereka bijak berfikir dan hati-hati, tetapi jika pejuang-pejuang itu menang dan mendapat harta rampasan perang, mereka terus berlagak sebagai penyokong-penyokong para pejuang itu dan mendakwa turut memberi saham dalam kemenangan itu dan mereka gemar dipuji terhadap kerja-kerja dan jasa-jasa yang tidak pernah disumbangkan oleh mereka.

Itulah satu contoh dan contoh-contoh manusia yang pengecut dan suka membuat dakwaan-dakwaan palsu. Satu contoh yang dilukiskan oleh ungkapan Al-Qur'an dengan satu dua coretan yang dapat melahirkan garis-garis perwatakan mereka yang jelas dan sifat-sifat mereka yang kekal di sepanjang zaman. Itulah cara Al-Qur'an.

Allah menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa manusia yang seperti itu tidak akan selamat dari 'azab. Mereka tetap ditunggu oleh 'azab yang amat pedih yang tidak dapat dihindari mereka dan tiada siapa yang dapat menolong mereka:

فَلَا تَحْسَبْتَهُمْ بِمَفَازَةٍ مِنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ

عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨٨﴾

"Oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka mereka terselamat dari 'azab. Mereka akan memperoleh 'azab yang amat pedih." (188)

Yang mengancam mereka dengan janji 'azab ini ialah Allah, Tuhan yang menguasai langit dan bumi dan Maha Berkuasa di atas segala sesuatu. Manakah tempat yang dapat menyelamatkan mereka? Dan bagaimana mereka hendak menyelamatkan diri mereka?

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٨٩﴾

"Dan Allahlah yang memiliki kerajaan langit dan bumi dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu." (189)

(Kumpulan ayat 190 - 200)

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ

وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا

مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

رَبَّنَا إِنَّكَ مَن تَدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَجْتَهُ وَمَا

لِلظَّالِمِينَ مِن أَنْصَارٍ ﴿١٩٢﴾

رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ

ءَامِنُوا بِرَبِّكُمْ فَءَامَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ

عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَقَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾

رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ

الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ

مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأَنْتُمْ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ فَالَّذِينَ

هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُودُوا فِي سَبِيلِي

وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ

وَلَأُدْخِلَنَّاهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

لَا يَغْرَنَكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ ﴿١٩٦﴾

مَتَّعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَا لَهُمْ جَهَنَّمَ وِبِئْسَ الْمَهَادُ ﴿١٩٧﴾

لَكِنِ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ

تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ

وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْآبِرَارِ ﴿١٩٨﴾

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَن يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا

أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَشِعِينَ لِلَّهِ لَا

يَشْتَرُونَ بِعَائِدَتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ

أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ

الْحِسَابِ ﴿١٩٩﴾

يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا

وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

"Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi dan

pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti (kekuasaan

Ilahi) bagi orang-orang yang berakal (190). Iaitu orang-orang

yang sentiasa mengingati Allah dalam keadaan mereka

berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan

mereka sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan

bumi. (Dan berkata:) Wahai Tuhan kami: Tiadalah Engkau

ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja. Maha Sucilah

Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka (191).

Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang

Engkau masukkan ke dalam Neraka maka sebenarnya

Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim

tidak akan memperoleh penolong-penolong (192). Wahai

Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang

penyeru yang menyeru kepada keimanan iaitu: "Berimanlah

kepada Tuhan kamu" lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikan kami di dalam golongan para abrar (193). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang Engkau telah janjikan kepada kami dengan perantaraan para rasul-Mu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji (194). Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan mereka: Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan sesuatu amalan yang diamalkan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) adalah keturunan dari satu sama lain. Oleh itu semua orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman mereka yang ditindas kerana agama-Ku, yang berperang dan yang dibunuh akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan akan Ku masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala balasan dari Allah dan di sisi Allah tetap tersimpan pahala balasan yang baik (195). Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu kenikmatan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahanam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman (197). Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperoleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai sambutan penghormatan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar (198). Dan di antara kaum Ahlil-Kitab itu terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada kitab yang diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka dengan merendahkan diri kepada Allah. Mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit. Mereka memperoleh ganjaran mereka di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya (199). Wahai orang-orang yang beriman! Sabarlah, dan tabahlah (menghadapi musuh) dan berkawallah (mengawasi musuh - di perbatasan-perbatasan negeri kamu) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."(200)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran terakhir di dalam surah yang memuat kandungan isi yang besar yang telah kami huraikannya sebelum ini, iaitu isi kandungan yang memperkatakan tentang teras-teras pandangan dan kefahaman Islam. Di sana teras-teras pandangan dan kefahaman ini telah dijelas dan dibersihkan dari segala kekeliruan di dalam perdebatan dengan kaum Ahlil-Kitab dan kemudian di dalam perdebatan dengan kaum Munafiqin dan kaum Musyrikin. Di sana juga diterangkan tabi'at sistem hidup Ilahi dan tugas-tugasnya terhadap jiwa raga dan harta kekayaan, juga dibentangkan pengajaran kepada kelompok Muslimin bagaimana cara melaksanakan tugas-tugas itu, bagaimana menghadapi ujian kesenangan dan kesusahan dan bagaimana membulatkan sikap yang ikhlas terhadap 'aqidah ini dan tugas-tugas yang besar yang mencakup jiwa raga dan harta kekayaan dan sebagainya dari isi kandungan yang dibicarakan oleh surah ini dan telah kami huraikannya di dalam dua juzu' iaitu yang ketiga dan yang keempat dari tafsir Fi Zilal ini.

Kini tibalah nada-nada yang terakhir di dalam surah ini, yang mana maudhu' dan uslubnya selaras dengan

nada-nada yang terdahulu dari segi maudhu' dan uslub penyampaian.

Di Sebalik Kitab Alam Buana Yang Terbuka Terdapat Hakikat-hakikat Yang Agung

Ia tiba membawa satu hakikat yang amat mendalam, iaitu alam buana ini sendiri adalah sebuah kitab yang terbuka yang membawa bukti-bukti dan petanda-petanda keimanan dan membayangkan bahawa di sebaliknya wujud tangan qudrat Ilahi yang mengatur perjalanannya dengan rapi dan bijaksana, juga membayangkan bahawa di sebalik hidup dunia ini ada alam Akhirat, hisab dan balasan, tetapi orang-orang yang dapat memahami bukti-bukti ini, dapat membaca petanda-petanda ini, dapat melihat kebijaksanaan ini dan dapat mendengar saranan-saranan ini hanya orang-orang yang berakal sahaja "Ulul-albab" iaitu orang-orang yang tidak melalui kitab terbuka ini dan petanda-petanda yang gemilang ini dengan mata yang tertutup dan dengan hati yang lalai.

Hakikat ini merupakan salah satu dari teras-teras pandangan dan kefahaman Islam terhadap alam buana dan terhadap hubungan yang rapat yang wujud di antara alam buana dengan fitrah manusia, juga persefahaman dalaman yang kukuh yang wujud di antara fitrah alam buana dengan fitrah manusia, iaitu kewujudan alam buana itu sendiri membuktikan kewujudan Penciptanya dari satu segi dan membuktikan kewujudan undang-undang yang mengatur dan mengendalinya, juga kewujudan tujuan, hikmat dan kehendak di sebaliknya dari satu segi yang lain pula. Hakikat ini amat penting dalam menentukan sikap manusia terhadap alam buana dan terhadap Allah S.W.T. selaku Pencipta alam buana. Hakikat ini merupakan salah satu dari asas-asas pandangan dan kefahaman Islam terhadap alam al-wujud.

Sehubungan dengan pelajaran ini, hakikat ini diiringi oleh penerimaan Allah terhadap permohonan orang-orang yang berakal "Ulul-albab" apabila mereka bertawajjuh kepada-Nya dengan sebuah do'a yang khusus, iaitu setelah mereka meneliti dan mengkaji kitab alam buana yang terbuka dan memikirkan petanda-petanda dan tujuan-tujuan yang disaran dan diilhamkan oleh kitab itu. Penerimaan Allah terhadap permohonan mereka adalah suatu penerimaan yang memberi bimbingan ke arah beramal, berjihad, berkorban, bersabar dan memikul tugas-tugas keimanan yang merupakan hasil penelitian yang dibawa pulang oleh mereka dari penjelajahan mereka yang khusus di dalam kitab alam buana yang terbuka. Penerimaan itu disertakan pula dengan pandangan yang menghina dan memperkecilkan kedudukan orang-orang kafir dan kemewahan dan kesenangan hidup, yang dini'mati mereka di dunia ini serta menonjolkan nilai-nilai yang kekal yang wujud di dalam balasan-balasan di negeri Akhirat yang seharusnya mendapat perhatian serius dari para Mu'minin yang abrar.

Untuk kembali semula kepada pembicaraan mengenai kaum Ahlil-Kitab dan sikap mereka terhadap para Mu'minin yang telah dihuraikan dengan panjang lebar di dalam surah ini, maka di dalam bahagian yang terakhir ini disebut golongan Ahlil-Kitab yang Mu'min dan balasan yang wajar yang diperolehi oleh mereka, juga ditonjolkan sifat khusyu' di antara sifat-sifat mereka yang lain, iaitu satu sifat yang sesuai dengan pandangan orang-orang yang berakal "Ulul-'albab" yang sedang meneliti kitab alam buana yang terbuka dan sesuai dengan do'a mereka yang penuh khusyu' dan seterusnya ditonjolkan sifat malu mereka kepada Allah dari bertindak menukarkan ayat-ayat Allah dengan keuntungan yang sedikit sebagaimana yang telah dilakukan oleh golongan Ahlil-Kitab yang kafir yang telah diterangkan sebelum ini.

Kemudian tibalah ayat penamat menyariatkan bimbingan-bimbingan Ilahiyah terhadap kelompok Muslimin dan menggambarkan ciri-ciri mereka yang sangat dituntut di samping menerangkan tugas-tugasnya yang tertentu yang menjamin tercapainya keberuntungan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا
وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٩٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman sabarlah, dan tabahlah (menghadapi musuh) dan berkawallah (di perbatasan-perbatasan negeri kamu) dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung."(200)

Inilah kata penamat yang sesuai dengan paksi surah ini dan sesuai dengan maudhu'-maudhu' utamanya.

(Pentafsiran ayat-ayat 190 - 194)

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾
الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾
رَبَّنَا إِنَّكَ مَن تَدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَجْتَهُ وَمَا
لِلظَّالِمِينَ مِن أَنْصَارٍ ﴿١٩٢﴾
رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَتْ
ءَامِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ

عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾
رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ
الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti (kekuasaan Ilahi) bagi orang-orang yang berakal (190). Iaitu orang-orang yang sentiasa mengingati Allah dalam keadaan mereka berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan mereka sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi. (Dan berkata:) Wahai Tuhan kami: Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja. Maha Sucilah Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka (191). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkannya ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperolehi penolong-penolong (192). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru yang menyeru kepada keimanan iaitu: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikan kami di dalam golongan para abrar (193). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang Engkau telah janjikan kepada kami dengan perantaraanpara rasul-Mu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."(194)

Apakah bukti-bukti yang wujud di dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang? Apakah bukti-bukti yang dilihat oleh para yang berakal ketika mereka merenungi dan meneliti kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang dan apakah yang membawa mereka sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan; berdiri, duduk dan baring? Apakah hubungan berfikir tentang bukti-bukti ini dengan peringatan mereka kepada Allah dalam setiap keadaan; berdiri, duduk dan baring? Bagaimanakah hasil pemikiran mereka pada akhirnya telah membawa mereka kepada sebuah do'a yang khusyu' yang terharu ini:

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿١٩١﴾

"Wahai Tuhan kami: Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja, Maha Sucilah Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka."(191)

Sehingga kepada akhir do'a.

Ungkapan do'a ini melukiskan satu gambaran yang hidup dari penerimaan yang sihat terhadap saranan-saranan kejadian alam buana yang berkesan di dalam pemahaman yang sihat, dan satu gambaran yang hidup dari sambutan yang sihat terhadap saranan-saranan kejadian-kejadian alam yang terdedah kepada semua pandangan dan fikiran di tengah alam siang dan malam.

***Kitab Alam Buana Yang Kaya Dengan
Bukti-bukti Ketuhanan***

Al-Qur'an menarik hati dan pandangan manusia berulang-ulang kali supaya menatap kitab alam buana yang terbuka itu, iaitu sebuah kitab apabila dibalik-balikkan lembarannya, maka setiap lembarannya memperlihatkan bukti yang banyak memberi saranan yang membangkitkan di dalam fitrah manusia yang sihat kesedaran terhadap kebenaran yang terdapat di lembaran-lembaran kitab ini dan di dalam reka bentuk bangunan alam buana ini, di samping membangkitkan keinginan menyambut dan menjunjung Pencipta yang menciptakan alam buana ini dan menyimpan kebenaran ini serta menaruh perasaan kasih dan takut terhadapnya serentak dalam waktu yang sama! Orang-orang yang berakal dan orang-orang yang mempunyai kefahaman yang betul tetap membuka mata hati mereka untuk menerima bukti-bukti ketuhanan yang terdapat pada kejadian alam buana. Mereka tidak membangunkan pagar-pagar penghalang dan tidak bertindak menutup jendela-jendela di antara mereka dengan bukti-bukti ketuhanan itu. Mereka bertawajjuh kepada Allah dengan hati mereka dalam segala keadaan; berdiri, duduk dan baring dan ini membuat mata hati dan fikiran mereka semakin terbuka dan jernih dan dapat berhubung dengan hakikat alam buana yang disimpan Allah padanya dan seterusnya dapat memahami tujuan kewujudannya, punca penciptaannya dan asas fitrah-Nya. Ia dapat memahami semuanya itu dengan ilham yang menghubungkan di antara hati manusia dengan undang-undang alam al-wujud ini.

Andainya kita membuka mata kita, hati kita dan fikiran kita kepada pemandangan langit dan bumi dan kepada pemandangan pertukaran malam dan siang dan andainya kita menerima pemandangan-pemandangan ini sebagai satu pemandangan yang baru dilihat oleh kita bagi pertama kalinya tentulah kita dapat menyelamatkan perasaan kita dari kehambaran kerana terlalu biasa dan dari kebosanan kerana terlalu kerap berulang-ulang..... Tentulah perasaan kita terharu olehnya dan tentulah kita merasa bahawa di sebalik perjalanannya yang teratur rapi itu ada tangan qudrat yang mengaturnya dan di sebalik peraturannya yang halus itu ada akal yang merancang dan ada undang-undang yang kukuh yang tidak pernah mungkir. Semuanya ini tidak mungkin merupakan suatu penipuan, tidak mungkin merupakan suatu yang serampangan dan tidak mungkin merupakan suatu kepalsuan.

Rasa keterharuan kita terhadap pemandangan alam buana yang indah itu tidak berkurangan dengan sebab kita mengetahui bahawa siang dan malam itu adalah dua gejala yang berlaku kerana bumi itu berpusing di sekeliling dirinya di hadapan matahari dan tidak pula dengan sebab kita mengetahui bahawa keselarasan perjalanan langit dan bumi itu bergantung kepada daya graviti atau bergantung kepada sesuatu yang bukan daya tarikan graviti

kerana semuanya hanya merupakan andaian-andaian sahaja yang mungkin betul dan mungkin tidak betul. Kedua-dua andaian itu tidak memberi apa-apa - kesan dalam penerimaan kita terhadap keajaiban-keajaiban alam buana dan terhadap undang-undang alam yang agung dan halus yang mengendali dan memeliharanya. Undang-undang ini - biar apa pun sahaja namanya di sisi para pengkaji dari bangsa manusia - adalah suatu bukti qudrat Ilahi dan suatu bukti kebenaran dalam penciptaan langit dan bumi dan dalam pertukaran siang dan malam.

Penerangan Al-Qur'an di sini menggambarkan langkah-langkah pergerakan jiwa yang dicetuskan oleh penerimaan pemandangan langit dan bumi dan pemandangan pertukaran siang dan malam di dalam perasaan orang-orang yang berakal dengan satu gambaran yang sangat halus dan dalam waktu yang sama merupakan satu gambaran yang memberi saranan yang menarik hati ke jalan yang betul dalam membuat hubungan dan berbicara dengan alam buana dengan perantaraan bahasanya; juga dalam usaha bersefahaman dengan fitrah dan hakikat alam buana dan menerima isyarat-isyarat dan saranan-saranannya. Gambaran itu menjadikan kitab alam buana yang terbuka ini sebuah kitab ma'rifat bagi manusia yang beriman yang berhubung dengan Allah dan ciptaan-ciptaan-Nya.

***Ilmu-ilmu Sains Yang Sepatutnya Menjadi Gelanggang
Ibadat Dan Solat Telah Bertukar Menjadi Laknat
Apabila Ditangani Akal Yang Kafir***

Al-Qur'an dari awal lagi menggandingkan di antara tawajjuh dan ibadat kepada Allah - dalam semua keadaan; berdiri, duduk dan baring - dengan kegiatan berfikir pada kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang. Al-Qur'an memasukkan kegiatan berfikir itu di dalam kegiatan beribadat dan ia jadikan kegiatan berfikir itu sebahagian dari pemandangan berzikir atau mengingati Allah. Pergandingan atau pemaduan di antara dua kegiatan ini menyarankan dua hakikat yang penting:

Hakikat yang pertama: Kegiatan berfikir pada kejadian Allah, meneliti kitab alam buana yang terbuka, mengesani tangan qudrat Ilahi yang Maha Pencipta ketika ia menggerakkan alam buana ini dan membalik-balikkan lembaran kitab alam buana ini merupakan jantung ibadat kepada Allah dan zikir kepada-Nya. Andainya - ilmu-ilmu sains yang mengkaji tentang susunan bentuk alam buana, undang-undang dan peraturannya, kekuatan-kekuatan dan perbendaharaan-perbendaharaannya, rahsia-rahsia dan tenaga-tenaganya mempunyai hubungan dengan mengingati Pencipta alam buana ini dan mempunyai hubungan dengan kesedaran terhadap kebesaran dan limpah kurnia-Nya nescaya ilmu-ilmu sains itu akan terus berubah kepada kegiatan beribadat dan mendirikan solat kepada Allah Pencipta alam buana ini dan nescaya kehidupan manusia menjadi betul dengan ilmu-ilmu itu dan bertawajjuh kepada Allah, tetapi malangnya arah tujuan kebendaan ilmu-ilmu sains yang kafir telah

memutuskan hubungan di antara sains alam buana dengan Penciptanya dan memutuskan hubungan di antara sains alam buana dengan hakikat azaliyah dan abadiyah; dan dari sinilah ilmu-ilmu sains yang merupakan seelok-elok pengurniaan Allah kepada manusia itu telah berubah menjadi suatu laknat yang memburu manusia dan menukarkan hidup mereka kepada Neraka yang dahsyat, kepada hidup yang gelisah dan terancam dan kepada kekosongan rohani yang memburu manusia seperti raksasa yang ganas.

Iman Yang Bertaqwa Sahaja Yang Dapat Mengambil Rahsia-rahsia Abadi Dari Kitab Alam Buana

Hakikat yang kedua: Ayat-ayat atau bukti-bukti Ilahiyah yang terdapat di alam buana ini tidak terserlah hakikatnya yang banyak memberi ilham itu melainkan kepada hati-hati yang mengingati dan beribadat kepada Allah. Mereka yang sentiasa mengingati dan menyebut Allah dalam segala keadaan; berdiri, duduk dan berbaring di samping memikirkan kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang, maka kepada hati merekalah terserlah hakikat-hakikat yang agung yang terkandung dalam kejadian langit dan bumi dan di dalam pertukaran malam dan siang, merekalah yang dapat berhubung di sebalik hakikat-hakikat itu dengan sistem hidup Ilahi yang membawa mereka kepada keselamatan, kebajikan dan kebaikan. Adapun orang-orang yang hanya berpada dengan kulit luar kehidupan dunia dan berpada dengan mengetahui rahsia-rahsia setengah-setengah kuasa dan tenaga alam tanpa berhubung dengan sistem hidup Ilahi ini, maka akibatnya mereka menghancurkan kehidupan dan memusnahkan diri mereka sendiri dengan rahsia-rahsia kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga alam ini, mereka mengubah hidup mereka menjadi Neraka dan menjadikan hidup mereka bertukar kepada hidup yang tercekik dengan keresahan dan kegelisahan, kemudian akhirnya mereka mendapat kemurkaan dan 'azab Allah di penghabisan perjalanan (hidup mereka).

Kedua-dua hakikat ini merupakan dua perkara yang berkait rapat yang dilukis dan dibentangkan oleh Al-Qur'an kepada orang-orang yang berakal "Ulul-'albab" di sa'at menyambut, menerima dan berhubung (dengan bukti-bukti Ilahiyah yang terdapat di alam buana).

Itulah sa'at yang menggambarkan kejernihan hati, kebeningan jiwa, keterbukaan fikiran dan kesediaannya untuk menyambut dan menerima di samping menggambarkan penerimaan, rasa keterharuan dan rasa terpengaruh kepada kesan-kesannya.

Itulah sa'at ibadat dan dengan sifat ini sa'at itu merupakan sa'at perhubungan dengan Allah dan sa'at penerimaan dari Allah. Oleh itu tidaklah hairan bahawa kesediaan di sa'at ini untuk memahami bukti-bukti Ilahiyah di dalam kejadian-kejadian alam buana itu adalah lebih besar (dari sa'at-sa'at yang lain), juga

tidak hairan bahawa semata-mata usaha berfikir pada kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang mengilhamkan hakikat yang tersembunyi di dalam kejadian-kejadian itu, juga mengilhamkan kefahaman bahawa kejadian-kejadian itu bukanlah diciptakan sia-sia dan palsu dan ini merupakan hasil secara langsung dari sa'at perhubungan yang menyampaikan kepada Allah:

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ

"Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja, Maha sucilah Engkau!"

Alam Suatu Hakikat Bukannya Suatu Kepalsuan

Yakni Engkau tidak menciptakan alam ini supaya ia menjadi sesuatu yang palsu, tetapi supaya menjadi sesuatu yang benar, di mana kebenaran menjadi teras dan asasnya, menjadi undang-undangnya dan menjadi unsurnya yang tulen. Alam buana ini mempunyai hakikat ia bukanlah "adam" (ketiadaan wujud) sebagaimana yang didakwakan oleh setengah-setengah falsafah. Ia berjalan mengikut satu undang-undang dan bukannya dibiarkan berjalan tanpa peraturan. Ia berjalan menuju kepada satu matlamat yang tertentu bukannya dibiarkan kepada kebetulan. Kewujudan alam, harakatnya dan matlamatnya telah ditetapkan dengan kebenaran yang tidak bercampur aduk dengan kepalsuan.

Inilah sentuhan pertama yang menyentuh hati para Ulil-'albab yang berfikir pada kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang. Ia menyentuh mereka dengan kesedaran beribadat, berzikir dan berhubung dengan Allah. Inilah sentuhan yang menerapkan ke dalam hati mereka kebenaran yang tulen yang wujud pada susun bentuk alam buana ini lalu terkeluarlah dari lidah mereka ucapan tasbih yang membersihkan Allah dari menciptakan alam ini dengan palsu.

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ

"Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja! Maha Sucilah Engkau!"

Kemudian harakat jiwa berturut-turut menyatakan perasaannya terhadap sentuhan-sentuhan alam buana dan saranan-saranannya:

فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

"Oleh itu lindungilah kami dari 'azab Neraka."(191)

رَبَّنَا إِنَّكَ مَن تَدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَجْتَهُ وَمَا

لِلظَّالِمِينَ مِّنْ أَنْصَارٍ

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkan ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperolehi penolong-penolong."(192)

Apakah hubungan perasaan di antara kebenaran yang wujud didalam kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang dengan rasa keterharuan yang mengucapkan do'a yang takut kepada api Neraka?

Memahami kebenaran yang wujud dalam susun bentuk alam buana ini dan di dalam ciri-ciri rupanya yang lahir itu membawa erti - di sisi para Ulul-albab - bahawa di sana ada taqdir dan tadbir ilahi, ada hikmat dan matlamat ada kebenaran dan keadilan di sebalik kehidupan manusia di planet bumi ini, dan di sana juga pasti ada hisab dan balasan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan oleh manusia, malah jelaslah di sana pasti ada sebuah alam yang lain dari alam dunia ini, di mana dapat ditegakkan kebenaran dan keadilan dalam pembalasan.

Itulah satu untaian logik pemikiran fitrah yang spontan yang bersambung-sambung begitu cepat di dalam hati mereka. Oleh sebab itulah tiba-tiba terlompat dalam khayalan mereka gambaran Neraka lalu mereka berdo'a kepada Allah agar melindungi mereka darinya. Itulah lintasan fikiran yang pertama yang menemani pemahaman terhadap kebenaran yang tersembunyi di dalam alam al-wujud ini. Itulah satu tarikan perhatian yang menunjukkan perasaan-perasaan yang sambut menyambut di dalam hati Ulul-'albab kemudian lidah mereka melafazkan do'a yang panjang, khusus, menggeletar, dan bertaubat, iaitu do'a yang mengandungi irama yang manis, nada yang harmoni dan kehangatan yang begitu ketara di dalam bahagian-bahagian susunan kata-kata dan irama.

Kita harus berhenti sejenak di hadapan rasa ketakutan mereka yang pertama ketika mereka berdo'a kepada Allah supaya menyelamatkan mereka dari 'azab Neraka..... Kita harus berhenti sejenak di hadapan perkataan mereka:

رَبَّنَا إِنَّكَ مَن تَدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَجْتَهُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿١٩١﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa sahaja yang Engkau masukkan ke dalam Neraka maka sebenarnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak akan memperoleh penolong-penolong." (192)

Perkataan ini membayangkan bahawa ketakutan mereka kepada Neraka pada asasnya ialah ketakutan kepada kehinaan yang menimpa ahli Neraka, iaitu ketakutan malu mendapat kehinaan yang menimpa ahli Neraka. Itulah ketakutan yang motifnya yang paling besar ialah malu kepada Allah. Mereka lebih peka kepada ketakutan ini dari ketakutan dijilat api Neraka. Di samping itu perkataan itu juga membayangkan kesedaran mereka yang kuat bahawa tiada siapa yang dapat menolong dari 'azab Allah dan bahawa orang-orang yang zalim itu tidak akan ditolong oleh sesiapa.

Kemudian marilah kita ikuti do'a yang panjang dan penuh khusus ini:

رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ
ءَامِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَقَّنَا مِنَ الْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru yang menyeru kepada keimanan iaitu: 'Berimanlah kepada Tuhan kamu' lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikan kami di dalam golongan para abrar." (193)

Itulah hati-hati yang terbuka dan sebaik sahaja hati-hati ini menerima saranan, ia terus menyambut dan rasa pekanya yang tajam terus membongkas dan perkara yang mula-mula diperiksa dan diselidiki olehnya ialah kecuaiannya, dosa-dosa dan maksiatnya dan lantas ia bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dosa, penghapusan kesalahan-kesalahan dan mati dalam golongan para abrar.

Bayangan dari bahagian do'a ini selaras dengan seluruh bayangan surah ini yang semuanya menuju ke arah mencari keampunan dan pembersihan dari dosa-dosa dan maksiat dan menuju ke arah perjuangan yang total dengan nafsu keinginan, dosa dan kesalahan, iaitu satu perjuangan yang menjadi asas segala kemenangan di medan-medan perjuangan menentang musuh-musuh Allah dan musuh-musuh keimanan. Seluruh surah ini merupakan satu unit yang sepadu dan selaras segala nada dan bayangannya.

Kemudian do'a itu di akhiri dengan tawajjuh, harapan, penyerahan, dan memohon keyakinan semoga Allah menyempurnakan segala janji-Nya:

رَبَّنَا وَعِثْنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ
الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

"Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami segala apa yang Engkau telah janjikan kepada kami dengan perantaraan para rasul-Mu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Qiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji." (194)

Itulah permohonan supaya mengotakan janji-janji Allah yang telah disampaikan oleh para rasul, itulah keyakinan terhadap janji Allah yang tidak pernah memungkirkan perjanjian dan itulah harapan agar mereka diselamatkan dari kehinaan pada hari Qiamat, iaitu harapan yang mempunyai hubungan dengan rasa ketakutan mereka yang pertama yang dinyatakan di dalam do'a itu, harapan yang menunjukkan betapa takutnya mereka kepada kehinaan itu dan betapa kuatnya ingatan mereka terhadap ketakutan itu pada permulaan do'a dan pada akhirnya. Ini membayangkan betapa pekanya hati mereka, betapa halus dan jernihnya taqwa dan malu mereka kepada Allah.

Keseluruhan do'a itu menggambarkan sambutan yang benar dan mendalam terhadap saranan alam buana dan terhadap nada kebenaran yang tersembunyi di dalamnya ke dalam hati-hati yang sihat dan terbuka.

Di sini kita harus berhenti sejenak di hadapan do'a ini untuk memperhatikan segi keindahan seni dan keselarasan penyampaiannya.

Peranan Qafiah Dalam Keindahan Pengungkapan

Setiap surah Al-Qur'an mempunyai bunyi akhir kata (qafiah) yang tertentu pada kebanyakan ayat-ayatnya, tetapi qafiah di dalam Al-Qur'an berlainan dari qafiah-qafiah di dalam sajak, kerana qafiah di dalam Al-Qur'an bukannya dalam bentuk huruf yang sama, malah hanya dalam bentuk nada dan irama yang serupa. Seperti (1) "Basir, Hakim, Mubin, Murib," (2) "al-Albab, al-Absar, an-Nar, Qarar" (3) "Khafiyān, Syaḡiyān, Syaian, Syarḡiyān" dan sebagainya.

Qafiah yang pertama ghalibnya terdapat pada ayat-ayat yang membuat penjelasan-penjelasan, dan qafiah yang kedua ghalibnya terdapat pada ayat-ayat yang memuat do'a-do'a dan qafiah yang ketiga ghalibnya terdapat pada ayat-ayat yang memuat cerita.

Qafiah yang ghalib terdapat di dalam Surah Aali 'Imran ialah qafiah yang pertama kecuali pada dua tempat, iaitu pertama pada ayat-ayat awalan surah yang memuat do'a dan yang kedua di tempat ini iaitu pada ayat yang memuat do'a yang baru ini.

Itulah di antara unsur keindahan keselarasan seni di dalam pengungkapan Al-Qur'an. Nada dan irama qafiah yang memanjang itu memberikan bunyi yang lembut dan merdu kepada pengucapan do'a itu, iaitu sejenis bunyi yang sesuai dengan suasana berdo'a, bertawajjuh dan mengangkat permohonan.

Di sana ada lagi satu gejala seni yang lain iaitu penayangan pemandangan berfikir dan merenungi kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang adalah sesuai dengan irama do'a yang khusyu' yang diucapkan dengan tartil, dengan nada yang panjang, lanjut dan mendalam dan ini membuat tayangan pemandangan-pemandangan itu dengan segala saranan-saranan dan kesan-kesannya menjadi panjang kepada perasaan, pendengaran dan khayalan (para pembacanya) dan memberi kesan yang mendalam kepada hati mereka kerana pengucapan do'a itu mengandungi sikap yang khusyu', bunyi yang sayu, tawajjuh yang ikhlas dan perasaan yang menggeletar. Di sini pemandangan-pemandangan itu menjadi panjang dengan ungkapan-ungkapannya yang lanjut-lanjut dan dengan irama dan nada-nadanya yang memanjang dan dengan ini tercapailah salah satu dari tujuan pengungkapan Al-Qur'an yang tulen dan terlaksanalah salah satu dari ciri-ciri seninya yang tulen, kemudian pemandangan itu bertambah panjang lagi dengan jawapan dan penerimaan do'a itu dari Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 195 -198)

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ
 مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ ۗ فَالَّذِينَ
 هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي
 وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ
 وَلَا أُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّتِ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
 ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾
 لَا يَغْرَنَّاكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ ﴿١٩٦﴾
 مَتَّعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾
 لَكِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ
 تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزِّلَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ
 وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْآبِرَارِ ﴿١٩٨﴾

"Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan mereka: Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan sesuatu amalan yang diamalkan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) adalah keturunan dari satu samalain. Oleh itu semua orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman mereka yang ditindas kerana agamaKu, yang berperang dan yang dibunuh akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan akan Ku masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala balasan dari Allah dan di sisi Allah tetap tersimpan pahala balasan yang baik (195). Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu kenikmatan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman (197). Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai penghormatan sambutan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar."(198)

Itulah penerimaan dan pengabulan do'a yang dijelaskan dengan terperinci dan penerangan yang panjang lebar yang selaras dengan ciri seni pengungkapan Al-Qur'an, iaitu sesuai dengan kehendak-kehendak keadaan dan suasana dari segi jiwa dan perasaan.

Kemudian marilah kita tumpukan pembicaraan kita di sekitar isi kandungan penerimaan Ilahi terhadap do'a itu dan di sekitar maksud dan ertinya yang

mencerminkan tabi'at sistem hidup Ilahi dan nilai-nilainya, juga mencerminkan tabi'at kaedah cara didikan Islamiyah dan ciri-cirinya.

Para Ulul-albab yang berfikir dan merenungi kejadian langit dan bumi dan kejadian pertukaran malam dan siang, kemudian menerima ilham-ilham dari kitab alam buana yang terbuka itu, di mana fitrah mereka menyambut saranan kebenaran yang tersembunyi di dalam kejadian-kejadian alam buana itu lalu mereka bertawajjuh kepada Allah mengangkat do'a yang khusus, menggeletar, panjang dan mendalam kemudian menerima sambutan dari Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih yang telah memperkenankan do'a mereka yang ikhlas dan mesra itu.... Apakah hakikat penerimaan itu?

Penerimaan itu merupakan pengabulan do'a dan bimbingan ke arah nilai-nilai sistem hidup Ilahi dan tugas-tugasnya:

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ
مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنْتُمْ بِبَعْضِكُمْ مِّنْ بَعْضٍ

"Maka Tuhan mereka telah memperkenankan permohonan mereka: Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan sesuatu amalan yang diamalkan oleh seseorang dari kamu sama ada lelaki atau perempuan. Kamu (lelaki dan perempuan) adalah keturunan dari satu sama lain." (195)

Proses Berfikir Dan Berdo'a Harus Diiringi Dengan Proses Bertindak Dan Berjuang

Yakni ia bukannya semata-mata kegiatan berfikir dan merenungi, bukannya semata-mata perasaan khusus dan menggeletar dan bukannya semata-mata berdo'a kepada Allah memohon penghapusan dosa dan meminta keselamatan dari kehinaan dan 'azab Neraka, malah pastilah disertai dengan amalan yang positif yang terbit dari hasil kesedaran setelah menerima saranan-saranan dari kejadian alam buana dan hasil dari rasa kepekaan yang tergambar di dalam perasaan keterharuan yang menggeletar itu, iaitu amalan yang dikira oleh Islam sebagai ibadat seperti ibadat berfikir, berzikir, beristighfar, takut kepada Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan mengangkat harapan, malah itulah amalan yang dikira oleh Islam sebagai hasil yang sebenar yang diharapkan dari ibadat itu dan itulah amalan yang diterima dari semua manusia baik lelaki mahupun perempuan tanpa sebarang perbezaan kerana kelainan jenis, seluruh mereka adalah sama dari segi insaniah kerana lelaki dan perempuan adalah keturunan dari satu sama lain, seluruh mereka adalah sama di dalam neraca Allah.

Kemudian dikemukakan pula perincian amalan dan dari perincian ini diperolehi keterangan yang jelas tentang tugas-tugas 'aqidah ini pada jiwa raga dan harta kekayaan, juga tentang tabi'at sistem Ilahi ini dan tabi'at bumi tempat ia berpijak dan seterusnya tentang tabi'at jalan perjuangan yang dilalui 'aqidah

ini, iaitu ia harus menempuh berbagai-bagai halangan dan duri-duri, harus sanggup mengatasi halangan-halangan itu dan menghancurkan duri-duri itu di samping berusaha menyiapkan tanah yang lembut untuk menanam pokok 'aqidah yang subur dan untuk membolehkannya tegak bertunjang di bumi itu walau dengan apa jua pengorbanan dan menempuh apa sahaja halangan sekalipun:

فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

"Oleh itu semua orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman mereka yang ditindas kerana agama-Ku, yang berperang dan yang dibunuh akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan akan Ku masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala balasan dari Allah dan di sisi Allah tetap tersimpan pahala balasan yang baik." (195)

Contoh Perjuangan Muslimin Pertama

Dahulu inilah gambaran para penda'wah yang ditunjukkan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya, iaitu mereka yang berhijrah dari Makkah, mereka yang diusir dari kampung halaman mereka kerana 'aqidah, mereka yang ditindas kerana agama Allah dan bukannya kerana sesuatu sebab yang lain dan mereka yang berperang dan gugur di dalam peperangan. Tetapi sebenarnya itulah gambaran para pejuang da'wah di mana-mana bumi dan di mana-mana zaman. Itulah gambaran 'aqidah yang tumbuh di dalam jahiliyah - apa sahaja bentuk jahiliyah - yang tumbuh di bumi yang menentanginya - di mana-mana sahaja bumi itu - yang tumbuh di tengah-tengah kaum yang berseteru dengannya - mana-mana kaum sahaja - lalu mereka merasa tidak senang dan bosan terhadapnya, kerana tamak haloba dan nafsu keinginan mereka tergugat akibat 'aqidah itu dan dari sinilah 'aqidah mulai ditindas dan diburu, sedangkan para pejuangnya pada permulaan perkembangannya itu hanya merupakan satu kumpulan yang lemah. Kemudian pokok 'aqidah yang subur itu terus berkembang walaupun ditindas dan diburuk, kemudian ia mendapat kekuatan untuk melawan dan mempertahankan diri lalu terjadilah peperangan dan berlakulah pembunuhan di medan perang..... dan kerana perjuangan yang gigih dan pahit inilah dihapuskan dosa dan dikurniakan balasan dan pahala.

Inilah jalan yang ditempuh oleh sistem hidup Rabbani yang telah diputuskan Allah agar ia ditegakkan dalam realiti hidup manusia dengan usaha perjuangan manusia sendiri; iaitu ia harus ditegakkan melalui usaha perjuangan dan pengorbanan yang

dicurahkan oleh para pejuang fi Sabilillah demi mencari keredhaan Allah.

Inilah tabi'at sistem hidup Ilahi, nilai-nilainya dan tugas-tugasnya, kemudian inilah juga methodologi didikan dan bimbingannya untuk beralih dari peringkat keinsafan setelah memikirkan kejadian-kejadian Allah kepada peringkat tindakan yang positif untuk melaksanakan sistem yang telah dikehendaki Allah itu.²⁵

Kaum Muslimin Yang Terpersona Dengan Kemewahan Hidup Orang Kafir

Kemudian Al-Qur'an menarik perhatian kepada fitnah kesenangan hidup yang dini'mati oleh orang-orang kafir dan para penentang agama Allah untuk diberikan bimbingan dan nilainya yang sebenar supaya ia tidak mempesonakan mereka, juga supaya ia tidak mempesonakan orang-orang Mu'min yang menderita penindasan, pengusiran dari kampung halaman, menempuh peperangan dan gugur di medan perang:

لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ ﴿١٩٦﴾
 مَتَّعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَا لَهُمْ جَهَنَّمُ وَيَسَّ الْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾
 لَكِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ
 تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ
 وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

"Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu kenikmatan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman (197). Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperoleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai penghormatan sambutan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar." (198)

Perubahan hidup orang-orang kafir di negeri-negeri itu merupakan salah satu gejala dari gejala-gejala kesenangan dan kekayaan, kedudukan dan kekuasaan. Ia merupakan gejala hidup yang tidak syak lagi menimbulkan sesuatu godaan di dalam hati orang-orang yang beriman yang menderita kesusahan dan penafian, penindasan dan letih lesu, dan menempuh perjuangan atau jihad, kerana semuanya merupakan kesulitan-kesulitan dan kesengsaraan-kesengsaraan hidup, sedangkan pejuang-pejuang kebatilan berada di dalam kehidupan yang senang-lenang. Gejala kesenangan hidup itu mencubit hati

orang ramai yang jahil apabila mereka melihat agama yang benar dan para pendokongnya menderita kesusahan, sedangkan agama yang batil dan para pendokongnya hidup selamat dan mewah makmur. Ia mempesonakan hati orang-orang yang sesat yang memperjuangkan kebatilan itu sendiri dan membuat mereka bertambah sesat, angkuh dan degil di dalam kejahatan dan kebejatan.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan sentuhan ini:

لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ ﴿١٩٦﴾
 مَتَّعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَا لَهُمْ جَهَنَّمُ وَيَسَّ الْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

"Janganlah engkau terpesona dengan perubahan kehidupan orang-orang kafir di dalam negeri (196). Itu hanya suatu kenikmatan yang sedikit kemudian tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan ia adalah seburuk-buruk tempat kediaman." (197)

Yakni kesenangan hidup mereka adalah suatu kenikmatan yang sedikit yang akan berakhir dan hilang, sedangkan tempat kediaman mereka yang kekal abadi kelak ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman.

Dan tandingan bagi kenikmatan yang sedikit dan hilang itu ialah ni'mat Syurga, ni'mat hidup yang abadi dan ni'mat penghormatan yang tinggi dari Allah:

لَكِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ
 تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ
 وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

"Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan memperoleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tinggal kekal di sana sebagai sambutan penghormatan tetamu dari sisi Allah dan segala balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik bagi para abrar." (198)

Seorang yang meletak kenikmatan dunia dalam satu daun neraca dan meletak kenikmatan di sisi Allah pada daun neraca yang sebelah lagi tentulah ia tidak ragu-ragu bahawa kenikmatan di sisi Allah itulah yang lebih baik kepada para abrar dan di dalam hatinya tidak terdapat sebarang kekeliruan lagi bahawa daun neraca orang-orang yang bertaqwa itu adalah lebih berat dari daun neraca orang-orang yang kafir. Dan setiap yang berakal tidak ragu-ragu memilih kenikmatan yang dipilih oleh para abrar itu.

Di Peringkat Pendidikan Para Penda'wah Hanya Dijanjikan Balasan Di Sisi Allah Sahaja

Ketika mendidik dan menjelaskan nilai-nilai asasi dalam kefahaman dan pandangan Islam, maka di sini, Allah S,W,T. tidak menjanjikan kepada orang-orang yang beriman kemenangan dan kekalahan musuh-

²⁵ Lihat huraian panjang dalam buku "منهج التربية الإسلامية" Oleh: Muhammad Qutb Bab تربية العقل, m.s 96 - 97.

musuh mereka dan tidak pula menjanjikan kepada mereka kedudukan yang kuat. Allah tidak menjanjikan di sini kepada mereka sesuatu apa pun di dalam kehidupan dunia ini seperti yang dijanjikannya di tempat-tempat yang lain dan seperti pertolongan-pertolongan yang ditetapkannya kepada para hamba kesayangan-Nya yang berjuang dengan musuh-musuh mereka tetapi yang dijanjikan Allah kepada mereka di sini hanya satu sahaja, iaitu "balasan di sisi Allah". Inilah pokok pangkal dalam da'wah ini. Inilah titik tolak di dalam 'aqidah ini, iaitu kebersihan yang mutlak dari segala matlamat dan tujuan dan dari segala keinginan dan hasrat yang lain - walaupun keinginan untuk melihat kemenangan 'aqidahnya dan kemenangan kalimat Allah dan kekalahan musuh-musuh Allah kerana Allah mahukan para Mu'minin membersihkan hati mereka dari keinginan-keinginan seperti ini dan menyerahkan sahaja urusan itu kepada Allah walaupun hal itu tidak membabitkan diri mereka sahaja.

'Aqidah ini ialah pemberian, kesetiaan, keta'atan dan penunaian tugas tanpa balasan dengan kesenangan-kesenangan hidup dunia dan tanpa balasan dengan kemenangan, kedudukan yang kuat dan tinggi kemudian menunggu segala balasan di Akhirat sana.

Andainya kemenangan tercapai, kedudukan yang kuat dan tinggi tercapai, maka ini tidak termasuk dalam perjanjian dan tidak pula merupakan balasan dari perjanjian, kerana tidak ada di dalam perjanjian ini sesuatu balasan di dunia ini. Tidak ada di dalam perjanjian ini melainkan penunaian tugas, kesetiaan, pemberian dan menghadapi ujian.

Di atas syarat-syarat inilah perjanjian itu diadakan ketika harakat da'wah ditindas di Makkah. Di atas syarat-syarat inilah diadakan 'aqad jual beli itu dan Allah tidak mengurniakan kepada kaum Muslimin kemenangan, kedudukan yang kuat dan tinggi ketika itu, iaitu Allah tidak menyerahkan teraju pemerintahan bumi dan teraju kepimpinan umat manusia melainkan setelah mereka membersihkan diri mereka dari segala-galanya dan menyempurnakan kesetiaan dan keta'atan mereka.

Ujar Muhammad ibn Ka'ab al-Qurazi dan lainnya: Kata Abdullah ibn Rawahah r.a. kepada Rasulullah s.a.w. - iaitu pada malam perjanjian 'Aqabah (di mana ketua-ketua suku Aus dan Khazraj mengikat perjanjian dengan beliau supaya berhijrah kepada mereka):

"Silalah anda kemukakan syarat-syarat yang anda suka untuk Tuhan anda dan diri anda." Jawab beliau "Aku syaratkan untuk Tuhanku ialah hendaklah kamu menyembahkan-Nya dan jangan kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apapun dan untuk diriku aku syaratkan supaya kamu mempertahankan diriku sebagaimana kamu mempertahankan diri kamu dan harta benda kamu". Abdullah ibn Rawahah bertanya: "Apakah ganjaran untuk kami jika kami berbuat begitu?" Jawab beliau:

"Syurga." Lalu mereka pun berkata: "Beruntunglah jual beli ini. Kami tidak akan membatalkannya dan tidak akan menuntut dibatalkannya".

Hanya "Syurga" sahaja. Beliau tidak menjanjikan kepada mereka kemenangan, kemuliaan dan perpaduan. Tetapi kekuatan, kedudukan yang kuat, kepimpinan, kekayaan dan kemewahan yang telah dikurnia Allah dan diperlakukan Allah ke atas mereka selepas itu, adalah tidak termasuk di dalam perjanjian itu.

Demikian 'aqad jual beli yang tidak akan dibatalkan mereka itu telah mendapat keuntungan. Mereka telah mengambilnya sebagai satu perjanjian yang kukuh dan di sana tidak ada lagi sebarang tawar-menawar.

Demikianlah Allah telah mendidik kelompok Muslimin yang telah direncanakannya untuk meletakkan di tangan mereka teraju pemerintahan bumi dan teraju kepimpinan umat manusia dan menyerahkan kepada mereka amanah agung setelah mereka membersihkan diri mereka dari segala hasrat dan keinginan walaupun hasrat yang ada hubungan dengan da'wah yang didokong mereka, walaupun hasrat yang ada hubungan dengan sistem hidup Ilahi yang hendak ditegakkan mereka dan walaupun hasrat yang ada hubungan dengan 'aqidah yang diperjuangkan mereka dengan bermati-matian, kerana amanah agung ini tidak layak dipikul oleh mereka yang menyimpan tujuan-tujuan peribadi di dalam hati mereka atau masih menyimpan di dalam hati mereka saki-baki cita-cita yang belum lagi masuk ke dalam Islam seluruhnya.²⁶

* * * * *

(Pentafsiran ayat 199)

Sebelum surah ini berakhir Al-Qur'an kembali membicarakan tentang kaum Ahlil-Kitab dan di sini ia menjelaskan bahawa di sana ada segolongan dari mereka yang beriman sama seperti keimanan orang-orang Islam. Mereka telah bergabung dalam angkatan Muslimin dan mengikuti jejak mereka dan golongan ini juga akan memperolehi balasan mereka.

وَأَنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا
 أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِمْ خَشِيعِينَ لِلَّهِ لَا
 يَشْتَرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَئِكَ لَهُمْ
 أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ
 الْحِسَابِ

"Dan di antara kaum Ahlil-Kitab itu terdapat orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada kitab yang

²⁶ Lihat juzu' yang kedua mengenai tafsiran ayat:
 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اخْلُوا فِي السَّلَامِ كَافَّةً

diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka dengan merendah diri kepada Allah. Mereka tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit. Mereka memperoleh ganjaran mereka di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya.”(199)

Golongan Ahlil-Kitab Yang Beriman

Itulah kira-kira terakhir dengan kaum Ahlil-Kitab. Sebelum ini Al-Qur’an telah menyebut berbagai-bagai puak dari mereka dan berbagai sikap mereka di dalam berbagai-bagai surah. Dan di sini, iaitu ketika pembicaraan keimanan dan ketika menayangkan pemandangan do’a dan penerimaan Allah terhadapnya, Al-Qur’an menyebut juga bahawa di antara kaum Ahlil-Kitab terdapat segolongan dari mereka yang mengikuti jalan keimanan hingga akhirnya. Mereka beriman dengan semua kitab suci. Mereka tidak membezakan di antara Allah dan para rasul-Nya dan tidak pula membeza-bezakan sesiapa di antarapara rasulnya. Mereka beriman dengan kitab yang diturunkan kepada mereka dan beriman dengan kitab yang diturunkan kepada orang-orang Islam. Inilah ciri ‘aqidah samawiyah. Ia memandang kepada angkatan iman dengan pandangan hubungan yang rapat dan kasih mesra dan memandang garis ‘aqidah itu bersambung dengan Allah. Ia memandang kepada agama Allah pada ciri persamaannya dan ciri kesemestaannya yang syumul. Al-Qur’an juga menonjolkan sifat-sifat golongan yang beriman dari kaum Ahlil-Kitab, iaitu sifat khusus mereka kepada Allah dan sikap mereka yang tidak sanggup menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit dengan tujuan untuk membezakan mereka dari barisan-barisan Ahlil-Kitab yang lain yang terkenal dengan sifat-sifat angkuh dan kurang sopan terhadap Allah, juga sifat memalsu dan menyembunyikan ayat-ayat Allah kerana tamakkan ni’mat-ni’mat dunia yang murah.

Al-Qur’an menjanjikan mereka dengan balasan para Mu’minin di sisi Allah yang tidak pernah melengahkan pemberian ganjaran kepada mereka yang berinteraksi dengannya. Maha Suci Allah!

إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩٩﴾

“Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya.”(199)

(Pentafsiran ayat 200)

Kemudian tibalah kenyataan yang terakhir memuat seruan Allah kepada orang-orang yang beriman dan menyariatkan beban-beban dan syarat-syarat perjuangan di jalan menegakkan sistem hidup Ilahi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا

وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Sabarlah, dan tabahlah (menghadapi musuh) dan berkawallah (mengawasi musuh)

dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beruntung.”(200)

Itulah seruan Ilahi Yang Maha Tinggi kepada orang-orang yang beriman. Ia menyeru mereka dengan sifat keimanan yang mengikat mereka dengan sumber seruan itu, iaitu sifat keimanan yang kerananya mereka diserahkan beban-beban ini. Itulah sifat yang melayakkan mereka untuk menerima seruan Ilahi dan untuk menerima beban-beban itu dan itulah sifat yang membuat mereka dimuliakan di bumi dan dimuliakan di langit:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا

“Wahai orang-orang yang beriman.”

Seruan ini dikemukakan kepada mereka supaya mereka bersabar dan tabah menghadapi musuh dan supaya mereka berkawal dan bertaqwa.

Penerangan surah ini penuh dengan pembicaraan sabar dan taqwa. Kadang-kadang kedua-duanya dibicarakan secara berasingan dan kadang-kadang secara berkumpul, juga penuh dengan seruan supaya berjuang dengan tabah dan gigih, seruan supaya menepiskan tipudaya musuh dan jangan mendengar kempen-kempen musuh yang bertujuan mengalahkan mereka dan menimbulkan keadaan-keadaan yang kecoh dan kelam-kabut. Oleh sebab itulah surah ini diakhiri dengan seruan supaya bersabar dan bersikap tabah, supaya sentiasa berkawal dan bertaqwa, dan dengan ini ia menjadi suatu kata penamat yang paling sesuai.

Konsep Kesabaran Dalam Erti Katanya Yang Luas

Kesabaran merupakan bekalan di jalan perjuangan da’wah. Ia adalah satu jalan perjuangan yang panjang, sulit dan penuh dengan halangan-halangan dan duri-duri, satu jalan yang disiram dengan darah dan ditabur dengan kecaian-kecaian badan dan satu jalan yang penuh dengan penindasan dan ujian. Kesabaran menghadapi berbagai cabaran, iaitu kesabaran menghadapi cabaran-cabaran nafsu keinginan, tamak haloba dan cita-citanya yang tinggi, kelemahan dan kekurangannya, kegopohan dan kebosannya, juga kesa-baran menghadapi nafsu keinginan manusia, kekurangan dan kelemahan mereka, kejahilan dan keburukan kefahaman mereka, penyelewengan tabi’at mereka, pementingan diri dan keangkuhan mereka, kesabaran menghadapi akhlak mereka yang bengkok, kesabaran menghadapi sifat mereka yang terburu-buru meminta hasil. Kesabaran menghadapi keangkuhan kebatilan dan kekejaman kezaliman, kesabaran menghadapi kejahatan-kejahatan dan kemenangan nafsu keinginan, kesabaran menghadapi lagak-lagak sombong dan takbur, kesabaran menghadapi masalah kekurangan dan kelemahan para pembantu, kesabaran menghadapi perjalanan yang jauh, kesabaran menghadapi godaan-godaan syaitan di sa’at-sa’at kesusahan dan kesempitan, kesabaran menghadapi

perjuangan yang pahit terhadap semuanya itu, iaitu perjuangan yang menimbulkan berbagai-bagai perasaan dan emosi sedih, marah, dendam, bosan, kadang-kadang kurang yakin kepada kebaikan, kadang-kadang kurang menaruh harapan kepada fitrah manusia, kadang-kadang merasa jemu dan bosan dan kadang-kadang merasa putus asa. Dan selepas ini semua ialah kesabaran mengawal diri sendiri di sa'at berkuasa dan menang, kesabaran menerima kemewahan dan kesenangan dengan tawaduk dan bersyukur, tanpa takbur, tanpa terburu-buru membalas dendam dan tanpa melampaui batas balasan yang setimpal (apabila membalas dendam), kesabaran tetap berhubung dengan Allah samaada di dalam kesusahan atau kesenangan, kesabaran berserah kepada taqdir Allah dan kesabaran memulangkan segala perkara kepada Allah dengan penuh ketenangan, keyakinan dan perasaan khusus'.

Kesabaran menghadapi segala perkara ini dan perkara-perkara yang seumpamanya yang dihadapi oleh seseorang pejuang da'wah di jalan perjuangan yang panjang ini tidak dapat digambarkan oleh hakikat kata-kata, kerana kata-kata itu tidak dapat memindahkan pengertian yang haqiqi dari pengalaman ini, malah yang dapat memahami pengertiannya yang haqiqi ialah orang yang mengalami kesulitan-kesulitan jalan perjuangan itu sendiri, iaitu mengecapinya dalam bentuk perasaan-perasaan, pengalaman-pengalaman dan kepahitan-kepahitan.

Orang-orang yang beriman telah mengecapi berbagai-bagai aspek dari pengertian yang haqiqi ini. Oleh sebab itu merekalah yang lebih memahami tentang kecapan seruan ini. Merekalah orang-orang yang faham tentang erti kesabaran yang dituntut Allah kepada mereka supaya mengamalkannya.

Kata-kata "صابروا" bererti tabah menghadapi seluruh perasaan ini dan tabah menghadapi musuh-musuh yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi kesabaran orang-orang yang beriman. Oleh itu kesabaran orang-orang yang beriman tidak hilang walaupun mereka menghadapi masa perjuangan yang panjang, malah mereka tetap lebih sabar, lebih kuat dan tabah dari musuh-musuh mereka; iaitu musuh-musuh dari dalam diri mereka sendiri atau musuh-musuh dari manusia-manusia yang jahat. Mereka seolah-olah berada di dalam pertandingan dan perlumbaan dengan musuh-musuh mereka, di mana mereka bertanding sabar, berlawan tolak, bertanding usaha dan berlawan gigih dan degil kemudian diakhir pertandingan itu terbukti bahawa merekalah yang lebih tabah dan lebih sabar dari musuh-musuh mereka. Dan andainya kebatilan sanggup berdegil, bersabar dan berjuang terus, maka tentulah kebenaran lebih wajar lagi menunjukkan kesabaran dan ketabahan yang lebih tinggi untuk meneruskan perjuangannya.

Tugas Berkawal Mengawasi Musuh

Berkawal ialah mengadakan kawalan berjaga-jaga di tempat-tempat jihad dan di kubu-kubu yang terdedah kepada serangan musuh. Dahulu mata angkatan kelompok Muslimin tidak pernah lalai dan tidur nyenyak, kerana musuh-musuh mereka tidak pernah mengambil sikap damai terhadap mereka sejak mereka dipanggil untuk memikul tugas da'wah dan mengemukakannya kepada manusia. Musuh-musuh mereka tidak pernah menunjukkan sikap damai terhadap mereka di mana-mana waktu dan tempat. Oleh kerana itu langkah berjaga dan berkawal tetap diperlukan oleh jihad sehingga akhir zaman.

Da'wah ini mengemukakan kepada manusia satu sistem hidup yang realistik, satu sistem yang mengawal hati mereka dan mengatur urusan harta benda mereka di samping mengendalikan peraturan hidup dan kehidupan mereka. Ia adalah satu sistem yang baik, adil dan lurus, tetapi kejahatan tidak senang dengan sistem yang baik, adil dan lurus. Kebatilan tidak sukakan kebaikan, keadilan dan kelurusan, dan kezaliman tidak mahu menyerah kepada keadilan, persamaan dan kehormatan. Oleh sebab itulah da'wah ini ditentang oleh musuh-musuhnya yang terdiri dari pendokong-pendokong kejahatan, kebatilan dan kezaliman. Ia ditentang dan diperangi oleh petualang-petualang dan pengambil-pengambil kesempatan dan keuntungan yang tidak mahu berhenti dari kerja-kerja memerah dan melakukan eksploitasi. Ia ditentang dan diperangi oleh pemerintah-pemerintah yang zalim dan angkuh yang tidak mahu berhenti dari perbuatan-perbuatan yang zalim dan sikap-sikap yang angkuh. Ia ditentang dan diperangi oleh kelompok-kelompok yang bebas lepas dan runtuh akhlak yang tidak mahu berpisah dari keruntuhan akhlak dan kebebasan hawa nafsu. Oleh kerana itu seluruh golongan ini pasti dilawan dan dihadapi dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Kawalan-kawalan dan keadaan berjaga-jaga pastilah diadakan agar umat Muslimin tidak diserang secara mengejut oleh musuh-musuh tabi'i mereka yang tetap wujud di setiap bumi dan generasi.

Inilah tabi'at da'wah ini dan inilah jalan perjuangannya. Tujuannya bukannya mencerooboh tetapi untuk menegakkan sistem hidupnya yang baik dan sihat di bumi ini. Ia selama-lamanya akan menemui golongan manusia yang bencikan sistem hidup ini. Oleh sebab itulah da'wah pasti menghadapi perjuangan itu dengan segala bebannya dan ia pasti berkawal dan berjaga-jaga dan tidak lalai sedetik pun dan tidak tidur.

Bertaqwa ialah berdamping dengan taqwa dalam segala perjuangan itu, kerana taqwa merupakan pengawal yang hemat di dalam hati nurani. Ia menjaganya dari kelalaian dan kelemahan. Ia mengawalnya dari mencerooboh dan menyeleweng di sana sini.

Keperluan kepada pengawal yang hemat ini hanya disedari oleh mereka yang menghadapi kesulitan-kesulitan di jalan perjuangan ini, iaitu mereka yang menghayati perasaan-perasaan yang bertentangan yang semakin bertambah banyak di dalam berbagai-bagai keadaan dan waktu.

Itu nada terakhir dari surah ini yang mengandungi berbagai-bagai kumpulan nada dan nada inilah yang merupakan saripati dari seluruh nada-nada itu, juga merupakan saripati tugas yang diperintahkan oleh da'wah ini pada umumnya. Oleh sebab itulah Allah menghubungkan tugas-tugas ini dengan akibat perjalanan yang panjang dan dengan hasil kejayaan di bidang ini:

لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

"Supaya kamu beruntung." (200)

صدق الله العظيم